

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMELIHARAAN HUTAN DI NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila kemukakan statistik keluasan hutan yang telah dibuka untuk penempatan penduduk?
 - b) Sila huraikan apakah usaha pemeliharaan hutan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri?
 - c) Sila nyatakan apakah perancangan holistik bagi memastikan kelestarian khazanah hutan Negeri terus terpelihara demi generasi akan datang?

JAWAPAN:

- a) Tiada – kawasan hutan yang telah dibuka untuk tujuan penempatan penduduk.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) pada masa kini masih mengekalkan 70 buah Hutan Simpan di dalam Hutan Simpanan Kekal dan telah diwartakan di seluruh Negeri Selangor dengan jumlah keluasan lebih kurang 250,129 ha atau 31.54% daripada keluasan Negeri Selangor. JPNS juga telah berjaya mewartakan Taman Warisan Negeri Selangor seluas 93,001.84 ha dan beberapa Hutan Simpan mengikut kelas berdasarkan fungsi dan kesesuaian ciri-ciri atau persekitaran hutan simpan tersebut. Semenjak tahun 2014, kesemua HSK yang telah dibuat pewartaan keluar HSK perlu dibuat penggantian semula berdasarkan keluasan yang sama atau selepas dibuat penilaian harga tanah di sesuatu HSK tersebut.

Sejak pelancaran kempen penanaman 26 juta pokok menjelang tahun 2014 di seluruh negara yang bertemakan “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” oleh Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 22 April 2010 bersempena dengan sambutan Hari Bumi, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan komitmen tinggi dengan melaksanakan program penanaman pokok yang dimulakan di Hulu Selangor. Sehingga bulan September tahun 2015 sejumlah 893,263 pokok telah berjaya ditanam di bawah penyelarasan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama pelbagai jabatan, agensi, persatuan, swasta dan sebagainya.

Di dalam bidang penguatkuasaan, pada masa kini JPNS telah mengambil langkah proaktif di dalam menyelesaikan masalah pencerobohan rizab Hutan Simpanan Kekal di antaranya adalah seperti berikut:-

i- Rondaan Berkala

JPNS menjalankan rondaan di sepanjang sempadan di luar-luar Hutan Simpanan Kekal. Tumpuan diberikan terhadap kawasan-kawasan yang berhampiran dengan penempatan dan pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak swasta.

ii- Pemantauan Udara

JPNS juga menjalankan pemantauan udara untuk mengenalpasti secara menyeluruh kawasan-kawasan yang berkemungkinan berlaku pencerobohan hutan.

iii- Pemantauan melalui imej satelite

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPNSM) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan sistem yang dikenali sebagai '*Forest Monitoring Using Remote Sensing*' (FMRS). Dalam sistem ini, pemantauan kawasan '*hot-spot*' dan sebarang kes di dalam HSK akan dikesan melalui perubahan perbandingan imej satelite. Pemantauan ini dibuat diperingkat Unit Penguatkuasaan dan Pegawai-pegawai Hutan Daerah.

iv- Program Kesedaran

JPNS juga melaksanakan penerangan-penerangan dan penyebaran maklumat dengan memberi input mengenai elemen-elemen kesalahan hutan dan denda jika melakukan kesalahan di dalam HSK dari masa ke semasa mengikut program yang telah ditetapkan. Selain itu, JPNS juga turut menjadikan masyarakat yang tinggal di sekitar Hutan Simpanan Kekal sebagai mata-mata untuk melaporkan kegiatan pencerobohan hutan dan sebagainya demi menjaga hutan agar terus dapat dikekalkan contohnya dengan penubuhan Persatuan Pertubuhan Sahabat Hutan Paya Gambut Selangor Utara (SHGHU).

Selain dari langkah-langkah yang dijelaskan seperti di atas, JPNS juga turut mengambil langkah-langkah berikut untuk mengurangkan kejadian pencerobohan hutan.

a- Membina Penghadang/ 'boom-gate' pada jalan masuk ke kawasan-kawasan yang sensitif dan terdedah kepada pencerobohan. Ianya dipantau dari semasa ke semasa.

- b- Jabatan juga mengambil tindakan penguatkuasaan dengan memusnahkan tanaman-tanaman serta menjalankan program tanaman semula dengan pokok-pokok hutan menggunakan peruntukan tahun semasa. Bagi kawasan-kawasan yang baru dikesan, Jabatan mengeluarkan notis terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil.
- c) Kerajaan Negeri Selangor amat komited untuk mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sedia ada iaitu seluas 250,129 ha (31.54%) daripada 793,020 ha keluasan Negeri Selangor. Usaha ini akan dapat direalisasikan melalui “Moratorium 25 Tahun Pembalakan” di mana tiada aktiviti pengusahasilan hutan di dalam HSK di Negeri Selangor selama 25 tahun bermula daripada tahun 2010.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah meluluskan dan telah dimaklumkan mengenai beberapa dokumen perancangan pengurusan hutan mengikut jenis dan pengelasan hutan. Di antaranya rancangan pengurusan tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (ii) *Integrated Management For North Selangor Peat Swamp Forest* 2014 – 2023;
- (iii) Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2009 – 2019;
- (iv) Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (v) Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013 – 2022;
- (vi) Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara;
- (vii) Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor;
- (viii) Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2012 – 2015; dan
- (ix) Rancangan Tahunan Hutan.

Ke semua dokumen dan maklumat perancangan pengurusan hutan adalah berguna dan amat penting sebagai garis panduan dan perancangan di dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan khususnya di Negeri Selangor.

Selain itu, JPNS adalah merupakan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia yang pertama dapat mengekalkan *Zero CARs* (*Corrective Action Requests*) bagi tahun ketiga (3) berturut-turut (2012 – 2014) di dalam Audit Pensijilan *Malaysia Criteria and Indicators* (MC&I) (Hutan Asli) iaitu satu standard pematuhan pencapaian Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Manakala bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, JPNS juga telah mencapai *Zero CARs* bagi tiga (3) tahun berturut-turut (2012

– 2014) dan ini menjadi pemangkin bagi seluruh warga JPNS untuk mengulangi kejayaan yang sama bagi tahun 2015.

Di samping itu, kawalan dan penguatkuasaan hutan turut dijalankan secara berterusan oleh JPNS bagi memastikan HSK di Negeri Selangor ini tidak diceroboh oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan Negeri Selangor melalui JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK dan akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperketatkan permohonan pengambilan hutan simpan (revocation) atau pihak yang ingin mengeluarkan hutan simpan diminta terlebih dahulu menyediakan kawasan hutan simpan untuk dijadikan gantian selain perlu melalui proses "*Public Inquiry*" bagi tujuan mendapatkan maklumbalas daripada masyarakat awam. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga berusaha menambah keluasan hutan simpan dengan membuat pengambilan tanah-tanah kosong untuk dijadikan kawasan Hutan Simpanan Kekal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Setakat ini, berapakah jumlah keseluruhan peserta di Selangor?
- b) Apakah ukuran yang digunakan untuk menilai kejayaan peserta dan berapa ramai yang menepati ukuran tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bermula 26 Mac 2015, sehingga **Oktober 2015** Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan peserta telah diterima daripada setiap DUN (56 DUN) dan sehingga kini Hijrah Selangor telah meluluskan pinjaman kepada seramai 11,378 orang peserta dengan jumlah RM sebanyak RM59,363,000.00

CAWANGAN (PARLIMEN)	BIL PESERTA	RM
CAWANGAN KAPAR	586	2,626,000
CAWANGAN KLANG	302	1,276,000
CAWANGAN KOTA RAJA	517	1,976,000
CAWANGAN KUALA SELANGOR	724	3,381,000
CAWANGAN SABAK BERNAM	717	3,692,000
CAWANGAN SHAH ALAM	302	1,379,000
CAWANGAN SUNGAI BESAR	994	4,988,000
CAWANGAN TANJUNG KARANG	647	3,106,000
JUMLAH ZON	4,789	22,424,000
CAWANGAN AMPANG	233	1,374,000
CAWANGAN HULU LANGAT	636	3,843,000
CAWANGAN KUALA LANGAT	662	4,538,000
CAWANGAN PANDAN	279	1,558,000
CAWANGAN PUCHONG	249	935,000
CAWANGAN SEPANG	798	5,098,000
CAWANGAN SERDANG	403	2,349,000
JUMLAH ZON	3,260	19,695,000
CAWANGAN GOMBAK	235	915,000
CAWANGAN HULU SELANGOR	870	5,153,000
CAWANGAN KELANA JAYA	256	1,019,000
CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	296	1,454,000

CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	206	835,000
CAWANGAN SELAYANG	537	2,478,000
CAWANGAN SUBANG	929	5,390,000
JUMLAH ZON	3,329	17,244,000
HIJRAH SELANGOR	11,378	59,363,000

b) Kejayaan Program Hijrah Selangor akan diukur melalui perkara-perkara berikut

i) Sasaran Peserta

Program Hijrah Selangor mensasarkan pemberian dana tambahan kepada seramai 56000 orang peserta dengan setiap DUN 1000 orang peserta menjelang Mac 2017. Dalam tempoh 8 bulan kewujudan Program Hijrah Selangor, seramai 11,378 peserta dengan pengeluaran jumlah pinjaman sebanyak RM59,363,000.00

ii) Kadar Bayaran Balik

Pihak Hijrah Selangor mensasarkan kadar bayaran balik pinjaman minima 95% ke atas. Prestasi bayaran balik Program Hijrah Selangor kini adalah 99.%.

iii) Peningkatan Pendapatan Kasar Peserta Sebanyak Sekali Ganda

Program HIJRAH SELANGOR mensasarkan peningkatan pendapatan kasar peserta sebanyak sekali ganda selepas 2 kali pinjaman diselesaikan. Sehingga kini, majoriti peserta Hijrah Selangor baru membuat pinjaman kali pertama. Buat masa ini, tidak sesuai untuk menjalankan kajian impak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah peranan Syarikat Hebat Abadi di dalam pengurusan sampah?
 - b) Berapakah kontrak pengurusan sampah yang telah dimenterai oleh Syarikat Hebat Abadi?
 - c) Senaraikan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mementerai kontrak pengurusan sampah dengan Syarikat Hebat Abadi?

JAWAPAN:

- a) Hebat Abadi Sdn Bhd (HASB) adalah anak syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad, milik Kerajaan Negeri Selangor, bertanggungjawab ke atas pengurusan mengutip sisa pepejal dan pembersihan awam.

Pada masa ini, Hebat Abadi Sdn Bhd menguruskan kerja mengutip sisa pepejal dan pembersihan awam di Kuala Lumpur dan syarikat persendirian serta beberapa kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.

Bermula dari bulan Jun 2015, HASB juga telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja "back-up" kutipan sisa pepejal bagi menggantikan kontraktor lama yang gagal di lima kawasan PBT di Negeri Selangor.

Selain dari itu, HASB juga mengeluarkan tong sampah MGB120L sendiri.

- b) dan c)

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Kontrak	
		Kutipan	"Back-up"
1	MBSA	3	5
2	MDKS	1	-
3	MPKj	-	1
4	MPAJ	-	2
5	MBPJ	-	1
6	MPK	-	4
JUMLAH		4	13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : ANAK MUDA DALAM POLITIK

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah dasar Kerajaan terhadap penglibatan anak muda dalam politik?
 - b) Apakah program yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menanam kepada mereka kefahaman dan prinsip demokrasi tulen?
 - c) Apakah agensi dan siapakah anggota-anggota pasukan yang melaksanakan program ini?

JAWAPAN:

- a) Di dalam Dasar Belia Selangor telah dinyatakan bahawa aspek kepimpinan dan organisasi adalah salah satu daripada 10 bidang keutamaan di dalam pembangunan generasi muda di Selangor. Penglibatan anak muda di dalam politik adalah baik dan digalakkan sebagai salah satu daripada usaha untuk memupuk sifat kepimpinan dan kebertanggungjawaban.
- b) Program Adun Muda merupakan satu program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menanam kefahaman dan prinsip demokrasi. Para peserta program ini dapat mempelajari secara langsung bagaimana Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor berfungsi dan kepentingan sistem ini dalam menjamin prinsip demokrasi tulen terlaksana.
- c) Program ini dijalankan dengan kerjasama antara Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : INSENTIF KEPADA PELABUR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan insentif-insentif yang diberikan untuk menarik minat pelabur masuk ke Selangor?
 - b) Apakah kaedah lain untuk menarik pelabur masuk selain memberi insentif tersebut?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau galakan berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Insentif – insentif berbentuk kewangan yang diberikan kepada pelabur ketika ini adalah insentif yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Antara insentif utama yang ditawarkan adalah **Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan**.

- b) Walaupun secara dasarnya tiada insentif atau galakan berbentuk kewangan yang ditawarkan, namun pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KURSUS TESL UNISEL

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah kursus TESL Unisel masih diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan?
 - b) Terangkan prospek kerjaya graduan TESL Unisel, termasuk sama ada graduannya juga diterima di luar negara?

JAWAPAN:

- a) Program **Teaching of English as a Second Language (TESL)** di Unisel di peringkat Diploma dan Sarjana Muda Pendidikan (Hons) TESL masih diiktiraf oleh kerajaan persekutuan oleh kerana ianya masih mendapat perakuan akreditasi dari MQA (sila lihat Lampiran 23 Mac 2015 dari MQA Yang mengekalkan perakuan akreditasi). Kedua-dua program ini merupakan program yang digemari oleh pelajar selain dari Pendidikan Awal Kanak-kanak.
- b) Statistik ini berdasarkan rekod dari pensyarah program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda TESL. Prestasi pelajar Program ini amatlah tinggi berdasarkan pujian dari guru besar dan guru lain dari sekolah-sekolah kerajaan semasa mereka menjalankan practikum.

Dari tahun 2007 – 2014, berikut adalah kerjaya graduan TESL di:

Bil	Kerjaya	Tempat	Jumlah
1	Pensyarah universiti	(termasuk seorang di universiti di Singapore dan yang lain di UPM, UiTM, Unisel, UNITAR, UTAR)	> 40 orang
2	Pensyarah	I di Institut Kemahiran, Politeknik, Institut Latihan Industri, MRSM, Kolej Komuniti dan kolej2 Swasta	>60%
4	Guru sekolah Menengah dan Rendah	Kementerian Pendidikan	>300
5.	Guru sekolah Swasta Antarabangsa	(Tenby international school, Fairview, Greenview etc. Mereka lebih suka berkerja di sekolah Swasta berbanding dengan sekolah kerajaan)	Ramai
6.	Guru Bahasa	ELC, British Counsel	Ramai
7.	Sedang melanjutkan pelajaran di United Kingdom selepas tamat di UNISEL		7 orang
8	Ramai telah tamat ijazah Sarjana dari UM dan ramai universiti tempatan lain seperti UKM, UPM, UPSI, UiTM dan lain lagi.		ramai
9	Sedang buat PhD di UK		>2 orang
10.	Pegawai PTD		>3 orang
11.	Tentera laut		5 orang
12	Kastam diRaja Malaysia		>3 orang
13.	Bank tempatan		>4 orang
14.	Perniagaan		

	sendiri		
15.	Buka Pusat Tiusyen/Tadika		5 orang
16.	Award Tun Mahathir		4 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah keluasan tanah rezab Melayu di Selangor yang berjaya dibangunkan untuk tempoh 2013-2015?
 - b) Apakah jenis pembangunan tanah yang telah dilaksanakan?
 - c) Apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membangunkan kawasan penempatan kampong tradisi yang baharu?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang telah dibangunkan bagi tempoh 2013-2015 adalah seluas **366.450 ekar**.
- b) Kebanyakan pembangunan yang dijalankan di atas Tanah Rizab Melayu (TRM) tersebut adalah pembangunan kediaman.
- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan bilangan rumah Selangorku yang telah mula dibina mengikut kategori dan kawasan sehingga Jun 2015.
 - b) Apakah kemudahan kewangan lain untuk pemohon yang tidak layak mendapat kemudahan kewangan bank?
 - c) Apakah pecahan kaum pemohon dan kelulusan/ditolak untuk RMM Selangorku sehingga Jun 2015?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya sebanyak 4,872 unit bilangan projek Rumah Selangorku yang telah mula dibina sejak tahun 2014 sehingga Jun 2015. Perincian adalah seperti yang berikut:-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)
2.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)
3.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)
4.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)
5.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)

6.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)
7.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	239 (Jenis B)
8.	MPKj	Luxhome Property Sdn. Bhd.	Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	144 (Jenis C)
9.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)
10.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
11.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)
12.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	321 (Jenis A) 240 (Jenis C) 160 (Jenis C) 320

				(Jenis D)
13.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)
JUMLAH				4,872 unit

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pemohon yang tidak layak mendapat pinjaman daripada pihak bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) bagi tujuan pembelian Rumah Selangorku Jenis A.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, bermula daripada Januari hingga Jun 2015 jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah ditawarkan adalah sebanyak 3,364 orang pemohon yang terdiri daripada 2,630 kaum Melayu, 379 kaum Cina, 340 kaum India dan 15 orang pemohon daripada lain-lain kaum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PROJEK MENAIKTARAF JALAN BANTING KE JUGRA B58

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah kos sebenar keseluruhan projek?
 - b) Berapa kalikah lanjutan tempoh yang diberikan kepada kontraktor?
 - c) Bilakah projek ini akan disiapkan sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Kos semasa keseluruhan projek adalah RM34.5 juta.
- b) Sebanyak tiga (3) tempoh lanjutan masa (EOT) yang telah diberikan kepada kontraktor.
- c) Dijangka siap pada 2 Disember 2015 berdasarkan kepada kelulusan EOT No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KOMPLEKS BELIA DAN KEBUDAYAAN SELANGOR (KBKS)

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini KBKS?
- b) Nyatakan jumlah perolehan pendapatan KBKS kepada kerajaan negeri?
- c) Senaraikan penyewa terkini KBKS dan tempoh kontrak?

JAWAPAN:

- a) Berkuat kuasa pada Disember tahun 2011 pengurusan MSN Holdings Sdn. Bhd. atau MSN Holdings yang sekarang namanya Darul Ehsan Fasaliti Management Sdn. Bhd. telah mengambil alih pengurusan Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor bagi tujuan pengambilalihan pengurusan yang sebelum ini di bawah pengurusan KBKS sendiri memandangkan prestasi kewangan KBKS pada ketika itu terpaksa menanggung dan juga berdepan terpaksa berharap kepada geran tahunan yang perlu disampaikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Justeru di bawah KBKS, MSN Holdings kita telah menguruskan dan memperbaiki beberapa kelemahan-kelemahan utamanya terutamanya untuk memaksimumkan penggunaan Dewan Raja Muda Musa serta menaik taraf beberapa kemudahan-kemudahan lain seperti surau, CCTV, dewan dan juga ruang pejabat untuk digunakan dengan semaksimum mungkin dilaksanakan pelbagai program yang sekarang Dewan Raja Muda Musa merupakan satu menu pilihan utama di Shah Alam terutamanya bagi majlis-majlis perkahwinan, peperiksaan yang dianjurkan oleh UiTM dan juga program-program lain yang dianjurkan di sekitar Shah Alam.

- b) Secara asasnya semenjak 2002 sehingga tahun 2011 kerajaan terpaksa membelanjakan di antara RM250,000 sehingga RM1.1 juta mengikut tahun ya. Misalnya tahun 2002 kerajaan berbelanja RM1.1 juta, tahun 2008 kerajaan terpaksa berbelanja RM600,000.00, tahun 2011 kerajaan terpaksa memberikan geran RM250,000.00 untuk memastikan pengurusan KBKS dapat berjalan dengan baik. Justeru selepas daripada tahun 2011 bila dikawal selia oleh MNH Holdings salah satu sumbangan kita ialah kita telah menguruskan sendiri KBKS tanpa mendapatkan apa-apa dana atau geran daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi kalau ditanya sumbangan secara langsung dalam bentuk wang ringgit sehingga tahun 2013 sumbangan kita ialah menanggung bebanan *maintenance* ataupun penyelenggaraan Kelab Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di Seksyen 7 yang mungkin berjumlah di antara RM250,000.00 sehingga RM1.1 juta berdasarkan rekod yang lain. Namun begitu pada tahun 2013 dan 2014 pihak MSN Holdings berdasarkan daripada keuntungan dan juga hasil yang dipungut daripada pengurusan Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor kita telah berjaya menyumbangkan RM5,616.00 pada tahun 2013 dan, pada tahun 2014 untuk Tabung Warisan Anak Selangor bagi program-program merakyatkan Negeri Selangor.
- c) Saya senaraikan 4 penyewa yang ada di bawah untuk menyewa di Kompleks Belia itu iaitu yang pertamanya Segi Seri Sdn. Bhd. yang akan berakhir pada 31 Disember 2018, De Sore Catering And Cafe Catering yang akan tamat pada hujung tahun ini, Walnest Forerety Sdn. Bhd. yang akan tamat pada hujung bulan satu 2018 dan juga Resort Fitness Sdn. Bhd. yang akan tamat pada akhir bulan Tiga 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pemeriksaan berskala terhadap Wifi Selangorku dilakukan? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan jumlah lokasi Wifi Selangorku yang kelajuannya adalah kurang daripada 1Mbps mengikut Daerah.
- c) Adakah pembekal baru Wifi Selangorku membuka Facebook, Twitter dan emel pegawai bagi orang awam membuat aduan?

JAWAPAN:

- a) Ya, pemeriksaan berkala terhadap Wifi Selangorku akan di lakukan dari semasa ke semasa. Pemantauan akan di lakukan oleh Kerajaan Negeri dan juga pihak pembekal melalui sistem secara talian ("*online*") yang boleh mengetahui sama ada wifi hotspot bagi sesuatu kawasan tersebut berfungsi atau tidak.
- b) Tiada lokasi Wifi Selangor yang kelajuannya kurang dari 1Mbps kerana minimum kelajuan Wifi Selangorku adalah sebanyak 8Mbps.
- c) Laman sosial *Facebook*, *Twitter* dan *email* termasuk laman web rasmi Wifi Selangorku masih dalam proses perlaksanaan untuk orang awam membuat aduan namun orang ramai sudah boleh membuat aduan melalui talian telefon Hotline Wifi Selangorku 1-800-3494 atau email help@tm.com.my jika di dapati sebarang masalah yang berkaitan dengan Wifi Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : SEMAKAN HARGA RUMAH BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kali terakhir kerajaan Negeri melakukan semak harga pembinaan rumah tersebut?
- b) Apakah tindakan kerajaan terhadap kontraktor-kontraktor di Daerah Petaling yang enggan menyertai projek pembinaan rumah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan peka akan keperluan yang disuarakan oleh rakyat Negeri Selangor dalam memiliki kediaman yang selesa dan selamat. Pada masa ini, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan bantuan rumah kepada rakyat Selangor dengan jumlah sebanyak RM35,000.00 bagi bina baru sebuah rumah 3 bilik, RM32,000.00 bagi bina baru rumah 2 bilik dan baikpulih rumah yang tidak melebihi daripada RM20,000.00 bagi sesebuah rumah. Kali terakhir had siling ini dikaji dan dinaikkan adalah pada tahun 2010 di mana siling sebelum itu adalah RM30,000.00 bagi bina baru 3 bilik dan RM28,000.00 bagi bina baru 2 bilik berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dengan mengambil kira justifikasi – justifikasi yang kukuh daripada pelbagai agensi yang terlibat sebagai cadangan kenaikan.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil maklum akan isu ini dan cuba menyelesaikan permasalahan ini dengan merujuk kepada Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) terhadap dasar penilaian perolehan secara sistem *Cut-Off*. Berdasarkan permasalahan tersebut, Perbendaharaan Negeri telah memberi kebenaran khas seperti berikut:
 - i. Agensi Pelaksana dibenarkan melaksanakan perolehan kerja bagi membina baharu Rumah Kerajaan Prihatin secara sebut harga terhad dengan mempelawa sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang telah dibuat penilaian daripada segi teknikal dan kewangan serta mempunyai rekod pengalaman kerja yang baik untuk mengemukakan harga masing – masing. Mana-mana kontraktor yang didapati

berkelayakan boleh diperaku oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi untuk kerja tersebut;

- ii. Pelaksanaan sebut harga terhad tersebut boleh dibuat bagi maksimum sepuluh (10) buah Rumah Kerajaan Prihatin secara gabungan pelaksanaannya (tidak perlu di pelawa/diurus secara berasingan) tertakluk kepada penilaian jabatan terhadap kapasiti pihak kontraktor dan tempoh penyiapan yang disasarkan untuk pembinaan rumah tersebut.
- iii. Senarai nama lima (5) kontraktor yang dipelawa untuk memasuki sebut harga terhad tersebut hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor untuk tujuan rekod pada masa yang sama pelawaan dibuka.

Daripada penjelasan tersebut, jika kontraktor tempatan masih enggan menyertai projek pembinaan rumah, maka tender tersebut akan dibuka kepada kontraktor dari daerah bersebelahan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri senantiasa mengalu – alukan cadangan, pandangan dan justifikasi daripada semua Pejabat Daerah di Negeri Selangor berhubung isu keengganan kontraktor menyertai projek pembinaan rumah Kerajaan Prihatin supaya langkah – langkah penambahbaikan dan penstrukturan semula dapat dilaksanakan dan dimanfaatkan oleh semua pihak dan agensi terlibat khususnya dalam menjaga kebajikan rakyat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM PENINGKATAN PENGHAYATAN ISLAM DALAM
PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program yang telah dan akan dijalankan untuk meningkatkan Penghayatan Islam dalam pentadbiran Negeri Selangor?
- b) Apakah program untuk meningkatkan Penghayatan Islam untuk kakitangan Kerajaan Negeri Selangor
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan ?

JAWAPAN:

- a) Program-program yang telah dijalankan untuk meningkatkan penghayatan Islam dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ialah:
 - Program Pengukuhan Perkhidmatan Awam
 - Wacana Minda
 - Wacana Khilafiah
 - Diskusi Wanita
 - Program Membudayakan Ilmu

JAIS akan memperkasakan program-program ini supaya dapat dilaksanakan ke seluruh Negeri Selangor bagi meningkatkan Penghayatan Islam dalam pentadbiran Negeri Selangor.
- b) JAIS telah mengambil beberapa pendekatan untuk meningkatkan Penghayatan Islam untuk kakitangan Kerajaan Negeri Selangor. Antara pendekatan ialah dengan melaksanakan seminar bengkel, khursus dan latihan iaitu program Wacana Minda, Seminar Pengukuhan Perkhidmatan Awam, Seminar Pemantapan Akidah dan Wacana Ilmu Penjelasan Khilafiah dalam Ibadah. Di samping itu mengedarkan risalah dan pamflet ke agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan Islam serta penyampaian Ilmu melalui khutbah Jumaat.
- c) Jumlah peruntukan yang disediakan sebanyak RM 89,200.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBATALAN LEBUHRAYA KIDEX

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri meyakinkan rakyat untuk menyelesaikan kesesakan trafik di Lembah Klang selepas pembatalan KIDEX?
- b) Adakah kerajaan negeri menerima memorandum untuk meneruskan pembinaan KIDEX?
- c) Apakah isi kandungan memorandum tersebut dan penyelesaiannya?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Y.B. Permatang ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyuraikan sistem trafik di Lembah Klang di Negeri Selangor setelah pembatalan projek Lebuh Raya KIDEX. Kita harus menerima hakikat bahawa tekanan pembangunan yang begitu pesat di Negeri Selangor telah melebihi daripada kemampuan kapasiti sistem pengangkutan yang sedia ada dan pendirian Kerajaan Negeri ialah pembinaan Lebuh Raya bukannya satu penyelesaian mutlak untuk meleraikan trafik yang semakin sesak di Negeri Selangor. Sebab itu pembentangan Belanjawan Tahun 2016 Kerajaan Negeri telah pun mengemukakan cadangan supaya kita beranjak kepada sistem pengangkutan awam yang sepadu berkapasiti tinggi dan lestari untuk diselaraskan termasuk penggunaan tanah yang optima. Kerana pembinaan Lebuh Raya ini seperti yang saya nyatakan berulang kali ia beralih kepada mengalihkan mesin tidak mengalihkan rakyat. Sebab itu kita juga telah menetapkan dalam membina pelan struktur sistem pengangkutan awam ini kita harus mengambil kira pandangan ramai dan juga keperluan pertumbuhan baru. Hari ini Kerajaan Negeri mahu Kerajaan Persekutuan menerima pakai Seksyen 20A di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Di mana dalam Seksyen 20A ini Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab bersama untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor apa-apa aktiviti-aktiviti kemajuan yang ia bercadang untuk dijalankan di dalam negeri ini. Pada ketika ini kita sedang berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk melihat semula sasaran yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) iaitu menggunakan kenderaan persendirian berbanding nisbah pengangkutan

awam iaitu mereka menggunakan 40, 60 pengangkutan awam dan 40 pengangkutan persendirian, 60 awam. Kalau unjuran ini dikekalkan apa yang berlaku ialah ia memberi ruang untuk lebih banyak lebuhraya dan itu tidak menyelesaikan masalah. Sekarang Kerajaan Negeri sedang menyiapkan satu kajian pelan induk pengangkutan awam yang akan disiapkan pada hujung tahun ini. Dan saya percaya dengan pelan induk pengangkutan awam yang sedang disiapkan oleh Kerajaan Negeri ini kita dapat membina satu sistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu dan berkapasiti tinggi. Di antara perkembangan yang terbaru untuk makluman Yang Berhormat ialah perbincangan yang agak aktif dengan Prasarana Malaysia untuk pembangunan Projek LRT3 yang saya umumkan baru-baru ini di mana sekiranya projek ini siap pada tahun 2020 ini nanti ia dapat menampung kapasiti 70,000 penumpang sehari untuk perjalanan daripada Bandar Utama ke Johan Setia sejauh 36km.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembangunan 3 pusat kebudayaan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah peruntukan kewangan disediakan untuk tujuan ini?
- c) Agensi kerajaan manakah yang bertanggungjawab untuk membina dan mentadbir pusat-pusat ini?

JAWAPAN:

- a) Semenjak sidang Dewan yang lalu, Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha yang proaktif dalam usaha mengenal pasti permasalahan dan langkah yang perlu diambil bagi memastikan hasrat mewujudkan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini menjadi kenyataan.

Hasil kerjasama yang telah diberikan daripada semua pihak, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pusat Kebudayaan Negeri pada 15 Julai 2015 yang lalu yang akan dipengerusikan bersama oleh Y.B Tuan Amirudin Bin Shari yang mewakili Pusat Kebudayaan Melayu, Y.B Dato' Teng Chang Khim yang mewakili Pusat Kebudayaan Cina dan Y.B Tuan Ganabatirau Veraman yang mewakili Pusat Kebudayaan India.

Jawatankuasa Pemandu ini terdiri daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK), Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Parit dan Saliran Negeri Selangor (JPS) manakala Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bertindak selaku Urus setia.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti tanah-tanah yang terlibat dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Klang di mana pada masa yang sama terdapat beberapa perkara berkaitan perundangan, pemilikan dan pembangunan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu memandangkan lokasi tanah-tanah yang telah dikenal pasti terletak di kawasan pembangunan dan kediaman sedia ada.

Bagi memastikan perancangan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini mengikut perancangan asal seperti yang telah dirancang terdahulu, Kerajaan Negeri juga sedang mengumpulkan semula *blueprint* pelan pembangunan asal daripada pihak yang terlibat. Pada masa yang sama, *blueprint* sedia ada ini akan menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri untuk menghasilkan satu (1) pelan tindakan pembangunan yang komprehensif sebelum pembinaan Pusat Kebudayaan Melayu Cina dan India ini dapat dimulakan. Memandangkan kos pembangunan yang begitu besar, Kerajaan Negeri harus meneliti perkara-perkara teknikal supaya perancangan dan pemajuan ini dapat berjalan lancar dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan *stakeholders* yang berkenaan.

- b) Kerajaan Negeri pada masa ini masih lagi belum membuat keputusan atau menetapkan jumlah peruntukan kewangan yang akan diperuntukkan bagi tujuan membangunkan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India memandangkan perkara ini masih di peringkat penyediaan dasar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menjangkakan kos keseluruhan pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini akan menelan belanja sebanyak RM300 juta sehingga ia siap sepenuhnya.

- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum mengenal pasti agensi Kerajaan yang akan bertanggungjawab dalam membina dan mentadbir pusat-pusat kebudayaan ini memandangkan perancangan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini masih lagi di peringkat penyediaan dasar. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bertindak selaku Urus setia dan seterusnya akan memikul tanggungjawab tersebut sehingga diputuskan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : ANAK YATIM

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah anak yatim yang telah berdaftar di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah inisiatif yang telah diberikan serta apakah prosedur rumah anak-anak yatim ini didaftarkan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Kesihatan, Wanita dan Pembangunan Keluarga dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap nasib anak-anak yatim yang memerlukan penjagaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod pendaftaran pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, sehingga Oktober 2015, sebanyak 70 buah pusat jagaan kanak-kanak berkediaman telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Statistik pendaftaran pusat jagaan kanak-kanak berkediaman mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERKEDIAMAN
PETALING	26
HULU LANGAT	15
GOMBAK	10
KLANG	9
HULU SELANGOR	4
KUALA SELANGOR	2
SEPANG	2
KUALA LANGAT	1

SABAK BERNAM	1
JUMLAH	70

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengendali rumah Pusat Jagaan Kanak-kanak Berkediaman adalah terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. Antara insentif-insentif yang boleh diberikan kepada pengendali ini adalah seperti berikut:-
- a. Boleh dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Geran Tahunan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi rumah anak yatim yang dikendalikan oleh NGO berdaftar dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Jabatan iaitu
 - i. Geran Rangsum (RM8 bagi Pusat Jagaan Berkediaman)
 - ii. Geran Pentadbiran yang dibayar kepada sukarelawan yang membantu di rumah kebajikan iaitu maksimum RM900 seorang.
 - iii. Geran Pentadbiran mengikut kadar yang bersesuaian yang meliputi sewaan premis, bil utiliti, program latihan dan program komuniti untuk komuniti (K4K).
 - iv. Geran Pembaikan maksimum RM100,000 untuk membaik pulih premis yang menjejaskan keselamatan penghuni.
 - b. Pelepasan Cukai Pendapatan LHDN kepada penderma-penderma yang menyumbang kepada rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh pertubuhan sukarela kebajikan bagi Pusat Jagaan yang telah mendapat perakuan pengecualian cukai oleh LHDN.
 - c. Bagi rumah anak-anak yatim beragama Islam, pengendali juga boleh memohon bantuan geran daripada Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, prosedur permohonan pendaftaran Pusat Jagaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 adalah seperti berikut:

1. Permohonan pendaftaran dibuat melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berkenaan;
2. Borang permohonan pendaftaran pusat jagaan boleh diperolehi secara percuma di mana-mana PKMD yang berhampiran;

3. Permohonan pendaftaran pusat jagaan yang lengkap akan diproses dalam tempoh 14 hari berkerja;
4. Sijil Perakuan Pendaftaran pusat jagaan dikeluarkan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri berkenaan;
5. Bayaran pendaftaran dikenakan sebanyak RM50.00 untuk 5 tahun.

Setiap permohonan mestilah mematuhi syarat-syarat penubuhan pusat jagaan seperti berikut:

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS);
2. Mendapat sokongan atau kelulusan daripada agensi teknikal iaitu:
 - a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - b. Jabatan Bomba dan Penyelamat;
 - c. Jabatan Kesihatan
3. Memenuhi standard minimum JKM iaitu:-
 - a. Nisbah penjaga dengan penghuni :
 - Kanak-kanak / Remaja
 - Di bawah 4 tahun = 1 : 5
 - 4 hingga 10 tahun = 1 : 18
 - 10 tahun ke atas = 1 : 18

 - Orang Kurang Upaya (OKU)
 - OKU = 1 : 10
 - OKU teruk / terlantar = 1 : 4

 - Warga emas
 - Warga emas = 1 : 18
 - Warga emas berpenyakit / terlantar = 1 : 4
 - b. Penjaga warganegara atau bukan mestilah berumur 18 tahun ke atas;
 - c. Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu :
 - i. Kanak-kanak berumur di bawah 10 tahun dan OKU ialah 3.5 meter persegi;
 - ii. Remaja dan warga emas adalah 3.0 meter persegi;

- d. Menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti mengikut peringkat umur dan keperluan penghuni;
- e. Pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan penghuni;
- f. Menyedia dan menyelenggara rekod-rekod di pusat jagaan; dan
- g. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis Pusat jagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : FRUIT VALLEY DI KUALA SELANGOR

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan ini terbiar. Apakah rancangan yang diambil untuk memulih Dane membangunkan kawasan Fruit Valley?

JAWAPAN:

- a) Kawasan *Fruit Valley* tidak terbiar. PKPS telah mengambil langkah “rehabilitation” di Ladang Selangor Fruit Valley (SFV) dan mengambil masa 1½ tahun untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Memandangkan langkah tersebut telah dimulakan pada penghujung tahun 2014, hasilnya boleh dilihat pada tahun ini dan sepenuhnya dalam pertengahan tahun 2016.

Pada masa kini, terdapat beberapa tanaman buah-buahan yang telah mengeluarkan hasil di Ladang SFV. Di antara tanaman buah-buahan yang telah mengeluarkan hasil adalah seperti jambu batu, belimbing, kelapa pandan, rambutan, pulasan, nangka, tembikai dan limau kasturi.

Keluasan keseluruhan SFV adalah sebanyak 933 hektar. Berikut dinyatakan pecahan kawasan yang terdapat di SFV :-

BIL	KAWASAN	KELUASAN (HEKTAR)
1	Kawasan yang diusahakan sendiri oleh PKPS	156
2	Program Pembangunan Usahawan Tani	382
3	Tanaman Getah (Bestari Jaya)	300
4	Pejabat & Bangunan	24
5	Kolam / Kawasan Tidak Ditanam / Jalan/Dan lain-lain	71
	JUMLAH	933

Pengurusan SFV telah membuat beberapa rancangan pemulihan dan pembangunan SFV. Berikut dinyatakan beberapa kaedah yang telah dan sedang dilakukan :-

- i) Baik Pulih Kesuburan Tanah
- ii) Penggunaan baja dan kimia perosak tumbuhan yang bersesuaian
- iii) Memperkemaskan lagi sistem pengairan di kawasan berteres dan lain-lain
- iv) Menaik taraf jalan pertanian
- v) Tanaman sulam
- vi) Tanaman baru di atas tanah kosong
- vii) Program Latihan
- viii) Mengadakan Tanaman Rempah Ratus dan Herba (Herbs & Spice Garden)
- x) Agrotourism pertengahan kedua tahun 2016

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KAJIAN KENAIKAN ELAUN GURU KAFA

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hasil penelitian Kerajaan Negeri terhadap kajian kenaikan elaun guru KAFA?
- b) Bilakah hasil kajian kenaikan elaun guru KAFA akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor secara dasarnya bersetuju untuk menaikkan elaun guru KAFA daripada RM 1,300 kepada RM 1,500 sebulan.
- b) 1 Januari 2016

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH KEPADA TEMPAT IBADAT SELAIN ISLAM

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tanah yang telah diberikan untuk kegunaan tempat ibadat selain Islam sejak tahun 2008 dan senaraikannya.
- b) Nyatakan perancangan kerajaan bagi peruntukan tanah kegunaan tempat ibadat selain Islam pada masa hadapan dengan lebih adil dan terancang.

JAWAPAN:

- a) Jumlah tanah yang telah diberikan untuk kegunaan tempat ibadat selain Islam sejak tahun 2008 adalah sebanyak 196 tapak seperti di jadual dibawah :

TAHUN	BILANGAN TAPAK
2008	43
2009	24
2010	22
2011	25
2012	16
2013	31
2014	20
2015	15
JUMLAH	196

Bilangan ini adalah berdasarkan permohonan yang telah diterima daripada pihak Pejabat Tanah dan Daerah seterusnya di sokong di dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam dan diluluskan oleh MMKN. Senarai tapak yang diberikan adalah seperti yang terdapat di lampiran A.

- b) Kerajaan Negeri merujuk **MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI SELANGOR** yang dikeluarkan oleh pihak JPBD Negeri Selangor sebagai panduan perancangan penyediaan kemudahan keagamaan tempat ibadat Islam dan selain Islam. Garis panduan tersebut menetapkan piawaian yang tertentu bagi kemudahan keagamaan seperti Masjid, Surau dan Tempat Ibadat Selain Islam seperti jadual di bawah:

Rumah Ibadat	Keluasan	Tadahan penduduk
Masjid	2.5 ekar (minimum)	20,000 orang
Surau	0.5 ekar (minimum)	2,500 orang
Tokong	Tidak melebihi 0.5 hektar	5,000 orang / 2,600 penganut
Kuil		
Gereja		
Lain-lain		

MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI SELANGOR telah menjadi panduan dan digunakan oleh semua PBT dan Pejabat Tanah Dan Daerah di Negeri Selangor dalam memberi pertimbangan dalam setiap permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan.

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

LAMPIRAN A

TAHUN : 2008

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Pejabat Tanah Daerah Dan Galian					
1	Bil. 3/2008	Persatuan Penganut Agama Buddha	Di Bawah Seksyen 124 (1)(a) dan (c) Kanun Tanah Negara Di Atas Hakmilik HS(M) 3638 PT 42 Mukim Sungai Pelek, Daerah Sepang.	Sepang	509 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling					
2	Bil. 1/2008	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri	Pekan Desa Puchong, Daaerah Petaling.	Petaling	20,000 kaki persegi
3	Bil. 1/2008	Kuil Sri Maha Kaliannan	Jalan Raya 3, Taman Sri Serdang, Seri Kembangan, Daaerah Petaling.	Petaling	16,424 kaki persegi.
4	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewi Sri Thurkai Amman	Jalan Medan 6, Taman Medan, Bandar Petaling Jaya Selatan Daerah Petaling.	Petaling	926.7 meter persegi.
5	Bil. 1/2008	Persatuan Pembinaan Rumah Berhala Huat Heap	Lot 43, Jalan SS 26/15 Taman Mayang Jaya Daerah Petaling.	Petaling	10,000 kaki persegi.
6	Bil. 1/2008	Persatuan Dharma Thrangu Petaling Jaya	Mutiara Damansara, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling .	Petaling	15,000 kaki persegi
7	Bil. 1/2008	Praise Emmanuel Assembly	Jalan PJS 8/9 Bandar Sunway, Bandar Petaling.	Petaling	10,000 kaki persegi
8	Bil. 1/2008	Tetuan Registered Trustees Of The Assemblies Of God Of Malaysia	Lot 3, Jalan 9/4, Taman Puncak Jalil, Mukim Dan Daerah Petaling .	Petaling	10,000 kaki persegi.
9	Bil. 2/2008	Kuil Sri Kalikambal Kamadeswarar, Ladang Ebor, Batu Tiga, Shah Alam	PT 20292 (Lot Asal 54433) Batu Tiga Hicom, Mukim Damansara.	Petaling	1,398 ekar (5657.5 meter persegi).
10	Bil. 3/2008	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	PT 4, Seksyen 10, Bandar Petaling Jaya.	Petaling	68,653.39 kaki persegi (6,377.9 meter persegi).

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

11	Bil. 3/2008	Persatuan Penganut Sri Maha Siva Sakti Alayam	Taman Desa Ria Petaling Jaya Selatan, Daerah Petaling.	Petaling	
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang					
12	Bil. 1/2008	Anandakrishna a/l Sithamberam Pillay Dan Rakan-Rakan	Hakmilik GM 2815 Lot 14965 Luas 415.2 Meter Persegi, GM 2816 Lot 14965 Luas 355.9 Meter Persegi, GM 2817 Lot 14966 Luas 553 Meter Persegi, GM 2818 Luas 631.9 Lot 14967 Meter Persegi Dan GM 2819 Lot 14968 Luas 128.3 Meter Persegi Mukim Klang, Daerah Klang, Daerah Klang.	Klang	415.2 meter persegi.
13	Bil. 1/2008	Anandakrishna a/l Sithamberam Dan E Gopal	Hakmilik GM 5234 Lot 5862 Seluas 0.1733 Hektar Mukim Klang Daerah Klang.	Klang	0.1733 Hektar
14	Bil. 1/2008	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Hock Chin Kong Port Klang	Jalan Kopi Pekan Pandamaran, Mukim Klang, Daerah Klang.	Klang	1,035 meter persegi.
15	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewa Kuan Soon Tey	PT 4963 Pekan Pandamaran, Daerah Klang.	Klang	1,357.852 meter persegi.
16	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewa Subramaniam Golden Hope Klang	Jalan Pandamaran, Daerah Klang .	Klang	964.00 meter persegi.
17	Bil. 1/2008	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Poh Tay Lin	Plot B Jalan Banting, Pekan Pandamaran, Daerah Klang .	Klang	571.656 meter persegi.
18	Bil. 1/2008	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Giok Hong Tai Tay	Plot A Jalan Banting, Pekan Pandamaran, Daerah Klang .	Klang	535.034 meter persegi.
19	Bil. 1/2008	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Wee Teck Kiong	Plot D Jalan Banting, Pekan Pandamaran, Daerah Klang.		759.829 meter persegi (8,178.73 kaki Persegi).

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

20	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Kemuning Utama	Lot 88129 (PT 106205) Di Kemuning Utama, Seksyen 33 Mukim Klang.	Klang	0.25 ekar.
21	Bil. 1/2008	Kuil Sri Selva Vinayagar	Seksyen 20, Bandar Klang, Daerah Klang, Daerah Klang.	Klang	1.05 ekar.
22	Bil. 1/2008	Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Ho Who San Koon	Jalan Landasan, Mukim Kapar Daerah Klang, Daerah Klang.	Klang	278.70 meter persegi (3,000 kaki persegi).
23	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Muniswarar	Jalan Batu Unjur 7, Bandar Klang Tambahan, Mukim Klang.	Klang	1097 Meter Persegi
24	Bil. 2/2008	Jawatankuasa Pembinaan Rumah Berhala Lian Fook	Jalan Banting, Pekan Pandamaran, Mukim Klang, Daerah Klang.	Klang	451.815 Meter Persegi (4,863.30 Kaki Persegi)
25	Bil. 2/2008	Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman	PT 53918 Kota Kemuning, Mukim Klang Daerah Klang.	Klang	4,070 meter persegi (43,809.13 kaki persegi).
Pejabat Tanah Dan Daerah Gombak					
26	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Sree Kaasi Visalatchi Visvanathan Thiru Kovil	Bandar Tasik Puteri, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	Gombak	10,000 kaki
27	Bil. 2/2008	Persatuan Penganut Kuil Sri Mahamariamman Kampung Muhibah Rawang	Kampung Muhibah Rawang, Bandar Rawang Tambahan, Daerah Gombak.	Gombak	857.9 meter persegi (9235 kaki persegi).
28	Bil. 2/2008	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman	Kampung Laksamana, Bandar Selayang, Daerah Gombak.	Gombak	743.224 meter persegi.

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat					
29	Bil. 1/2008	The Titular Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Hakmilik GM 1870 Lot 1060 Mukim Cheras Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	4.7187 ekar.
30	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewa Lock Yam Fu Yin Shen See Kuala Lumpur Dan Selangor.	Di Kampung Baru Ampang Mukim Ampang Daerah Hulu Langat .	Hulu Langat	1,617 meter persegi.
31	Bil. 1/2008	The Secretary Of The Trustee Of The Methodist Church In Malaysia	Plot A Pekan Ampang Mukim Ampang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	549.64 meter persegi.
32	Bil. 1/2008	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Plot 671 Kampung Tasek Permai Mukim Ampang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	492.966 meter persegi.
33	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Tokong Kuan Tee Ampang Campuran	Plot 446 A Kampung Ampang Campuran Mukim Ampang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	606 meter persegi.
34	Bil. 1/2008	Persatuan Penganut Dewa Yoke Wong	Lot 2534 Dan 2535 Kampung Baru Balakong Mukim Cheras Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	0.153 ekar dan 0.237 ekar.
35	Bil. 1/2008	Baskaran a/l Sundramoorthy dan Subramaniam a/l Valiatham Sebagai Pemegang Amanah Kepada Kuil Sri Karu Mariamman	Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	257 meter persegi.
36	Bil. 1/2008	Chong Oi Huen @ Ching Oi Hing Pengerusi Gereja Jesus Benar	Plot 56, Sungai Chua, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	257 meter persegi.
37	Bil. 2/2008	Persatuan Sri Siva Veerabathira Kalamman	Mukim Kajang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	10,000 kaki persegi dan 40,000 kaki persegi diberikan kepada kuil besar.

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat					
38	Bil. 1/2008	The Titular Roman Chatolic Archbishop Of Kuala Lumpur	Hakmilik GRN 23222 Lot 6878, Pekan Telok Datok Tambahan, Mukim Tanjong Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	Kuala Langat	1526.9044 meter persegi.
39	Bil. 1/2008	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Throbathiamman Tongkah	Ladang Dusun Durian Mukim Morib, Daerah Kuala Langat.	Kuala Langat	6628.99 meter persegi
40	Bil. 1/2008	Persatuan Pengurusan Kuil Sri Maha Karumariamman Jugra	Kawasan Jalan Jugra, Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.	Kuala Langat	5915 meter persegi
41	Bil. 1/2008	Setiausaha Pemegang Amanah Gereja Methodist Malaysia	Atas Lot 5, Seksyen 1, Kawasan Telok Datok, Mukim Tanjong Dua Belas.	Kuala Langat	1526.90 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang					
42	Bil. 2/2008	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Bandar Baru Salak Tinggi Seluas Lebih Kurang 3035.14 Meter Persegi 32669.9 Kaki Persegi).	Sepang	3035.14 meter persegi.
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam					
43	Bil. 3/2008	Persatuan Penganut Dewa Jiu Wang Ye	Plot A & B Kawasan Site A, Pekan Sekinchan.	Sabak Bernam	4,237 Meter Persegi (1.0496 Ekar).

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN : 2009

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Tokong					
1	Bil. 1/2009	Persatuan Kebajikan Agama Buddha, Selangor	Hakmilik GRN 132070 Lot 6320, GRN 132071 Lot 6321 Dan GRN 132068 Lot 6313 Pekan Jenjarom Daerah Kuala Langat.	Kuala Langat	3.998 ekar / 4.499 ekar / 5.070 ekar
2	Bil. 2/2009	Persatuan Penganut Agama Fo Guang Malaysia	Pekan Puchong Perdana, Daerah Petaling.	Petaling	4046 kaki persegi
3	Bil. 3/2009	Pertubuhan Arul Yoga Ashrama	Lot 142 Dan Lot 143, Jalan 18/16, Petaling Jaya Daerah Petaling.	Petaling	1 ekar
4	Bil. 3/2009	Persatuan Buddha Ti- Ratana Malaysia	PT 52681, Mukim Kapar, Daerah Klang.	Klang	1578.27 meter persegi.
5	Bil. 1/2009	Persatuan Pengurusan Tokong Ban Siew Keng Jenjarom	PPlot A,B dan C. Kawasan Bandar Jenjarom, Daerah Kuala Langat .	Kuala Langat	1532 meter persegi
6	Bil. 5/2009	Pemegang Amanah Persatuan Penganut Dewa Tung Loh, Sungai Jarom, Selangor	Hakmilik ML 101 Lot 3073 Di Kawasan Bandar Jenjarom, Daerah Kuala Langat.	Kuala Langat	380 meter persegi
7	Bil. 2/2009	Persatuan Penganut- Penganut Berhala Pak Sen Ko Bio	PT 6548, Jalan 2, Bagan Sungai Besar Daerah Sabak Bernam.	Sabak Bernam	5,534 meter persegi
Kuil					
8	Bil. 1/2009	Pertubuhan Kuil Sri Maha Muthu Mariamman	PT Plot 46, Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Petaling	10,000 kaki
9	Bil. 1/2009	Pengurusan Kuil Sri Siva Durgai Amman.	Taman Puncak Jalil, Daerah Petaling.	Petaling	2088 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGORDARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

10	Bil. 5/2009	Persatuan Penganut Sri Maha Karumariamman Alayam	Seksyen 2, Taman Kinrara, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Petaling	929 Meter Persegi (10,000 kp)
11	Bil. 3/2009	Persatuan Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman	Taman Mutiara (Lot 50286), Bukit Raja 2, Mukim Kapar, Daerah Klang.	Klang	2023.4 meter persegi.
12	Bil. 4/2009	Pemegang Amanah Kuil Sri Maha Mariamman	PT 363560 Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar Daerah Klang.	Klang	4,046.860 Meter Persegi (43,560 Kaki Persegi)
13	Bil. 1/2009	Persatuan Penganut Sree Kaasi Visalatchi Visvanathan Thiru Kovil	Bandar Tasik Puteri , Mukim Rawang.	Gombak	929 meter persegi (10,000 kaki persegi).
14	Bil. 3/2009	Pertubuhan Pengurusan Kuil Sri Subramaniyar Alayam (Rumah Murah Batu 16 Rawang)	Rumah Murah Batu 16 Rawang	Gombak	768 Meter Persegi
15	Bil. 5/2009	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur (Bandar Rawang)	Sebahagian Lot 863 Bandar Rawang Daerah Gombak Selangor.	Gombak	8175.58 meter persegi (2.02 ekar)
16	Bil. 4/2009	Persatuan Penganut Sri Sithivanayagar	Bandar Tasik Kesuma Mukim Beranang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	1497 meter persegi (0.37 ekar).
17	Bil. 1/2009	Sri Mayura Nathar Alayam	Kampung Ampar Tenang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang Seluas Lebih Kurang 5475 M.P.	Sepang	5475 meter persegi
18	Bil. 1/2009	Pemegang Amanah Sri Selva Vinayagar Temple	Lot 41 Seksyen 12 Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	1439.00 meter persegi
19	Bil. 1/2009	Pemegang Amanah Persatuan Penganut Agama Hindu Kuil Sri Mahamariamman Batang	Taman Wawasan, Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor .	Hulu Selangor	1411 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

20	Bil. 2/2009	Pengerusi Kuil, Kuil Seri Maha Mariaman	Bukit Beruntung Zone 5, Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	1,218.83 Meter Persegi
Gereja					
21	Bil. 3/2009	The Secretary Of The Trustees Of The Methodist Church In Malaysia.	Taman Puncak Jalil, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Petaling	2023.4 meter persegi.
22	Bil. 1/2009	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Bandar Batu Arang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	Gombak	5122.48 meter persegi.
Gurdwara					
23	Bil. 2/2009	Sikh Temple Rasa	Lot 3631 Bandar Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	929 meter persegi
24	Bil. 2/2009	Gurdwara Sahib Bukit Beruntung	Bukit Sentosa, Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	4848 meter persegi.

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN : 2010

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling					
1	Bil. 1/2010	Persatuan Amal Siao Ji Shi Kuala Lumpur	Damansara Damai, Mukim Sungai Buloh , Daerah Petaling.	Petaling	2,262 meter persegi (0.5 ekar)
2	Bil. 2/2010	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman	Di Damansara Damai, Mukim Sungai Buloh Daerah Petaling.	Petaling	2,043 m.p (21,893.79 kaki persegi).
3	Bil. 2/2010	i) Persatuan Penganut Buddha Serdang ii) Persatuan Penganut Fuo Xian Tan Serdang	Taman Bukit Serdang, Sekseyen 13, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Petaling	1,982.8 m.p (21,342.68 kaki persegi)
4	Bil. 5/2010	Pertubuhan Persatuan Sikh Subang Selangor	Jalan Kewajipan SS13, Subang Jaya Daerah Petaling	Petaling	1140 Meter Persegi (0.281 Ekar)
5	Bil. 5/2010	Persatuan Pengurusan Kuil Merakatha Vinayagar	Serdang Lama Pekan Serdang. Daerah Petaling.	Petaling	1711 meter persegi (0.423 ekar).
6	Bil. 5/2010	Persatuan Penganut Agama Buddha Bodhi Puchong, Selangor	Jalan PJS 8/9, Bandar Sunway, Mukim Damansara Daerah Petaling.	Petaling	929 meter persegi (0.229 ekar).
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang					
7	Bil. 3/2010	Jawatankuasa Pengelola Gurdwara Sahib Klang	Seksyen 14, Jalan Bukit Jawa, Bandar Klang Daerah Klang.	Klang	1173.59 meter persegi (0.29ekar)
8	Bil. 3/2010	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman, Ladang Sungai Kapar, Kapar Klang.	PT 44859, Taman Sungai Kapar Indah, Mukim Kapar Daerah Klang.	Klang	4046.86 Meter Persegi (1 ekar)
9	Bil. 5/2010	Persatuan Penganut Dewa Lian Mu Kong, Klang	Lot 19359 Seksyen 29 Bandar Klang, Bandar Klang.	Klang	10,000 kaki persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

Pejabat Tanah Dan Daerah Gombak					
10	Bil. 2/2010	Persatuan Penganut Tokong Kuan Ti	Kampung Dato' Lee Kim Sai, Bandar Rawang Tambahan, Mukim Rawang Daerah Gombak.	Gombak	3,232 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat					
11	Bil. 2/2010	Persatuan Penganut Agama Sikh Lembah Jaya Ampang	Jalan Bukit Belachan Mukim Ampang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	8,500 k.p (790 mp)
12	Bil. 2/2010	Persatuan Penganut Sri Vijaya Durga Karumariamman Kovil Dan Pemohon-Pemohon Lain	Taman Damai Perdana Mukim Cheras Daerah Hulu Langat .	Hulu Langat	
Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat					
13	Bil. 1/2010	Persatuan Soon Tian Kong	Lot 185, Kawasan Jalan Sungai Durian, Kampung Bukit Jugra, Daerah Kuala Langat.	Kuala Langat	0.50 ekar (0.202 hektar).
14	Bil. 2/2010	Chi Liung & Son Sdn Bhd Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Sithi Vinayagar	Hak Milik HS(D) 781, HS(D) 782, HS(D) 792, HS(D) 793, HS(D) 806 - HS(D) 808, HS(D) 856 Dan HS(D) 857 Di Teluk Bunut, Bandar Banting, Daerah Kuala Langat Daripada Chi Liung & Son Sdn Bhd Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Kanun Tanah Negara Bagi Maksud Tapak Kuil Daripada Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Sithi Vinayagar, Telok Bunut;	Kuala Langat	4219 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang					
15	Bil. 5/2010	Persatuan Kebajikan Len Wah Sam Taichi	Kampung Baru Cina, Pekan Dengkil, Daerah Sepang.	Selangor	10,000 kaki persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Selangor					
16	Bil. 1/2010	Kuil Sri Thandayuthapani	Mukim Pekan Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	1335.8 meter persegi.
17	Bil. 1/2010	Kuil Sri Thandayuthapani Untuk Kuil Sri Muniswarar	Mukim Pekan Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	281 meter persegi.
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Selangor					
18	Bil. 1/2010	Kuil Arulmigu Sri Subramaniam	Mukim Kerling Daerah Hulu Selangor .	Hulu Selangor	0.1211 ekar (0.2994 hektar).
19	Bil. 2/2010	Kovil Sri Sithi Vinayagar	Bandar Kuala Kubu Bharu Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	569.5 meter persegi
20	Bil. 2/2010	Kuil Arulmigu Sri Thandayuthapani Rasa	Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	825.35 meter persegi
21	Bil. 5/2010	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Lot 4229 Seluas 2180 mp Di Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	2180 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam					
22	Bil. 1/2010	Persatuan Penganut Chi Kong Kor Bio Sekinchan	Kawasan Pekan Sekinchan.	Sabak Bernam	1292.1 meter persegi.

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN : 2011

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Pejabat Tanah Dan Galian					
1	Bil. 1/2011	Kong Euee, Kua Swee In, Lee Mun Pee Dan Yap Kim Tee	Hakmilik GM 3133 Lot 257 Seksyen 24 Mukim Kapar Daerah Klang.	Klang	1.3249 ekar
2	Bil. 2/2011	Persatuan Kebajikan Agama Buddha Selangor	Mukim Klang Daerah Klang Kepada Institusi.	Klang	0.1556 hektar (0.3845 ekar).
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling					
3	Bil. 2/2011	The Synod of The Diocese Of West Malaysia	Di Taman Puncak Jalil, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Petaling	2026.79 meter persegi (0.5 ekar)
4	Bil. 4/2011	Persatuan Penganut Dewi Kwan Yin Tang	Di Kampung Baru Subang, Mukim Sungai Buloh , Daerah Petaling.	Petaling	10,000 kp (0.229 ekar)
5	Bil. 5/2011	Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing Petaling Jaya	Di Lot 4,575 Seksyen 19, Bandar Petlaing Jaya, Daerah Petaling.	Petaling	Seluas 9,174 m.p (2.267 Ekar)
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang					
6	Bil. 1/2011	Persatuan Penganut Sri Amman	Di Lot 137481 Bandar Parklands, Bukit Tinggi, Mukim Klang, Daerah Klang.	Klang	2022 mp (0.5 ekar)
7	Bil. 3/2011	Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Tong Seng Hong, Klang	PT 58874, Jalan Sungai Putus, Mukim Kapar, Daerah Klang .	Klang	244 meter persegi
8	Bil. 5/2011	2) Persatuan Penganut Sri Maha Muneeswarar, Bandar Botanic, Klang Bagi Tujuan Kuil	Lot 114578 Seluas Lebih Kurang Di Ambang Botanic, Mukim Klang, Daerah Klang.	Klang	2146 Meter Persegi (0.53 Ekar)

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat					
9	Bil. 1/2011	Persatuan Penganut Dewa Fai Loy Chee	Lot 49695 Kampung Baru Ampang Mukim Ampang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	372 meter persegi (4,004 kp)
10	Bil. 4/2011	Jawatankuasa Kuil Sri Maha Mariamman	Kampung Tasek Permai Bandar Ampang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	991 meter persegi (0.244 ekar)
11	Bil. 4/2011	Gurdwara Sahib Kajang	Jalan Sungai Chua Pekan Kajang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	4,046.86 meter persegi (1Ekar)
Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang					
12	Bil. 4/2011	Persatuan Penganut Dewa Sikong	Taman Mas Sepang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.	Sepang	1,027 mp.
13	Bil. 4/2011	Persatuan Penganut Ji Gong Than, Bandar Baru Salak Tinggi	Bandar Baru Salak Tinggi, Daerah Sepang.	Sepang	929 mp (10,000 kaki persegi)
Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Selangor					
14	Bil. 1/2011	Pertubuhan Rumah Berhala Nam Tian Kong	Pekan Kampung Tiram Buruk, Pekan Kampung Baru Hulu Tiram Buruk, Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	556.443 mp (0.137 ekar)
15	Bil. 2/2011	Persatuan Penganut Dewa Fatt See Kong	Bagan Tengkorak, Mukim Tanjung.	Kuala Selangor	3870 mp (0.387 ekar)
16	Bil. 2/2011	Pengerusi Sri Maha Mariamman Koil, Bukit Rotan	Pekan Bukit Rotan, Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	4152.29 meter persegi
17	Bil. 2/2011	Persatuan Penganut Dewa Sei Ling	Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	2282.78 mp
18	Bil. 3/2011	Pertubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Thandayuthapani	Atas Lot 169 Seluas Lebih Kurang 281 Meter Persegi (0.0694 Ekar) Di Pekan Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	281 Meter Persegi (0.0694 Ekar)

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

19	Bil. 4/2011	Persatuan Penganut Dewa Ping Ann Keong	Pekan Tanjung Karang, Bandar Bandar Tanjung Karang Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	508.56 mp (0.126 ekar)
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Selangor					
20	Bil. 2/2011	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur & Abundant Grace Assembly Of God	Bukit Beruntung, Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor Untuk Tujuan Tapak Tapak Bangunan Gereja.	Hulu Selangor	2180 meter persegi
21	Bil. 2/2011	Persatuan Penganut Dewa Kuan Sheng Ti Batang Kali	Kg. Bukit Chandang, Mukim Hulu Yam Daerah Hulu Selangor .	Hulu Selangor	2912 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam					
22	Bil. 1/2011	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman Sungai Besar, Jalan Bagan, 45300 Sungai Besar	Kawasan Pekan Sungai Besar Daerah Sabak Bernam .	Sabak Bernam	3826 meter persegi b
23	Bil. 1/2011	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Hainam Swee Buey Ting Hiang, Sekinchan	Plot B Jalan Tepi Sawah, Pekan Sekinchan.	Sabak Bernam	1617 meter persegi
24	Bil. 1/2011	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan Ti Sekinchan	Plot A Jalan Tepi Sawah, Pekan Sekinchan.	Sabak Bernam	4579 Meter Persegi
25	Bil. 1/2011	Pertubuhan Penganut Nan Hai Kuan Yin Sekinchan	Plot A Jalan Bagan Sekinchan, Pekan Sekinchan.	Sabak Bernam	1914 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN : 2012

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Pejabat Tanah Dan Galian					
1	Bil. 1/2012	Persatuan Buddhist Liulishan, Selangor dan Kuala Lumpur	Hak Milik GRN 250199 Lot 7693 dan GRN 250200 Lot 7694, Mukim Sepang Daerah Sepang.	Sepang	1.114 ekar & 1.122 ekar
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling					
2	Bil. 2/2012	Persatuan Penyokong Rumah Berhala Seng Leng Kong	Kampung Cempaka, Pekan Cempaka, Daerah Petaling	Petaling	2396.15 meter persegi
3	Bil. 2/2012	Persatuan Penganut Dewa Na Du Gong	Kampung Serdang Lama, Pekan Serdang, Daerah Petaling	Petaling	603.87 meter persegi
4	Bil. 3/2012	Persatuan Penganut Devi Arulmigu Sri Nagakali Jai Muniswarar	Taman Puchong Hartamas	Petaling	2279 meter persegi
5	Bil. 3/2012	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Subang	Taman Subang Baru, Seksyen U6	Petaling	4047 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat					
6	Bil. 1/2012	Persatuan Penganut Agama Chir Yuen Gong	Di Sebahagian Lot 13375 Taman Kajang Baru Bandar Kajang Daerah Hulu Langat.	Hulu Langat	415.48 Meter Persegi (0.597 Ekar)
7	Bil. 2/2012	Persatuan Penganut Sri Sakhti Vinaayagar	Lot 482 & Lot 483 Kampung Tasik Permai Bandar Ampang Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	894 meter persegi (0.220 ekar) & 761 meter persegi (0.188 ekar)
Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Selangor					
8	Bil. 1/2012	Persatuan Penganut Dewa Hiap Tien Tai Teh	Taman Malinja, Bandar Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	491.271 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2012**

9	Bil. 2/2012	Pertubuhan Penganut Thiru Annamalaiyar	Bandar Puncak Alam, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor.	Kuala Selangor	2023.45 meter persegi
10	Bil. 2/2012	Persatuan Penganut Dewa Tien Ann Kong Tanjong Karang	Taman Mahsuri Indah, Bandar Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor	Kuala Selangor	363 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam					
11	Bil. 1/2012	Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Xianfa Shigong Ku Miao	Kawasan Lorong 5 Bagan Sekinchan Pekan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam	Sabak Bernam	3652 meter persegi
12	Bil. 3/2012	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Mathurai Veeran	Kawasan Taman Sekinchan Damai Pekan Sekinchan	Sabak Bernam	1585 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang					
13	Bil. 3/2012	Kuil Sri Maha Mariamman (Tremelbye)	Seksyen 29, Taman Sri Andalas, Bandar Klang	Klang	223 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Gombak					
14	Bil. 3/2012	Persatuan Pengurusan Kuil Sri Muneeswarar Alayam	Lot 72510 Bandar Selayang, Daerah Gombak	Gombak	2895 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang					
15	Bil. 3/2012	Persatuan Penganut Buddha Tian Long Sen Kong	Kampung Baru Sepang	Sepang	0.627 hektar
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Selangor					
16	Bil. 3/2012	Lim Swee Peng / Lim Kim Poh / Oh Geok Kim	Mukim Ulu Yam	Hulu Selangor	1768 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2013**

TAHUN : 2013

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Pejabat Tanah Dan Galian					
1	Bil. 1/2013	Lim Keow Lam	HSM 39395 Lot 4254 Mukim Kapar	Klang	0.967 ekar
2	Bil. 4/2013	Persatuan Kebajikan Agama Buddha Selangor	HSM 5564 PT 3222, Mukim Pasir Panjang dan PM 1416 Lot 8429, Pekan Sekinchang	Sabak Bernam	
3	Bil. 4/2013	Lee Nya How, Tee Tiow Hoo & Thong Kwai Lin	HM PN 10380 LOT 175, Bandar Petaling Jaya	Petaling	Bangunan Kediaman kepada Institusi Agama (Gereja)
4	Bil. 4/2013	The Secretary of The Trustee of The Methodist Church in Malaysia	HSM 18755 Lot 2309, Seksyen 1 Bandar Banting	Kuala Langat	Penyerahan Balik dan Pemberimilikan semula
5	Bil. 4/2013	Registered Trustees for Malaysia of The Mar Thoma Syrian Church of Malabar Diocese of Malaysia and Singapore	HM GM 694 LOT 138, Mukim Morib Daerah Kuala Langat	Kuala Langat	Mengubah Jenis Kegunaan serta meminda syarat nyata tanah
6	Bil. 4/2013	The Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur	HSD 86592 PT 295, Mukim Damansara	Petaling	Meminda syarat nyata tanah
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling					
7	Bil. 1/2013	Persatuan Penganut Tien Hou Miao	Lot 55211, Persiaran Harmoni, Mukim Damansara	Petaling	1262 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2013**

8	Bil. 1/2013	Putra Height Buddhist Society	Putra Height, Mukim Damansara	Petaling	2428 meter persegi
9	Bil. 1/2013	Persatuan Penganut Dewi Sri Raja Mariamman	Mukim Sungai Buloh	Petaling	14000 kaki persegi
10	Bil. 1/2013	The Secretary of The Trustee of The Mehtodist Church ini Malaysia	Seksyen 28, Taman Alam Megah	Petaling	930 meter persegi
11	Bil. 1/2013	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Subang, Shah Alam	Taman Subang Baru, Seksyen u6, Mukim Bukit Raja	Petaling	4047 meter persegi
12	Bil. 1/2013	Persatuan Penganut Agama Sikh Puchong	Lebuh Puteri, Bandar Puteri	Petaling	0.5 ekar
	Bil. 2/2013	Board of Trustee Siva Temple & Persatuan Penganut Sivan Bukit Gasing	Seksyen 5, Bukit Gasing	Petaling	9,175.44 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat					
13	Bil. 1/2013	Persatuan Penganut Ajaran Hindu Sri Lingeswarar	Plot A di Pandan Jaya Bandar Ampang	Hulu Langat	880 meter persegi
14	Bil. 1/2013	Persatuan Pengurusan Kuil Dewa Maha Muniswarar	Bandar Baru Ampang	Hulu Langat	1955 meter persegi
15	Bil. 4/2013	Pengurusan Tokong Lee Onn	Lot 46074 Pekan Kajang	Hulu Langat	501 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2013**

Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Selangor					
16	Bil. 4/2013	Persatuan Penganut Hindu Arulmigu Sri Ruthara Veerammakaliamman	Seksyen 2, Pekan Bestari Jaya	Kuala Selangor	1.77 ekar
17	Bil. 4/2013	Jawatankuasa Kuil Sri Subramaniam Kampung Sungai Yu	Mukim Hujung Permatang	Kuala Selangor	1020.8 meter persegi
18	Bil. 4/2013	Persatuan Pembinaan Rumah Berhala Huat Sze Kong	Bagan Tanjung Keramat	Kuala Selangor	1.2 ekar
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam					
19	Bil. 1/2013	Pengurusan Rumah Berhala Huat Soo Kong	Kawasan Bagan Nakhoda Omar	Sabak Bernam	6703 meter persegi
20	Bil. 3/2013	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Hui Leng Kong	PT 8333 Bagan Sungai Burong Mukim Panchang Bedena	Sabak Bernam	7970 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang					
21	Bil. 1/2013	Persatuan Penganut Len Tiong	Lot 19873 (PT 7108) Taman Klang Utama, Pekan Batu Empat	Klang	2109 meter persegi
22	Bil. 4/2013	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Kai Hong Hoo	Lot 40, Seksyen 17, Jalan Barat, Bandar Klang	Klang	1955 meter persegi
23	Bil. 4/2013	Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Ho Who San Koon	Lot 51127 Jalan Landasan, Seksyen 25	Klang	280 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Gombak					
24	Bil. 1/2013	Persatuan Pengurusan Kuil Sri Muneeswarar Alayam	Lot 72510 Bandar Selayang	Gombak	2895 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2013**

25	Bil. 4/2013	Persatuan Penganut Sri Maha Muneeswarar, Taman Rawang Perdana	Lot 1616, Bandar Rawang, Seksyen 19	Gombak	2066 meter persegi
26	Bil. 4/2013	Jawatankuasa Pembinaan Rumah Berhala Chin Khong	Plot 1, Pekan Sungai Buloh	Gombak	1238 meter persegi
27	Bil. 4/2013	Persatuan Penganut Agama Buddha Che Hung	Plot 21127, Pekan Sunagi Buloh	Gombak	490 meter persegi
28	Bil. 5/2013	Gereja Jesus Benar	Lot 1841, Bandar Batu Arang	Gombak	192.8 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Selangor					
29	Bil. 4/2013	Persatuan Penganut Dewa Nan Tian Kiong	Bandar Hulu Yam Bharu	Hulu Selangor	2148 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat					
30	Bil. 3/2013	Persatuan Penganut Devi Sri Maha Mariamman Sungai Sedu	Plot A (Sebahagian Plot Tapak Taman Linear) Pekan Sungai Manggis Seksyen 2	Kuala Langat	1 ekar
31	Bil. 5/2013	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariyamman	HSM 18693 PT 2303, Bandar Banting	Kuala Langat	Penyerahan Balik dan Pembermilikan semula

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2014**

TAHUN : 2014

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling					
1	Bil. 6/2014	The Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur	Mukim Petaling	Petaling	580 meter persegi
2	Bil. 7/2014	Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Guan-Di	Jalan PJS 7/13, Bandar Sunway Daerah Petaling	Petaling	448 Meter persegi
3	Bil. 10/2014	Persatuan Penganut Dewi Sri Raja Mariamman	Bandar Baru Sungai Buloh, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Petaling	14000 kaki persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat					
4	Bil. 2/2014	Persatuan Penganut Sree Maha Mariamman Beranang	Mukim Beranang Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	0.29 Ekar
5	Bil. 7/2014	Kuil Siva Subramaniam Semenyih	Bandar Semenyih Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	502 meter persegi
6	Bil. 7/2014	Persatuan Penganut Tao Hua Xian Jie Kajang	Pekan Kajang Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	890 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Selangor					
7	Bil. 4/2014	Persatuan Penganut Hindu Arulmigu Sri Ruthara Veerammakaliamman	Seksyen 2, Pekan Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor	Kuala Selangor	
8	Bil. 4/2014	Persatuan Pembinaan Rumah Berhala Huat Sze Kong	Bagan Tanjung Keramat, Bandar Kuala Selangor	Kuala Selangor	

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2014**

9	Bil. 4/2014	Pengerusi Jawatankuasa Kuil Sri Subramaniam Kampung Sungai Yu	Mukim Hujung Permatang	Kuala Selangor	
10	Bil. 6/2014	Persatuan Pengurusan Tokong Cina Batang Berjuntai	Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor	Kuala Selangor	1045.482 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam					
11	Bil. 6/2014	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Xian Fa Shi Gong	Kawasan Bagan Parit Baru, Mukim Sabak Daerah Sabak Bernam	Petaling	580 meter persegi
12	Bil. 6/2014	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Kuang Ti Kong	Kawasan Bagan Sungai Lang, Mukim Sabak Daerah Sabak Bernam	Petaling	580 meter persegi
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang					
13	Bil. 2/2014	Tetuan Ong Ah Lan Rumah Ibadat (Tokong)	Lot 25997 Jalan Hilir, Taman Gembira, Klang, Mukim Klang, Daerah Klang	Klang	223 meter persegi
14	Bil. 8/2014	Persatuan Penganut Dewa Ha Li Zei, Klang	Lot 83026, Bandar Bukit Tinggi, Pekan Pandamaran, Daerah Klang	Klang	809 meter persegi
15	Bil. 9/2014	Persatuan Penganut Annapoorani Klang	PT 143658, Black Water Estate, Batu 7, Jalan Langat, Mukim Klang	Klang	2023.50 meter persegi
16	Bil. 9/2014	Persatuan Penganut Dewa Tew Seng Keng, Meru Klang	Lot 98253, Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar, Daerah Klang	Klang	2629 meter persegi
17	Bil. 9/2014	Persatuan Penganut Dewa Gua Restu, Klang	Lot 38881, Taman Bunga Raya, Mukim Klang	Klang	362 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2014**

Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang					
18	Bil. 3/2014	Persatuan Penganut Hong Hua Tin	Lot 2402, Pekan Sepang, Daerah Sepang	Sepang	0.627 hektar
19	Bil. 7/2014	Pertubuhan Pengurusan Rumah Berhala Kong Zhong Jido Fan Pun Yuen, Sungai Pelek	Mukim Sepang, Daerah Sepang	Sepang	1477 meter persegi
20	Bil. 10/2014	National Evangelical Christian Fellowship Malaysia	Cyberjaya, Mukim Dengkil Daerah Sepang	Sepang	2024 meter persegi

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR DARIPADA TAHUN 2008 HINGGA 2015**

TAHUN : 2015

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN	JENIS RUMAH IBADAT
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling						
1	Bil. 1/2015	Persatuan Penganut Dewi Sri Raja Mariamman	Bandar Baru Sungai Buloh, Mukim Sungai Buloh	Petaling	14000 Kaki Persegi	Kuil
2	Bil. 1/2015	Gabungan Persatuan-persatuan Kwong Siew Malaysia	Mukim Sungai Buloh, Jalan PJU 8/8, PJU 8 Damansara Perdana (Kebeharan Merancang)	Petaling	3 tingkat dan 1 aras Basement Tempat Letak Kereta	Tokong
3	Bil. 3/2015	Persatuan Penganut Sri Maha Munishwarar, Ladang Elmina	Seksyen U6, Ladang Elmina, Mukim Sungai Buloh	Petaling	931 Meter Persegi (0.23 Ekar)	Kuil
4	Bil. 5/2015	Kuil Sri Maha Mariamman	Lot 36466, Mukim Damansara	Petaling	1799 Meter Persegi	Kuil
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat						
5	Bil. 2/2015	Persatuan Pengikut Sri Maha Kalliamman	Lot 609 dan 610 Kg. Sireh, Bandar Semenyih	Hulu Langat	418 Meter Persegi	Kuil
6	Bil. 4/2015	Persatuan Penganut Sri Siva Jada Muniswaran	Bandar Kajang	Hulu Langat	929 Meter Persegi (0.23 Ekar)	Kuil
7	Bil. 4/2015	Persatuan Penganut Shun Nam Gong Kajang	Bandar Kajang	Hulu Langat	2276 Meter Persegi (0.652 Ekar)	Tokong
8	Bil. 8/2015	Persatuan Penganut Sri Kaikuudum Karumaarlammann	Taman Hill Park 2, Mukim Semenyih	Hulu Langat	1202 Meter Persegi	Kuil

9	Bil. 8/2015	Persatuan Pengikut Sri Maha Kalliamman	Lot 609 dan 610 Kg. Sireh, Bandar Semenyih	Hulu Langat	836 Meter Persegi	Kuil
Pejabat Tanah Dan Daerah Klang						
10	Bil. 1/2015	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Arulmigu Vickneswarar Alayam, Bandar Sultan Suleiman	PT 72327, Bandar Sultan Suleiman	Klang	3612 Meter Persegi	Kuil
11	Bil. 6/2015	Persatuan Penganut Sri Madhurai Veeran Bukit Rimau	Plot A, Taman Bukit Kemuning, Mukim kLang	Klang	929.03 Meter Persegi	Kuil
12	Bil. 8/2015	Persatuan Pengurusan Rumah Berhala Ban Siew	Plot 1 (Sebahagian Lot 98253), Mutiara Bukit Raja, Mukim Kapar	Klang	929 Meter Persegi	Tokong
13	Bil. 8/2015	Persatuan Penganut Buddha Aryasanga Kota Kemuning	PT 142776, Kota Kemuning, Mukim Klang	Klang	2226.399 Meter Persegi (0.55 Ekar)	Kuil
Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang						
14	Bil. 2/2015	Persatuan Kebajikan Len Wah Samthaichi Dengkil	Kg. Baru Dengkil, Mukim Dengkil (Kebenaran Merancang)	Selangor	1 Tingkat dan Dewan di Sub-Basement Melalui Warta Kerajaan WKN 5433 20 Disember 2012 dan WKN 391 31 Januari 2013	Tokong
Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Selangor						
15	Bil. 8/2015	Sri Thandayuthapani Temple	Lot 3387, Bandar Serendah	Hulu Selangor	5226 Meter Persegi	Kuil

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : JEREBU

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk menangani masalah jerebu yang berulang?
- b) Apakah tindakan proaktif kerajaan bagi mengelak kesihatan rakyat terkesan oleh jerebu yang berpanjangan?
- c) Berapakah kos kerugian yang dialami Selangor natijah jerebu?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan pemantauan dan laporan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Meteorologi Malaysia, masalah jerebu yang berlaku baru-baru ini bermula 22 Ogos 2015 sehingga kini adalah berpunca daripada pencemaran jerebu merentas sempadan daripada Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Keadaan ini telah menjejaskan status kualiti udara di kebanyakan negeri di Malaysia termasuk Negeri Selangor.

Status kualiti udara pada tahap tidak sihat yang berlaku adalah disebabkan tiupan angin dari arah Barat Daya masih berlaku sehingga bulan Oktober 2015 yang membawa pencemaran jerebu merentas sempadan dari Indonesia menghala ke negara kita, di samping faktor taburan hujan yang berkurangan.

Di peringkat Persekutuan, Mesyuarat ke 14 Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia telah diadakan pada 9 dan 10 Oktober di antara Menteri Luar Negeri Malaysia dan Menteri Luar Negeri Indonesia telah membincangkan masalah jerebu merentas sempadan yang telah memberi kesan ketara kepada penduduk Malaysia, Indonesia dan Singapura serta tindakan yang telah diambil Indonesia untuk menanganinya melalui tindakan pemadaman ke kawasan kebakaran dan tindakan tegas ke atas syarikat serta individu yang didapati menyebabkan kebakaran. Malaysia telah menyalurkan bantuan pemadaman kebakaran di Sumatera Selatan dan Palembang, Sumatera, Indonesia bermula pada 11 Oktober 2015 yang melibatkan mobilisasi pesawat 'Bombardier CL 415" milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi operasi pengeboman air (water bombing) di kawasan-kawasan kebakaran.

Walau bagaimanapun, keadaan jerebu setempat boleh terjadi sekiranya berlaku kebakaran hutan terutama di kawasan hutan paya gambut atau sekitarnya daripada asap yang terhasil secara berterusan daripada kebakaran tanah gambut itu sendiri kerana kebakaran boleh merebak sedalam beberapa meter ke bawah tanah gambut disebabkan penurunan paras air tanah yang ketara akibat musim panas dan kering serta tiada sumber air di lokasi bagi memadam kebakaran tersebut.

Penyelesaian jangka pendek adalah tindakan pemantauan secara sistematik di kawasan hutan dan sekitarnya yang dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Sekiranya kebakaran dikesan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor akan dihubungi untuk tindakan pemadaman segera.

Bagi kes kebakaran hutan yang berskala besar, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah membuat perolehan set peralatan pemadaman kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali sebagai "Peat Fire-X (PFX)" dengan anggaran kos RM1.2juta. Set peralatan tersebut adalah terdiri daripada serbuk PFX, pam, hos, 2 buah tangki pembancuh masing-masing berkapasti 500 dan 100 gelen. Peralatan tersebut kini ditempatkan di Majlis Perbandaran Klang pernah digerakkan untuk membantu pemadaman kebakaran tanah gambut di berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Selatan pada bulan Februari 2015.

Bagi penyelesaian jangka panjang, antara langkah yang diambil adalah meningkatkan paras air tanah dan saliran yang sedia ada di kawasan hutan paya gambut dan sekitarnya yang kritikal di Negeri Selangor seperti di Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Raja Musa. Pembinaan infrastruktur seperti *check dam*, *tube well*, kolam takungan, menara tinjau dan saluran paip air telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah Persekutuan/Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di bawah Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Yang Sering Terbakar oleh Jabatan Alam Sekitar secara berperingkat sejak tahun 2009 sehingga kini.

Untuk makluman, sebanyak 17 buah *check dam*, 6 buah *tube well*, sebuah kolam takungan dan sebuah menara tinjau telah dibina di sekitar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (Pulau Kempas), sebuah *tube well* di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan sebuah *check dam* dan saluran paip air sepanjang 1.15km telah dibina di Hutan Simpan Raja Musa. Pada tahun 2015, program ini diteruskan dengan pembinaan beberapa lagi infrastruktur seperti *tube well* dan kolam takungan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan serta saluran paip air di Hutan Simpan Raja Musa.

Bagi tindakan penguatkuasaan ke atas kes-kes pembakaran terbuka, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Perhutanan ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka. Bagi tempoh 1 Januari hingga 15 Oktober 2015, tindakan undang-undang yang telah diambil bagi kesalahan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ialah sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan dan 16 Kertas Siasatan telah disediakan untuk mengambil tindakan mahkamah.

- b) Semasa keadaan berjerebu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan nasihat melalui media massa kepada orang ramai terutama yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, orang tua, wanita mengandung, pesakit jantung dan respiratori juga mereka yang sensitif kepada habuk, orang yang merokok termasuk mereka yang sentiasa bekerja di luar pejabat atau rumah untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- Orang ramai dinasihatkan supaya sejauh mana yang boleh berada di dalam bangunan.
 - Kurangkan aktiviti lasak di luar rumah.
 - Orang ramai dinasihatkan supaya kerap membasuh muka dan bahagian-bahagian yang terdedah kepada jerebu.
 - Orang ramai dinasihatkan supaya minum banyak air
 - Mereka yang menggunakan kenderaan yang berhawa dingin hendaklah menghidupkan alat penghawa dingin (mod : kitaran dalam) dan menutup semua tingkap.
 - Penutup hidung dan mulut hendaklah digunakan oleh mereka yang melakukan aktiviti di luar terutamanya mereka yang berisiko tinggi.
 - Mereka yang mengalami penyakit-penyakit seperti batuk, selsema, asma, sakit mata, jangkitan paru-paru yang kronik hendaklah datang ke klinik dengan seberapa segera jikalau keadaan penyakit bertambah teruk.
 - Perokok dinasihatkan supaya berhenti merokok.
 - Sentiasa mendapatkan maklumat terkini daripada media massa dan mengikut nasihat daripada pihak berkuasa.

Sementara itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan arahan penutupan semua sekolah di Negeri Selangor pada 28 September, 5 Oktober, 6 Oktober dan 19 Oktober 2015 berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap tidak sihat dan menghampiri 200.

- c) Setakat ini belum ada kajian terperinci dan menyeluruh oleh mana-mana pihak mengenai statistik dan kos kerugian yang dialami oleh Selangor berkaitan kesan jerebu yang berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : AIR TIDAK TERHASIL

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratusan kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW) sekarang?
- b) Berapakah sasaran NRW yang diletakkan setelah KNS mengambil alih pengurusan air?
- c) Bilakah jangkaan NRW yang ditetapkan ini akan tercapai? Bagaimana?

JAWAPAN:

- a) Mengikut rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) setakat 31 Disember 2014, kadar NRW adalah sebanyak 33.21%. Pihak SPAN mengunjurkan kadar NRW pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak 32.46%.

b) dan c)

Kerajaan Negeri mensasarkan penurunan NRW mencapai 25% pada tahun 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : TEATER RAKYAT

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) **Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.**
- b) Berapakah peruntukan dana bagi 2013 dan 2014 yang disalurkan oleh Kerajaan bagi menyokong kegiatan teater.
- c) Apakah rancangan Kerajaan dalam penganjuran teater bagi tahun 2015?

JAWAPAN:

- b) Tiada.
- c) Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri akan menganjurkan 'Teater Atas Pokok' yang akan dilaksanakan di Shah Alam sebagai salah satu program utama bagi pengisian program Kota Seni di Bandaraya Shah Alam pada tahun 2015 yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan Seniman Paksi Rakyat (PAKSI).

Pemilihan naskhah ini adalah bersesuaian dengan tema kemanusiaan dan estetika yang baik untuk penghayatan masyarakat. Ia adalah berdasarkan Puisi Sasterawan Negara Usman Awang yang bertajuk 'Surat Dari Masyarakat Burung Kepada Datuk Bandar' (1979) dan 'Balada Terbunuhnya Beringin Tua Di Pinggir Sebuah Bandaraya' (1979).

'Teater Atas Pokok' (TAP) membawa maksud keseluruhan atau hampir keseluruhan persembahan akan dibuat (berlaku) di atas pokok. Tidak akan dibina sebuah pentas atau dipasang platform di atas pokok itu, sebaliknya pokok itu seperti asalnya dengan struktur dahan-dahannya seperti adanya itu akan dimanfaatkan untuk pergerakan para pelakon.

Maka TAP merupakan satu persembahan yang unik iaitu dengan membuat persembahan di ruang terbuka yang mana penonton boleh menonton persembahan ini dalam ruang 360 darjah (keliling). TAP bakal membuka ruang / dimensi / sempadan baru untuk berkarya dan ia akan menjadi peristiwa yang tercatat dalam sejarah seni-budaya di Malaysia.

Seni itu sesuatu yang kreatif dan sentiasa meneroka yang baru maka kemungkinan ia juga dengan sendirinya akan melahirkan satu bentuk seni baru. TAP yang dijangka akan dipentaskan pada pertengahan bulan November 2015 akan mendapat publisiti lebih luas dan berikutan itu mesejnya juga akan tersebar luas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SKIM CERIA

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan Skim Ceria dan tindakan pembaikan yang dilakukan dari tahun 2013-2015 mengikut PBT?
- b) Apakah kriteria bagi memohon skim ini?
- c) Berapakah jumlah permohonan yang lulus dan permohonan ditolak dari 2013-2015 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Perbelanjaan Skim CERIA mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2013 – 2015 adalah seperti berikut :

BIL	PBT	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	JUMLAH	
					KAWASAN	RM
1.	MBPJ	1,048,400.00	9,756,490.92	5,501,137.80	25	16,306,028.72
2.	MBSA	295,861.00	582,245.10	966,000.00	6	1,844,106.10
3.	MPAJ	305,644.40	326,215.00	1,545,174.00	9	2,177,033.40
4.	MPK	206,850.00	1,106,536.00	39,432.00	3	1,352,818.00
5.	MPSJ	602,423.86	1,627,959.60	1,361,991.50	14	3,592,374.96
6.	MPSp	1,062,616.00	504,782.60	778,559.40	4	2,345,958.00
7.	MPKj	-	3,634,985.67	2,526,201.90	24	6,161,187.57
8.	MPS	-	965,456.00	371,667.80	4	1,337,123.80
9.	MDHS	350,500.00	76,831.70	-	2	427,331.70
10.	MDKL	125,536.00	-	14,000.00	2	139,536.00
11.	MDKS	373,372.00	-	-	1	373,372.00
JUMLAH KESELURUHAN					94	36,056,870.25

- b) Antara kriteria utama bagi permohonan Skim CERIA ini adalah seperti berikut :
- i. Permohonan dibuat oleh Pengurusan Bangunan seperti JMB / MC / Pemaju / Ejen Pengurusan Berdaftar atau Persatuan Penduduk Berdaftar
 - ii. Pangsapuri adalah terdiri daripada kategori pangsapuri kos rendah (**Julat harga belian pertama/daripada pemaju : RM0-RM42,000.00**) dan pangsapuri kos sederhana rendah (**Julat harga belian pertama/daripada pemaju : >RM42,000.00-RM72,000.00**)
 - iii. Mempunyai kedudukan kewangan pengurusan yang stabil
 - iv. Permohonan baikpulih harta bersama pangsapuri adalah tidak termasuk baikpulih jenis kerosakan yang melibatkan kecacatan struktur bangunan
 - v. Pangsapuri yang memohon juga perlu mempunyai Sijil Layak Menduduki Bangunan (Certificate of Fitness).
- c) Permohonan yang lulus dan ditolak dari tahun 2013 – 2015 mengikut PBT adalah seperti berikut :

BIL	PBT	TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015		JUMLAH
		LULUS	TOLAK	LULUS	TOLAK	LULUS	TOLAK	
1.	MBPJ	10	-	12	1	6	-	29
2.	MBSA	2	-	4	2	5	-	13
3.	MPAJ	3	-	2	3	9	1	18
4.	MPK	1	-	14	-	2	-	17
5.	MPSJ	5	-	7	2	5	-	19
6.	MPSp	2	-	1	2	1	-	6
7.	MPKj	-	-	17	2	20	3	42
8.	MPS	-	-	7	-	3	-	10
9.	MDHS	1	-	2	-	-	-	3
10.	MDKL	1	-	-	-	1	1	
11.	MDKS	1	-	-	-	-	-	1
12.*	DBKL	-		-	2	-	-	2
	26	26	-	66	14	52	5	163

*** Permohonan ditolak kerana terletak di bawah Pentadbiran DBKL.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PANEL DIALISIS SIHAT SELANGOR

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria bagi dilantik sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor
- b) Berapakah perbelanjaan yang telah digunakan bagi program ini?
- c) Jumlah pesakit yang didaftarkan bawah Panel Dialisis Sihat Selangor

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 9/2015 yang bersidang pada 4 Mac 2015 telah bersetuju untuk menjalankan kerjasama strategik dengan Pusat Dialisis swasta yang sedang beroperasi di Negeri Selangor untuk dijadikan sebagai **Panel Dialisis Sihat Selangor**.

Objektif utama pelaksanaan Panel Dialisis Sihat Selangor adalah bagi membantu pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan dialisis secara berkala di pusat-pusat dialisis yang dilantik dan paling hampir dengan kediaman mereka.

Antara syarat-syarat lantikan Panel Dialisis Sihat Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Pusat Dialisis mestilah berada di dalam Negeri Selangor;
- ii. Lesen operasi yang masih sah (tidak tamat tempoh) dan dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- iii. Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tempat kosong;
- iv. Mempunyai kawasan yang bersih, kondusif dan selesa kepada pesakit yang menerima rawatan;
- v. Mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh KKM; dan
- vi. Pusat Dialisis mestilah berdaftar dengan Sistem Pembayaran Elektronik Kerajaan Negeri Selangor (SPEK).

Pada masa hadapan, Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik lebih banyak lagi Pusat Dialisis swasta untuk menjadi Panel Dialisis Sihat Selangor. Walau bagaimanapun, ianya perlu mematuhi syarat-syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

- b) Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1 juta bagi membiayai kos rawatan dialisis melalui Program Bantuan Sihat Selangor kepada pesakit-pesakit yang layak dan memerlukan bantuan bagi membiayai rawatan dialisis mereka.
- c) Jumlah pesakit yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Panel Dialisis Sihat Selangor yang dilantik bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:-

Bil	Pusat Dialisis	Jumlah Pesakit
1	Renal Care Dialysis Services Sdn. Bhd.	4
2	Pusat Hemodialisis Mawar	55
3	Pusat Dialysis Mesra S/B (Petaling)	43
4	Persatuan Dialisis Touch Petaling Jaya	5
5	Syukur Dialisis Sdn Bhd	19
6	Pusat Dialisis An-Nur Seksyen 13	6
7	Pusat Hemodialysis Harmoni (Kota Damansara)	6
8	Renal Team Dialysis Centre	1
9	Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd. (Taman Lestari Perdana)	-

10	Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd. (Pusat Putra Permai)	-
11	Subang Dialysis Centre (Asia Renal Network Sdn. Bhd.	9
12	Persatuan Dialisis Kurnia Petaling Jaya	-
13	Islah Dialisis Sdn. Bhd.	-
14	Pusat Hemodialysis Harmoni (Sg. Long)	-
15	Pusat Perubatan Dialisis (Cerqofy Sdn. Bhd.)	1
16	Pusat Dialisis Nephrocare (Klang)	2
17	Pusat Dialysis Mesra S/B (Klang)	34
18	Jerteh Dialysis Centre Sdn. Bhd.	32
19	Pusat Dialysis Mesra S/B (Kuala Selangor)	34
20	Yayasan Islam Darul Ehsan (Mais)	31
JUMLAH		282

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : TEMPOH MASA PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG (JALAN
PLB DAN JKR)**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula peraturan penyelenggaraan jalan PLB dan JKR supaya sesuai dengan keperluannya, misalnya jadual potong rumput daripada 3 bulan kepada 2 bulan sekali?
- b) Memberi tanggungjawab pemantauan dan peruntukan kepada JKJK untuk kontrak penyelenggaraan dan pembersihan kampung.

JAWAPAN:

- a) Ya. JKR telah membuat semakan semula rutin penyelenggaraan jalan JKR misalnya untuk jalan di kawasan luar bandar (jalan sekunder dan minor) pemotongan rumput akan dibuat 1 kali sebulan.
- b) Tidak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PINJAMAN BERJUMLAH RM413JUTA KEPADA KDEB UOLEH
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pinjaman yang berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada jumlah RM413juta pinjaman yang diberikan kepada KDEB untuk beli KHSB?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor juga mengambil pendeekatan untuk meminjam kepada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri dalam masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bagi pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) adalah sebanyak RM413.20 juta. Pinjaman tersebut dikenakan caj pembiayaan sebanyak 4 % setahun yang berjumlah RM 16.528 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman ialah RM 429.728 juta.

MMKN ke 45/2014 bertarikh 19 November 2014, melalui kertas MTES No. 6/35/2014 telah meluluskan penangguhan bayaran balik keseluruhan pinjaman tersebut selama setahun. Tarikh anuiti bayaran balik pinjaman yang baharu ialah pada 28 November 2015. KDEB telah membuat bayaran balik sebahagian berjumlah RM 5 juta. Baki pinjaman keseluruhan adalah berjumlah RM 424.728 juta.

Berikut adalah perkembangan yang berkaitan berhubung proses pengambilalihan 100% saham KHSB oleh KDEB:-

TARIKH	PERKARA (EVENTS)
17 Disember 2013	KHSB secara rasmi telah dikeluarkan daripada senarai Bursa Malaysia.
8 Mac 2014	a. Tawaran pengambilalihan mandatori saham biasa KHSB telah berakhir pada 8 Mac 2014 di mana KDEB hanya berjaya memegang sebanyak 94.8% ekuiti saham di dalam KHSB.

	<p>b. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebanyak 23,419,740 atau 5.2% saham biasa KHSB dimiliki oleh 3,111 pemegang-pemegang saham minoriti dengan pemegang saham minoriti terbesar iaitu Senrigan Capital yang memegang 17,880,660 atau 3.97% saham biasa KHSB.</p> <p>c. Cadangan asal pembayaran balik pinjaman adalah melalui terbitan <i>Redeemable Non Convertible RULS</i> sehingga berjumlah RM500 juta pada bulan Oktober 2014 selepas pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.</p> <p>d. KDEB telah mengenal pasti beberapa pelabur yang berpotensi untuk melanggan RULS. Walau bagaimanapun, berikutan keengganan pemegang saham minoriti terbesar KHSB iaitu Senrigan Capital untuk menjual saham mereka kepada KDEB, KDEB tidak berjaya memiliki 100% di dalam KHSB. Oleh yang demikian, cadangan terbitan RULS tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga pengambilalihan saham minoriti selesai memandangkan kelulusan dari pemegang saham minoriti adalah diperlukan bagi setiap transaksi pihak berkaitan.</p> <p>e. Bagi menjayakan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti KHSB oleh KDEB, KHSB akan melaksanakan Pengurangan Modal Terpilih dan Pelaksanaan Pembayaran (<i>“Selective Capital Reduction and Repayment Exercise atau SCR”</i>)</p>
18 Mac 2015	<p>Beberapa siri rundingan telah dijalankan di antara KDEB dan Senrigan Capital dari bulan Mac sehingga October 2014 memandangkan pelaksanaan cadangan Pengurangan Modal Terpilih dan Pelaksanaan Pembayaran memerlukan sokongan daripada pemegang saham minoriti terbesar KHSB. Senrigan Capital secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan ini. KDEB telah berjaya mengambilalih 8 juta saham KHSB daripada Senrigan pada 18 Mac 2015</p>

16 Oktober 2015	<p>KDEB telah menjalankan proses mendapatkan kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti, pihak bank dan pemiutang utama KHSB dan akhirnya pemegang-pemegang minoriti KHSB untuk melaksanakan SCR tersebut. Pada 16 Oktober 2015, KHSB melalui mesyuarat agung luar biasa (EGM) telah mendapat kelulusan daripada pemegang saham minority untuk SCR.</p> <p>Proses akhir ialah mendapatkan kelulusan Mahkamah Tinggi KL untuk SCR tersebut di mana ia dijangka akan diperoleh pada Disember 2015.</p>
-----------------	--

Oleh yang demikian, setelah mengambil kira bahawa kelulusan Mahkamah Tinggi KL adalah diperlukan untuk *Selective Capital Reduction (SCR)* dalam memastikan KDEB dapat memiliki 100% saham KHSB, di mana kelulusan ini dijangka akan diperoleh pada Disember 2015, maka MMKN Ke 34 / 2015 yang bersidang pada 28 Oktober 2015 telah menimbang dan meluluskan pelanjutan tempoh bayaran balik pinjaman KDEB tersebut selama tempoh (1) tahun iaitu daripada 28 November 2015 kepada 28 November 2016. Tempoh pelanjutan ini adalah bagi membolehkan KDEB merancang pembayaran balik pinjaman setelah KHSB menjadi milikan penuh (100%) KDEB.

- b) Kerajaan Negeri memberikan pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan penubuhan Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan-Badan Berkanun Dan Badan Lain. Kumpulan Wang ini terletak di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bertujuan untuk membantu membiayai aktiviti-aktiviti yang tidak dapat ditampung oleh peruntukan Kumpulan Wang Pengurusan Agensi, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan dasar untuk memberikan bantuan pembiayaan melalui pinjaman menerusi Kumpulan Wang ini. Baki Kumpulan Wang ini masih mencukupi untuk tujuan penyaluran pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

**TAJUK : KEPERLUAN PEKERJA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI DAN
PELABURAN INDUSTRI YANG BEGITU PESAT DI SELANGOR PADA
MASA KINI**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kerajaan negeri Selangor membantu pelabur-pelabur yang ingin melabur di Selangor bagi mendapatkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi?
- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor membantu melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi menampung keperluan industri?

JAWAPAN:

a) dan b)

Bagi membantu para pelabur yang ingin mendapatkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah melaksanakan program *Invest Selangor Talent Initiative* di mana di bawah program ini pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program Jom Kerja di beberapa daerah di Selangor bagi membantu penduduk tempatan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Sehingga kini, sebanyak 3 program telah diadakan di Daerah Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan hospital dan klinik kesihatan Kerajaan di Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah kerajaan negeri memberikan kerjasama bagi memudahkan pembinaan hospital dan klinik kesihatan baru di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan senarai Hospital dan Klinik Kesihatan Kerajaan di Negeri Selangor mengikut Pihak Berkuasa Tempatan :

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Klinik Kesihatan	Hospital
1.	Majlis Perbandaran Selayang	1. Batu 8, Gombak 2. Batu Arang 3. Gombak Setia 4. Kuang 5. Rawang 6. Selayang Baru 7. Taman Ehsan 8. Sungai Buloh	1. Hospital Selayang 2. Hospital Sungai Buloh 3. Hospital Orang Asli Gombak
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	1. Au 2 2. Ulu Kelang 3. Ampang 4. Pandan	1. Hospital Ampang
3.	Majlis Perbandaran Kajang	1. Balakong 2. Bandar Baru Bangi 3. Bandar Seri Putra 4. Batu 14, Hulu Langat 5. Batu 9, Hulu Langat 6. Beranang 7. Kajang 8. Semenyih 9. Sungai Chua 10. Sungai Sekamat	1. Hospital Kajang

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Klinik Kesihatan	Hospital
4.	Majlis Daerah Hulu Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kalumpang 2. Rasa 3. Serendah 4. Soeharto 5. Sungai Selisek 6. Ulu Yam Bharu 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hospital Kuala Kubu Bharu
5.	Majlis Perbandaran Klang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anika 2. Botanik 3. Bukit Kuda 4. Bukit Naga 5. Kapar 6. Meru 7. Pandamaran 8. Pelabuhan Klang 9. Pulau Indah 10. Pulau Ketam 11. Rantau Panjang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR)
6.	Majlis Daerah Kuala Langat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Batu 10 (Kebun Baru) 2. Bukit Changgang 3. Jenjarom 4. Kampung Bandar 5. Kanchong Darat 6. Sijangkang 7. Sungai Lang 8. Tanjung Sepat 9. Teluk Datok 10. Teluk Panglima Garang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hospital Banting
7.	Majlis Daerah Kuala Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bestari Jaya 2. Bukit Cherakah 3. Ijok 4. Jeram 5. Kuala Selangor 6. Sungai Tenggi Kanan 7. Tanjong Karang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hospitasl Tanjong Karang
8.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Batu 12 ½ Puchong 2. Paya Jaras 3. Puchong 	

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Klinik Kesihatan	Hospital
		4. Seri Kembangan	
9.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya	1. Kelana Jaya 2. Taman Medan	
10.	Majlis Bandaraya Shah Alam	1. Seksyen 19 2. Seksyen 7	1. Hospital Shah Alam
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	1. Bagan Terap 2. Merbau Berdarah 3. Parit Baru 4. Sabak Bernam 5. Sekinchan 6. Sungai Air Tawar 7. Sungai Besar 8. Simpang Lima	1. Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ)
12.	Majlis Daerah Sepang	1. Dengkil 2. Salak 3. Sepang 4. Sungai Pelek	

- b) Pihak pemaju Sime DARBY Berhad melalui kebenaran merancang untuk pelaksanaan projek perumahan Bukit Raja Fasa 2 dikehendaki memperuntukkan tanah seluas 50 ekar untuk tujuan pembinaan hospital. Kerajaan Negeri Selangor telah memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia tentang kedudukan tanah Hospital Kapar seluas 60 ekar. Status terkini pihak Kerajaan Negeri Selangor masih belum memaklumkan secara rasmi persetujuan penyerahan tanah tersebut kepada pihak Kementerian dan pihak pemaju Sime Darby memaklumkan bahawa urusan penyerahan tanah masih di peringkat perbincangan dengan Kerajaan Negeri.

Bagi pembinaan klinik, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk pembinaan Klinik Desa Sungai Bertik yang baru di Daerah Klang untuk makluman klinik asal terpaksa dirobuhkan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Jambatan Ketiga Klang yang dikawal selia oleh JKR Selangor sebagai Agensi Pelaksana. Klinik Desa yang baru merupakan Klinik Kesihatan Jenis Tujuh yang ditempatkan di tapak berkeluasan dua ekar iaitu merupakan tapak pejabat pembinaan untuk projek Jambatan Ketiga Klang sedia ada dan tapak tersebut milik Kerajaan Negeri Selangor. Anggaran kos pembinaan bangunan Klinik Kesihatan Jenis

Tujuh ialah sebanyak RM7 juta termasuk kos pembinaan bangunan, peralatan perubatan dan empat unit kuarters.

Kaedah pembinaan menggunakan kaedah *industrialised building system* (IBS dan tempoh pembinaan selama 6 bulan. Kerajaan Negeri Selangor akan menyerahkan bangunan Klinik Kesihatan dan tanah berkeluasan dua ekar setelah projek pembinaan bangunan klinik tersebut telah siap dibina. Untuk operasi sementara, operasi Klinik Desa Sungai Bertik beroperasi di pusat komersial berhampiran dengan tapak asal klinik dan kos penyewaan bulanan serta kos renovasi klinik sementara dibiayai oleh peruntukan kerajaan negeri. Status semasa, pihak Jabatan Kesihatan Selangor dan Kementerian Kesihatan telah memajukan *Need Of Statement* untuk skop pembinaan Klinik Kesihatan Jenis Tujuh ini kepada pihak JKR Selangor untuk proses penyediaan rekabentuk.

HOSPITAL DAN KLINIK DALAM PEMBINAAN DI BAWAH RMK – 10

1. KOMPLEKS OBSTETRIK, HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG
2. KERJA-KERJA PEMBAIKAN SILING, HOSPITAL SERDANG
3. KUARTERS INTEGRASI, HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG
4. KLINIK DESA 2G SUNGAI LUI, HULU LANGAT
5. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 SIMPANG LIMA, SABAK BERNAM
6. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 KOTA DAMANSARA, PETALING
7. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 BANDAR TUN HUSSEIN ONN, HULU LANGAT

HOSPITAL DAN KLINIK DALAM PERANCANGAN DI BAWAH RMK – 10

1. KLINIK PERGIGIAN TANJUNG KARANG, KUALA SELANGOR
2. HOSPITAL TANJUNG KARANG
3. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 KAPAR, KLANG
4. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 PUCHONG, PETALING
5. BLOK PERGIGIAN BUKIT CHANGGANG, KUALA LANGAT
6. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 GOMBAK SETIA, GOMBAK
7. NAIKTARAF *HIGH DEPENDENCY WARD*, HOSPITAL SUNGAI BULOH
8. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 SELAYANG BARU, GOMBAK
9. NAIKTARAF WAD PENYAKIT BERJANGKIT, HOSPITAL SUNGAI BULOH
10. PEMBINAAN DEWAN BEDAH DAN CSSD BARU, HOSPITAL BANTING
11. STOR FARMASI, HOSPITAL ORANG ASLI, GOMBAK
12. KUARTERS KLINIK KESIHATAN PULAU KETAM, KLANG
13. PUSAT KARDIOLOGI, HOSPITAL SERDANG
14. NAIKTARAF SISTEM ELEKTRIK, HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG

CADANGAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN RANCANGAN MALAYSIA KE SEBELAS (RMK-11)

Berikut merupakan senarai projek yang telah diluluskan diperingkat Kementerian bagi Rolling pertama (RP 1) :

1. KLINIK KESIHATAN JENIS 2 BANDAR KINRARA, PETALING.
2. KLINIK KESIHATAN JENIS 3 DAN KUARTERS (2F &2G) SIJANGKANG, KUALA LANGAT
3. KUARTERS INTERGRASI KLINIK KESIHATAN SOEHARTO (16G) (GANTIAN), HULU SELANGOR
4. KLINIK PERGIGIAN SEKINCHAN, SABAK BERNAM
5. PEMBINAAN IBU PEJABAT PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
6. NAIKTARAF ICU HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG
7. 8 UNIT KUARTERS KELAS G KLINIK KESIHATAN BATU ARANG, GOMBAK (GANTIAN)
8. NAIKTARAF HOSPITAL KAJANG
9. 8 UNIT KUARTERS KELAS G KLINIK KESIHATAN BERANANG, HULU LANGAT (GANTIAN)
10. PROJEK NAIKTARAF WAD-WAD PENYAKIT BERJANGKIT (FASA 2), HOSPITAL SUNGAI BULOH
11. MENAIKTARAF WAD SEDIA ADA UNTUK DIJADIKAN MAKMAL GENETIK HOSPITAL SUNGAI BULOH
12. PUSAT KECEMERLANGAN KEMAHIRAN KEPAKARAN PERUBATAN KKM, DI SUNGAI BULOH
13. MENAIKTARAF SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (BPFK), PETALING
14. MENAIKTARAF WAD-WAD DI PKKN UNTUK DIJADIKAN JABATAN O&G, HOSPITAL SUNGAI BULOH
15. PEROLEHAN TANAH HOSPITAL KAPAR, KLANG, SELANGOR
16. *CENTRE FOR DISEASE CONTROL AND PREVENTION (CDC) MALAYSIA* DI SUNGAI BULOH
17. BLOK TAMBAHAN BARU MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN, DI SUNGAI BULOH
18. HOSPITAL CYBERJAYA, SEPANG

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : TANAH RIZAB ORANG ASLI

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan keluasan tanah rizab orang asli yang digazetkan sejak May 2013 sehingga sekarang? Senaraikan.
- b) Sila nyatakan tanah-tanah yang dalam proses mendapatkan pelan pra-hitungan dan berapa lama telah diambil?
- c) Bagaimanakah kerajaan boleh mempercepatkan proses pengazetan tanah rizab orang asli?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Keluasan rizab Orang Asli yang terkini yang diukur adalah 300. Seluas 333.78 ekar ianya berada di daerah Hulu Selangor dan Kuala Langat. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui MMKN yang Ke 31/2015 pada 22 September 2015 secara dasarnya telah meluluskan permohonan pewartaan penempatan Orang Asli dan tindakan untuk proses pewartaan sedang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Sepang. Tanah Rizab tersebut seluas 210.257 ekar yang terdiri daripada tiga kampung Orang Asli di Daerah Sepang.

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor berusaha dalam proses, peringkat proses untuk mendapatkan pelan pra-hitung tanah Orang Asli bagi tujuan pewartaan sebagai rizab Orang Asli. Anggaran masa untuk proses ini adalah daripada permulaan pemetaan komuniti dan pemetaan pelan pra-hitungan boleh mengambil masa sebanyak selama satu tahun. Antara kawasan-kawasan tersebut yang dalam proses untuk mendapat pelan pra-hitungan adalah seperti Kampung Orang Asli Pulau Banting, Kampung Orang Asli Kepau Laut.

Kedua-duanya di Daerah Kuala Langat. Di Daerah Sepang adalah Kampung Orang Asli Jambu, Kampung Orang Asli Bukit Tampoi Tasek Seberang dan Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sungai Pelek dan jumlah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membuat pelan pra-hitungan adalah RM191,828.20. Lokasi-lokasi Kampung Orang Asli yang dalam tindakan untuk mendapat sebut harga bagi penyediaan pelan pra-hitungan adalah:-

1. Kampung Orang Asli Sungai Kelubi
2. Kampung Orang Asli Sungai Naning

Kedua-duanya di Hulu Selangor dan juga di Hulu Langat *respectively* dengan izin dan Kampung Orang Asli Bukit Jenok dan Kampung Orang Asli Galor di Daerah Sepang.

Jadi kita sedang tunggu sebut harga daripada syarikat-syarikat yang berkenaan dan soalan daripada Damansara Utama macam mana Kerajaan boleh mempercepatkan proses penggazetan tanah rizab Orang Asli sebenarnya prosesnya bukan senang dan bukan cepat ianya adalah satu proses di mana ada beberapa peringkat dan setakat ini KPI ataupun fokus *target* kita untuk menggazetkan beberapa kampung-kampung Orang Asli di Negeri Selangor adalah menepati masa yang dirancangan.

Dengan izin, Tuan Speaker, saya juga ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 252 daripada Yang Berhormat Jeram tentang Orang Asli juga, soalan pokoknya adalah berkenaan bantuan Kerajaan Negeri kepada Mualaf Orang Asli yang melalui MAIS pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

1. Bantuan bina rumah, 48 bilangan rumah. Amaun yang dikeluarkan oleh MAIS adalah RM2.669 juta.
2. Bantuan modal perniagaan berjumlah RM48.4 ribu. Maksudnya empat puluh lapan ribu empat ratus ringgit.
3. Bantuan pendidikan kepada 17 mahasiswa ataupun pelajar mualaf Orang Asli jumlahnya adalah RM104,200.00.

Selain daripada itu terdapat pelbagai bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak MAIS kepada asnaf mualaf Selangor termasuk Orang Asli seperti bantuan bulanan sebanyak RM300.00 bagi individu mualaf berumur 18 tahun ke atas dan tambahan RM100.00 bagi setiap tanggungan Ketua Keluarga.

Jumlah soalan kedua daripada Jeram adalah jumlah keluasan hasil pemetaan komuniti tanah adat Orang Asli untuk tahun ini adalah 3,779.33 ekar yang terdiri daripada kawasan penempatan Orang Asli dan juga kawasan rayau Orang Asli dan untuk tahun 2014 dan tahun 2015 kita telah adakan beberapa program ataupun projek pembangunan untuk dua-dua tahun ini kita fokus

kepada satu projek yang dipanggil projek tanpa rumah. Maksudnya kita, bantu membina rumah baru yang dirosakkan kerana dirosakkan oleh bencana banjir ke, api dan sebagainya ataupun yang amat-amat miskin. Jadi jumlah unit yang dibina untuk tahun 2014 adalah 13 unit berjumlah RM257,000.00 dan untuk tahun 2015 kita dalam proses untuk membina 21 unit rumah di Negeri Selangor khasnya untuk Orang Asli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : AGIHAN DAN PERUNTUKAN SEKOLAH-SEKOLAH

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri yang diagihkan, mengikut kajian serta keperluan dalam pembangunan sesuatu sekolah (SJK(t), SJK(c), SAR) ?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan agihan Program Bantuan Sekolah dilaksanakan dengan mengkaji keperluan sekolah-sekolah melalui dua kaedah iaitu:
- i. berdasarkan maklumat keperluan sekolah yang dinyatakan di dalam borang permohonan bantuan sekolah; dan
 - ii. melalui mesyuarat agihan bantuan sekolah yang diadakan bersama Ahli Dewan Negeri dan wakil Pusat Khidmat masyarakat .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANTUAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai di Selangor yang mendapat pertolongan daripada Bahagian Bantuan Sokongan Keluarga mengikut tahun sejak diwujudkan?
- b) Bagaimana BSK dapat membantu ahli keluarga yang dalam proses perceraian, selain daripada bantuan nafkah?

JAWAPAN:

- a) Sejak penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga pada 2009 sehingga 13 Oktober 2015, sebanyak 726 kes telah dibantu di Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP).
- b) Jabatan Kehakiman Syariah Selangor BSK menyediakan bantuan pendahuluan nafkah yang akan diberikan kepada plaintif/ bekas isteri yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Selain bantuan pendahuluan nafkah tersebut, BSK juga memberi khidmat nasihat perundangan mengenai prosedur-prosedur mahkamah yang perlu diketahui dan tindakan penguatkuasaan yang harus diambil sekiranya perintah yang telah dikeluarkan tidak dipatuhi oleh pihak Defendan terutama sekali berkaitan dengan perintah nafkah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : LEBUHARAYA DASH

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan muktamad kerajaan negeri berkenaan pembinaan lebuhraya DASH?
- b) Apakah maklum balas kerajaan negeri berhubung memorandum "Yes To DASH"?

JAWAPAN:

a) dan b)

Dan untuk mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan saya pohon izin daripada Yang Berhormat Tuan Speaker untuk mengambil sedikit masa bagi memberikan fakta tentang pembinaan Lebuh Raya DASH. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diadakan pada 7 Disember 2011 dan disahkan pada 14 Disember 2011 telah menimbang dan bersetuju supaya Jabatan Perancang MBSA dan MBPJ mengkaji dan meneliti dengan terperinci pembinaan lebuhraya ini dan jajaran-jajarannya untuk diselaraskan dengan pelan struktur Kerajaan Negeri Selangor. Selaras dengan keputusan tersebut, pada 8 Februari 2012 sehingga 23 Februari 2012 pihak MBSA dan MBPJ telah mengambil tindakan untuk membenteng dan mempamerkan pameran dan taklimat awam. Hasil daripada pameran awam tersebut, maklum balas yang didapati adalah 98% bersetuju dengan pembangunan DASH manakala 2% sahaja yang tidak bersetuju. Setelah tindakan pameran awam tersebut dilaksanakan, cadangan jajaran Lebuhraya DASH telah sekali lagi dibawa ke Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuarat MTES pada 12 April 2012 dan kemudiannya dibenteng dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 April 2012. Dalam mesyuarat berkenaan, MMKN telah bersetuju supaya jajaran Lebuhraya DASH dimasukkan ke dalam Pelan Rancangan Tempatan MBSA dan MBPJ. Kerajaan Negeri juga meminta supaya Kerajaan Persekutuan memasukkan klausa apabila kutipan dan keuntungan telah mencapai sasaran. Projek perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Ini termasuk penamatan tempoh konsesi jika pulangan yang diunjurkan dicapai lebih awal. Pada masa yang sama, bagi memastikan pengagihan keuntungan projek yang adil maka klausa untuk *down side* juga perlu diadakan jika sasaran tidak tercapai. 2 jenis pulangan perlu dinyatakan di dalam perjanjian konsesi berkaitan pembinaan lebuhraya ini iaitu *construction return* dan *equity return*. Pada 21 November 2012 laporan EIA telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Tempoh kelulusan EIA berkenaan adalah sehingga 21 November 2016. Selain daripada laporan EIA, laporan TIA ataupun *Traffic Impact Assesment* juga telah disediakan pada 11

Mac 2013 dan dikemukakan kepada agensi yang terlibat iaitu Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan PBT-PBT yang berkenaan. Kemudian daripada itu, jajaran DASH telah dimasukkan ke dalam Draf Rancangan Tempatan Shah Alam dan Publisiti Awam ke atas Draf Rancangan Tempatan ini telah diadakan pada 22 Ogos sehingga 20 September 2013. Berdasarkan kepada EIA dan TIA yang telah diluluskan itu dan serta pendengaran awam yang telah dibuat maka Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 1 Tahun 2014 yang bersidang pada 10 Februari 2014 telah mengesahkan kemasukan jajaran DASH dalam Rancangan Tempatan Shah Alam Pengubahan 2/2020 MBSA.

Apabila saya dilantik Menteri Besar pada bulan 37 September 2014, saya telah menerima kunjungan daripada kumpulan "Say No To DASH" pada 16 Disember 2014. Dalam perbincangan tersebut, mereka telah memaklumkan pada prinsipnya mereka menerima pembangunan Lebuh Raya DASH. Namun bantahan yang dikemukakan oleh mereka adalah jajaran yang melalui Damansara Perdana. Perbincangan dengan "Say No To DASH" turut dihadiri oleh Yang Berhormat daripada Bukit Lanjan sebagai wakil kawasan yang berkenaan dan juga Yang Berhormat Ahli Parlimen Subang. Maka, saya telah mengambil inisiatif, saya telah mendengar pandangan dan maklum balas daripada Kumpulan "Say No To DASH" untuk mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Fadhillah bin Haji Yusof bersama dengan pegawai-pegawai tertinggi dari Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 19 Mac 2015. Dalam pertemuan tersebut, saya memaklumkan tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Kumpulan "Say No To DASH" dan meminta supaya pihak Kementerian dan LLM serta pihak Prolintas dalam meneliti bantahan tersebut dan seterusnya mengemukakan opsyen-opsyen lain terus kepada penduduk-penduduk yang berkenaan dengan mengambil kira pandangan yang telah diluahkan dalam pertemuan tersebut. Saya juga telah meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengambil kira pandangan penduduk yang terlibat pada jajaran yang terakhir iaitu yang melalui Damansara Perdana. Pihak LLM dan Prolintas telah mengambil langkah segera untuk mempertimbangkan bantahan-bantahan yang dikemukakan pada ketika, dan pada ketika ini sedang berlaku proses perbincangan dengan pihak penduduk yang berkenaan. Saya difahamkan pihak Prolintas telah mengemukakan *design* baru untuk jajaran yang terakhir dan akan dikemukakan kepada penduduk untuk mendapatkan maklum balas sebelum keputusan terakhir diperolehi. Dalam pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tersebut, Kerajaan Negeri juga telah memaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan Seksyen 20A di bawah Akta 172 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 telah menyatakan bahawa menjadi kewajipan setiap jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang mengenai apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang untuk dijalankan di dalam negeri itu. Ini bermakna, Seksyen 20A membolehkan *engagement* dilakukan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Dalam pertemuan itu juga Kerajaan Negeri telah menegaskan tentang hasrat Kerajaan Negeri untuk merealisasikan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian sebanyak 60:40 berbanding nisbah yang telah ditetapkan oleh SPAD iaitu 40:60. Seperti yang telah saya nyatakan dalam pembentangan Belanjawan 2016 Negeri Selangor, tekanan pembangunan yang pesat di negeri ini telah melebihi kemampuan kapasiti sistem pengangkutan yang sedia ada. Justeru itu Kerajaan Negeri yakin pembangunan infrastruktur pengangkutan perlu beranjak kepada sistem pengangkutan awam yang bersepadu, berkapasiti tinggi dan lestari serta mesti diselaraskan dengan penggunaan tanah yang optima. Sekali lagi saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa lebuh raya bukan penyelesaian mutlak kepada masalah pengangkutan. Pelan struktur sistem pengangkutan awam perlu mengambil kira pandangan ramai

keperluan pertumbuhan baru, kepadatan penduduk dan juga zon pembangunan TOD di Negeri Selangor. Terima kasih semua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PEMASANGAN CCTV DI DUN TERATAI

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit CCTV yang telah dan akan dibekalkan di sekitar DUN Teratai demi keselamatan penduduk dalam tahun 2013-2016?
- b) Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.**

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 10 unit CCTV telah dipasang sekitar Dun Teratai dengan penggunaan kos sebanyak RM113,580.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PASUKAN KAWALAN KESELAMATAN KAMPUNG (PKK) JKJK.

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat dan peranan penubuhan pasukan ini serta bajet kewangan yang diluluskan?
- b) Bagaimanakah pasukan ini beroperasi tanpa peruntukan kewangan tahunan?
- c) Berapakah peruntukan tahunan yang telah diserahkan?

JAWAPAN:

a) dan c)

Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk kampung di negeri Selangor. Sehubungan itu, pada tahun 2013 Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pelaksanaan Program Pasukan Kejiranan Kampung (PKK) di Kampung Tradisi, Kampung Baru/Tersusun/Bagan dan Komuniti India dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2,460,000.00. Pada tahun 2014, program ini telah diteruskan pelaksanaannya di 368 buah Kampung Tradisi yang melibatkan implikasi kos berjumlah RM1,840,000.00. Melalui program ini, setiap kampung telah diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 bagi melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan kampung dengan lebih efektif dan cekap.

Objektif utama penubuhan PKK di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Selangor. Di samping itu, penubuhan ini akan meningkatkan hubungan kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk kampung sendiri. Namun begitu, adalah menjadi peranan ahli-ahli JKJK sendiri di dalam menjaga keselamatan kampung supaya kehidupan masyarakat kampung diperkukuhkan. Dengan wujudnya PKK di peringkat kampung tradisi, keselamatan dan kesejahteraan kampung telah dapat dipertingkatkan.

- b) Pengwujudan PKK adalah bersifat sukarela bagi membantu mengurangkan kadar jenayah di kampung dan tidak melibatkan pembayaran elaun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5,000.00 secara *one-off* kepada setiap kampung bertujuan untuk pembelian peralatan keselamatan. Dengan pemberian peralatan keselamatan tersebut, diharapkan agar PKK dapat berfungsi dengan lebih efektif dan cekap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN INDIA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status perancangan untuk mewujudkan Pusat Kebudayaan India?

JAWAPAN:

a) Pusat Kebudayaan India adalah salah satu daripada tiga buah pusat kebudayaan yang dirancang di dalam pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India oleh Kerajaan Negeri.

Semenjak sidang Dewan yang lalu, Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha yang proaktif dalam usaha mengenal pasti permasalahan dan langkah yang perlu diambil bagi memastikan hasrat mewujudkan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini menjadi kenyataan.

Hasil kerjasama yang telah diberikan daripada semua pihak, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pusat Kebudayaan Negeri pada 15 Julai 2015 yang lalu yang akan dipengerusikan bersama oleh Y.B Tuan Amirudin Bin Shari yang mewakili Pusat Kebudayaan Melayu, Y.B Dato' Teng Chang Khim yang mewakili Pusat Kebudayaan Cina dan Y.B Tuan Ganabatirau Veraman yang mewakili Pusat Kebudayaan India.

Jawatankuasa Pemandu ini terdiri daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK), Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Parit dan Saliran Negeri Selangor (JPS) manakala Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bertindak selaku Urus setia.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti tanah-tanah yang terlibat dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Klang di mana pada masa yang sama terdapat beberapa perkara berkaitan perundangan, pemilikan dan pembangunan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu memandangkan lokasi tanah-tanah yang telah dikenal pasti terletak di kawasan pembangunan dan kediaman sedia ada.

Bagi memastikan perancangan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini mengikut perancangan asal seperti yang telah dirancang terdahulu, Kerajaan Negeri juga masih dalam usaha mengumpulkan semula *blueprint* pelan pembangunan asal daripada pihak yang terlibat. Pada masa yang sama, *blueprint* sedia ada ini akan menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri untuk menghasilkan satu (1) pelan tindakan pembangunan yang komprehensif sebelum pembinaan Pusat Kebudayaan Melayu Cina dan India ini dapat dimulakan. Memandangkan kos pembangunan yang begitu besar, Kerajaan Negeri harus meneliti perkara-perkara teknikal supaya perancangan dan pemajuan ini dapat berjalan lancar dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan *stakeholders* yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PEMBENIHAN AWAN

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan melakukan pembenihan awan bagi mengatasi masalah jerebu dan kemarau pada masa akan datang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk melakukan kerjasama pembenihan awan dengan pihak luar?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) komited untuk melaksanakan operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air empangan Negeri Selangor bagi meningkatkan intensiti hujan yang seterusnya akan meningkatkan kapasiti takungan empangan bermula pada 21 Februari 2015 hingga 31 Disember 2015 tertakluk kepada kesesuaian cuaca. Walau bagaimanapun bagi operasi pembenihan yang melibatkan masalah jerebu ia dikendalikan oleh pihak Jabatan Meteorologi Malaysia dengan kerjasama pihak pembekal perkhidmatan yang dilantik.
- b) Pada masa ini operasi pembenihan awan dijalankan menggunakan tenaga kepakaran di dalam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia dan pembekal perkhidmatan yang dilantik iaitu syarikat AFJets Sdn. Bhd. dan tidak melibatkan kerjasama dengan pihak luar. Bahan yang digunakan bagi operasi pembenihan awan ialah 'hygroscopic flare' merupakan hablur garam *Natrium Chlorida (NaCl)* bersaiz nano yang bertindak sebagai *Cloud Condensation Nuclear (CNN)* yang diperlukan oleh wap air di udara untuk menjadi titisan air hujan. Sehingga 26 Oktober 2015, sebanyak 406 penerbangan telah dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT LUAR UNTUK SETIAP PIHAK
BERKUASA TEMPATAN DI NEGERI SELANGOR**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) MMKN telah membuat keputusan untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit Luar untuk setiap kawasan PBT tetapi sehingga kini ianya masih belum ditubuhkan. Adakah Jawatankuasa tersebut masih akan ditubuhkan atau ianya akan dibatalkan?
- b) Apakah tugas and skop kerja Jawatankuasa tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri secara dasarnya telah meluluskan cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit Luar Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 2/2015 yang diadakan pada 14 Januari 2015. Namun pelaksanaannya masih tertangguh kerana Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan keanggotaan Jawatankuasa tersebut yang terdiri daripada kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berikutan ulasan dan pandangan oleh pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri berkenaan isu kuasa Kerajaan Negeri dalam melantik pengerusi dan ahli jawatankuasa tersebut serta bidang-bidang tugasnya.

Antara bidang tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa yang dicadangkan adalah seperti di bawah:-

- i. Memperoleh dan menyemak semua maklumat/ dokumen berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuklah proses bayaran kepada kontraktor bagi melaksanakan tugas pengauditan;
- ii. Mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan/ Kerajaan Negeri kaedah-kaedah bagi mengatasi kelemahan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan;

- iii. Jawatankuasa Audit Luar ini hendaklah bermesyuarat secara berkala yang ditentukan oleh Jawatankuasa; dan
- iv. Jawatankuasa Audit Luar hendaklah melaporkan kepada Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan berkenaan:-
 1. Status penyelesaian aduan awam/penduduk terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Pihak Berkuasa Tempatan yang gagal diatasi;
 2. Maklumbalas penambahbaikan atau cadangan mengatasi apa-apa kelemahan dalam dasar pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di peringkat PBT; dan
 3. Mencadangkan lain-lain hal berkaitan perkara yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Audit Luar untuk perhatian dan tindakan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PELANCONGAN

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bagaimanakah sektor pelancongan boleh menambah pendapatan negeri.
- b) Nyatakan kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.
- c) Kerjasama pihak swasta dan kerajaan dalam kempen menarik pelancong ke Selangor, nyatakan jumlah peningkatan atas usaha ini.

JAWAPAN:

- a) Secara umumnya pelancongan merujuk kepada pelancongan libur dan pelancongan perniagaan, membawa kesan secara langsung terhadap hasil pendapatan negeri melalui kutipan premium tanah, cukai tanah dan pintu ke atas pertumbuhan sihat pembangunan industri pelancongan. Pada masa yang sama, aktiviti pelancongan juga telah memberi manfaat kepada subsektor penginapan, membeli-belah, perubatan dan kesihatan, produk pelancongan (iaitu eko-pelancongan, pelancongan kapal persiaran dan aktiviti lain yang berkaitan), makanan dan minuman serta pengangkutan dalam negeri (*inbound*) dan pengangkutan domestik secara tidak langsung. Peningkatan penawaran peluang pekerjaan melalui pertumbuhan pesat industri pelancongan juga memberi impak kepada pendapatan negeri secara menyeluruh.

Peningkatan kedatangan pelancong ini secara langsung telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan dan barangan berkaitan pelancongan.

- b) Negeri Selangor adalah sebuah negeri yang amat bertuah kerana kedudukan dan lokasinya mengelilingi Kuala Lumpur dan Putrajaya serta mempunyai jaringan lebuhraya dan perkhidmatan pengangkutan yang termoden di Malaysia. Pada masa yang sama, Negeri Selangor sebagai negeri yang termaju di Malaysia juga mempunyai keindahan alam semula jadi yang menjadi tarikan pelancong di samping produk-produk pelancongan moden dan baru yang boleh diketengahkan. Tourism Selangor selaku badan promosi rasmi negeri dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor, di dalam Penyediaan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035, telah mengenal pasti beberapa zon produk pelancongan di Negeri Selangor yang mempunyai banyak

kawasan yang berpotensi menjadi kawasan pelancongan adalah seperti berikut :

- i. Zon Pelancongan Semula jadi - daerah yang telah dikenal pasti ialah :
 1. Kuala Selangor
 2. Sabak Bernam
 3. Hulu Selangor
 4. Sepang

- ii. Zon Pelancongan Sukan , membeli Belah dan M.I.C.E. – daerah yang telah dikenal pasti ialah :
 1. Petaling

- iii. Zon Pelancongan Warisan – daerah yang telah dikenal pasti ialah:
 1. Klang
 2. Kuala Langat

Berikut pula adalah antara produk pelancongan yang boleh diberi perhatian dan berpotensi untuk dibangunkan. **Rujuk Lampiran A.**

- c) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kempen dan program promosi untuk menarik pelancong ke negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan telah banyak mengadakan kerjasama bersama pihak luar, bukan sahaja daripada pihak swasta bahkan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berminat untuk bersama-sama meningkatkan industri pelancongan negeri.

Peningkatan terhadap kesan kerjasama pihak swasta dan Kerajaan dalam kempen menarik pelancong ke Selangor ini dapat dilihat melalui statistik kedatangan pelancong ke Negeri Selangor.

Sehingga bulan Julai 2015, Jumlah kedatangan pelancong yang datang ke Negeri Selangor adalah seramai 5,280,646 orang iaitu, terdiri daripada 2,991,564 orang pelancong domestik dan 2,289,982 orang pelancong luar negara. Berbanding dengan tahun yang sebelumnya iaitu Julai 2014, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 8.3%. Jumlah kedatangan pelancong pada Julai 2014 seramai 4,843,911 orang.

Kerjasama daripada pihak swasta dan kerajaan ini amatlah diperlukan bagi menggalakkan industri pelancongan di Negeri Selangor. Tourism Selangor selaku badan promosi rasmi negeri, sememangnya berkolaborasi dengan beberapa buah badan dan organisasi swasta untuk mempromosikan industri pelancongan di Negeri Selangor. Antara usaha sama yang telah dijalankan serta berterusan adalah seperti berikut:-

1) Kempen promosi Tahun Melawat Selangor 2015.

Kerajaan Negeri Selangor telah memilih tahun 2015 sebagai Tahun Melawat Selangor dan program ini merencanakan lagi industri pelancongan di Negeri Selangor dan dapat meningkatkan lagi pendapatan kepada semua pemain industri sekali gus meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke Negeri Selangor. Melalui kempen ini, Kerajaan Negeri juga mendapat sokongan pelbagai pihak termasuklah pihak swasta khususnya dalam bidang pelancongan dalam sama-sama mempromosikan kempen Tahun Melawat Selangor 2015. Antaranya penggunaan logo Tahun Melawat Selangor di dalam poster pakej pelancongan, penyediaan pakej pelancongan, promosi melalui laman web rasmi syarikat swasta, media sosial syarikat swasta dan penganjuran acara pelancongan yang dianjurkan bersama syarikat swasta.

2) Kerjasama dan sokongan melalui acara pelancongan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor menganjurkan pelbagai acara pelancongan yang juga mendapat sokongan dan tajaan bersama syarikat swasta. Juga beberapa acara yang dianjurkan oleh pihak swasta yang mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri. Antara acara yang telah dianjurkan adalah seperti yang berikut:

- i. Sambutan dan Pelancaran TMS 2015
- ii. Malaysian Women Marathon 2015
- iii. Selangor Chocolate Fair 2015
- iv. Wings Of Kuala Kubu Bharu
- v. Selangor Food Fest 2015
- vi. Selangor Islamic Festival 2015
- vii. Festival Orang Asal 2015
- viii. Bon Odori 2015
- ix. Selangor Golf Master 2015
- x. Kejohanan Antarabangsa Paragliding 2015
- xi. Kuala Lumpur Photography Festival 2015
- xii. Raja Muda Regatta 2015

3) Siri Promosi

Tourism Selangor bersama-sama dengan pihak swasta juga telah turut mempergiatkan siri promosi dan pihak swasta selaku pemain industri pelancongan juga menyediakan pakej-pakej pelancongan bagi menarik pelancong datang ke Negeri Selangor. Usaha ini akan diteruskan bagi tahun yang akan datang. Antara siri promosi yang telah disertai oleh Tourism Selangor bersama pihak swasta ialah:

- i. Asean Tourism Forum 2015, Myanmar
- ii. PATA Travel Mart India 2015, India
- iii. ITB Berlin 2015, German
- iv. ATM Dubai 2015, U.A.E
- v. KOFTA 2015, Korea
- vi. Selangor Table Top, Batam Indonesia 2015, Indonesia
- vii. Guangzhou International Travel Fair 2015, China
- viii. Malaysia Truly Asia Fair 2015, Singapore

Selain promosi di peringkat antarabangsa, Tourism Selangor turut memperkembangkan siri promosi dalam negeri (domestik) bersama dengan pihak swasta antaranya :

- i. MATTA Fair 2015, PWTC
- ii. Johor Travel Fair 2015, Johor Bahru

4) Program CSR dan juga Kajian Pembangunan di Pusat Pelancongan Negeri Selangor

Selain itu juga, Tourism Selangor turut giat menjalankan program Tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang merupakan salah satu usaha kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang akan membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. Dengan adanya program ini, kolaborasi antara pihak kerajaan melalui Tourism Selangor dan juga swasta dapat membantu meningkatkan pembangunan dan juga promosi kepada sesuatu tempat pelancongan. Antara usaha sama yang telah dan giat dijalankan adalah seperti yang berikut:-

- i. Program CSR TNB di Kompleks Kelip-Kelip Kampung Kuantan Negeri Selangor. Program ini merupakan usaha TNB dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dalam mengekalkan ekosistem habitat kelip-kelip ini daripada mengalami ancaman kepupusan, di samping menaik taraf infrastruktur, promosi dan penyelidikan pusat tersebut dan merupakan sebahagian daripada projek komuniti dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB.
- ii. Program CSR di Hutan Rekreasi dan Air Terjun di negeri Selangor. Pelbagai usaha dan program khas yang dianjurkan oleh pihak swasta dengan tujuan untuk mempromosikan dan juga menganjurkan program CSR dalam memberi sumbangan kebajikan di kawasan pelancongan. Antara program yang dijalankan adalah seperti di Sungai Chongkak Park and Resort dan juga di Hutan Lipur Kanching. Antara pengisian yang

dijalankan ialah Hike Up and Clean, Projek Tanaman Pokok, dan Mengutip Sampah di Hutan Rekreasi.

LAMPIRAN A

Bil	Jenis Pelancongan	Agensi Pelaksana	Lokasi		
1	Pelancongan Eko (Eco Tourism)	MPSJ	a) Projek Green Tourism, Bandar Bukit Puchong, MPSJ		
			b) Bandar Hijau Dan MPSJ Green City 2030 Wishlist, MPSJ		
		MBSA	a) Taman Tasik Shah Alam, Seksyen 14		
			b) Taman Hutan Lipur SUK, Seksyen 5		
		MPAJ	a) Pembangunan Pelancongan Bukit Saga, Ampang		
			b) Cadangan Pembangunan Pelancongan Bukit Ampang-Hulu Langat, Ampang		
			c) Pembangunan Bukit Kembara, Ampang (Projek Pelancongan Baru)		
			d) Pembangunan Pelancongan Bukit Tabur, Hulu Kelang.		
		MPSepang	a) Pantai Bagan Lalang		
			b) Tasik Idaman		
			c) Taman Tasik Cyberjaya		
			d) Farm In The City		
		2	Pelancongan Agro (Agro Tourism)	MBSA	a) Taman Botani Negara Shah Alam, Seksyen 8
				MPAJ	a) Pembangunan Taman Botani, Ampang (Projek Pelancongan Baru)
					b) Pembangunan Dusun Bandar, Ampang (Projek Pelancongan Baru)
				MPSepang	Agrotek Sepang
MDKS	Kuala Selangor Rabbit Farm				
3	Pelancongan Inap Desa (Homestay)	MPSepang	Homestay Banghuris		

4	Pelancongan Sukan (Sport)	MBSA	a) Denai Alam Recreation dan Riding Club (DARC), Seksyen U16
			b) Shah Alam Extreme Park, Seksyen 13
			c) Bukit Ramlee, Shah Alam
		MBPJ	Jump Street, Petaling Jaya
		MPSepang	a) Litar Antarabangsa F1
			b) Bukit Unggul Golf
			c) District 21, Sepang
d) IOI Palm Garden Golf Club			
5	Pelancongan Kesihatan (Medical)		
6	Pelancongan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE –Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions)	MBSA	Ideal Convention Center (IDCC), Seksyen 15
		MPSepang	a) Cyberjaya
			b) KLIA & KLIA2
			c) Bagan Lalang

7	Pelancongan membeli belah (Shopping and Dining)	MPSJ	Projek Japan Street, Jalan SS15/5A, Subang Jaya, MPSJ
		MPKlang	GM Wholesale City, Bukit Tinggi, Klang
		MBSA	a) Pusat Membeli Belah SACC Mall, Seksyen 14
			b) Pusat Membeli Belah Setia City Mall, Persiaran Setia Dagang
			c) Kompleks PKNS Shah Alam, Seksyen 14
			d) Plaza Alam Sentral, Seksyen 14
			e) Plaza Shah Alam, Seksyen 9
			f) Pusat Membeli Belah Ole Ole, Seksyen 18
		MPSJ	a) One City, USJ
			b) Setia Walk, Puchong
		MPSepang	a) D'Pulze Shopping Centre
			b) Shaftbury Square
			c) IOI City Mall
			d) Mitsui Outlet Park
e) Downtown Puchong			
8	Pelancongan Taman Tema (Theme Park)	MBSA	a) i-City, Seksyen 7
			b) Taman Tema Wet World, Seksyen 14

9	Pelancongan Warisan dan Budaya (Heritage)	MPSJ	a) Perkampungan Orang Asli Sg Rasau Hilir Puchong, MPSJ
		MPKlang	a) Klang Heritage Walk, MPKlang (18 lokasi bangunan bersejarah)
		MBSA	a) Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 14
			b) Kompleks Taman Seni Islam, Seksyen 10
			c) Sri Mahamariamman Midlands Temple, Seksyen 7
			d) Muzium Sultan Alam Shah, Seksyen 14
		MPSepang	a) Muzium Automobil Nasional, Sepang International Circuit
MDSB	a) Rumah Amma, Sekinchan		
	b) Sekinchan Classic Car, Sekinchan		
10	Pelancongan Pendidikan (Education)	MBSA	a) Laman Seni 2, Seksyen 2 dan Laman Seni 7, Seksyen 7
			b) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Seksyen 13
			c) Galeri Seni Shah Alam, Seksyen 14
		MPSepang	a) Universiti Multimedia
			b) Universiti Lim Kok Wing

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KONSESI AIR

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri dan orang awam mendapat manfaat daripada Perjanjian Konsesi Air Selangor?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENCEGAHAN BANJIR

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kawasan-kawasan yang mengalami masalah banjir di selangor pada tahun 2015?
- b) Berapakah peruntukan dan perbelanjaan yang telah di salurkan untuk mengatasi masalah banjir tersebut?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah maklumat kawasan-kawasan yang mengalami masalah banjir di Negeri Selangor pada tahun 2015 :

Bil	Bulan	Bilangan Hari kejadian banjir	Bilangan kawasan banjir	Bilangan Daerah Terlibat
1.	Januari	6	12	4 (Klang , Gombak, Sepang, Petaling)
2.	Mac	5	16	5 (Hulu Langat, Klang, Hulu Selangor, Sepang, Petaling)
3.	April	6	17	5 (Petaling, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Klang)
4.	Mei	3	13	4 (Klang, Petaling, Hulu Langat, Gombak)
5.	Jun	6	20	5 (Gombak, Sepang, Klang, Sabak, Hulu Selangor)
6.	Julai	2	2	2 (Klang, Gombak)
7.	Ogos	5	15	5 (Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor,

				Gombak, Klang)
8.	September	4	8	5 (Gombak, Klang, Petaling, Hulu Selangor)
9.	Oktober	8	13	4 (Klang, Gombak, Hulu Selangor, Petaling)
Jumlah		45	116	8

b) Berikut adalah jumlah peruntukan dan perbelanjaan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk mengatasi masalah banjir tersebut :

i) Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan (Negeri) :

Peruntukan : RM 23,219,987.87

Perbelanjaan : RM 9,784,787.27

i) Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan (Persekutuan) :

Peruntukan : RM 17,900,000.00

Perbelanjaan : RM 17,834,396.80

Maklumat Tambahan:

Kawasan yang terlibat banjir 2015 adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Daerah	Kawasan Banjir
Januari			
1	3/1/2015	Klang	Tmn.Melawis
2	8/1/2015	Gombak	BB Kundang
3			Kg.Bunga Raya
4			Sepang
5		Kg.Chinchang	
6		Laluan Salak-Sepang	
7		Petaling Jaya	Laluan M.sikal Fed.Highway
8		26/1/2015	Gombak
9	Petaling Jaya		Per.Jubli Perak (CSR)
10			Laluan M.sikal Fed.Highway
11	29/1/2015	Petaling Jaya	SS13. Shah Alam
12			Laluan M.sikal Fed.Highway
13	30/1/2015	Klang	Tmn Bkt Kemuning
14	31/1/2015	Klang	Kg.Jawa Bt.4,
Mac			
15	9/3/2015	Hulu langat	Tmn.Permata semenyih
16	11/3/2015	Klang	Per.Hamzah Alang
17	21/3/2015	Klang	Tmn. Sri Muda
18	23/3/2015	Hulu S'gor	Kg.Keliang
19	31/3/2015	Sepang	Pulau Meranti
20		Petaling Jaya	Kg.Seri Aman, Puchong
21			Laluan M.sikal Fed.Highway

22			KTMB Bt.3, Shah Alam
23			Tmn.Mutiara
24			Bkt.Lanchong
25			Jln.Jati.Kg Melayu Subang
26		Klang	Tmn.Melawis
27			Kg.Sg.kandis
28			Kg.Budiman, Meru
29			Per.Hamzah Alang
30			Kg.Air kuning
April			
31	12/4/2015	Petaling Jaya	Per.Jubli Perak (CSR)
32			KTMB Bt.3, Shah Alam
33			Tmn.Mutiara
34	14/4/2015	Gombak	Kg.Nakhoda
35			Kg.Laksmana
36			Kg.Sg.Kertas
37	21/4/2015	Hulu langat	Kg.Bt.11.Cheras
38	22/4/2015		Pekan Kajang
39			Sg.Kantan
40			Tmn.Saujana Impian
41		Klang	Tmn Bukit Kemuning
42		Gombak	Kg.Chempedak Kuang
43			Pers.emerald east Jln.Bt Arang-Rwng
44	27/4/2015	Klang	Kg Jawa
45			Tmn Sri Andalas
46		Sepang	Kg Lembah Paya

47			Kg Salak Tinggi
48	28/4/2015	Hulu langat	Sg.Kantan
Mei			
49	12/5/2015	Klang	Tmn.Berkley
50			Tmn.Eng Ann
51			Kg.Air Kuning
52		Petaling Jaya	Kolej PTPL
53			Menara Jam L.Raya Persekutuan
54		Hulu langat	Kg.Sg Ramal Dalam
55	17/5/2015	Klang	Kg.Delek
56			Sg.Sireh
57			Tmn. Melawis
58			Tmn.Eng Ann
59			Sg.Pinang
60			Sg.Binjai
61			Bulatan Simpang 5
62	19/5/2015	Gombak	MRR2 Mukim Setapak
Jun			
63	5/6/2015	Gombak	Tol Sg Rasau
64			Kg.Air kuning
65			Kaw.komersial ss7 shah alam
66	8/6/2015	Gombak	Kg.Sg.Pusu
67	10/6/2015	Gombak	IOI Mall, Puchong
68	12/6/2015	Sepang	Kg.Asli Bukit Bangkong
69			Taman Siantan, Sg.Pelek
70			Taman Sri Merbau, Sg.Pelek

71		Klang	Taman Chempaka Sari
72			Klang Utama
73	12/6/2015	Klang	Sg.Kapar Indah
74			Batu 7 Jalan Kapar
75	14/6/2015	Sabak Bernam	Parit baru Baroh
76		Klang	Persiaran Alang Hamzah
77			Kg.Bukit kapar
78			Kg.Bukit Kerayong
79			Kg.Batu Belah
80			Taman Berkat
81			Taman Seri Puteri
82		Hulu Selangor	Perumahan Rumah Murah Bt.30
Julai			
83	8/7/2015	Klang	SK tengku Ampuan Rahimah
84	25/7/2015	Gombak	Kg.Selayang Pandang
Ogos			
85	11/8/2015	Hulu Langat	Sg.Ramal Dalam
86		Petaling Jaya	Kg.Melayu Subang
87			Kg.Kubu Gajah
88		Kuala Selangor	Puncak Alam
89	13/8/2015	Gombak	Kg.India Settlement
90			UIA Gombak
91			Pers. Bukit Botak
92			Tmn Seirra One
93			Kg.DesA Aman
94	16/8/2015	Petaling Jaya	Kg.Melayu Subang

95		Klang	Kg.Bukit Kapar
96	17/8/2015	Kuala Sgor	Kg.Bukit Kuching
97			Kg.Bukit Kuching Tengah
98			Kg.Bukit Hijau
99			Kg.Bukit Cherakah
100	24/8/2015	Hulu Langat	SMK Abd.Jalil
September			
101	4/9/2015	Gombak	Jln Maxwell
102			Batu *8. Jalan Gombak
103	20/9/2015	Klang	Kg.Johan Setia
104	21/9/2015	Petaling Jaya	Stsn Komuter serdang
105		Hulu Selangor	Jalan KL/Ipoh@Serendah
106	28/9/2015	KLang	Tmn.Melawis@Kg.Teluk Pulau
107			SK tengku Ampuan Rahimah
108			Bandar Sultan Suleiman
Oktober			
109	6/10/2015	KLang	Kg.Air Kuning
110	8/10/2015	KLang	Kg.Air Kuning
111			Batu 3 Lama
112			Kg.Padang Jawa
113			Taman Rashna
114	9/10/2015	Gombak	Jalan Maxwell
115	10/10/2015	Gombak	Greenwood
116			Taman Tun Perak, Rawang.
117	11/10/2015	Gombak	Kg.Mahkota
118			Kg.Kerdas

119			Jalan Maxwell
120		Hulu Selangor	Jln.Bunga Raya. Kg.suharto
121	12/10/2015	Klang	Kg.Delek
122	14/10/2015	Petaling Jaya	Kg.Budiman
123	15/10/2015	Klang	Pekan Meru. Pers.alang hamzah

Jumlah Peruntukan dan perbelanjaan (Negeri) :

No Vot	Tajuk Projek	Peruntukan Diluluskan 2015	Jumlah Perbelanjaan Sehingga Sept. 2015
01008	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG. GASI, FASA II DAERAH PETALING	609,725.00	560,322.40
01009	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG. KEDONDONG	200,000.00	3,068.70
01020	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG. BATU 3, SHAH ALAM	2,069,188.00	307,495.50
01025	PROJEK TEBATAN BANJIR DI PANDAMARAN PELABUHAN KLANG	90,010.00	47,000.00
01029	RANCANGAN TEBATAN BANJIR SG. KAPAR FASA 2	800,000.00	-
01034	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG. SERAI FASA 1	200,000.00	3,068.70
01040	RANCANGAN TEBATAN BANJIR SG. BANGI	190,000.00	-
01048	PROJEK TEBATAN BANJIR DI PULAU MERANTI	500,055.97	3,527.00
01055	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG. BERNAM	1,250,000.00	976,545.00
01057	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG. SEPANG BESAR DAERAH SEPANG	3,000,000.00	1,541,600.00
01059	KERJA-KERJA KECIL KECEMASAN BANJIR	3,895,315.79	758,132.94
01060	PROJEK TEBATAN BANJIR DI SUNGAI RASA, SHAH ALAM	10,415,693.11	5,584,027.03
Jumlah		23,219,987.87	9,784,787.27

Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan (Persekutuan) :

Butiran/Siri/Siri Sub projek	Tajuk Projek	Peruntukan Diluluskan 2015	Jumlah Waran Diterima 2015	Jumlah Perbelanjaan Sehingga Sept. 2015
P23-351-100801-15000-599	Kerja-kerja Kecil Kecemasan Mencegah Banjir	5,900,000.00	5,900,000.00	5,834,396.80
P23-15400-510-2912	Peruntukan untuk Pembinaan Saliran Mesra Alam di Kawasan operasi Pelabuhan Klang dan sekitarnya.	12,000,000.00	12,000,000.00	12,000,000.00
Jumlah		17,900,000.00	17,900,000.00	17,834,396.80

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC) NEGERI SELANGOR

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan penyediaan OSCC yang di sediakan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah jumlah kes yang diterima sejak Tahun 2012 hingga Bulan September 2015?
- c) Sila pecahkan mengikut kategori keganasan keluarga, penderaan, rogol serta jantina dan umur mangsa.

JAWAPAN:

- a) Di Negeri Selangor, perkhidmatan OSCC ini disediakan di semua hospital kerajaan yang berjumlah sepuluh (10) hospital di Negeri Selangor. Perkhidmatan ini ditempatkan di Unit Kecemasan dan Trauma di sesebuah hospital tersebut di mana setiap kes mula diberi rawatan. Setiap kes penderaan/ rogol/ keganasan akan diberi rawatan sepenuhnya di unit ini sebelum dirujuk ke wad (untuk rawatan lanjut sekiranya perlu) atau didiscaj. Dengan adanya perkhidmatan OSCC ini, ianya memberi kemudahan kepada para pesakit dan yang paling penting adalah dapat menjaga kehormatan mereka.
- b) dan c)

Sila rujuk jadual di bawah. (Data bagi tahun 2015 sedang dikemaskini)

Jadual 1: Jumlah keseluruhan kes (Dewasa)

Tahun	Jumlah kes mengikut tahun
2012	1278
2013	1006
2014	1765

Jumlah kes dari tahun 2012-2014	4049
---------------------------------	------

Jadual 2: Jumlah keseluruhan kes (Kanak - kanak)

Tahun	Jumlah kes mengikut tahun
2012	664
2013	630
2014	799
Jumlah kes dari tahun 2012-2014	2093

Jadual 3: Taburan kategori kes OSCC (Dewasa) mengikut jantina bagi tempoh 2012 – 2014

	2012	2013	2014
Wanita	1245	873	1546
Lelaki	33	133	219

Jadual 4: Taburan kes deraan fizikal (kanak-kanak) dari tahun 2012-2014 mengikut umur

Deraan Fizikal	2012	2013	2014
Kanak -kanak 0-9 tahun	148	134	192
Kanak -kanak 10-17 tahun	87	86	143
Kanak -kanak 18-19 tahun	10	28	42

Jadual 5: Taburan kes deraan seksual (kanak-kanak) dari tahun 2012-2014 mengikut umur

Deraan Seksual	2012	2013	2014
Kanak -kanak 0-9 tahun	77	221	93
Kanak -kanak 10-17 tahun	336	460	370
Kanak -kanak 18-19 tahun	400	503	39

Jadual 6: Taburan kes deraan psikologi (kanak-kanak) dari tahun 2012 2014 mengikut umur

Deraan Psikologi	2012	2013	2014
Kanak -kanak 0-9 tahun	16	12	6
Kanak -kanak 10-17 tahun	3	1	7
Kanak -kanak 18-19 tahun	0	0	0

Jadual 7: Taburan kes OSCC dewasa dari tahun 2012-2014 mengikut kategori kes & jantina

Tahun		2012	2013	2014	
Jantina	Jenis Penderaan				
Wanita	Fizikal	1094	777	1417	
	Seksual	Rogol	122	72	97
		Cabul	24	21	28
		Liwat	5	3	4
Psikologi	0	0	0		
Lelaki	Fizikal	28	129	215	
	Seksual	Rogol	1	0	1
		Cabul	1	1	2
		Liwat	3	2	1
Psikologi	0	1	0		
Jumlah Kes Dewasa		1278	1006	1765	

(Sumber dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor(JKNS))

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PERSEDIAAN KUIS UNTUK DINAIKTARAF MENJADI UNIVERSITI
PENUH**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tambahan fakulti dan bidang pengajian?
- b) Adakah cadangan untuk membina kampus cawangan di Sabak Bernam?

JAWAPAN:

- a) KUIS sedang berusaha untuk menaiktaraf Pusat Pengajian Teras (PPT) kepada fakulti yang dikenali sebagai Fakulti Sains Sosial dan Pengajian Teras pada tahun 2016 dengan pengkhususan bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Tambahan dalam bidang Pengajian, KUIS telah mencadangkan sebanyak 36 Program baharu meliputi peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Senarai pengajian seperti **di lampiran A**.

- b) Pada masa kini pihak KUIS tiada cadangan untuk membina kampus cawangan di Sabak Bernam. Walau bagaimanapun pihak KUIS sedia memenuhi tanggungjawab ummah sekiranya terdapat tawaran dan dana daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor.

LAMPIRAN A

SENARAI CADANGAN BIDANG PENGAJIAN BAHARU DI KUIS

Jumlah Kursus Pengajian Baharu mengikut Fakulti

Bil	Fakulti	Jumlah Program Baharu
1.	Akademi Islam	14
2.	Fakulti Pengurusan Muamalah	10
3.	Fakulti Sains Teknologi Maklumat	3
4.	Fakulti Pendidikan	9
	JUMLAH	36

Jumlah Kursus Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian

Bil	Fakulti	PhD	Sarjana	Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
1.	AI	1	7	6	1	14
2.	FPM	1	5	3	1	10
3.	FSTM	1	2			3
4.	FP	1	5	3		9
	JUMLAH	4	19	12	2	36

3. Senarai Nama Kursus Pengajian Mengikut Fakulti

BIL	NAMA PROGRAM	FAKULTI
1	Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab	AKADEMI ISLAM
2	Ijazah Sarjana Usuluddin (Pemikiran Islam)	
3	Ijazah Sarjana Usuluddin (Perbandingan Agama)	
4	Ijazah Sarjana Pengajian Ilmu Qiraat	
5	Ijazah Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti	
6	Ijazah Sarjana al-Quran	
7	Ijazah Sarjana al-Hadis	
8	Ijazah Sarjana Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus	
9	Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah Dengan Pentadbiran Awam (Kepujian)	
10	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Pemikiran Islam)	
11	Ijazah Sarjana Muda Dakwah dengan Kepujian (Media Kontemporari)	

12	Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Muamalat	
13	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Multimedia	
14	Diploma Pengajian Islam (Akidah dan Pemikiran)	
15	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian)	FAKULTI PENGURUSAN MUAMALAH
16	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Muamalat (Kepujian)	
17	Ijazah Sarjana Muda Sistem Maklumat Perakaunan (Kepujian)	
18	Ijazah Sarjana Komunikasi	
19	Sarjana Kewangan Islam	
20	Sarjana Pengurusan Sumber Insan	
21	Sarjana Ekonomi	
22	Sarjana Perakaunan	
23	Doktor Falsafah Ekonomi dan Pengurusan	
24	Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid dan Pembangunan Komuniti	
25	Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat	FAKULTI TEKNOLOGI SAINS MAKLUMAT
26	Ijazah Sarjana Multimedia (Mod Penyelidikan)	
27	Doktor Falsafah Multimedia (Mod Penyelidikan)	
28	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam)	FAKULTI PENDIDIKAN
29	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Bahasa)	
30	Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pedagogi)	
31	Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)	
32	Sarjana Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan)	
33	Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian)	
34	Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak	
35	Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Pendidikan Khas	
36	Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian)	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : TERDAPAT BANYAK ANJING LIAR BERKELIARAN DI KAWASAN
PERBANDARAN**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kes penyakit anjing gila di Negeri Selangor ?
- b) Apakah usaha Kerajaan untuk mengawal anjing liar ini ?
- c) Berapa banyak anjing liar yang telah ditangkap oleh PBT. Senaraikan mengikut PBT ?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, tiada sebarang kes penyakit anjing gila atau rabies telah dilaporkan. Negeri Selangor masih kekal bebas daripada wabak rabies.
- b) Kerajaan Negeri melalui PBT, menjalankan aktiviti kawalan anjing liar dengan beberapa kaedah seperti berikut:
 - i. Melakukan tangkapan dan pelupusan anjing liar dengan menggunakan kaedah tangkapan efektif dan melantik syarikat pelupusan haiwan.
 - ii. Menjalankan program kembiri bagi mengawal populasi anjing liar.
 - iii. Mengadakan kempen untuk melesenkan anjing.

c) Statistik Jumlah Tangkapan Anjing Liar Januari Hingga September 2015 adalah seperti berikut:

BIL	PBT	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	JUMLAH
1	MBSA	75	90	72	59	93	90	66	74	87	706
2	MBPJ	75	65	116	115	87	80	30	113	50	731
3	MPK	648	613	531	808	623	669	754	504	737	5887
4	MPAJ	65	106	128	129	70	154	115	75	87	929
5	MPSJ	75	69	71	97	69	179	103	132	182	977
6	MPS	167	156	173	221	203	153	198	101	170	1542
7	MPKJ	227	122	173	211	235	248	208	261	267	1952
8	MPSP	60	44	55	104	91	60	20	29	108	571
9	MDKL	2	3	9	89	153	77	126	16	1	476
10	MDHS	99	75	116	106	160	98	73	107	95	929
11	MDKS	20	19	32	37	8	6	5	3	129	259
12	MDSB	5	4	200	3	3	2	-	-	-	217
JUMLAH		1518	1366	1676	1979	1795	1816	1698	1415	1913	15176

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : TINDAKAN MAHKAMAH KEPADA SYARIKAT YANG MENCEMAR
SUNGAI SEMENYIH**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tindakan mahkamah terhadap syarikat-syarikat atau individu yang didapati mencemar Sungai Semenyih yang telah menyebabkan kekerapan gangguan air pada tahun 2015?
- b) Nyatakan agensi berkaitan yang bertanggungjawab melakukan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencemaran di sungai-sungai dan sejauh mana ia dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Pada bulan Mac tahun 2015, berdasarkan siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor mendapati sebuah kilang di Lembangan Sungai Langat yang terletak di Kawasan Perindustrian Sungai Purun, Semenyih telah mencemarkan kualiti air Sungai Semenyih dan menyebabkan henti tugas operasi Loji Rawatan Air Sungai Semenyih serta gangguan bekalan air kepada pengguna. Tindakan penguatkuasaan telah diambil dengan menahan kelengkapan kilang tersebut daripada beroperasi selama 2 minggu bagi tempoh 1 April hingga 14 April 2015. Kilang tersebut seterusnya berhenti operasi apabila pihak Majlis Perbandaran Kajang telah membatalkan lesen perniagaannya pada 14 April 2015.

Pencemaran kualiti air Sungai Langat juga berpunca daripada aktiviti lain seperti pembuangan sampah sarap, aktiviti kerja tanah, pelepasan kumbahan, aktiviti perniagaan dan komersil, bengkel, restoran, pasar basah, aktiviti perlombongan pasir dan penternakan.

- b) Program pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencemaran di sungai-sungai dilaksanakan secara konsep Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai atau "Integrated River Basin Management (IRBM)" di Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Kelang oleh agensi-agensi seperti Lembaga Urus Air Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar. Fokus diberi kepada melindungi sumber bekalan air dan Loji Rawatan Air yang sering

menerima kesan akibat pencemaran dari pelbagai sumber seperti industri, tapak pelupusan sampah, aktiviti kerja tanah, pelepasan kumbahan dan sebagainya. Selain itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dipantau dan dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai;
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai; dan
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENDAPATAN PEKERJA LADANG

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Selangor dalam usaha membantu pekerja-pekerja ladang berpendapatan rendah demi meningkatkan pendapatan mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri senantiasa peka dan prihatin akan keperluan rakyat Selangor. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dirangka khusus untuk membantu pekerja – pekerja ladang di Negeri Selangor dalam pelbagai aspek sosial dan ekonomi bagi menentukan hala tuju dan mengharungi kehidupan yang semakin mencabar masa kini.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak membantu pekerja ladang dalam meringankan beban dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Pembangunan ekonomi di kalangan pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin di masa hadapan. Justeru itu, program – program yang dilaksanakan memberi tumpuan kepada pekerja ladang di Negeri Selangor dalam meningkatkan pendapatan sampingan mereka menerusi penganjuran program – program berbentuk kursus kemahiran jangka pendek seperti membuat kek, kelas jahitan, kelas solekan dan ceramah serta taklimat yang membantu meningkatkan keyakinan dan semangat di kalangan pekerja ladang untuk terus maju dan berdaya saing.

Sektor pendidikan adalah satu faktor terpenting di dalam menjana pendapatan di masa akan datang. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan banyak program-program di bawah Portfolio Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang dalam membantu anak pekerja ladang mendapatkan pendidikan yang sempurna seperti masyarakat yang lain. Salah satu program tersebut adalah Bantuan Yuran Pengajian. Program tersebut adalah satu program jangka panjang yang difikirkan boleh membantu anak pekerja ladang di peringkat akar umbi dalam usaha melahirkan rakyat yang berkualiti di mata masyarakat pada masa akan datang. Program berbentuk sumbangan ini adalah sebagai membantu anak pekerja ladang membayar sebahagian daripada yuran pengajian bagi meringankan ibu bapa penjaga mereka.

Selaras dengan bantuan ini, Kerajaan Negeri berharap agar ianya memberi semangat kepada anak pekerja ladang untuk mengejar impian dan cita-cita agar dapat membantu keluarga mereka di masa akan datang. Selain itu, terdapat juga bantuan-bantuan lain seperti Hadiah Kecemerlangan UPSR, Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah, penganjuran program-program peningkatan pendidikan dan sebagainya. Program- sebegini sememangnya adalah satu jalan terbaik bagi melahirkan individu yang berjaya di masa akan datang untuk membantu keluarga mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : HAL EHWAL ISLAM

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah buah sekolah SRA dan MITS yang telah dibangunkan oleh kerajaan untuk tempoh 2013-2015?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut?
- c) Berapa ramai rakyat Selangor menerima bantuan zakat sehingga 2015 dan nyatakan mengikut kategori dan daerah masing-masing?

JAWAPAN:

- a) 33 buah
- b) Berdasarkan kod P.14 (PK 1) jumlah yang diperuntukkan bagi pembinaan dan penyelenggaraan SRA adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Peruntukan (RM)</u>
2013	38,698,287.60
2014	27,341,819.56
2015	9,423,957.08
Jumlah :	75,464,064.24

- c) Berikut merupakan bilangan asnaf (keluarga) yang menerima bantuan zakat dari tahun 2014 hingga 2015:

**Bilangan Asnaf Fakir dan Miskin (Keluarga) Yang Menerima Bantuan Zakat
Bagi Tahun 2014**

Bil	Daerah	Bilangan Keluarga	
		Fakir	Miskin
1	Gombak	961	1,499
2	Petaling	1,972	4,913
3	Hulu Langat	4,523	6,434
4	Kuala Langat	1,131	2,126
5	Sabak Bernam	203	3,922

6	Hulu Selangor	1,529	1,922
7	Kuala Selangor	948	3,587
8	Klang	1,910	4,560
9	Selangor	436	1,085
Jumlah		13,613	30,048
Jumlah Keseluruhan		43,661	

**Bilangan Asnaf Fakir dan Miskin (Keluarga) Yang Menerima Bantuan Zakat
Bagi Tempoh Januari – Ogos 2015**

Bil	Daerah	Bilangan Keluarga	
		Fakir	Miskin
1	Gombak	1,147	1,753
2	Petaling	1,925	5,192
3	Hulu Langat	2,595	3,789
4	Kuala Langat	1,350	2,226
5	Sabak Bernam	138	3,930
6	Hulu Selangor	1,779	2,276
7	Kuala Selangor	958	3,971
8	Klang	2,073	4,875
9	Selangor	514	1,173
Jumlah		12,479	29,185
Jumlah Keseluruhan		41,664	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di taman Alam Perdana Mukim Ijok, pembeli masih belum dapat menduduki rumah walaupun mereka diwajibkan membayar RM500 sebulan sejak 2002. Bolehkan kerajaan negeri memberi penjelasan tentang status projek dan jalan penyelesaian?

JAWAPAN:

a) Kerja-kerja membaikpulih telah disiapkan sepenuhnya seperti berikut :-

- | | |
|------------------|---|
| i. Jenis rumah | - 2,500 unit Pangsapuri Kos Rendah |
| Agensi pelaksana | - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) |
| Tarikh C.F. | - 27.12.2012 |
| ii. Jenis rumah | - 1,116 unit Rumah Teres Kos Sederhana 1
Tingkat dan 2 Tingkat |
| Agensi pelaksana | - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) |
| Tarikh C.F. | - 1.10.2013 |

Pada masa kini kunci rumah telah diserahkan kepada peneroka dan pembeli yang layak. Pembeli telah diminta untuk menandatangani Perjanjian Jualbeli yang baru dengan pemilik tanah iaitu Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI).

Kerajaan Negeri tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran kepada pemilik rumah di Taman Alam Perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : TABUNG PENDIDIKAN ANAK-ANAK PEKERJA LADANG

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) **Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.**
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaikkan bantuan yuran pengajian (IPTA/IPTS) anak-anak pekerja ladang?
- c) Berapakah jumlah penerima bantuan yuran pengajian ini dari 2014-2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang amat komited dalam membantu anak – anak pekerja ladang di seluruh Selangor dalam mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi dan sempurna. Keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor dapat dilihat melalui penganjuran Program Bantuan Yuran Pengajian di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dimana ia merupakan satu program sumbangan kewangan kepada anak – anak pekerja ladang di Negeri Selangor yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Sumbangan kewangan tersebut diberikan secara cek di atas nama Bendahari Universiti atau Kolej yang berkenaan. Seperti yang kita sedia maklum, yuran pengajian adalah berbeza bagi sesebuah Universiti atau Kolej berdasarkan jurusan yang dipilih. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan jumlah maksima RM5000.00 bagi seorang anak pekerja ladang atau jumlah keseluruhan yuran pengajian yang mana lebih rendah.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tiada perancangan khusus untuk menaikkan sumbangan kewangan tersebut kerana berpendapat jumlah tersebut masih relevan dan mencukupi dimana ia dapat diberikan sama rata kepada semua permohonan yang diterima berdasarkan syarat – syarat kelayakan permohonan. Tambahan lagi, sumbangan kewangan ini diberikan secara percuma kepada pemohon bagi meringankan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh mereka.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang mengambil maklum cadangan daripada Y.B. Jeram untuk menaikkan yuran pengajian di masa hadapan selaras dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari dalam membantu meringankan beban yang perlu ditanggung oleh pekerja ladang.

b) Jumlah penerima bantuan yuran pengajian dari tempoh 2014 sehingga 2015 adalah seperti berikut :

i) Senarai Nama Penerima Yuran Pengajian Tahun 2014 Dibawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin Dan Pekerja Ladang

BIL	NAMA PENERIMA / NO IC	INSTITUSI PENGAJIAN
1.	Nurul Syazana binti Mohd Azmi 951220-08-5186	Universiti Pendidikan Sultan Idris
2.	Srivarani a/l Uthama Puthiran 931022-10-6443	INPENS International College
3.	Pushpanathan a/l Laskmanan 941129-10-5677	INPENS International College
4.	Siva Sree A/L Nallandram 960928-10-6389	Universiti Selangor
5.	Veenayagam A/L Sellamuthu 960905-10-6263	Universiti Selangor

ii) Senarai Nama Penerima Yuran Pengajian Tahun 2015 Dibawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin Dan Pekerja Ladang

BIL	NAMA PENERIMA / NO IC	INSTITUSI PENGAJIAN
1.	Sugan Rao A/L Mageswara Rao 930713-14-6327	PUTRA INTELEK INTERNATIONAL COLLEGE
2.	Thevanraj A/L Narayanan 961111-14-5521	Swinburne University Of Technology Sarawak Campus
3.	Sassi A/L Shriritharan 900811-08-6009	Universiti Putra Malaysia
4.	Syahrain Suzana Binti Muhammad Adnan 960817-14-5588	Swinburne University Of Technology Sarawak Campus
5.	Deeneshavathy A/P Thasarathen 940129-10-5744	Universiti Selangor (UNISEL)
6.	Mathanraj A/L Subramaniam 960427-10-5767	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan secara terperinci berapakah tunggakan hutang terkini Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan?
- b) Sila senaraikan semua Hutang Kerajaan Negeri secara perbandingan di seluruh Malaysia ?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam konteks membayar balik hutang tersebut kepada Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan tunggakan terkini hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM6,729,918.00 dan perinciannya adalah seperti berikut:

Bil.	Butiran Pinjaman	Amaun pokok	Amaun faedah	Jumlah keseluruhan
1.	Projek Bekalan Air	-	-	-
2.	Projek Awam Kos Rendah	4,499,324.69	2,230,593.31	6,729,918.00
3.	Pelbagai Pinjaman	-	-	-
Jumlah		4,499,324.69	2,230,593.31	6,729,918.00

Kerajaan Negeri bercadang untuk menyelesaikan hutang tertunggak sebanyak RM6,729,918.00 pada tahun 2016.

- b) Memandangkan kebanyakan Kerajaan Negeri masih belum membentangkan Penyata Kewangan Tahun 2014 di Dewan Undangan Negeri masing-masing, maka data tunggakan adalah berdasarkan data Penyata Kewangan Tahun 2013. Jumlah tunggakan hutang secara perbandingan dikalangan negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2013 (telah diaudit) adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jumlah tunggakan hutang pada 31.12.2013 RM Juta
1.	Sabah	Tiada
2.	Pulau Pinang	Tiada
3.	Perak	Tiada
4.	Sarawak	2.28
5.	Selangor	49.27
6.	Perak	88.86
7.	Negeri Sembilan	111.38
8.	Perlis	189.45
9.	Melaka	225.55
10.	Kelantan	247.16
11.	Terengganu	435.27
12.	Pahang	654.02
13.	Kedah	1,057.29

- c) Jumlah hutang yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak lima (5) tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Bayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan Persekutuan			
Tahun	Pokok	Faedah	Jumlah
	RM	RM	RM
2011	25,008,813.38	5,261,186.62	30,270,000.00
2012	120,334,728.99	6,998,251.44	127,332,980.43
2013	25,072,831.44	6,834,250.75	31,907,082.19
2014	23,012,880.85	8,894,283.34	31,907,164.19
2015	16,150,775.32	6,486,306.87	22,637,082.19
Jumlah	209,580,029.98	34,474,279.02	244,054,309.00

Sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan tunggakan terkini hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM6,729,918.00 atau 0.7% daripada keseluruhan baki pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM928,684,012.53. Kerajaan Negeri bercadang untuk menyelesaikan hutang tertunggak sebanyak RM6,729,918.00 pada tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : DASAR MBSA DAN KAWALAN BERKENAAN KAWASAN
PERINDUSTRIAN RINGAN BANDAR BARU SUNGAI BULOH**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar pembangunan dan kawalan terhadap tragedi Kilang Cat dan bahan kimia yang terbakar pada 25 September 2015?
- b) Apakah ada sebarang cadangan untuk mewujudkan kawasan perindustrian yang khusus untuk bahan mudah terbakar?

JAWAPAN:

- a) Majlis Bandaraya Shah Alam tiada dasar pembangunan dan kawalan khas bagi kilang berunsurkan cat dan bahan kimia. Walau bagaimanapun dari segi penetapan zoning guna tanah dalam Rancangan Tempatan MBSA (pengubah 2) 2020 yang telah diwartakan pada 31 Julai 2014 kawasan tersebut telah di zonkan sebagai perindustrian.

Tapak kilang cat yang terbakar tersebut merupakan kilang berkembar di bawah pemaju MK Associates Sdn. Bhd. Yang telah diluluskan pelan susun atur keseluruhan Bandar Baru Sungai Buloh oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Selangor melalui surat rujukan J.P.B.K B9/B146 Vol 4/45 bertarikh 8 September 1988. Pengawalan aktiviti kilang adalah di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar bagi kategori industri yang dibenarkan.

- b) Majlis Bandaraya Shah Alam telah menetapkan kawasan perindustrian sebagaimana Rancangan Tempatan yang diwartakan. Walau bagaimanapun Majlis tidak menetapkan kawasan perindustrian yang khusus untuk bahan mudah terbakar. Sesuatu pembangunan yang ingin dijalankan perlulah mengemukakan kebenaran merancang kepada pihak Majlis untuk mendapatkan kelulusan. Dalam mendapatkan kelulusan pihak Majlis akan merujuk kepada Jabatan Alam Sekitar bagi mendapatkan ulasan/sokongan bagi aktiviti kilang yang ingin dicadangkan. Sekiranya pihak Jabatan Alam Sekitar tiada halangan berkenaan aktiviti yang dijalankan pihak majlis akan memberikan kebenaran merancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SUKAN WANITA

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan 50% dari penduduk Selangor adalah wanita, apakah ada perancangan KNS memberikan fokus untuk sukan untuk kaum wanita?
- b) Apakah jenis sukan yang di berikan tumpuan?
- c) Apakah KNS merancang membina infrastruktur gelanggang yang untuk tujuan ini seperti bolajaring dan lain-lain?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor (KNS) melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sentiasa membangunkan sukan yang seimbang sama ada untuk kaum lelaki mahupun kaum wanita. Ini adalah kerana umumnya sukan – sukan sedia ada memperuntukkan kategori lelaki dan wanita.
- b) Umumnya sukan – sukan yang diberi tumpuan adalah sukan – sukan yang sememangnya ada acara wanita seperti sukan tenpin bowling, sukan memanah, menembak, boling padang, olahraga, hoki dan banyak lagi. Majoriti sukan – sukan ini ada kategori wanita dan ramai wanita yang mengambil bahagian.
- c) Infrastruktur gelanggang untuk tujuan sukan bola jaring dan lain – lain telah sedia ada di setiap daerah sama ada ianya milik Kerajaan Negeri mahupun milik swasta. Gelanggang – gelanggang yang sedia ada ini diharap digunakan sebaik – baiknya dengan menjalankan pelbagai aktiviti sukan bukan hanya penganjuran pertandingan, malah ianya juga boleh dijadikan untuk menjalankan seminar atau bengkel – bengkel seperti teknik asas permainan, peraturan dan lain – lain aktiviti yang bersesuaian. Pihak Kerajaan Negeri Selangor akan meneliti keperluan membina infrastruktur gelanggang untuk pengembangan prasarana ini pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KERJASAMA PERTANIAN ANTARA NEGERI LAIN

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kerjasama pertanian dengan negeri lain?
- b) Apakah kerjasama yang telah dilakukan dan hasilnya?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan Jabatan Pertanian negeri-negeri lain menjalinkan kerjasama perkongsian pengetahuan dan maklumat teknologi pertanian melalui program lawatan sambil belajar yang melibatkan pegawai, petani dan usahawan.
- b) Melalui program tersebut, pada tahun 2015, Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah melatih seramai 375 orang pegawai, petani, pelajar dan usahawan dari Negeri Selangor berkongsi pengetahuan dan maklumat dalam program lawatan sambil belajar ke luar negeri Selangor. Di samping itu, Jabatan pertanian Negeri Selangor telah melatih seramai 123 orang pegawai, petani dan usahawan yang telah berkunjung ke Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : JAWATANKUASA TANAH

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah kerajaan sehingga sekarang masih belum memulihkan penubuhan Jawatankuasa Tanah di setiap daerah di mana jawatankuasa ini penting untuk wakil rakyat memantau urusan-urusan tanah di kawasan masing-masing?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, belum ada keperluan untuk Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Tanah. Ini kerana Jawatankuasa Teknikal di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) telah ditubuhkan bagi menggantikan Jawatankuasa Tanah Daerah mulai tahun 2008. Jawatankuasa Teknikal ini dianggotai oleh semua wakil Jabatan Teknikal dan tiada arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk melibatkan Ahli Dewan Negeri kawasan, Ahli Parlimen kawasan dan/ atau Penyelaras DUN kawasan sebagai ahli mesyuarat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PELEBARAN SUNGAI GOMBAK

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lot-lot terbabit dalam pelebaran sungai di Gombak?
- b) Adakah pampasan sewajarnya telah diberikan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, JPS Negeri Selangor tidak terlibat dengan kerja-kerja pelebaran Sungai Gombak. Justeru, JPS Negeri Selangor tiada maklumat bagi jumlah lot-lot yang terlibat dengan kerja-kerja pelebaran tersebut.
- b) Memandangkan JPS Negeri Selangor tidak terlibat dengan kerja-kerja pelebaran Sungai Gombak, maka tiada pampasan yang telah diberikan oleh jabatan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : BLUEPRINT KEMISKINAN

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran dan strategi yang digariskan di bawah Blueprint Kemiskinan bagi mengatasi kemiskinan di Selangor?
- b) Senaraikan program-program yang terkandung dalam Blueprint Kemiskinan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa peka dan memandang serius akan masalah kemiskinan di Negeri Selangor. Dalam usaha menangani masalah kemiskinan ini secara berkesan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah memperkenalkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan bermula pada tahun 2008 hingga September 2015 adalah seramai 2,386 orang.

Pada masa kini, strategi dan fokus Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Dengan adanya pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan ini diharap berupaya mengurangkan kadar kemiskinan melalui penjanaaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) serta seterusnya berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan. Walau bagaimanapun, sasaran dan jangkaan peratusan penerima bantuan yang berjaya melepasi PGK melalui Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan ini adalah tertakluk kepada impak atau tahap keberkesanan pelaksanaan program terhadap penerima manfaat.

Bagi mencapai hasrat ini, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan kini sedang menjalankan Kaji Selidik/ Kajian Impak bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang melibatkan penerima bantuan bagi tahun 2008 hingga tahun 2014. Kaji Selidik/ Kajian Impak ini dilaksanakan oleh Pejabat Daerah/ Tanah dengan kaedah turun padang ke setiap rumah/ premis penerima untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan.

Kaji selidik/ kajian impak ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berhubung tahap penggunaan peralatan/ mesin bantuan serta purata pendapatan seisi rumah penerima bantuan sebelum dan selepas menerima bantuan peralatan. Hasil keseluruhan kaji selidik/ kajian impak yang diperolehi ini akan digunakan untuk membuat perangkaan umum bagi mengenalpasti jumlah penerima bantuan yang berupaya menjana/ meningkatkan pendapatan serta berjaya melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) melalui bantuan peralatan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini seterusnya akan membolehkan dan membantu Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti serta merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah keuntungan atau kerugian semua anak syarikat kerajaan negeri pada tahun 2014?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi mengatasi kerugian oleh anak syarikat kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Berikut merupakan senarai jumlah keuntungan atau kerugian semua anak syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2014:-

BIL.	NAMA ANAK SYARIKAT	KEUNTUNGAN / KERUGIAN TAHUN 2014 (RM)
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad	10,264,730
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	(805,800)
3	Tourism Selangor Sdn Bhd	(2,857,191)
4	Communication Corporation Sdn Bhd	(726,162)
5	Rantain Mesra Sdn Bhd	(42,697)
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	(10,583,392)
7	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (MSNS Holdings Sdn Bhd)	406,225
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	(144,398,000)
9	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	19,203,993
10	Invest Selangor Berhad	925,798
11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	(16,626)
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	(2,416,873)

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tujuh (7) syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang **tidak bermotifkan keuntungan** seperti senarai berikut :-

Bil	Anak Syarikat
1.	Tourism Selangor Sdn Bhd
2.	Communication Corporation Sdn Bhd
3.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd
4.	Invest Selangor Berhad
5.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
6.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
7.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa membuat pemantauan berterusan ke atas anak-anak Syarikat yang mengalami kerugian bagi membantu memulihkan kedudukan kewangan mereka. Sebagai langkah yang lebih komprehensif, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) baru-baru ini telah menubuhkan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) bagi membantu Kerajaan Negeri dalam menstrukturkan semula fungsi dan peranan anak syarikat. Perancangan ini dijangkakan dapat mengukuhkan lagi strategi korporat serta tadbir urus syarikat yang seterusnya dapat memberikan pulangan kepada pelaburan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : RUMAH THE GAP BUKIT FRASER

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status baik pulih Rumah The Gap Bukit Fraser selepas lawatan YAB Menteri Besar dan YB Menteri Pelancongan pada bulan Ogos 2015.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mewartakan Rumah The Gap sebagai bangunan warisan di bawah Akta Warisan kebangsaan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Tourism Selangor bersama Majlis Daerah Hulu Selangor dalam proses melengkapkan dokumen permohonan peruntukan dan akan mengemukakan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dalam waktu terdekat.

Sehubungan dengan itu Tourism Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor, dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Selangor telah mengadakan pertemuan rasmi bersama dengan pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia pada 2 Oktober 2015 dan membuat pembentangan terhadap permohonan peruntukan pembangunan produk pelancongan yang terdapat di daerah Hulu Selangor. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Prasarana, Kementerian Pelancongan Malaysia. Berikut adalah permohonan peruntukan pembangunan produk pelancongan di daerah Hulu Selangor:

Bil.	Permohonan Projek Pembangunan	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Menaiktaraf Rumah Rehat Sri Berkat	3,058,000.00
2.	Menaiktaraf Rumah Rehat The Gap	7,007,000.00
3.	Penyediaan Kemudahan Pelancongan Di Hutan Pendidikan (Taman Millenium) , Bukit Batu Pahat , Hulu Selangor	1,357,000.00

4.	Menaiktaraf Labour Lines , Bukit Fraser	330,000.00
5.	Penyediaan Kemudahan Di Lokasi Bersejarah Darurat Sir Henry Gurney	500,000.00
6.	Menaiktaraf Dan Penyediaan Kemudahan (TIC) Bangunan Balai Bomba Lama , Kuala Kubu Bharu	2,727,000.00
7.	Menaiktraf Bandar Kuala Kubu Bharu Sebagai Warisan Bandar Taman	660,000.00
8.	Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Di Bukit Kutu , Hulu Selangor	1,520,000.00
9.	Menaiktaraf Pusat Konservasi Sungai Dusun , Hulu Selangor	2,992,000.00
	Jumlah	20,151,000.00

Walau bagaimanapun setelah pembentangan dibuat pihak Kementerian Pelancongan dan kebudayaan membuat kesimpulan bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan lima (5) permohonan peruntukan terhadap produk pelancongan yang amat berpotensi untuk menarik pelancong yang lebih ramai termasuk pelancong luar negara . Ianya perlu dikemukakan semula kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bagi tujuan penilaian semula. Perbentangan kedua akan dibuat semula bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dalam waktu terdekat.

- b) Majlis Daerah Hulu Selangor selaku Pihak Berkuasa Tempatan kawasan ini akan mengemukakan permohonan penwartaan Rumah Rehat The Gap sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan kepada Jabatan Warisan Negara, namun setelah selesai kerja-kerja konservasi dan pemuliharaan selesai dijalankan seperti syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Warisan Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PANEL MENTOR USAHAWAN

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua model mentor usahawan contoh yang boleh di rujukan di kawasan DUN untuk mengatasi isu-isu yang timbul dalam pembikinan seorang usahawan hingga berjaya.
- b) Kursus bimbingan terfokus di DUN masing-masing: bila boleh mulakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mempunyai hubungan yang baik dan rapat dengan Pejabat-Pejabat Ahli Dewan Negeri Selangor termasuklah juga Pejabat Penyelaras DUN. Dengan kerjasama dan hubungan yang baik itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Bengkel Penilaian Permohonan Dana Usahawan Mikro Selangor di Hotel Grand Bluewave Shah Alam pada 10 Ogos 2015. Bengkel ini disertai oleh wakil-wakil daripada Pejabat Daerah / Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Ahli Dewan Negeri Selangor, Pejabat Penyelaras DUN dan juga pengurus dari setiap zon dan cawangan Hijrah Selangor. Bengkel ini mendedahkan peserta-peserta menilai kemampuan dan keupayaan sesuatu permohonan / perniagaan dan seterusnya membolehkan peserta mencadangkan bentuk bantuan yang wajar diberikan kepada pemohon di dalam meningkatkan daya tahan, daya saing dan daya maju pemohon. Ini bermaksud, secara tidak langsung, terdapat sekurang-kurangnya seorang yang berkelayakan yang mampu memberi nasihat (mentor) keusahawanan di setiap Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), malahan Parlimen.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menubuhkan Sekretariat Usahawan Negeri Selangor yang terdiri daripada gabungan Unit Pembangunan Usahawan Negeri Selangor, Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Perangsang Selangor, Hijrah Selangor, MAIS Zakat Sdn. Bhd. dan SIRIM Berhad. Sekretariat ini sedang melaksanakan “tour” mengelilingi semua PBT dan usahawan-usahawan di Negeri Selangor bolehlah mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan khidmat nasihat berhubung perusahaan yang dijalankan.

- b) Kerajaan Negeri mempunyai hubungan yang baik dan rapat dengan Pejabat-
Pejabat Ahli Dewan Negeri Selangor, sehubungan itu, sekiranya ahli-ahli
Dewan Negeri Selangor dan juga mana-mana Badan Bukan Kerajaan (NGO),
Persatuan termasuklah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
(JKKK) bolehlah memaklumkan kepada pihak Kerajaan Negeri apakah bentuk
kursus ataupun bimbingan keusahawanan yang diperlukan di DUN masing-
masing dan Seketariat Usahawan Negeri Selangor dengan berbesar hati akan
turun ke DUN tersebut untuk menganjurkan kursus dan memberi bimbingan
bersama-sama dengan pejabat Ahli Dewan Negeri. Untuk makluman, walaupun
tiada jempunan, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan sentiasa
mencari peluang dan berkongsi ruang bersama jawatankuasa-jawatankuasa
tetap yang lain di dalam menyumbang ilmu pengetahuan berhubung bidang
keusahawanan. Sebagai contoh, pada 17 dan 24 Oktober 2015 yang lepas,
mengambil kesempatan semasa Program INSAN anjuran Jawatankuasa Tetap
Pendidikan, ,Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi
Selangor di bawah kelolaan Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad di Hotel Gold
Course Klang, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor
bersama SIRIM Berhad telah turut sama memberikan penerangan berhubung
kepentingan pembungkusan produk kepada usahawan-usahawan wanita DUN
Batu 3 dan Sri Muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TRANS PACIFIC PARTNERSHIP AGREEMENT (TPPA)

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang TPPA?
- b) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan terhadap pendirian tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan tidak bersetuju dengan pelaksanaan TPPA yang jelas tidak menyebelahi rakyat dan memberi kesan negatif kepada kemampanan dan kualiti hidup rakyat. Perjanjian ini turut dilihat sebagai satu bentuk penjajahan secara halus kuasa-kuasa besar terhadap ekonomi negara kita.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan tindakan berikut :

- i) Menangguhkan perundingan TPPA sehingga teks perjanjian didedahkan kepada rakyat;
- ii) Mengadakan rundingan dan memberi pencerahan kepada semua ahli Parlimen di Malaysia supaya lebih jelas dan telus;
- iii) Kerajaan Persekutuan perlu menyatakan dengan jelas tindakan-tindakan yang dilaksanakan untuk menjaga kepentingan rakyat supaya dasar ekonomi pasaran terbuka ini tidak menggugat hak dan kepentingan rakyat; dan
- iv) Menerangkan dan menyatakan dengan jelas secara perundangan bagaimana Perjanjian ini tidak menjejaskan isu-isu sensitif seperti berikut :
 - a) Manipulasi nilai matawang negara;
 - b) Menjaga dan memelihara hak dan kepentingan tenaga buruh Malaysia;
 - c) Melindungi harta intelek negara (*IPR-Intellectual Property Right*); dan
 - d) Memelihara pasaran peniagaan tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BIASISWA SAGONG TASI

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program ini?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk program ini?
- c) Siapakah yang terpilih untuk program ini?

JAWAPAN:

- a) Biasiswa Sagong Tasi merupakan program biasiswa yang diperkenalkan pada tahun 2015 khas untuk 10 pelajar Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran di UNISEL. Program Biasiswa ini adalah anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan bekerjasama Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna dan pihak UNISEL. Kerjasama ini dibuat memandangkan mekanisme pelaksanaan program Biasiswa Sagong Tasi memerlukan pendekatan yang sedikit berbeza berbanding dengan biasiswa lain contohnya Biasiswa Selangorku.

Pada masa ini, perbincangan awal di antara wakil Kerajaan Negeri Selangor dengan ketua komuniti Orang Asli Bukit Tampoi telah dibuat pada 7 Oktober 2015 yang turut dihadiri oleh wakil daripada UNISEL. Hasil daripada perbincangan tersebut, satu program berkaitan Biasiswa Sagong Tasi akan diadakan di Kampung Orang Asli Bukit Tampoi, Sepang yang dijangka pada bulan November 2015. Program ini bertujuan bagi membantu anak-anak Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tercapai dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan mereka.

- b) Peruntukan bagi Biasiswa Sagong Tasi adalah termasuk dalam peruntukan tahunan Biasiswa Selangorku sebanyak RM10.0 juta. Belum ada peruntukan digunakan bagi program ini memandangkan masih belum ada penerima.

- c) Pemilihan calon untuk kemasukan pertama penerima Biasiswa Sagong Tasi ke UNISEL pada tahun 2016 akan dilaksanakan dengan mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan hasrat Kerajaan Negeri dalam membantu anak-anak Orang Asli melanjutkan pelajaran tercapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK LELAKI

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan skim pemeriksaan kanser untuk lelaki, seperti yang dijanjikan di dalam manifesto PRU ke 13?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut rekod Kementerian Kesihatan Malaysia, di bawah disiplin Urologi, sehingga tahun 2013, hanya terdapat 5892 pesakit yang menjalani pembedahan bagi penyakit prostat di Hospital di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri sedang merangka kaedah pelaksanaan Skim Kesihatan Lelaki iaitu *Prostate Screening*. Skim tersebut perlu diwujudkan khusus bagi kaum lelaki yang menghadapi masalah prostat dan sakit tuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN PBT

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar ada PBT-PBT yang menghadapi kedudukan kewangan defisit menyebabkan tidak dapat memenuhi semua aduan-aduan yang diterima?
- b) Jika ya, sila nyatakan PBT-PBT berkenaan dan tindakan yang akan diambil?
- c) Mohon nyatakan kedudukan terkini hasil cukai pintu dan perbelanjaan mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan kewangan di PBT defisit atau surplus tidak menjadi sebab aduan-aduan tidak dapat di penuhi. Ianya bergantung kepada kemampuan PBT menyelesaikan aduan tersebut. Perbelanjaan akan diimbangkan dengan hasil yang diterima di mana pelaksanaan sesuatu perbelanjaan akan mengambil kira kos dan kepentingan perbelanjaan itu dibuat.

Bagi perbelanjaan – perbelanjaan yang tidak dimasukkan ke dalam belanjawan tahunan, Pihak PBT mengikut seksyen 57 Akta 171 “Tiada sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam anggaran yang diluluskan kecuali dengan izin Pihak Berkuasa Negeri.

- b) PBT yang berkedudukan penyata kewangan defisit dipantau melalui kelulusan belanjawan tahunan bagi mengimbangi kedudukan kewangan PBT. Prestasi penyata kewangan PBT yang mengalami defisit bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2014 adalah seperti berikut:

PBT	Penyata Tahun 2011 (RM JUTA)	Penyata Tahun 2012 (RM JUTA)	Penyata Tahun 2013 (RM JUTA)	Penyata Tahun 2014 (RM JUTA)
MPK	3.53	3.37	2.20	36.84
MPSJ	2.16	(4.08)	(9.13)	1.44
MDKS	(0.14)	2.78	3.68	(2.28)
MDKL	(1.15)	5.57	5.58	17.15
MDSB	(2.07)	(1.98)	(3.51)	0.41

- c) Kedudukan terkini Hasil Cukai Pintu yang telah diaudit mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Kutipan Cukai Taksiran Tahun 2013 (RM JUTA)	Kutipan Cukai Taksiran Tahun 2014 (RM JUTA)
MBSA	214.64	231.17
MBPJ	200.93	210.44
MPK	147.46	152.15
MPAJ	95.83	97.01
MPSJ	172.86	179.51
MPS	93.26	95.86
MPKj	84.06	88.26
MPSp	69.16	76.13
MDKS	20.73	21.38
MDHS	43.42	47.92
MDKL	26.24	28.52
MDSB	4.41	4.76
JUMLAH	1,173.00	1,233.11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PENGELUARAN PASIR

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak mula beroperasi berapa jumlah produksi pasir telah dikeluarkan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Semesta Sdn Bhd?
- b) Berapa pula pulangan keuntungan yang diperoleh oleh Semesta Sdn Bhd?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut adalah jadual jumlah produksi pasir dan pulangan keuntungan bersih yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd semenjak ditubuhkan sehingga tahun 2015 (sehingga September):

TAHUN	JUMLAH PRODUKSI PASIR (TAN METRIK)	KEUNTUNGAN BERSIH (RM)
2008	220,139	901,894
2009	1,771,792	6,524,507
2010	5,886,612	13,483,734
2011	8,031,194	12,016,110
2012	6,298,699	8,057,604
2013	7,323,838	11,921,363
2014	8,051,476	19,203,993
2015	6,435,769	12,507,407
JUMLAH (RM)	44,019,519	84,616,612

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SENIMAN DAN KARYAWAN JALANAN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan terhadap rakyat Selangor yang bergiat dalam seni jalanan di sekitar Kuala Lumpur?
- b) Seniman dan karyawan jalanan diperakui dan dihargai di beberapa negara jiran, apakah rancangan Kerajaan Negeri?
- c) Apakah program kebajikan yang bakal disediakan untuk mereka?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kegiatan seniman jalanan, pemuzik jalanan atau dikenali sebagai *Busker*, kini bukan lagi suatu stigma ke atas kumpulan ini. *Busker* sebelum ini dilihat sebagai satu kegiatan kurang sihat, lebih daripada itu dilihat sebagai kaedah lain mengutip sedekah. Namun hari ini, keadaannya berbeza. *Busker* bukan lagi semata-mata mahu mengumpul upah dari bermain di jalanan sebaliknya *Busker* kini mempunyai matlamat yang lebih daripada itu.

Kegiatan *Busker* Jalanan di kota-kota besar kini sudah menjadi satu trend bagi kehidupan masyarakat kosmopolitan. *Busker* menyanyikan lagu dan muzik yang mampu menyedarkan masyarakat melalui pendekatan yang tersendiri. Selain daripada hiburan, lagu-lagu *Busker* turut menerapkan elemen nasihat, cinta dan masyarakat. Muzik mereka adalah muzik berjiwa rakyat yang mana, ia harus dihargai oleh kita, baik sebagai masyarakat mahupun pihak kerajaan.

KESAN DAN PERANAN

Kemajuan teknologi dan kompleksiti gaya hidup masyarakat pada hari ini telah menjadikan *Busker* menyesuaikan peranan mereka dalam menghibur masyarakat secara langsung di jalanan. Mengambil contoh di kota-kota utama dunia seperti New York, *Busker-busker* di sana menyanyikan lagu-lagu rakyat yang meliputi gaya hidup masyarakat di sana, mempunyai unsur jenaka, kritik sosial dan juga nasihat. Ini juga yang berlaku di negara-negara Scandinavia seperti Norway dan Sweden yang mana mereka ini digelar sebagai "Penghibur Jalanan".

Penghibur Jalanan ini bukanlah penghibur murahan sebaliknya mereka adalah artis yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan namun memilih untuk menjadi penghibur jalanan yakni menghibur secara dekat dan langsung dengan penghayat (masyarakat).

Penghibur-penghibur jalanan ini telah diiktiraf oleh Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mereka sebagai profesional, dan penghibur-penghibur ini adalah berdaftar dengan PBT kawasan tersebut. Lokasi-lokasi, jadual serta masa untuk persembahan mereka turut ditetapkan dan diurus secara cekap dan sesuai.

PERLAKSANAAN

Mengambil daripada contoh tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan akan mengadakan perbincangan dan penyelarasan dengan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri untuk memastikan perkembangan budaya kreatif ini tidak terencat serta pada masa yang sama kebajikan semua pihak dan tanggungjawab PBT yang berkaitan terpelihara. Pelaksanaan, kaedah pemantauan dan tarif fi persembahan adalah antara perkara yang akan dibincangkan kelak dan akan diselaraskan di semua PBT dalam Negeri Selangor

Pada masa yang sama, buat pengetahuan sidang Dewan, terdapat PBT yang telah mengambil langkah proaktif terhadap golongan *Busker* ini dan di antaranya adalah Majlis Perbandaran Subang Jaya yang telah membuat kerjasama dengan *Malaysian Busker Club* (MyBC) melalui cadangan tempat untuk pihak MyBC membuat persembahan di pusat membeli-belah seperti di Mydin USJ, The Summit Shopping Mall USJ dan One City Mall, USJ 25. Pihak MyBC bertanggung jawab bagi menyediakan persembahan seni jalanan yang berkualiti dan memantau segala bentuk aktiviti persembahan seni jalanan dengan persetujuan pihak pusat beli-belah.

Pihak MPSJ juga turut menyediakan beberapa pertandingan berkaitan dengan persembahan *Busker* bagi mencungkil dan mengiktiraf bakat yang ada pada seniman dan karyawan jalanan yang ada. Antara pertandingan yang pernah dianjurkan oleh pihak MPSJ adalah seperti Pertandingan *Unplugged* MPSJ, Pertandingan Muzik Kitar Semula dan Rentak *Buskers* MPSJ.

Selain itu, pihak MPSJ telah bercadang untuk memberi peluang dari segi lokasi dan bayaran sugu hati bagi setiap persembahan *Buskers* yang dibuat di Program *Nite Walk 3C* yang bertempat di Kompleks 3C, Subang Jaya yang bakal menjadi daya tarikan baru kepada pelancong dan penduduk Subang Jaya dan Bandar Sunway. Dengan adanya program seperti ini, *Buskers* yang berdaftar dengan MyBC akan diberi peluang untuk menyerlahkan bakat

mereka sambil mendapat sedikit pendapatan daripada sumbangan daripada penonton dan bayaran sagu hati daripada pihak MPSJ.

Jawatankuasa Tetap Kebudayaan juga telah mengambil langkah dengan menjalinkan kerjasama bersama SACC Mall dan telah mengenal pasti beberapa buah lokasi yang sesuai untuk dijadikan sudut *Buskers* bagi memberi peluang dan ruang untuk mereka berkarya. Usaha ini sedang digerakkan yang mana Jawatankuasa Tetap Kebudayaan sedang mengumpul data-data seniman sekitar Shah Alam dan *Busker-busker* yang berminat untuk menjalankan aktiviti mereka di lokasi yang dicadangkan.

Mengambil daripada contoh-contoh tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan akan mengadakan perbincangan dan penyelarasan dengan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri untuk memastikan perkembangan budaya kreatif ini tidak terencat serta pada masa yang sama kebajikan semua pihak dan tanggungjawab PBT yang berkaitan terpelihara. Pelaksanaan, kaedah pemantauan dan tarif fi persembahan adalah antara perkara yang akan dibincangkan kelak dan akan diselaraskan di semua PBT dalam Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, bagi pihak Kerajaan Negeri, kita tidak merancang untuk mengenakan apa-apa bayaran daripada Penghibur Jalanan ini, sebaliknya pihak kerajaan menerusi agensi terbabit akan membantu mempromosikan kegiatan mereka.

Selain daripada itu, kerajaan negeri berhasrat untuk mengumpul butiran maklumat penghibur jalanan yang berada di seluruh Negeri Selangor untuk direkodkan agar ia dapat membantu bagi tujuan perancangan dan pembangunan pada masa akan datang. Dengan data ini juga kita akan dapat mengenal pasti jumlah kutipan atau jualan persembahan mereka, waktu-waktu yang sesuai untuk persembahan dan yang seumpamanya. Ini pastinya akan dapat memastikan keperluan kumpulan ini dibantu atau dilengkapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah FDI yang telah diperolehi sepanjang tahun 2014 dan 2015?
- b) Senaraikan statistik FDI mengikut sektor pada tahun 2014 dan 2015?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh sepanjang tahun 2014 hingga Jun 2015, sebanyak **359 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 11.261 bilion**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 5.76 bilion** daripada pelabur tempatan dan sebanyak **RM 5.51 bilion** daripada pelaburan langsung asing (FDI).
- b) Statistik FDI mengikut sektor bagi tahun 2014 dan 2015 seperti berikut:-

Industri	Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Selangor Mengikut Industri Bagi Tahun 2014				
	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal pelaburan (RM)
Chemical & Chemical Products	36	1,599	701,250,421	630,550,418	1,331,800,839
Transport Equipment	21	2,786	698,336,901	317,345,307	1,015,682,208
Basic Metal Products	13	801	528,349,659	346,648,141	874,997,800
Machinery & Equipment	37	1,376	259,774,044	485,877,822	745,651,866
Food Manufacturing	18	1,392	237,342,817	504,640,540	741,983,357
Paper, Printing & Publishing	5	1,188	127,175,540	471,814,000	598,989,540
Electronics & Electrical Products	17	1,259	121,250,624	209,475,030	330,725,654
Fabricated Metal Products	22	1,206	239,115,185	44,950,521	284,065,706
Plastic Products	14	975	247,250,243	34,202,471	281,452,714
Rubber Products	7	988	214,929,867	31,171,818	246,101,685

Scientific & Measuring Equipment	9	230	123,356,647	26,499,342	149,855,989
Non-Metallic Mineral Products	6	331	129,208,940	996,000	130,204,940
Beverages & Tobacco	2	99	44,940,697	65,321,910	110,262,607
Wood & Wood Products	6	120	66,070,500	2,104,400	68,174,900
Lain-lain	3	171	25,846,000	22,500,000	48,346,000
Furniture & Fixtures	5	409	32,525,927	7,182,872	39,708,799
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	5	63	21,354,361	2,557,020	23,911,381
Textiles & Textile Products	3	125	18,793,415	1,550,585	20,344,000
Leather & Leather Products					0
Jumlah	229	15,118	3,836,871,788	3,205,388,197	7,042,259,985

Sumber : MIDA

Industri	Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Selangor Mengikut Industri Bagi Tempoh Jan - Jun 2015				
	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal pelaburan (RM)
Non-Metallic Mineral Products	3	316	10,069,499	722,534,501	732,604,000
Paper, Printing & Publishing	2	62	1,038,029	616,114,652	617,152,681
Food Manufacturing	13	698	255,029,462	212,990,548	468,020,010
Basic Metal Products	10	794	400,664,649	0	400,664,649
Transport Equipment	11	790	241,752,744	129,070,688	370,823,432
Fabricated Metal Products	16	754	185,167,719	109,998,830	295,166,549
Machinery & Equipment	24	1,272	212,916,906	72,742,290	285,659,196
Electronics & Electrical Products	10	965	122,432,230	161,570,796	284,003,026
Plastic Products	10	1,028	191,379,949	54,342,175	245,722,124
Chemical & Chemical Products	10	669	51,144,549	93,912,376	145,056,925

Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	69	49,690,396	72,669,604	122,360,000
Wood & Wood Products	4	227	47,944,027	17,944,276	65,888,303
Lain - lain	2	379	26,043,060	28,182,000	54,225,060
Scientific & Measuring Equipment	5	302	35,768,815	0	35,768,815
Beverages & Tobacco	1	71	29,675,162	0	29,675,162
Furniture & Fixtures	3	271	28,309,701	0	28,309,701
Rubber Products	3	185	21,435,061	1,462,000	22,897,061
Textiles & Textile Products	2	143	8,230,002	7,400,000	15,630,002
Leather & Leather Products					0
Jumlah	130	8,995	1,918,691,960	2,300,934,736	4,219,626,696

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang telah dipertuntukan pada tahun 2015 mengikut jabatan, kategori dan pencapaian perlaksanaannya masing-masing.
- b) Jelaskan perancangan penggunaan peruntukan MARRIS di dalam kawasan rumah pangsa kos rendah.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS Tahun 2015 mengikut jabatan dan peratus perbelanjaan setakat 21 Oktober 2015 adalah seperti berikut:-

BIL.	JABATAN	SILING ASAL (RM)	SILING TAMBAHAN (RM)	SILING KEMASKINI (RM)	PERUNTUKAN TELAH SALUR (RM)	(%)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	437,500,000.00	56,121,695.36	493,621,695.36	355,955,524.62	71.09
2.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor	156,000,000.00	6,253,858.06	162,253,858.06	160,434,524.56	98.87
3.	Pejabat Daerah / Tanah (PDT)	4,500,000.00	5,499,000.00	9,999,000.00	9,999,000.00	100.00
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor	2,000,000.00	0.00	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
JUMLAH		600,000,000.00	67,874,553.42	667,874,553.42	528,389,049.18	79.11

Sebagai tambahan kepada maklumat di atas, sejumlah **RM 75,325,112.59** atau **11.28%** dari siling kemaskini adalah dalam tindakan pihak Perbendaharaan Negeri untuk penyaluran peruntukan berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) yang dikemukakan oleh agensi-agensinya pelaksana. Ini bermaksud, sejumlah **RM 603,714,161.77** atau **90.39%** daripada Siling Peruntukan MARRIS 2015 (Dikemaskini) telah pun diurus dan dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST).

- b) Pada ketika ini, jalan-jalan yang berada di dalam kawasan perumahan bertingkat termasuk skim perumahan rumah pangsa kos rendah adalah tergolong di dalam tafsiran "***harta bersama***" yang berada di bawah tanggungjawab pihak Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* - JMB) selaras dengan **Seksyen 2, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan) 2007 (Akta 663)**. Jalan-jalan tersebut juga tidak diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak didaftarkan dalam Sistem MARRIS *Online*. Oleh yang demikian, peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan secara langsung untuk membaikpulih jalan di kawasan perumahan pangsa kos rendah.

Sebarang cadangan pindaan kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Jalan Negeri bagi meluaskan penggunaan peruntukan berkenaan kepada lain-lain perkara yang tidak tersenarai dalam garis panduan tersebut perlulah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri sebelum diangkat untuk kelulusan Majlis Kewangan Negara.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mendapatkan maklumat dari kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung bilangan kawasan perumahan kos rendah yang memerlukan kerja-kerja pembaikan jalan dan maklumat ini akan menjadi asas penelitian Kerajaan Negeri di dalam usaha membantu mereka yang miskin dan berpendapatan rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEROSAKAN 2 BLOK BANGUNAN BARU SEK. RENDAH AGAMA
PEKAN MERU**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah panel siasatan dan apa punca kerosakan?
- b) Berapakah kos baik pulih dan di bawah agensi apakah ia dikeluarkan?
- c) Bagaimana dan bila kerja baikpulih akan bermula?

JAWAPAN:

- a) Panel siasatan dijalankan oleh JKR Selangor. Berdasarkan laporan daripada kajian tersebut didapati kerosakan adalah berpunca daripada mendapan tanah. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik Bahagian Forensik Ibu Pejabat JKR Malaysia dan telah melaksanakan siasatan bagi mengenal pasti punca kerosakan.
- b) Anggaran Kos baikpulih awal yang telah diluluskan oleh Jabatan Agama Islam Selangor kepada JKR Selangor adalah sebanyak RM 50,000.00 pada 14 April 2015 .
- c) Kerja-kerja baikpulih awal dimulakan pada 18 Mei 2015 dan telah disiapkan pada 15 Jun 2015. Pemantauan masih dilaksanakan dan kerja-kerja baikpulih secara keseluruhan akan dilaksanakan setelah pemantauan selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri melalui struktur dan institusi awam dalam menjamin hak kanak-kanak kurang upaya untuk menerima pendidikan menuju ke arah pendidikan inklusif sepertimana disyorkan oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)?
- b) Apakah kekangan yang dihadapi, jika ada?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan berusaha untuk memastikan kanak-kanak kurang upaya juga mendapat pendidikan selaras dengan Dasar Pendidikan Negara yang memberi pendidikan kepada semua termasuk kanak-kanak kurang upaya. Selain itu kerajaan juga telah menandatangani “Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi OKU Rantau Asia dan Pasifik” pada 16 Mei 1996 sempena pengisytiharan “Dekad OKU di Rantau Asia Pasifik, 1993-2002. Pada tahun 2002 juga, Kerajaan Malaysia telah menerima pakai rangka kerja tindakan yang dinamakan “*BIWAKO Millennium Framework for Action (BMF): Towards an Inclusive, Barrier-Free and Rights-Based Society for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific*” sebagai garis panduan dasar bagi pembangunan OKU berikutan dengan perlanjutan Dekad Orang Kurang Upaya, 2003 -2012. Mulai 2013 -2022, kerajaan telah bersetuju dengan Dasar Incheon Strategy yang juga menumpukan kepada pencapaian termasuk pendidikan kepada kanak-kanak orang kurang upaya.

Selain itu, penerimaan “Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak” antara lain menentukan hak kanak-kanak OKU dilindungi dan serta memastikan kanak-kanak OKU menikmati peluang dan kemudahan termasuk pendidikan dalam arus pembangunan negara.

Bagi menjayakan dasar-dasar ini, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga membantu dengan menyediakan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi memberi latihan atau intervensi awal kepada kanak-kanak kurang upaya supaya mereka boleh berdikari semaksima mungkin dimana kaedah pembelajaran di PDK meliputi pengurusan diri, aktiviti 3M (membaca, menulis dan mengira) dan juga ko kurikulum berdasarkan keupayaan OKU tersebut.

Apabila kanak-kanak kurang upaya tersebut telah menguasai aktiviti pengurusan diri dan kemahiran 3M, mereka boleh berdaftar dengan Kementerian Pelajaran untuk memasuki alam persekolahan sama ada ke sekolah pendidikan khas, secara kelas integrasi ataupun secara inklusif. Selain itu, persekitaran dan aksesibiliti bebas halangan di sekolah juga diambil kira bagi memastikan kanak-kanak kurang upaya dapat akses ke sekolah tanpa bantuan seperti penyediaan ramp, tandas OKU di setiap aras dan juga kelas di aras bawah jika melibatkan kanak-kanak yang menggunakan kerusi roda.

- b) Bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak kurang upaya mendapat pendidikan secara inklusif, kesedaran mengenai keupayaan dan kemampuan kanak-kanak kurang upaya perlu ditingkatkan. Sebagai contoh bagi kanak-kanak yang mengikuti program PDK, petugas akan mengadakan lawatan ke rumah OKU berkenaan setiap Jumaat untuk memberi tunjuk ajar dan latihan kepada ahli keluarga.

Aksesibiliti di sekolah perlu diperbanyakkan terutama bagi sekolah-sekolah lama dalam memastikan persekitaran sekolah adalah bebas halangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PEMBANGUNAN ADAT MELAYU & WARISAN
NEGERI SELANGOR**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk projek pembangunan Adat Melayu & Warisan Selangor?
- b) Nyatakan projek-projek pembangunan Adat Melayu & Warisan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Jumlah perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor untuk Rancangan Malaysia Ke 10 adalah RM 7,189,752.09 **(Ringgit Malaysia : Tujuh Juta Satu Ratus Lapan Puluh Sembilan Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Dua dan sen Sembilan sahaja)** dari RM 13,280,000.00 **(Tiga Belas Juta Dua Ratus Lapan Puluh Ribu Sahaja)** yang telah diterima. Ianya bersamaan 54.139%.
- b) Projek-projek pembangunan Adat Melayu Warisan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri adalah seperti di lampiran "A".

**PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
PROJEK DALAM PELAKSANAAN**

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN	KOS PROJEK	PERBELANJAAN	TEMPOH		CATATAN JADUAL / SEBENAR
						MULA	SIAP	
2012								
6	10041/ 2012	Menaiktaraf Kelengkapan Muzium Sultan Alam Shah	1,393,337.00	1,393,337.00	250,000.00			
	2	Membuat kerja-kerja ubahsuai dan menaiktaraf Balai Kebudayaan MSAS.	343,337.00	343,337.00				Keputusan Bajet Vetting pada 22.6.2015 Kerja-kerja 1 dan 2 disekalikan peruntukan. Kerja- 1 ditangguhkan. Spesifikasi sedang perbincangan pihak permuziuman. Terima peruntukan sebanyak RM 143,337.00 daripada projek membuat kerja-kerja ubahsuai dan naiktaraf Balai Warisan Ilmu Kejadian MSAS. Tander bagi projek tersebut telah dikeluarkan pada 16.10.2015 dan tutup pada 23.10.2015
	3	Membuat kerja-kerja menaiktaraf balai pameran sementara dan ruang lobi dalaman MSAS	800,000.00	800,000.00				Tarikh iklan 5.8.2015. Tutup Iklan 26.8.2015. Lawatan tapak 11.8.2015
	4	Membuat kerja-kerja baikpulih, pemasangan semula dan membina tapak bagi rumah tradisional Bugis yang telah berusia 100 tahun di Laman Muzium Sultan Alam Shah	250,000.00	250,000.00	250,000.00	26.01.2015	28.01.2016	Kerja-kerja telah ditawarkan kepada Syarikat Shahaudin. Tempoh Projek : 26 Jun 2015 hingga 28 Januari 2016
JUMLAH			1,393,337.00	1,393,337.00	250,000.00			
2014								
16	10041/ 2014	Menaiktaraf Kelengkapan Muzium Sultan Alam Shah	1,500,000.00	1,500,000.00	81,600.00			
	1	Menaiktaraf kemasan Dinding MSAS	1,000,000.00	1,000,000.00	81,600.00			Jumlah bayaran sebanyak RM 81,600.00 masih dalam tanggungan
	2	Menaiktaraf lobi antara Bangunan Anggerik dan Bangunan Tanjung	500,000.00	500,000.00				Pihak JKR Arkitek telah menyiapkan lukisan. Kerja tertangguh kerana ada kebocoran baru. Kerja-kerja akan dimulakan setelah kebocoran bumbung disiapkan oleh JKR Petaling. Kerja diserahkan pada 21-4-2015 dan pihak JKR telah melawat tapak pada 26 Jun 2015 bagi penyediaan dokumen. Kerja kebocoran sedang dilaksanakan.

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN	KOS PROJEK	PERBELANJAAN	TEMPOH		CATATAN JADUAL / SEBENAR
						MULA	SIAP	
17	10042/2014	Pembangunan Muzium-Muzium Daerah	200,000.00	200,000.00				
	2	Menaiktaraf Bekas Bangunan Rumah Jentera di Bukit Malawati, Kuala Selangor Kepada Muzium Warisan Alam.	200,000.00	200,000.00				Kerja-kerja masih dalam Bahagian Permuziuman
		i. Mengubahsuai 2 tingkat bangunan						
		ii. Menaiktaraf ruang bangunan kepada ruang pameran mengikut susun atur baru						
		iii. Membuat kerja-kerja awetan binatang pameran						
		iv. Mencetak teks dan gambar pameran (RM 60,000.00)						
		v. Menaiktaraf sistem pendawaian elektrik bangunan						
		vi. Membuat sistem multimedia pameran						
18	10043/2014	Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa Kesenian, Budaya dan Warisan Negeri Selangor.	300,000.00	300,000.00	69,803.75			
	1	Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa Kesenian, Budaya dan Warisan Negeri	100,000.00	100,000.00				Dalam pelaksanaan
		i. Motif Alam pada tenunan limar.						
		ii. Sejarah dan pengisian/pengumpulan bahan artifak, Muzium Budaya, Kuala Selangor.						
		iii. Pengisian dan pengumpulan bahan artifak, Muzium Islam, Klang						
		iv. Tarian Zapin 'Camera' Bugis Negeri Selangor.						
		v. Rekod-rekod Selangor di Belanda, England, Turki dan Sepanyol (termasuk semakan dokumentasi di Arkib Negara, KL)						
	2	i. Penyelidikan Arkeologi Tapak Neolitik Jenderam Hilir, Kajian Keruangan dan Penempatan Masyarakat Neolitik (Fasa II) (Spatial Analysis and Early Neolithic Settlement Jenderam Hilir : Fasa 1)	100,000.00	100,000.00	32,803.75			Dalam pelaksanaan
		ii. Kajian Arkeologi Penempatan Kawasan Jugra						

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN	KOS PROJEK	PERBELANJAAN	TEMPOH		CATATAN JADUAL / SEBENAR
						MULA	SIAP	
		iii. Kajian Culture Archaeology Landscape Survey, GIS bagi tujuan Heritage Mapping						
		iv. Sejarah dan Hubungan Budaya Antara Selangor dan Aceh pada 15M - 19M berdasarkan Jumpaan Nisan Batu Aceh (Kajian Saintifik terhadap Batu Nisan dan kajian Arkib)						
		v. Kajian Arkeologi dan Sejarah berdasarkan Matawang Sultan Ibrahim						
		vi. Penyelidikan Bukit Kota Tanjong Keramat dan Kota Bukit Malawati : Kajian Arkeologi Keruangan dan Kota Bukit Malawati: Kajian Arkeologi Keruangan						
		vii. Penyelidikan Perbandingan Senibina Masjid Bumbung Tumpang						
		viii. Penyelidikan Senibina Rumah Tradisional Selangor						
		ix. Penyelidikan (Inventori) Koleksi Keris Muzium Selangor.						
		x. Penyelidikan Wayang Kulit Purwa.						
		Penerbitan Hasil Penyelidikan						
	3	i. Menerbitkan 3 buku:	100,000.00	100,000.00	37,000.00			Dalam pelaksanaan
		a. Motif Alam pada tenunan limar						
		b. Sejarah dan pengisian/ pengumpulan bahan artifak, Muzium Budaya, K.Selangor						
		c. Tarian Zapin 'Cemara' Bugis N. Selangor						
		d. Buku Wau Kapal						
19	10044/2014	Menaiktaraf Tapak Bersejarah Monumen Lama.	400,000.00	400,000.00				
	1	Konservasi Bangunan Pejabat Daerah Lama Jugra	160,000.00	160,000.00				Konservasi bagi empat (4) bangunan ini tangguhkan. Kerja-kerja konservasi akan dilaksanakan di Gedung Raja Abdullah berdasarkan keutamaan. JPP telah bersidang pada 24/8/2015 bagi pemilihan juruperunding. Mesyuarat JK Sebutharga dicadang diadakan pada minggu terakhir September.
	2	Konservasi Bangunan Pejabat Daerah Lama Jugra	240,000.00	240,000.00				

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN	KOS PROJEK	PERBELANJAAN	TEMPOH		CATATAN JADUAL / SEBENAR
						MULA	SIAP	
20	10045/2014	Penyelenggaraan Tapak Bersejarah Monumen dan Muzium Daerah	10.00	10.00				Tiada Peruntukan
21	10046/2014	Pembelian Artifak / Koleksi	10.00	10.00				Tiada Peruntukan
	1	Membuat pembelian koleksi dan artifak kerana telah hampir 10 tahun pihak muzium tidak membuat pembelian koleksi Istana Bandar, Jugra dan Gedung Raja Abdullah						
JUMLAH			2,400,020.00	2,400,020.00				
2015								
22	04001/2015	Menaiktaraf Kelengkapan Muzium Sultan Alam Shah	1,500,000.00					
	1	MENAIKTARAF KELENGKAPAN BANGUNAN ANGGERIK (PEMBANGUNAN MUZIUM SUKAN)	1,500,000.00					Tanggung ke tahun 2016
23	04002/2015	Pembangunan Muzium-Muzium Daerah	1,000,000.00					
	1	Menaiktaraf Bekas Bangunan PAID, Klang	1,000,000.00					i. Bajet Vetting pada 22.6.2015 memutuskan supaya kerja ini dilaksanakan pada tahun 2015. ii. JPP telah bersidang pada 22/8/2015 bagi pemilihan juruperunding. iii. J/K sebutbarga akan bersidang dalam masa terdekat.
24	04003/2015	Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian, Budaya, dan Warisan	50,000.00					Peruntukan asal : RM300,000.00
	1	Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian, Budaya, dan Warisan Negeri Selangor	10,000.00					
	2	Penyelidikan Sejarah dan Ekskavasi Arkeologi	10,000.00					
	3	Penerbitan Hasil Penyelidikan	30,000.00					
25	04004/2015	Menaiktaraf Kawasan Tapak						
26	04005/2015	Penyelenggaraan Tapak Bersejarah Monumen dan Muzium Daerah						
27	04006/2015	Pembelian Artifak / Koleksi						
JUMLAH			2,550,000.00					

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN	KOS PROJEK	PERBELANJAAN	TEMPOH		CATATAN JADUAL / SEBENAR
						MULA	SIAP	
JUMLAH			6,343,357.00	3,793,357.00	401,403.75			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENJAJA BERGERAK (FOOD TRUCK)

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan untuk memajukan perniagaan bentuk penjaja bergerak (food truck) dalam negeri ini supaya ia dapat menjadi satu keunikan setempat?
- b) Adakah kerajaan negeri akan mempertimbangkan supaya menyelaraskan lesen bersekutu bagi membenarkan penjaja bergerak untuk berniaga di PBT yang berlainan?

JAWAPAN:

- a) Ini merupakan sesuatu bidang yang baru. Sehubungan itu, rancangan untuk mewujudkan satu garis panduan tentang penjaja bergerak akan dibuat supaya perniagaan ini dapat dikawal dengan cara yang teratur.
- b) Cadangan tersebut perlu diperhalusi dan perlu mengambil kira ulasan dan pandangan PBT masing-masing kerana ia melibatkan isu pelesenan, syarat perniagaan, kadar lesen, pendapatan PBT, kawasan operasi perniagaan dan pemantauan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERINDUSTRIAN

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status semasa pelaburan asing ke dalam negeri Selangor (ranking dan jumlah)
- b) Nyatakan insentif yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi mengekalkan pelabur di negeri ini

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kelulusan projek perkilangan bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, Negeri Selangor **mencatatkan jumlah bilangan kelulusan projek tertinggi berbanding negeri-negeri lain dengan 130 projek**. Namun begitu, **Selangor menduduki tangga keempat dari segi nilai pelaburan berjumlah RM 4.22 bilion** selepas Negeri Johor, Melaka dan Pulau Pinang.

Kelulusan Projek Perkilangan Bagi Tempoh Januari hingga Jun 2015 Mengikut Negeri.

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Johor	73	6,775	25,877,981,220	1,146,459,342	27,024,440,562
Melaka	16	2,131	4,739,269,287	1,465,854,819	6,205,124,106
Penang	67	13,199	1,762,692,830	2,570,997,843	4,333,690,673
Selangor	130	8,995	1,918,691,961	2,300,934,735	4,219,626,696
Perak	15	2,733	423,546,957	2,573,925,920	2,997,472,877
Kedah	31	2,930	252,321,595	866,228,353	1,118,549,948
Pahang	10	477	275,303,155	732,987,067	1,008,290,222
Negeri Sembilan	19	1,315	165,618,564	774,469,014	940,087,578
Sarawak	11	337	619,751,042	18,196,773	637,947,815
Terengganu	4	160	24,497,320	388,900,000	413,397,320
Sabah	8	465	90,845,491	247,368,384	338,213,875
Kelantan	2	396	262,500,000	5,160,000	267,660,000

Perlis	1	6	3,109,215	0	3,109,215
W. P. Kuala Lumpur	1	75	1,511,271	0	1,511,271
W. P. Labuan					0
Jumlah	388	39,994	36,417,639,908	13,091,482,250	49,509,122,158

Sumber : MIDA

- b) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau galakan berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti tapak, menyelaraskan permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : TERJAH Y.B. DATO' SUK KE KEDAI-KEDAI MAKAN KAWASAN SHAH ALAM

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan terhadap kakitangan Kerajaan yang melanggar peraturan di waktu kerja?
- b) Adakah langkah ini juga diamalkan oleh pegawai-pegawai Daerah, YDP dan Dato-Dato Bandar?
- c) Berapa ramai kakitangan Kerajaan yang telah diambil tindakan tatatertib atas perkara di atas. Senaraikan mengikut Jabatan?

JAWAPAN:

a) dan b)

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat arahan pematuhan waktu bekerja kepada semua penjawat awam di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 1 Jun 2009. Ianya susulan daripada arahan pematuhan waktu bekerja kepada penjawat awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 8 April 2009.

Sehubungan itu, dalam menguatkuasakan arahan ini, semua Jabatan/Agensi termasuk Pejabat Tanah/Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Anak Syarikat Negeri di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor diminta untuk memantau pematuhan arahan waktu bekerja tersebut. Antara langkah yang diambil termasuklah menerapkan amalan budaya kerja berdisiplin dengan mengeluarkan poster dan pemakluman melalui e-mel mengenai pematuhan waktu bekerja.

Jabatan/Agensi juga menubuhkan skuad pemantau yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan kakitangan yang mengadakan operasi pemantauan secara berkala dan mengejut (*spot check*) di premis makanan, premis hiburan dan pusat membeli belah di kawasan masing-masing.

Amaran lisan dan bertulis serta pengesyoran tindakan tatatertib bagi kakitangan yang didapati gagal mematuhi arahan waktu bekerja yang ditetapkan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk tindakan lanjut.

- c) Dari Januari sehingga September 2015, seramai 18 orang kakitangan di beberapa Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib setelah didapati gagal mematuhi arahan waktu bekerja yang ditetapkan. Senarai kakitangan berkenaan mengikut Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan/Agensi	Bilangan Pelaku	Kesalahan Dilakukan Semasa Waktu Pejabat
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	2	Bermain Snooker
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	1	
3.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	5	Makan/minum di premis makanan
4.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	2	
5.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)	1	
6.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	1	
7.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)	4	
		2	Membeli belah
Jumlah		18	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek perumahan terbengkalai di Selangor mengikut PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kepada pembeli projek rumah terbengkalai?
- c) Apakah tindakan yang diambil kepada pemaju terbabit?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor sehingga 15 Oktober 2015 adalah sebanyak 106 projek. Senarai projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut :

- (i) MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.
2	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Subang Bestari, Bandar Pinggiran Subang , Seksyen U4, Shah Alam, H.S.(D) No. 110897, P.T. No. 35078, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.
3	Projek Pembinaan Pangsapuri Rimau Indah , Fasa 3, Di bawah Geran No. 36409, Lot No. 3783, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rimau Indah Sdn. Bhd. (Digulung)

4	Projek Pembinaan Untuk Penempatan Semula Setinggalan Fasa 1 Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Bunga Raya , 1 Blok 12 Tingkat (153 Unit) & 6 Unit Kedai, Jalan Gram U19/16, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)
5	Projek Perumahan Di U10 Height , Seksyen U10, P.T. 3696, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.
6	Projek Perumahan Taman Muhamad 2 , Kampung Lombong, Jalan Kebun, Mukim Klang, Daerah Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.
7	Projek Perumahan Berkembar Satu Tingkat Plot 5. Lot3159, Taman Desa Sri Baiduri , Mukim Klang H.S (M) 37153 PT No. 97024, Kg. Lombong, Jalan Kebun, Mukim Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd (Digulung)
8	Projek Perumahan Teres Satu Tingkat Taman Qismul (Jenis Maya 02), Diatas PM 4332, Lot No 4102, Jalan Kebun, Mukim Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd
9	Projek Perumahan Teres Satu Taman Andaman 5 , Jalan Tanjung Sepang 30/112, Seksyen 30, Shah Alam	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd
10	Projek Perumahan Taman Andaman Timor 3 , Jalan Kebun, Kota Kemuning, Daerah Klang, Shah Alam	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd

(ii) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan 304 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 1 Blok Tempat Letak Kereta di atas Lot PT 9195, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Pembangunan 300 Unit Pangsapuri Kos Sederhana (Fasa 2) di atas Sebahagian Tanah Kerajaan CP 51554, Kampung Sungai Kayu Ara , Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Antara Vista Sdn. Bhd

3	Pembangunan 5 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Kos Tinggi Di Atas Lot Pt 1428, Seksyen PJU 1, Petaling Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd. (Receivership)
---	---	--

(iii) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1.	Projek Pembinaan 9 Tingkat Pangsapuri Kos Mewah 149 Unit 1Tingkat, Tempat Letak Kereta (Serdang Plaza), Di atas Hakmilik H.S.(D) 59980, PT 3114, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Tetuan Serdang Plaza Baru Sdn. Bhd

(iv) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Taman Kencana Fasa 3 , Ampang	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Cadangan Menyiapkan Rancangan Perumahan 1 Blok, 10 Tingkat Dan 2 Blok 9 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Di Atas Lot Pt4992, Kg. Pasir Tambahan Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor. (Estana Court Condominium)	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Pembinaan 1,609 Unit Pangsapuri Ukay Bestari , Mukim Ampang, Daerah Gombak	Damai Bistari Sdn. Bhd. (Receivership)
4	Projek Pembinaan 1020 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Ukay Indah Kondominium di Sg. Sering , Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak	Scenic Marina Sdn. Bhd.

(v) MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan yang Mengandungi 4 Blok Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat di atas Lot 6978, (Taman Sri	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd. Tetuan Teng Kong Enterprise

	Aman) Kampung Idaman, Mukim Klang	Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Pembinaan Pangsapuri 6 Tingkat dengan Tempat Letak Kereta di Tingkat Bawah, di atas Lot 2377 (Geran 4963), Jalan Dato' Amar, Klang	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd
3	Projek Perumahan Taman Tradisi Indah , Bandar Pinggiran Shah Alam melibatkan 50 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di atas Lot PT 84927-Lot PT 84978, Lot Asal 4965, Jalan Masjid Sultan 9C/KS13, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan Mengandungi 36 Unit Rumah Teres, 66 Unit Rumah Berkembar, 92 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 29 Unit Kedai dan 58 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 155 Unit Kos Rendah dan 40 Unit Pangsapuri Kos Sederhana Rendah di atas Lot PT 68738 PM 7794 & Sebahagian Lot PT 68739 PM 7793 Mukim Klang	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.
5	Projek Perumahan 13 Unit Rumah 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569,13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar , Daerah Klang	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd.
6	Projek Perumahan 14 Unit Rumah Teres Setingkat, 7 unit Banglo Setingkat, 1 Pencawang Elektrik Fasa 2 di atas Lot 44782, Jalan Tarmizi, Rantau Panjang, Mukim Kapar, Klang (Taman Hijrah 2)	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.
7	Projek Pembinaan Fasa 2 Apartment 1 Blok 9 Tingkat (109 Unit) dan Lain-lain Kemudahan di atas Lot PT 5124 dan 5125 (Taman Mutiara) , Pulau Indah, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan di atas Lot 5128, Pulau Indah, Daerah Klang (Pangsapuri Yamin Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)

9	Projek Perumahan di atas Lot 5740 dan 5741, Pulau Indah, Daerah Klang (Indah Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
10	Projek Perumahan Rumah Teres Dua Tingkat dikenali sebagai Desa Bukit Delima , di bawah Hakmilik G.M. No. 2142, Lot No. 5450, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)
11	Projek Perumahan 54 Unit, Jalan Dusun Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.
12	Projek Perumahan Taman Desa Sri Nilam , di atas Lot 5255, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Projek Perumahan di Taman Desa Sri Siantan , H.S.(M) 30600, GM 4519, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
14	Projek Perumahan Desa Sri Damai 3, Di atas Hakmilik No GM 2484, No Lot 3057, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
15	Projek Perumahan Rumah Teres 1 Tingkat di Tanah No. Lot EMR 8665, Lot 3834, EMR 7309, Lot 560, Telok Gadong, Klang (Sungai Pinang)	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd. Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.
16	Projek Perumahan Andaman 2 , di atas Lot PT 17561, Kampung Nelayan, Telok Gong, Daerah Klang	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.
17	Taman Cahaya , Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
18	Projek Perumahan Taman Sri Kencana , GM 3850 Lot 2757, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)
19	Projek Perumahan Taman Meru 1 , 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Diatas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)
20	Projek Perumahan Bagi Pembinaan 38 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Meru Ria 2 , Di Atas GM 3928 Lot 3750, Jalan Belimbing, Meru, Mukim Kapar,	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)

	Daerah Klang	
21	Projek Taman Desa Kencana , Mukim Kapar, Daerah Klang	Suasana Ehsan Sdn. Bhd.
22	Projek Perumahan Taman Desa Pelangi Di Atas Lot 2664 GM 4769, Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
23	Projek Perumahan Desa Maru , Lot 23678 Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
24	Projek Perumahan Taman Setia Indah , Diatas Hakmilik No. HS(M) 43220, No. PT 119181, Sungai Pinang, Pulau Indah, Mukim Klang	SPS Setia Sdn. Bhd.
25	Cadangan 2 Blok Pangsapuri Anggerik (150 Unit) dengan surau, dewan serbaguna diatas lot PT85358, 5 unit kedai 2 Tkt diatas Lot PT85353-PT85357 diatas Lot PT85359 (lot Asal 1730) Jalan Sungai Udang KS 3, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.

(vi) MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Taman Serosa Kajang, 413 (Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana, Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana dan pangsapuri 13 Tingkat Kos Rendah) di atas Lot 4454 & 1297, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya), 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Perumahan Taman Lingkaran Nur, 52 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Batu 12, Jalan Cheras, 43000 Kajang	Tetuan Saktimuna Sdn. Bhd. (Digulung) Tetuan Lingkaran Nur Sdn. Bhd. (Digulung)

4	Projek Perumahan di Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat di atas sebahagian Lot 613 (102.54 ekar), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.
5	Projek Perumahan di Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Lot 1621, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.
6	Projek Perumahan Taman Titiwangsa (Pembesaran Kg.) Yang Mengandungi 80 Unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat dan 8 Unit Kedai 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.
7	Projek Perumahan 407 Unit Rumah Kos Rendah, Sederhana dan Rumah Kedai di Taman Sri Raya, Batu 9, PT14689 - 14722 dan PT 10224-10228 Cheras	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli, HS (D) 40113, PT 5520, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.
9	Projek Perumahan Evergreen Homes Di atas HS (M) 6672, PT 9307, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd (Digulung)
10	Projek Perumahan Terbengkalai Taman Nusa Lestari (Rumah Banglo) Di Atas Hakmilik Induk GM 219 (EMR 4873), Lot 3022, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Kamara Land Sdn. Bhd.
11	Projek Perumahan Desa Seri Tekali Di Atas Hakmilik H.S.(D) 40619, Pt 5708, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Anglo Properties Sdn. Bhd.
12	Projek Perumahan Dusun Damai, Di Atas Hakmilik GM 5500 & 3497, Lot No. 1589 & 1590, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Anjung Properties Sdn. Bhd.

(vii) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Pembinaan Pangsapuri Gombak Perdana Villa 10 Tingkat, 222 Unit Seluas 1.737 Ekar, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Pembangunan Taman Selayang Mutiara terdiri daripada 498 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat dan Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah (Topaz), Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Pembesaran Kampung Baru Kundang, 109 Unit (50 Unit Jenis A-2 & 3 Tingkat), (59 Unit Jenis B-3 Tingkat) Di Atas PT 20902 Plot 9092, Mukim Kundang, Daerah Gombak	Tetuan Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.
4	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah (Taman Bayu) Di bawah Geran No.29858, Lot No.2980, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.
5	Pemberimilikan Tanah Kerajaan Di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Seluas 35.565 Hektar Di atas Lot 3883 & 5060, Batu 291/2, Jalan Batu Arang Ke Batang Berjuntai, Mukim Rawang, Daerah Gombak (Rancangan Perkampungan Secara Berkelompok & Tersusun Kampung Kiai Hj. Arshad)	Tetuan Aramin Sdn. Bhd. (Digulung)
6	Projek Astana Square Service Apartment di atas HS(D) 21817 PT 1985, Bandar Selayang	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Perumahan Taman Jasa Murni, GM622, 623 dan 624, Lot 2146, 2148 & 2150, Sungai Tua, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd.
8	Projek Perumahan Taman Pusu, Rumah Teres 1 Tingkat P.M 338 Lot No. 4935, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd

9	Projek Perumahan Taman Garing, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd
---	--	-------------------------

(viii) MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Seri Setia Height, Plot No.13, Lot 921, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development
2	Projek Perumahan Taman Desa Sinar Salak Membina 26 Unit Rumah Berkembar Dan 4 Unit Banglo Di P.M. 3000, Lot 1635, Mukim Labu, Daerah Sepang	Ikatan Darma Sdn. Bhd.
3	Projek Perumahan Rumah Sesebuah Desa Meranti, Di Atas GM 142 (EMR 6225), Lot 4406, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan Taman Indera Indah, Di Bawah Hakmilik Induk GM 1121, Lot 2712, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.
5	Projek Perumahan Taman Desa Salak Gemilang (Fasa 2), Lot 2241 PM 386, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development
6	Taman Desa Utama, Sungai Merab, Sepang	Aras Dimensi Sdn Bhd (Digulung)
7	Projek Perumahan Terbengkalai Taman Salak Idaman, Mukim Labu, Daerah Sepang	Tetuan Rantai Bumi (M) Sdn. Bhd.

(ix) MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Pembangunan Bercampur (Fasa 1 Alam Mutiara), 924 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Rancangan Revolusi Hijau Peringkat 2 (RRHP II), Cherakah, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pemilik Tanah: Mujur Zaman Sdn Bhd.
2	Projek Perumahan Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah , Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor (499 unit RKR)	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.
3	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), 46 Unit Rumah Teres Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
4	Projek Perumahan Taman Seri Wangi Di Atas Lot 103, Jln Sungai Tenggi Kiri, Bandar Tanjong Karang Mukim Tanjong Karang	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama) & Tetuan Mentera Dagang Sdn.Bhd. (Baru).
5	Projek Perumahan 154 Unit Rumah Teres Kos Rendah Di Taman Damai (Taman Damai II), Tanjung Karang (Fasa 1), Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.
6	Projek Pembesaran Kampung melibatkan 1282 Unit, Kampung Bukit Kerayong , Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.
7	Projek Pemberimilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung, Taman Desa Mawar Di atas Lot P.T. 1175, Kampung Sungai Yu, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan JKK Sungai Yu Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. Tetuan Lian Feng Constraction Sdn. Bhd.
8	Projek Perumahan Taman Delima Merah, Jalan Lintang, Kampung Tengah, Daerah Kuala Selangor	Syahira Development Sdn. Bhd

(x) MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Desa Beruntung , RKR Setingkat, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Perumahan Taman Lembah Beringin , PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, 79 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Manco Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan 400 Unit Rumah Teres Setingkat Di Fasa 16A, Bukit Sentosa 3 , Di Atas Sebahagian Lot 353 Dan 1729, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.
5	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin Di atas Tapak Baru, Jalan Kampung Jawa, Batu Dua Kuala Kerling, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.
6	Projek Pemberimilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa Di Lot 1783, 109 Unit Rumah Banglo, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang (Fasa 2 - 461 unit), HS(M) 2199, PT 1310, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd.(Nama Lama) & ARK Development Sdn.Bhd (Nama Baru)
8	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo No.2527 & 2528 dan 2529 & 2530 (The Genting Valley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)
9	Projek Pembesaran Kampung Koskan , 43 Unit Rumah Banglo Setingkat, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd. (Digulung)

	Serendah, Daerah Hulu Selangor	
10	Projek Perumahan Dibawah Skim Pemilikan Secara Terancang Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.
11	Projek Erina Heights , Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd
12	Projek Perumahan Di Atas Hakmilik Geran 39220, Lot 2496 Dan Geran 39221, Lot 2565, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Projek Perumahan Taman Impiana , 22 Unit Rumah Banglo Setingkat, Di Atas H.S.(M) 358, PT 671, Kampung Bharu Sejangung, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Ulu Selangor	Oridua Construction Sdn. Bhd.

(xi) MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Di Atas Lot 175 Dan 12163, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.
2	Projek Perumahan 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, (Taman Desa Sri Jentayu 1) di atas Plot 15, LM 276 Lot 4324, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Perumahan 25 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (Taman Visi Nusa) di atas Lot 2092, Bukit Changgang, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat, Taman Sijangkang Perdana Di Atas GM 2073, Lot 679, Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.(Digulung)
5	Projek Perumahan Lot-Lot Banglo, Jalan Manggis, Batu 9, Di Atas Hakmilik Asal GM 1989, Lot 1647,	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.

	Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	
6	Projek Perumahan Taman Desa Sri Saujana 1 , 44 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah Di Atas Lot 2159 GM 2751, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Perumahan Taman Desa Perwira , 42 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Hakmilik Induk No. PM 2392, Lot 7736, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan Taman Desa Lestari , 28 Unit Di Atas Hakmilik Individu, Bukit Kemandol, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.
9	Projek Taman Langat Utama 3 , Di atas Hakmilik Individu, HS(M) 16314 PT 17272, Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.
10	Projek Perumahan Rumah Berkembar Setingkat, Di bawah Pegangan Geran Induk, HS(M) 11973, PT No. 14269, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.
11	Projek Perumahan Berkembar Setingkat Di Bawah Pegangan Geran Induk LM 188, Lot 4208, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.
12	Projek Perumahan Taman Desa Sri Permai 2 , Di Atas Hakmilik PM 1797, Lot No. 3055, Mukim Teluk Panglim Garang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Taman Saujana Panglima , Sijangkang Di Atas Lot 7385 (Lot Asal), Mukim Bandar Sijangkang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)

(xii) MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Rumah Berkembar di atas hakmilik Induk GM 1376, Lot No. 5273, Taman Mutiara , Jalan Tebuk Supar, Mukim Sabak, Daerah Sabak Bernam	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)

b) dan c)

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor dengan menyalurkan bantuan kepada pembeli yang teraniaya walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah dengan memahami situasi yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini.

Antara bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pembeli projek terbengkalai adalah seperti berikut :

- 1) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disediakan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.

- 2) Membantu pembeli **menubuhkan jawatankuasa bertindak** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 3) LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.
- 4) LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 5) LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 6) **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pembeli
- 7) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat **penilaian semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- 8) Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.
- 9) **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

10) **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN BEKALAN
AIR SELANGOR**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua Condition Precedent (CPs) dalam perjanjian utama penstrukturan semula air telah diselesaikan sekarang?
- b) Apakah perkembangan terkini proses pengambilahan Puncak Niaga dan SYABAS? Bilakah Air Selangor akan ada kawalan penuh?
- c) Apakah perkembangan dengan pengambilahan SPLASH?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Saya ingin memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Damansara Utama berhubung pertanyaan beliau sama ada *CPs* ataupun *Condition Precedent* dalam perjanjian utama penstrukturan semula air telah pun diselesaikan. Jawapan saya ialah yes, ataupun ya. Kesemua *CPs* telah pun dipenuhi seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian utama penstrukturan semula air. Yang Berhormat Damansara Utama sedia maklum bahawa kerajaan negeri telah pun memeterai perjanjian tambahan ke atas perjanjian utama pada 10 Julai 2015 yang lalu di mana pada tarikh ini kerajaan negeri telah berjaya merungkai kemelut panjang industri perkhidmatan air dan akhirnya rakyat negeri Selangor berjaya memiliki semula perkhidmatan air untuk diurus secara *holistik*, ke arah perkhidmatan yang berteraskan ketelusan, kebertanggungjawaban, *efisien*, *cost effective* serta dikawal penuh oleh kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, bermula pada 15 Oktober 2015, pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. atau Air Selangor, telah pun mengambil alih secara rasminya pengurusan dan operasi SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd. dan *Insyah-Allah* pada 9 November ini saya bersama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan turun ke ibu pejabat SYABAS sebagai tanda secara rasminya Kerajaan Negeri mengambil alih operasi SYABAS dan Puncak Niaga dan dalam lawatan kerja ini saya akan bertemu dengan semua tenaga kerja dan warga kerja SYABAS untuk memberikan semangat dan motivasi kepada mereka dan memberi jaminan bahawa mereka tidak akan diberhentikan kerja dan kita akan memberikan penjelasan tentang dasar-dasar Kerajaan Negeri bagaimana

pengurusan air ini harus dilakukan. Sebagai tanda kejayaan awal, sukacita juga saya memaklumkan sebaik sahaja Air Selangor mengambil alih secara rasmi SYABAS dan Puncak Niaga pada 15 Oktober yang lalu, kolam-kolam perkhidmatan ataupun *service reservoir* di taman-taman perumahan berada dalam tahap yang cukup selesa untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna. Soalan yang ketiga daripada Damansara Utama tentang perkembangan pengambilalihan SPLASH, saya ingin memaklumkan bahawa pengambilalihan SPLASH masih belum dimuktamadkan lagi kerana seperti yang saya nyatakan semalam pemegang-pemegang saham utama SPLASH telah menolak tawaran awal yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri telah pun melantik penilai bebas untuk mengkaji dan menentukan nilai sebenar yang adil dibayar kepada SPLASH. Untuk makluman Dewan juga dalam perjanjian utama telah pun diperuntukkan bahawa Air Selangor hendaklah memastikan ia akan berusaha untuk memperolehi ekuiti dalam syarikat pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. ataupun SPLASH dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penyelesaian ataupun *the date of completion* dan dalam perjanjian utama juga telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab untuk sedaya upaya memudahkan Air Selangor memperolehi SPLASH dan tempoh ini akan berakhir pada September 2016. Memandangkan tempoh rundingan dengan SPLASH akan berakhir 12 bulan daripada tarikh penyelesaian perjanjian utama iaitu pada 10 Julai yang lalu maka perbincangan di antara Air Selangor dan SPLASH masih lagi berjalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE-11

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan untuk menyelenggara dan membaikpulih stadium-stadium mini di Selangor?
- b) Apakah perancangan untuk memaksimumkan kemudahan sukan bagi Stadium Mini Sabak yang masih luas kawasannya.

JAWAPAN:

- a) Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Selangor, tiada peruntukan khusus disediakan bagi tujuan menyelenggara dan membaikpulih stadium-stadium mini di Negeri Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan pembangunan infrastruktur sukan yang diselia di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah mahupun di peringkat negeri termasuk bagi kerja membaik pulih mini stadium dan baik pulih kecil atau bina baru kemudahan gelanggang sukan.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam memastikan pembangunan di Negeri Selangor adalah seimbang baik di kawasan luar bandar mahupun di kawasan bandar agar jurang pembangunan dapat dirapatkan dengan menyediakan peruntukan bagi tujuan menampung pelaksanaan projek pembangunan kemudahan awam, kemudahan asas dan juga termasuk kemudahan sukan. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Sukan komited untuk membangunkan prasarana sukan yang ada di Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri sedia meneliti dan mempertimbangkan cadangan pembangunan stadium Sabak Bernam dengan mengambil kira keberkesanan impak nilai untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : STESYEN BAS BISTARI JAYA

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Stesyen bas ini tidak mempunyai tempat berteduh bagi kemudahan awam. Apakah rancangan PBT untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Stesen bas Bestari Jaya pada asalnya mempunyai 2 lokasi tempat untuk penumpang berteduh. Walaubagaimanapun pada bulan September 2015 yang lalu salah satu daripada pondok bas tersebut di langgar oleh bas dan menyebabkan satu roboh.

Pengunjung masih lagi mempunyai tempat untuk berteduh di satu lagi lokasi untuk tempat menunggu bas yang berhampiran dengan tandas awam dan gerai (kiosk).

Pihak Majlis akan membina semula tempat yang roboh mengikut keperluan dan kemampuan kewangan Majlis pada masa akan datang serta akan memasukkan dalam perancangan kerja akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : WABAK ANJING GILA (RABIES)

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan persediaan dan langkah pencegahan bagi menghadapi wabak anjing gila yang kini sedang merebak?
- b) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk membunuh anjing liar di Selangor bagi mengelakkan wabak ini menular?

JAWAPAN:

- a) Tindakan pencegahan yang dilakukan oleh kerajaan adalah menjalankan surveilan aktif dan surveilan pasif.
 - i. Survelan aktif bermaksud mengambil dan menguji sampel-sampel bagi mengesan kehadiran penyakit rabies. Program surveilan aktif ini telah dijadualkan lebih awal pada setiap tahun.
 - ii. Survelan pasif pula adalah DVS Selangor bersama-sama PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menyiasat setiap kes gigitan anjing yang dilaporkan oleh orang awam bagi memastikan kes berkenaan tidak berkaitan dengan rabies.
- b) Kerajaan Negeri masih meneruskan penangkapan dan penghapusan anjing liar yang dilaksanakan oleh semua PBT di negeri ini. Jabatan Perkhidmatan Veterinar pula mengesahkan bahawa langkah ini disokong oleh Pertubuhan Antarabangsa bagi Penyakit Haiwan (OIE) di bawah OIE-TAHC Manual, Chapter 7.7 – Stray dog population control.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : LAWATAN PEMBELAJARAN TEKNIKAL KAJIAN PAVEMEN DI
MELBOURNE AUSTRALIA**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kaedah *pavemen evaluation* HDM-4 sesuai digunakan di jalanraya Negeri Selangor?
- b) Siapakah ahli rombongan yang menyertai lawatan ini?
- c) Sila nyatakan jumlah perbelanjaan digunakan oleh rombongan ke Australia yang termasuk kos tiket penerbangan, makanan dan penginapan.

JAWAPAN:

- a) Ya, sangat sesuai.
- b) Ahli-ahli rombongan ialah:
 - i) Yang Berhormat Tuan Haji Zaidy bin Abdul Talib
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 - ii) Mohd Adram Bin Musa
Pegawai Penasihat Dasar
 - iii) Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Hamizan b. Mohd Inzan
Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Darul Ehsan
 - iv) Tuan Haji Mazlan Bin Mohamad
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Jalan)
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Darul Ehsan
 - v) Mohd Hasry Bin Nor Mohd
Timbalan Pengarah
Seksyen Agihan dan Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)
- c) Jumlah perbelanjaan ialah RM 41,870.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEBAJIKAN

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai program bantuan baikpulih kerosakan rumah akibat kebakaran kepada keluarga berpendapatan rendah?
- b) Apakah kriteria melayakkan untuk mendapatkan bantuan tersebut?
- c) Berapakah nilai maksimum yang boleh diterima kepada yang layak?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor telah memperuntukkan bantuan kewangan sejumlah RM500.00 bagi mangsa kebakaran rumah yang musnah keseluruhannya dan RM250.00 bagi mangsa kebakaran rumah yang musnah sebahagian sahaja. Tabung Bencana Khas Negeri Selangor juga memperuntukkan RM1000.00 bagi waris mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mempunyai Program Bantuan Baik Pulih Kerosakan Rumah Akibat Kebakaran kepada mangsa yang terlibat.

- b) Berikut adalah kriteria kelayakan bagi Program Bantuan Baik Pulih Program Bantuan Baik Pulih Kerosakan Rumah Akibat Kebakaran yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat ;
 - i) Rumah mangsa kebakaran adalah rumah milik sendiri
 - ii) Mangsa adalah warganegara Malaysia
- c) Berikut adalah nilai maksimum yang boleh diterima mangsa yang layak ;

PROGRAM	AMAUN MAKSIMUM
Wang Ehsan Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	RM 500.00
Program Bantuan Baik Pulih Program Bantuan Baik Pulih Kerosakan Rumah Akibat Kebakaran yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat	RM 5000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dengan wujudnya Rumah Mampu Milik Selangorku, akan dimansuhkan pembinaan Rumah Kos Rendah?
- b) Apakah perancangan KNS bagi memastikan golongan berpendapatan rendah masih boleh memiliki rumah?
- c) Berapa unit Rumah utk golongan rendah ini akan di bina dalam tempoh 5 tahun akan datang?

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman Yang Berhormat, kewujudan Rumah Selangorku tidak bermaksud untuk memansuhkan terus pembinaan Rumah Kos Rendah. Konsep utama pelaksanaan Rumah Selangorku adalah mempelbagaikan jenis rumah mampu milik dari segi harga jualan, saiz luas binaan dan juga jenis rumah yang mampu memberi lebih pilihan kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk memiliki rumah pada harga mampu dimiliki. Rumah Selangorku secara khususnya terdiri daripada empat (4) jenis rumah utama iaitu Rumah Selangorku Jenis A yang mana saiz luas binaan 700 kaki persegi (harga jualan RM42,000), Rumah Selangorku Jenis B luas binaan 750 kaki persegi (harga jualan RM100,000) Rumah Selangorku Jenis C luas binaan 800 – 900 kaki persegi (harga jualan RM150,000 – RM200,000) dan Rumah Selangorku Jenis D luas binaan 1,000 kaki persegi (harga jualan RM220,000 – RM250,000). Oleh itu, tidak timbul Rumah Kos Rendah akan di mansuhkan kerana ianya lebih kepada penjenamaan semula. Penjenamaan semula ini secara tidak langsung akan mengikis stigma negatif terhadap Rumah Kos Rendah selama ini.

- c) Secara keseluruhannya sebanyak 24,705 unit Rumah Selangorku daripada pelbagai jenis rumah samainya diperingkat pembinaan ataupun peringkat perancangan untuk dibina dalam tempoh 2 – 5 tahun yangi telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Senarai Rumah Mampu Milik Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sehingga kini adalah seperti berikut:

i) Projek yang sedang dibina :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)
2.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)
3.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)
4.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)
5.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)
6.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)
7.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	239 (Jenis B)
8.	MPKj	Luxhome Property Sdn. Bhd.	Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras,	144 (Jenis C)

			Daerah Hulu Langat.	
9.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)
10.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
11.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)
12.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	321 (Jenis A) 240 (Jenis C) 160 (Jenis C) 320 (Jenis D)
13.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)
JUMLAH				4,872

- ii) Projek yang belum dibina tetapi kebenaran merancang telah diluluskan:-

BIL	PBT	PEMAJU / PEMAJU USAHASAMA	PROJEK	BIL. UNIT
1.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	250 (Jenis C)
2.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28 (Jenis D)
3.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)
4.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A) 210 (Jenis C)
5.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	408 (Jenis C)
6.	MPKj	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90 (Jenis C)
7.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	400 (Jenis C) 200 (Jenis D)
8.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91 (Jenis D)
9.	MDKS	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Sela	144 (Jenis C) 128 (Jenis D)
10.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Hakmilik PT 1 Blok 1 Di Seksyen 1 Antara Gapi, Bandar Sungai Chik,	80 (Jenis D)

			Daerah Hulu Selangor.	
11.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A) 202 (Jenis B) 27 (Jenis C) 9 (Jenis D)
12.	MPSJ	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling. (dipinda ke HSD 258562 PT 73892 Persiaran Permai Sentosa Bandar Putra Permai).	120 (Jenis C)
13.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A) 124 (Jenis D)
14.	MPKj	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	102 (Jenis B) 204 (Jenis C)
15.	MPKj	Tanming Raya Sdn. Bhd.	PT 46823 dan PT 46824 (Tapak Baru), Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	173 (Jenis C)
16.	MPSp	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Di Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	320 (Jenis C) 56 (Jenis D)
17.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34 (Jenis C)
18.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A) 135 (Jenis C)
19.	MDKS	Glomac Land Sdn. Bhd. & Magic Season Sdn. Bhd.	Lot 2968 PT 1887, Lot 2969 PT 1888, Lot 2970 PT 1889, Lot 2971 PT	315 (Jenis C)

			1890, Lot 2972 PT 1891 Dan Lot 2973 PT 1892, Di Batu 22 Ijok, Saujana Aman, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	
20.	MPSp	Lakefront Residence Sdn. Bhd.	Di Projek One Residence @ Lakefront Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	1,932
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
21.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	2,258 (Jenis A) 1,467 (Jenis C1) 723 (Jenis C2)
22.	MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD 15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	903 (Jenis C) 1,500 (Jenis D)
23.	MPK	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J) dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang.	323 (Jenis C2) 372 (Jenis D)
24.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A) 40 (Jenis B) 40 (Jenis C)
25.	MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di Atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	870 (Jenis B)
26.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade	142 (Jenis A) 72

			Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	(Jenis B) 72 (Jenis C) 428 (Jenis D)
27.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	2,330
28.	MDKL	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Land Group)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	262 (Jenis C1) 1,050 (Jenis C2)
29.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (Jenis C2)
JUMLAH				19,833

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : MASALAH JEREBU

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam membantu menyelesaikan masalah jerebu di Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi membendung masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan pemantauan dan laporan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Meteorologi Malaysia, masalah jerebu yang berlaku baru-baru ini bermula 22 Ogos 2015 sehingga kini adalah berpunca daripada pencemaran jerebu merentas sempadan daripada Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Keadaan ini telah menjejaskan status kualiti udara di kebanyakan negeri di Malaysia termasuk Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, keadaan jerebu setempat boleh terjadi sekiranya berlaku kebakaran hutan terutama di kawasan hutan paya gambut atau sekitarnya daripada asap yang terhasil secara berterusan daripada kebakaran tanah gambut itu sendiri kerana kebakaran boleh merebak sedalam beberapa meter ke bawah tanah gambut disebabkan penurunan paras air tanah yang ketara akibat musim panas dan kering serta tiada sumber air di lokasi bagi memadam kebakaran tersebut.

Penyelesaian jangka pendek adalah tindakan pemantauan secara sistematik di kawasan hutan dan sekitarnya yang dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Sekiranya kebakaran dikesan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor akan dihubungi untuk tindakan pemadaman segera.

Bagi kes kebakaran hutan yang berskala besar, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah membuat perolehan set peralatan pemadaman kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali sebagai "Peat Fire-X (PFX)" dengan anggaran kos RM1.2juta. Set peralatan tersebut adalah terdiri daripada serbuk PFX, pam, hos, 2 buah tangki pembancuh masing-masing berkapasti 500 dan 100 gelen. Peralatan tersebut kini ditempatkan di Majlis Perbandaran Klang pernah digerakkan untuk membantu pemadaman kebakaran tanah gambut di berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Selatan pada bulan Februari 2015.

Bagi penyelesaian jangka panjang, antara langkah yang diambil adalah meningkatkan paras air tanah dan saliran yang sedia ada di kawasan hutan paya gambut dan sekitarnya yang kritikal di Negeri Selangor seperti di Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Raja Musa. Pembinaan infrastruktur seperti *check dam*, *tube well*, kolam takungan, menara tinjau dan saluran paip air telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah Persekutuan/Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di bawah Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Yang Sering Terbakar oleh Jabatan Alam Sekitar secara berperingkat sejak tahun 2009 sehingga kini.

Untuk makluman, sebanyak 17 buah *check dam*, 6 buah *tube well*, sebuah kolam takungan dan sebuah menara tinjau telah dibina di sekitar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (Pulau Kempas), sebuah *tube well* di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan sebuah *check dam* dan saluran paip air sepanjang 1.15km telah dibina di Hutan Simpan Raja Musa. Pada tahun 2015, program ini diteruskan dengan pembinaan beberapa lagi infrastruktur seperti *tube well* dan kolam takungan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan serta saluran paip air di Hutan Simpan Raja Musa.

Bagi tindakan penguatkuasaan ke atas kes-kes pembakaran terbuka, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Perhutanan ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka. Bagi tempoh 1 Januari hingga 15 Oktober 2015, tindakan undang-undang yang telah diambil bagi kesalahan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ialah sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan dan 16 Kertas Siasatan telah disediakan untuk mengambil tindakan mahkamah.

- b) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai peruntukan yang boleh disalurkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah bagi menangani masalah jerebu melalui urus setia Unit Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan keperluan sesuatu kes yang berlaku seperti pemadaman kebakaran berskala besar di Hutan Simpan Raja Musa pada 19 Mac 2015 dan kawasan ladang kelapa sawit berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Utara pada 4 September 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PELABUR ASING

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan kemelesetan ekonomi mencecah peringkat yang membimbangkan serta kejatuhan nilai wang Ringgit Malaysia, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelaburan asing ke Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelabur asing ke Negeri Selangor seperti berikut:-

1. Pengurusan

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakkan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

- ix. Inisiatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- x. Invest Selangor Talent initiative – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xi. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

2. Networking

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan penggalakan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

3. Promosi

- a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
- b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- c. Penganjuran Selangor International Expo yang dijadualkan pada 26 – 28 November 2015 bertempat di Seri Kembangan, Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TEMPOH MASA YANG DIAMBIL OLEH PEJABAT DAERAH UNTUK
KELULUSAN GERAN TANAH KEKAL KAMPUNG TRADISI MELAYU**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah masa yang perlu diambil terutama di Pejabat Daerah bahagian tanah untuk memproses geran kekal bagi kampung-kampung tradisi melayu ?

JAWAPAN:

- a) Selepas menerima Pelan Akui (PA) dari pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), tempoh masa bagi Pejabat Tanah mengeluarkan hakmilik kekal adalah 2 bulan mengikut Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.

Maklumat Tambahan:

Walau bagaimanapun, tempoh masa tersebut akan berubah sekiranya terdapat perbezaan keluasan ukuran halus oleh pihak JUPEM daripada yang telah diluluskan oleh MMKN. Perbezaan keluasan perlu mendapat kelulusan dari Pentadbir Tanah atau MMKN (<20% kelulusan oleh PTD dan >20% kelulusan oleh MMKN), selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 12/2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : DANA SEL

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pembeli rumah yang berjaya mendapat bantuan Dana Sel untuk membeli Rumah SelangorKu mengikut pecahan projek.
- b) Senaraikan jumlah pembeli yang telah ditolak oleh pihak bank untuk pinjaman perumahan di Selangor mengikut pecahan daerah.
- c) Adakah Kerajaan akan menambahkan Dana Sel?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini 104 permohonan daripada Peneroka Bandar Kg. Rimba Jaya telah diterima dan diproses oleh Syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dan 116 permohonan daripada Peneroka Bandar Sg Sering masih ditangguhkan memandangkan pihak pemaju telah mengambil tindakan perundangan terhadap Kerajaan Negeri.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, LPHS tidak mempunyai butiran terperinci berkaitan kegagalan pemohon mendapatkan pinjaman bank memandangkan urusan untuk mendapatkan pinjaman adalah melibatkan pemohon dengan pihak bank. Walau bagaimanapun, melalui maklum balas yang diterima daripada pemaju didapati hampir 50% pemohon telah gagal mendapatkan pinjaman dan di antara sebab-sebab utama adalah disebabkan bebanan hutang yang tinggi, rekod CCRIS yang tidak baik atau telah disenarai hitam di bawah CTOS.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bercadang akan menambah peruntukan untuk Dana-Sel sekiranya peruntukan sedia ada dapat digunakan secara keseluruhan dan program ini menampakkan hasil positif dan memberi impak yang baik kepada rakyat terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN WANITA IBU TUNGGAL

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program ibu tunggal yang bermula pada 2008?
- b) Sejauh manakah dasar dan program tersebut dikekalkan hingga kini?
- c) Apakah kriteria yang digunakan bagi mengukur kejayaan program kebajikan ibu tunggal?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat mengambil berat dan prihatin terhadap golongan wanita yang berstatus Ibu Tunggal. Justeru itu semenjak tahun 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan golongan ibu tunggal dalam aspek pembangunan serta pembentukan dasar – dasar Kerajaan.

Sehingga hari ini sebanyak 16,530 orang ibu tunggal telah berdaftar dengan sistem pangkalan data e-bu. Semua program di bawah Merakyatkan Ekonomi Negeri (MES) serta program – program yang dirangka oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga lebih mengutamakan golongan ibu tunggal mengikut had kelayakan dan kriteria yang ditetapkan. Antara tawaran Kerajaan Negeri yang dapat memberi manfaat kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal adalah :

- i. Program Pemberdayaan Wanita dalam bentuk kursus-kursus kemahiran, latihan dan bimbingan, program keusahawanan sosial, pembinaan jati diri;
- ii. Skim Kesihatan Wanita (Mammotel) – Pemeriksaan Saringan Mammogram Percuma;
- iii. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) – tabung simpanan untuk anak-anak kelahiran Selangor sebanyak RM1,500 apabila mencapai umur 18 tahun;
- iv. Bantuan Asuhan Rakyat Selangor (SiKembar) – bantuan yuran taska atau nurseri sebanyak RM100 setiap bulan;
- v. Bantuan Tadika Negeri Selangor (TUNAS) – bantuan yuran tadika sebanyak RM50 setiap bulan;

- vi. Hadiah Anak Masuk Universiti – hadiah sebanyak RM1,000 untuk anak-anak melanjutkan pengajian ke IPT/IPTS yang diiktraf Kerajaan bagi pengajian diploma atau ijazah sarjana muda;
- vii. Skim Mikrokredit Hijrah – modal bantuan berniaga sehingga RM50,000;
- viii. Bantuan Kesihatan Sihat Selangor – bantuan kos rawatan bagi pesakit buah pinggang sehingga RM5,000.00, bantuan kaki palsu, pembedahan katarak serta rawatan – rawatan lain atau pembelian alat sokongan.

Kesemua program yang ditawarkan ini meliputi pelbagai aspek bukan sahaja bagi mengurangkan beban kewangan tetapi juga sebagai salah satu jaringan sistem sokongan kepada para ibu tunggal.

- b) Program – program yang dinyatakan ini masih diteruskan dan program – program baru yang berkaitan akan dirangka mengikut keperluan semasa.
- c) Sesebuah program atau skim bagi kebajikan ibu tunggal ini dinilai dari masa ke semasa dari pelbagai aspek seperti keefisyenan penyampaian bantuan, kadar penerima manfaat, kemampuan untuk menjana pendapatan dan lain – lain mengikut keperluan bagi tujuan penambahbaikan untuk dimanfaatkan oleh golongan wanita dan ibu tunggal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : LESEN PERNIAGAAN

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar kenaikan fee lesen perniagaan di Negeri Selangor sejak 2008 hingga 2015?
- b) Apakah kadar fee ini akan disemak semula sepertimana janji dalam Bajet Negeri Selangor 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2015 telah meluluskan Kadar Fi Lesen mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Undang- undang Kecil (UUK) Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian PBT Tahun 2007 dimana pindaan ini merupakan kali pertama sejak tahun 1987. Kadar kenaikan Fi Lesen di Negeri Selangor mengikut PBT selepas pelaksanaan UUK Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian PBT Tahun 2007 adalah seperti berikut ;

PBT	Peratusan Kenaikan Selepas Pelaksanaan UUK Tahun 2007
MBSA	16-72%
MBPJ	30-120%
MPK	6%
MPAJ	6%
MPSJ	30-400%
MPS	Tiada Kenaikan
MPKj	40-60%
MPSp	50%
MDKL	61%
MDHS	Tiada Kenaikan
MDKS	39-300%
MDSB	100-200%

LAMPIRAN

PBT	UUK Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian PBT Tahun 1987	UUK Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian PBT Tahun 2007
MBSA	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	Kenaikan 50% hingga 200% mengikut jenis dan kategori lesen.
	2015	
MBPJ	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	Kadar Peratusan antara 30% - 120%
	2012	Tiada kenaikan
	2013	
	2014	
	2015	
2015		
MPK	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	Selepas pelaksanaan Undang – Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007 dilaksanakan pada tahun 2014, kenaikan hasil adalah sebanyak RM1,019,206.00. Pelaksanaan UUK tersebut mula dilaksanakan semasa pembaharuan lesen tahun 2014. Anggaran kenaikan adalah sebanyak 6% daripada anggaran hasil pada tahun tersebut.
	2015	
MPAJ	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	

	2013	
	2014	
	2015	6% RM 138,140
MPSJ	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	Majlis Perbandaran Subang Jaya mengunapakai fi lesen berdasarkan Undang-Undang Kecil(UUK) 2007 yang dilaksanakan pada tahun 2014
2015	Majlis Perbandaran Subang Jaya mengunapakai fi lesen berdasarkan Undang-Undang Kecil(UUK) 2007 yang dilaksanakan pada tahun 2014.	
MPS	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	Kenaikan berdasarkan aktiviti-aktiviti Perniagaan.
	2015	
MPKJ	2008	Tiada sebarang kenaikan berdasarkan kadar caj UUK Tred tahun 1987
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	40% - 60%
	2014	Tiada kenaikan
	2015	
MPSp	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	50%
	2015	Tiada kenaikan
MDKL	2008	Tiada kenaikan
	2009	

	2010	
	2011	
	2012	
	2013	Tiada kenaikan
	2014	Secara puratanya, kenaikan fi lesen bagi perindustrian dan perniagaan di MDKL adalah 61% iaitu sebanyak RM98,000.00 bagi lesen tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya.
	2015	Tiada kenaikan
MDHS	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	
	2015	
MDKS	2008	Tiada kenaikan
	2009	
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	
	2015 (sehingga 30 September 2015)	Kenaikan kadar lesen hanya berlaku tahun 2014 39 – 300%

MDSB	2008	Kenaikan dari 100% ke 200% mengikut jenis dan kategori lesen.
	2009	Tiada kenaikan
	2010	
	2011	
	2012	
	2013	
	2014	
	2015	

- b) Kadar Fi ini sedang disemak semula bagi tujuan menyamaratakan kadar Fi lesen bagi negeri Selangor, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri memerlukan sedikit masa lagi bagi mendapatkan satu kadar yang bukan sahaja membantu peniaga - peniaga tetapi juga memberikan hasil kepada PBT- PBT.

Hasil semakan sebanyak 33 kategori Fi Lesen dijangka akan diturunkan memandangkan keadaan ekonomi semakin merosot dan Kerajaan Negeri komited untuk membantu peniaga terutama bagi peniaga-peniaga kecil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK KEBUN KERANG

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini projek tersebut?
- b) Sila senaraikan jumlah keluasan dan peserta Kebun Kerang mengikut pecahan kaum?
- c) Sila nyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan hasil kerang semakin berkurangan di persisiran pantai Negeri Selangor sejak kebelakangan ini?

JAWAPAN:

- a) Dari tahun 2011 sehingga kini, Selangor mengalami kemerosotan pengeluaran kerang. Pada tahun ini, pengeluaran sehingga September 2015 adalah sebanyak 2,684.76mt.

PENGELUARAN KERANG 2010 -2015 (SEHINGGA SEPTEMBER 2015)

TAHUN	PENGELUARAN (MT)
2010	41,410.00
2011	26,505.53
2012	11,842.99
2013	5,407.08
2014	10,035.15
2015 (sehingga Sept 2015)	2,684.76

**PENGELUARAN KERANG MENGIKUT DAERAH
(SEHINGGA SEPTEMBER 2015)**

DAERAH	PENGELUARAN (MT)
Klang	32.27
Kuala Selangor	2,219.16
Sabak Bernam	433.33
JUMLAH	2,684.76

- b) Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah memperuntukkan 200 lot kerang seluas 9,843.2 hektar di sepanjang persisir pantai negeri Selangor, ia meliputi 3 daerah iaitu daerah Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Sehingga September 2015, 80 lesen telah dikeluarkan bagi kawasan seluas 3,912.5 hektar.

AGIHAN LOT DAN LUAS MENGIKUT DAERAH (KESELURUHAN)

BIL.	DAERAH	DUN	JUMLAH LOT	LUAS LOT (HA)
1	Klang	Sementa	10	343.20
	Jumlah		10	343.20
2	Kuala Selangor	Jeram	12	600
		Malawati	19	950
		Permatang	19	950
		Sg. Burung	25	1250
	Jumlah		75	3,750
3	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar	43	2150
		Sekinchan	12	600
		Sg. Panjang	44	2200
		Sabak	16	800
	Jumlah		115	5,750
	Jumlah Besar		200	9,843.20

AGIHAN LOT, LUAS & KAUM MENGIKUT DAERAH (LESEN)

BIL.	DAERAH	LOT	LUAS LOT (HA)	PECAHAN KAUM				
				MELAYU	CINA	INDIA	LAIN ²	JUMLAH
1	Klang	6	262.5	6	0	0	0	6
2	Kuala Selangor	37	1,850	16	21	0	0	37
3	Sabak Bernam	37	1,800	11	26	0	0	37
Jumlah		80	3,912.5	33	47	0	0	80

- c) Kemerosotan pengeluaran kerang di Selangor telah berlaku sejak dari tahun 2011 lagi. Menurut penternak, kekurangan benih, keadaan dasar ternakan yang keras, kehadiran pemangsa dan siput lain di kawasan ternakan mempengaruhi penurunan ini. Kematian kerang yang tinggi juga dilaporkan di negeri Perak.

Setakat ini, Jabatan Perikanan masih belum dapat mengenalpasti punca sebenar isu penurunan pengeluaran kerang. Jabatan telah memohon peruntukan pada tahun 2014 dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan kajian bagi mencari penyebab isu ini. Peruntukan tersebut telah diluluskan pada tahun ini sahaja dan kajian sedang berlangsung (mula pada Mac 2015). Permohonan tambahan diperlukan memandangkan kitar hidup kerang adalah 12 bulan dan pelbagai aspek lain perlu dilihat kerana ternakan kerang berlaku di kawasan perairan terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH UNTUK TAPAK MASJID KAMPUNG
MELAYU SUNGAI BULOH, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak JAIS telah membuat pengambilan tanah untuk tapak Masjid tersebut?
- b) Bilakah proses ini dijangka akan selesai?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan penilaian terhadap tanah terlibat. Permohonan bagi kelulusan peruntukan telah dihantar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri pada Oktober 2015.
- b) Berdasarkan SOP pejabat tanah bagi proses pengambilan balik ianya dijangka mengambil masa selama lapan (8) bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : DASAR PERSARAAN PEKERJA LADANG

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor terhadap Persaraan bagi Pekerja Ladang?
- b) Bagaimana Kerajaan Negeri dapat memastikan kehidupan pekerja ladang memenuhi keperluan asas kehidupan seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik dan kediaman yang selamat?

JAWAPAN:

- a) Seringkali kita mendengar isu dan masalah yang dikaitkan dengan pekerja – pekerja ladang yang telah bersara. Masalah – masalah akan timbul setelah pekerja ladang berkenaan terpaksa keluar dari rumah kuarters ladang yang didiami sekian lama mengakibatkan mereka kehilangan tempat berteduh, hilang punca pendapatan dan secara tidak langsung peningkatan kos sara hidup disebabkan oleh bayaran sewa rumah yang tinggi serta ketidakstabilan ekonomi keluarga. Kebanyakan daripada pekerja ladang tidak mempunyai kediaman atau tanah sendiri dan hal ini mengakibatkan golongan seperti ini seringkali mendapatkan perhatian daripada ADUN-ADUN kawasan mereka.

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tiada dasar khusus untuk membantu pekerja ladang yang telah bersara. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah berperanan untuk membantu seluruh pekerja ladang di Negeri Selangor menghadapi kehidupan persaraan dengan penganjuran program-program yang dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran ini. Bagi pekerja ladang yang telah bersara, Kerajaan Negeri telah menganjurkan beberapa program berbentuk latihan kemahiran dengan diterapkan asas-asas untuk memulakan sesebuah perniagaan. Program-program dan kursus kemahiran yang telah dijalankan adalah seperti kemahiran membuat kek, kemahiran menjahit, kemahiran bersolek, seminar motivasi, ceramah bagi meningkatkan semangat dan keyakinan diri dan sebagainya. Antara yang utama adalah Program Bantuan Mesin Peralatan Blueprint yang mana pemohon boleh membuat permohonan bagi memiliki mesin atau peralatan secara percuma bagi memulakan suatu perniagaan demi meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Walau bagaimanapun, dalam tinjauan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, bekas pekerja ladang lebih cenderung di dalam bidang pertanian dan justeru itu memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan tapak tanah untuk dijadikan sebagai kebun kecil – kecilan yang dapat menampung keperluan mereka.

- b) Kerajaan Negeri Selangor senantiasa peka akan keperluan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja dan bekas pekerja ladang di seluruh Negeri Selangor. Kediaman yang selesa dan selamat, kemudahan bekalan air bersih dan bekalan elektrik sentiasa menjadi keperluan asas oleh setiap rakyat di Negeri Selangor.

Secara amnya, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa dalam bidang pentadbiran sesebuah ladang milik swasta. Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah menjalankan beberapa siri lawatan YB EXCO ke ladang – ladang yang masih beroperasi dan aktif di Negeri Selangor dalam mendapatkan maklum balas, masalah dan isu yang ingin diketengahkan oleh pekerja dan bekas pekerja ladang ini.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang memainkan peranan dalam perbincangan bersama majikan atau pemilik ladang berkenaan bagi membawa isu – isu yang diketengahkan oleh pekerja ladang khususnya kemudahan asas, air, elektrik dan kediaman yang selesa. Dalam perbincangan yang telah diadakan, kemudahan – kemudahan ini perlu disediakan oleh majikan dan pemilik ladang berkenaan dalam menjaga kebajikan para pekerja ladang. Keberkesanan lawatan ini dapat dilihat dengan penyelesaian isu air dan elektrik di Ladang Semenyih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK.

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa unit rumah Mampu Milik yang telah diluluskan sejak 2013 - 2015 di kawasan Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan unit Rumah Mampu Milik yang telah diluluskan sejak 2013 – 2015 di kawasan Kuala Langat adalah sebanyak **4,046 unit** seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Perincian Projek Pembangunan Rumah Selangorku

Bil.	Pemaju	Lokasi	Rumah Selangorku	Luas (kp)	Bil. Unit	Harga Jualan (RM)
1.	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Lot PT 36346 HS(D) 33613, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat.	Jenis A	700	330	42,000
			Jenis B	750	660	100,000
			Jenis C	800	670	150,000
			Jenis D	1,000	670	220,000
			Jumlah		2,330	
2.	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Land Group)	Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat.	Jenis C1	800	264	150,000
			Jenis C2	900	1,048	180,000
			Jumlah		1,312	
3.	TS Development Sdn. Bhd.	Lot 2507 (Seluas 8.20 Ekar), Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.	Jenis C1	750	132	100,000
			Jenis C1	900	308	180,000
			Jumlah		404	
Jumlah Keseluruhan					4,046	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH MILIK KERAJAAN YANG DITEROKA SECARA HARAM

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan tanah kerajaan negeri yang diteroka secara haram?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri kepada peneroka haram tanah milik kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Ogos 2015, keluasan tanah kerajaan yang telah diteroka secara haram adalah seluas **3,051.472 ekar**.
- b) Peneroka haram tanah kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara, yang mana seseorang yang telah disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya sekali. Penceroboh juga akan diarahkan untuk mengosongkan tanah kerajaan yang diceroboh mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam notis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan Kerajaan Negeri Sembilan sedang meninjau kemungkinan untuk meminda Undang-undang Keluarga Islamnya untuk mengatasi masalah hak jagaan anak akibat pertukaran agama salah seorang daripada pasangan bukan Islam ke dalam Islam, adakah kerajaan Selangor sedang menuju ke arah usaha yang sama?

JAWAPAN:

- a) Bagi menangani isu-isu yang berbangkit daripada pertukaran agama pasangan yang berkahwin di bawah undang-undang sivil, Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif di peringkat Persekutuan untuk membentangkan cadangan pindaan terhadap Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] ke negeri-negeri di seluruh Malaysia termasuk di Selangor. Wakil Jabatan Peguam Negara telah membentangkan cadangan pindaan terhadap akta tersebut yang mempunyai peruntukan yang sama dengan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 di dalam Mesyuarat MAIS Khas Bil 2/2015 yang bersidang pada 3 Julai 2015. Mesyuarat tersebut secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan-cadangan pindaan akta tersebut dan meminta supaya cadangan pindaan akta tersebut disembahtaklimatkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk mendapatkan perkenan.

Seterusnya, selepas diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, MAIS akan memperhalusi cadangan pindaan tersebut khususnya pindaan terhadap Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 untuk mengatasi masalah hak jagaan anak akibat pertukaran agama salah seorang daripada pasangan bukan Islam ke dalam Islam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PUSAT KOMUNITI BELIA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mewujudkan pusat komuniti setempat belia di setiap Dun?
- b) Apakah aktiviti dan sukan belia setempat boleh adakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa meletakkan kepentingan yang tinggi dalam hal pembangunan dan pengupayaan belia di seluruh Negeri Selangor.

Dalam membangun dan mengupayakan belia, Pusat Komuniti setempat adalah wadah yang penting untuk tujuan pembangunan ini. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan Negeri Selangor telah membangun dan menyediakan 33 Dataran Anak Muda yang sekaligus boleh dijadikan gelanggang serbaguna di 33 buah DUN di seluruh Negeri Selangor.

Senarai 33 DUN berkenaan adalah seperti berikut :-

BIL	DUN
1	Balakong
2	Bangi
3	Batang Kali
4	Batu Caves
5	Bukit Antarabangsa
6	Bukit Lanjan
7	Bukit Melawati
8	Chempaka
9	Dusun Tua
10	Gombak Setia
11	Hulu Kelang
12	Ijok

13	Jeram
14	Kajang
15	Kota Anggerik
16	Kota Damansara
17	Kuang
18	Lembah Jaya
19	Meru
20	Morib
21	Paya Jaras
22	Permatang
23	Rawang
24	Semenyih
25	Seri Andalas
26	Seri Serdang
27	Sijangkang
28	Sungai Burong
29	Sungai Pelek
30	Taman Templer
31	Tanjong Sepat
32	Teluk Datuk
33	Teratai

- b) Gelanggang serbaguna ini sesuai untuk aktiviti dan sukan belia setempat seperti permainan bola sepak, sepak takraw, badminton, bola jaring, bola tampar, futsal dan sebagainya. Selain itu juga, tempat ini boleh digunakan oleh golongan belia melakukan pelbagai aktiviti seperti tempat perjumpaan untuk belia-belia berkongsi ilmu dan pengalaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan pengasingan sisa pepejal domestik di punca?
- b) Apakah cara pelupusan yang digunakan PBT untuk sisa kebun dan keratan ranting pokok tepi jalan?
- c) Apakah sistem pelupusan yang digunakan PBT untuk sisa komersial bagi kedai-kedai komersial dan perindustrian?

JAWAPAN:

- a) Ya. Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang menjalankan kajian pengasingan sisa isi rumah melalui Projek Perintis Kitar Semula bermula pada 28 September 2015 hingga 31 Disember 2015 di empat (4) PBT berstatus Bandaraya, Perbandaran dan Daerah bagi melihat trend masyarakat dalam pengasingan sisa isi rumah secara *real time* dan mencadangkan pengurusan kitar semula di samping melihat kemampuan PBT. Empat (4) PBT yang terlibat adalah:-

PBT	Lokasi
MBPJ	Perumahan Kampung - Kg. Sg. Kayu Ara
	Perumahan Kondo - Boulevard Residence
	Komersial - 10 Boulevard
MPKj	Perumahan Teres - Bandar Sg. Long, Seksyen 7
	Komersial - Jalan SL 1/4
MPAJ	Perumahan Flat - Flat Merpati B
	Perumahan Kondo

	- Pandan Puteri
MDHS	Perumahan Kos Rendah - Bandar Utama Batang Kali, Seksyen 3
	Komerial - Jalan Meranti 1

- b) Cara yang diguna pakai PBT untuk melupuskan sisa kebun dan keratan ranting pokok tepi jalan adalah:-
- i. PBT melantik kontraktor pembersihan awam melalui tender terbuka yang merangkumi kerja-kerja kutipan sisa kebun dan keratan ranting di tepi jalan kawasan operasi PBT;
 - ii. Kutipan yang dibuat sekurang-kurangnya dua (2) kali seminggu atau setiap hari mengikut kemampuan PBT;
 - iii. Sisa tersebut akan dihantar ke tapak pelupusan sedia yang digunakan oleh PBT masing-masing sama ada tapak pelupusan sanitari atau tapak pelupusan terbuka.
- c) Bagi kutipan untuk sisa komersial bagi kedai-kedai komersial dan perindustrian adalah seperti di bawah:-
- i. PBT melantik kontraktor kutipan sampah melalui tender terbuka;
 - ii. Kutipan yang dibuat adalah setiap hari kecuali hari Ahad;
 - iii. Sisa tersebut akan di hantar ke tapak pelupusan sedia yang digunakan oleh PBT masing-masing sama ada tapak pelupusan sanitari atau tapak pelupusan terbuka; dan
 - iv. Kutipan sisa industri adalah dilantik oleh pengusaha kilang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : TINDAKAN MENGATASI PENCEMARAN AIR

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana dan apakah tindakan mengatasi pencemaran air telah dilaksanakan oleh agensi berkaitan seperti mana yang dicadangkan dalam kertas Bil 37/2015?
- b) Nyatakan kos yang dibayar kepada Chemindus Sdn Bhd bagi mengkaji kualiti air di Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Kertas Bil 37/2015 iaitu Penyata Oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM) Negeri Selangor Berhubung Pengurusan Air Negeri Selangor (Kualiti) : Kaedah Menangani Pencemaran Air, semua saranan yang dikemukakan telah diambil tindakan dan sedang dilaksanakan oleh agensi berkaitan, antaranya Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Bagi cadangan supaya Kerajaan Negeri memastikan LUAS mempunyai perancangan yang lebih menyeluruh bagi mengawal pencemaran di sumber air mentah, perkara pengawalan pencemaran ini dilaksanakan oleh LUAS berdasarkan kepada Pelan Strategik LUAS 2012-2016. Semakan semula Pelan Strategik ini akan dilaksanakan pada tahun 2016 bagi perancangan 5 tahun seterusnya (2017-2021).

Bagi cadangan supaya Kerajaan Negeri menambah kakitangan kontrak LUAS, buat masa ini LUAS telah membuat pengisian jawatan kosong berdasarkan kelulusan pengukuhan organisasi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu, LUAS akan mengemukakan cadangan tambahan jawatan kontrak bagi memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan di lembangan sungai. LUAS juga akan mengemukakan semula cadangan pemantapan organisasi kepada pihak JPA.

Dari aspek perundangan dan penguatkuasaan, pelaksanaan diambil secara bersepadu dan holistik antara agensi berlainan. Usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air juga dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan

iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Kerajaan Negeri melalui LUAS kini dalam peringkat kajian semula perundangan sedia ada yang berkait rapat dengan pengurusan sumber air melalui Kajian Semula Peraturan-peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 di mana aktiviti-aktiviti yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air turut dikaji dan dipertimbangkan untuk dikawal di bawah peraturan ini. Namun ianya terhad kepada aktiviti-aktiviti yang tidak dikawal di bawah mana-mana akta yang berkaitan.

Bagi perkara penganalisaan sampel, pihak Mahkamah hanya menerima sampel yang dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia sahaja. Walaubagaimanapun, bagi tujuan siasatan awal dan pemantauan, sampel akan dihantar kepada makmal yang diakredetasi untuk dianalisa.

Bagi isu yang berkaitan dengan projek Tapak Pelupusan Sampah Pajam, Negeri Sembilan, perkara ini adalah di luar bidang kuasa negeri dan perlu melibatkan kerjasama daripada Negeri Sembilan dan persekutuan. Surat daripada SUK Negeri Selangor turut telah dihantar kepada SUK Negeri Sembilan bagi menjelaskan dan menyelesaikan isu ini. Di peringkat Kerajaan Negeri, LUAS telah menyelaraskan penyelesaian isu ini melalui JK Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor dan Pasukan Petugas Lembangan Sungai Langat dengan melibatkan agensi-agensi yang berkaitan dari Negeri Sembilan dan persekutuan, namun ia masih memerlukan kelulusan pihak tertinggi daripada agensi persekutuan.

- b) Pihak Chemindus Sdn. Bhd. telah dijemput untuk membentangkan tentang teknologi yang boleh digunakan bagi rawatan air mentah di loji pembersihan air (LPA) pada 6 Mei 2015 yang lalu di Mesyuarat JPK-SAM.

Walaubagaimanapun, tiada lantikan dan perkhidmatan perundingan kepada pihak tersebut dilakukan. Ini adalah kerana tiada kajian yang dijalankan oleh pihak Chemindus Sdn. Bhd. bagi mengkaji kualiti air di sungai dan pembentangan serta cadangan yang dikemukakan adalah menjurus dan tertumpu kepada kaedah rawatan air di LPA. Pihak ABASS telah pun menggunakan *Poly Aluminium Chloride* (PAC) di dalam sistem rawatan di LPA seperti yang dibentangkan oleh pihak Chemindus Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah bantuan pendidikan fasa 1 kepada SAR, SJKC dan SJKT mengikut daerah pada tahun 2015.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memberikan bantuan kepada Pusat Pendidikan Punjabi di Negeri Selangor pada tahun 2016 dan seterusnya? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Jumlah bantuan pendidikan Fasa 1 kepada SAR, SJKC dan SJKT mengikut daerah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	JENIS SEKOLAH	BANTUAN (RM)
1	GOMBAK	SAR	675,000.00
		SJKC	50,000.00
		SJKT	320,000.00
JUMLAH			1,045,000.00
2	HULU LANGAT	SAR	934,000.00
		SJKC	150,000.00
		SJKT	270,000.00
JUMLAH			1,354,000.00

BIL.	DAERAH	JENIS SEKOLAH	BANTUAN (RM)
3	HULU SELANGOR	SAR	100,000.00
		SJKC	130,000.00
		SJKT	335,000.00
JUMLAH			565,000.00
4	KLANG	SAR	510,000.00
		SJKC	2,410,000.00
		SJKT	600,000.00
JUMLAH			3,520,000.00
5	KUALA SELANGOR	SAR	278,000.00
		SJKC	90,000.00
		SJKT	615,000.00
JUMLAH			983,000.00
6	KUALA LANGAT	SAR	90,000.00
		SJKC	30,000.00
		SJKT	410,000.00
JUMLAH			530,000.00

BIL.	DAERAH	JENIS SEKOLAH	BANTUAN (RM)
7	PETALING	SAR	458,000.00
		SJKC	480,000.00
		SJKT	800,000.00
JUMLAH			530,000.00
8	SABAK BERNAM	SAR	169,000.00
		SJKC	165,000.00
		SJKT	50,000.00
JUMLAH			384,000.00
9.	SEPANG	SAR	387,000.00
		SJKC	320,000.00
		SJKT	380,000.00
JUMLAH			1,087,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			12,306,000.00

- b) Kerajaan Negeri akan meneliti keperluan dan keberkesanan program yang dirancang oleh persatuan Punjabi dan memastikan ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri. Antara skop yang diutamakan ialah program latihan dan penguasaan bahasa Punjabi, latihan kepada guru-guru bahasa Punjabi dan aktiviti yg berkaitan dengan pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUMAHAN MARHAEN

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah rumah yang telah dibina di bawah portfolio kerajaan prihatin untuk orang miskin di kawasan DUN SELAT KLANG?
- b) Bagaimanakah kerajaan boleh mempercepatkan kelulusan permohonan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin adalah berperanan untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan bagi mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dimana jumlah pendapatan seisi rumah adalah dibawah RM1,500.00 sebulan. Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki. Di bawah Program ini, kelulusan bagi sesebuah rumah adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan.

Kelulusan yang diberi melibatkan 9 buah daerah di Negeri Selangor dan tidak dipecahkan mengikut kawasan DUN. Dun Selat Klang terletak di bawah daerah Klang. Golongan miskin yang telah menerima bantuan rumah bagi daerah Klang di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah seramai 181 orang sejak tahun 2008 sehingga kini. Jumlah penerima bantuan bina baru rumah sebanyak 120 orang dan bantuan baikpulih rumah sebanyak 61 orang.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM4,453,222.24 dari tahun 2008 sehingga kini dalam membantu golongan sasaran ini demi memberi bantuan terbaik. Berikut adalah jadual pecahan jumlah penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di daerah Klang dari tahun 2008 hingga 2015 :-

BIL	TAHUN	BANTUAN YANG DITERIMA		JUMLAH
		BINA BARU	BAIKPULIH	
1	2008	20 orang RM446,000.00	10 orang 62,000.00	30 orang RM508,000.00
2	2009	31 orang RM853,882.00	13 orang RM106,000.00	44 orang RM959,882.00
3	2010	14 orang RM476,340.24	9 orang RM180,000.00	23 orang RM656,340.24
4	2011	15 orang RM438,000.00	13 orang RM260,000.00	28 orang RM698,000.00
5	2012	2 orang RM70,000.00	-	2 orang RM70,000.00
6	2013	29 orang RM926,000.00	9 orang RM180,000.00	38 orang RM1,106,000.00
7	2014	1 orang RM35,000.00	1 orang RM20,000.00	2 orang RM55,000.00
8	2015	8 orang RM280,000.00	6 orang RM120,000.00	14 orang RM400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		120 orang RM3,525,222.24	61 orang RM928,000.00	181 orang RM4,453,222.24

- b) Proses kelulusan bagi permohonan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin bermula dari awal permohonan sehingga diberi kelulusan bergantung kepada sesebuah permohonan atau kes. Hal ini adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima dari satu-satu daerah. Berikut adalah modus operandi dan tempoh pelaksanaan Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin dari awal permohonan sehingga selesai pembinaan rumah :-

Permohonan dari Pejabat Daerah berkenaan

Tidak ditetapkan tempoh masa kerana permohonan adalah terbuka kepada seluruh rakyat negeri Selangor mengikut syarat dan kelayakan berdasarkan kelengkapan dokumen dan permohonan yang diterima.



Semakan Awal dan Lawatan Siasatan

Siasatan rumah adalah bergantung kepada jumlah permohonan dan dinilai dengan nisbah 20 permohonan : 2 minggu



Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan

Mesyuarat diadakan selepas seminggu dari tempoh selesai siasatan melibatkan faktor penyediaan buku laporan Mesyuarat



Lantikan Kontraktor Oleh Pejabat Daerah

Mengambil tempoh pengiklanan selama 1 minggu melibatkan proses buka tender



Pembinaan Rumah

Mengambil masa kurang daripada 3 bulan



Pemantauan Rumah

Dilaksanakan selepas tempoh enam (6) bulan setelah kerja-kerja bina baru rumah selesai dijalankan

Oleh yang demikian, setiap fasa yang dinyatakan tersebut perlu dilalui untuk memastikan pemohon adalah benar – benar layak dan bantuan yang disampaikan dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Buat masa kini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai perancangan khusus dalam penambahbaikan tatacara permohonan. Namun begitu, Kerajaan Negeri menyambut baik saranan yang dikemukakan oleh Y.B. Puan dan senantiasa terbuka kepada cadangan, pendapat dan nasihat yang dikemukakan bagi menjamin kelancaran permohonan dan kesejahteraan rakyat khususnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : TERDAPAT GERAI-GERAI DI PASAR BESAR KLANG DAN PASAR
BORONG PUCHONG DIUSAHAKAN OLEH WARGA ASING**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak gerai di Pasar Besar Klang dan Pasar Borong Puchong dikendalikan oleh warga asing?
- b) Apakah langkah Kerajaan supaya warga asing ini tidak dibenarkan untuk mengendalikan gerai-gerai tersebut?
- c) Senaraikan kewarganegaraan warga asing yang mengendalikan gerai-gerai tersebut.

JAWAPAN :

Pasar Besar Klang – Majlis Perbandarn Klang.

- a) Berdasarkan prosedur Majlis, warga asing tidak dibenarkan untuk menjadi penyewa gerai Majlis. Warga asing hanya dibenarkan sebagai pembantu penyewa sahaja.
- b) Berdasarkan prosedur Majlis, pembantu – pembantu bagi penyewa Majlis di Pasar Besar Klang perlu mendaftarkan pembantu mereka dan sekiranya diluluskan, pihak Majlis akan mengeluarkan Kad Tanda Nama Bergambar supaya pembantu – pembantu penyewa yang diluluskan dapat dikenalpasti.
- c) Warga asing yang mempunyai Kad Tanda Nama Bergambar kebanyakannya terdiri daripada warganegara Myanmar dan Bangladesh.

Pasar Borong Puchong – Majlis Perbandaran Subang Jaya.

- a) Pasar Borong Selangor diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
- b) Pendatang haram dan warga asing tidak dibenarkan memohon dan menjalankan aktiviti perniagaan di pasar-pasar awam milik PBT. Tindakan penguatkuasaan akan diambil seperti sitaan barangan dan penutupan gerai Setakat ini tiada pendatang haram atau warga asing berniaga di pasar-pasar awam milik Majlis.
- c) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : SEKOLAH MAAHAD INTERGARSI TAHFIZ SAINS ISTANA BANDAR

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan guru-guru tetap dan guru-guru kontrak?
- b) Apakah halangan semua tenaga pengajar diberi jawatan tetap?
- c) Bilakah pembangunan naik taraf sekolah akan dilaksanakan dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan?

JAWAPAN:

a) Bilangan guru-guru tetap dan guru-guru kontrak di Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) Istana Bandar adalah seperti berikut:-

- i. Jumlah keseluruhan guru tetap dan guru kontrak adalah empat puluh satu (41) orang. Berikut adalah perincian jumlah guru tetap dan guru kontrak di MITS Istana Bandar.

Bil.	Perkara	Jumlah
1	Jumlah Guru Tetap	13
2	Jumlah Guru kontrak	28
Jumlah		41

- ii. Bil. Pecahan Guru Tetap

Bil.	Skim	Gred	Jumlah
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG48	1
2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG44	2
3	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG41	3
4	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG32	6
5	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG28	1
Jumlah			13

iii. Bil. Pecahan Guru Kontrak

Bil.	Skim	Gred	Jumlah
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG41	27
2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	1
Jumlah			28

- b) Pengisian perjawatan tetap bagi guru-guru di bawah Pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor sebagai Pihak Berkuasa Yang Melantik.

Pengisian adalah berdasarkan kepada kekosongan waran perjawatan yang diberi kelulusan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai satu-satunya punca kuasa. Untuk itu, pengisian guru hendaklah melalui proses pelantikan yang diuruskan oleh pihak suruhanjaya tersebut.

Walaupun bagaimanapun, MITS Istana Bandar tidak mempunyai waran perjawatan tetap. Sehubungan itu, para guru yang bertugas di MITS Istana Bandar perlu membuat permohonan jawatan apabila iklan pengambilan dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

- c) Anggaran asal kos pembinaan adalah sebanyak RM 29, 686, 104.85 bagi fasa 1 yang merangkumi blok asrama lelaki dan perempuan, dewan makan dan blok pentadbiran. Namun begitu, terdapat pindaan pada susun atur bangunan dan fungsi bangunan. Status terkini ialah masih di dalam proses rekabentuk dan dijangka tender pada Disember 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : KESAN JEREBU KE ATAS SEKTOR PELANCONGAN NEGERI

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesan jerebu ke atas sektor pelancongan negeri Selangor sejak beberapa tahun lepas?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah jerebu ini?

JAWAPAN:

- a) Masalah jerebu yang melanda negara kita khususnya Negeri Selangor sedikit sebanyak telah mendatangkan kesan kepada sektor pelancongan. Antara kesan-kesan jerebu ke atas sektor pelancongan Negeri Selangor sejak beberapa tahun lepas adalah seperti yang berikut:
 - i. **Pembatalan dan pengurangan aktiviti lawatan di tempat pelancongan yang terbuka atau 'outdoor'.**
Aktiviti-aktiviti lawatan pelancongan yang dilakukan di tempat-tempat yang terbuka terpaksa dikurangkankan dan para pelancong terpaksa memilih aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara (indoor). Hal ini menyebabkan pilihan untuk menjalankan aktiviti lawatan menjadi terhad seperti aktiviti di kawasan air terjun dan juga taman rekreasi.
 - ii. **Pembatalan acara pelancongan.**
Beberapa acara pelancongan yang di telah dirancang lebih awal dan di adakan dikawasan terbuka juga turut terjejas di mana acara-acara ini terpaksa ditangguhkan dan kerja-kerja menangannguhan terpaksa dilakukan di mana ianya turut melibatkan kos pembatalan. Contohnya pembatalan acara seperti Malaysia Women Marathon 2013 dan Morib International Duathlon 2015.
 - iii. **Pembatalan Penerbangan**
Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan hanya mengarahkan pembatalan penerbangan atau penutupan sementara sesebuah lapangan terbang akibat jerebu selepas mengambil kira pandangan juruterbang dan jarak penglihatan di darat dan udara. Hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi kedatangan pelancong ke Negeri Selangor kerana jadual perjalanan untuk bercuti ke Negeri Selangor terjejas.

Penerbangan melibatkan beberapa syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia dan Malindo Air dan lain-lain terjejas berikutan keadaan jerebu yang tidak mengizinkan di kawasan terbabit. Seperti contoh, mengikut laporan di KLIA pada 15 Oktober 2015 yang lalu, dua penerbangan MAB berpatah balik, iaitu KL-Kuching-KL dan KL-Kuantan-KL. Di KLIA2, tiga penerbangan AirAsia dibatalkan iaitu KL-Pontianak-KL, KL-Pekanbaru-KL dan KL-Palembang-KL, serta dua penerbangan Malindo Air dibatalkan, iaitu KL-Pulau Pinang-KL dan KL-Singapura-KL.

iv. Hebahan Media dan Sosial Media berkenaan dengan isu Jerebu.

Hebahan mengenai info dan isu Jerebu ini sama ada melalui media konvensional ataupun media sosial sememangnya memberi kesan kepada sektor pelancongan di Negeri Selangor. Penyebaran gambar, info tahap pencemaran IPU, dan video menjadi viral seterusnya menjadi 'trending' di laman sosial media. Hal ini menyebabkan perancangan untuk pergi melancong sama ada dalam atau luar negara akan terbatas. Begitu juga kepada pelancong dari luar negara yang merancang percutian mereka di Negeri Selangor yang pastinya mengikuti perkembangan terkini di Malaysia dan seterusnya menangguhkan atau membatalkan percutian tersebut.

v. Pembatalan bilik penginapan dan pakej pelancongan.

Perancangan percutian melalui pakej pelancongan juga turut terjejas melalui masalah jerebu ini. Para pelancong yang telah membeli pakej pelancongan beserta penginapan terpaksa membatalkan perancangan tersebut kerana segala aktiviti melalui pakej tersebut sukar dilakukan kerana faktor cuaca dan pencemaran udara yang teruk.

- b) Tourism Selangor tiada perancangan yang khusus untuk memadam api. Walaubagaimanapun, Tourism Selangor membantu pelancong dengan menggunakan beberapa langkah yang diambil khususnya dalam memberi info terkini berkenaan status jerebu. Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti yang berikut:-

1. Pengedaran Topeng Muka

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah mengedarkan topeng muka kepada pelancong-pelancong pada 26 Jun 2013. YB Puan Elizabeth Wong turut memberi sumbangan topeng muka untuk diedarkan pada program tersebut. Program ini dijalankan kerana keadaan jerebu teruk yang melanda kawasan sekitar Shah Alam, Subang, Gombak, Pelabuhan Klang dan lain-lain.

Sebanyak 3 kumpulan dibahagikan ke beberapa lokasi untuk mengedarkan topeng muka kepada pelancong-pelancong iaitu lokasi pertama di Selangor Cultural Cove, Hutan Lipur Kanching dan Kidzania. Lokasi kedua pula di Universiti Taylor's, Sunway Hotels & Resorts dan Sunway Lagoon. Manakala lokasi ketiga dijalankan di Subang Skypark dan KLIA.

2. Website dan media sosial

Di dalam website Tourism Selangor dan media sosial Tourism Selangor terdapat ruangan tip-tip dan langkah-langkah penjagaan dan keselamatan semasa jerebu. Tip-tip tersebut sangat berguna kepada pelancong-pelancong yang datang ke Negeri Selangor untuk mengelakkan kesihatan pengunjung terjejas ketika musim jerebu ini.

3. Penangguhan aktiviti luar

Tourism Selangor telah menangguhkan program yang berbentuk aktiviti luar. Sebagai contoh Program Junior Eco Troupes 2015 di Kompleks Kelip-kelip Kampung Kuantan yang dijadualkan pada 3 Oktober 2015 terpaksa ditunda ke 17 Oktober 2015, setelah kadar bacaan IPU bertambah baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEKELILING PERKHIDMATAN AWAM

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Pekeliling Perkhidmatan Bil 2, Tahun 1993, yang bertujuan untuk menghadkan jumlah elaun pengarah yang diterima oleh penjawat awam digunapakai dan dikuatkuasakan di Negeri Selangor?
- b) Jika tidak, ada tak pekeling lain yang sama tujuan digunapakai?

JAWAPAN:

- a) Pada dasarnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1993 hanya dijadikan panduan asas bagi melayakkan pegawai kerajaan menerima bayaran elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi / Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan / Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan.

Hal sedemikian kerana penetapan jumlah kadar bayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri Besar / Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) / Badan-badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan / Anak Syarikat Kerajaan Negeri masing-masing dan tidak terikat dengan kadar yang dinyatakan dalam Pekeliling tersebut.

- b) Sehingga 26 Oktober 2015, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) selaku agensi pusat yang menyelaraskan dasar atau polisi berkaitan saraan penjawat awam masih belum mengeluarkan sebarang pekeling baharu selain daripada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1993 ini.

Berdasarkan semakan, pihak JPA sedang dalam proses penelitian dan mengkaji elemen-elemen penambahbaikan terhadap Pekeliling Perkhidmatan berkenaan dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MOF).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : ISU PASIR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar masih ada kes-kes perusahaan pasir haram di Selangor?
- b) Jika ya, apakah langkah-langkah pengawalan yang telah dan akan diambil?
- c) Mohon nyatakan kedudukan hasil pasir sebelum dan selepas Kerajaan Pakatan ambil alih.


JAWAPAN:

- a) Tiada kes-kes kecurian pasir berskala besar (5 ekar ke atas) di Negeri Selangor. Namun demikian, Kerajaan Negeri menyedari masih terdapat kes-kes kecurian pasir berskala kecil dan Unit Penguatkuasaan di Pejabat Tanah Daerah (PTD) sentiasa menjalankan rondaan dan pemantauan bagi membanteras aktiviti ini.
- b) Langkah-langkah kawalan yang telah diambil adalah seperti berikut:-
 - i. Menjalankan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965;
 - ii. Menjalankan tindakan statik di kawasan yang telah dibuat pengutakuasaan bagi mengelakkan pengusaha pasir haram ini beroperasi kembali;
 - iii. Kerajaan Negeri telah meluluskan bagi pengambilan 100 orang Anggota Penguatkuasa dan 15 orang Penolong Pegawai Tanah bagi meningkatkan pengawalan pengeluaran bahan batuan;
 - iv. PTG Selangor telah mengambil tindakan menyeragamkan penggunaan doket pengeluaran bahan batuan di setiap daerah bagi memastikan pengeluaran bahan batuan menggunakan doket yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.

- c) Selepas Kerajaan Pakatan mengambil alih, hasil kutipan royalti bagi bahan batuan (pasir) adalah lebih tinggi. Butiran hasil kutipan royalti adalah seperti di **Lampiran A**.

DATA KUTIPAN ROYALTI BAHAN BATUAN [PASIR] NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2015

TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
JUMLAH KUTIPAN ROYALTI (RM)	2,494,005.00	7,126,447.64	5,290,531.86	10,979,493.71	16,008,606.00	10,416,277.08	14,119,995.00	15,191,489.00	12,813,290.34



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PERPARITAN

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak parit parit dan longkang2 di Ijok masih dalam keadaan buruk seperti longkang pecah, air bertakung dan dipenuhi dengan tumbuh tumbuhan yang mengganggu pengaliran air yang memberi kesan buruk pada kesihatan penduduk. Apakah langkah2 mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang dilaksanakan:
1. Kerja-kerja pengorekan parit di bawah seliaan JPS. Biasanya dilakukan sebanyak 1 ke 2 kali setahun mengikut keadaan parit serta peruntukan semasa yang diterima.
 2. Kerja tebasan yang dilaksanakan dengan kekerapan sebanyak 3 pusingan dalam tempoh setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TAMAN KEKAL PENGELUAR MAKANAN (TKPM)

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program susulan kepada peserta TKPM?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu dalam memasarkan hasil produk peserta TKPM?

JAWAPAN:

- a) Sebagai program susulan kepada peserta TKPM, Jabatan Pertanian telah menubuhkan Pasukan Teknikal yang terdiri daripada pegawai-pegawai pakar dalam bidang teknikal pertanian untuk memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal secara berjadual kepada peserta, sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

Selain itu kesemua peserta TKPTM akan terus dibimbing untuk mendapatkan pensijilan MyGap atau My Organic, supaya hasil yang dikeluarkan dapat dipasarkan di pasar raya dengan harga premium. Mereka juga akan sentiasa diberi pendedahan tentang teknologi terkini melalui seminar dan latihan yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian.

Bagi menyokong usaha peserta untuk membangunkan inovasi yang boleh meningkatkan hasil dan pendapatan mereka, Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan melalui insentif R&D Teknologi Tanaman.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah bekerjasama dengan FAMA dalam melaksanakan program Ladang Kontrak bagi membantu petani memasarkan hasil keluaran mereka. Pada tahun 2015 seramai 20 orang peserta TKPM telah terlibat dalam program ini dengan pengeluaran berjumlah 642 metrik tan dengan nilai RM850,000.00.

Di samping itu, Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membina pusat-pusat pengumpulan bagi membantu petani memasarkan hasil mereka di beberapa lokasi TKPM seperti di TKPM Kundang, TKPM Sg Kelambu dan TKPM Bukit Changgang, TKPM Sg Blankan dan TKPM Ulu Chuchoh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PUSAT JAGAAN KEBAJIKAN

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan kejiiran yang tertimbul apabila sesebuah pusat jagaan beroperasi di kawasan perumahan.
- b) Adakah kerajaan mewartakan tanah untuk kegunaan kebajikan? Senaraikan mengikut lokasi sekiranya ada.

JAWAPAN:

- a) JKM merupakan agensi yang diberi tanggungjawab untuk mendaftarkan penubuhan TASKA. Syarat-syarat bagi penubuhan sesebuah TASKA adalah seperti berikut:
 1. Premis TASKA didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS);
 2. Premis mendapat sokongan/ kelulusan daripada agensi-agensi teknikal iaitu :-
 - i. Pihak berkuasa Tempatan;
 - ii. Jabatan BOMBA dan Penyelamat; dan
 - iii. Jabatan Kesihatan.
 3. Memenuhi standard minimum JKM. Standard Minimum JKM ialah
 - i. Nisbah pengasuh dengan kanak-kanak mencukupi
 - Di bawah 1 tahun = 1:3
 - 1 hingga 3 tahun = 1:5
 - 3 hingga 4 tahun = 1 :10
 - ii. Pengasuh merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas
 - iii. Pengusaha telah hadir kursus Asuhan dan didikan kanak-kanak Permata (KAP)
 - iv. Mematuhi nisbah kanak-kanak dengan ruang lantai iaitu 3.5 meter persegi bagi kanak-kanak
 - v. Menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan seimbang dan jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur kanak-kanak

- vi. TASKA mempunyai kemudahan peralatan dan perabot sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan kanak-kanak
- vii. Menyediakan dan menyelenggarakan rekod-rekod di TASKA
- viii. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan di luar TASKA

Bagi keperluan sokongan dan kelulusan agensi teknikal, pihak yang bertanggungjawab adalah antaranya pihak berkuasa tempatan samada Majlis Daerah atau Perbandaran atau Bandaraya, Jabatan BOMBA dan penyelamat dan Jabatan Kesihatan. Antara perkara yang diperlukan bagi Pihak berkuasa Tempatan meluluskan atau menyokong permohonan pendaftaran TASKA ialah seperti berikut :

- i. setiap premis yang berada di sesebuah kawasan perumahan perlu menukar status kegunaan premis tersebut daripada status kediaman ke status perniagaan.
 - ii. premis tersebut memerlukan **keizinan jiran-jiran** bagi membolehkan premis tersebut dapat beroperasi seperti yang dipohon.
- b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah & Galian Selangor tidak pernah mewartakan tanah bagi tujuan kebajikan. Pewartaan tanah yang dilaksanakan adalah bagi tujuan kemudahan awam dan keagamaan sahaja.

Sumber daripada Pejabat Tanah & Galian Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : TAHAP USIA BELIA DEWASA

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sesuai usia belia dewasa hanya terhad sehingga 30 tahun sahaja, sedangkan yang memegang jawatan dan berpengalaman, ramai yang berusia 40 tahun dan ke bawah ?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah melancarkan Dasar Belia Negeri Selangor pada bulan April 2015 sebagai kerangka asas kepada pelan pembangunan belia. Dalam konteks Dasar Belia Negeri Selangor, umur belia adalah di antara 15 hingga 30 tahun. Takrifan ini selari dengan piawaian takrifan belia yang digunakan di peringkat antarabangsa. Justeru itu, kumpulan belia dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan konsep perkembangan psikologi manusia iaitu belia remaja (15 hingga 18 tahun), belia muda (19 hingga 24 tahun) dan belia dewasa (25 hingga 30 tahun). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan mengguna-pakai had umur tersebut di dalam semua program yang melibatkan belia Selangor. Kerajaan Negeri akan memulakan langkah awal dengan mengguna pakai had umur belia 30 tahun ke bawah di dalam pemilihan pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi sesi 2016 hingga 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : CABARAN EKONOMI & PELABURAN

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan secara langsung dan tidak langsung kepada pelaburan di Negeri Selangor akibat keadaan ekonomi yang merudum?
- b) Apakah pendekatan inovatif dan usaha kerajaan untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Dalam keadaan ekonomi yang merundum, secara dasarnya ianya memberi kesan kepada aktiviti pelaburan samada kesan secara langsung atau tidak langsung seperti:-

Kesan Langsung

- i. Kos awalan pelaburan menjadi lebih kompetitif kepada pelabur asing kerana nilai matawang asing menjadi lebih tinggi berbanding nilai Ringgit Malaysia.
- ii. Peningkatan kos pengeluaran kerana harga import bahan mentah yang tinggi disebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

Kesan Tidak Langsung

- i. Penutupan kilang
 - ii. Penstrukturan syarikat bagi mengurangkan kos operasi syarikat.
 - iii. Penangguhan perancangan pelaburan baru atau pelaburan tambahan.
 - iv. Pengecilan tenaga kerja atau pemberhentian pekerja bagi industri yang terkesan
 - v. Memperlahankan pertumbuhan sektor-sektor lain seperti hartanah, peruncitan, pengangkutan dan industri sokongan yang lain.
- b) Antara pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini dengan meningkatkan program promosi pelaburan bagi memperkenalkan peluang – peluang pelaburan di Selangor seperti berikut:-

- i. Meningkatkan program promosi pelaburan di dalam dan luar negara.
- ii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
- iii. Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
- iv. Program - program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
- v. Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.
- vi. Penyertaan di dalam pameran-pameran yang berkaitan dalam dan luar negara.
- vii. Memantau kemajuan serta membantu mempercepatkan proses kelulusan cadangan - cadangan projek pelaburan melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang dipengerusikan oleh YB EXCO.
- viii. Mengadakan mesyuarat IPMC secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu - isu infra di kawasan – kawasan perindustrian melalui Mesyuarat IPMC yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.
- ix. Meningkatkan program *Engagement* bersama *Stakeholder*.
- x. Inisiatif *E - Commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- xi. *Invest Selangor Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xii. *Invest Selangor Advisory Network* – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Bumiputera Sabah dan Serawak juga turut menerima skim pinjaman Hijrah?
- b) Kenapakah Bumiputra Sabah dan Serawak juga turut menerima Skim Pinjaman Hijrah Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 40 penyertaan daripada Bumiputra Sabah dan Sarawak. Peserta-peserta ini adalah warganegara Malaysia yang bermastautin melebihi 10 tahun di Negeri Selangor dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh HIJRAH SELANGOR.
- b) Syarat dan kriteria untuk melayakkan seseorang itu memperolehi manfaat dari program Hijrah adalah terbuka kepada semua bangsa dan jantina. Syarat kelayakan menyertai Hijrah adalah seperti berikut :
 - Warganegara Malaysia berumur 18 tahun hingga 60 tahun
 - Memiliki premis perniagaan yang khusus
 - Mempunyai lesen/permit perniagaan yang sah
 - Tidak mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik dari mana-mana institusi kewangan atau agensi kerajaan
 - Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu masa
 - Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu isirumah
 - Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu perniagaan perkongsian
 - Terlibat secara langsung di dalam perniagaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penstrukturan industri air Selangor?
- b) Nyatakan secara terperinci kos pembelian semua syarikat konsesi yang terlibat?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pada 10 Julai 2015 yang lalu merupakan tarikh bersejarah untuk rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berjaya meterai perjanjian tambahan ke atas perjanjian utama. Pada tarikh ini kerajaan Negeri telah berjaya merungkai kemelut panjang industri perkhidmatan air dan akhirnya, Alhamdulillah rakyat negeri berjaya memiliki semula perkhidmatan air untuk diurus secara holistik ke arah perkhidmatan yang mementingkan kelulusan, kebertanggungjawaban, efisien, kos efektif serta dikawal penuh oleh Kerajaan Negeri. Lanjutan daripada itu pada 15 Oktober 2015 pengurusan Air Selangor Sdn Bhd atau Air Selangor dengan rasminya telah mengambil alih urusan operasi di SYABAS dan Puncak Niaga Malaysia Sdn Bhd. Seperti yang telah saya janjikan dalam Dewan ini pada minggu yang lalu, maka pada 9 November 2015 saya bersama ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah turun ke ibu pejabat SYABAS, iaitu setelah 26 hari Air Selangor mengambil alih syarikat yang berkenaan. Dalam pertemuan di ibu pejabat SYABAS, kerajaan Negeri telah pun diberikan taklimat oleh pengurusan yang baru dan ada beberapa perkara yang kita telah kenal pasti:

Pertama, kita dimaklumkan secara umumnya tenaga kerja SYABAS dan PUNCAK NIAGA mempunyai kemahiran yang tertentu dalam bidang-bidang yang telah mereka lakukan selama beberapa tahun. Maka Kerajaan Negeri telah pun memberi jaminan bahawa warga kerja SYABAS dan juga PUNCAK NIAGA akan terus kekal berkhidmat di bawah pengurusan yang baru tetapi ada kemungkinan beberapa fungsi kerja mereka itu perlu diperjelaskan supaya ia nya lebih efektif dan berkesan.

Yang keduanya untuk makluman Dewan dua orang pengurusan tertinggi SYABAS telah pun ditamatkan perkhidmatan mereka berdasarkan rundingan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Yang ketiga saya juga telah mengumumkan bahawa mulai tahun ini, 2015, kita, AIR Selangor akan mengeluarkan laporan tahunan bagi syarikat SYABAS dan PUNCAK NIAGA yang kedua-duanya tidak pernah mengeluarkan laporan tahunan untuk pengetahuan umum.

Yang keempat, ada beberapa strategi dan *business plan* yang telah dikenal pasti : Pertama untuk melihat semula aset-aset air yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini, dan keperluan untuk membaik pulih menaiktaraf aset-aset yang berkenaan supaya mereka dapat mengeluarkan satu kapasiti yang lebih besar dan lebih efektif. Kemudian kita juga meneliti sistem pengagihan yang lebih cekap supaya ia dapat

diagihkan secara adil kepada semua daerah. Seterusnya isu NRW juga menjadi isu penting yang telah kita bincangkan dan langkah-langkah proaktif sudah dikenal pasti bagi menangani masalah NRW yang kian meningkat, sudah mencatatkan angka ke 34% dan pastinya ia akan memberikan kesan kepada Kerajaan Negeri dan juga pengguna. Dan saya juga sebelum ini telah mengumumkan bahawa dua loji rawatan baru akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM800 juta iaitu di Labohan Dagang dan juga di Semenyih 2 bagi menampung keperluan kemungkinan kekurangan air ekoran kelewatan pembinaan Langat 2 yang sepatutnya siap pada 2017 tetapi kita dimaklumkan mungkin berlaku kelewatan sehingga 2019. Dan yang akhirnya saya telah memberikan semangat dan motivasi kepada warga kerja SYABAS dan PUNCAK NIAGA bahawa mereka juga yang akan menentukan kejayaan hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan industri ini dapat dilaksanakan secara holistik dan lebih efektif.

YB., saya juga ingin memaklumkan bahawa pengambilalihan SPLASH masih belum dimuktamadkan kerana pemegang-pemegang saham utama SPLASH telah menolak tawaran awal yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri telah pun melantik penilai bebas untuk membantu Kerajaan Negeri melihat apakah nilai yang adil untuk diberikan pertimbangan dalam pengambilalihan SPLASH kelak. Di dalam perjanjian Air Selangor telah...didalam perjanjian utama yang telah ditandatangani telah diperuntukkan bahawa Air Selangor hendaklah memastikan bahawa ia akan berusaha untuk memperolehi ekuiti dalam dua syarikat, syarikat SPLASH dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh penyelesaian. Dan dalam perjanjian utama juga telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan juga hendaklah dengan sedaya upaya memudahkan Air Selangor memperolehi SPLASH dan memandangkan tempoh rundingan dengan SPLASH akan berakhir pada September 2016 maka perbincangan di antara Air Selangor dengan SPLASH masih lagi berjalan.

Akhirnya untuk makluman YB harga tawaran untuk pengambilalihan tiga buah syarikat pemegang konsesi air keseluruhan berjumlah RM1.68 bilion iaitu RM1.07 bilion untuk pengambilalihan Puncak Niaga dan RM0.52 bilion untuk SYABAS dan RM0.09 bilion untuk ABASS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENGIKTIRAFAN SIJIL UEC

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini pengiktirafan sijil UEC
- b) Apakah persiapan yang telah dilakukan oleh pihak UNISEL dalam perkara ini
- c) Adakah agensi kerajaan negeri akan mengambil graduan lepasan UEC setelah pengiktirafan mula dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Unisel telah menghantar wakil untuk menghadiri mesyuarat pada 7 September 2015. Dalam proses persiapan menghadiri mesyuarat berkaitan, mendapati UNISEL tiada halangan dari MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk mengambil pelajar dari lepasan UEC. Untuk merealisasikannya Unisel perlu memohon penambahan pada syarat kemasukan bagi setiap program.
- b) Unisel telah meneliti standard syarat kemasukan yang dikeluarkan MQA dengan syarat kemasukan sedia ada dalam masa terdekat. Permohonan penambahan syarat kemasukan akan dihantar kepada Kementerian. Unisel hanya akan mengambil pelajar lepasan UEC setelah mendapat kelulusan pertambahan syarat kemasukan bagi setiap program.
- c) Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) diperkenalkan oleh Gabungan Persatuan Ahli Lembaga-lembaga Sekolah Cina kepada pelajar-pelajar *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) bertujuan menilai akademik pelajar pada satu penyelarasan piawaian dan menyediakan piawai akreditasi bagi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara. Pada masa ini, sebanyak 60 buah sekolah di Malaysia termasuk 4 buah sekolah di Selangor telah mengamalkan UEC.

Pada 7 September 2015, pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan pertemuan bersama Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia (Dong Zong) bagi membincangkan isu-isu berkaitan UEC. Pembentangan telah dibuat oleh wakil Dong Zong mengenai latar belakang, sejarah penubuhan dan sistem peperiksaan yang dilaksanakan.

Pada masa ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 21 Oktober 2015 telah mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) bagi menyambung pengajian di peringkat pengajian tinggi. Pada masa ini, hanya Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor (INPENS) sahaja yang menerima kemasukan daripada pelajar lepasan UEC.

KUIS sudah pun mendapatkan pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkenaan UEC untuk beberapa program, manakala UNISEL pula sedang di dalam proses mendapat pengiktirafan UEC sebagai sijil yang setara dengan sijil asasi, daripada pihak MQA untuk program-program kursus pembelajaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PRESTASI KONTRAKTOR KUTIPAN SAMPAH MPK DI DUN MERU.

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kaedah penilaian digunakan bagi prestasi kontraktor kutipan sampah dan pembersihan?
- b) Apakah setiap aduan melalui *e-mail*, sms dan '*whatsapp*' kepada pegawai pemantau kawasan diambil kira dalam penilaian prestasi?
- c) Berapakah peringkat tindakan diambil mengikut prestasi?

JAWAPAN:

- a) Kaedah penilaian yang digunakan bagi menilai prestasi kontraktor Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam adalah seperti berikut:
 - i) Kedah yang digunakan untuk menilai prestasi kontraktor Pengurusan Sisa Pepejal adalah dengan mengenakan Notis Tindakan Pembetulan (NTC) dan denda kepada kontraktor kutipan yang tidak mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan seperti berikut:

Senarai Notis Tindakan Pembetulan (NTC):

Bil.	Jenis NTC	Pemerhatian	Aduan
1.	Sampah tidak diangkat	RM150.00	RM200.00
2.	Kutipan tidak mengikut jadual	RM150.00	RM200.00
3.	Sampah berselerak tidak disapu (5m radius)	RM150.00	RM200.00
4.	Air sampah (leachate) tumpah di atas jalan	RM150.00	RM200.00
5.	Melonggoh sampah sebelum lori sampai	RM150.00	RM200.00
6.	Tong sampah tidak diletakkan di tempat asal selepas kutipan	RM150.00	RM200.00

Ringkasan denda yang dikenakan:

Bil.	Perkara	Kadar Denda
1.	Tidak Hadir Mesyuarat	RM300.00 / mesyuarat
2.	Tidak Melaporkan Kerja Harian	RM 50.00 / kehadiran
3.	Tidak Melaksanakan Kerja Kecemaran / Gotong – Royong	RM200.00 / arahan
4.	Tidak Menghadiri Pemeriksaan Tapak	RM300.00 / lawatan
5.	Tiada Pakaian Seragam	10% dari bayaran bulanan
6.	Kegagalan Kontraktor Mengadakan Papan Tanda	RM100.00 / unit @ tanda
7.	Lewat Hantar Laporan Bulanan Mengikut Masa Yang Ditetapkan	RM300.00
8.	Gambar Tidak Bertarikh (Kurang Jelas)	RM300.00 / Gambar @ laporan
9.	Laporan Bulanan Tidak Bergambar	RM300.00 / laporan
10.	Lewat Hantar Dokumen Yang Diperlukan Oleh Majlis Dalam Jangkamasa Yang Diberi	RM200.00 / surat rasmi
11.	Tidak Mengambil Surat Amaran, Surat Pemberitahuan	RM200.00 / setiap surat

- ii) Kaedah yang digunakan untuk menilai prestasi kontraktor Pembersihan Awam adalah dengan mengenakan Notis Tindakan Pembetulan (NTC) dan denda kepada kontraktor kutipan yang tidak mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan seperti berikut:

Pemotongan Rumput :

Bil.	Perkara	NTC (setiap ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1.	Rumput tidak dipotong / tidak mengikut jadual	RM100.00	RM200.00
2.	Sisa potongan rumput tidak disapu	RM100.00	RM200.00
3.	Rumput menjalar atas jalan / 'kerb' / pagar / tidak bersih	RM100.00	RM200.00
4.	Rumput di laluan pejalan kaki tidak dibenarkan	RM100.00	RM200.00
5.	Rumput di bahu longkang tidak dipotong	RM100.00	RM200.00
6.	Rumput di pembahagi jalan tidak dikemaskan	RM100.00	RM200.00

Cucian Longkang / Parit Besar / Kolam Tadahan :

Bil.	Perkara	NTC (setiap ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1.	Longkang, parit besar, kolam tadahan tidak dicuci @ tidak mengikut jadual	RM100.00	RM200.00
2.	Sisa longkang, parit besar, kolam tadahan dalam beg plastic tidak diangkat	RM100.00	RM200.00
3.	Sisa longkang, parit besar, kolam tadahan diletak atas bahu dan tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00
4.	Perangkap sampah tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00
5.	Perangkap pasir (sump) tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00
6.	'Scupper drain' tidak dibersihkan (berumput / berpasir / tersumbat)	RM100.00	RM200.00

Sapuan Jalan & Kekemasan

Bil	Perkara	NTC (Setiap Ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1	Jalan tidak disapu mengikut jadual / sampah bertaburan atas jalan	RM100.00	RM200.00
2	Sisa sapuan dalam beg plastik tidak diangkat	RM100.00	RM200.00
3	Sampah disapu ke dalam ('scupper drain') / longkang	RM100.00	RM200.00
4	Bahu jalan / pembahagi jalan tidak disapu (ada sampah di atas bahu jalan / pembahagi jalan)	RM100.00	RM200.00
5	Perhentian bas tidak disapu atau sampah di dalam tong sampah di perhentian bas tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00
6	Jejantas pejalan kaki tidak disapu / tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00
7	Siar kaki jalan / kaki lima kedai tidak disapu	RM100.00	RM200.00

Pembersihan Lorong Belakang

Bil	Perkara	NTC (Setiap Ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1	Longkang tidak dicuci mengikut jadual	RM100.00	RM200.00

2	Rumput menjalar di atas laluan awam lorong belakang tidak dipotong / dibersihkan	RM100.00	RM200.00
3	Lorong belakang tidak disapu mengikut jadual / sampah bertaburan	RM100.00	RM200.00
4	Sampah kebun / pukal / haram / longgok lorong belakang tidak diangkat	RM100.00	RM200.00

Kutipan Sampah Kebun/Pukal/ Haram (KPH)

Bil .	Perkara	NTC (Setiap Ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1	Sampah KPH tidak dikutip mengikut jadual	RM100.00	RM200.00
2	Sampah KPH di bahu jalan tidak dibersihkan.	RM100.00	RM200.00
3	Sampah KPH di tempat awam tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00
4	Sampah KPH di kawasan perniagaan tidak dibersihkan	RM100.00	RM200.00

Pembersihan Kawasan Sekitar Kemudahan Awam Majlis (Luar Sahaja)

Bil .	Perkara	NTC (Setiap Ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1	Kawasan tidak disapu, daun tidak dicakar / sampah bersepah	RM100.00	RM200.00
2	Rumput di sekitar kawasan tidak dipotong	RM100.00	RM200.00
3	Longkang/ perangkap/ takungan tidak dicuci	RM100.00	RM200.00
4	Sampah/ sisa sapuan/ longkang tidak di lupus	RM100.00	RM200.00

Pembersihan Pasar Pagi / Pasar Malam

Bil .	Perkara	NTC (Setiap Ketidakpatuhan)	Denda (Ingkar NTC)
1	Sapuan jalan / tapak pasar tidak dijalankan sebaik tamat aktiviti pasar pagi / malam atau sapuan tidak sempurna	RM100.00	RM200.00
2	Longkang tidak dicuci sebaik tamat aktiviti pasar malam/pagi	RM100.00	RM200.00
3	Sampah pasar pagi / malam tidak dikutip serta-merta	RM100.00	RM200.00

Displin

Bil.	Perkara	Denda (RM)
1	Tidak menghadiri lawatan tapak bersama pihak Majlis	RM100.00
2	Pekerja tidak memakai pakaian seragam yang telah ditetapkan oleh Majlis	RM100.00/ seorang/ hari
3	Bilangan pekerja tidak mencukupi / tiada di lapangan (seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak)	RM100.00/ seorang/ hari
4	Tidak menggunakan beg plastik bagi sisa pembersihan	RM100.00
5	Membakar sisa pembersihan / daun kering	RM100.00
6	Tidak menyediakan lori seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak	RM100.00

Pentadbiran dan Dokumentasi

Bil.	Perkara	Denda (RM)
1	Tidak menghantar laporan tuntutan bayaran yang lengkap sebelum atau pada 5hb setiap bulan berikutnya	RM100.00
2	Tidak menghantar jadual kerja lengkap sebelum atau pada 27hb setiap bulan sebelumnya	RM100.00
3	Tidak menghadiri mesyuarat	RM100.00
4	Tidak mengambil NTC setelah dimaklumkan/ dihubungi (telefon/ faks/ sistem pesanan ringkas) oleh pihak Majlis	RM100.00
5	Tidak mengemukakan laporan maklumbalas NTC Tindakan yang telah diambil (dalam tempoh 2 hari dari tarikh NTC dikeluarkan)	RM100.00
6	Tidak mengetik kad setiap pagi (kecuali Cuti Am)	RM100.00

PENILAIAN PRESTASI PERKHIDMATAN KONTRAKTOR SECARA SISTEM
DEMERIT

Pemberat Mengikut Kesalahan

BIL.	PERKARA	MATA BAGI SETIAP KESALAHAN
1	ADUAN DITERIMA (BENAR)	0.5
2	NOTICE TO CORRECT (NTC)	0.5
3	DENDA KETIDAKAKURAN	2.0
4	BACK-UP SETIAP KETAKAKURAN	5.0

Kategori Prestasi Yang Dinilai

BIL.	UKURAN	KADAR PERATUSAN
1	BAIK	90% - 100%
2	MEMUASKAN	80% - 89%
3	KURANG MEMUASKAN	79% DAN KE BAWAH

- b) Ya, setiap aduan e-mail, sms dan 'whatsapp' diambil kira dalam penilaian prestasi kontraktor.
- c) Di antara peringkat tindakan diambil mengikut prestasi adalah seperti berikut:
- i) Aduan;
 - ii) NTC;
 - iii) Denda;
 - iv) Back-up kerja;
 - v) Potongan bayaran prestasi mengikut Sistem Demerit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa pelan kerajaan dalam memenuhi permintaan terhadap rumah mampu milik memandangkan bilangan yang sudah diluluskan tidak mencukupi?
- b) Senaraikan Rumah Mampu Milik mengikut pemaju, tapak dibina, bilangan unit, kos seunit dan tempoh siap.
- c) Apakah halangan untuk bina lebih banyak unit?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2015 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang lepas telah mensasarkan untuk membina sebanyak 15,000 unit Rumah Selangorku bermula tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh 2-3 tahun. Bagi mencapai sasaran tersebut, beberapa tindakan telah dan akan dilaksanakan iaitu:
 - i) **Penyediaan Insentif Pembinaan Rumah Selangorku** kepada Pemaju yang mula membina Rumah Selangorku pada tahun 2015 iaitu;
 - Kelulusan segera bagi proses melibatkan agensi Kerajaan Negeri
 - Diskaun Premium 10% dari nilai tanah semasa.
 - Pengecualian caj pemajuan.
 - Pertimbangan penambahan kepadatan (densiti) sehingga 120 unit per ekar.
 - ii) **Penubuhan dua (2) Jawatankuasa Khas** bagi memastikan perancangan pembinaan, pemantauan kelulusan dan pemantauan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.

Jawatankuasa	Pengerusi	Fokus / Bidang Tugas Utama
Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku	Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar	<ul style="list-style-type: none"> - Pertimbangan untuk menukar komponen RKR / RKSR / RKS kepada Rumah Selangorku sebelum di bawa ke MMKN. - Memantau peringkat kelulusan dari peringkat

		<p>Kebenaran Merancang sehingga Pelan Bangunan di PBT</p> <ul style="list-style-type: none"> - menyelesaikan isu-isu berkenaan tanah (sekiranya ada) - Memudahcara isu-isu berkenaan kelulusan di peringkat Agensi Kerajaan
Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Rumah Selangorku	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	<ul style="list-style-type: none"> - Memantau pelaksanaan projek sehingga CCC dikeluarkan. - Memastikan projek siap mengikut jadual

iii) Mengadakan **Program Turun Padang YAB Dato' Menteri Besar** dengan melancarkan Projek Rumah Selangorku setiap bulan di sepanjang tahun 2015.

b) Secara keseluruhannya sebanyak 26,479 unit Rumah Selangorku sama adalah telah siap dibina, sedang dalam pembinaan mahupun belum dibina berdasarkan kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Senarai Rumah Mampu Milik Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dari tahun 2010 sehingga kini adalah seperti berikut:

i) Projek yang telah disiapkan :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Sin Heap Lee Dev. Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Di Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	136 (Jenis B)
2.	MPKj	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 3, Bandar Baru bangi, Daerah Hulu Langat.	124 (Jenis B)
3.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak	1,422 (Jenis B)
4.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)
JUMLAH				1,774

ii) Projek yang sedang dibina :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)
2.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)
3.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)
4.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)
5.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)
6.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)
7.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	239 (Jenis B)
8.	MPKj	Luxhome Property Sdn. Bhd.	Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT	144 (Jenis C)

			41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	
9.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)
10.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
11.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)
12.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	321 (Jenis A) 240 (Jenis C) 160 (Jenis C) 320 (Jenis D)
13.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)
JUMLAH				4,872

iii) Projek yang belum dibina tetapi kebenarannya merancang telah diluluskan:-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	250 (Jenis C)

2.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28 (Jenis D)
3.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)
4.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A) 210 (Jenis C)
5.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	408 (Jenis C)
6.	MPKj	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90 (Jenis C)
7.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	400 (Jenis C) 200 (Jenis D)
8.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91 (Jenis D)
9.	MDKS	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Sela	144 (Jenis C) 128 (Jenis D)
10.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Hakmilik PT 1 Blok 1 Di Seksyen 1 Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	80 (Jenis D)
11.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A) 202 (Jenis B) 27 (Jenis C) 9 (Jenis D)

12.	MPSJ	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling. (dipinda ke HSD 258562 PT 73892 Persiaran Permai Sentosa Bandar Putra Permai).	120 (Jenis C)
13.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A) 124 (Jenis D)
14.	MPKj	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	102 (Jenis B) 204 (Jenis C)
15.	MPKj	Tanming Raya Sdn. Bhd.	PT 46823 dan PT 46824 (Tapak Baru), Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	173 (Jenis C)
16.	MPSp	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Di Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	320 (Jenis C) 56 (Jenis D)
17.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34 (Jenis C)
18.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A) 135 (Jenis C)
19.	MDKS	Glomac Land Sdn. Bhd. & Magic Season Sdn. Bhd.	Lot 2968 PT 1887, Lot 2969 PT 1888, Lot 2970 PT 1889, Lot 2971 PT 1890, Lot 2972 PT 1891 Dan Lot 2973 PT 1892, Di Batu 22 Ijok, Saujana Aman, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	315 (Jenis C)
20.	MPSp	Lakefront Residence Sdn. Bhd.	Di Projek One Residence @ Lakefront Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah	1,932

			Sepang.	
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
21.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	2,258 (Jenis A) 1,467 (Jenis C1) 723 (Jenis C2)
22.	MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD 15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	903 (Jenis C) 1,500 (Jenis D)
23.	MPK	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J) dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang.	323 (Jenis C2) 372 (Jenis D)
24.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A) 40 (Jenis B) 40 (Jenis C)
25.	MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di Atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	870 (Jenis B)
26.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	142 (Jenis A) 72 (Jenis B) 72 (Jenis C) 428 (Jenis D)
27.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim	2,330

			Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	
28.	MDKL	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Land Group)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	262 (Jenis C1) 1,050 (Jenis C2)
29.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (Jenis C2)
JUMLAH				19,833

- c) Halangan utama untuk membina lebih banyak unit Rumah Selangorku adalah kekurangan tapak / tanah khususnya di kawasan-kawasan yang strategik dan mempunyai permintaan yang tinggi seperti di kawasan MPAJ dan MBPJ. Oleh itu, adalah menjadi kesukaran kepada Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan di kawasan terbabit. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon di kawasan kebiasaannya akan diberikan pilihan untuk memiliki rumah di kawasan yang sekiranya berminat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMERDAGANGAN MANUSIA

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program anti pemerdagangan manusia di Selangor?
- b) Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai?
- c) Apakah tiga masalah paling kritikal untuk mengekang aktiviti ini di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memandang serius dengan isu pemerdagangan manusia yang berleluasa dewasa ini. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sentiasa memberi sokongan padu terhadap usaha-usaha dalam membanteras agenda pemerdagangan manusia ini melalui kerjasama Majlis Anti Pemerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS).

MAPMAS merupakan satu organisasi khas untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia di peringkat Negeri Selangor dengan pelan tindakan yang telah digariskan oleh Jawatankuasa Bertindak MAPMAS. Langkah Negeri Selangor ini adalah selari dengan kehendak negara yang telah mewujudkan Akta Anti Pemerdagangan Orang bagi mengatasi masalah ini. Pelan Tindakan Kebangsaan Anti Pemerdagangan Orang di peringkat kebangsaan ditubuhkan bagi memantau kegiatan jenayah pemerdagangan orang di Malaysia.

Status terkini, program anti pemerdagangan pemerdagangan manusia yang dikendalikan oleh MAPMAS telah di"rehat"kan aktiviti rasmi setelah kematian pengerusi MAPMAS iaitu mendiang Irene Fernandez.

Semasa hayat beliau, aktiviti MAPMAS banyak yang disalurkan kepada Tenaganita, iaitu sebuah NGO yang sering mengendalikan isu-isu hak kemanusiaan seluruh Malaysia. Kematian beliau selaku Pengerusi MAPMAS perlu diganti di kalangan aktivitis Tenaganita sendiri.

- b) Kerajaan Negeri sangat menghargai usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MAPMAS semasa zaman kegemilangannya. Antara kejayaan yang dicipta di bawah program ini adalah :-
 - (i) Laporan dari MAPMAS yang dihantar ke badan dunia yang memantau hal ehwal Pemerdagangan Manusia di Amerika Syarikat telah berjaya menaik taraf "*ranking*" Malaysia ke tahap "*Tier 2*" daripada "*Tier 3*".

Sebelum itu, Malaysia sudah berada di *ranking* "Tier 3" untuk selama dua (2) tahun berturut-turut. Majlis Anti Pmerdagangan Orang (atau MAPO) di peringkat Nasional gagal menghantar laporan atau membuat aktiviti pencegahan seperti yang dilakukan oleh MAPMAS semasa hayat mendiang Puan Irene Fernandez masih aktif. MAPMAS telah menyelamatkan Malaysia daripada terus mendapat *ranking* "Tier 3" untuk tiga (3) tahun berturut-turut yang mana ia sangat memalukan negara dan akan menyebabkan sekatan-sekatan ekonomi jika terus gagal mencapai tahap "Tier 2" pada tahun yang berikutnya;

- (ii) Banyak kes pmerdagangan manusia telah dibicarakan di mahkamah atas inisiatif MAPMAS dengan kerjasama Angkatan Pemuda Insaf dan juga Tenaganita. Antaranya kes anak kapal sebuah syarikat kapal milik Malaysia yang tidak membayar gaji krew kapal serta tidak memberi makan minum selama tujuh (7) hari. Krew hanya diberi makanan tidak sihat dan dibiarkan di tengah lautan dalam kapal tersebut selama hampir seminggu. Kes mendapat liputan media elektronik dan media cetak; dan
 - (iii) Kes "*caddy golf*" yang telah berjaya diselesaikan dengan perintah mahkamah dan mangsa dihantar pulang ke negara asal. "*Caddy golf*" tersebut sebenarnya bukan sahaja dijadikan "*caddy*", tetapi juga dijadikan "pelacur kelas atasan".
- c) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap isu yang mengekang aktiviti anti pmerdagangan manusia ini. Tiga (3) masalah paling kritikal untuk mengekang aktiviti ini di Selangor adalah :-
1. Kurangnya pengetahuan tentang isu pmerdagangan manusia di kalangan pimpinan masyarakat, kerana mereka ini bertukar ganti. Setelah tiada promosi yang mantap dari MAPMAS kerana tidak lagi aktif, maka ramai pemimpin baru tidak "sedar" akan kewujudan MAPMAS. Contoh pemimpin masyarakat: Ketua Kampung, Ketua Komuniti dan Ahli-ahli Majlis;
 2. Penguatkuasaan yang lemah di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana badan yang menjadi "*pressure group*" tidak dapat berfungsi; dan
 3. Pintu masuk dan keluar di sempadan negara yang masih longgar dan senang dibolosi oleh pihak-pihak yang membawa para migrasi yang mungkin dijanjikan "syurga dunia" di Malaysia tetapi hakikatnya mereka dibawa secara haram dan bekerja tanpa diberi gaji serta makan minum yang tidak sempurna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN PENDIDIKAN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis dan kos perbelanjaan pendidikan oleh kerajaan negeri sehingga September 2015 mengikut daerah?
- b) Apakah kerajaan negeri berhasrat untuk menambah jumlah peruntukan pendidikan pada bajet 2016?

JAWAPAN:

- a) Perbelanjaan pendidikan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan terdiri daripada perbelanjaan **mengurus dan pembangunan**. Bagi perbelanjaan mengurus, jumlah peruntukan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM100,000.00. Peruntukan ini digunakan antara lain untuk pelaksanaan mesyuarat, bengkel-bengkel, penganjuran majlis dan sebagainya. Ia secara umum tidak melibatkan daerah. Sehingga September 2015, sebanyak RM83,271.40 atau 84% telah dibelanjakan.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, peruntukan digunakan untuk program pendidikan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, di antaranya ialah Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor, Program Tuisyen Rakyat Selangor dan Program Skim TUNAS Selangor. Perincian perbelanjaan mengikut program dan daerah adalah seperti berikut:

I. Program Bantuan Sekolah

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	Gombak	RM1,045,000.00

BIL	DAERAH	JUMLAH
2.	Hulu Langat	RM1,354,000.00
3.	Hulu Selangor	RM565,000.000
4.	Klang	RM3,520,000.00
5.	Kuala Selangor	RM983,000.00
6	Kuala Langat	RM630,000.00
7.	Petaling	RM2,738,000.00
8.	Sabak Bernam	RM384,000.00
9.	Sepang	RM1,087,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		RM12,306,000.00

II. Program Skim TUNAS Selangor

BIL	DAERAH	JUMLAH (RM)
1.	Gombak	224,510.00
2.	Hulu Langat	438,500.00
3.	Hulu Selangor	244,600.00
4.	Klang	1,348,925.00
5.	Kuala Langat	592,325.00
6.	Kuala Selangor	405,800.00
7.	Petaling	803,150.00
8.	Sabak Bernam	434,500.00
9.	Sepang	294,950.00
Jumlah Keseluruhan		4,787,260.00

I. Program Tuisyen Rakyat Selangor

DAERAH	N	DUN	JUMLAH DUN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
SABAK BERNAM	1	SUNGAI AIR TAWAR	36,200.00	148,400.00
	2	SABAK	48,000.00	
	3	SUNGAI PANJANG	34,200.00	
	4	SEKINCHAN	30,000.00	
KUALA SELANGOR	8	SG. BURONG	46,000.00	163,700.00
	9	PERMATANG	43,600.00	
	10	BUKIT MELAWATI	14,900.00	
	11	IJOK	28,500.00	
	12	JERAM	30,700.00	

DAERAH	N	DUN	JUMLAH DUN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN DAERAH (RM)
KLANG	42	MERU	31,200.00	234,750.00
	43	SEMENTA	33,600.00	
	44	SUNGAI PINANG	32,200.00	
	45	SELAT KELANG	35,000.00	
	46	PELABUHAN KELANG	22,750.00	
	47	PANDAMARAN	35,000.00	
	48	KOTA ALAM SHAH	16,200.00	
	49	SERI ANDALAS	28,800.00	

DAERAH	N	DUN	JUMLAH DUN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN DAERAH (RM)
HULU SELANGOR	5	HULU BERNAM	38,800.00	108,800.00
	6	KUALA KUBU BAHARU	28,000.00	
	7	BATANG KALI	42,000.00	
GOMBAK	14	RAWANG	42,000.00	256,350.00
	15	TAMAN TEMPLER	35,350.00	
	16	BATU CAVES	36,400.00	
	17	GOMBAK SETIA	37,800.00	
	18	HULU KELANG	27,300.00	
	19	BUKIT ANTARABANGSA	42,000.00	
	13	KUANG	35,500.00	
HULU LANGAT	23	DUSUN TUA	13,600.00	316,700.00
	20	LEMAH JAYA	40,600.00	
	21	CEMPAKA	25,200.00	
	22	TERATAI	36,400.00	
	24	SEMENYIH	22,400.00	
	25	KAJANG	36,050.00	
	27	BALAKONG	40,600.00	
	26	BANGI	28,000.00	
	28	SERI KEMBANGAN	21,000.00	
	29	SERI SERDANG	28,350.00	
	30	KINRARA	24,500.00	

DAERAH	N	DUN	JUMLAH DUN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN DAERAH (RM)
PETALING	36	DAMANSARA UTAMA	17,850.00	293,250.00
	31	SUBANG JAYA	35,200.00	
	32	SERI SETIA	24,000.00	
	33	TAMAN MEDAN	30,000.00	
	34	BUKIT GASING	-	
	35	KAMPUNG TUNKU	31,500.00	
	38	PAYA JARAS	24,500.00	
	39	KOTA DAMANSARA	28,000.00	
	40	KOTA ANGGERIK	42,000.00	
	41	BATU TIGA	-	
50	SRI MUDA	36,400.00		
37	BUKIT LANJAN	23,800.00		
KUALA LANGAT	51	SIJANGKANG	38,150.00	103,250.00
	52	TELUK DATOK	28,700.00	
	53	MORIB	36,400.00	
SEPANG	54	TANJUNG SEPAT	40,600.00	90,300.00
	55	DENGKIL	28,350.00	
	56	SUNGAI PELEK	21,350.00	
Jumlah Keseluruhan				1,715,500.00

- b) Pada masa ini, Jawatankuasa Tetap Pendidikan mengambil konsep menggunakan peruntukan sedia ada dengan lebih optimum dan memastikan pelaksanaan program menepati prinsip *value for money*. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan meneliti kesesuaian dan keperluan jumlah peruntukan pendidikan tahun 2016 bagi memastikan sektor ini memenuhi agenda dan keperluan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : SYARIKAT KONSESI DALAM KERJA PENYELENGGARAAN JALAN
DI SELANGOR**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah syarikat konsesi dilantik untuk kerja penyelenggaraan jalan di Selangor?
Sila namakan dengan nilai kontrak.
- b) Adakah tender terbuka dibuat?
- c) Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN:

- a) Ada.
Syarikat KPS-HCM Sdn Bhd dengan nilai kontrak RM 35 juta setahun.
- b) Tidak.
- c) Pemilihan secara lantikan terus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TEKNOLOGI

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesan dasar teknologi hijau yang diamalkan oleh kerajaan negeri terhadap industri berat di Selangor

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi tumpuan kepada 8 tindakan utama melalui Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015-2018. Melalui Pelan Tindakan ini, Taman - Taman Industri Negeri Selangor akan terlibat di dalam Program Penghijauan Taman Industri.

Program penghijauan taman industri akan melibatkan 4 komponen utama iaitu:

- i) Kecekapan tenaga
- ii) Pengurusan sumber air terpakai
- iii) Simbiosis sisa industri
- iv) Sistem Penuaian Air Hujan

Program ini akan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan Industrial Park Management Committee (IPMC). IPMC akan dilantik sebagai penyelaras dan bertanggungjawab untuk melaporkan kemajuan program kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Program ini akan menggunakan kaedah Simbiosis Industri yang dapat membantu pihak industri dalam pelbagai sektor untuk mengguna semula bahan-bahan yang tidak terpakai. Kaedah ini juga bertujuan untuk mengalihkan beban sisa daripada tapak pelupusan dan menjadikan sisa tersebut sebagai hasil keuntungan syarikat melalui pengurangan kos pelupusan.

Program penghijauan taman industri ini akan membantu pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kecekapan penggunaan tenaga bagi kawasan industri dan membolehkan kadar pelepasan karbon bagi kawasan industri dikurangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SEKOLAH KAFA

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah sekolah KAFA dan Sekolah Integrasi KAFA kerajaan dan swasta mengikut daerah sehingga Jun 2015.
- b) Apakah status pelaksanaan kenaikan gaji guru KAFA sehingga RM 1,500?
- c) Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan sekolah-sekolah KAFA tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah sekolah KAFA dan Sekolah Integrasi KAFA Kerajaan dan swasta mengikut daerah sehingga Jun 2015

DAERAH	KAFA	Sekolah Rendah Islam Integrasi (SRI) Swasta
Klang	27	5
Kuala Langat	9	3
Kuala Selangor	20	9
Hulu Langat	62	54
Hulu Selangor	7	8
Sabak Bernam	10	0
Gombak	61	17
Petaling	85	53
Sepang	12	9
JUMLAH	293	158

- b) Kenaikan elaun guru KAFA dari RM 1,300 kepada RM 1,500 akan bermula Januari 2016.
- c) Kerajaan sedang dan telah menyediakan program dan meningkatkan kualiti pendidikan sekolah Kafai seperti berikut:

- i. Latihan dalam perkhidmatan**

- i.i . Peringkat sekolah (dalaman)
 - i.ii. Peringkat sekolah yang diurus oleh Pusat Kegiatan Guru.
 - i.iii Peringkat negeri yang dilaksanakan oleh ILDAS

- ii. Peluang belajar**

- Kerajaan sedang dan telah berkerjasama dengan UNISEL, KUIS, UPSI dan KOBEDA menyediakan peluang menyambung pelajaran ke peringkat Diploma dan Ijazah kepada guru-guru KAFA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PUSAT LUNCUR UDARA JUGRA MERUPAKAN PRODUK PELANCUNGAN SUKAN GENERASI MUDA MASA KINI DAN BERSTATUS INTERNATIONAL YANG SEMAKIN POPULAR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka panjang pihak YB EXCO dalam membangunkan kawasan ini sebagai sebuah pusat pelancongan sukan yang baru di Negeri Selangor?
- b) Adakah YB EXCO bercadang untuk membangunkan sukan ini kepada generasi muda Negeri Selangor untuk masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020, aktiviti ini termasuk dalam pembangunan pelancongan sukan bertaraf antarabangsa. Sehubungan itu, komponen kemudahan yang lengkap perlu disediakan bagi menggalakkan penganjuran pertandingan bertaraf antarabangsa dan meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan terhadap sukan *paragliding* bertujuan melahirkan masyarakat cergas dan sihat dan mempromosikan pelancongan. Sukan ini dapat memberi peluang dan ruang kepada lebih ramai generasi muda untuk bergiat cergas di dalam bidang sukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN AHLI MAJLIS

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah perbelanjaan, bayaran elaun-elaun dan pengurusan pejabat ahli-ahli majlis pada tahun 2013-2014 mengikut PBT?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan setiap PBT mengawal perbelanjaan Ahli Majlis yang dilantik?

JAWAPAN:

a)

PBT	Tahun	Elaun Tetap (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Elaun Pengurusan Pejabat (RM)	Jumlah (RM)
MBSA	2013	472,564.52	301,050.00	413,204.15	1,186,818.67
	2014	364,500.00	312,375.00	388,933.26	1,065,808.26
MBPJ	2013	-	-	-	2 362 147.32
	2014	-	-	-	2 205 590.58
MPK	2013	-	-	-	1,650,000.00
	2014	-	-	-	1,950,000.00
MPAJ	2013	-	-	-	2,723,500.00
	2014	-	-	-	2,511,500.00
MPSJ	2013	-	-	-	657,000.00
	2014	-	-	-	681,000.00
MPS	2013	-	-	-	1,1114,212.00
	2014	-	-	-	1,050,177.99

MPKj	2013	-	-	-	504,000.00
	2014	-	-	-	504,000.00
MPSP	2013	-	-	-	1,609,119.25
	2014	-	-	-	1,438,889.95
MDKL	2013	266,000.00	106,200.00	266,000.00	638,200.00
	2014	202,000.00	98,000.00	202,000.00	502,000.00
MDHS	2013	-	-	-	434,750.00
	2014	-	-	-	381,400.00
MDKS	2013	-	-	-	551,103.00
	2014	-	-	-	406,933.00
MDSB	2013	-	-	-	580,214.47
	2014	-	-	-	490,086.60
JUMLAH KESELURUHAN 2013 & 2014					32,630,713.19

- b) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (Melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PBT;SPBT Bil 6/2010) yang telah menggariskan penggunaan peruntukan Ahli Majlis di setiap PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PERKHIDMATAN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan membenarkan setiap Kerajaan Negeri melantik pegawai-pegawai untuk perkhidmatan awamnya tetapi Kerajaan Negeri Selangor telah sentiasa meminjam pegawai-pegawai daripada Kerajaan Persekutuan menurut Artikel 134 Perlembagaan Persekutuan. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk tidak lagi meminjam pegawai daripada Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri menempatkan pegawai secara peminjaman di beberapa jawatan strategik Jabatan / Agensi berdasarkan kepada status jawatan berkenaan yang diklasifikasikan sebagai 'Jawatan Terbuka'* dan dilaksanakan selaras dengan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 'Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap'.

Penempatan secara peminjaman pegawai ini di Jawatan-jawatan Terbuka berkenaan masih diteruskan kerana kaedah peminjaman ini merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sesebuah Jabatan / Agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan Jabatan / Agensi berkenaan.

- * Jawatan Terbuka - Jawatan yang hanya grednya telah ditentukan tanpa menetapkan skim perkhidmatan. Jawatan ini boleh diisi oleh pegawai yang sesuai dari mana-mana skim perkhidmatan.

Dalam konteks persoalan yang dibangkitkan, Pentadbiran Kerajaan Negeri mendapati bahawa penempatan secara peminjaman di jawatan-jawatan strategik ini tidak hanya melibatkan pegawai-pegawai Persekutuan sahaja kerana **pelaksanaan sekarang juga melibatkan beberapa orang pegawai lantikan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**. Penempatan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan keperluan dan kriteria-kriteria yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PELAJAR SELANGOR YANG MENUNTUT DI MESIR DAN JORDAN

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jumlah keseluruhan pelajar di kedua-dua negara ini
- b) Jumlah penerima derma siswa dan bantuan umum bagi pelajar Selangor di Mesir dan Jordan
- c) Adakah dengan kejatuhan matawang Malaysia maka kerajaan Selangor bercadang menaikkan kadar derma siswa dan bantuan umum kepada mereka

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelajar Selangor yang berada di Mesir dan Jordan adalah seperti berikut
 - Mesir : 1,339 orang
 - Jordan : 366 orang
- b) Jumlah pelajar yang menerima dermasiswa Lembaga Zakat dan yang menerima bantuan umum adalah seperti berikut:

Penerima dermasiswa

- Mesir : 411 orang
- Jordan : 203 orang

Penerima Bantuan Umum

- Mesir : 928 orang
- Jordan : 163 orang

- c) JAIS telah menyerahkan satu kertas kerja penstrukturan semula kadar dermasiswa pelajar di Mesir, Jordan, Morocco dan Indonesia ke Lembaga Zakat Selangor. Manakala bantuan umum diuruskan terus oleh Lembaga Zakat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : RAMAI ANAK-ANAK MUDA MENGENDALIKAN PERNIAGAAN
MENGUNAKAN "FOOD-TRUCK"**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan untuk melesenkan "FOOD-TRUCK" yang sedang beroperasi secara tidak berlesen sekarang
- b) Adakah rancangan Kerajaan untuk menyusun semula gerai-gerai yang bertaburan di tengah-tengah bandar

JAWAPAN:

- a) PBT telah menetapkan kepada individu yang ingin menjalankan perniagaan perlu terlebih dahulu memohon lesen perniagaan termasuklah juga aktiviti penjaja bergerak serta perlu mengikut syarat yang ditetapkan seperti kesesuaian lokasi, tidak menyebabkan kacau ganggu atau halangan dan tidak mengganggu aliran trafik. Pemantauan oleh Penguatkuasa PBT sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa dan tindakan sita akan diambil ke atas barang perniagaan dan kompaun akan dikeluarkan sekiranya menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan tanpa lesen atau tanpa kebenaran.
- b) Tiada perancangan dan peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyusun semula gerai-gerai yang telah sedia ada di tengah bandar. Namun, PBT telah menyusun semula penempatan gerai berpusat di lokasi yang bersesuaian supaya ia tidak menjejaskan pemandangan, kebersihan dan kesesakan dalam bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : ANUGERAH MASJID LIMA BINTANG

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan nama masjid yang menerima pengiktirafan lima bintang oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap masjid yang tidak menerima pengiktirafan lima bintang?

JAWAPAN:

- a) Senarai nama Masjid yang menerima pengiktirafan LIMA BINTANG oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut Daerah pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	SENARAI MASJID
1.	PETALING	<ol style="list-style-type: none">1. MASJID UBUDIAH, SEKSYEN 19, SHAH ALAM2. MASJID BAITULMAHABBAH, SEKSYEN 26, HICOM3. MASJID AT-TAQWA, SUBANG PERMAI4. MASJID NURUL IMAN, KG TENGAH B, BATU 13, PUCHONG5. MASJID AL-EHSAN, BANDAR KINRARA, PUCHONG6. MASJID AS-SALAM, PUCHONG PERDANA7. MASJID AL-MUNAWWARAH, SEKSYEN 27, SHAH ALAM8. MASJID BANDAR BUKIT PUCHONG, PUCHONG
2.	KLANG	<ol style="list-style-type: none">1. MASJID AS-SYARIF, MERU, KLANG

3.	GOMBAK	<ol style="list-style-type: none"> 1. MASJID BUKIT INDAH AMPANG 2. MASJID AL-ANSAR, TAMAN KERAMAT 3. MASJID AL-HIDAYAH, TAMAN MELAWATI 4. MASJID AS-SYAKIRIN BATU 5 ¾ GOMBAK 5. MASJID AN-NUR, KAMPUNG MELAYU WIRA DAMAI 6. MASJID CAHAYA IMAN, BANDAR COUNTRY HOME, RAWANG
4.	KUALA LANGAT	TIADA
5.	SEPANG	<ol style="list-style-type: none"> 1. MASJID UNITEN, KM 7, JALAN KAJANG-PUCHONG
6.	KUALA SELANGOR	<ol style="list-style-type: none"> 1. MASJID AN-NUR, SAUJANA UTAMA 2. MASJID PUNCAK ALAM, PUNCAK ALAM 3. MASJID AR-RAUDHAH, TANJUNG KARANG
7.	HULU LANGAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. MASJID AL-HASANAH, BANDAR BARU BANGI 2. MASJID AL-AZIM, PANDAN INDAH
8.	HULU SELANGOR	<ol style="list-style-type: none"> 1. MASJID AS-SALAM, BUKIT SENTOSA
9.	SABAK BERNAM	<ol style="list-style-type: none"> 1. MASJID MAKMURIAH SABAK BERNAM 2. MASJID AS-SIRAJ, BATU 23, SG NIBONG 3. MASJID HISAMUDDIN, PEKAN SABAK BERNAM

b) Perancangan Kerajaan Negeri terhadap masjid yang tidak menerima pengiktirafan lima bintang adalah seperti berikut:

1. Pemantauan bulanan oleh Pegawai Penyelaras Masjid Daerah.
2. Pemantauan 2 kali setahun melalui KPI yang telah ditetapkan.
3. Membuat lawatan ke Masjid yang mendapat pengiktirafan Lima Bintang.

4. Mengadakan kursus – kursus yang berkaitan pentadbiran dan kewangan masjid di Institut Latihan Dakwah Selangor.
5. Mengadakan pertandingan pengurusan masjid terbaik peringkat Daerah dan Negeri.
6. Mewujudkan prasarana dan kemudahan di masjid.
7. Mengadakan program kerjasama dengan Unit lain dan agensi yang berkaitan untuk pengimarahannya/ aktiviti masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : KEGANASAN RUMAHTANGGA MELIBATKAN WANITA

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan negeri untuk membantu golongan wanita yang terlibat dalam kes kes keganasan keluarga dan juga sebagai mangsa rogol?
- b) Berapakah jumlah kes yang diterima oleh Kerajaan negeri sejak Tahun 2014 hingga bulan Oktober 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor memandang serius dengan kes-kes keganasan rumah tangga (*domestic violence*) dan juga mangsa rogol yang melibatkan wanita sebagai mangsa. Justeru itu, Kerajaan Negeri seiring dengan negeri berkebajikan akan meneruskan pelbagai program seperti *One Stop Crisis Centre* (OSCC) dan kempen-kempen anti keganasan terhadap wanita dan keluarga. Selain itu, program-program terhadap kesedaran terhadap keganasan juga akan dipergiatkan lagi.

Melalui Jawatankuasa Tetap hal Ehwal Wanita dan Keluarga juga, Kerajaan Negeri akan merangka perihal program-program pembangunan keluarga dan pemerkasaan keluarga selaras dengan nilai-nilai murni dan mengikut acuan agama masing-masing.

- b) Statistik menunjukkan dari Januari hingga April 2015 sebanyak 1,644 kes telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Sebanyak 1,236 kes adalah melibatkan golongan wanita. Negeri Selangor merupakan negeri yang mencatatkan kes keganasan rumahtangga yang tertinggi dalam Malaysia iaitu sebanyak 275 kes dan diikuti dengan Negeri Sarawak sebanyak 75 kes (sumber diperolehi dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM)).

Manakala jumlah kes keganasan rumahtangga yang telah dilaporkan melalui program OSCC kepada Kerajaan Negeri semenjak pada tahun 2014 adalah sebanyak 2,564 kes (sumber dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan bercadang untuk membina dewan orangramai yang baharu di setiap kampung-kampung tradisi?
- b) Apakah kerajaan bersedia membangunkan kemudahan seperti padang riadah komuniti di setiap mukim di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap pembangunan luar bandar di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02007 - Penyelenggaraan Jalan Kampung** khas untuk menaiktaraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah Negeri Selangor, serta peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02004 - Kemudahan Asas Desa** untuk kemudahan asas desa yang boleh digunakan bagi projek menaiktaraf balairaya mengikut keperluan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri buat masa tidak bercadang untuk membina dewan orang ramai yang baru di setiap kampung tradisi di Negeri Selangor. Fokus Kerajaan Negeri pada tahun 2015 adalah kepada pemerkasaan dan pemulihan kemudahan awam sedia ada termasuk dewan orang ramai. Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina semula dewan yang telah terlalu uzur dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada.

- b) Kerajaan Negeri telah membangun dan menyediakan 33 Dataran Anak Muda yang sekaligus boleh dijadikan gelanggang serbaguna di 33 buah DUN di seluruh Negeri Selangor.

Senarai 33 DUN berkenaan adalah seperti berikut :-

BIL	DUN
1	Balakong
2	Bangi
3	Batang Kali

4	Batu Caves
5	Bukit Antarabangsa
6	Bukit Lanjan
7	Bukit Melawati
8	Chempaka
9	Dusun Tua
10	Gombak Setia
11	Hulu Kelang
12	Ijok
13	Jeram
14	Kajang
15	Kota Anggerik
16	Kota Damansara
17	Kuang
18	Lembah Jaya
19	Meru
20	Morib
21	Paya Jaras
22	Permatang
23	Rawang
24	Semenyih
25	Seri Andalas
26	Seri Serdang
27	Sijangkang
28	Sungai Burong
29	Sungai Pelek
30	Taman Templer
31	Tanjong Sepat
32	Teluk Datuk
33	Teratai

Gelanggang serbaguna ini sesuai untuk aktiviti dan sukan belia setempat seperti permainan bola sepak, sepak takraw, badminton, bola jaring, bola tampar, futsal dan sebagainya. Selain itu juga, tempat ini boleh digunakan oleh golongan belia melakukan pelbagai aktiviti seperti tempat perjumpaan untuk belia-belia berkongsi ilmu dan pengalaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : TANAH PKNS DI KAMPUNG JAYA SETIA IJOK

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tanah ini terbiar. penduduk bimbang keadaan ini membahayakan keselamatan dan kesihatan penduduk. Apakah rancangan untuk membangunkan tanah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Status tanah PKNS di Kampung Jaya Setia Ijok adalah seperti berikut :
- i. Tanah seluas 32 ekar di Kampung Jaya Setia Ijok baru saja diberi kelulusan pemberimilikan rasmi kepada PKNS pada 06 Oktober 2015 dengan premium tanah berjumlah RM2.1 juta. PKNS kini dalam proses penyediaan bayaran premium kepada Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor.
 - ii. Buat masa ini PKNS sedang mengenalpasti jenis pembangunan yang sesuai ke atas tapak tersebut. Pada masa yang sama juga, PKNS sedang mengambil tindakan segera untuk membuat pembersihan dan memagar kawasan tersebut bagi mengelakkan bahaya keselamatan dan kesihatan penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU (TRM)

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah menggantikan TRM yang digunakan seperti titah DYMM Sultan Selangor?
- b) Senaraikan lokasi TRM yang telah digunakan dan diganti semula?

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman Y.B. Kota Damansara Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan penggantian keseluruhan tanah rizab Melayu yang dibatalkan. Di samping itu, PTG Selangor telah mengeluarkan Pekeliling PTGS Bil.3 Tahun 2015 mengenai garis panduan urusan pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu semasa pengambilan tanah bagi tujuan awam atau kemudahan awam bagi kegunaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor Darul Ehsan yang dikuatkuasakan pemakaiannya di Pejabat Tanah dan Daerah pada 20 Mei 2015 yang lalu.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan penggantian tanah rizab Melayu ini yang dibatalkan bagi setiap Daerah secara keseluruhan. Maklumat mengenai lokasi tanah rizab Melayu yang dibatalkan dan diganti semula secara umumnya seperti berikut, saya akan serahkan secara terperinci kepada Y.B. namun, untuk makluman Y.B. tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan dan diganti mengikut daerah dari tahun 2001 hinggalah 2014 bagi Daerah Sabak Bernam Sejumlah 10 ekar, di Kuala Selangor 4.998 ekar, Sabak Bernam 4.998 ekar. Y.B. Tuan Speaker oleh kerana dia terlalu *details* mengikut tahun dan Daerah. Saya boleh serahkan kepada Y.B lah kerana *listing* nya panjang untuk dibacakan pada pagi ini. Kecuali diarahkan oleh Kota Damansara saya boleh bacalah keseluruhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : LAMPU LED

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah penjimatan kadar tenaga dan kos penyelenggaraan yang rendah dalam pemasangan lampu LED diambil kira dalam perbincangan yang memutuskan penangguhan pemasangan lampu LED di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, berdasarkan cabutan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2015 yang telah disahkan pada 22 September 2015 telah menimbang dan meluluskan cadangan penggunaan lampu jalan jenis *light emmitted diode* (L.E.D) bagi jalan- jalan negeri yang diselenggara di bawah geran Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan belanja mengurus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut kriteria utama kawasan hotspot rekod jenayah dan/ atau kemalangan.

Kerajaan Negeri telah membuat perbandingan terhadap lampu jenis L.E.D, lampu jalan jenis *Sodium Oxide Neon* (S.O.N) dan High Powder Sodium Vapor (H.P.S.V) dan mengambil kira beberapa aspek seperti berikut :

Lampu L.E.D	Lampu S.O.N	Lampu H.P.S.V
Darjah kecerahan lebih tinggi (cahaya putih)	Darjah kecerahan lebih rendah (cahaya kuning)	Darjah kecerahan tinggi (cahaya putih tetapi guna tenaga elektrik lebih tinggi)
Jangka hayat 5 tahun	Jangka hayat 3-4 tahun	
Jimat elektrik (40% lebih rendah)	Menggunakan (150 watt tenaga elektrik)	Menggunakan (250 watt tenaga elektrik)
Kos awal lebih tinggi RM2K- RM3K seunit	Kos mentol lampu dalam julat RM 492.00 ke RM 1,000.00 seunit	

Secara teknikal, cadangan penggantian lampu S.O.N dan H.P.S.V kepada lampu L.E.D boleh dibuat dengan kos yang minimum tanpa melibatkan pertukaran kabel, tiang atau aksesori elektrik yang lain. Memandangkan permintaan lampu L.E.D semakin meluas, penggantian dan pemasangan hendaklah dibuat mengikut standard dan spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan lampu-lampu L.E.D berkenaan telah diluluskan di bawah *Electrical Material Approved List* (EMAL).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROJEK PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF PERPARITAN
KAMPUNG BAHAGIA BUKIT LAGONG, MUKIM BATU, DAERAH
GOMBAK**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek tersebut seperti yang dijanjikan oleh Y.B Exco yang turun padang pada tahun 2013?
- b) Bilakah projek ini akan siap sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, JPS Negeri Selangor telah memasukkan program Menaiktaraf Sungai Chemubung, Daerah Gombak ke dalam cadangan RMK-11 yang mana ianya merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf sistem perparitan di Kampung Bahagia Bukit Lagong, Mukim Batu dan kawasan sekitarnya.

Cadangan pelaksanaan bagi Kajian dan Rekabentuk akan dilaksanakan pada tahun 2016 sekiranya permohonan diluluskan dan pelaksanaan projek tersebut dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2017. Pada masa yang sama, pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dilaksanakan setiap tahun secara berkala.

- b) Tempoh penyiapan projek menaiktaraf Sungai Chembung bergantung kepada kelulusan peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KITAR SEMULA

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kitar semula sampah domestik akan menjadi dasar KNS? Bilakah ianya akan di capai?
- b) Apakah inisiatif program di peringkat DUN yang dirancang oleh KNS bagi memastikan pelaksanaan program kitar semula menjadi budaya masyarakat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang berusaha dalam melaksanakan kajian mengenai kitar semula dan sedang menjalankan kajian melalui Projek Perintis Kitar Semula yang melibatkan empat (4) PBT iaitu MBPJ, MPKj, MPAJ dan MDHS melibatkan 1000 unit bangunan (perumahan/komersial) di mana objektif utama adalah untuk mengkaji kaedah terbaik pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan kesedaran kitar semula di kalangan penduduk Negeri Selangor supaya program ini dapat dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor dalam masa terdekat.
- b) Buat masa ini tiada inisiatif program kitar semula diberikan di peringkat DUN oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menggalakkan PBT melaksanakan program-program seumpama ini seperti hari gotong royong, pengumpulan bahan kitar semula yang melibatkan peringkat ADUN, Ahli Majlis dan Jawatankuasa Penduduk di kawasan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : GEJALA SOSIAL DI KALANGAN WANITA MUDA

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kes gejala sosial di kalangan wanita muda mengikut jenis?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengekang peningkatan gejala sosial di kalangan wanita muda?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor memandang serius dengan masalah gejala sosial yang menjadi kudis kepada warga Selangor terutama sekali dikalangan wanita muda dewasa ini. Justeru itu Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berusaha untuk menangani dan membentaras masalah ini.

JKM adalah salah sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan gejala sosial khususnya di kalangan kanak-kanak di bawah 18 tahun. Bagi wanita muda, tumpuan JKM adalah mereka yang berusia 18 – 21 tahun. Berikut adalah tiga (3) masalah sosial utama yang dikenal pasti melibatkan wanita muda ialah **kesalahan jenayah** dan **kes pesalah muda**.

(i) Kesalahan Jenayah

JKM sangat memandang serius penglibatan kanak-kanak dan remaja perempuan berusia 13 hingga 18 tahun di dalam aktiviti penjenayahan. Antara kes-kes jenayah yang dirujuk kepada JKM adalah seperti mencuri, terlibat dengan ketagihan dadah, mencedera, berjudi dan lain-lain. Jadual 1 adalah statistik kes kanak-kanak dan remaja perempuan yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan.

Jadual 1 : Statistik Kes Kanak-Kanak Dan Remaja Wanita Yang Terlibat Dengan Jenayah Bagi Tahun 2012 – 2015 (Sehingga Ogos) Mengikut Jenis Kesalahan

Jenis Kesalahan	2012	2013	2014	Jan - Ogos 2015
Harta benda				
(a) mencuri	11	19	13	10
(b) memiliki harta curi	4		2	
(c) merompak			5	
(d) peras ugut	1	1		
(e) ceroboh/pecah rumah				
(f) Meragut				

Jenis Kesalahan	2012	2013	2014	Jan - Ogos 2015
Dadah				
(a) mengedar		1		
(b) memiliki	1	2	2	7
(c) menghisap	4	8	5	3
Sabit manusia				
(a) membunuh			1	
(b) mencedera	1	7	5	
(c) merogol				
(d) mencabul				
(e) sumbang mahram			1	

Lalulintas				
(a) lumba melulu/bahaya				
(b) kesalahan lain				
Senjata				
(a) senjata api				
(b) bahan api/kakistan				
(c) senjata tajam	1	1		

Jenis Kesalahan	2012	2013	2014	Jan - Ogos 2015
Lari				
(a) dari Asrama Akhlak				
(b) dari Sekolah Diluluskan				
(c) dari Sekolah Henry Gurney				
Akta Kesalahan Kecil	1	2		
Berjudi	1	2	2	
Melanggar Syarat Pengawasan				
Jumlah	25	43	36	20

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

ii. **Kes Pesalah Muda**

Kes pesalah muda (*youthful offender*) adalah kes di bawah Kanun Tatacara Jenayah di mana seseorang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum denda atau penjara yang berumur 18 tahun atau lebih dan di bawah umur 21 tahun. Hukuman yang diberikan oleh mahkamah adalah mengkehendakkan pesalah bekerja dan berkhidmat dalam masyarakat bagi tempoh yang

ditetapkan. Jadual 2 adalah statistik wanita muda berusia 18 hingga 21 tahun yang terlibat dengan kes pesalah muda mengikut kesalahan yang dilakukan.

Jadual 2 : Statistik Wanita Muda (18 – 21 tahun) Negeri Selangor Yang Terlibat Dengan Kes Pesalah Muda Bagi Tahun 2013 – 2015 (Sehingga September) Mengikut Jenis Kesalahan

Jenis Kesalahan	2013	2014	Jan - Ogos 2015
(a) Merompak	7	5	5
(b) Memiliki harta curi		1	1
(c) Dadah (masuk dalam badan)	2	2	1
(d) Mengedar dadah		2	
(e) Pecah amanah		1	
(f) Membuat aduan Palsu		1	
(g) Berjudi		1	
(i) Kesalahan dibawah Akta Penapisan Filem		1	
(j) Membunuh		2	
(k) Sumbang Mahram	2		
(l) Kesalahan di bawah Akta Kesalahan Kecil		4	
(m) Akta Imigresen		1	
Jumlah	11	21	9

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

b) Bagi mengekang peningkatan gejala sosial di kalangan kanak-kanak dan wanita muda dari terus meningkat, Kerajaan negeri dengan rasa komited melalui JKM telah melaksanakan beberapa usaha menanganinya seperti berikut:

i) Menyebarluaskan Perkhidmatan Talian Nur 15999

Talian ini yang beroperasi 24 jam sehari boleh memberi perkhidmatan lebih mudah, pantas dan berkesan kepada orang ramai. Melalui talian ini masyarakat boleh melapor, mengadu, merujuk, memohon bantuan dan khidmat nasihat mengenai perkhidmatan JKM termasuk untuk kanak-kanak dan wanita muda yang terlibat dengan gejala sosial.

ii) Menyediakan Tempat Perlindungan dan Pemulihan

JKM menyediakan tempat perlindungan bagi menempatkan kanak-kanak dan wanita muda yang terlibat dengan konflik undang-undang dan memerlukan pemulihan. Institusi JKM yang memberi perkhidmatan perlindungan dan pemulihan adalah Taman Seri Puteri Cheras dan Pusat Jagaan Sinar Kasih, Sg. Buloh.

iii) Program pencegahan di Peringkat Komuniti

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) diwujudkan bertujuan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan bantuan sokongan. Di bawah PPKK diwujudkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang berfungsi untuk melaksanakan program advokasi dan pencegahan seperti seminar, kelas tuisyen, bengkel, motivasi, bimbingan serta kaunseling. Di Selangor terdapat sebanyak 17 buah PAKK.

Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD) diwujudkan bagi melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam usaha mencegah berlakunya gejala sosial di kalangan remaja. Antara peranan yang dijalankan adalah melaksanakan program pencegahan, advokasi, pembangunan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Sebanyak 11 JKKD telah diwujudkan di negeri Selangor.

iv) Perkhidmatan kaunseling

JKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat serta kaunseling kepada kanak-kanak dan wanita muda yang masih diperingkat awal terdedah kepada bahaya moral.

v) **Program Bengkel interaktif**

Program Bengkel Interaktif ini melibatkan kanak-kanak yang telah jatuh hukum oleh Mahkamah untuk mereka menjalani pemulihan. selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001. Bengkel ini lazimnya akan melibatkan ibu bapa atau penjaga seperti menghadiri sesi kaunseling dan kursus keibubapaan dalam membincangkan permasalahan sosial anak-anak. Jadual 1 adalah bilangan kes kanak-kanak dan remaja yang perlu menghadiri Bengkel Interaktif oleh Mahkamah.

**Bilangan Kes Yang Menghadiri Bengkel Interaktif
Tahun 2014 dan 2015**

DAERAH	TAHUN	
	2014	2015
Petaling Jaya	24	8
Hulu Langat	33	57
Subang Jaya	68	38
Shah Alam	20	28
Gombak	57	36
Kuala Langat	44	58
Hulu Selangor	22	13
Klang	41	94
Sepang	15	11
Kuala Selangor	92	46
Sabak Bernam	33	37
JUMLAH	449	426

Sumber : Bahagian Kaunseling, JKMN Selangor

- vi) **Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial** disediakan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara holistik dan bersepadu. Ianya meliputi semua aspek bagi memastikan tindakan menangani gejala sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan.
- vii) Satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor yang di pengaruhi oleh YB Nik Nazmi Bin Nik Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains,

Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor diwujudkan. Manakala Jawatankuasa yang bersifat inklusif telah ditubuhkan di setiap Daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor JAIS, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, JKKK, Jabatan Pelajaran Selangor, Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita, Majlis Permuafakatan Guru MPPBIG, Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Majlis Institusi Pendidikan Islam Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Ketua-ketua kaum, Persatuan Pesara, Kaunselor dan Agensi dan NGO, s yang berkaitan.

viii) Kerajaan Negeri bersetuju untuk menggunakan pendekatan bersepadu iaitu **5P** :

- a. Pembangunan (*Development*)
- b. Pencegahan (*Prevention*)
- c. Pencelahan (*Intervention*)
- d. Penguatkuasaan (*Enforcement*)
- e. Pemulihan (*Rehabilitation*)

ix) **Program Generasi Idaman Selangor (GeMS)** diadakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor. Pelbagai program telah dilaksanakan seperti Jelajah Generasi Idaman Selangor dengan pengisian ilmu seperti Forum Generasi Idaman Selangor, pertandingan menunggang motosikal berkhemah, pameran jabatan serta agensi kerajaan, dan Bengkel Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : LEBUHRAYA PANTAI BARAT (WCE)

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan Lebuhraya tersebut ?
- b) Sila perelaskan sudahkah jajaran WCE yang melintasi Negeri Selangor khususnya di Daerah Sabak Bernam dimuktamadkan ?
- c) Sila nyatakan apakah kaerah yang digunapakai untuk meminimakan kesan kacau ganggu terhadap rutin harian penduduk?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 30/2005 yang diadakan pada 30 November 2005 secara dasarnya telah menimbang dan bersetuju dengan pembinaan lebuhraya *West Coast Expressway (WCE)*. Secara umumnya, setakat bulan September 2015, peratus kemajuan keseluruhan pembangunan projek Lebuhraya WCE adalah sebanyak 12.30% dengan peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di negeri Selangor adalah sebanyak 12.50% manakala peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di negeri Perak adalah sebanyak 12.20%. Kerja-kerja fizikal di tapak yang sedang berjalan adalah melibatkan kerja pembersihan tapak, pengalihan utiliti dan kerja-kerja rawatan tanah. Di samping itu, kerja-kerja pemasangan dan pengujian asas jenis cerucuk juga sedang berjalan di tapak.
- b) Secara umumnya, hampir keseluruhan jajaran lebuhraya WCE di Negeri Selangor telah dimuktamadkan, namun jajaran FR5 (Tanjung Karang – Hutan Melintang) masih dalam proses untuk dimuktamadkan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- c) Bagi meminimakan kesan kacau ganggu kepada penduduk setempat, perkara-perkara seperti yang berikut telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi, iaitu:
 - i. Perlaksanaan projek lebuhraya adalah berpandukan kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Keselamatan Projek (PSP), Pelan Kualiti Projek (PQP) dan Best Management Practise (BMP). Kesemua pelan ini telah dikaji dengan mengambil kira impak terhadap persekitaran termasuk sosio ekonomi penduduk setempat;

- ii. Pelan Pengurusan Trafik (TMP) dilaksanakan bagi mengawal kesan kepada aliran trafik di kawasan jalanraya yang terlibat. Pelan tersebut disediakan oleh juru perunding professional dengan kerjasama Juru Perunding Trafik. Pelan tersebut seterusnya akan disemak oleh Juru Audit Keselamatan Jalanraya dan disahkan oleh Jurutera Perunding Bebas sebelum dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk kelulusan;
- iii. Penghadang dipasang di sepanjang kawasan pembinaan yang melibatkan jalan sedia ada untuk tujuan keselamatan kepada orang ramai;
- iv. Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Juru Perunding Bebas terhadap kesan bunyi bising, kualiti udara dan kualiti air yang dijalankan setiap bulan bagi mengawasi kesan kerja pembinaan kepada alam sekitar. Laporan pemantauan akan dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar. Tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya kesan tersebut melebihi tahap yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini 4 tempat pembuangan sampah haram iaitu Kg. Sg. Pusu, Batu 8 Gombak, Kg. Tengah Tambahan dan Sri Gombak Fasa 8?

JAWAPAN:

a)

BIL	LOKASI	JENIS SAMPAH YANG DISYAKI DILUPUSKAN	STATUS
1	Kg. Sg Pusu	Pukal, Sisa Binaan dan domestik	Aktif
2	Bt. 8, Gombak (Belakang Masjid Zakaria)	Pukal, Sisa Binaan dan domestik	Aktif
3	Sri Gombak Fasa 8	Batuan & tanah	Aktif
4	Kg. Tengah tambaha (2 lokasi)	Pukal, Sisa Binaan dan domestik	Aktif

Status: - Kawalan Kg. Sg Pusu dilakukan oleh Pejabat Tanah, BT 8 Gombak, Kg.Tengah Tambahan dan Sri Gombak Fasa 8 dipantau oleh Unit Khas MPS.
Operasi sitaan telah dilakukan oleh Unit Khas, sebanyak 20 sitaan lori telah dilakukan sehingga 19/10/2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMBERIAN AIR PERCUMA

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pembiayaan air percuma dan pemegang akaun air yang mendapat air percuma bagi tahun 2008-2015 mengikut pecahan daerah.
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor untuk membaiki paip-paip air yang pecah sementara menunggu penstrukturan semula industri air?

JAWAPAN:

a) dan b)

Saya ingin memberi respons kepada Y.B. Rawang berhubung jumlah pembiayaan air percuma dan pemegang akaun air yang mendapat air percuma bagi tahun 2008 hingga 2015 mengikut daerah. Untuk makluman Y.B. Rawang, jumlah pembiayaan air percuma mulai Jun 2008 hingga September 2015 adalah sebanyak RM1.054 bilion.

Pecahan pembiayaan mengikut daerah adalah seperti yang akan saya cerakinkan iaitu (sekali lagi kalau diperlukan perincian saya akan serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat), tetapi secara umumnya jika kita bandingkan dengan tahun 2008 (mulai Jun) apabila program ini dilancarkan, jumlah bilangan akaun pengguna ialah 1,101,636 akaun dan sehingga 30 September 2015 ianya telah meningkat kepada 1,473,350 akaun pengguna. Dari segi jumlah pembayaran subsidi mulai Jun 2008 sehingga hujung tahun 2008, jumlah pembayaran subsidi ialah RM68.67 juta dan pada tahun 2015 ini oleh kerana jumlah pengguna juga telah meningkat, maka jumlah pembayaran subsidi meningkat kepada RM121.99 juta bagi tahun ini sahaja. Ada empat daerah yang mencatatkan bilangan akaun pengguna yang terbesar iaitu daerah yang terbesar ialah daerah Petaling dengan mencatatkan 272,362 akaun

pengguna pada tahun 2008 dan meningkat kepada 358,887 akaun pengguna. Yang kedua adalah daerah Klang (pada tahun 2008) 239,707 akaun. Pada tahun ini ianya meningkat kepada 320,218 akaun pengguna. Dan seterusnya daerah-daerah yang lain akan saya serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin mendapat maklumat tentang peruntukan Kerajaan Negeri untuk membaiki paip-paip air yang pecah. Sehingga 15 Oktober 2015, kos yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja membaiki paip-paip air yang pecah dan pengendalian sistem bekalan air adalah sebanyak RM677.95 juta. dan pembiayaan untuk kerja-kerja ini diperuntukkan di dalam *Capital Expenditure* atau *CAPEX* (syarikat pengendali agihan bekalan air) yang kemudiannya telah diterjemahkan dalam bentuk tarif kepada pengguna. Dengan muktamadnya pengambilalihan SYABAS oleh Air Selangor pada 15 Oktober 2015, Air Selangor akan mengkaji peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan paip-paip supaya kerja ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif dan Air Selangor akan memperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak RM65 juta bagi kerja-kerja pembaikan paip pecah untuk tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PROGRAM SIHAT SELANGOR

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima bantuan dan jumlah bajet yang telah diluluskan pada 2015?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor prihatin di dalam usaha mengurangkan kos rawatan dan beban pesakit yang berpendapatan rendah, warga emas dan juga di kalangan orang kurang upaya selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menjadi Negeri Berkeadilan dalam mensejahterakan rakyat Negeri Selangor

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah mula memperkenalkan satu skim bantuan kesihatan yang kini dikenali sebagai **Bantuan Sihat Selangor** yang menyediakan jenis bantuan seperti berikut: -

- i. Dialisis Buah Pinggang: bantuan tidak melebihi RM 5,000.00
- ii. Katarak Mata : bantuan tidak melebihi RM 1,200.00
- iii. Pembedahan Kecil : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00
- iv. Kaki Palsu : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00
- v. Lain-lain rawatan : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00

Bagi tahun 2015, jumlah peruntukan yang telah di luluskan bagi program ini adalah sebanyak RM 2 juta manak.ala jumlah penerima bantuan pada tahun ini adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS BANTUAN	PERMOHONAN 2015	
		BILANGAN	KELULUSAN/ (RM)
1	DIALISIS	250	854,479.00
2	KATARAK MATA	39	27,266.30
3	PEMBEDAHAN KECIL	17	53,412.00
4	KAKI PALSU	13	42,100.00
5	LAIN-LAIN RAWATAN	86	262,697.40
	JUMLAH KESELURUHAN	405	1,239,954.70

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : WIFI PERCUMA SELANGORKU

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sasaran pemasangan 2500 hotspot wifi percuma telah tercapai?
- b) Berapakah jumlah kos total yang terlibat?
- c) Adakah ada kajian dilakukan terhadap keberkesanan sistem wifi ini dari segi keberkesanan jarak jangkauan, kuota, kelajuan dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Setakat 15hb Oktober 2015, sebanyak 884 jumlah hotspot yang telah siap dan boleh digunakan dan sasaran sebanyak 1,378 jumlah hotspot akan dapat disiapkan sehingga 30hb Oktober 2015. Insya-Allahlah sasaran jumlah pemasangan 2,500 *hotspot wifi* percuma akan dapat disiapkan sehingga akhir tahun 2015 seperti yang telah dibentangkan dalam bajet 2015.
- b) Jumlah kos keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak RM65 juta untuk 2500 *wifi hotspot* untuk tempoh 5 tahun.
- c) Ya, sebelum pemasangan *wifi* di laksanakan, pihak Kerajaan Negeri bersama-sama pihak pembekal akan melakukan lawatan lokasi terlebih dahulu untuk memastikan kesesuaian lokasi, keadaan sekeliling lokasi, kemudahan infrastruktur kabel *fiber* atau *copper* yang sedia ada untuk memastikan jarak jangkauan dan capaian dan juga untuk memastikan bahawa lokasi tersebut adalah kawasan tumpuan orang ramai sebelum memutuskan untuk pemasangan *wifi* percuma bagi kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : DASAR PEROLEHAN PKNS

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-


- a) Apakah benar bahawa dasar perolehan PKNS hanya dibuka kepada syarikat Bumiputera 100%?
- b) Memandangkan PKNS dibiayai oleh wang pembayar cukai semua rakyat Selangor tanpa mengira kaum, adakah dasar ini masih relevan pada masa sekarang?
- c) Apakah kesan TPPA terhadap dasar perolehan PKNS?

JAWAPAN:

- a) Dasar Perolehan PKNS adalah berpandukan kepada Peraturan Perakaunan dan Kewangan PKNS yang telah diluluskan oleh Ahli Perbadanan PKNS. Kenyataan Dasar Perolehan PKNS hanya dibuka kepada syarikat Bumiputera 100% adalah tidak benar.

Dasar Perolehan PKNS adalah seperti berikut :

- **Perolehan Sebut Harga (Kurang daripada RM500,000)**



▪ **Perolehan Tender (Lebih daripada RM500,000)**

- Terdapat 2 jenis Tender iaitu Tender Kerja dan Tender Bekalan dan Perkhidmatan

i) Tender Kerja

- Kesemua tawaran tender PKNS hanya dipelawa kepada syarikat yang bertaraf Bumiputera sahaja kecuali bagi kerja-kerja kepakaran adalah terbuka kepada syarikat Bumiputera atau Bukan Bumiputera.

ii) Tender Bekalan dan Perkhidmatan

- Hendaklah ditawarkan kepada syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan terbuka kepada Syarikat Bumiputera atau Syarikat Bukan Bumiputera

▪ **Perkhidmatan Perunding**

- Adalah perkhidmatan yang disediakan oleh firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang perkhidmatan perunding berkaitan dan di kategori sebagai perunding fizikal dan perunding bukan fizikal.

- Pelantikan Perunding adalah terbuka kepada Syarikat Bumiputera atau Bukan Bumiputera.

b) Tidak berkaitan.

c) Tidak berkaitan. Dokumen TPPA masih bersifat sulit dan belum dihebahkan untuk pengetahuan umum oleh Kerajaan Pusat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROGRAM GALAKAN SAINS DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekolah (integrasi) agama yang dibina rakyat telah dipinggirkan sebelum 2008. Bagaimanakah kerajaan negeri membantu SAR menguasai bidang sains?
- b) Apakah bentuk bantuan yang diberi?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, belum ada lagi bantuan yang khusus untuk SAR dalam menguasai bidang sains secara langsung.
- b) Bantuan-bantuan lain seperti bantuan dari segi fizikal, latihan, khidmat nasihat, kewangan dan pemantauan telah mula diberi secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBERI MILIKAN TANAH

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah bermula Dasar Pemberi Milikan tanah (tiada rancangan pembangunan ke atasnya) kepada penduduk (warganegara)?
- b) Nyatakan bilangan warganegara dan luas keseluruhan tanah yang diberi hak milik mengikut daerah.
- c) Nyatakan bilangan bukan warganegara dan keluasan tanah yang diberi hak milik mengikut daerah.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan, Dasar Pemberi Milikan Tanah kepada individu warganegara Malaysia telah dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6/2011 yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2011. Maklumat bilangan permohonan luas pemberimilikan tanah kepada warga negara adalah seperti berikut. Saya memberikan statistik kepada Yang Berhormat Taman Medan untuk tahun 2014. Bagi daerah Hulu Selangor sebanyak 20 permohonan. Daerah Hulu Langat 15. Kuala Selangor 56, Klang 3, Kuala Langat 71, Sabak Bernam 142, Petaling 150, Gombak 291, Sepang 65, menjadikan jumlah 813 permohonan bagi tahun 2014. Manakala jumlah keluasan yang diluluskan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 66.7 ekar tanah. Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan tidak ada pemberimilikan tanah kepada golongan bukan warga negara di bawah dasar pemberimilikan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PEMILIHAN USAHAWAN

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Negeri Selangor telah banyak membantu usahawan seperti sasaran yang ditetapkan?
- b) Adakah terdapat syarat khas bagi mendapatkan bantuan dana selain daripada syarat wajib sedia ada?

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi dasar dan hasrat serta objektif utama Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan-usahawan di Negeri Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor sentiasa menganjurkan program-program untuk membantu pengembangan usahawan. Kelompok sasaran usahawan di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor adalah usahawan mikro yang nilai jualan tahunan mereka kurang daripada RM300 ribu ataupun mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.

Walaupun sasaran yang ditetapkan adalah usahawan mikro, Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan usahawan-usahawan secara kecil-kecilan di kampung dan juga di desa. Kesemua usahawan ini merupakan penyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan tidak harus diketepikan.

Sehubungan itu, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperkasakan Dana Industri Kampung yang dahulunya hanya memfokus kepada usahawan kecil-kecilan di Kampung dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 ribu kepada Dana Usahawan Mikro Selangor dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300 ribu. Berbanding Dana Industri Kampung sebelum ini yang hanya mensasarkan sebanyak 100 penerima bantuan setahun, Dana Usahawan Mikro Selangor mensasarkan sebanyak 113 penerima bantuan bagi tahun 2015. Jumlah perbezaan itu nampak seperti kecil iaitu hanya 13 sahaja tetapi, harus ditekankan disini bahawa bukan sekadar nilai penerima bantuan sahaja yang dinaikkan, tetapi jumlah had siling bantuan juga dinaikkan dari RM10 ribu per permohonan kepada RM30 ribu per permohonan.

Berpandukan kelulusan-kelulusan yang dibuat melalui Jawatankuasa Pemilihan Dana Usahawan Mikro Selangor peringkat Daerah dan Negeri, sehingga ke 19

Oktober 2015, seramai 76 permohonan telah diluluskan. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menetapkan tarikh terakhir bagi bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor adalah pada 16 November 2015 dan dijangkakan jumlah sasaran tersebut akan dapat dicapai.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor juga turut menganjurkan aktiviti promosi dan sesi latihan / kursus. Di sepanjang tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menganjurkan / menyertai sebanyak 6 aktiviti promosi dan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 187 usahawan, manakala bagi program latihan / kursus pula, sebanyak 5 siri telah dilaksanakan dan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 156 usahawan.

Program latihan / kursus tidak terhenti setakat itu sahaja, mulai 27 Oktober 2015 sehingga 3 Disember 2015, sebanyak 6 latihan / kursus akan dilaksanakan dengan jumlah sasaran peserta bagi setiap kursus ataupun sesi latihan adalah seramai 50 peserta. Jumlah 50 peserta ini ditetapkan setelah mengambil kira keselesaan bilik kursus supaya penceramah ataupun tenaga pengajar dapat memberi tumpuan kepada para peserta berbanding kursus ataupun latihan yang dianjurkan dengan bilangan peserta yang ramai.

- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa telus dan "*transparent*" di dalam menyampaikan bantuan dan dasar Kerajaan. Adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang syarat khas yang dikenakan kepada pemohon selain daripada syarat wajib yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENGIKTIRAFAN SIJIL PEPERIKSAAN BERSATU (UEC)

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) yang dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina (MICSS) sebagai syarat untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam dan pusat pengajian tinggi awam negeri? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 21 Oktober 2015 telah bersetuju agar Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) diiktiraf bagi penyambungan pengajian di peringkat pengajian tinggi. Pada masa ini, Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor (INPENS) bersetuju untuk menerima kemasukan daripada pelajar lepasan UEC.

Pada masa ini, KUIS sudah pun mendapatkan pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkenaan UEC untuk beberapa program, manakala UNISEL pula sedang di dalam proses mendapat pengiktirafan UEC sebagai sijil yang setara dengan sijil asasi, daripada pihak MQA untuk program-program kursus pembelajaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : LANGKAH KERAJAAN NEGERI MENGHADAPI KELEMBAPAN
EKONOMI SEKARANG**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri?
- b) Mohon nyatakan kedudukan Pelaburan Asing Langsung (FDI) bagi Negeri Selangor bagi 3 tahun lepas?

JAWAPAN:

- a) Bagi memastikan sektor pelaburan dan perdagangan terus berkembang dan terus tumbuh bagi merancakkan aktiviti ekonomi walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

1. Pengurusan

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.

- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- ix. Inisiatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- x. Invest Selangor Talent initiative – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xi. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

2. Networking

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi pengalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

3. Promosi

- a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
- b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- c. Penganjuran Selangor International Expo yang dijadualkan pada 26 – 28 November 2015 bertempat di Seri Kembangan, Selangor

- b) Bagi tempoh 2013 hingga Jun 2015, prestasi pelaburan banyak disumbangkan oleh pelabur tempatan berbanding pelabur asing. Secara dasarnya, kedudukan Pelabur Langsung Asing (FDI) bagi Negeri Selangor adalah konsisten dan tidak menunjukkan penurunan yang ketara dari segi jumlah nilai pelaburan.

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
2014	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	7,042,259,985
Jan - Jun 2015	130	8,995	1,918,691,961	2,300,934,735	4,219,626,696
Jumlah	587	47,632	11,963,275,656	9,131,617,877	21,094,893,533

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : DEMOKRASI DAN URUSTADBIR BAIK

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak Akta Kebebasan Maklumat diwujudkan pada tahun 2011, sila nyatakan jumlah permohonan dibuat oleh orang awam ke atas maklumat rasmi.
- b) Nyatakan jenis permohonan mengikut tujuan dan isu,
- c) Jumlah permohonan yang dilulus dan ditolak; dan sebab ditolak, jika ada.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan terhadap daftar rekod permohonan maklumat yang diterima melalui peruntukan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 yang dikemas kini sehingga 20 Oktober 2015, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menerima sejumlah **230 permohonan** secara keseluruhannya. Maklumat-maklumat ini diselaraskan oleh Pegawai-pegawai Maklumat yang telah dilantik di setiap Jabatan / Agensi Negeri Selangor.
- b) Semenjak Enakmen ini diperkenalkan, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menerima pelbagai jenis / kategori permohonan seperti berikut:
 - a. perancangan dan status projek pembangunan seperti pembinaan lebuh raya, projek penebatan banjir, bangunan sekolah, masjid dan sebagainya;
 - b. laporan kewangan tahunan Anak-anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri;
 - c. status pembangunan tanah di mukim, daerah dan sebagainya;
 - d. status urusan penstrukturan semula air;
 - e. status pelantikan Ahli Enakmen yang dilantik;
 - f. senarai penjaja dan usahawan kecil yang menjalankan operasi di sesuatu kawasan;
 - g. statistik kemudahan pengangkutan awam;

- h. penjenamaan semula kemudahan perpustakaan awam;
 - i. pengurusan sisa pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - j. maklumat sumber air (sungai, empangan dan sebagainya) dan navigasi jalan air pendalaman;
 - k. isu pencemaran sungai-sungai di Negeri Selangor;
 - l. statistik taburan hujan dan kaedah pengukuran;
 - m. maklumat mengenai Peruntukan Ahli Dewan Negeri bagi tahun 2013;
 - n. maklumat insurans yang disediakan oleh PBT kepada warga kerja;
 - o. jumlah kemudahan letak kereta yang disediakan oleh PBT; dan
 - p. statistik kes yang diuruskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.
- c) Berdasarkan rekod, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah 222 permohonan dan hanya **menolak 8 permohonan sahaja** atas justifikasi seperti berikut:
- a. Permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan / Agensi diklasifikasikan sebagai bersifat peribadi dan tidak memberikan manfaat serta kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor;
 - b. Permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak menjelaskan tujuan sebenar permohonan;
 - c. Permohonan yang dikemukakan mengandungi maklumat pihak ketiga; dan
 - d. Permohonan yang dikemukakan tidak spesifik dan mengelirukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : HORAS

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana pelaksanaan kerja-kerja Projek HORAS (Hybrid Off River Augmentation Storage) 600 terutamanya pembinaan kolam takungan dan penapisan serta kerja-kerja berkaitan telah disiapkan?
- b) Berapakah jumlah peruntukan kerajaan negeri Selangor yang telah dibelanjakan untuk projek ini setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pengorekan di Kolam Utama telah meliputi kawasan seluas 53 hektar. Kerja-kerja pengukuhan tebing kolam akan dimulakan pada 01 November 2015. Pembinaan kolam penapis di Kg Hang Tuah dan pembinaan rumah pam masih dalam peringkat reka bentuk. Kerja-kerja ini dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2016.
- b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri belum mengeluarkan sebarang perbelanjaan bagi kerja-kerja penyediaan kolam takungan HORAS 600. Semua perbelanjaan bagi pengorekan Kolam Takungan HORAS 600 dibiayai oleh KSSB melalui penjualan pasir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH KAWASAN PETALING JAYA

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pemohon rumah kos rendah di kawasan MBPJ yang masih tidak berpeluang mendapat rumah?
- b) Berapa unit rumah kos rendah mengikut projek yang sedang dalam pembinaan atau perancangan untuk menampung permintaan (a)

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan Rumah Selangorku yang didaftarkan di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) adalah berdasarkan kawasan pilihan mengikut daerah dan tiada rekod mengikut kawasan PBT. Berdasarkan rekod dalam sistem pendaftaran di LPHS sehingga 16 Oktober 2015 jumlah pemohon rumah kos rendah atau Rumah Selangorku Jenis A yang masih belum ditawarkan rumah bagi daerah Petaling adalah berjumlah 4,892 orang pemohon.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, di kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ), tiada pembinaan Rumah Kos Rendah yang sedang dijalankan. Faktor ini berlaku disebabkan oleh kawasan MBPJ telah mencapai tahap tepu yang mana kebiasaan syarat penyediaan Rumah Selangorku Jenis A (Rumah Kos Rendah) dikenakan ke atas pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar atas. Walaubagaimanapun, terdapat Rumah Selangorku jenis-jenis lain yang dalam pembinaan dan perancangan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Status
1.	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	236 (Jenis B)	Projek Dalam Pembinaan
2.	Country Wheels Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 261774 PT 11905 dan HSD 291591 PT 12614 Di Pekan Sungai Buloh, Daerah Petaling.	100 (Jenis B) 100 (Jenis C) 236 (Jenis D)	Projek Belum Dibina
3.	Sime Darby Ara Damansara Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PT 34998, HS(D)252819 Di Jalan PJU 1A/5, Ara Damansara, Mukim Damansara, Daerah Petaling.	296 (Jenis D)	Projek Belum Dibina
JUMLAH			968 unit	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah peruntukan rumah ibadat bukan Islam (RIBI) diagihkan mengikut keperluan disetiap DUN ?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) atau kini dikenali dengan nama Hal Ehwal Selain Islam (HESI) akan diagihkan mengikut peratusan penganut Selain Islam Negeri Selangor yang di bahagikan kepada 3 kategori agama selain Islam utama iaitu Buddha, Hindu dan Kristian.

Maklumat peratusan penganut Selain Islam ini merujuk kepada data rasmi Bancian Penduduk tahun 2010 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia. Berikut adalah jumlah penganut mengikut agama yang terdapat di Negeri Selangor :

AGAMA	KADAR (%)
Islam	57.9
Buddha / Taoist	24.4
Hindu	11.6
Kristian	3.8
Lain-Lain	2.3

Jadual : Kadar Penduduk Negeri Selangor
(Sumber : Jabatan Perangkaan pada tahun 2015)

Bagi tahun 2015, sebanyak RM6 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Pembahagian bagi setiap kategori agama selain Islam yang utama adalah mengikut peratusan penganut agama tersebut iaitu seperti jadual dibawah :

AGAMA	PENGANUT (%)	PERUNTUKAN (RM)
BUDDHA / TAOIST	61.31	3,678,600.00
HINDU	29.14	1,748,400.00
KRISTIAN	9.55	573,000.00
JUMLAH		6,000,000.00

Jadual : Peratusan penganut selain Islam sahaja

Pembahagian ini telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5 / 2015 yang diadakan pada 4 Februari 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PENURUNAN NILAI RINGGIT MENJEJASKAN PELAJAR-PELAJAR
TAJAJAN JAIS / MAIS DI JORDAN DAN MESIR**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan akan menyemak kadar pembiayaan pelajar anjuran JAIS / MAIS?
- b) Adakah Kerajaan bersedia memberi pembiayaan mengikut mata wang negara berkenaan berbanding dalam ringgit?
- c) Berapa jumlah pelajar tajaan JAIS /MAIS yang berada di luar negara. Senaraikan mengikut negara?

JAWAPAN:

- a) JAIS telah menyemak kadar dermasiswa bagi pelajar di Mesir, Jordan, Morocco dan Indonesia dan satu kertas kerja penstrukturan semula kadar dermasiswa telah dihantar ke Lembaga Zakat Selangor
- b) Cadangan pembiayaan dermasiswa pada masa akan datang yang dikemukakan kepada Lembaga Zakat Selangor ialah mengikut nilai mata wang di mana pelajar menuntut.
- c) Jumlah pelajar tajaan JAIS/ MAIS yang berada di luar negara mengikut negara.

BIL.	NEGARA	JUMLAH PELAJAR
1.	Mesir	411
2.	Jordan	203
3.	Morocco	12
4.	Indonesia	19
JUMLAH		645

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : OPERASI PEMBENIHAN AWAN

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Operasi Pembenhian Awan pada 2015
- b) Adakah kos pembenhian awan itu menggunakan peruntukan kerajaan negeri atau Persekutuan? Berapa banyak telah dibayar kepada pihak yang terlibat
- c) Mohon huraian dari aspek teknikal bagaimana SOP pembenhian awan dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan operasi pembenhian awan di kawasan tadahan air Negeri Selangor pada tahun 2015 telah dijalankan oleh pembekal perkhidmatan yang dilantik iaitu syarikat AFJets Sdn. Bhd. Pembekal perkhidmatan ini adalah merupakan sesatunya syarikat yang mempunyai pesawat yang dilengkapi dengan kemudahan bagi tujuan operasi pembenhian awan di Malaysia. Pihak syarikat ini mempunyai kepakaran khusus serta kelebihan bagi operasi pembenhian awan di Malaysia dan telah melaksanakan operasi pembenhian awan bersama pihak LUAS dan JMM bermula 1 April 2014 sehingga 31 Dis 2014 di kawasan tadahan empangan Negeri Selangor. Pihak syarikat juga telah memberikan perkhidmatan operasi pembenhian awan kepada beberapa negeri lain sebelum ini seperti Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) dan MADA di Kedah.
- b) Bayaran kepada pihak AFJets Sdn. Bhd. bagi tujuan pelaksanaan operasi pembenhian awan bermula 21 Februari 2015 hingga 6 Julai 2015 adalah dengan menggunakan peruntukan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebanyak RM2,856,000.00. Walau bagaimanapun peruntukan tambahan telah diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam Mesyuarat MMKN Ke 30/2015 sebanyak RM2,856,000.00 dengan menggunakan peruntukan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi pelaksanaan operasi pembenhian awan bermula 7 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015. Kos perkhidmatan yang dibayar adalah meliputi kos '*demurrage*', tempoh masa penerbangan dan bilangan penggunaan '*hygroscopic flare*'. Pelaksanaan operasi pembenhian awan akan dilaksanakan tertakluk kepada kesesuaian cuaca.
- c) Pihak LUAS telah mengambil inisiatif bagi meneruskan kesinambungan pelaksanaan operasi pembenhian awan (OPA) dengan pembekal perkhidmatan yang dilantik syarikat AFJets Sdn. Bhd. bermula pada 21 Februari 2015 dan dijangka hingga 31 Disember 2015 tertakluk kepada kesesuaian cuaca. la

bertujuan bagi meningkatkan taburan hujan terutamanya di kawasan tadahan air empangan yang seterusnya meningkatkan kapasiti takungan empangan di Negeri Selangor. OPA di Negeri Selangor menggunakan dua (2) pesawat Cessna 340A dan Cessna 172SP yang dilengkapi dengan bahan 'hygroscopic flare' di kedua-dua sayap pesawat. Bahan 'hygroscopic flare' merupakan hablur garam *Natrium Chlorida (NaCl)* bersaiz nano yang bertindak sebagai *Cloud Condensation Nuclear (CNN)* yang diperlukan oleh wap air di udara untuk menjadi titisan air hujan.

Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi OPA Di Negeri Selangor

SOP terbahagi kepada tiga (3) peringkat persediaan seperti berikut:

1. Sebelum Penerbangan
2. Semasa Penerbangan
3. Selepas Penerbangan

1. SOP Sebelum Penerbangan

- a. Memastikan segala permohonan kelulusan dan kebenaran penerbangan dari pihak berkuasa seperti Jabatan Penerbangan Awam diperolehi.
- b. Memastikan juruterbang dan pembantu juruterbang sentiasa bersedia sepenuhnya untuk penerbangan dan berada dalam keadaan yang sihat dari segi mental dan fizikal.
- c. Memastikan pesawat berkeadaan bersedia untuk terbang dengan mematuhi semua standard keselamatan pesawat antarabangsa bagi tujuan penerbangan.
- d. Pegawai Meteorologi akan memberi taklimat cuaca kawasan operasi satu (1) jam sebelum operasi bermula kepada semua juruterbang dan krew terlibat sama ada sesuai atau tidak operasi dijalankan pada hari tersebut. Ia merangkumi maklumat kawasan sasaran, masa penerbangan boleh dimulakan dan jangkaan sama ada berlaku hujan atau tidak sebaik sahaja OPA dijalankan dengan berdasarkan kepada analisa carta angin, gema radar (*radar echo*), jenis kesesuaian awan (kumulus menara), kelembapan atmosfera dan ketampakan kesan jerebu.

2. SOP Semasa Penerbangan

- a. Juruterbang dan pembantu juruterbang perlu memastikan pesawat berada dalam keadaan yang baik sebelum berlepas dengan meneliti prestasi enjin dan sistem kawalan pesawat.
- b. Memastikan kawasan operasi selamat dari segi kesibukan trafik udara dan kelulusan dari pihak menara kawalan untuk melaksanakan operasi.

- c. Segala maklumat parameter cuaca semasa penerbangan seperti suhu, kelembapan bandingan, jenis dan amaun kandungan awan pada paras tertentu perlu dicatat oleh pembantu juruterbang.
- d. Sentiasa memastikan keadaan kapal terbang baik dan terkawal semasa operasi dilakukan dengan meneliti keadaan dan prestasi pesawat.
- e. Memastikan segala maklumat parameter cuaca yang diperolehi semasa operasi lengkap dan tepat sebelum meninggalkan kawasan operasi.

3. SOP Selepas Penerbangan

- a. Memeriksa keadaan pesawat dan memastikan tiada kerosakan dan berada dalam keadaan baik untuk operasi seterusnya.
- b. Memastikan pesawat diletakkan di dalam keadaan yang rapi.
- c. Memastikan segala keperluan pesawat untuk operasi seterusnya dipenuhi.
- d. Mengumpul segala maklumat berupa parameter cuaca yang diperolehi semasa operasi dan diisikan di dalam laporan harian OPA.
- e. Maklumat harian parameter cuaca dan maklumat semua empangan di Negeri Selangor akan dianalisa dan satu Laporan Bulanan Teknikal OPA akan dikeluarkan pada setiap pertengahan bulan berikutnya. Ini adalah bagi tujuan analisa tren peningkatan atau penurunan jumlah hujan di kawasan sasaran dan perbandingan dengan bulan-bulan sebelumnya serta seterusnya memberi cadangan sama ada perlu dipertingkatkan atau dikurangkan bilangan operasi pembenihan awan di kawasan sasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KOMPAUN PBT

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh setiap PBT sejak tahun 2008 mengikut jenis kompaun dan nilainya.
- b) Nyatakan jumlah kompaun yang tidak berbayar dan yang telah dibatalkan beserta dengan sebabnya.
- c) Nyatakan jumlah kompaun tidak berbayar yang telah diambil tindakan pendakwaan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh setiap PBT sejak tahun 2008 mengikut jenis kompaun dan nilai adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH KOMPAUN	NILAI KOMPAUN
MBSA	30,1452	TIDAK DIKEMUKAKAN
MBPJ	3,246,177	RM 33,092,937.60
MPK	1,276,237	RM154,808,251.00
MPAJ	790,513	RM84,428,055.50
MPSJ	1,162,144	RM139,304,182.00
MPS	90,528	RM99,684,784.00
MPKJ	450,545	RM125,006,960.00
MPSP	77,264	RM8,825,922.00
MDKL	61,391	TIDAK DIKEMUKAKAN
MDHS	6,768	RM20,501,250.00
MDKS	19,758	RM1,075,139.99

MDSB	7,736	RM1,284,175.00
JUMLAH	7,490,513	RM 668,011,656.09

Maklumat terperinci akan dikemukakan secara bertulis.

- b) Jumlah kompaun yang tidak berbayar dan yang telah dibatalkan berserta dengan sebab adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH KOMPAUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPAUN YANG DIBATALKAN
MBSA	172,264	3,810
MBPJ	282,002	6,659
MPK	1,032,352	8,806
MPAJ	642,412	3841
MPSJ	1,190,283	12,555
MPS	53,930	3,428
MPKJ	388,909	6,855
MPSP	23,303	4,247
MDKL	34,530	255
MDHS	2,708	76
MDKS	7,999	625
MDSB	3,143	158
JUMLAH	3,833,835	51,315

Maklumat terperinci akan dikemukakan secara bertulis.

- c) Jumlah kompaun tidak membayar yang telah diambil tindakan pendakwaan seperti berikut:

PBT	Jumlah fail pendakwaan							
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
MBSA	-	-	305	-	-	45	1,582	931
MBPJ	-	-	-	-	-	-	4707	2558
MPK	24990							
MPAJ	591	-	855	1898	524	616	1050	-
MPSJ	-	-	1201	5868	13264	15483	10242	4492
MPS	-	609	702	549	817	740	1007	924
MPKJ	2629							
MPSP	267	500	1032	1102	1287	1013	1513	2946
MDKL	-	-	-	-	315	452	601	265
MDHS	113							
MDKS	-	-	-	-	-	-	-	212
MDSB	83							

25.	UUK Pusat Kecantikan PK (MBSA) 2007	3	5	10	21	56	50	36	29
26.	UUK Pusat Kecantikan PK (MBSA) 2013	-	-	-	-	-	-	-	2
27.	UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber (MBSA) 2007	16	44	75	79	81	45	60	22
28.	UUK Taman (MBSA) 2005	4186	6406	18666	34225	34955	30094	41291	47888
29.	UUK Taman 1983	18	3	44	1	-	-	-	1
30.	UUK Vandalisme (MBSA) 2005	1	3	-	1	-	-	20	21
	JUMLAH	19242	20024	24767	39010	43560	39757	54669	60723

LAMPIRAN 2 (MBPJ)

PBT	Tahun	Kompaun Lalulintas	Kompaun (Lain-lain)	Nilai kompaun
MBPJ	2008	453,812	16,411	816,213.00
	2009	209,291	11,519	807,652.00
	2010	364,204	15,054	1,286,109.60
	2011	402,568	20,112	1,967,039.00
	2012	443,703	89,814	7,495,868.00
	2013	476,710	26,534	7,616,192.00
	2014	324,133	18,586	6,165,760.00
	2015	343,169	30,557	6,938,103.00

LAMPIRAN 3 (MPK)

PBT	Tahun	Jumlah Kompaun Mengikut Jenis		Nilai Kompaun (RM)
MPK	2008	Trafik Lalulintas	129852	9,066,175.00
		Trafik Kenderaan Berat	1685	345,720.00
		Kompaun Kebersihan	2	1,500.00
		Jumlah	131,539	9,413,395.00
	2009	Trafik Lalulintas	139396	8,874,940.00
		Trafik Kenderaan Berat	2024	743,010.00
		Kompaun Perniagaan	452	158,085.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	17	31,750.00
		Kompaun Kebersihan	24	32,600.00
		Jumlah	141,913	9,840,385.00
	2010	Trafik Lalulintas	144119	9,987,855.00
		Trafik Kenderaan Berat	2612	1,634,150.00
		Kompaun Perniagaan	4205	4,251,206.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	272	2,709,750.00
		Kompaun Kebersihan	233	151,050.00
		Jumlah	151441	18,734,011.00
	2011	Trafik Lalulintas	95534	7,645,882.00
		Trafik Kenderaan Berat	5747	2,844,885.00
		Kompaun Perniagaan	5325	5,412,049.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	346	3,334,860.00
		Kompaun Kebersihan	471	370,970.00
		Jumlah	107423	19,608,646.00

	2012	Trafik Lalulintas	71479	10,389,335.00
		Trafik Kendaraan Berat	2501	1,584,450.00
		Kompaun Perniagaan	3576	4,263,366.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	176	2,802,350.00
		Kompaun Kebersihan	234	120,300.00
		Kompaun Penjaja	2	300.00
		Jumlah	77968	19,160,101.00
	2013	Trafik Lalulintas	172072	12,992,135.00
		Trafik Kendaraan Berat	2539	2,136,610.00
		Halangan dan lalulintas	26	4,400.00
		Kompaun Perniagaan	3624	4,509,250.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	821	9,856,556.00
		Kompaun Kebersihan	305	104,100.00
		Kompaun Penjaja	1	2,000.00
		Jumlah	179388	29,605,051.00
	2014	Trafik Lalulintas	226612	13,948,770.00
		Trafik Kendaraan Berat	1653	1,578,380.00
		Halangan & Lalulintas	3719	1,131,570.00
		Kompaun Perniagaan	2460	3,481,808.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	702	8,242,554.00
		Kompaun Kebersihan	444	164,850.00
		Kompaun Kawalan Tempat Hiburan	30	1,350,000.00
		Kompaun Pusat Siber	32	98,000.00
		Kompaun Iklan	47	83,000.00
		Kompaun Pusat Kecantikan	9	14,000.00
		Kompaun Penjaja	144	213,500.00
		Jumlah	235852	30,306,432.00

	2015	Trafik Lalulintas	233826	8,497,530.00
		Trafik Kenderaan Berat	1425	1,423,100.00
		Halangan & Lalulintas	13761	4,236,600.00
		Kompaun Perniagaan	551	409,300.00
		Kompaun Kawalan Pembangunan	291	3,070,750.00
		Kompaun Kebersihan	682	250,950.00
		Kompaun Kawalan Tempat Hiburan	5	54,500.00
		Kompaun Pusat Siber	1	1,000.00
		Kompaun Iklan	66	100,000.00
		Kompaun Pusat Kecantikan	8	8,000.00
		Kompaun Penjaja	97	88,500.00
		Jumlah	250713	18,140,230.00

LAMPIRAN 5 (MPSJ)

a) Kompaun Pelbagai

Tahun	Jumlah Kompaun Mengikut Jenis	Nilai kompaun (RM)
2008	-	-
2009	-	-
2010	16819	4,889,188.00
2011	18005	10,051,454.00
2012	15240	7,771,535.00
2013	15172	9,015,677.00
2014	17450	13,326,224.00
2015	15027	9,095,624.00

b) Kompaun Trafik

Tahun	Jumlah Kompaun Mengikut Jenis	Nilai kompaun (RM)
2008	-	-
2009	-	-
2010	208,573	16,685,840.00
2011	202,427	16,194,160.00
2012	164,402	13,152,160.00
2013	170,591	13,647,280.00
2014	196,810	15,744,800.00
2015	121,628	9,730,240.00

*Majlis tidak mempunyai rekod bagi tahun 2008 hingga 2009 memandangkan semua kes telah dibatalkan di atas sebab teknikal.

LAMPIRAN 6 (MPS)

Tahun	Jenis Kompaun	Jumlah Kompaun	Nilai Kompaun (RM)
2008	Kompaun pelbagai	4570	9430975.00
	Kompaun tunda	549	164700.00
	Kompaun tanpa tunda	4280	591600.00
2009	Kompaun pelbagai	4260	9969875.00
	Kompaun tunda	15	4500.00
	Kompaun tanpa tunda	7173	718500.00
2010	Kompaun pelbagai	4456	15438875.00
	Kompaun tunda	534	160200.00
	Kompaun tanpa tunda	7818	781751.00
2011	Kompaun pelbagai	4222	10620300.00
	Kompaun tunda	809	242700.00
	Kompaun tanpa tunda	10362	1036101.00
2012	Kompaun pelbagai	4558	10229250.00
	Kompaun tunda	1028	308400.00
	Kompaun tanpa tunda	12020	1221305.00
2013	Kompaun pelbagai	4466	14452500.00
	Kompaun tunda	458	137400.00
	Kompaun tanpa tunda	6327	642402.00
2014	Kompaun pelbagai	2448	10616900.00
	Kompaun tunda	489	146700.00
	Kompaun tanpa tunda	1925	275650.00
2015 Sehingga Sept	Kompaun pelbagai	3509	11756500.00
	Kompaun tunda	567	170100.00
	Kompaun tanpa tunda	3685	567600.00

LAMPIRAN 7 (MPKj)

JENIS KOMPAUN	JUMLAH KOMPAUN (2008-SEPT 2015)	AMAUN (RM)
PELBAGAI	160085	109,151,475.00
LALULINTAS	290460	15,855,485.00
JUMLAH	450,545	125,006,960.00

LAMPIRAN 8 (MPSp)

PBT	Tahun	Jumlah Kompaun Mengikut Jenis	Nilai kompaun (RM) (Berbayar)
	2008	6,071	486,628
	2009	6,684	568,210.00
	2010	7,910	1,181,205.00
	2011	11,392	1,246,834.00
	2012	11,690	1,497,999.00
	2013	12,725	1,392,280.00
	2014	13,553	1,399,136.00
	2015	7,240	1,053,630.00

BIL.	AKTA / UUK	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
1	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)	2643	1390	312	108	9	2	165	3	4,632
2	AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)	273	314	321	425	125	395	496	646	2,995
3	ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN (SELANGOR) 1995	1	2	9	5	7	7	3	5	39
4	ENAKMEN MENGAWAL LEMBU KERBAU 1971	0	20	5	16	18	4	12	0	75
5	UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH SEPANG) 1987	1	6	1	0	0	0	0	1	9
6	UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING (MAJLIS DAERAH SEPANG) 1996	0	1	3	0	1	0	0	0	5
7	UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS DAERAH SEPANG) 1996	0	0	0	0	3	0	0		
8	UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME (MAJLIS DAERAH SEPANG) 1993	0	1	4	1	1	1	0	0	8

9	UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MAJLIS DAERAH SEPANG) 2000	1	0	0	0	0	0	0	0	1
10	UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS DAERAH SEPANG) 1987	3	4	2	5	0	0	0	3	17
11	PERATURAN-PERATURAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN (SELANGOR) 1995	0	0	2	0	2	0	0	1	5
12	UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2005	1312	1781	1844	1924	3146	3510	4571	1965	20,053
13	UNDANG-UNDANG KECIL TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2005	0	0	0	0	0	0	2	0	2
14	AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)	369	289	334	457	388	643	92	13	2,585
15	(KEJURUTERAAN) AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)	37	8	23	53	40	28	4	2	195
16	AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)	199	259	351	560	422	272	50	1	2,114
17	UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	289	358	541	517	299	588	494	524	3,610
18	UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	237	289	429	598	796	849	688	832	4,718
19	UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	452	1021	2289	4715	3657	3514	5201	2246	23,095
20	UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	134	424	292	277	382	108	9	15	1,641
21	UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	0	3	2	1	0	0	3	9
22	UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISYEMEN MAKANAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	15	94	49	100	79	21	8	366
23	UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	83	143	258	281	255	230	63	2	1,315
24	PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	272	539	1172	1820	2190	304	35	6,332
25	UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	0	0	0	1	0	0	0	
26	UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	8	39	140	153	185	72	48	11	656
27	UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	28	48	109	72	28	47	108	48	488

28	UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	1	0	1	1	3	4	4	2	16
29	UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	0	2	0	1	3	2	2	10
30	UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	0	2	0	0	0	2	0	4
31	UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) 2007	0	0	0	1	0	0	0	0	1
32	PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (MAJLIS PERBANDARAN SEPANG) PINDAAN 2012	0	0	0	0	0	179	1213	872	2,264
	JUMLAH	6071	6684	7910	11392	11690	12725	13552	7240	77,264

LAMPIRAN 9 (MDKL)

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2009	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		1,963			1. Salah No Premis 2. Salah Nama Jalan 3. Mempunyai Permit tetapi tidak dipamirkan 4. Mempunyai kad OKU
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		137			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan					
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		191			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		833			
	UUK Hotel		8			
	UUK Iklan		318			
	UUK Pasar		20			
	UUK Mencegah Kekotoran		34			
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		213			
	UUK Pengendali Makanan		63			
	UUK Penjaja		734			
	UUK Perlesenan Etablisyemen Makanan					
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan					
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		25			
	UUK Taman		423			
	UUK Vandalisme		-			
	UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap					
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penyelidikan)					
	UUK Pusat Kecantikan		17			
Enakmen Hiburan		49				
	JUMLAH		5,028			

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2010	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		2,612			
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		756			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan					
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		509			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		701			
	UUK Hotel		8			
	UUK Iklan		272			
	UUK Pasar		15			
	UUK Mencegah Kekotoran		52			
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		239			
	UUK Pengendali Makanan		133			
	UUK Penjaja		818			
	UUK Perlesenan Establisymen Makanan					
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan					
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		5			
	UUK Taman		472			
	UUK Vandalisme		13			
	UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap					
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penyeliaan)					
	UUK Pusat Kecantikan		113			
Enakmen Hiburan		43				
	Jumlah		6,761	3,659	65	

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2011	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		3,179			
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		2,450			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan		8			
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		1009			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		718			
	UUK Hotel		268			
	UUK Iklan		270			
	UUK Pasar		37			
	UUK Mencegah Kekotoran		21			
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		218			
	UUK Pengendali Makanan		199			
	UUK Penjaja		707			
	UUK Perlesenan Establisymen Makanan		13			
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan		37			
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		11			
	UUK Taman		376			
	UUK Vandalisme		2			
	UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap		10			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penyeliaan)		7			
	UUK Pusat Kecantikan					
	Enakmen Hiburan					
	JUMLAH		9,282	6563	55	

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2012	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		1821			
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		4,642			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan		22			
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		1,882			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		544			
	Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Pindaan 1978		2			
	UUK Mencegah Kekotoran		19			
	UUK Hotel		9			
	UUK Iklan		974			
	UUK Pasar		25			
	UUK Mencegah Kekotoran					
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		328			
	UUK Pengendali Makanan		151			
	UUK Penjaja		474			
	UUK Perlesenan Establisymen Makanan		63			
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan		43			
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		13			
	UUK Taman		293			
UUK Vandalisme		2				
UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap		21				
Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penye liaan)		3				
UUK Pusat Kecantikan						
Enakmen Hiburan						
	JUMLAH		11,331	7368	40	

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2013	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		1,821			
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		3,156			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan		22			
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		,1882			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		544			
	Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Pindaan 1978		2			
	UUK Mencegah Kekotoran					
	UUK Hotel		9			
	UUK Iklan		974			
	UUK Pasar		25			
	UUK Mencegah Kekotoran		19			
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		328			
	UUK Pengendali Makanan		151			
	UUK Penjaja		474			
	UUK Perlesenan Establisymen Makanan		63			
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan		43			
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		13			
	UUK Taman		293			
	UUK Vandalisme		2			
	UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap		21			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penyelesaian)		3			
	UUK Pusat Kecantikan					
	Enakmen Hiburan					
	JUMLAH		9,845	6,133	42	

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2014	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		2,562			
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		2,799			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan		5			
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		2,563			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		924			
	Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Pindaan 1978		2			
	UUK Mencegah Kekotoran		41			
	UUK Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian		1			
	UUK Hotel		1			
	UUK Iklan		1,412			
	UUK Pasar					
	UUK Mencegah Kekotoran					
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		134			
	UUK Pengendali Makanan		60			
	UUK Penjaja		506			
	UUK Perlesenan Establisymen Makanan		22			
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan					
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		6			
	UUK Taman		416			
	UUK Vandalisme		85			
	UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap		33			
Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penye liaan)		5				
UUK Pusat Kecantikan		32				
JUMLAH			11,609	5,678	36	

TAHUN	JENIS KOMPAUN	NILAI KOMPAUN	JUMLAH KOMPOUN	JUMLAH KOMPOUN YANG TIDAK BERBAYAR	JUMLAH KOMPUN DIBATALKAN	SEBAB-SEBAB DIBATALKAN
2015	Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974		665			
	Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976		1257			
	Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan					
	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)		1617			
	UUK Tred Perniagaan Dan Perindustrian		605			
	Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Pindaan 1978					
	UUK Mencegah Kekotoran					
	UUK Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian		1			
	UUK Hotel		2			
	UUK Iklan		2046			
	UUK Pasar		9			
	UUK Mencegah Kekotoran		5			
	UUK perlesenan Anjing & Rumah Pembiakan		56			
	UUK Pengendali Makanan					
	UUK Penjaja		793			
	UUK Perlesenan Establisymen Makanan		8			
	UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan		14			
	UUK Pusat Siber & Kafe Siber		1			
	UUK Taman		341			
	UUK Vandalisme		11			
UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap		13				
Peraturan Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker & Vedio)(Kawalan&Penyelesaian)		47				
Enakmen Hiburan		8				
	JUMLAH		7,535	5,129	17	

LAMPIRAN 10 (MDHS)

BIL	JENIS KESALAHAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI	JUMLAH KOMPAUN	JUMLAH NILAI TAHUN 2008 RM
1	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)	24	12,000
2	AKTA JALAN,PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)	2095	13,349,500
3	UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MDHS) 2007	1637	1,637,000
4	UNDANG-UNDANG KECIL TRED PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MDHS) 2007	1623	1,623,000
5	UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MDHS) 2007	499	499,000
6	UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MDHS) 2007	7	7,000
7	UNDANG-UNDANGKECIL PELESENAN ESTABLISYEMEN MAKANAN (MDHS) 2007	198	198,000
8	ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN (PINDAAN) 1998	41	1,025,000
9	UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SIBER & KAFE SIBER (MDHS) 2007	43	43,000
10	UNDANG-UNDANG KECIL PERLESENAN ANJING & RUMAH PEMBIAKAN ANJING (MDHS) 2007	242	242000
11	UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP (MDHS) 2007	30	30,000
12	ENAKMEN MENGAWAL LEMBU-KERBAU 1971	7	1,750
13	UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MDHS) 2007	63	1,575,000

14	UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MDHS) 2005	244	244,000
15	UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MDHS) 2007	5	5,000
16	UNDANG-UNDANG KECIL 44 (PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN) 2007	0	0
17	UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN & PENJAGAAN KESIHATAN (MDHS) 2007	2	2,000
18	UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MDHS) 2007	5	5,000
19	UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN (MDHS) 2007	3	3,000
	JUMLAH	6768	20,501,250

LAMPIRAN 11 (MDKS)

1. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2008

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	1	-
2	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	161	3,740
3	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	716	36,290
4	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	334	16,715
5	UUK PENJAJA 2007	386	16,930
6	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	44	1,180
7	UUK SAMPAH SARAP 2007	1	-
8	UUK IKLAN 2007	273	3,900
9	UUK ANJING 2007	9	260
10	UUK TAMAN 2007	26	500
	JUMLAH KESELURUHAN	1,951	79,515

2. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2009

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	1	100
2	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	332	5,160
3	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	942	45,274.99
4	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	386	20,410
5	UUK PENJAJA 2007	679	18,495
6	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	67	3,145
7	UUK SAMPAH SARAP 2007	3	150
8	UUK IKLAN 2007	159	3,280
9	UUK ANJING 2007	14	360
10	UUK TAMAN 2007	29	1,050
11	UUK PUSAT SIBER & CAFÉ SIBER 2007	13	3,200
	JUMLAH KESELURUHAN	2,625	100,624.99

3. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2010

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	1	-
2	PERATURAN TEMPAT HIBURAN	2	50
3	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	107	2,070
4	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	666	36,610
5	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	516	31,975
6	UUK PENJAJA 2007	499	14,725
7	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	84	2,920
8	UUK SAMPAH SARAP 2007	4	100
9	UUK IKLAN 2007	70	4,030
10	UUK ANJING 2007	4	150
11	UUK TAMAN 2007	31	820
12	UUK PUSAT SIBER & CAFÉ SIBER 2007	18	5,870
13	UUK HOTEL 2007	1	50
14	UUK PASAR 2007	2	30
15	UUK PUSAT KECANTIKAN 2007	2	1,300
	JUMLAH KESELURUHAN	2,007	100,700

4. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2011

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	2	-
2	PERATURAN TEMPAT HIBURAN	4	1,000
3	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	75	3,300
4	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	562	33,300
5	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	598	30,710
6	UUK PENJAJA 2007	571	20,340
7	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	111	3,600
8	UUK SAMPAH SARAP 2007	7	100
9	UUK IKLAN 2007	152	5,320
10	UUK ANJING 2007	7	140
11	UUK TAMAN 2007	132	4,770

12	UUK PUSAT SIBER & CAFÉ SIBER 2007	27	1,560
13	UUK KEDAI GUNTING 2007	4	300
14	UUK PUSAT KECANTIKAN 2007	1	-
	JUMLAH KESELURUHAN	2,253	104,540

5. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2012

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	2	100
2	PERATURAN TEMPAT HIBURAN	1	1,000
3	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	77	4,130
4	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	736	44,800
5	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	668	45,475
6	UUK PENJAJA 2007	901	18,262
7	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	48	1,950
8	UUK ESTABLIYSMEN MAKANAN 2007	2	50
9	UUK SAMPAH SARAP 2007	1	5150
10	UUK IKLAN 2007	163	7,428
11	UUK HOTEL 2007	4	700
12	UUK ANJING 2007	24	750
13	UUK PUSAT SIBER & KAFE SIBER 2007	11	900
14	PERATURAN PENGANGKUTAN JALAN 1987	17	190
15	UUK TAMAN 2007	48	2,600
16	UUK PUSAT KECANTIKAN & PENJAGAAN 2007	4	2,050
	JUMLAH KESELURUHAN	2,707	129,635

6. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2013

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	3	100
2	PERATURAN TEMPAT HIBURAN	3	100
3	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	51	3,490
4	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	610	68,010

5	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	663	78,785
6	UUK PENJAJA 2007	914	15,770
7	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	124	12,180
8	UUK SAMPAH SARAP 2007	3	700
9	UUK IKLAN 2007	154	20,930
10	UUK ANJING 2007	10	190
11	UUK TAMAN 2007	26	1,600
12	UUK PUSAT SIBER & CAFÉ SIBER 2007	39	3,150
13	UUK KEDAI GUNTING 2007	2	50
14	UUK PUSAT KECANTIKAN 2007	2	-
15	UUK HOTEL 2007	1	200
16	UUK ESTABLISYEMEN MAKANAN 2007	4	50
17	UUK PASAR 2007	2	400
18	PERATURAN PENGANGKUTAN JALAN 1987	26	750
	JUMLAH KESELURUHAN	2,636	206,445

7. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2014

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	21	1,950
2	PERATURAN TEMPAT HIBURAN	1	-
3	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	39	2,450
4	AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974	677	107,730
5	PERATURAN PENGANGKUTAN JALAN 1987	152	4,020
6	UUK PERLESENAN, TRED DAN PERINDUSTRIAN 2007	470	52,700
7	UUK PENJAJA 2007	1,200	28,280
8	UUK IKLAN 2007	217	24,900
9	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	50	5,050
10	UUK SAMPAH SARAP 2007	41	4,050
11	UUK ESTABLIYSMEN MAKANAN 2007	41	4,500
12	UUK HOTEL 2007	4	900
13	UUK ANJING 2007	22	4,000

14	UUK PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER 2007	43	2,700
15	UUK PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN 2013	1	300
16	UUK PERLESENAN LETAK KERETA PERSENDIRIAN 2005	2	-
17	UUK PASAR 2007	16	1,540
18	UUK TAMAN 2007	55	3,550
19	UUK PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN 2013	14	750
20	UUK BURUNG WALIT 2013	2	-
	JUMLAH KESELURUHAN	3,079	249,370

8. LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2015

BI L	UUK	JUMLAH	TOTAL (RM)
1	ENAKMEN HIBURAN 1995	6	150
3	AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	15	250
4	AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974	398	41,000
5	PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN 2007	560	7,620
6	UUK PELESENAN, TRED & PERINDUSTRIAN 2007	299	26,800
7	UUK PENJAJA 2007	948	11,370
8	UUK PENGENDALIAN MAKANAN 2007	35	1,750
9	UUK PASAR 2007	8	150
10	UUK SAMPAH SARAP 2007	23	2,050
11	UUK IKLAN 2007	59	4,680
12	UUK HOTEL 2013	2	100
13	UUK PUSAT SIBER & KAFE SIBER 2007	10	-
14	UUK TAMAN 2007	56	2,510
15	UUK ESTABLISYEMEN MAKANAN 2007	49	3,900
16	UUK PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN 2013	1	-
17	UUK PUSAT KECANTIKAN & PENJAGAAN 2013	18	1,150
	JUMLAH KESELURUHAN	2,500	104,310

LAMPIRAN 12 (MDSB)

PBT	Tahun	Jumlah Kompaun Mengikut Jenis	Nilai kompaun
	2008	Burung Walit - 98 Penjaja - 296 Kakilima - 125 Bangunan - 203 Hiburan - 16 Halangan - 66 Taman - 9	RM109,220.00
	2009	Burung Walit - 82 Penjaja - 311 Lesen Perniagaan -192 Kakilima - 213 Bangunan - 169 Hiburan - 13 Halangan - 104 Taman - 25	RM214,450.00
	2010	Burung Walit - 154 Penjaja - 398 Lesen Perniagaan - 108 Kakilima - 109 Bangunan - 148 Hiburan - 40 Halangan - 101 Taman - 19 Iklan - 9	RM256,400.00
	2011	Burung Walit - 343 Penjaja - 442 Lesen Perniagaan - 109 Kakilima - 109 Bangunan - 121 Hiburan - 60 Halangan - 8 Taman - 5 Iklan - 9	RM310,235.00
	2012	Burung Walit - 470 Penjaja - 314	RM66,810.00

		Lesen Perniagaan - 70 Kakilima - 54 Bangunan - 14 Hiburan - 99 Halangan - 38 Taman - 7 Iklan - 15 Tong Sampah / Sampah - 17	
	2013	Burung Walit - 349 Penjaja - 347 Lesen Perniagaan - 142 Kakilima - 103 Bangunan - 76 Hiburan - 97 Halangan - 13 Taman - 13 Iklan - 13	RM93,435.00
	2014	Burung Walit - 33 Penjaja - 346 Lesen Perniagaan - 123 Kakilima - 30 Bangunan - 77 Hiburan - 54 Halangan - 27 Taman - 8 Iklan - 3 Tong Sampah / Sampah - 16	RM151,995.00
	2015	Penjaja - 275 Lesen Perniagaan - 131 Kakilima - 32 Bangunan - 86 Hiburan - 11 Sampah - 6 Taman - 5 Iklan - 8	RM81,630.00

TAJUK : KOMPAUN PBT

JAWAPAN BAHAGIAN B

LAMPIRAN 13 (MBSA)

Tahun	Jumlah Kompaun Yang Tidak Berjaya	Jumlah Kompaun Yang Dibatalkan	Sebab Kompaun Dibatalkan
2008	9352	719	<ul style="list-style-type: none">• Antara Sebab-Sebab Kompaun Dibatalkan Adalah Seperti Berikut :<ol style="list-style-type: none">1. Masalah PDA2. Masalah Teknikal (Kesilapan Tarikh, Masa, Kategori Kesalan Dan Lain-Lain)
2009	9918	452	
2010	10970	561	
2011	17856	478	
2012	20905	444	
2013	21792	394	
2014	32864	455	
2015	48607	307	

LAMPIRAN 14 (MBPJ)

PBT	Jumlah kompaun yang tidak membayar	Jumlah kompaun yang dibatalkan	Sebab dibatalkan
MBPJ	282,002	6,659	Kesilapan-kesilapan teknikal

LAMPIRAN 15 (MPK)

PBT (MPK)	Jumlah kompaun yang tidak berbayar	Jumlah kompaun yang dibatalkan	Sebab dibatalkan
2008	127225	352	1) Mempamerkan tiket letak kereta yang sah. 2) Mempamerkan kupon letak kereta yang sah. 3) Mempamerkan pas bulanan yang sah. 4) Mesin bayar dan peraga rosak. 5) Orang Kurang Upaya. 6) Tugas rasmi agensi kerajaan. 7) Pemilik kenderaan motor meninggal dunia. 8) Kenderaan motor dicuri. 9) Kenderaan motor sudah dijual. 10) Model kenderaan berbeza. 11) Kecemasan. 12) Kompaun ralat. 13) Memiliki lesen yang sah.
2009	134986	125	
2010	141662	129	
2011	97543	249	
2012	49409	2478	
2013	119332	3814	
2014	168138	1067	
2015	194057	592	

LAMPIRAN 16 (MPAJ)

TAHUN 2008		TAHUN 2009		TAHUN 2010		TAHUN 2011		TAHUN 2012		TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015		SEBAB-SEBAB PEMBATALAN
TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	TIDAK BAYAR	BATAL	
50,999	61.00	56,532.00	267.00	52,184.00	536.00	99,199.00	1,296.00	98,205.00	376.00	95,147.00	404.00	128,855.00	497.00	61,291.00	404.00	* WARGA EMAS * ORANG KURANG UPAYA (OKU) * PELAJAR * TIDAK BERLKEMAMPUAN * BUDI BICARA / BERDASARKAN RAYUAN

LAMPIRAN 17 (MPSJ)

a) Kompaun Pelbagai

PBT	TAHUN	Jumlah kompaun yang tidak berbayar	Jumlah kompaun yang dibatalkan	Sebab dibatalkan
MPSJ	2008	3,680	38	<ul style="list-style-type: none"> • ADA LESEN / PERMIT PERNIAGAAN • ADA LESEN / PERMIT IKLAN • KESILAPAN TEKNIKAL • KOMPAUN BERTINDIH
	2009	5,171	108	
	2010	8,246	108	
	2011	9,778	106	
	2012	5,707	140	
	2013	5,146	70	
	2014	7,387	155	
	2015	11,365	85	

b) Kompaun Trafik

PBT	Tahun	Jumlah kompaun yang tidak berbayar	Jumlah kompaun yang dibatalkan	Sebab dibatalkan
MPSJ	2008	174,128	695	<ul style="list-style-type: none"> • POLISI 3MINIT • ADA TIKET (DALAM TEMPOH) • RESIDENCE • MESIN TIKET ROSAK • KOMPAUN BERTINDIH • NO. KENDERAAN BERBEZA • JENIS KENDERAAN BERBEZA • ADA PAS BULANAN • KESILAPAN KOD KESALAHAN • KESILAPAN TEKNIKAL
	2009	171,506	1,436	
	2010	166,816	1,816	
	2011	135,292	2,392	
	2012	121,362	1,644	
	2013	123,675	1,698	
	2014	147,880	1,764	
	2015	93,144	300	

**Majlis tidak mempunyai rekod bagi tahun 2008 hingga 2009 memandangkan semua kes telah dibatalkan di atas sebab teknikal.

LAMPIRAN 18 (MPS)

Tahun	Jumlah Kompaun Yang Tidak Berbayar	Jumlah Kompaun Yang Dibatalkan	Sebab Dibatalkan
2008	3722	843	Pelbagai sebab 1. OKK mempunyai lesen/permit/kebenaran yang sah 2. Budibicara pegawai 3. Kesilapan teknikal (salah tarikh/masa/maklumat kesalahan etc
2009	6373	585	
2010	7157	604	
2011	9621	500	
2012	11569	351	
2013	7651	260	
2014	2701	180	
2015 Sehingga sept	5136	105	

LAMPIRAN 19 (MPKj)

Jumlah Kompaun Tidak Berbayar (2008 - Sept 2015)	388,909
Jumlah Kompaun Yang Dibatalkan (2008 Sept 2015)	6,855

Antara sebab-sebab pembatalan kompaun

- i. Orang kena kompaun ada tiket letak kereta yang sah
- ii. Sedang menjalankan urusan / tugas rasmi kerajaan
- iii. Orang kena kompaun mempunyai pas bulanan yang sah
- iv. Mesin tiket rosak
- v. Lesen perniagaan telah diluluskan / diperbaharui
- vi. Kompaun bertindih
- vii. Kesalahan teknikal
- viii. Butiran orang kena kompaun tidak lengkap
- ix. Permohonan pembatalan dari jabatan penguatkuasa
- x. Permohonan / ulasan dari jabatan pelesenan
- xi. Kompaun yang dikeluarkan bukan pada pesalah

LAMPIRAN 20 (MPSp)

Jumlah kompaun yang tidak berbayar	Jumlah kompaun yang dibatalkan	Sebab dibatalkan
23,303	4247	<ul style="list-style-type: none">- Kesilapan Teknikal- Alamat Tidak lengkap- OKK telah mendapat kelulusan Majlis- Kesilapan semasa merekod data- Kompaun dikeluarkan kepada Bukan pesalah- OKK telah meninggal Dunia- Permohonan/ Ulasan dari Jabatan Penguat kuasa , Bangunan, Kejuruteraan, Pelesenan- OKK berpindah- Alamat tidak diketahui

LAMPIRAN 21 (MDKL)

SEPERTI DI LAMPIRAN 9

LAMPIRAN 22 (MDHS)

Nyatakan jumlah kompaun yang tidak berbayar dari tahun 2008 sehingga september 2015

= 2708 KOMPAUN

Nyatakan jumlah kompaun yang telah dibatalkan berserta dengan sebabnya dari tahun 2008 sehingga september 2015

= 76 KOMPAUN

- kompaun dibatalkan kerana terdapat kesilapan dalam pengeluaran kompaun
- kompaun dibatalkan kerana OKK mempunyai permit ubahsuai bangunan
- kompaun dibatalkan kerana OKK mempunyai lesen/ permit perniagaan

LAMPIRAN 23 (MDKS)

Tahun	Jumlah Kompaun Yang Tidak Berjaya	Jumlah Kompaun Yang Dibatalkan	Sebab Kompaun Dibatalkan
2008	565	65	<ul style="list-style-type: none">- telah mempunyai lesen perniagaan- kesilapan kompaun- telah mempunyai permit- telah mendapat kebenaran berniaga- kesilapan alamat OKK
2009	984	84	<ul style="list-style-type: none">- telah mempunyai lesen perniagaan- kesilapan kompaun- telah mempunyai permit- telah mendapat kebenaran berniaga
2010	659	97	<ul style="list-style-type: none">- telah mempunyai lesen perniagaan- kesilapan kompaun- telah mempunyai permit- telah mendapat kebenaran berniaga
2011	797	58	<ul style="list-style-type: none">- telah mempunyai lesen perniagaan- kesilapan kompaun- telah mempunyai permit- telah mendapat kebenaran berniaga
2012	1,032	100	<ul style="list-style-type: none">- telah mempunyai lesen perniagaan- kesilapan kompaun- telah mempunyai permit- telah mendapat kebenaran berniaga

2013	937	124	<ul style="list-style-type: none"> - telah mempunyai lesen perniagaan - kesilapan kompaun - telah mempunyai permit - telah mendapat kebenaran berniaga
2014	1,545	68	<ul style="list-style-type: none"> - telah mempunyai lesen perniagaan - kesilapan kompaun - telah mempunyai permit - telah mendapat kebenaran berniaga - kesilapan kemasukan data
2015 (Sehingga bulan September)	1,480	29	<ul style="list-style-type: none"> - telah mempunyai lesen perniagaan - kesilapan seksyen / kesalahan - kesilapan kompaun - telah mempunyai permit - telah mendapat kebenaran berniaga - kesilapan kemasukan data

LAMPIRAN 24 (MDSB)

Jumlah kompaun yang tidak membayar	Jumlah kompaun yang dibatalkan	Sebab kompaun dibatalkan
3143	158	Masalah teknikal dalaman

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Proses permohonan sekali setahun, apakah punca lewat bayaran kedua dan seterusnya manfaat tunas masih berlaku?
- b) Adakah skim bantuan sokongan pembangunan kepada tadika terlibat dalam tunas ?
- c) Apakah ada peraturan dan syarat-syarat pembatalan kelayakan tadika dibawah skim ini?

JAWAPAN:

- a) Permohonan Skim Tunas Selangor Telah Ditutup Pada Awal Mac 2015 Dan Jumlah Permohonan Diterima Melebihi 10,000 permohonan ketika itu, namun proses permohonan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan untuk dihantar ke unit pendidikan Bahagian Sumber Manusia bagi proses kelulusan bayaran selanjutnya.

Pembayaran dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- I. Bayaran Fasa 1 Bagi Bulan Januari – Mac 2015 – Diserahkan Pada April 2015
 - II. Bayaran Fasa 2 Bagi Bulan April – Jun 2015 – Diserahkan Pada Ogos 2015
 - III. Bayaran Fasa 3 Bagi Bulan Julai – Ogos 2015 – Diserahkan Pada Oktober 2015
 - IV. Bayaran Fasa 4 Bagi Bulan September – November 2015 – diserahkan pada bulan November.
- b) Bantuan sokongan yang diberikan kepada tadika yang terlibat dengan Skim TUNAS ialah Pembangunan Kemahiran dan Peningkatan Profesionalisme seperti Kursus Jati diri Guru- Guru Tadika Selangor, Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran, Bengkel Persediaan Konvokesyen, Bengkel Pensijilan Kurikulum Sepadu Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) kepada Guru-guru Tadika Selangor dan program pembangunan Pendidikan Awal Kanak-kanak Selangor Seperti Program Simulasi Haji Cilik Perdana, Sambutan Hari Tadika Selangor Dan Banyak Lagi.

- c) Tadika akan hilang kelayakan di bawah skim ini sekiranya didapati tadika yang terlibat telah menyalahi undang-undang di bawah Akta kanak-kanak mahupun Akta pendidikan negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : TEMPAT TEMPAT PERNIAGAAN DI IJOK

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tempat2 perniagaan seperti R&R di kampung Harmoni, gerai terbiar di Bistari Jaya seperti "hidup segan mati tak mau".
- b) Apakah langkah PBT untuk menghidupkan semula tempat perniagaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak MDKS pernah membuka tawaran kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menguruskan Medan Selera Bestari Jaya tersebut dengan tawaran pengecualian sewaan untuk tempoh tertentu. Walau bagaimanapun, maklumbalas mendukacitakan dan tawaran masih dibuka sehingga kini.

Pihak MDKS sedang dalam perancangan dan tindakan untuk mengumpulkan gerai-gerai haram sekitar Bestari Jaya dan akan ditempatkan di lokasi berkenaan.

Pihak MDKS telah mengenalpasti punca suasana suram di R&R Ijok iaitu kurangnya pencahayaan pada waktu malam di kawasan tersebut dan hanya 2 unit gerai sahaja yang berniaga pada waktu malam. Baki gerai hanya buka dan beroperasi pada waktu siang sahaja. Oleh yang demikian, pihak MDKS akan mengkaji semula faktor infrastruktur seperti taman permainan, pencahayaan dan papan tanda arah R&R berlampu pada waktu malam.

Pihak MDKS akan memperbanyakkan lagi promosi sewaan premis kosong di dalam Website MDKS dan Banner di kawasan sekitar premis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BANTUAN RUMAH UNTUK BEKAS PEKERJA LADANG

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bekas pekerja ladang yang masih belum menerima bantuan rumah mengikut kawasan?
- b) Apakah syarat dan kelayakan yang ditetapkan untuk memohon bantuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik persoalan yang dikemukakan oleh Y.B. Jeram berhubung perancangan untuk membantu bekas pekerja ladang di Negeri Selangor terutamanya yang telah bersara untuk mencari dan memiliki perumahan baru.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor setakat ini belum mempunyai program bantuan khusus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara untuk mendapatkan rumah selepas mereka bersara.

Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah perumahan ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang – ladang di seluruh Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu mendapatkan jalan penyelesaian yang terbaik dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat.

Dalam membela nasib bekas pekerja ladang, kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad namun melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemilik ladang bagi pembangunan kawasan perladangan khusus bagi bekas pekerja ladang dengan mengambil kira syarat – syarat yang ditetapkan oleh “*Estate Land Board*” (ELB).

Kerajaan Negeri komited menjaga nasib bekas pekerja ladang di ladang – ladang sebaik mungkin seperti:

- 1) **Ladang Bukit Rajah** - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka

untuk mendapatkan tapak kuil dan dewan komuniti sebagai kemudahan kepada mereka ;

- 2) **Ladang Bangi** - Seramai 22 orang bekas pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh majikan mereka untuk membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri. ;
- 3) **Taman Permata Dengkil** - Kerajaan Negeri telah menyerahkan 30 ekar kepada Kerajaan Pusat bagi pembinaan rumah kepada 393 orang pekerja ladang bekas pekerja ladang dari kawasan Putrajaya. ;
- 4) **Ladang Duneden** - Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat. ;
- 5) **Ladang Tumbok** - Kerajaan Negeri telah berjaya membantu seramai 12 orang bekas pekerja ladang dalam memiliki rumah dan tapak rumah. ;
- 6) **Ladang Semenyih** - Kerajaan Negeri melalui perbincangan dengan majikan dan pemilik ladang berkenaan telah berjaya membantu mendapatkan rumah teres 2 tingkat dengan diskaun kepada 25 bekas pekerja ladang, tempat beribadat dan juga tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) diperbesarkan. ;
- 7) **Ladang Dusun Durian** - Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan pembatalan "Rezab Melayu" yang telah dijadikan sebagai tapak perumahan kepada bekas pekerja ladang 109 orang serta tempat beribadat.

Sehubungan dengan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan bina baru rumah serta bantuan baikpulih rumah melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor. Di bawah program ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membantu beberapa bekas pekerja ladang yang mempunyai tanah di atas milik sendiri untuk membina sebuah rumah yang selesa untuk didiami selaras dengan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan nasib bekas pekerja ladang kerana golongan ini dianggap terpinggir dan tumpuan lebih harus diberikan kepada mereka dalam memastikan kebajikan mereka dijaga.

- b) Tiada bantuan yang dikhususkan untuk memberi rumah kepada bekas pekerja ladang. Namun begitu, di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin boleh dipohon oleh semua rakyat Negeri Selangor termasuk bekas pekerja ladang selaras dengan syarat dan kelayakan seperti berikut :

Syarat- syarat memohon Program Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut:

- 1 Terbuka kepada **Anak Selangor** atau pemohon yang bermastautin di Negeri Selangor **melebihi daripada 15 tahun**.
- 2 Pemohon-pemohon yang **bukan kelahiran Negeri Selangor** mestilah dibuktikan telah menduduki kawasan berkenaan tidak kurang daripada **lima belas (15) tahun**. Bukti diperoleh daripada ADUN Kawasan, Penghulu Mukim berkenaan, JKKK serta Ketua Kampung kawasan berkenaan;
- 3 Pendapatan isi rumah pemohon hendaklah **di bawah RM1,500.00** sebulan;
- 4 Umur pemohon adalah di antara **45 tahun hingga 75 tahun** sahaja kecuali Orang Kurang Upaya (OKU);
- 5 Hanya **ketua keluarga sahaja yang layak memohon dan** ketua keluarga mestilah merupakan ketua keluarga bagi **isteri pertama** sahaja;
- 6 Hanya **satu keluarga sahaja** yang layak menerima bantuan rumah;
- 7 Keadaan rumah pemohon adalah daif dan tidak sesuai untuk diduduki. **Kerosakan asas** sahaja akan dipertimbangkan untuk tujuan baikpulih;
- 8 Rumah pemohon mestilah berada di kawasan perkampungan tradisi / kampung baru / tanah lot persendirian yang mana rumah tersebut di atas tanah milik sendiri / tanah T.O.L (Temporary Occupation License) yang diberi kebenaran oleh Pejabat Tanah Daerah.
- 9 **Mempunyai tapak untuk membina kediaman baru**. Kedudukan tapak mestilah berdekatan dengan punca bekalan air dan elektrik dan bukan kawasan banjir. Sekiranya tapak tiada punca air dan elektrik, penerima bantuan bersetuju untuk menanggung kos pemasangan bekalan air dan elektrik;

- 10 Bagi bantuan bina baru, rumah pemohon perlu **dirobuhkan**;
- 11 Pemohon dikehendaki untuk **melampirkan surat kebenaran menduduki / suratkuasa menduduki** daripada tuan / pemilik tanah sekiranya tanah bukan hakmilik pemohon;
- 12 Terdapat bukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya;
- 13 Pemohon yang memperoleh **Tanah Kurniaan Kerajaan tidak akan dipertimbangkan** untuk bantuan rumah;
- 14 Rumah yang **sedang dalam pembinaan atau terbengkalai** tidak akan dipertimbangkan;
- 15 **Pemohon yang menumpang tidak layak dipertimbangkan**;
- 16 Mangsa bencana alam yang telah mendapat bantuan baik pulih rumah daripada Lembaga Zakat Selangor atau Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor **tidak layak** menerima bantuan rumah Program KerajaanPrihatin;
- 17 Pemohon yang berjaya adalah tertakluk untuk pemulangan surat penerimaan tawaran bantuan rumah dalam **tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat tersebut**;
- 18 Semua keputusan permohonan bergantung kepada pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan yang bersidang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : DASAR DAN GARISPANDUAN MENGENAI BAYARAN DIVIDEN OLEH
SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah syarikat-syarikat kerajaan telah mengikut peraturan bayaran dividen seperti yang tertakluk dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993?
- b) Jika ya, berapakah jumlah bayaran yang telah dikutip sejak tahun 2004?
- c) Jika tidak, nyatakan sebab dan penyelesaian yang akan diambil.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Merujuk kepada Para 5, Pekeliling Perbendaharaan Bil 11 Tahun 1993 seperti berikut:-

"5. PEMAKAIAN OLEH KERAJAAN NEGERI

5.1 Semua Kerajaan Negeri adalah **diminta** untuk mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke 69 pada 10 hb Jun 1993 yang telah menerima semua keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan."

Berdasarkan Para 5 Pekeliling tersebut, Pihak Berkuasa Negeri diberikan **opsyen** sama ada untuk menerima pakai atau tidak menerima pakai pekelling tersebut. Hasil semakan sehingga kini, Pihak Berkuasa Negeri memutuskan untuk tidak mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil 11 Tahun 1993 tersebut.

Dividen adalah pengagihan sebahagian keuntungan syarikat kepada pemegang saham berdasarkan peratusan saham yang dimiliki. Setiap pembayaran dividen / bonus mestilah diisytiharkan.

Walaupun Pekeliling Perbendaharaan Bil 11 Tahun 1993 tidak diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor, namun terdapat Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang

telah membayar dividen kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) seperti berikut:-

Badan Berkanun biasanya tidak membuat bayaran dalam bentuk dividen kepada Kerajaan kerana penubuhan Badan Berkanun bukan dalam bentuk pegangan saham.

Selain daripada pembayaran dividen, Anak Syarikat dan Badan Berkanun turut memberikan sumbangan kepada program-program rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Contoh **sebahagian sumbangan** Anak Syarikat dan Badan Berkanun dalam program-program anjuran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

BIL	ANAK SYARIKAT	TAHUN KEWANGAN / DIVIDEN DIBAYAR (RM)	JUMLAH DIVIDEN TAHUN 2008 - 2015 (RM)
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad	2004 – 864,000 2005 - 864,000 2006 - 864,000 2007 - 864,000 2008 – 864,000 2009 – 900,000 2010 – 1,800,000 2011 – 1,800,000 2012 – 1,800,000 2013 – 1,800,000 2014 - 1,800,000 2015 - TIADA	*14,220,000
2	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2008 – TIADA 2009 – 3,500,000 2010 – 14,000,000 2011 – 6,000,000 2012 – 6,000,000 2013 – 15,000,000 2014 – TIADA 2015 - TIADA	*44,500,000
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (MSNS Holdings Sdn Bhd)	2008 - TIADA 2009 - TIADA 2010 - TIADA 2011 - TIADA 2012 - TIADA 2013 – 34,000 2014 - 49,000 2015 - TIADA	*83,000

BIL	ANAK SYARIKAT	NAMA PROGRAM	SUMBANGAN (RM)	JUMLAH
1.	KDEB	Program Rangsangan Tanggungjawab Masyarakat Selangor (RTMS) 2015	416,400.00	2,463,946.00
		Program Rangsangan Sukan Selangor (RSS) 2015	1,431,428.00	
		Program Rangsangan Usahawan Selangor (RUS) 2015	616,118.00	
2.	PNSB	Sumbangan Penajaan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) Bagi Musim 2015	5,000,000.00	6,000,000.00
		Jumlah Sumbangan Dan Tuntutan Bagi Tabung Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis (TPTAA) 2015	1,000,000.00	
2.	KSSB	Sumbangan Penajaan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) Bagi Musim 2015	5,000,000.00	5,000,000.00
		Jumlah Sumbangan Dan Tuntutan Bagi Tabung Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis (TPTAA) 2015	500,000.00	
3.	MBI	Jumlah Sumbangan Dan Tuntutan Bagi Tabung Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis (TPTAA) 2015	500,000.00	4,500,000.00
		Sumbangan Penajaan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) Bagi Musim 2015	4,000,000.00	
4.	PKNS	Jumlah Sumbangan Dan Tuntutan Bagi Tabung Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis (TPTAA) 2015	1,000,000.00	1,000,000.00
5.	PKPS	Jumlah Sumbangan Dan Tuntutan Bagi Tabung	500,000.00	500,000.00

BIL	ANAK SYARIKAT	NAMA PROGRAM	SUMBANGAN (RM)	JUMLAH
		Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis (TPTAA) 2015		
6.	WHB	Jumlah Sumbangan Dan Tuntutan Bagi Tabung Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis (TPTAA) 2015	1,000,000.00	1,000,000.00

Sebagai langkah yang lebih komprehensif, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) baru-baru ini telah menubuhkan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) bagi membantu Kerajaan Negeri dalam menstrukturkan semula fungsi dan peranan anak syarikat. Perancangan ini dijangkakan dapat mengukuhkan lagi strategi korporat serta tadbir urus syarikat yang seterusnya dapat mencadangkan dasar yang bersesuaian kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pulangan kepada pelaburan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PREMIS PERNIAGAAN TANPA KEBENARAN DI SEPANJANG JALAN-
JALAN DI SELANGOR**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faedah yang diperolehi oleh kerajaan negeri. Jika tiada, apakah tindakan yang diambil
- b) Nyatakan jumlah premis-premis tersebut mengikut PBT
- c) Berapakah anggaran kerugian yang ditanggung oleh kerajaan dalam mengendalikan penyelenggaraan, contoh kutipan sampah

JAWAPAN:

- a) Tiada faedah secara langsung yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor apabila wujud premis perniagaan tanpa kebenaran di sepanjang jalan-jalan. Malah premis perniagaan tanpa kebenaran yang berada di sepanjang jalan-jalan ini boleh mendatangkan isu kesesakan trafik, keselamatan pengguna jalan dan masalah kebersihan. Sehubungan itu, PBT boleh mengenakan lesen premis perniagaan bagi tujuan pemutihan atau pun mengambil tindakan penguatkuasaan.

b) dan c)

Jumlah premis perniagaan tanpa kebenaran yang didapati di tepi jalan adalah sebanyak **2964** dan anggaran kerugian dalam mengendalikan penyelenggaraan setahun adalah sebanyak **RM3,676,755.00**. Pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Jumlah Premis Perniagaan Tanpa Kebenaran Di Tepi Jalan Dari Januari hingga September 2015	Anggaran Kerugian Setahun (RM)
1.	MBSA	152	1,491,015.00
2.	MBPJ	Tiada	Tidak dianggarkan
3.	MPSJ	Tiada	Tidak dianggarkan
4.	MPS	618	Tidak dianggarkan
5.	MPKj	798	Tidak dianggarkan
6.	MPK	661	1,500,000.00
7.	MPAJ	120	24,000.00
8.	MPSp	115	271,740.00
9.	MDKS	190	360,000.00
10.	MDKL	250	Tidak dianggarkan
11.	MDSB	38	Tidak dianggarkan
12.	MDHS	22	30,000.00
JUMLAH		2964	3,676,755.00

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEBAJIKAN WANITA

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kedapatan peningkatan kes perceraian di Selangor, nyatakan kes bagi tahun 2013-2015 (mahkamah syariah dan civil)?
- b) Berapakah kes tertunggak? Kenapakah ianya tidak dapat di tanggani?
- c) Apakah bantuan yang diberikan kepada wanita yang sedang dalam proses perceraian dan memastikan kes mereka diwakili?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memandang serius dengan isu dan permasalahan institusi kekeluargaan khususnya bagi rakyat di Negeri Selangor. Kes perceraian melibatkan dua (2) institusi keluarga, penganut agama islam dan bukan yang beragama Islam.

Kes perceraian dikalangan orang islam (Mahkamah Syariah) bagi tahun 2013 hingga 2015 di Negeri Selangor adalah seperti jadual di bawah:

TAHUN	JENIS KES PEMBUBARAN PERKAHWINAN	DAFTAR
2013	Tuntutan Fasakh	1433
	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	3855
	Tuntutan Perceraian	4591
	Tuntutan Khuluq / Tebus Talak	37
	Tuntutan Pengesahan Cerai Takliq	238
	Tuntutan Sabitan Nusyuz	149
JUMLAH KESELURUHAN		10303

TAHUN	JENIS KES PEMBUBARAN PERKAHWINAN	DAFTAR
2014	Tuntutan Fasakh	1730
	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	4194
	Tuntutan Penceraian	4888
	Tuntutan Khuluq / Tebus Talak	35
	Tuntutan Pengesahan Cerai Takliq	225
	Tuntutan Sabitan Nusyuz	182
JUMLAH KESELURUHAN		11254
SETAKAT 17 OKTOBER 2015	Tuntutan Fasakh	1380
	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	3605
	Tuntutan Penceraian	4222
	Tuntutan Khuluq / Tebus Talak	30
	Tuntutan Pengesahan Cerai Takliq	184
	Tuntutan Sabitan Nusyuz	166
JUMLAH KESELURUHAN		9587

(Sumber : Jabatan Kehakiman dan Syariah Selangor, Okt 2015)

Manakala kes perceraian dikalangan penganut bukan beragama Islam yang berdaftar di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi tahun 2013 sehingga tahun 2015 adalah seperti berikut :

Tahun 2013			
Baki daripada tahun 2012	Daftar	Selesai	Baki setakat 31.12.2013
395	1705	1792	308

Tahun 2014			
Baki daripada tahun 2013	Daftar	Selesai	Baki setakat 31.12.2014
308	1642	1572	378
Tahun 2015			
Baki daripada tahun 2014	Daftar	Selesai	Baki setakat 30.9.2015
378	1498	1544	332

- b) Bagi kes tertunggak yang direkodkan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor setakat 17 Oktober 2015 adalah sebanyak 6,467 kes. Baki tersebut adalah baki kes semasa dan kes terdahulu.

Antara punca peningkatan kes-kes tertunggak tersebut adalah disebabkan oleh masalah kekurangan Hakim, Pegawai Penyelidik, Pegawai Sulh, Pendaftar dan pegawai-pegawai sokongan lain yang bertanggungjawab untuk membicarakan dan menguruskan kes-kes tersebut. Dalam hal ini, pengendalian kes-kes di Mahkamah Syariah yang tidak terhad kepada perbicaraan kes sahaja. Sebaliknya, pengendalian sesuatu kes secara umumnya akan melibatkan 6 proses utama iaitu pendaftaran kes, penjadualan kes, sebutan, pengendalian Majlis Sulh, perbicaraan dan keputusan. Kesemua proses ini adalah proses yang telah ditetapkan oleh undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, proses-proses ini perlu dipatuhi oleh Mahkamah dan tidak boleh diketepikan demi mengelakkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan kes-kes tersebut.

Seterusnya, masalah tunggakan kes ini juga berpunca daripada pelanggan dan juga peguam itu sendiri yang sering menangguhkan kes pada tarikh sebutan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah yang pada awalnya telah dipersetujui sendiri oleh pihak-pihak. Tunggahan ini akan menyebabkan kes terpaksa diselesaikan dalam jangka masa yang lebih panjang akibat ketidakakuran pihak-pihak dalam menghadiri prosiding yang telah ditetapkan.

Manakala pecahan kes tertunggak yang direkodkan di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi perceraian kalangan penganut bukan beragama Islam mengikut tahun adalah seperti berikut:

KOD		TAHUN			JUMLAH
		2013	2014	2015	
33	33 (Contested)	1	20	252	273
	33JP (Uncontested)			59	59
JUMLAH		1	20	311	332

Setakat 30 September 2015, masih terdapat 332 kes perceraian yang masih tertunggak, yang mana 311 daripadanya merupakan kes yang baharu didaftarkan pada tahun 2015. Bagi 1 kes yang didaftarkan pada tahun 2013 dan 20 kes pada tahun 2014 masih tertunggak adalah disebabkan kes-kes berkenaan merupakan kes yang dipertikaikan (contested), dimana terdapat pihak yang menentang permohonan perceraian tersebut. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai isu yang rumit yang perlu diperbincangkan.

- c) Bagi kes-kes perceraian, pelanggan boleh mendapatkan khidmat nasihat dan pengendalian kes di Jabatan Bantuan Guaman atau Pusat Bantuan Guaman (Majlis Peguam Malaysia) dan Unit Guaman Syarie di Bahagian Undang-Undang Keluarga Majlis Agama Islam Selangor. Bagi kes nafkah yang telah memperoleh perintah nafkah daripada mana-mana Mahkamah Syariah pula, pelanggan boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan perundangan bagi pelaksanaan perintah di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENTERNAKAN KERANG DAN IKAN DI SELANGOR

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bantuan kepada penternak kerang dan ikan di Selangor?
- b) Senaraikan kawasan penternakan ikan dan kerang di Selangor mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah mengedarkan borang baru bagi Program Bantuan Peralatan Nelayan & Akuakultur. Sebanyak RM110,000 bantuan akuakultur kepada penternak ikan sedang disalurkan, namun tiada bantuan kepada penternak kerang.
- b) **LUAS (HA) KAWASAN TERNAKAN MENGIKUT DAERAH (2015)**

DAERAH	IKAN	UDANG LAUT	KERANG	JUMLAH
Klang	37.16	0.00	262.5	299.66
Kuala Langat	1.67	233.97	0.00	235.64
Kuala Selangor	22.20	410.09	1,850	2,282.29
Sabak Bernam	7.51	211.88	1,800	2,019.39
Hulu Langat	30.24	0.00	0.00	30.24
Hulu Selangor	270.56	0.00	0.00	270.56
Petaling	0.36	0.00	0.00	0.36
Gombak	173.38	0.00	0.00	173.38
Sepang	2.21	8.00	0.00	10.21
Jumlah	545.29	863.94	3,912.50	5,321.73

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : DASAR BARU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (TOL)

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah rakyat masih tidak boleh memohon TOL di Pejabat Tanah Petaling untuk lima tujuan yang dibenarkan seperti yang diumumkan oleh Dato Menteri Besar pada 7 APRIL 2015 di Dewan Negeri Selangor?
- b) Apakah sebab percanggihan antara pengumuman dasar baru dan pelaksanaannya?

JAWAPAN:

- a) Dimaklumkan bahawa, sebarang pengumuman atau kelulusan bagi sebarang dasar yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri perlu disusuli dengan arahan atau pekeliling yang jelas mengenai garis panduan oleh pihak berkaitan supaya proses permohonan, prosedur dan syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan dapat diselaraskan dengan baik dan sama di kesemua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor ini. Pihak yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan ARAHAN dan PEKELILING mengenai permohonan Lesen Pendudukan Sementara untuk lima tujuan seperti yang diumumkan oleh Y.A.B Menteri Besar Selangor pada 7 April 2015 adalah Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

Justeru itu, untuk makluman Yang Berhormat, pekeliling berkenaan Garis Panduan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Di Atas Tanah Rizab Kerajaan Di Negeri Selangor telahpun dikeluarkan oleh PTGS melalui Pekeliling PTGS Bilangan 4/2015 pada 23 September 2015.

- b) Sepertimana yang telah dimaklumkan dalam jawapan bagi soalan (a)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : TEBING SUNGAI BERNAM YANG SERING TERHAKIS DAN REBAH

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi memastikan tiada lagi hakisan dan rebahan bagi tempoh yang akan datang

JAWAPAN:

- a) Perancangan kerja yang lebih praktikal dengan keadaan semasa aktiviti dilaksanakan bagi memastikan tiada lagi hakisan dan rebahan di tebing Sungai Bernam. Sehubungan dengan itu, JPS telah merangka kaedah yang lebih sesuai bagi mengurangkan risiko kejadian hakisan benteng di Sungai Bernam. Antara kaedah yang akan digunakan adalah sama seperti kaedah yang digunakan untuk mengelakkan hakisan di pantai. Ini kerana aktiviti perikanan yang semakin rancak menyebabkan faktor ombak yang menjadi punca utama berlakunya hakisan tebing.

Selain itu juga, aktiviti penanaman semula pokok kayu bakau di sepanjang pantai dapat mengurangkan impak ombak terhadap benteng. Walau bagaimanapun, perancangan bagi penyelesaian jangka masa panjang dan pendek bagi mengurangkan impak tersebut telah dimasukkan ke dalam senarai permohonan projek di bawah RMK11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah sisa pepejal yang dikutip bagi tahun 2005-2015 mengikut pecahan PBT
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan meningkatkan keefisienan pengurusan sisa pepejal di Selangor?
- c) Apakah strategi dan status Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal?

JAWAPAN:

- a) Senarai jumlah sisa pepejal yang dikutip bagi tahun 2005 – 2015 mengikut pecahan PBT seperti di **Lampiran 1**.
- b) Strategi Kerajaan Negeri ialah:-
 - i. Melaksanakan kajian pengasingan sisa isi rumah melalui Projek Perintis Kitar Semula bermula pada 28 September 2015 hingga 31 Disember 2015 di empat (4) PBT berstatus Bandaraya, Perbandaran dan Daerah bagi melihat trend masyarakat dalam pengasingan sisa isi rumah secara *real time* dan mencadangkan pengurusan kitar semula disamping melihat kemampuan PBT. Empat (4) PBT yang terlibat adalah:-

PBT	Lokasi
MBPJ	Perumahan Kampung - Kg. Sg. Kayu Ara
	Perumahan Kondo - Boulevard Residence
	Komersial - 10 Boulevard
MPKj	Perumahan Teres - Bandar Sg. Long, Seksyen 7
	Komersial - Jalan SL 1/4
MPAJ	Perumahan Flat

	- Flat Merpati B
	Perumahan Kondo - Pandan Puteri
MDHS	Perumahan Kos Rendah - Bandar Utama Batang Kali, Seksyen 3
	Komerial - Jalan Meranti 1

;

- ii. Menggalakkan PBT melaksanakan program pengasingan sisa isi rumah dan kempen kitar semula kepada penduduk di lokasi-lokasi yang terpilih contohnya yang telah dilaksanakan oleh MBSA & MDKL;
 - iii. Menyalurkan maklumat aktiviti-aktiviti kitar semula melalui media seperti akhbar tempatan; laman web PBT dan sebagainya.
- c) Kerajaan Negeri melalui Pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Pegawai Undang-Undang PBT dan Pegawai Teknikal PBT telah mengadakan sesi penderafan dan semakan terhadap Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Negeri Selangor supaya Enakmen tersebut tidak bercanggah dan bertindih dengan akta yang diguna pakai masa ini iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Kini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor telah mengemukakan draf Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Selangor kepada Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan ulasan dan pandangan berkenaan penggubalan Enakmen tersebut.

LAMPIRAN 1

SENARAI JUMLAH SAMPAH DIKUTIP OLEH PBT NEGERI SELANGOR SEJAK TAHUN 2005 HINGGA 2015

1. Majlis Bandaraya Shah Alam

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip
2005	-
2006	-
2007	-
2008	-
2009	-
2010	144,057.39 metrik tan
2011	179,789.57 metrik tan
2012	228,616.93 metrik tan
2013	229,435.08 metrik tan
2014	249,704.65 metrik tan
2015	171,341.45 metrik tan

2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip
2005	
2006	
2007	
2008	
2009	
2010	136,871.60
2011	148,340.86
2012	123,763.60
2013	144,887.38
2014	190,868.78
2015	160,607.24 (sehingga Sept 2015)

3. Majlis Perbandaran Subang Jaya

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (tan)
2005	-
2006	-
2007	154,160
2008	147,800
2009	140,200
2010	162,670
2011	171,570
2012	198,470
2013	201,680
2014	186,840
2015	Sehingga Sept'15 – 150,860

4. Majlis Perbandaran Selayang

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	-
2006	-
2007	-
2008	115,745.82
2009	136,613.45
2010	143,505.71
2011	164,865.68
2012	110,504.79
2013	102,213.44
2014	129,735.41
2015	94,161.06 (sehingga Ogos 2015)

5. Majlis Perbandaran Kajang

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip
2005	 1.6 juta tan
2006	
2007	
2008	
2009	
2010	
2011	
2012	
2013	
2014	
2015	

6. Majlis Perbandaran Klang

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	152,378.35
2006	159,044.00
2007	163,991.70
2008	166,847.39
2009	169,123.00
2010	176,114.48
2011	178,953.56
2012	198,370.71
2013	199,134.85
2014	194,179.00
2015 (OGOS)	128,154.33

7. Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	Tiada
2006	Tiada
2007	Tiada
2008	Tiada
2009	Tiada
2010	Tiada
2011	Tiada
2012	39,522.95 Tan
2013	78,384.72 Tan
2014	113,114.77 Tan
2015	42,672.31 Tan (Januari - September)

8. Majlis Perbandaran Sepang

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2011	49,623.30
2012	53,642.53
2013	57,359.11
2014	71,164.88
2015 (sehingga Nov 2015)	63,065.50

9. Majlis Daerah Kuala Selangor

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	Tiada Rekod
2006	
2007	
2008	
2009	
2010	21,694.75 Tan
2011	26,737.08 Tan
2012	27, 920.32 Tan
2013	29,922.81 Tan
2014	34,772.79 Tan
2015	17,679.67 Tan (Setakat Bulan Jun 2015)

10. Majlis Daerah Kuala Langat

TAHUN	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	21,842.24
2006	22,752.33
2007	23,949.82
2008	25,478.54
2009	27,396.28
2010	29,982.15
2011	32,292.19
2012	33,203.15
2013	34,396.90
2014	41,236.99
2015	25,819.30 (Sehingga Julai 2015)

11. Majlis Daerah Sabak Bernam

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	-
2006	-
2007	-
2008	-
2009	-
2010	20,550 tan
2011	20,980 tan
2012	21,110 tan
2013	22,060 tan
2014	22,850 tan
2015	17,187 tan sehingga Sept 2015

12. Majlis Daerah Hulu Selangor

Tahun	Jumlah sisa pepejal yang dikutip (Tan)
2005	22,042,788
2006	22,652,484
2007	22,945,360
2008	24,431,056
2009	24,834,892
2010	26,063,628
2011	26,708,948
2012	26,877,724
2013	27,108,112
2014	28,933,112
2015	29,495,212 (Anggaran Tahun 2015)

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENUTUPAN KILANG ASING

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan faktor dan kilang yang telah menamatkan operasi di Selangor pada tahun 2014 dan 2015?
- b) Senaraikan jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan?

JAWAPAN:

- a) Antara faktor yang menyebabkan kilang menamatkan operasi di Selangor disebabkan oleh;-
 - a. Kekurangan permintaan terhadap produk keluaran di pasaran.
 - b. Penutupan sebahagian operasi syarikat
 - c. Kos operasi yang meningkat
 - d. Penstrukturan semula syarikat.
 - e. Berpindah ke lokasi lain.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Selangor sebanyak 22 syarikat telah menutup operasi di Selangor dan syarikat-syarikat tersebut seperti;-

Bil.	Nama Majikan	Pekerja		Sebab	Tarikh
		Tempatan	Asing		
1.	Kuan Joo Hardware Sdn Bhd	5	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	6/1/2014
2.	Ryosan Engineering (M) Sdn Bhd	21	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	12/3/2014
3.	Precision Bearing (M) Sdn Bhd	28	13	Penutupan perniagaan sepenuhnya	27/11/2014
4.	Polyolefins Pipe Sdn Bhd	18	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	31/12/2014
5.	Citec International Sdn Bhd	11	0	Sebahagian operasi berpindah ke tempat lain	4/12/2014
6.	Glenn Marine Group (Asia) Sdn Bhd	5	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	4/12/2014
7.	Glenn Defense Marine (Asia) Sdn	5	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	4/12/2014

	Bhd				
8.	Sadoshima Malaysia Sdn Bhd	42	33	Syarikat berpindah ke tempat lain	24/12/2014
9.	Concept Audio Sdn Bhd	40	12	Penutupan perniagaan sepenuhnya	21/01/2015
10.	Polens (M) Sdn Bhd	18	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	2/4/2015
11.	Ansell Shah Alam Sdn Bhd	144	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	29/4/2015
12.	PK Agro Industrial Products (M) Sdn Bhd	1	0	Syarikat berpindah ke lokasi lain	17/4/2015
13.	Proreka Tech Sdn Bhd	45	11	Penutupan perniagaan sepenuhnya	14/5/2015
14.	Delifrance Malaysia Sdn Bhd	8	22	Penutupan perniagaan sepenuhnya	14/5/2015
15.	JVC Manufacturing Malaysia Sdn Bhd	238	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya / Syarikat berpindah ke lokasi lain	15/5/2015
16.	Delifrance (M) Sdn Bhd	4	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya	27/5/2015
17.	AE technology Sdn Bhd	88	41	Penutupan perniagaan sepenuhnya	11/5/2015
18.	Iwasa Malaysia sdn Bhd	13	1	Penutupan perniagaan sepenuhnya	4/6/2015
19.	Dialog Fabricators Sdn Bhd	1	0	Syarikat berpindah ke lokasi lain	11/6/2015
20.	Cocoahouse Industries Sdn Bhd	1	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya / syarikat berpindah ke lokasi lain	4/6/2015
21.	American air Filter Manufacturing Sdn Bhd	8	0	Sebahagian operasi pindah ke tempat lain	28/7/2015
22.	Delifrance Malaysia Sdn Bhd	3	0	Penutupan perniagaan sepenuhnya, Pengecilan tenaga kerja, Pengurangan pengeluaran	14/9/2015
	Jumlah	747	133		

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja

- b) Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2015 sebanyak **22 syarikat pembuatan** yang telah menutup operasi perniagaan sepenuhnya atau berpindah ke lokasi lain. Sebanyak **747 pekerja tempatan dan 133 pekerja asing** telah diberhentikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bajet yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk projek penstrukturan air semula?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan terus memberi air percuma lagi dalam tempoh 5 tahun ?

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman Yang Berhormat Teratai Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang bajet bagi melaksanakan penstrukturan semula. Dalam membiayai kos pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam syarikat-syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS, Puncak Niaga, 20

ABBAS dan juga SPLASH, ianya ditanggung oleh Air Selangor dengan memindahkan aset-aset air dan tanah yang bernilai sehingga 2 bilion ringgit kepada PAP dan proses ini telah pun disempurnakan untuk SYABAS, Puncak Niaga dan ABBAS dan seperti yang telah saya jelaskan secara terperinci baru-baru ini SPLASH diberi tempoh selama setahun sehingga September 2016 bagi memuktamadkan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan pihak-pihak yang berkenaan. Berhubung dengan pandangan ataupun pertanyaan Yang Berhormat Teratai sama ada Program Air Percuma ini akan diteruskan, seperti kita sedia maklum yang telah pun diumumkan dalam Belanjawan 2016 Program Air Percuma akan diteruskan dan untuk tahun 2016 telah pun dibajetkan sejumlah RM170 juta bagi maksud yang berkenaan kerana kita merasakan program ini telah memberikan manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya namun ianya sedang dipertingkatkan keberkesananannya seupaya seluruh rakyat di Negeri Selangor khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana dapat memanfaatkan daripada program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : SETINGGAN

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penempatan setinggan yang direkodkan di Sekangor dan jumlah kawasan penempatan setinggan yang telah diselesaikan sejak 2010-2015?
- b) Berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan sehingga 2015?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penempatan setinggan yang direkodkan di Negeri Selangor setakat ini adalah sebanyak 79 kawasan yang melibatkan 2,542 keluarga. Sejak tahun 2010 hingga 2015 tiada kawasan penempatan setinggan yang diselesaikan memandangkan setakat ini tiada cadangan pembangunan di kawasan-kawasan yang terlibat.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat , tiada kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sehingga 2015 untuk penyelesaian setinggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PUSAT JAGAAN WARGA EMAS

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Pusat-pusat Jagaan Warga Emas yang beroperasi seluruh Selangor berdaftar dan memenuhi piawaian yang ditetapkan?
- b) Senaraikan bilangan pusat yang sedia ada mengikut daerah.
- c) Nyatakan pelan jangka panjang negeri Selangor berkaitan pembangunan pusat jagaan bagi warga emas di Selangor

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memastikan pengoperasian pusat-pusat jagaan khususnya pusat jagaan warga emas adalah mematuhi garis panduan sepertimana yang ditetapkan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 [P.U. (A) 248/1994].

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan kepada rekod pendaftaran pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, sehingga September 2015 terdapat sebanyak 64 buah pusat jagaan kategori warga emas yang telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 daripada sejumlah 463 pusat jagaan yang berdaftar. Semua pusat jagaan yang telah berdaftar ini telah disyaratkan untuk memenuhi piawaian dan standard minima yang ditetapkan oleh JKJ serta mendapat sokongan dan kelulusan daripada agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan sebelum perakuan pendaftaran dikeluarkan kepada mereka.

Piawaian standard minimum yang ditetapkan oleh pihak Jabatan adalah seperti berikut:

- a. Nisbah penjaga dengan penghuni :

Warga emas

Warga emas = 1 : 18

Warga emas berpenyakit / terlantar = 1 : 4

- b. Penjaga warganegara atau bukan mestilah berumur 18 tahun ke atas;
- c. Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu :
 - i. Warga emas adalah 3.0 meter persegi;
- d. Menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti mengikut peringkat umur dan keperluan penghuni;
- e. Pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan penghuni;
- f. Menyedia dan menyelenggara rekod-rekod di pusat jagaan; dan
- g. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis Pusat jagaan.

Dalam memastikan pengendali-pengendali pusat jagaan ini sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, pihak JKM menerusi Pegawai Diberi Kuasa Pusat Jagaan (PDBK) Daerah dengan dibantu oleh agensi teknikal akan melakukan pemeriksaan berkala ke premis sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tindakan penguatkuasaan seperti kompaun, arahan bertulis, arahan tutup, pendakwaan serta pembatalan pendaftaran akan dikenakan kepada pengendali pusat jagaan yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan sepertimana yang termaktub di dalam Akta Pusat Jagaan 1993.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pemerhatian dan pemantauan yang dijalankan mendapati masih terdapat pusat-pusat jagaan termasuk pusat jagaan warga emas yang belum berdaftar dengan pihak JKM. Sehingga September 2015, dianggarkan sebanyak 152 buah pusat jagaan di Negeri Selangor masih belum berdaftar atas pelbagai sebab. Antara sebab-sebab utama yang dikenalpasti adalah kerana tidak mendapat sokongan kelulusan daripada agensi teknikal disebabkan oleh status tanah / bangunan, mendapat bantahan daripada jiran-jiran bagi pusat jagaan yang dibuka di kawasan kediaman dan tidak memenuhi kriteria untuk didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Dalam menangani isu kewujudan pusat-pusat jagaan tidak berdaftar ini, Kerajaan Negeri menerusi JKM telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan pengendali-pengendali pusat jagaan mendaftarkan premis mereka. Antara usaha yang dibuat adalah melaksanakan program pemutihan pusat-pusat jagaan tidak berdaftar yang dilaksanakan di daerah-daerah yang telah dikenalpasti mempunyai bilangan pusat jagaan tidak berdaftar yang tinggi. Hasil daripada program pemutihan ini, bilangan pusat jagaan tidak berdaftar telah berjaya diturunkan sebanyak 53% iaitu daripada 323 buah pusat jagaan tidak berdaftar pada Januari 2015 kepada 152 buah pusat jagaan yang tidak berdaftar sehingga September

2015. Menerusi program pemutihan ini, semua pengendali pusat jagaan yang tidak berdaftar telah dipanggil dan diberikan penerangan berkenaan keperluan untuk mendaftarkan premis mereka.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri menerusi JKM juga telah melaksanakan aktiviti advokasi menerusi Program Jom Daftar TASKA dan Pusat Jagaan Peringkat Negeri Selangor yang melibatkan seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada pengendali-pengendali TASKA dan pusat jagaan. Program ini telah dilaksanakan pada 17 Oktober 2015 di Kompleks Penyayang Bakti, Sungai Buloh. Antara objektif program ini diadakan adalah bagi mewujudkan kesedaran kepada pengendali-pengendali pusat jagaan agar mendaftarkan pusat jagaan mereka dengan pihak Jabatan.

Di samping aktiviti advokasi yang dijalankan, Kerajaan Negeri menerusi JKM juga telah menjalankan dengan izin, Mesyuarat "One Stop Centre" (OSC) TASKA dan Pusat Jagaan di peringkat negeri dan juga daerah. Mesyuarat ini diadakan adalah bertujuan untuk menyelaraskan permasalahan-permasalahan yang timbul berkaitan pendaftaran pusat-pusat jagaan antara agensi-agensi teknikal yang terlibat dengan pihak JKM. Sehingga September 2015, sebanyak 8 kali mesyuarat penyelarasan telah dijalankan.

Usaha lain yang dijalankan oleh pihak JKM adalah menerusi tindakan penguatkuasaan terhadap pusat-pusat jagaan tidak berdaftar. Antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap pusat jagaan tidak berdaftar ini adalah tindakan Lak, kompaun dan pendakwaan seperti diperuntukkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Setakat September 2015, sebanyak 4 buah pusat jagaan telah diambil tindakan penguatkuasaan iaitu sebuah pusat jagaan dikenakan tindakan kompaun dan 3 buah pusat jagaan dikenakan tindakan Lak atas kesalahan tidak berdaftar seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Akta 506. Tindakan penguatkuasaan ini merupakan langkah terakhir yang boleh diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada pengendali-pengendali yang masih berdegil untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka setelah diberikan peringatan dan tempoh masa yang mencukupi.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 kategori pusat jagaan yang perlu didaftarkan di bawah Akta 506 iaitu kategori berkediaman dan harian. Bilangan Pusat Jagaan Warga Emas yang telah berdaftar mengikut kategori dan daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	HARIAN	BERKEDIAMAN	JUMLAH
1	PETALING	4	29	33
2	HULU LANGAT	1	21	22
3	KLANG	0	3	3
4	GOMBAK	0	3	3
5	KUALA SELANGOR	0	1	1
6	HULU SELANGOR	0	1	1
7	SEPANG	0	1	1
8	KUALA LANGAT	0	0	0
9	SABAK BERNAM	0	0	0
JUMLAH		5	59	64

- c) Menyedari akan keperluan yang meningkat terhadap sektor perkhidmatan penjagaan warga emas di Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Kesihatan, Wanita dan Pembangunan Keluarga menerusi Unit Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), telah merangka beberapa pelan yang bersesuaian bagi menangani keperluan tersebut. Perancangan yang dibuat adalah dengan mengambilkira peningkatan permintaan orang ramai terhadap sektor perkhidmatan ini serta peningkatan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan agar kebajikan warga emas sentiasa terjamin.

Antara perancangan jangka panjang yang dibuat adalah seperti berikut:-

1. Menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mewujudkan dengan izin, sistem STAR Rating Pusat Jagaan Negeri Selangor. Menerusi pewujudan sistem ini, semua pusat jagaan yang berdaftar di Negeri Selangor akan diberikan bintang berdasarkan penilaian yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Panel Penilaian terdiri daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi

lain yang berkaitan. Tujuan sistem ini diwujudkan adalah untuk memberi maklumat kepada orang ramai mengenai mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali-pengendali pusat jagaan termasuk pusat jagaan warga emas di samping sebagai galakan kepada pengendali untuk menambahbaik perkhidmatan jagaan yang disediakan di premis mereka. Adalah dijangkakan mekanisme pelaksanaan STAR Rating Pusat Jagaan ini akan mula diimplementasikan secara berperingkat mengikut kawasan mulai tahun 2016.

2. Memperkemaskan struktur pelaksanaan pendaftaran pusat jagaan menerusi dengan izin Mesyuarat "One Stop Centre" Pusat Jagaan dengan penglibatan agensi-agensi teknikal di peringkat negeri dan daerah.
3. Mengenalpasti rakan kongsi strategik terdiri daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan pertubuhan sukarela kebajikan peringkat Negeri Selangor yang boleh membantu menyediakan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti kepada warga emas.
4. Mewujudkan Skim Insentif menerusi pemberian geran kepada individu atau pertubuhan yang mewujudkan pusat jagaan warga emas berkonsepkan kebajikan; dan
5. Melaksanakan kursus-kursus berkaitan penjagaan warga emas kepada pengendali dan pekerja pusat jagaan warga emas untuk memastikan mereka diberikan ilmu pengetahuan yang mencukupi dalam bidang penjagaan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan jagaan yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SUKAN RENANG

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan prasarana sukan renang di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah usaha bagi meningkatkan prasarana sukan renang di Selangor?
- c) Apakah perancangan bagi memastikan sukan renang diminati hingga ke akar umbi?

JAWAPAN:

- a) Daerah – daerah yang mempunyai prasarana sukan renang di Selangor adalah Daerah Petaling di dua (2) PBT iaitu di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Daerah Klang di Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Daerah Gombak di Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Ini tidak termasuk prasarana kolam renang milik swasta.
- b) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) melalui Persatuan Renang Amatir Selangor (PRAS) sentiasa berada pada tahap yang bersedia untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan sukan renang ini di prasarana yang sedia ada. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) akan meneliti keperluan untuk meningkatkan prasarana sukan renang di Negeri Selangor yang dilihat semakin digemari oleh golongan kanak – kanak ini.
- c) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) melalui Persatuan Renang Amatir Selangor (PRAS) sentiasa merancang program dan aktiviti tahunan bukan sahaja untuk pasukan negeri malah pasukan di peringkat kelab – kelab di seluruh Negeri Selangor. Terdapat banyak kelab – kelab yang ditubuhkan untuk merencanakan lagi pembangunan sukan renang di peringkat akar umbi. Antara program dan aktiviti yang dijalankan secara tahunan adalah seperti penganjuran kejohanan, penyertaan ke kejohanan – kejohanan lain, program latihan dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS TERKINI TENTANG MASALAH PEMINDAHAN PENGHUNI-
PENGHUNI DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT KERAYONG**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong selepas keputusan MMKN Bil. 15/2015 bertarikh 29.4.2015 untuk meminta Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd menerima 181 penama telah dimaklumkan kepada mereka pada 30.6.2015?

JAWAPAN:

- a) Status terkini tentang masalah pemindahan penghuni – penghuni di Jalan dan Jalan Bukit Kerayong seperti berikut:-

(1) **Isu Setinggalan Jalan Papan**

Pemaju memohon pertimbangan agar diberikan tempoh masa bagi tujuan penelitian semula senarai penduduk-penduduk setinggalan yang perlu ditawarkan. Pemaju sedang dalam usaha mengenalpasti penduduk-penduduk asal setinggalan yang benar-benar layak menerima tawaran melalui proses semakan semula di tapak, mengemaskini data-data melalui bil-bil utiliti dan mengemaskini data pemberian subsidi dan pembelian rumah kos rendah. Pemaju akan mengemukakan cadangan dan kaedah penyelesaian kepada pihak Majlis seterusnya kepada Kerajaan Negeri.

Bagi jumlah 117, mereka yang mengambil injuksi mahkamah, seramai 62 orang ada di tapak dan selebihnya 55 orang tiada di tapak semasa bancian dijalankan. Pihak Majlis telah membuat semakan di Jabatan Pendaftaran Negara mendapati 32 penama beralamat di jalan papan dan 21 penama berada di luar tapak. Manakala tiada sebarang maklumat untuk baki 2 penama.

(2) **Isu Setinggalan Jalan Bukit Kerayong**

Pemaju sedang menyediakan draf pelan-pelan pembangunan untuk mendapatkan kelulusan Majlis bagi cadangan kedai kos rendah seterusnya menawarkan kepada pekedai dan bengkel yang layak bagi penempatan semula.

Bagi penempatan semula tokong-tokong sedia ada, pemaju sedang menunggu pengesahan pelan daripada Kerajaan Negeri. Seterusnya memohon pertimbangan dan kebenaran bagi memulakan kerja-kerja awal di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : KILANG HARAM DI KG. DESA AMAN

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah lagi kilang haram yang masih beroperasi yang belum di putih kan?
- b) Adakah kerajaan negeri mewujudkan zon penampakan untuk aktiviti pengilangan yang melibatkan penggunaan bahan kimia yang dekat dengan kawasan penempatan?
- c) Apakah hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik UIAM?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang haram yang masih beroperasi tanpa pemutihan di Negeri Selangor adalah sebanyak **1,329 lot kilang**.
- b) Pengwujudan zon penampakan bagi aktiviti kilang yang melibatkan bahan kimia adalah tertakluk kepada Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancang Negeri Selangor (Edisi ke-2) yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JBPD).
- c) Daripada hasil kajian tersebut, penyelidik UIAM telah mengesyorkan agar Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini ditamatkan dan tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan memandangkan program ini telah pun dilaksanakan selama 9 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : EKONOMI

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu kesenjangan pendapatan di Selangor dan langkah-langkah menuju ke arah peluang saksama (equal opportunity) untuk memastikan peluang pekerjaan terbuka kepada semua?

JAWAPAN:

- a) Isu kesenjangan pendapatan menjadi isu yang amat penting lebih-lebih lagi apabila rakyat perlu berhadapan dengan keadaan kenaikan kos sara hidup. Kesenjangan pendapatan dilihat sebagai salah satu tanda ketidakadilan sosial di sesebuah negara. Kesedaran terhadap masalah kesenjangan ini mendapat lonjakan setelah terbitnya buku Thomas Piketty "Capital In The 21st Century" yang berpengaruh. Thomas Piketty menegaskan sekiranya kesenjangan ini tidak ditangani, ia boleh menggugat demokrasi. Justeru, persoalan kesenjangan pendapatan adalah masalah ekonomi, masalah sosial dan masalah politik. Bahkan adalah ditegaskan bahawa kesenjangan pendapatan akan turut menyumbang kepada masalah moral. Kerajaan berpandangan sekiranya tidak diatasi segera, perkara ini akan membawa kepada masalah ekonomi, masalah sosial dan masalah politik yang seterusnya menggugat kestabilan demokrasi.

Di Malaysia sendiri, kesenjangan ini dapat dilihat daripada Pekali Gini Malaysia. Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014, Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa pengagihan pendapatan di kalangan isi rumah adalah bertambah baik iaitu Pekali Gini pada tahun 2009 ialah 0.441, diikuti 0.431 pada tahun 2012 dan 0.401 pada tahun 2014. Walaupun terdapat perubahan, maklumat ini menunjukkan bahawa tiada usaha yang serius dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesenjangan pendapatan.

Menyedari perkara itu, Kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk membina ekonomi yang lebih seimbang dengan pekerjaan yang lebih berkualiti dan pertumbuhan seimbang dalam pelbagai sektor. Pengurangan jurang pendapatan kaya dan miskin telah menjadi agenda utama dalam Belanjawan Selangor 2015. Mengambil kira kepada realiti ketidakmampuan ketua keluarga dan isi rumah untuk memenuhi keperluan harian, pengukuran

garis kemiskinan kebangsaan pada ketika ini perlu disemak semula agar lebih bersesuaian. Pada ketika ini Kerajaan Persekutuan menetapkan garis kemiskinan adalah RM760 sebulan seisi rumah manakala miskin tegar ialah RM460 sebulan bagi seisi rumah. Garis pengukuran kemiskinan yang ditetapkan tidak menggambarkan keadaan sebenar.

Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan di Negeri Selangor iaitu *UNISEL* dan *UTAR* untuk menyediakan Data Statistik Pendapatan Isi Rumah (HIS) sehingga ke peringkat daerah dan kawasan Ahli Dewan Negeri dengan mengambilkira pelbagai aspek iaitu *multi dimensional index (MDI)* sebagai indikator kepada penentuan indeks kemiskinan Negeri Selangor iaitu *Selangor Poverty Index (SPI)*. Apabila indeks ini diperkenalkan dan digunapakai kelak, Kerajaan Negeri akan dapat menentukan indeks kemiskinan yang relevan yang seterusnya akan digunakan untuk menggubal dasar-dasar serta program-program yang lebih berkesan dalam menangani masalah berkaitan kemiskinan daripada pelbagai peringkat masyarakat.

Kerajaan amat tegas dalam menangani isu kesenjangan ini dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut :

- i) Penjenamaan Semula Pelbagai Program Bantuan Dan Promosi Perniagaan Bagi Membantu Usahawan Baru dan Melonjakkan Usahawan Sedia Ada Ke Tahap Yang Lebih Tinggi;
- ii) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Selangor Kepada Pekerja Berkemahiran Tinggi (skilled worker) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);
- iii) Meningkatkan Sumbangan Bantuan Pendidikan Bagi Memperkasa Generasi Muda Selangor (*2nd Generation*);
- iv) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan dan Peningkatan Kemahiran;
- v) Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan;
- vi) Program Bantuan Perumahan; dan
- vii) Penyediaan Kemudahan Pengangkutan Awam Percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBINAAN MASJID DI SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci perancangan pembinaan masjid di Selangor dan tahun pelaksanaan?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan setiap masjid yang dirancang dapat dibina mengikut jadual?

JAWAPAN:

- a) Perancangan pembinaan masjid di Selangor adalah berdasarkan Rancangan Malaysia (RMK) yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Butiran terperinci boleh dirujuk pada RMK-10 yang telah diluluskan. Bagi perancangan 2016 hingga 2020 masih menunggu kelulusan dari Kerajaan Negeri di bawah RMK 11.
- b) JAIS telah memohon kelulusan bagi pembinaan masjid setiap lima (5) tahun berdasarkan RMK yang telah ditetapkan. Pemantauan projek juga dilaksanakan dengan kerjasama pihak JKR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN NEGERI

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan memajukan Sektor pertanian dalam pertumbuhan ekonomi negeri supaya Tidak bergantung sepenuhnya dalam bidang perindustrian?
- b) Apakah langkah pemutihan diambil oleh kerajaan untuk memastikan petani menjalankan aktiviti pertanian di tanah kerajaan dapat meneruskan kerjaya Mereka tanpa dihalau oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Selangor sebanyak 1.7 peratus iaitu RM 2.8 billion. Kerajaan Negeri mensasarkan kepada 2 peratus sumbangan menjelang 2020. Dalam hal ini kerajaan negeri akan memastikan kawasan pertanian sedia ada dikekalkan dan meningkatkan pengeluaran makanan, Kerajaan Negeri akan terus berusaha meningkatkan produktiviti bagi tanaman padi, buah-buahan dan sayuran.
- b) Kerajaan Negeri melalui PTG sentiasa mengemaskini data tanah-tanah Kerajaan yang digunakan oleh petani bagi mengusahakan aktiviti pertanian. Dalam usaha memutihkan status penggunaan tanah ini, Kerajaan Negeri menawarkan tanah ini diusahakan dalam bentuk Lesen Menduduki Sementara (LMS) atau secara pajakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PEMBINAAN PROJEK KOMPLEKS BERSEPADU PENTADBIRAN
ISLAM GOMBAK**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan projek Kompleks Bersepadu Pentadbiran Islam Gombak?
- b) Bilakah jangkaan projek tersebut akan siap?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kompleks Bersepadu Pentadbiran Islam Gombak :-

Tarikh Mula	19 Mac 2013
Tarikh Siap	15 September 2014
Lanjutan Masa (EOT 1)	25 Mei 2015
Lanjutan Masa (EOT 2)	19 November 2015
Fizikal – (Jadual / Sebenar)	94.00% / 52.00%
Status / Isu	Kelewatan 107 hari disebabkan tanah runtuh keadaan tapak berlembah menyebabkan tapak banjir (surat amaran telah dikeluarkan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM KEBAJIKAN UNTUK ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)
NEGERI SELANGOR**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan untuk membantu OKU ?
- b) Apakah ada peluang-peluang pekerjaan disediakan khas untuk OKU ?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk membantu OKU ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa dasar OKU bagi memastikan mereka mendapat manfaat yang sama rata di dalam kehidupan bermasyarakat. Dasar-dasar berkenaan adalah seperti berikut:-

1. *Accessibility For All* :-

Dasar ini adalah untuk memastikan golongan OKU dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih baik melalui akses kepada kemudahan infrastruktur yang mesra OKU. Kemudahan infrastruktur ini disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar dapat digunakan oleh semua kategori golongan OKU dalam menjalankan urusan harian.

2. *Job Placement* :-

Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan dan memberi peluang untuk menempatkan golongan OKU lepasan sekolah menengah yang layak di sektor perkerjaan yang bersesuaian. Mereka akan diberi bimbingan dan latihan oleh agensi terpilih selama enam (6) bulan. Ini akan memberi peluang kepada mereka untuk mempunyai pendapatan sendiri dengan berdikari untuk tempoh jangka panjang.

3. *Kebajikan* :

Dasar ini adalah merupakan bentuk pemberian bantuan sara hidup melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada golongan OKU yang layak samada bekerja atau terlantar. Bagi OKU yang tidak bekerja sebanyak RM150 sehingga RM200 sebulan diberikan. Manakala bagi OKU yang bekerja sebanyak RM300 sehingga RM350 sebulan.

4. Dasar 1% Pekerja OKU

Kerajaan Negeri menggunakan dasar yang memperuntukkan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada golongan OKU seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2008.

- b) Selaras dengan polisi Kerajaan Negeri Selangor iaitu Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai program yang dapat membantu golongan orang kurang upaya (OKU) mendapatkan pekerjaan seterusnya dapat menjana pendapatan mereka.

Melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Program *Job Placement* Bagi Golongan OKU telah dilaksanakan dengan memberi penajaan kepada 20 orang yang terdiri daripada golongan istimewa ini. Mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kulinari selama enam (6) bulan, iaitu tiga (3) bulan pembelajaran dan tiga (3) bulan latihan praktikal. Setelah tamat pengajian, pelajar-pelajar ini akan disalurkan ke majikan di dalam industri perhotelan, restoran atau katering yang telah dikenalpasti dan akan dipantau secara berkala oleh pihak yang bertanggungjawab memberikan pembelajaran kepada mereka.

Begitu juga dengan program yang dilaksanakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS) iaitu Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan *Job Coach*. Kedua-dua program ini disediakan bagi membolehkan golongan OKU mempelajari, menerima latihan kemahiran asas dan pemulihan bagi membantu mereka menjalani kehidupan dan seterusnya mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan mengikut pasaran kerja.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai program bagi semua golongan dan lapisan masyarakat di Selangor termasuk golongan istimewa ini. Pada tahun 2015, sebanyak RM270,000.00 telah diperuntukkan oleh Jawatankuasa Tetap Kebajikan untuk melaksanakan program-program yang bertujuan untuk membantu golongan OKU mendapatkan kemahiran dan pembelajaran bagi memberi peluang kepada mereka mempelajari menguruskan kehidupan dengan lebih baik.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pelbagai bantuan melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Pertanian dan sebagainya. Walaupun bantuan-bantuan ini terbuka kepada semua golongan dan lapisan masyarakat, namun sekiranya terdapat permohonan daripada golongan OKU, mereka akan diberikan keutamaan setelah dinilai mengikut kesesuaian bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN DESA

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk projek pembangunan desa pada tahun 2015 mengikut daerah?
- b) Senaraikan projek-projek pembangunan desa yang telah, semasa dan akan dilaksanakan pada tahun 2015 mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited terhadap perkembangan bagi projek pembangunan desa di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02007 - Penyelenggaraan Jalan Kampung** khas untuk menaiktaraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah Negeri Selangor, serta peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02004 - Kemudahan Asas Desa** untuk kemudahan asas desa yang boleh digunakan bagi projek menaiktaraf balairaya mengikut keperluan.

Sehingga September 2015, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk **Vot Penyelenggaraan Jalan Kampung** dan **Kemudahan Asas Desa** mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	VOT - PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG			VOT - KEMUDAHAN ASAS DESA		
		BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA
				RM			RM
1	PETALING	7	815,015.00	618,055.00	5	256,955.00	261,455.00
2	KLANG	8	834,412.00	602,360.00	3	332,440.24	0
3	GOMBAK	11	1,383,458.00	470,245.00	10	456,532.50	423,418.00
4	KUALA SELANGOR	18	1,459,350.30	1,088,009.60	9	856,744.20	398,727.43
5	KUALA LANGAT	17	798,186.00	612,408.00	6	187,021.00	120,333.60

BIL.	DAERAH	VOT - PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG			VOT - KEMUDAHAN ASAS DESA		
		BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA
6	HULU SELANGOR	19	606,041.48	565,659.99	8	173,554.10	175,634.36
7	HULU LANGAT	66	2,852,115.00	1,331,992.00	21	988,135.00	178,926.00
8	SEPANG	10	815,344.00	0	14	216,978.40	189,936.40
9	SABAK BERNAM	18	1,483,654.00	164,600.00	-	-	0
JUMLAH			11,047,575.78	5,453,329.59		3,468,360.44	1,748,430.79

**(Sumber : Seksyen Agihan & Pembangunan,
Unit Perancang Ekonomi Negeri)**

Manakala peruntukan untuk Vot Pembangunan Kampung Baru adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA (RM)
1	PETALING	2	179,350.00	131,761.60
2	KLANG	5	924,016.00	903,856.69
3	GOMBAK	10	526,961.50	521,720.04
4	KUALA SELANGOR	3	92,591.00	77,259.00
5	KUALA LANGAT	-	-	-
6	HULU SELANGOR	5	231,013.70	191,905.00
7	HULU LANGAT	-	-	-
8	SEPANG	-	-	-
9	SABAK BERNAM	10	226,200.00	209,388.00
JUMLAH			2,180,132.20	2,035,890.33

(Sumber : Sembilan (9) buah Pejabat Daerah & Tanah di Selangor)

- b) Kerajaan Negeri buat masa ini menekankan kepada pemerkasaan dan pemulihan kemudahan awam dan jalan kampung yang sedia ada. Sehubungan itu, terdapat banyak projek-projek pembangunan desa yang telah, semasa dan akan dilaksanakan pada tahun 2015. Pecahan projek tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
1	Petaling	Jalan Kampung	7	815,015.00	1,071,970.00
		Dewan/Balairaya	5	256,955.00	
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
2	Klang	Jalan Kampung	8	834,412.00	1,166,852.24
		Dewan/Balairaya	3	332,440.24	
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
3	Gombak	Jalan Kampung	11	1,153,458.00	1,609,990.50
		Dewan/Balairaya	10	456,532.50	
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
4	Kuala Selangor	Jalan Kampung	18	1,459,350.30	2,316,094.50
		Dewan/Balairaya	14	820,570.00	
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	1	36,174.20	
5	Kuala Langat	Jalan Kampung	17	798,186.00	985,207.00
		Dewan/Balairaya	6	167,871.00	
		Jambatan	1	19,150.00	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
6	Hulu Selangor	Jalan Kampung	19	311,324.48	654,162.83
		Dewan/Balairaya	2	169,284.25	
		Jambatan	6	113,384.10	
		Infrastruktur Sukan	2	60,170.00	
7	Hulu Langat	Jalan Kampung	47	2,145,438.00	2,854,509.00
		Dewan/Balairaya	11	494,831.00	
		Jambatan	1	19,700.00	
		Infrastruktur Sukan	5	194,540.00	
8	Sepang	Jalan Kampung	10	815,344.00	1,032,322.40
		Dewan/Balairaya	14	216,978.40	
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
9	Sabak Bernam	Jalan Kampung	18	1,483,654.00	1483,654.00
		Dewan/Balairaya	-	-	
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
JUMLAH		Jalan Kampung	155	9,816,181.78	
		Dewan/Balairaya	65	2,915,462.39	

BIL.	DAERAH	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
		Jambatan	8	152,234.10	13,174,762.47
		Infrastruktur Sukan	8	290,884.20	

(Sumber : Seksyen Agihan & Pembangunan,
Unit Perancang Ekonomi Negeri)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PENGGUNA JALAN DARI ARAH TANGJUNG SEPAT KE TAMAN PANTAI SEPANG PUTRA MENGHADAPI MASALAH TIADA JALAN MASUK KE TAMAN PERUMAHAN

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah pandangan Kerajaan Negeri Selangor jika cadangan pembinaan jejambat dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah dibawah bidang kuasa pihak JKR Sepang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : RASUAH DI PBT

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerajaan memastikan supaya tidak ada amalan rasuah berlaku di PBT?
- b) Apakah galakan yang diberi oleh PBT untuk pekerja yang jujur, rajin dan cekap serta berkesan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan/Agensi sentiasa berusaha untuk memerangi gejala rasuah di kalangan penjawat awam. Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan merupakan antara agensi yang sering terdedah kepada gejala rasuah. Oleh yang demikian, antara langkah telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor dalam mengekang gejala rasuah, termasuklah:
 - (i) Mewujudkan Unit Integriti di setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Ianya merupakan satu unit yang bertanggungjawab dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan masing-masing;
 - (ii) Mewajibkan setiap kakitangan untuk menandatangani dan melafazkan Ikrar Aku Janji di hadapan Ketua Jabatan masing-masing;
 - (iii) Mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tata kelakuan dan salahlaku rasuah;
 - (iv) Mengedarkan risalah-risalah berkaitan tata kelakuan dan salahlaku rasuah;
 - (v) Membuat semakan berkala ke atas prosedur kerja dan pusingan kerja (*job rotation*) bagi jawatan-jawatan berisiko dan terdedah kepada gejala rasuah;
 - (vi) Memperkukuhkan perkhidmatan atas talian (*online service*) bagi menutup ruang amalan rasuah dan orang tengah.

- (vii) Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan mewujudkan inisiatif-inisiatif dalam membendung gejala rasuah; dan
 - (viii) Menyediakan saluran aduan integriti melalui emel, talian telefon, faks, surat dan *walk-in* di Unit-unit Integriti yang ditubuhkan;
- b) Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memberi galakan dan insentif dalam menghargai pekerja yang jujur, rajin dan cekap serta berkesan. Antara insentif dan penghargaan yang diberikan termasuklah:
- (i) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang dilaksanakan setiap tahun;
 - (ii) Peluang kenaikan pangkat;
 - (iii) Cadangan penerimaan pingat kebesaran;
 - (iv) Pemberian ganjaran khas bagi perkhidmatan melebihi tempoh tertentu;
 - (v) Pemberian bonus tahunan;
 - (vi) Insentif mengerjakan ibadah di luar negara mengikut kepercayaan agama masing-masing;
 - (vii) Peluang berkursus atau menghadiri seminar di luar negara; dan
 - (viii) Lain-lain penganugerahan dalaman seperti Anugerah Pekerja Contoh/Terbaik Bulanan, Anugerah Tokoh Pekerja, imbuhan bagi markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tertinggi, penghargaan bagi pujian awam dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEGANASAN TERHADAP WANITA

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Melihat pada trend keganasan yang meningkat, apakah usaha KNS selain OSCC yang telah dilaksanakan pada 2015? Sila nyatakan?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi memastikan usaha ini berjaya?
- c) Namakan pihak-pihak yang dilibatkan untuk isu ini dapat ditangani ke akar umbi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius terhadap isu keganasan di kalangan wanita yang kian meningkat dan berleluasa saban hari. Statistik menunjukkan dari Januari hingga April 2015 sebanyak 1,644 kes telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Sebanyak 1,236 kes adalah melibatkan golongan wanita. Negeri Selangor merupakan negeri yang mencatatkan kes keganasan rumahtangga yang tertinggi dalam Malaysia iaitu sebanyak 275 kes dan diikuti dengan Negeri Sarawak sebanyak 75 kes (sumber diperolehi dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM)).

Sebagaimana yang kita ketahui , golongan yang lebih terdedah kepada keganasan adalah golongan wanita, kanak-kanak dan warga emas. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga amat prihatin terhadap golongan yang berisiko tersebut. Justeru itu, Kerajaan Negeri berusaha menerapkan nilai-nilai kasih sayang dan rasa tanggungjawab dalam diri warga Selangor.

Selain daripada program OSCC, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa merangka program-program terkini bagi memberi kesedaran dan pendedahan terhadap keganasan yang boleh menghampiri mangsa bila-bila masa tanpa disedari. Sehubungan itu, antara program yang telah dan bakal diadakan dalam tahun ini adalah :-

- i. Program Kesedaran dan advokasi terhadap Wanita yang telah dilaksanakan 8 September 2015 bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak Shah Alam dengan dihadiri oleh seramai 650 orang peserta dari seluruh Negeri Selangor; dan

- ii. Program Jelajah Kempen Kesedaran Keganasan Terhadap Wanita bakal diadakan pada tarikh dan waktu yang akan ditetapkan kemudian, di beberapa daerah terpilih ini adalah bertujuan untuk mendekati lagi masyarakat dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menangani keganasan terhadap masyarakat.
- b) Dalam usaha mengekang keganasan terhadap wanita, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 daripada jumlah keseluruhan peruntukan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan program-program kempen kesedaran anti keganasan terhadap wanita. Dengan keprihatinan Kerajaan Negeri ini juga maka peruntukan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) dikekalkan jumlahnya sebanyak RM50,000.00 setiap tahun.
- c) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam menangani keganasan terhadap wanita dan keluarga. Justeru itu, jentera-jentera Kerajaan Negeri Selangor seperti :-
- Pejabat-Pejabat Daerah/ Tanah;
 - Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan;
 - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
 - Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
 - Hospital-Hospital Besar;
 - Biro Sokongan Keluarga (BSK), JAKESS;
 - Jabatan Biro Guaman;
 - Pusat Wanita Berdaya (PWB);
 - Ketua-Ketua Kampung Seluruh Negeri Selangor;
 - Pengerusi-Pengerusi Taman Perumahan; dan
 - Badan-Badan Bukan Kerajaan.

Semuanya digembelengkan bersama dalam usaha membanteras keganasan terhadap wanita, kanak-kanak dan golongan warga emas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri berkenaan aduan masalah kecurian dan kerosakan setelah mendapat kunci rumah?
- b) Nyatakan jumlah aduan dan tindakan yang diambil dari tahun 2013 hingga 2015?

JAWAPAN:

- a) Memandangkan Kerajaan Negeri bukanlah pihak berkepentingan dalam perjanjian jualbeli yang ditandatangani di antara pembeli dan pemaju, sekiranya berlaku sebarang kecurian setelah mendapat kunci rumah perkara tersebut adalah menjadi tanggungjawab pembeli untuk memastikan keselamatan hartanah yang telah dibeli dan pembeli dinasihatkan untuk membuat laporan polis berkenaan hal kecurian tersebut. Manakala berdasarkan Perjanjian Jual beli yang ditandatangani oleh pembeli dan penjual, sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau kecacatan pada hartanah tersebut, pembeli perlu merujuk kepada pemaju terlibat tertakluk kepada tempoh tanggungan kecacatan (*defect liability period*) yang dinyatakan di dalam perjanjian jualbeli yang telah dipersetujui.
- b) Sebanyak 10 aduan yang telah diterima dari tahun 2013 hingga 2015 berkaitan masalah kerosakan setelah mendapat kunci rumah. Tindakan yang diambil bagi menyelesaikan aduan berkaitan adalah dengan menasihatkan pembeli untuk merujuk kepada pemaju tertakluk kepada tempoh tanggungan kecacatan yang dinyatakan di dalam perjanjian jualbeli yang telah ditandatangani. Sekiranya tempoh kecacatan telah tamat, pembeli dinasihatkan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya pembeli masih tidak berpuas hati dengan keputusan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, pembeli boleh mengambil tindakan sivil di Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah pelaburan yang diperolehi tahun 2015 mengikut pecahan daerah?
- b) Sila senaraikan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh setiap Negeri secara perbandingan dari 2011-2015?
- c) Sila nyatakan apakah strategi yang dirancang bagi menarik lebih ramai pelabur datang ke Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelaburan yang diperolehi bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 mengikut pecahan daerah seperti berikut:-

Daerah	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Petaling	53	3,613	463,373,830	1,718,160,188	2,181,534,018
Klang	29	2,015	507,224,305	358,708,160	865,932,465
Hulu Langat	18	1,055	283,914,223	166,197,758	450,111,981
Gombak	10	852	330,535,070	2,457,000	332,992,070
Kuala Langat	10	719	195,519,787	42,471,630	237,991,417
Hulu Selangor	3	414	67,149,721	0	67,149,721
Kuala Selangor	3	159	4,209,585	12,250,000	16,459,585
Sepang	0	0	0	0	0
Sabak Bernam	0	0	0	0	0
Lain-lain kawasan	4	168	66,765,439	690,000	67,455,439
Jumlah	130	8,995	1,918,691,960	2,300,934,736	4,219,626,696

Sumber : MIDA

- b) Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh setiap Negeri secara perbandingan dari 2011 – 2015 adalah seperti berikut;-

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Johor D.T.	821	99,336	46,773,434,511	27,992,394,044	74,765,828,555
Selangor D.E.	1,102	91,101	23,773,623,036	17,798,088,044	41,571,711,080
Sarawak	127	13,840	8,598,019,835	23,137,947,988	31,735,967,823
Pulau Pinang	579	70,262	10,234,638,122	17,751,151,386	27,985,789,508
Melaka	136	19,658	10,247,686,132	7,387,094,228	17,634,780,360
Kedah D.A.	193	24,044	3,837,400,054	11,825,915,630	15,663,315,684
Negeri Sembilan D.K.	173	18,451	4,475,088,142	9,883,280,519	14,358,368,661
Pahang D.M.	86	9,392	4,946,076,674	9,210,589,517	14,156,666,191
Sabah	113	7,935	10,538,685,380	2,107,044,297	12,645,729,677
Perak D.R.	174	23,013	4,199,757,725	6,132,814,528	10,332,572,253
Terengganu D.I.	51	5,733	1,498,652,725	5,190,529,151	6,689,181,876
Kelantan D.N.	23	2,539	2,409,083,510	340,510,994	2,749,594,504
W.P. - Kuala Lumpur	46	2,811	528,309,926	163,168,369	691,478,295
Perlis I.K.	9	316	280,670,412	3,000,000	283,670,412
W.P.- Labuan	3	58	46,115,941	12,215,950	58,331,891
Jumlah	3,636	388,489	132,387,242,125	138,935,744,645	271,322,986,770

Sumber : MIDA

- c) Antara strategi-strategi yang dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pelabur datang ke Negeri Selangor adalah seperti berikut;-

1. Pengurusan

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakkan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.

- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- ix. Inisiatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- x. Invest Selangor Talent initiative – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xi. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

2. Networking

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

3. Promosi

- a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
- b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- c. Penganjuran Selangor International Expo yang dijadualkan pada 26 – 28 November 2015 bertempat di Seri Kembangan, Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH-TANAH YANG TELAH DIWARTAKAN
SEBAGAI TAPAK MASJID, SURAU DAN SEKOLAH AGAMA**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar terdapat tanah-tanah yang telah diwartakan tetapi masih belum dibangunkan selepas melebihi 2 tahun?
- b) Apakah tindakan/rancangan kerajaan terhadap tanah-tanah tersebut?
- c) Mohon statistik terkini tanah tersebut mengikut pecahan masjid, surau dan sekolah agama

JAWAPAN:

- a) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sedia maklum berkaitan perkara ini memandangkan pewartaan dibuat berdasarkan Rancangan Tempatan setiap PBT. Walau bagaimanapun pembangunan tapak-tapak ini adalah berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.
- b) JAIS akan melaksanakan pemantauan berkala bagi memastikan tapak-tapak tersebut berada di dalam keadaan sempurna.
- c) Seperti Di **LAMPIRAN A**

LAMPIRAN A**STATISTIK TERKINI TANAH TERSEBUT MENGIKUT PECAHAN MASJID,
SURAU DAN SEKOLAH AGAMA**

DAERAH	MASJID		SURAU		SEKOLAH	
	WARTA	MOHON WARTA	WARTA	MOHON WARTA	WARTA	MOHON WARTA
PETALING	36	56	21	181	21	44
GOMBAK	23	22	29	92	19	22
KLANG	43	17	22	52	21	17
KUALA SELANGOR	19	30	5	16	22	24
KUALA LANGAT	25	24	6	6	15	27
HULU SELANGOR	3	8	0	45	5	17
HULU LANGAT	32	27	85	72	35	17
SEPANG	6	25	4	40	3	18
SABAK BERNAM	28	23	3	7	13	27
JUMLAH	215	232	175	511	154	213

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (TPPA)

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri Selangor terhadap TPPA?
- b) Apakah kesan TPPA terhadap Negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan membentangkan kandungan TPPA ini dalam Sidang Dewan Negeri Selangor untuk makluman umum?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Perkongsian Trans-Pasific merupakan satu perjanjian multilateral yang melibatkan negara Asia Pasifik seperti Australia, AS, New Zealand, Kanada, Mexico, Chile, Brunei, Malaysia dan Vietnam. Perjanjian ini dilihat merupakan satu bentuk liberalisasi pasaran di mana negara yang mematerai perjanjian bebas melaksanakan aktiviti perdagangan antara negara tanpa sempadan. Dalam usaha untuk membuka pasaran negara ke tahap globalisasi Kerajaan Persekutuan tidak sedar bahawa perjanjian ini sebenarnya mendedahkan negara kepada risiko pasaran ekonomi bebas. Ini ditambah dengan teks perjanjian yang tidak telus dan dilaksanakan tanpa rundingan terlebih dahulu bersama Kerajaan Negeri sendiri. Kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri hanya menyatakan bahawa tempoh rundingan telah hampir tamat dan membuat kesimpulan bahawa TPPA memberi manfaat besar dan kesan positif kepada ekonomi negara tanpa membuat rundingan terlebih dahulu bersama rakyat.

Kerajaan Negeri Selangor membantah dan tidak bersetuju dengan perjanjian ini berdasarkan hujah seperti berikut :

- i) Konsep globalisasi yang menjadi asas kepada perjanjian ini akan menyukarkan usahawan kecil untuk tumbuh dan kukuh di negara sendiri. Usahawan kecil terpaksa bersaing dengan syarikat gergasi dari luar negara yang sememangnya telah kukuh dan lama bertapak di pasaran antarabangsa. Kepentingan syarikat luar negara dan tempatan adalah sama rata seolah-olah kepentingan dan hak dinafikan di tanah air sendiri;

- ii) Sektor perubatan turut akan terkesan dengan apabila selepas perjanjian ini dimaterai hampir 80% harga ubat akan menjadi mahal sehingga mencecah 1,000%. Ini kerana ubat generik yang lebih murah tidak boleh lagi dijual di Malaysia kerana Malaysia akan terikat menggunakan ubat *patented* (asli) yang dihasilkan syarikat farmaseutikal luar negara. Perkara ini akan lebih membebankan rakyat dan meningkatkan lagi kos sara hidup rakyat Malaysia. Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan bahawa harga ubat tidak akan menjadi mahal tanpa fakta dan asas yang kukuh;
- iii) Perjanjian ini akan membolehkan produk dan barangan daripada luar masuk ke negara secara bebas. Lambakan produk luar negara akan bersaing secara terbuka dengan pasaran tempatan. Ini memberi kesan kehilangan identiti dan produk tradisional sekiranya produk tempatan gagal bersaing dengan produk luar negara. Sekaligus akan jelas bercanggah dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mengukuhkan produk tempatan;
- iv) TPPA turut menjejaskan sektor perkhidmatan meliputi sektor profesional tempatan yang terpaksa bersaing di pasaran terbuka. Adakah gaji dan upah profesional luar sama dengan gaji profesional tempatan turut menjadi persoalan dan adakah profesional Malaysia sudah bersedia berhadapan dengan senario ini dan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk menjaga kepentingan profesional Malaysia; dan
- v) TPPA merupakan satu bentuk penjajahan secara halus negara kuasa besar Amerikak Syarikat untuk mengawal tindak tanduk negara dan memanipulasi negara-negara Asia Pasifik bagi mengatasi kuasa besar China.

Berdasarkan justifikasi-justifikasi berikut, jelas menunjukkan bahawa TPPA akan lebih memberi impak negatif terutama kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Teks perjanjian TPPA yang tidak didedahkan kepada Kerajaan Negeri mahupun umum menyebabkan rakyat tertanya-tanya apakah perjanjian ini mampu membela dan menjaga kepentingan rakyat Malaysia atau sebaliknya. Kerajaan Persekutuan hanya memberikan janji dan pelbagai jaminan bahawa perjanjian ini tidak akan menjejaskan kepentingan rakyat tanpa memberi fakta yang jelas terhadap pernyataan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : WABAK DENGGI

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini kes denggi di Selangor mengikut umur dan PBT?
- b) Apakah faktor kegagalan kerajaan negeri mengekang wabak denggi?

JAWAPAN:

- a) Statistik terkini kes denggi di Selangor mengikut umur dan PBT adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dalam menangani isu denggi di Negeri Selangor. Namun, kes denggi di Negeri Selangor masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya walaupun usaha giat membanteras denggi telah mula dijalankan sejak tahun 2013.

Antara cabaran utama denggi di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Sikap masyarakat yang tidak endah/ tidak ambil tahu mengenai kebersihan dan keadaan persekitaran rumah kediaman mereka;
- ii. Kurangnya kefahaman masyarakat mengenai kaedah pencegahan demam denggi dan menganggap aktiviti semburan sebagai aktiviti pencegahan demam denggi;
- iii. Sikap masyarakat yang suka membuang sampah merata-rata;
- iv. Tapak binaan yang tidak diselenggara dengan baik dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes;
- v. Faktor kepadatan penduduk dan pergerakan populasi yang aktif;
- vi. Masalah komunikasi / interaksi dengan warga asing yang sukar memahami arahan dan peraturan setempat;
- vii. Faktor kecacatan struktur bangunan yang membolehkan takungan air dan menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat pembiakan denggi;
- viii. Pengurusan sisa pepejal yang tidak mengikut jadual;
- ix. Sifat penyakit denggi yang disebarkan secara 'transovaril transmission';

- x. Sifat nyamuk aedes yang mudah *resistant* terhadap sejenis racun apabila terdedah dalam satu tempoh yang lama; dan
- xi. Kekurangan tenaga kerja dan logistik di peringkat PBT dalam menjalankan tugas Pemusnahan Pembiakan Aedes (PPA) di lapangan.

LAMPIRAN A

DAERAH	UMUR(TAHUN)											JUMLAH
	0-5	6-11	12-17	18-23	24-29	30-35	36-41	42-47	48-53	54-59	60 keatas	
GOMBAK	379	595	874	840	891	871	519	380	256	181	200	5986
HULU LANGAT	872	1126	1554	1879	1931	1625	1155	767	553	386	377	12225
HULU SELANGOR	44	74	136	136	143	118	94	66	47	22	27	907
KLANG	335	473	850	1038	1111	902	604	431	339	222	274	6579
KUALA LANGAT	36	77	124	152	168	144	98	66	52	38	37	992
KUALA SELANGOR	36	46	86	108	91	102	74	59	41	18	29	690
PETALING	1266	1636	2062	3730	3943	3080	2002	1375	860	624	843	21421
SABAK BERNAM	12	18	45	47	20	36	12	21	14	16	17	258
SEPANG	123	148	195	786	382	278	172	141	90	37	40	2392
JUMLAH												51450

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : GST

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan cukai GST terbukti telah amat membebankan rakyat berpendapatan rendah di Selangor, adakah kerajaan bercadang untuk menyerap semua atau sebahagian cukai GST yang dibayar dikenakan terhadap rakyat Selangor atas semua atau sebahagian perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini, jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri tidak mengenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) atas apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan kerana seluruh perkhidmatan jabatan tersebut adalah di luar skop kenaaan GST. Perkara ini selaras dengan Seksyen 64, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 berhubung "**Ketidakkpakaian Terhadap Kerajaan**" atau *Non-Application to Government*. Sungguhpun begitu, cukai GST dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang ditawarkan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor **kecuali** perkhidmatan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pengawalseliaan.

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 20/2015 yang bersidang pada 24 Jun 2015 (*telah disahkan oleh mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Ke 21/2015 pada 1 Julai 2015*) **bersetuju untuk tidak mempertimbangkan** cadangan menyerap Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) yang dikenakan terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor kerana **ianya bertentangan dengan prinsip Kerajaan Negeri yang telah memutuskan bahawa GST adalah tidak wajar dilaksanakan pada waktu ini sehingga elemen ketirisan diselesaikan di peringkat Kerajaan Persekutuan**. Selaras dengan itu, dasar yang sama adalah terpakai untuk semua Badan Berkanun Negeri di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : KUOTA OKU DI PEJABAT KERAJAAN

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kuota OKU telah diisi di setiap jabatan dibawah Kerajaan Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan data perjawatan yang dikemas kini sehingga 30 Jun 2015, seramai **72 orang** pegawai Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah dilantik daripada pelbagai skim dan gred di 42 Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

MAKLUMAT TAMBAHAN :**PERINCIAN JUMLAH PEGAWAI OKU MENGIKUT JABATAN/ AGENSI,
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN BADAN BERKANUN
NEGERI (BBN)**

BIL.	JABATAN / PBT/ BBN	JUMLAH OKU
1.	Jabatan	
	a. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	3
	b. Perbendaharaan Negeri Selangor	1
	c. Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Tiada
	d. Jabatan Kerja Raya	7
	e. Jabatan Mufti	Tiada
	f. Jabatan Agama Islam Selangor	6
	g. Pejabat Tanah dan Galian	4
	h. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Tiada
	i. Jabatan Perhutanan	Tiada
	j. Jabatan Pengairan dan Saliran	10
	k. Jabatan Pertanian	Tiada
	l. Jabatan Kebajikan Masyarakat	2
	m. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Tiada
	n. Pejabat DYMM Sultan Selangor	Tiada
	o. Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	Tiada
	p. Pejabat Daerah Tanah Petaling	2
	q. Pejabat Daerah Tanah Klang	Tiada
	r. Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat	Tiada
	s. Pejabat Daerah Tanah Gombak	1

BIL.	JABATAN / PBT/ BBN		JUMLAH OKU
	t.	Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat	Tiada
	u.	Pejabat Daerah Tanah Sepang	1
	v.	Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor	Tiada
	w.	Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor	Tiada
	x.	Pejabat Daerah Tanah Sabak Bernam	Tiada
Jumlah di Jabatan/ Agensi			37
2.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)		
	a.	Majlis Bandaraya Shah Alam	6
	b.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	4
	c.	Majlis Perbandaran Selayang	Tiada
	d.	Majlis Perbandaran Sepang	Tiada
	e.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2
	f.	Majlis Perbandaran Kajang	6
	g.	Majlis Perbandaran Klang	7
	h.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2
	i.	Majlis Daerah Kuala Langat	Tiada
	j.	Majlis Daerah Kuala Selangor	1
	k.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada
	l.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2
Jumlah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)			30
3.	Badan Berkanun Negeri (BBN)		
	a.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1
	b.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Tiada

BIL.	JABATAN / PBT/ BBN		JUMLAH OKU
	c.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	4
	d.	Lembaga Urus Air Selangor	Tiada
	e.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Tiada
	f.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Tiada
Jumlah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)			5
JUMLAH KESELURUHAN			72

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : JEREBU DAN UDARA BERSIH

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani masalah jerebu?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian serius mengenai jerebu yang melanda Negara kita. Berdasarkan pemantauan dan laporan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Meteorologi Malaysia, masalah jerebu yang berlaku baru-baru ini bermula pada 22 Ogos 2015 sehingga kini adalah berpunca daripada pencemaran jerebu merentas sempadan daripada Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Keadaan ini telah menjejaskan status kualiti udara di kebanyakan negeri di Malaysia termasuk Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, keadaan jerebu setempat boleh terjadi sekiranya berlaku kebakaran hutan terutama di kawasan hutan paya gambut atau sekitarnya daripada asap yang terhasil secara berterusan daripada kebakaran tanah gambut itu sendiri kerana kebakaran boleh merebak sedalam beberapa meter ke bawah tanah gambut disebabkan penurunan paras air tanah yang ketara akibat musim panas dan kering serta tiada sumber air di lokasi bagi memadam kebakaran tersebut.

Untuk makluman Ahli- Ahli Yang Berhormat, penyelesaian jangka pendek yang telah di laksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah menjalankan tindakan pemantauan secara sistematik di kawasan hutan dan sekitarnya yang dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Sekiranya kebakaran dikesan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor akan dihubungi untuk tindakan pemadaman segera.

Bagi kes kebakaran hutan yang berskala besar, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah membuat perolehan set peralatan pemadaman kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali sebagai "Peat Fire-X (PFX)". Set peralatan tersebut terdiri daripada serbuk PFX, pam, hos, 2 buah tangki pembancuh masing-masing berkapasti 500 dan 100 gelen. Peralatan tersebut kini ditempatkan di Majlis Perbandaran Klang dan pernah digerakkan untuk membantu pemadaman kebakaran tanah gambut di kawasan berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Selatan pada bulan Februari 2015.

Seterusnya, bagi penyelesaian jangka panjang, antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam mengawal kebakaran hutan yang akan mengakibatkan jerebu di kawasan setempat adalah meningkatkan paras air tanah dan saliran yang sedia ada di kawasan hutan paya gambut dan sekitarnya yang kritikal di Negeri Selangor seperti di Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Raja Musa.

Pembinaan infrastruktur seperti *check dam*, *tube well*, kolam takungan, menara tinjau dan saluran paip air telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Wilayah Persekutuan/Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di bawah Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Yang Sering Terbakar oleh Jabatan Alam Sekitar secara berperingkat sejak tahun 2009 sehingga kini.

Untuk makluman, sebanyak 17 buah *check dam*, 6 buah *tube well*, sebuah kolam takungan dan sebuah menara tinjau telah dibina di sekitar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (Pulau Kempas), sebuah *tube well* di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan sebuah *check dam* dan saluran paip air sepanjang 1.15km telah dibina di Hutan Simpan Raja Musa.

Pada tahun 2015, program ini diteruskan dengan pembinaan beberapa lagi infrastruktur seperti *tube well* dan kolam takungan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan serta saluran paip air di Hutan Simpan Raja Musa.

Pada masa yang sama, tindakan, Kerajaan Negeri turut mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Perhutanan ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 15 Oktober 2015, tindakan undang-undang yang telah diambil bagi kesalahan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti

Alam Sekeliling 1974 ialah sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan dan 16 Kertas Siasatan telah disediakan untuk mengambil tindakan mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : AKHBAR SELANGORKINI

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos keseluruhan penerbitan akhbar Selangorkini yang diperuntukan untuk sepanjang tahun?
- b) Apakah matlamat utama penerbitan akhbar ini dan adakah ianya telah tercapai?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan peruntukkan akhbar Selangor Kini bagi tahun 2015 adalah berjumlah RM8,478,486.03 yang mana merangkumi kos gaji staf editorial, kos percetakan akhbar, kos pengedaran akhbar, kos penterjemahan dan lain-lain kos sampingan berkaitan pengeluaran akhbar Selangor Kini.
- b) Mewujudkan sistem komunikasi berkesan di antara Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Selangor demi mewujudkan perkongsian harmoni dalam membangunkan Negeri Selangor. Berupaya menyebarkan kefahaman mengenai dasar dan halatuju Negeri dan mampu mengumpul maklumbalas daripada rakyat. Pemantauan dan kaji selidik berterusan sedang di lakukan untuk mengenal pasti hasil penyebaran informasi dan berita kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN RM200,000 AHLI DEWAN NEGERI PEMBANGKANG

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menerima sebarang surat rasmi daripada Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang menolak penggunaan peruntukan RM200,000?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang masih tidak menggunakan peruntukan RM200,000 tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 September 2015, Kerajaan Negeri tiada menerima sebarang surat rasmi daripada Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan yang menolak penggunaan peruntukan tersebut.
- b) Kerajaan Negeri melalui cabutan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 30/2015 yang diadakan pada 17 September 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 31/2015 pada 22 September 2015 bersetuju meluluskan penyelarasan semula peruntukan mesra rakyat berjumlah **RM2,400,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Juta Empat Ratus Ribu Sahaja)** iaitu RM200,000.00 kepada setiap 12 kawasan DUN Bukan Kerajaan di Negeri Selangor untuk digunakan oleh Pegawai Penyelaras ADN yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada perkara berikut:
 - i) Bersetuju cadangan penyelarasan semula penggunaan peruntukan pembangunan Perkhidmatan Masyarakat yang disediakan kepada ADN Bukan Kerajaan berjumlah RM200,000.00 boleh digunapakai oleh Pegawai Penyelaras DUN;
 - ii) Bersetuju peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat ADN Bukan Kerajaan digunapakai oleh Pegawai Penyelaras DUN tertakluk apabila peruntukan pembangunan sedia ada kawasan DUN yang diselia oleh Pegawai Penyelaras DUN tahun 2015 berjumlah RM500,000.00 dan baki peruntukan pembangunan tahun 2014 telah habis dibelanjakan; dan
 - iii) Perbelanjaan/ penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KERAP BERLAKU KEJADIAN BANJIR KILAT DI JALAN HJ ABDUL
MANAN PERSIMPANGAN KLANG SENTRAL MERU**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah saiz longkang dan ketinggian jalan salah satu punca?
- b) Bilakah jangkaan ia dapat dibaik pulih?

JAWAPAN:

- a) Ya, saiz longkang dan ketinggian jalan adalah merupakan salah satu punca berlakunya banjir kilat di Jalan Hj Abdul Manan.
- a) Masalah ini akan dapat diatasi sekiranya jalan tersebut serta longkang di sekitar jalan dinaikaras secara menyeluruh bagi membolehkan pengaliran air yang sempurna. Kebanyakan *scupper drain* yang telah tersumbat telah dibaiki namun ianya masih belum mencukupi untuk menangani masalah ini.

Bagi menangani masalah banjir kilat ini, pihak JPS telah pun membuat cadangan permohonan bagi kerja-kerja menaiktaraf system saluran di Sg Kapar Kecil dan permohonan telah dikemukakan untuk perlaksanaan pada tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : EKONOMI

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri membantu mengurangkan beban Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan ke atas sektor SME?

JAWAPAN:

- a) Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) adalah akta yang diperkenalkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan Persekutuan terpelihara.

Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa manfaat hasil daripada pengenalan GST ini. Namun demikian, Kerajaan Negeri menyedari bahawa kesan GST ini memberi tamparan hebat kepada pendapatan benar rakyat kerana setelah diperkenalkan terdapat kenaikan pada harga barangan dan perkhidmatan pengguna.

Kerajaan Negeri juga sedar bahawa akibat kenaikan harga barang ini, terdapat pengurangan kepada jualan barangan dan perkhidmatan di dalam sektor SME akibat tindakan pengguna yang membuat *adjustment* kepada perbelanjaan mereka.

Kerajaan Negeri sudah tentu tidak mempunyai keupayaan untuk menyediakan bantuan atau menyerap sebarang kerugian kepada sektor SME akibat pengenalan GST dalam sistem percukaian negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PENGOREKAN PASIR LAUT

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi aktiviti pengorekan pasir laut yang terdapat di Selangor?
- b) Adakah kerajaan negeri mengeluarkan kebenaran untuk aktiviti pengorekan pasir laut?
- c) Senaraikan syarikat yang diberi lesen kebenaran untuk mengorek pasir laut?

JAWAPAN:

- a) Lokasi aktiviti pengorekan pasir laut berada di luar perairan Negeri Selangor iaitu melebihi 3 batu nautika.
- b) Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan kebenaran untuk aktiviti pengorekan pasir laut iaitu di dalam 3 batu nautika perairan negeri. Walau bagaimanapun, bagi projek Taman Perindustrian Pulau Indah Fasa 3, LUAS telah mengeluarkan kebenaran untuk aktiviti menyedut pasir dari '*stockpile*' yang terdapat di dalam perairan Sungai Chandong iaitu bersebelahan dengan Pelabuhan Barat. Sumber pasir yang diambil adalah di luar perairan negeri.
- c) Antara syarikat yang telah diberi lesen oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan adalah seperti berikut;
 - i. Jicom Sdn Bhd,
 - ii. Ramacon Corporation Sdn Bhd, dan
 - iii. Desa Cempaka Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua jabatan, agensi atau bangunan kerajaan negeri yang masih belum didirikan pusat jagaan kanak-kanak, sepertimana yang telah dijanjikan di dalam manifesto pilihanraya yang lepas?
- b) Apakah sasaran untuk meningkatkan bilangan pusat jagaan kanak-kanak dalam tahun akan datang?

JAWAPAN:

- a) Dijawab oleh Pejabat Menteri Besar.
- b) Untuk makluman, Pusat Jagaan adalah premis yang memberi jagaan, perlindungan, latihan dan pemeliharaan kepada kumpulan sasar JKM iaitu kanak-kanak, orang tua, remaja, OKU, orang papa, anak yatim sama ada berkediaman atau harian. Manakala TASKA adalah satu premis yang mengasuh kanak-kanak berumur bawah 4 tahun dan dibayar dengan sejumlah upah.

Bagaimanapun merujuk peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, terdapat 4 jenis TASKA dan TASKA tempat kerja merupakan salah satu daripadanya.

Salah satu sasaran JKM ialah untuk mendaftarkan sejumlah TASKA merangkumi TASKA Tempat kerja. Bagi memenuhi sasaran tersebut, antara program yang dirancang untuk dilaksanakan termasuk Program-program advokasi seperti Program Jom Daftar TASKA, Taklimat TASKA Tempat Kerja dan Taklimat daripada agensi seperti LHDN, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba dan penyelamat serta mengadakan Mesyuarat One Stop Centre Bersama Agensi Teknikal bagi membincangkan masalah yang timbul dalam pendaftaran TASKA tempat kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENGAMBILALIHAN AIR SELANGOR

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang menyebabkan kelewatan menandatangani perjanjian tersebut
- b) Huraikan syarat-syarat tambahan yang ditetapkan kerajaan persekutuan
- c) Nyatakan jumlah pampasan yang telah dipersetujui untuk dibayar kepada ABASS, Splash dan Puncak Niaga

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : TERDAPAT PERMINTAAN TINGGI UNTUK MEMASUKI MAAHAD
INTEGRASI TAHFIZ SAINS (MITS) SELANGOR**

191 Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah permohonan diterima setiap tahun dari 2008 hingga 2014 ?
- b) Berapa jumlah pelajar di terima masuk setiap tahun dari 2008 hingga 2014 ?
- c) Apakah rancangan Kerajaan untuk menambah bilangan MITS di Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan diterima setiap tahun dari 2008 hingga 2014:

BIL	TAHUN	PERMOHONAN
1	2008	1032
2	2009	1125
3	2010	1450
4	2011	1424
5	2012	1341
6	2013	2625
7	2014	1935
JUMLAH		10,932

b) Jumlah pelajar di terima masuk setiap tahun dari 2008 hingga 2014:

BIL	TAHUN	JUMLAH	MITIS
1	2008	60	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat
2	2009	240	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat • Klang
3	2010	120	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat • Klang
4	2011	120	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat • Klang
5	2012	120	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat • Klang
6	2013	170	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat, Klang • Sabak Bernam
7	2014	170	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Langat • Klang • Sabak Bernam
JUMLAH		1000	

c) Berikut adalah senarai MITIS sedia ada dan sedang dalam pembinaan:

2008 hingga 2015	Tambahan 2016
3 buah	1 buah
MITIS Kuala Langat , MITIS Klang, MITIS Sabak Bernam	MITIS Sepang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERTANIAN

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian sayuran secara komersial?
- b) Nyatakan jenis dan jumlah bantuan yang disediakan kepada mereka jika ada?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakan kepada golongan belia untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian terutama sekali bagi tanaman sayur secara komersil. Melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor pelbagai bentuk bantuan diberikan termasuk input pertanian seperti baja, benih dan racun serta peralatan jentera kecil seperti mesin pembajak kecil, pam air dan pam racun. Selain itu, peserta dari kalangan belia diberi bimbingan bagi mendapatkan sijil MyGAP dan pendedahan kepada peluang-peluang pasaran yang luas melalui ladang kontrak dan jualan terus hasil pertanian.
- b) Jenis bantuan yang disediakan seperti berikut;
 - i. Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM 480,000.00 bagi pembangunan tanaman sayur.
 - ii. Untuk peserta Agro Generasi Muda di bawah bimbingan Jabatan Pertanian, sebanyak RM 170,000.00 telah diperuntukkan bagi projek-projek yang telah diluluskan untuk tahun 2015. Antara bantuan yang diberikan adalah input seperti baja dan peralatan kecil pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah permohonan program Hijrah dan jumlah yang diluluskan mengikut DUN dan kaum masing-masing.
- b) Nyatakan pencapaian pungutan bayaran pinjaman masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Sehingga Oktober 2015, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan dan kelulusan pinjaman sehingga Oktober 2015 adalah seramai 11,378 orang peserta dengan jumlah pinjaman RM 59,363,000.00. Bilangan peserta mengikut kaum adalah seperti berikut :

CAWANGAN (PARLIMEN)	MELAYU	CINA	INDIA	BUMIPUTERA SABAH	BUMIPUTERA SARAWAK	JUMLAH
CAWANGAN KAPAR	544	8	34	0	0	586
CAWANGAN KLANG	267	6	28	0	0	302
CAWANGAN KOTA RAJA	415	4	78	19	0	517
CAWANGAN KUALA SELANGOR	684	2	35	0	1	724
CAWANGAN SABAK BERNAM	715	1	0	0	0	717
CAWANGAN SHAH ALAM	290	2	9	1	0	302
CAWANGAN SUNGAI BESAR	986	3	2	0	0	994
CAWANGAN TANJUNG KARANG	640	3	12	0	0	647
JUMLAH ZON	4,541	29	198	20	1	4,789
CAWANGAN AMPANG	233	0	0	0	0	233

CAWANGAN HULU LANGAT	632	4	4	0	1	636
CAWANGAN KUALA LANGAT	601	9	47	1	0	662
CAWANGAN PANDAN	274	4	0	1	0	279
CAWANGAN PUCHONG	235	2	11	1	0	249
CAWANGAN SEPANG	784	1	8	3	1	798
CAWANGAN SERDANG	397	3	2	1	0	403
JUMLAH ZON	3,156	23	72	7	2	3,260
CAWANGAN GOMBAK	234	0	1	0	0	235
CAWANGAN HULU SELANGOR	785	4	79	2	0	870
CAWANGAN KELANA JAYA	225	2	28	1	0	256
CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	288	3	0	3	1	296
CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	198	2	5	0	1	206
CAWANGAN SELAYANG	507	18	10	0	1	537
CAWANGAN SUBANG	904	4	22	1	0	929
JUMLAH ZON	3,141	33	145	7	3	3,329
HIJRAH SELANGOR	10,838	85	415	34	6	11,378

- b) Sehingga September 2015, terdapat seramai 11,378 peserta dengan nilai sebanyak RM 59,363,000.00 juta telah menerima pinjaman HIJRAH SELANGOR. HIJRAH SELANGOR telah berjaya mengutip semula bayaran balik pinjaman yang telah dijadualkan sebanyak RM 10,273,246.02 juta atau 99% daripada jumlah patut bayar.

Berikut adalah data bayaran balik Hijrah Selangor sehingga Oktober 2015:

CAWANGAN (PARLIMEN)	Peratus
CAWANGAN KAPAR	100.84%
CAWANGAN KLANG	99.93%
CAWANGAN KOTA RAJA	99.49%
CAWANGAN KUALA SELANGOR	98.79%
CAWANGAN SABAK BERNAM	103.64%
CAWANGAN SHAH ALAM	106.18%
CAWANGAN SUNGAI BESAR	103.29%
CAWANGAN TANJUNG KARANG	101.71%
CAWANGAN AMPANG	98.04%
CAWANGAN HULU LANGAT	102.56%
CAWANGAN KUALA LANGAT	95.57%
CAWANGAN PANDAN	98.14%
CAWANGAN PUCHONG	96.23%
CAWANGAN SEPANG	100.43%
CAWANGAN SERDANG	95.67%
CAWANGAN GOMBAK	105.76%
CAWANGAN HULU SELANGOR	97.51%
CAWANGAN KELANA JAYA	98.98%
CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	93.34%
CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	100.62%
CAWANGAN SELAYANG	92.71%
CAWANGAN SUBANG	106.32%
HIJRAH SELANGOR	99.69%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KESIHATAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah peserta yang telah mengikuti program memogram Kerajaan Selangor bagi tempoh tahun 2013-2015?
- b) Berapakah kos yang telah dibelanjakan bagi Program Skim Kesihatan Wanita tahun 2013-2015?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan dan menambahkan manfaat program SKW ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri komited dan mengambil berat perihal kesihatan rakyat di Negeri Selangor. Golongan wanita merupakan penyumbang besar di atas kesejahteraan negeri. Justeru itu, Program Skim Kesihatan Wanita (SKW) yang telah dilancarkan semenjak tahun 2010 masih giat dilaksanakan sehingga kini.

Sebagai makluman semua, bagi tahun 2013 hingga September 2015 terdapat seramai 2,656 orang peserta yang telah menerima manfaat dari program SKW dengan perbelanjaan sebanyak RM242,370.00.

- c) Kerajaan Negeri Selangor sememangnya amat komited dan serius dalam melaksanakan Program SKW ini. Justeru itu, program ini akan diteruskan pelaksanaannya dengan penambahbaikan sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 26/2015 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2015 disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 27/2015 pada 26 Ogos 2015. Syor penambahbaikan yang telah diluluskan adalah :

1) **Kos Pemeriksaan Saringan Mammogram**

- (i) Penambahbaikan dari segi kos pemeriksaan mammogram yang dahulunya RM90.00 seorang kepada had maksima RM150.00 seorang setelah mengambilkira kenaikan harga pasaran yang mana tiada lagi pembekal perkhidmatan yang dapat menawarkan harga pemeriksaan saringan mammogram serendah RM90.00 dan ianya tidak mengambilkira pelaksanaan GST pada ketika itu.

- (ii) Manakala bagi peserta yang perlu kepada pemeriksaan susulan melalui ultrasound atas nasihat doktor yang membuat saringan mammogram tersebut, kos pemeriksaan ultrasound tersebut dicadangkan agar ianya turut diperuntukkan dengan had maksima berjumlah RM100.00 kepada peserta mammogram atas keprihatinan Kerajaan Negeri kepada golongan ini.

2. **Peluasan Pembekal Perkhidmatan / Service Provider Pemeriksaan Saringan Mammogram**

- (i) Terdapat beberapa kekangan pembekal perkhidmatan mammogram sedia ada dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan saringan mammogram tersebut seperti berikut :
- waktu perkhidmatan yang terhad;
 - mengikut jadual *service provider* yang ditetapkan; dan
 - program pemeriksaan mammogram dibatalkan disaat akhir.
- (ii) Dengan penambahbaikan kadar kos bagi pemeriksaan saringan mammogram ini kepada had maksima RM150 seorang, Kerajaan Negeri dapat memperluaskan kemudahan penyediaan perkhidmatan ini kepada golongan wanita dengan menambahkan lagi penyertaan pihak hospital swasta di seluruh Selangor yang dapat menawarkan perkhidmatan mammogram dengan harga tersebut. Perkhidmatan ini tidak lagi tertakluk dan terhad kepada satu *service provider* sahaja. Antara hospital yang menawarkan perkhidmatan selaras dengan kadar bayaran yang telah ditentukan adalah :-
- MAKNA
 - NCSM
 - Columbia Asia
 - BP Health Care
 - KPJ
 - Salam Medical Centre
 - DEMC
- (iii) Ini secara tidak langsung mewujudkan persaingan yang sihat dikalangan *service provider* yang terpilih di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri dan golongan wanita Selangor.

- (iv) Selain itu, logistik dan pergerakan para peserta skim ini ke *service provider* berhampiran dapat dirancang dengan lebih baik dan teratur oleh agensi pelaksana program iaitu RMSB.

3. **Penggunaan Peruntukan Pembangunan P01-20003 Skim Kesihatan Wanita**

- (i) Peruntukan Pembangunan P01-20003 Skim Kesihatan Wanita berjumlah RM1,000,000.00 setiap tahun diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan pemeriksaan mammogram (*screening*) sahaja sebelum penambahbaikan.
- (ii) Sehubungan itu, dengan penambahbaikan ini turut mengambilkira bebanan tanggungan bayaran lain selain daripada pemeriksaan mammogram (*screening*). Penggunaan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 itu nanti akan meliputi bayaran termasuk kos :-
- Pemeriksaan saringan Mammogram (*screening*);
 - *Ultrasound* (atas nasihat doktor sekiranya perlu);
 - Logistik mobilisasi ;dan
 - Promosi SKW

Dengan penambahbaikan program Skim Kesihatan Wanita (SKW) – Mammogram Selangor (MammoSel) ini, Kerajaan Negeri berharap lebih ramai wanita di Negeri Selangor akan mampu diberikan manfaat dan menikmati khidmat mammogram ini secara percuma. Dengan cara ini diharapkan juga pengesanan awal terhadap gejala kanser payudara ini dapat dikesan di peringkat awal lagi dan lebih banyak nyawa akan mampu diselamatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PENERANGAN KEPADA RAKYAT

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah medium penerangan dasar serta program KNS, selain TV Selangor dan akhbar Selangor kini?
- b) Apakah perancangan masa depan TV Selangor untuk memantapkan lagi pengurusan serta mengembangkan penembusan siaran kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Sebaran maklumat program Kerajaan Negeri Selangor disebarikan menerusi pelbagai medium media massa sama ada secara atas talian, televisyen ataupun akhbar. Selain menggunakan agensi milik negeri, Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB), Kerajaan Negeri juga turut menggunakan laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri melalui pautan <http://selangor.gov.my> yang dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM).

Selain dari itu, Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memasang beberapa *billboard* milik PBT di lokasi tertentu dalam usaha tersebut. Sesi pertemuan diantara ADUN-ADUN dan Penyelaras DUN serta wakil-wakil pimpinan peringkat akar umbi juga memainkan peranan dalam memberi maklumat terkini dasar Kerajaan Negeri.

Program Turun Padang YAB Dato' Menteri Besar di setiap daerah seluruh Selangor juga turut sama memberi penerangan secara berkelompok terus kepada rakyat.

Kerajaan Negeri juga menjalin hubungan kerjasama dengan akhbar-akhbar tempatan dalam menyebarkan lagi penerangan dasar kerajaan Negeri melalui wawancara khas serta pengiklanan.

- b) CCSB berhasrat untuk mengenal pasti dan merancang mengadakan lebih banyak program-program TV Selangor untuk media Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PROGRAM KAJIAN PAVEMEN

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumah peruntukan bagi melaksanakan Program Kajian Pavemen
- b) Nyatakan pihak yang diberi tanggungjawab melaksanakan kajian tersebut
- c) Bilakah program tersebut akan dilaksanakan serta kawasan-kawasan yang dikenalpasti

JAWAPAN:

- a) Nilai Kontraknya ialah sebanyak RM 1,836,160.00.
- b) Selia Selenggara Sdn Bhd.
- c) Kontrak telah bermula pada 15 Disember 2014 dan akan tamat pada 15 Disember 2016. Kawasan yang dikenalpasti ialah di sembilan daerah dalam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1993

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Pekeliling ini digunapakai oleh kerajaan negeri?
- b) Berapakah jumlah kutipan kerajaan negeri daripada bayaran kepada pegawai-pegawai kerajaan yang melebihi had maksima ditetapkan seperti Pekeliling ini, mengikut tahun sejak 2004?

JAWAPAN:

- a) Pada dasarnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1993 hanya dijadikan panduan asas bagi melayakkan pegawai kerajaan menerima bayaran elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi / Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan / Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan.

Hal sedemikian kerana penetapan jumlah kadar bayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri Besar / Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) / Badan-badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan / Anak Syarikat Kerajaan Negeri masing-masing dan tidak terikat dengan kadar yang dinyatakan dalam Pekeliling tersebut.

- b) Kaedah pelaksanaan pembayaran elaun-elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik sama ada menjadi Pengerusi atau Ahli Lembaga Jemaah Pengarah dalam mana-mana Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan adalah di bawah tanggungjawab Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan tersebut dan tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

Dalam hal ini, Pihak Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) juga mengesahkan bahawa Kod Pendapatan tidak diwujudkan dalam sistem gaji berkomputer (*payroll*) Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut. Berdasarkan semakan, Pentadbiran Kerajaan Negeri mendapati tiada sebarang Kod Potongan diwujudkan bagi bayaran lebihan yang perlu dipulangkan oleh Pegawai Kerajaan yang terlibat. Pewujudan Kod Potongan ini adalah berdasarkan kepada permohonan daripada Jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : STATUS PROJEK STADIUM MINI PAYA JARAS DAN KOMPLEKS
PASAR MODEN PAYA JARAS**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek tersebut?
- b) Bilakah dijangka projek ini akan dimulakan pembinaannya?

JAWAPAN:

- a) Status terkini projek tersebut adalah seperti berikut:

i) *Cadangan Projek Stadium Mini Paya Jaras*

Rekabentuk Cadangan Pembinaan Kompleks Sukan Paya Jaras di sebahagian Lot 3279, Jalan Delima 4, Seksyen U18 untuk Majlis Bandaraya Shah Alam telah dibentangkan oleh perunding iaitu Tetuan Mohd Nor Arkitek (MNA) kepada Jawatankuasa Pemandu Projek Khas Majlis Bandaraya Shah Alam pada 30hb September 2015 (Rabu). Beberapa penambahan komponen kepada ruang yang telah direkabentuk perlu ditambahbaik oleh perunding dan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Khas tersebut. Projek yang bernilai RM6.9 juta tersebut akan merubah landskap kawasan sekitar dengan pembinaan grandstand yang boleh memuatkan sehingga 400 org penonton, tempat letak kereta yang lebih tersusun, lampu limpah yang bakal menerangi padang pada waktu malam dan kualiti padang serta rumput yang boleh dibanggakan.

ii) *Cadangan Membina Kompleks Pasar Moden 6 Tingkat Dengan Kemudahan Kedai Di Tingkat 1-3, Tempat Letak Kereta Di Tingkat 4-5 Dan Padang Bola (Futsal) Di Atas Bumbung Di Atas Sebahagian Lot 1057, Paya Jaras, Sek. U19, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan*

Rekabentuk Cadangan Pembinaan Kompleks Pasar Moden 6 tingkat di atas sebahagian Lot 1057, Paya Jaras ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Perolehan Negeri Bil 11/2015. Secara dasarnya Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tetapi rekabentuk pasar ini perlu diubah menjadi bangunan 'low rise'. Tujuan projek ini adalah untuk menaiktaraf serta membantu para peniaga yang berniaga di kawasan ini. Konsep asal yang dicadangkan adalah dengan mengambil konsep pasar

moden yang dicadangkan di Taman Seri Muda, Seksyen 25, Shah Alam. Projek ini dijangkakan akan menelan belanja RM40 juta.

Perunding bagi projek ini masih belum dilantik memandangkan tapak bagi projek ini masih belum diwartakan sepenuhnya bagi penggunaannya. Satu perbincangan akan diatitkan bagi membincangkan isu dan masalah yang dikenal pasti antaranya :

- Pewartaan tapak cadangan yang masih belum selesai,
- Cadangan pengambilan sebahagian tapak kawasan lapang bersebelahan tapak cadangan berikutan keluasan tapak cadangan asal berkurangan setelah mengambil kira keperluan bagi penyerahan kembali tanah untuk penaiktarafan saliran, pembesaran jalan dan lain-lain perkhidmatan,
- Mendapatkan tapak pemindahan sementara bagi pegerai-pegerai sedia ada dan peniaga tapak pasar malam.

b) Projek ini dijangka bermula pembinaannya seperti perincian berikut :

i) *Cadangan Projek Stadium Mini Paya Jaras*

Cadangan Projek Stadium Mini Sukan Paya Jaras ini seperti projek-projek pembinaan yang direkabentuk dan diseliakan oleh sepasukan perunding yang terdiri daripada Arkitek, Juru Rancang Bandar, dan Jurutera, perlu menyediakan pelan-pelan pembinaan (construction drawing) dan pelan-pelan yang perlukan dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

Pihak Majlis menjangkakan projek yang akan mengambil masa 8 bulan untuk dilaksanakan ini akan dimulakan pada bulan Januari 2016 dan siap pada bulan Ogos 2016.

ii) *Cadangan Projek Kompleks Pasar Moden Paya Jaras*

Cadangan Projek Kompleks Pasar Moden Paya Jaras ini akan melalui proses yang sama seperti projek-projek Majlis yang lain iaitu lantikan Perunding yang terdiri dari Arkitek, Juru Rancang Bandar, Jurutera serta Perunding-Perunding lain yang berkaitan untuk menjayakan projek ini. Tempoh diantara lantikan Perunding, iklan tawaran kerja, penyiapan dokumen tender bagi lantikan kontraktor dan lain-lain dianggarkan dalam masa 6 bulan. Manakala bagi kerja-kerja pembinaan bangunan sehinggalah proses penyiapan dalaman bangunan termasuk bekalan air dan elektrik akan mengambil masa 24 - 30 bulan. Dijangkakan projek akan siap sepenuhnya dan boleh diduduki pada **penghujung 2017 atau pertengahan 2018.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dan sasaran yang hendak dicapai untuk tahun 2015-2020 di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat?
- b) Senaraikan jumlah CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT dan lokasi.
- c) Sejauh manakah pemasangan CCTV berjaya mengurangkan kadar jenayah?

JAWAPAN:

- a) PBT meletakkan sasaran perancangan untuk mengurangkan kadar jenayah dalam konteks jenayah jalanan dan jenayah harta benda sekurang-kurangnya mencapai sehingga 20 peratus. Selain itu, PBT memperkasakan lagi 15 langkah yang terdapat di dalam Pelan Induk Program Bandar Selamat yang mengandungi pelan-pelan tindakan yang berkaitan dengan penyediaan elemen pencegahan jenayah dari aspek sosial, fizikal dan keselamatan. Penyediaannya turut memfokuskan kepada kerjasama serta perkongsian pintar di antara pihak-pihak berkepentingan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Jabatan Perpaduan Daerah, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), NGO dan lain-lain dalam menentukan halatuju keselamatan daerah terutamanya di kawasan bandar dan tumpuan awam. Pihak PBT diseru agar mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk mengurangkan jenayah jalanan seperti samun bersenjata api, ragut, rogol dan pecah rumah di kawasan-kawasan hotspot yang telah dikenalpasti berdasarkan data jenayah yang direkodkan di dalam Sistem Pemantauan Bandar Selamat.
- b) Berikut adalah jumlah CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT dan lokasi :

PBT	Jumlah CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri Selangor
MBSA	50
MBPJ	60
MPK	60
MPSJ	50
MPS	50
MPKj	60
MPSp	50
MDKL	10
MDKS	8
MDHS	8
MDSB	8

Pecahan PBT dan Lokasi seperti di Lampiran 1.

- c) Peranan dan fungsi utama pemasangan CCTV adalah untuk mengawasi dan membantu dalam mencegah aktiviti jenayah. Bagi mengurangkan jenayah, pemantauan berterusan oleh pihak Polis dan PBT di bilik kawalan masing-masing di mana setiap perlakuan yang mencurigakan dapat dilihat melalui *live visual* dari CCTV yang dipasang. Sehubungan itu, pemasangan CCTV secara langsung dapat mengurangkan kadar jenayah dan dapat membantu tugas polis untuk menyelesaikan kes - kes jenayah seperti kecurian motorsikal ragut dan sebagainya.

Lampiran 1

Jumlah CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT dan lokasi adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH CCTV YANG DIPASANG OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR	LOKASI (PBT)
MBSA	50	<ol style="list-style-type: none"> 1. Persiaran Masjid 2. Persiaran Permai & Jalan Plumbum, seksyen 7 3. Jalan Plumbum Z 7/Z, seksyen 7 4. Jalan Tengku Ampuan Zabedah D 9/D, seksyen 9 5. Persimpangan Persiaran Kayangan dan Persiaran Masjid 6. Persiaran Kayangan, Bulatan Kayangan 7. Persiaran Sukan, seksyen 13 8. Jalan Lompat Pagar 13/37, seksyen 13 9. Persiaran Sukan, TLK Stadium Shah Alam 10. Persiaran Bandaraya (Dataran Kemerdekaan), seksyen 14 11. Persiaran Sultan (Dataran Shah Alam), seksyen 14 12. TLK Utama, Masjid Sultan Salahddin Abdul Aziz Shah, seksyen 5 13. Persiaran Perbandaran (Maybank), seksyen 14 14. Persiaran Dato' Menteri (Taman Permainan) 15. Persiaran Tasik, seksyen 14 16. Jalan Pelaburan, hentian pusat bandar 17. Jalan Setia Prima A U1 3/A, seksyen U1 18. Persimpangan PUSPAKOM seksyen 16 19. Jalan Sg.Rasau seksyen 16 20. Jalan Jenulung 17/21, seksyen 17

	<ol style="list-style-type: none">21. Jalan A 18/A, seksyen 1822. Persimpangan Persiaran Jubli Perak & Jalan Pinang 18/1, seksyen 1823. Persiaran Selangor (dataran Otomobil), seksyen 1524. Jalan Parang 19/8, seksyen 1925. Jalan Singa 20/1, seksyen 2026. Jalan Pelaburan B 23/B, seksyen 2327. Persiaran Budiman28. Jalan Ijok 26/5, seksyen 2629. Kawasan perniagaan Jalan Batu Belah 27/9630. Jalan Jenang 28/25, seksyen 2831. Persiaran Anggerik Vanilla, Kota Kemuning32. Persiaran Kerjaya dan Jalan Hakim U1/24, seksyen U133. Jalan Mesra 1, Taman Mesra34. Jalan Ilham U2/14, seksyen U235. Persimpangan Jalan Monfort & Jalan Sastera U2/1, seksyen U236. Jalan Dinar G U3/G, seksyen U337. Taman Permainan Flat Subang Perdana, Jalan Dinar F U3/F38. Jalan Bulan BV U5/BV, seksyen U539. Persiaran Atmosfera40. Jalan Bukit Badak41. Jalan Taman Subang Jasa 3, Pekan Subang42. Persiaran Setia Impian43. Persimpangan Persiaran Damai44. Jalan 1A/A, Bandar Baru Sg.Buloh45. Jalan Besar, Sg.Buloh46. Persiaran Bukit Rahman Putra 1 /247. Giant seksyen 748. Jalan Platinum 7/60, seksyen 749. Jalan Perbandaran50. Jalan 7/98
--	--

MBPJ	60	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jalan PJU 5/11, Kota Damansara 2. Jalan PJU 5/2, Kota Damansara 3. Jalan PJU 5/18, Kota Damansara 4. Simpang 3 Jln PJS 6/2 dan Jln PJS 6/4 5. Jalan Teknologi Sg Buloh 10A, Kota Damansara 6. Jalan SS 25/2 Stesen LRT 7. Jalan SS 24/2, Kelana Jaya 8. Jalan Bahagia 9. Dewan Orang Ramai Desa Sepakat PJS 3 10. Bulatan Othman 11. Bulatan Templer 12. Jalan 8/1E (Hadapan Bangunan MCIS) 13. Jalan PJU 1/42 14. Jalan 14/22 15. Jalan PJU 10/1, Saujana Damansara 16. Jalan PJU 1/45 17. Sunway Emas Commercial Center 18. Seksyen 17 – Jalan 17/1A 19. Persiaran Tropicana 20. Jalan Cempaka – Kg Kayu Ara 21. Jalan PJS 6/5C 22. Flat Impian Baiduri, Baiduri 23. Jalan SS 3/29 24. Jalan SS 3/39 25. Jalan Teknologi 3/2 26. Jalan Utara, Petaling Jaya 27. Kondominium Palm Spring 28. Jalan PJU 5, Padang Kota Damansara 29. Pelangi Square 30. Kelana Park View 31. Jalan SS4C/15 32. Jalan 23/15, Taman Sea 33. Jalan 52/4, New Town
------	----	---

		<p>Center</p> <p>34. Jalan Besar, Taman Medan</p> <p>35. Simpang Jalan Klang, Taman Sri Manja</p> <p>36. Jalan Besar hadapan Sek. Taman Dato' Harun</p> <p>37. Jalan SS 2/75 (Jalan SS 2/66), Petaling Jaya</p> <p>38. Hadapan SK Kg Tunku</p> <p>39. Jalan 19/8 -Jalan Harapan (Jalan SS2/55)</p> <p>40. Persimpangan Jalan 21/19</p> <p>41. Jalan Tanjung Bandar Sri Damansara</p> <p>42. Jalan Cempaka Bandar Sri Damansara</p> <p>43. Jalan Dagang, Bandar Sri Damansara</p> <p>44. Persiaran Perdana, Bandar Sri Damansara, Sg Buloh</p> <p>45. Jalan SS20/10, Jalan Hospital Pakar Damansara</p> <p>46. Jalan PJU 8/5G, Damansara Perdana</p> <p>47. Jalan Teratai, PJU 6</p> <p>48. Jalan PJS 6/5F, Taman Desa Ria</p> <p>49. Jalan PJS 5/4, Taman Desa Ria</p> <p>50. Jalan Besar, Kg Lindungan Bulan, Jalan PJS 6/1</p> <p>51. Jalan PJS 3/23 Berhampiran Petronas</p> <p>52. Bulatan PJS 1, Jalan Petaling Utama</p> <p>53. Jalan Gasing (Simpang Esso-BHP)</p> <p>54. Simpang Jalan 5/8 dan Jalan Gasing</p> <p>55. Jalan Sultan</p> <p>56. Jalan 17/50</p> <p>57. Jalan SS21/60</p> <p>58. Jalan 21/37</p> <p>59. Bulatan Jalan Tandang /</p>
--	--	---

		Jalan Templer 60. Jalan Othman
MPK	60	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menara MPK 2. Jalan Perbandaran 3. Tempat Letak Kereta Kota Raja Mahadi 4. Taman Pengkalan Batu 5. Playground Taman Bandar Diraja 6. Jalan Istana 7. Hentian Bas Klang Selatan 8. Simpang Jalan Stesen/Jalan Besar 9. Padang Sultan Sulaiman 10. Jln Sg Jati Taman Sentosa 11. Jalan Hulubalang 29, Taman Sentosa 12. Jln Datuk Mohd Sidin Jambatan Counought 13. Bulatan Jalan Kebun 14. Jln Tun Dr Ismail, Taman Rakyat 15. Taman Rakyat 16. Bulatan Simpang Lima 17. Bandar Bukit Tinggi 18. Jalan Langat/Susur masuk ke Jusco Bukit Tinggi 19. Blok K Bandar Bukit Tinggi 20. Jalan Papan, Pandamaran 21. Jalan Tengku Badar 22. Bayu Perdana 23. Kompleks Sukan Pandamaran 24. Jalan Raja Lumu 25. Simpang PRMM/Jalan KEM 26. Persiaran Raja Muda Musa 27. Jalan Shahbandar 28. Jln KEM, Pasar Pelabuhan Klang 29. Jalan Shahbandar 30. MPK Jalan Raya Barat 31. Jambatan Telok Gong/Pulau Indah 32. Bukit Tinggi (Jln Batu Nilam

		<p>3 / Chin Ho Seafood</p> <ol style="list-style-type: none">33. Hadapan MPK34. Centre Point/Dataran Seni35. Bulatan Kota/Lokasi 136. Laluan Pejalan Kaki Centre Point/Plaza MPK37. Plaza MPK. Atas bumbung38. Hentian Teksi dan Bas Ekspres Klang Utara39. Bulatan Berkely40. Taman Eng Ann41. Jln Batai Laut 3, Taman Intan42. Jln Tiara 3, Bandar Baru Klang43. Jalan Batu Tiga Lama44. Lampu Isyarat Jalan Melayu / Jalan Nenas45. Jalan Meru/Klang46. Pasar Borong Jalan Meru47. Kompleks Pasar Besar Meru48. Klang Sentral49. Simpang 3 Lebuhraya Selat Klang/Jln Sentosa 5250. Jln Batu Belah51. Simpang 3 Trafik Light Jalan Abdul Manan-Jalan Meru52. Pekan Meru53. Jalan Kapar54. Pekan Kapar55. Jln Harapan 3, Taman Sungai Kapar Indah56. Jalan Mokhtar, Kapar57. Sungai Pinang Dalam58. Replica Kapal Bugis, Tanjung Harapan59. Jalan Rantau Panjang/ Jln Kapar60. Persiaran Sg Keramat
--	--	---

MPSJ	50	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jalan Perdana 3/1, Jalan Kekwa 1 2. Jalan PU 7/5 3. Taman Mawar, simpang Jln TK 5/32A, Jln tk 5/1 4. Jalan Indah 2/1 5. Jalan SS 17/1A 6. Jalan Puchong Batu 14 7. Jalan Prima 5/1 8. Jalan Prima 5/4, Jalan Prima 5/6 9. Jalan Saujana Puchong 3/11 10. Jalan Keluar Puchong Gateway Exchange LDP 11. Jalan Puchong Permai 2 12. Jalan SS 14/3 13. Jalan SS 14/2 14. Jalan BPU 2 15. Jalan SS 17/1A, Jalan SS 17/1D 16. Jalan SS 19/2 17. Jalan Putra Mahkota 7/7c 18. Persiaran Putra Perdana (Berhampiran Giant) 19. Jalan Putra Indah 9/16 20. Jalan Putra Indah 9/1D 21. Jalan Putra Bestari 2/1 22. Jalan PJS 9/30 23. Jalan PJS 11/28b 24. Jalan PJS 7/15 25. Jalan PJS 11/2 26. Jalan SS 15/5G 27. Jalan Indah, Taman Universiti 28. Jalan BS 3/1 29. Jalan SK 6/1 30. Jalan BS 11/14 31. Jalan 18/23 32. Persiaran Puncak Jalil, Jalan Puncak Bukit Jalil 33. Jalan Utama, Jalan SR 7/3 34. Jalan TK 1/1, Jalan Taman Kinrara 35. Jalan TK 1/11a 36. Jalan Utaman Persiaran Serdang Perdana 37. Jalan Kinrara 6e
------	----	--

		<ul style="list-style-type: none"> 38. Jalan TPK 2/2 39. Jalan Helang 13, Bandar Puchong Jaya 40. Jalan TK 1/11a 41. Jalan PPK 4 42. Lebuhraya Damansara-Puchong / Jalan Layang - layang 43. Jalan Indah 2/18 44. Jalan 18/23 Sri Serdang 45. Hadapan Bazar Rakyat, Jalan SK 6/1 46. Jln Prima Tropika & Jln Putra Permai Selesa Round about 47. Jalan Muhibbah 15 Serdang 48. Jalan SB Indah 1/19 49. Jalan Bulatan Kuda Emas 50. Jalan Bukit Belimbing Sungai Besi Indah
MPAJ	TIADA	TIADA
MPS	50	<ul style="list-style-type: none"> 1. Jalan PS 8, Persimpangan Selayang Prima 2. Jalan Bidara, Jambatan Pejabat Tanah Gombak 3. Jalan Ulu Yam, Hentian Pertama, Hulu Yam 4. Simpang 3, Jalan Bendahara 4, Kg. Bendahara, Sg. Tua 5. Jalan 2/14, Bandar Baru Selayang 6. Persiaran 3, Bulatan Siantan 7. Jalan Samudera Timur, Tmn Samudera Batu Caves 8. Jalan Batu Caves 9. Jalan TIB ¼ Taman Industri Bolton 10. Jalan SBC 5, Samudera Barat, Taman Samudera 11. Jalan Lebu Utama Taman Sri Gombak 12. Jln Muhibah, Taman Tasik, Taman Sri Gombak 13. Jln SG 3/2, Pasar Taman Sri Gombak

		<ol style="list-style-type: none">14. Jln 4, Persimpangan Taman Selasih, Greenwood Gombak15. Jln TIB 1, Simpang Jalan SG ½16. Jln SG 3/10, Bulatan Lanting Tmn Sri Gombak17. Jln SG ½ , Taman Sri Gombak18. Jln SG 3/19, Taman Sri Gombak19. Hentian Putra Taman Melati20. Jln Batu Caves, Gombak21. Tasik Taman Bersatu Rawang22. Jln Bulatan Pekan Rawang23. Mutiara Rawang24. Jln Bandar Rawang 2, Rawang25. Jln Welman, Pekan Rawang26. Pejabat MCA, Taman Jati Rawang27. Persimpangan Kuala Garing, Rawang28. Jln Rawang Mutiara 2, Rawang Mutiara29. Jalan Idaman 1, Rawang30. Jln Desa Utama Bandar Country Home, Rawang31. Taman Daya, Padang Taman Daya32. Bulatan Taman Ehsan33. Perhentian Bas, Wangsa Permai34. Kepong Industrial Park, Simpang Tiga35. Aman Puri, Lorong D1/5, Apartment36. Hospital Sg. Buloh, Luar Pagar37. Indah Perdana, Jln Perdana 138. Jalan 53/54, Kawasan Tengah Padang39. Taman Desa Jaya40. Stesen Komuter Sungai Buloh41. Pasar Pagi Pekan Kundang42. Simpang Ke Lebuhraya LATAR43. Jalan 7A/1 Bandar Tasik Puteri44. Simpang masuk Kota Puteri Sek.5, Batu Arang & Rawang45. Pinggiran Lembah Hijau 1, Simpang Tiga, Blok 26 Bandar
--	--	--

		<p>Tasik Puteri</p> <p>46. Bulatan Batu Arang</p> <p>47. JLn Setia ke Simpang Masuk Tasik Biru, Kuang</p> <p>48. Simpang Empat Batu. 18 Kuang</p> <p>49. Simpang Tiga Bukit Rahman Putra</p> <p>50. Simpang Taman Sri Putra/ Impian Indah/ Matang Pagar</p>
MPKj	60	<p>1. Jalan Tukang, Arked Mara, Bandar Kajang, Selangor</p> <p>2. Lorong Mendaling, Bandar Kajang, Selangor</p> <p>3. Jalan Tun Abd Azis, Bandar Kajang, Selangor</p> <p>4. Jalan Medan Bangi, Bangi Utama, Selangor</p> <p>5. Perkarangan Menara Mpkj, Jalan Cempaka Putih, Jalan Semenyih (Pintu Masuk Utama)</p> <p>6. Jalan Low Tik Kok, Kajang</p> <p>7. Mpkj Commad Centre, Menara Mpkj, Jalan Cempaka Putih, Jalan Semenyih, Kajang</p> <p>8. Jalan 2, Jalan Dato Seri P. Alegendra 3</p> <p>9. Jalan Suasana, Cheras</p> <p>10. Jalan Kajang Prima ½, Taman Kajang Prima</p> <p>11. Jalan Gereja, Seksyen 10, Bandar Kajang</p> <p>12. Lampu Isyarat Jalan Masuk Utama Ke Bandar Bukit Mahkota Cheras</p> <p>13. Jalan 7/1, Taman Kajang Indah, Sg Chua, Kajang</p> <p>14. Lorong Belakang Berdekatan Dengan Metropoint Kajang</p> <p>15. Jalan 2, Kg Sri Jambu, Kajang</p> <p>16. Jalan Stadium, Kajang</p>

		<ol style="list-style-type: none">17. Jalan Sungai Kantan, Kajang18. Jalan Prima Saujana 1/1a, Taman Prima Saujana, Kajang19. Jalan Pasar Baru 2, Jalan Semenyih, Pekan Semenyih20. Jalan Besar, Pekan Semenyih21. Jalan Semenyih Sentral 3, Pekan Semenyih22. Jalan Semenyih Sentral 1, Pekan Semenyih23. Jalan 7/1d, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi24. Stor Mpkj, Reko Sentral25. Jalan Hentian 1, Kompleks Hentian Kajang, Bangi26. Jalan Hentian 2, Kompleks Hentian Kajang, Bangi27. Jalan Bangi, Bangi28. Jalan 6c/5, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi29. Jalan 15/1a, Seksyen 1530. Jalan 6c/7, Seksyen 1631. Jalan 8/1 (Simpang 3), Seksyen 8, Bandar Baru Bangi32. Berdekatan Dengan Masjid Seksyen 9, Bandar Baru Bangi33. Di Hadapan Warta, Bandar Baru Bangi34. Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi35. Di Hadapan Kompleks PKNS36. Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi37. Jalan Cheras Perdana38. Jalan Balakong, Pekan Batu 11, Cheras39. Jalan Kasturi 2, Pekan Batu 11, Cheras
--	--	--

		<p>40. Simpang Jalan Sg Long / Persiaran SI1</p> <p>41. Pasar Sungai Chua, Taman Berjaya</p> <p>42. Jalan Suakasih , Bandar Tun Hussein Onn</p> <p>43. Berdekatan Dengan Pasar Taman Suntex, Batu 9, Cheras</p> <p>44. Simpang Jalan Kijang 1</p> <p>45. Jalan Seri Tanming 1g, Taman Sri Tanming, Cheras</p> <p>46. Persiaran Tanming Kanan 1, Tanming Jaya, Cheras</p> <p>47. Berdekatan Dengan Kawasan Bangunan Sate Samuri</p> <p>48. Simpang Jalan Sg.Chua/ Jalan Kajang 5, Kajang, Berdekatan Bhp Petrol</p> <p>49. Kawasan Unikeb, Bangi</p> <p>50. Jalan Damai Perdana 5/1, Taman Damai Perdana</p> <p>51. Simpang Jalan Alam Jaya, Jalan Emas 6</p> <p>52. Simpang Jalan Mahkota 1, Persiaran Seri Putra</p> <p>53. Simpang Jalan Hulu Langat / Jalan Sg Tekala, Simpang Jalan Batu 14 Hulu Langat/Jalan Ampang</p> <p>54. Simpang Lampu Isyarat Jalan Reko Ke Lebu Raya Silk, Kajang</p> <p>55. Jalan Broga, Simpang Masuk Ke Taman Tasik Semenyih</p> <p>56. Kawasan Kedai Seksyen 9, Bandar Baru Bangi</p> <p>57. Berdekatan Dengan Lampu Isyarat Klinik Kesihatan Semenyih</p> <p>58. Persimpangan Jalan Bukit</p>
--	--	---

		<p>/ Lebu Raya Silk</p> <p>59. Simpangan Dari Lebu Raya Silk</p> <p>60. Simpang Jalan Desa Serdang / Persiaran Desa Serdang 1s</p>
MPSp	50	<p>1. Bandar Baru Salak Tinggi = 11 unit</p> <p>2. Cyberjaya = 1 unit</p> <p>3. Bagan Lalang = 2 unit</p> <p>4. Pekan Sungai Pelek = 1 unit</p> <p>5. Pekan Salak = 1 unit</p> <p>6. Kota Warisan = 2 unit</p> <p>7. Sungai Merab = 6 unit</p> <p>8. Hospital Serdang = 1 unit</p> <p>9. Pekan Dengkil = 9 unit</p> <p>10. Taman Putra Perdana = 8 unit</p> <p>11. Bandar Bukit Puchong 2 = 5 unit</p> <p>12. Taman Mas = 3 unit</p>
MDKL	10	<p>1. Jalan Beringin 3 (belakang Pasaraya The Store.</p> <p>2. Jalan Bunga Pekan (stesen bas)</p> <p>3. Jambatan Sultan Abdul Samad</p> <p>4. Persimpangan Jalan Sultan Abdul Samad/Jalan Sultan Alam Shah (Maybank)</p> <p>5. Kawasan Perdagangan Banting (hadapan McDonalds)</p> <p>6. Pantai Morib</p> <p>7. Taman Sejahtera, Pekan Jenjarom</p> <p>8. Hadapan CIMB Bank, Taman Jaya Utama</p> <p>9. Pasar Awam Tanjung Sepat</p> <p>10. Hospital Banting</p>
MDKS	8	<p>1. Jalan Kuala Selangor/Teluk Intan</p> <p>2. Jalan Bendahara 1, Tmn Bendahara, Kuala Selangor</p> <p>3. Simpang 3, Jalan KualaSelangor/Jalan Raja Jalil, Kuala Selangor</p> <p>4. Jalan Stesen, Pekan Lama</p>

		<p>Kuala Selangor</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Laluan Masuk Utama ke Tesco dan 1 Plaza, Kuala Selangor 6. Jalan Melati 3/1, Bandar Baru Kuala Selangor 7. Jalan Rawang, Bestari Jaya 8. Jalan PPAJ 1, Pusat Perniagaan Alam Jaya, Bandar Puncak Alam.
MDHS	8	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jalan Persekutuan/ Dataran KKB 2. Simpang Ampang Pechah/ MDHS 3. Jalan Pahang/ JKR 4. Jalan Dato' Kamarrudin/ Agro Bank 5. Jalan Rasathurai/ Maybank 6. Simpang Sek. KKB/ Rumah DO 7. Jalan Padang Tembak/ Klinik Gigi 8. Jalan Ampang Pechah/ Kuarters MDHS
MDSB	8	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bandar Sungai Besar = 3 CCTV 2. Bandar Sabak = 3 CCTV 3. Bandar Sekinchan =2 CCTV.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEKERJA LADANG WARGA ASING

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah Kerajaan Negeri bagi memastikan sektor perladangan tidak dimonopoli oleh warga asing?
- b) Nyatakan statistik pekerja ladang tempatan dan warga asing mengikut kawasan?

JAWAPAN:

- a) Di bawah sektor perladangan, tidak dinafikan bahawa sektor ini sebahagian besar dimonopoli oleh warga asing. Permasalahan ini berlaku adalah disebabkan oleh urusan pengambilan pekerja-pekerja ladang dilaksanakan oleh majikan ladang itu sendiri. Kita juga mengambil maklum, pembayaran gaji kepada golongan warga asing juga adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pekerja ladang warga tempatan.

Kerajaan Negeri tiada kuasa campur tangan di dalam menentukan urusan pengambilan pekerja ladang kerana hal tersebut adalah bergantung kuasa sepenuhnya kepada pengurusan pemilik ladang yang berkenaan dan kuasa pelantikan pekerja ladang adalah terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Oleh yang demikian, kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad dalam membela nasib pekerja ladang tempatan mahupun menghalang pengambilan pekerja warga asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa cuba membela nasib dan menjaga kebajikan pekerja ladang dengan penganjuran program-program bantuan seperti Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah, Bantuan Yuran Pengajian, Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR serta program-program bagi meningkatkan mutu pendidikan. Selain itu, sewaktu sektor ladang dibangunkan ketika dahulu, Kerajaan melalui *Estate Landboard* telah membantu pekerja ladang dengan memohon perumahan, tapak ibadat, tapak sekolah sebagai keperluan asas mereka.

- b) Kerajaan Negeri setakat ini hanya menggunakan data yang diperolehi dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) di mana hanya terapat data pekerja ladang warga tempatan sahaja. Kerajaan Negeri tiada rekod atau data berkenaan pekerja ladang warga asing. Jumlah kawasan ladang di Negeri

Selangor yang direkodkan aktif adalah sebanyak 91 ladang. Meskipun kita mengambil maklum akan majoriti pekerja ladang adalah terdiri daripada masyarakat India, namun kini sektor perladangan sebahagian besar telah dimonopoli oleh warga asing. Di sini kita lihat, warga tempatan harus merebut peluang bagi bersaing dengan warga asing untuk meningkatkan semula statistik pekerja ladang yang terdiri dari kalangan warganegara. Berikut adalah senarai ladang dan bilangan pekerja ladang di Negeri Selangor dan sumber ini diperolehi dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) :

BIL	DAERAH HULU SELANGOR	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU SELANGOR (13 Ladang dan 376 orang pekerja)	Ladang Changkat Asa	70 orang
2		Ladang Katoyang	38 orang
3		Ladang Kerling	32 orang
4		Ladang Sungai Jernih	47 orang
5		Ladang Kelapa Bali	3 orang
6		Ladang Lima Blas	11 orang
7		Ladang Lima Blas Oil Mill	23 orang
8		Ladang Sungai Gumut	5 orang
9		Ladang Tanjung Malim Oil Mill	62 orang
10		Ladang SMR Factory	6 orang
11		Ladang Hulu selangor	13 orang
12		Ladang Sungai Gapi	32 orang
13		Ladang Sungai Gapi East Division	34 orang

BIL	DAERAH KUALA LANGAT	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	KUALA LANGAT (29 Ladang dan 1378 orang pekerja)	Ladang Pulau Carey East A	82 orang
2		Ladang Pulau Carey East B	74 orang
3		Ladang Pulau Carey East C	71 orang
4		Ladang Pulau Carey East D	16 orang
5		Ladang Pulau Carey East Oil Mill	66 orang
6		Ladang Pulau Carey West 4	80 orang
7		Ladang Pulau Carey West 6	37 orang
8		Ladang Pulau Carey West 7	48 orang
9		Ladang Pulau Carey South A	57 orang
10		Ladang Pulau Carey South B	44 orang
11		Ladang Pulau Carey West Oil Mill	51 Orang
12		Ladang Bandar	20 orang
13		Ladang Batu Untong	16 orang
14		Ladang Bedford	29 orang
15		Ladang Bukit Cheeding	5 orang
16		LadangBanting Palm Oil Mill	10 orang
17		Ladang Fermanagh Est/OM	63 orang
18		Ladang Lelanang Baru	35 orang
19		Ladang Sungai Bualah	5 orang
20		Ladang Teluk Datoh	25 orang
21		Ladang Tanjumb Duablas	13 orang
22		Ladang Sime Darby Research (OPRS)	114 orang
23	Ladang Sime Darby Blotech & Lab	8 orang	
24	KUALA LANGAT (29 Ladang dan 1378 orang pekerja)	Ladang Sime Darby Seeds & Agricul	52 orang
25		Ladang Sri Langat Oil Mill	54 orang
26		Ladang Sepang B/C	189 orang
27		Ladang Sepang Sungai Linau	49 orang
28		Ladang Sungai Rawang	13 orang
29		Ladang Sepang Oil Mill	52 orang

BIL	DAERAH SABAK BERNAM	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	SABAK BERNAM (4 Ladang dan 192 orang pekerja)	Ladang Sungai Bernam 1	27 orang
2		Ladang Sungai Bernam 2	19 orang
3		Ladang –do- Cort 1&2	8 orang
4		Ladang Sabak Bernam	138 orang

BIL	DAERAH KUALA SELANGOR	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	KUALA SELANGOR (31 Ladang dan 1425 orang pekerja)	Ladang Berjuntai	15 orang
2		Ladang Bukit Lagong	38 orang
3		Ladang Talang Oil Mill	38 orang
4		Ladang Talang	89 orang
5		Ladang Kampung Baru	93 orang
6		Ladang Rajamusa	105 orang
7		Ladang Bukit Belimbing	11 Orang
8		Ladang Bukit Tagar	25 orang
9		Ladang Nigle Gardener	45 orang
10		Ladang Bukit Rotan Oil Mill	8 orang
11		Ladang Eng Hang	2 orang
12		Ladang Elmina	65 orang
13		Ladang Starthalie	45 orang
14		Ladang Group of B	28 orang
15		Ladang Minyak	41 orang
16		Ladang Minyak Oil Mill	42 orang
17		KUALA SELANGOR (31 Ladang dan 1425 orang pekerja)	Ladang Sungai Tinggi
18	Ladang Shalimar		10 orang
19	Ladang Sungai Buloh		188 orang
20	Ladang Selangor River		83 orang
21	Ladang Kuala Selangor		44 orang
22	Ladang Sungai Rambai		2 orang
23	Ladang Tennamaram		79 orang
24	Ladang Hopeful		26 orang
25	Ladang Bukit Badong		15 orang
26	Ladang Tennamaram Oil Mill		45 orang
27	Ladang Tuan Mee		17 orang
28	Ladang Caledonian		42 orang
29	Ladang Jeram		40 orang
30	Ladang Bukit Darah	22 orang	

31		Ladang Tuan Mee Oil Mill	60 orang
----	--	--------------------------	----------

BIL	DAERAH KLANG	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	KLANG (12 Ladang dan 437 orang pekerja)	Ladang Bukit Cheraka	137 orang
2		Ladang Bukit Clah	58 orang
3		Ladang Brounston	20 orang
4		Ladang Bukit Ijok	46 orang
5		Ladang Bukit Kerayong	44 orang
6		Ladang Sungai Kapar	7 orang
7		Ladang Jalan Acob	49 orang
8		Ladang Bukit Kerayong Oil Mill	15 orang
9		Ladang Golconda	1 orang
10		Ladang Golconda Oil Mill	10 orang
11		Ladang Bukit Raja	35 orang
12		Ladang Subang	15 orang

BIL	DAERAH HULU LANGAT	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU LANGAT (2 Ladang dan 45 orang pekerja)	Ladang Ampang Tenang	41 orang
2		Ladang Balau	1 orang

BIL	DAERAH	JUMLAH LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU SELANGOR	13	376
2	KUALA LANGAT	29	1378
3	SABAK BERNAM	4	192
4	KUALA SELANGOR	31	1425
5	KLANG	12	437
6	HULU LANGAT	2	45
JUMLAH KESELURUHAN		91	3853

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah proses pemilihan ahli lembaga pengarah?
- b) Adakah kerajaan negeri akan mendedah secara umum gaji, elaun serta semua kemudahan yang diterima oleh setiap ahli lembaga pengarah di badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat Negeri Selangor? Mengapa?
- c) Bagaimanakah kemudahan ahli lembaga pengarah ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Proses pemilihan ahli lembaga pengarah bagi setiap Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

BIL	ANAK SYARIKAT / BADAN BERKANUN KERAJAAN NEGERI SELANGOR	PROSES PEMILIHAN AHLI LEMBAGA PENGARAH
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah PKNS tertakluk kepada Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964, No. 4 tahun 1964 – rujuk Bahagian II Klausa 4. (1)
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	<p>Pemilihan Ahli Jemaah PKPS adalah berdasarkan kepada Enakmen PKPS Tahun 1972 pindaan Tahun 2005 yang menyatakan bahawa :</p> <p>(2) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Seorang Pengerusi yang hendaklah pada masa itu memegang jawatan Menteri Besar Negeri Selangor; b) Seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah pada masa itu memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; c) Dua orang ahli ex-officio yang hendaklah pada masa itu memegang jawatan Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri

		<p>Selangor;</p> <p>d) Tidak lebih dari lima orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar daripada mana-mana orang yang telah menunjukkan kebolehan dan mempunyai pengetahuan dalam perkara yang berhubung dengan pertanian, pemasaran kewangan, pentadbiran, penyelidikan, pembangunan hartanah, pembuatan atau dengan cara lain sesuai untuk pelantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka; dan</p> <p>e) Tiga orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Perdana Menteri atau mana-mana menteri yang dinamakan olehnya.</p>
3	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	<p>Di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001, komposisi Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Menteri Besar sebagai Pengerusi;</p> <p>(b) Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi;</p> <p>(c) Tiga (3) orang wakil dari Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pegawai Kewangan Negeri ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) iii. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar <p>(d) Tiga (3) orang wakil dari Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Menteri:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kementerian Kewangan ii. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iii. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri <p>(e) Seorang wakil dari pemaju-pemaju perumahan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri ; dan</p> <p>(f) Dua (2) orang wakil dari pertubuhan-pertubuhan professional berkaitan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p> <p>Pelantikan wakil Kerajaan Negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri manakala pelantikan wakil Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada Menteri daripada Kementerian yang berkaitan. Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah LPHS bagi wakil-wakil pemaju dan pertubuhan professional adalah</p>

		selama dua (2) tahun berdasarkan sesi penggal.
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	<p>i) Mengikut Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan telah ditawarkan dalam Warta Kerajaan No.5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No.29,2011 (pindaan), keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, empat (4) ahli atas nama jawatan dan tidak kurang daripada enam (6) orang ahli yang lain hendaklah dilantik oleh Raja dalam Majlis.</p> <p>ii) Selain daripada yang tersebut dalam perenggan 2.1 diatas, Enakmen ini memperuntukan empat (4) keahlian berikut atas nama jawatan, iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil 2. Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Malaysia 3. Wakil Perpustakaan Negara Malaysia 4. Wakil Persatuan Pustakawan Malaysia
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Seperti di Lampiran A.
6	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	<p>Pelantikan ahli Lembaga Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah berdasarkan kepada Seksyen 4, Enakmen LUAS 1999. Seksyen 4 Enakmen LUAS 1999 menetapkan keahlian mengikut jawatan-jawatan seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pengerusi <ul style="list-style-type: none"> - YAB Dato' Menteri Besar Negeri Selangor ii. Timbalan Pengerusi <ul style="list-style-type: none"> - YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iii. Setiausaha <ul style="list-style-type: none"> - Pengarah LUAS iv. Ahli <ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Kewangan Negeri Selangor - Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor - 2 orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik oleh YAB Dato' Menteri Besar Negeri Selangor - Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia - 5 orang yang dilantik yang mempunyai kepakaran tinggi

		di dalam pengurusan sumber air
7	Yayasan Selangor	Perlantikan Ahli Lembaga seperti yang telah dinyatakan dalam Memorandum & Articles Yayasan Selangor. Bagaimanapun, Pengerusi (YAB Dato Menteri Besar) ada budi bicara penuh untuk melantik pihak lain menjadi Ahli Lembaga. Proses pelantikan adalah secara Circular Resolution atau diputuskan pada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.
8	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk / pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:- i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri; ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.
9	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk / pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:- i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri; ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.
10	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk / pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:- i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri; ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.
11	Tourism Selangor Sdn Bhd	Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk / pemegang

		<p>saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:-</p> <p>i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri;</p> <p>ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.</p>
12	Communication Corporation Sdn Bhd	<p>Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk / pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:-</p> <p>i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri;</p> <p>ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.</p>
13	Rantaian Mesra Sdn Bhd	<p>Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk/pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:</p> <p>i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri;</p> <p>ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.</p>
14	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	<p>Perlantikan Ahli Lembaga seperti yang telah dinyatakan dalam Memorandum & Articles Yayasan Selangor. Bagaimanapun, Pengerusi (YAB Dato Menteri Besar) ada budi bicara penuh untuk melantik pihak lain menjadi Ahli Lembaga. Proses pelantikan adalah secara Circular Resolution atau diputuskan pada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.</p>
15	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (MSNS Holdings Sdn Bhd)	<p>Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk/pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:</p> <p>i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri;</p>

		ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.
16	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Menurut Artikel 76 Tataurusan Syarikat KDEB, sementara Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(Enakmen No. 3, 1994) memiliki kawalan kepentingan di dalam Syarikat, jawatan Pengerusi Syarikat akan disandang oleh Menteri Besar Selangor. Manakala Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri akan menjadi Lembaga Pengarah bagi mewakili kepentingan Kerajaan Negeri dan kedudukan mereka sebagai ahli Lembaga Pengarah akan gugur secara automatik apabila mereka menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri. Sementara itu, bagi perlantikan pengarah tambahan pula, pencalonan akan dibuat oleh Pejabat Menteri Besar Selangor untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah KDEB.
17	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Proses Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat adalah ditentukan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) selaku syarikat induk / pemegang saham. Proses pemilihan Ahli Lembaga Pengarah secara amnya adalah:- i) Non-independent - pengarah yang dilantik bagi menjaga kepentingan negeri; ii) Independent - pengarah yang dilantik berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.
18	Invest Selangor Berhad	Invest Selangor Berhad yang dahulunya dikenali sebagai SSIC Berhad telah ditubuhkan pada 22hb April 1999 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1hb Jun 1999. Memorandum And Articles Of Association syarikat telah merekodkan bahawa perlantikan Ahli Lembaga Pengarah (First Directors) Invest Selangor Berhad adalah terdiri daripada kakitangan Kerajaan Negeri Selangor yang memegang jawatan seperti berikut : i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor ii. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iii. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor iv. Y.Bhg Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

		<p>v. Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor</p> <p>vi. Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad</p> <p>Nota:</p> <p>Keahlian Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad sebagai Ahli Lembaga Pengarah Invest Selangor Berhad telah digantikan dengan YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian Dan Perdagangan)</p> <p>Kertas Ringkasan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Invest Selangor Berhad Bil 3/2014 yang diadakan pada 17hb November 2014 yang lalu telah menyatakan dengan jelas berhubung perlantikan Ahli Lembaga Pengarah Invest Selangor Berhad adalah secara automatik berdasarkan kepada penjawatan kakitangan tersebut.</p>
19	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah YAWAS adalah berdasarkan kehendak yang dinyatakan dalam "Memorandum and Articles Of Association" YAWAS. Bagi Ahli Lembaga Pemegang Amanah (Bebas) dipilih berdasarkan kelayakan dan pengalaman dalam bidang professional masing-masing.
20	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Proses pemilihan ahli lembaga pengarah berdasarkan jawatan seperti terkandung dalam memorandum dan artikel syarikat.

- b) Ahli Lembaga Pengarah mempunyai tugas-tugas fudisiari yang merupakan tugas yang berat dalam menguruskan sesebuah syarikat berkaitan kerajaan. Tugas fudisiari seorang Ahli Lembaga Pengarah antaranya adalah:
- a) Tidak menggunakan kedudukannya sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah untuk memperolehi keuntungan bagi dirinya khususnya menyalahgunakan sebarang wang, harta atau maklumat.
 - b) Tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan badan tersebut.
 - c) Tidak menyerahkan tugas fudisiari kepada pihak ketiga.
 - d) Menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh serta dengan kemahiran dan ketekunan yang sewajarnya dan jika perlu mendapatkan nasihat ikhtisas mengenai perkara ini.

Setiap GLC mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memastikan pengurusan syarikat mengikut etika *Code of Corporate Governance* yang telah diwujudkan bagi menentukan hala tuju strategik syarikat mengikut acuan sendiri.

Oleh yang demikian, sebarang maklumat berkenaan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan GLC ini tidak boleh didedahkan kepada pengetahuan umum bagi memelihara kod etika urus tadbir korporat masing-masing. Tambahan pula, maklumat terperinci berkenaan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan bagi pengurusan atasan GLC ini merupakan perkara-perkara yang menyentuh kerahsiaan dan maklumat peribadi individu yang berhak untuk tidak didedahkan kepada mana-mana individu / pihak yang tidak berkenaan.

Walaupun GLC ini merupakan entiti yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor, pendedahan maklumat peribadi pihak pengurusan atasan terutamanya yang berkaitan dengan gaji, bonus dan faedah-faedah perkhidmatan adalah dianggap sulit dan rahsia. Walaupun Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 boleh digunakan untuk setiap individu hak untuk mengakses yang munasabah ke atas sebarang maklumat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor, perkara berkaitan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan ini tertakluk kepada pengecualian maklumat seperti yang termaktub dalam Seksyen 14, Enakmen yang sama.

Namun begitu, sekiranya Y.B. Ahli Dewan Negeri masih ingin mengemukakan pertanyaan berkaitan perkara ini, maka Y.B. Ahli Dewan Negeri bolehlah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Jawapan hanya akan diberikan secara umum sahaja kepada Y.B. yang bertanya sahaja.

- c) Kemudahan ahli lembaga pengarah bagi setiap Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor ditetapkan berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:-

BIL	ANAK SYARIKAT / BADAN BERKANUN KERAJAAN NEGERI SELANGOR	KEMUDAHAN AHLI LEMBAGA PENGARAH
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (MJKK) dan diluluskan diperingkat Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PKNS.
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian	Bagi Ahli-ahli Jemaah PKPS, kemudahan yang diterima hanyalah berupa elaun kehadiran mesyuarat pada kadar

	Selangor (PKPS)	<p>RM800/mesyuarat, manakala bagi Pengerusi PKPS pula, kadar elaun kehadiran mesyuarat adalah sebanyak RM1,000/mesyuarat. Selain daripada elaun kehadiran mesyuarat, Pengerusi juga turut menerima elaun bulanan sebanyak RM4,000/bulan.</p> <p>Kemudahan ini telah digunapakai sejak awal penubuhan PKPS iaitu di bawah Seksyen 3, Bahagian 8, Enakmen PKPS Tahun 1972 yang menyatakan bahawa:</p> <p>“Maka bolehlah dibayar kepada tiap-tiap seorang ahli atau seorang ahli jawatankuasa Perbadanan daripada kumpulan wang apa-apa elaun termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup sebagaimana yang diputuskan oleh Perbadanan dari masa ke semasa tertaklok kepada apa-apa had dan syarat sebagaimana yang diarahkan oleh Raja dalam mesyuarat”.</p>								
3	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	Kemudahan yang telah ditetapkan adalah elaun kehadiran sebanyak RM500.00 bagi setiap kali persidangan di mana mesyuarat bersidang 4 kali setahun.								
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	<p>a) Tiada kemudahan yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah. Mereka hanya mendapat elaun kehadiran mesyuarat sahaja yang ditetapkan sebagaimana berikut:</p> <table border="1" data-bbox="699 1146 1394 1469"> <thead> <tr> <th>Jawatan</th> <th>Elaun Kehadiran Mesyuarat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengerusi</td> <td>RM 600.00</td> </tr> <tr> <td>Timbalan Pengerusi</td> <td>RM 300.00</td> </tr> <tr> <td>Ahli</td> <td>RM 300.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jawatan	Elaun Kehadiran Mesyuarat	Pengerusi	RM 600.00	Timbalan Pengerusi	RM 300.00	Ahli	RM 300.00
Jawatan	Elaun Kehadiran Mesyuarat									
Pengerusi	RM 600.00									
Timbalan Pengerusi	RM 300.00									
Ahli	RM 300.00									
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Kemudahan ahli lembaga pengarah adalah ditetapkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah PADAT.								
6	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	<p>Kemudahan ahli Lembaga Pengarah LUAS ditetapkan dan diputuskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 2003. Elaun Kehadiran ahli Lembaga Pengarah LUAS yang diputuskan adalah seperti berikut;</p> <p>i. Pengerusi - RM 800</p> <p>ii. Ahli - RM 400</p>								
7	Yayasan Selangor	Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) tidak								

		menerima sebarang kemudahan kecuali pemberian elaun kehadiran mesyuarat.
8	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
9	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
10	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
11	Tourism Selangor Sdn Bhd	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
12	Communication Corporation Sdn Bhd	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
13	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan)
14	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
15	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (MSNS Holdings Sdn Bhd)	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada

		kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
16	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Kemudahan ahli pengarah akan dibentangkan dalam mesyuarat ahli pengarah untuk kelulusan. Kemudahan yang ditawarkan akan dipastikan ianya kompetitif untuk menarik bakat yang sesuai untuk syarikat.
17	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui manfaat yang akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan manakala Yuran Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Saham (bagi yang berkaitan).
18	Invest Selangor Berhad	b) Faedah dan kemudahan yang diberikan kepada ahli lembaga pengarah Invest Selangor Berhad ditetapkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Setiap Ahli Lembaga Pengarah hanya menerima elaun seperti berikut: i. Elaun Kehadiran Mesyuarat ii. Yuran Tahunan Ahli Lembaga Pengarah
19	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah ditetapkan melalui keputusan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YAWAS.
20	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Tiada sebarang kemudahan diberikan.


^{MULUT}
PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR?

- a. Apakah proses pemilihan ahli lembaga pengarah?
- b. Bagaimanakah kemudahan ahli lembaga pengarah ditetapkan?

JAWAPAN :

- a. Proses Pemilihan ahli lembaga pengarah adalah seperti aliran di bawah :



- b. Kemudahan ahli lembaga pengarah adalah di tetapkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : KAFA MENENGAH

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan KAFA Menengah dan apakah usaha-usaha untuk memperkasakan kelas tersebut

JAWAPAN:

- a) Sehingga ke tarikh jawapan ini disediakan, jumlah Sekolah Rendah Agama (SRA) dan masjid yang ada melaksanakan Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Menengah (KKM) adalah seperti berikut:

Bil	Sekolah	Jumlah sehingga 2015	Akan dibuka 2016
1	SRA (KKM)	15 Buah	-
2	Masjid	1 buah	13 buah
Jumlah		16 buah	13 buah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MUSNAH NYAMUK AEDES

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penemuan terkini kaedah/produk bagi memusnahkan nyamuk Aedes?
- b) Bagaimana proses pencarian kaedah penyelesaian wabak denggi yang dialami oleh Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dalam menangani isu denggi di Negeri Selangor. Namun, kes denggi di Negeri Selangor masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Usaha giat membanteras denggi telah mula dijalankan sejak tahun 2013.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai usaha bagi menangani kes denggi di Negeri Selangor. Antaranya adalah seperti berikut: -

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan;
- ii. Mengadakan Mesyuarat Membincangkan Isu Wabak Denggi Peringkat Negeri Selangor secara Dwi – Mingguan;
- iii. Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling;
- iv. Operasi Tapak Bina;
- v. *Task Force* Denggi di peringkat PBT;
- vi. Mesyuarat Kawalan Denggi di Peringkat Daerah;
- vii. Aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko seperti di tapak bina, tanah kosong, rumah kosong, rumah ibadat, kawasan perumahan;
- viii. Meningkatkan penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975;
- ix. Memberi kesedaran kepada orang ramai melalui khutbah Jumaat & ceramah di masjid dan surau;
- x. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di peringkat masyarakat
- xi. Membuat edaran risalah denggi dan memberi abate;
- xii. Program/ Projek Khas PBT seperti SEDAR, BATAS dan Advokasi Denggi;

- xiii. Program Asap dan Musnah Daerah Petaling; dan yang terkini adalah;
- xiv. Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes yang telah diadakan pada 27-29 Julai 2015 dan turut dihadiri oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Kesihatan Daerah, dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bengkel tersebut telah merumuskan pelbagai strategi baharu yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Antaranya adalah seperti menggunakan **kawalan biologi** bagi mengawal pembiakan nyamuk aedes, Majlis Pelancaran **Tapak Bina Sifar Aedes** yang akan melibatkan semua pemaju di Negeri Selangor, serta **silibus pendidikan kesihatan** kepada murid tadika dan sekolah Negeri Selangor. **Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes** ini akan dilancarkan pada Januari 2015 dan pelaksanaannya adalah sepanjang tahun 2016.

- b) Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menerima cadangan mana-mana teknologi baru bagi mencegah denggi. Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri dari masa ke semasa telah pun memanggil pembekal dan pengedar teknologi baru yang ada di pasaran untuk membentangkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, 12 PBT dan JKNS. Antaranya daripada:-
 - i. Mosquito Magnet;
 - ii. Mousticide;
 - iii. Persatuan Kesihatan Environment Malaysia (MAEH); dan
 - iv. Mquest (M) Bhd.

Walau bagaimanapun, hasil daripada pembentangan mereka di dapati, kesemua produk tersebut masih dalam peringkat kajian dan belum dapat membuktikan keberkesanan secara menyeluruh dalam memastikan populasi nyamuk aedes menurun. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri Selangor perlu mengambil kira kos pelaksanaan, kesesuaian produk dan kesan pelaksanaan teknologi atau sesuatu produk sebelum diaplikasikan sepenuhnya di Negeri ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PRODUK ASAS TANI

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri membantu dalam mempromosi produk asas tani oleh usahawan di Selangor?
- b) Senaraikan produk asas tani yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan mengikut jenis?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri membantu dalam mempromosikan produk asas tani melalui medium seperti peluang berniaga di program pameran dan jualan seperti ekspo Selangor Agrofest (SAF), Halfest, MIHAS, jualan hari raya di Pasar raya terpilih dan semasa Hari Bertemu Pelanggan di daerah-daerah. Selain itu, Jabatan Pertanian juga membantu dari segi cetakan bahan promosi seperti *phamplet*, *bunting* dan *banner* untuk kegunaan usahawan bimbingan. Jabatan juga bekerjasama erat dengan Pasaraya Aeon untuk membawa produk-produk usahawan bimbingan ke dalam pasar raya ini. Program ini telah mencatatkan hasil jualan dari Januari hingga September 2015 sebanyak RM1.089 juta melibatkan 38 orang usahawan.
- b) Senarai produk asas tani yang dikeluarkan oleh pengusaha di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Produk
1.	Hasilan buah-buahan
2.	Hasilan beras
3.	Hasilan cendawan
4.	Hasilan Kacang soya
5.	Hasilan kacang tanah
6.	Hasilan kelapa
7.	Hasilan koko
8.	Hasilan kopi / the
9.	Kerepek
10.	Bahulu
11.	Jus / Kordial
12.	Pelbagai kek
13.	Pelbagai biskut
14.	Cili boh
15.	Cili giling

Bil.	Nama Produk
16.	Bawang go. 000000000000 ring
17.	Pes

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan Rumah Selangorku di DUN Teratai dalam tahun 2016-2018?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri masih tiada perancangan di dalam menyediakan Rumah Selangorku di DUN Teratai dalam tahun 2016 – 2018.

Walau bagaimana pun, sekiranya pihak Yang Berhormat dapat mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk pembangunan Rumah Selangorku di kawasan DUN Teratai, pihak Yang Berhormat boleh memajukan cadangan tersebut kepada Kerajaan Negeri untuk diteliti bagi penyediaan Rumah Selangorku tersebut di kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH YANG BERKESAN

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan sistem pelupusan sampah yang berkesan oleh MPK ?
- b) Bagaimanakah MPK akan menyelesaikan pembuangan sampah haram yang masih berleluasa?
- c) Berapa peratuskan peruntukan kos untuk kerja pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan pulupusan sampah?

JAWAPAN:

- a) Perancangan Sistem Pelupusan Sampah yang berkesan adalah menggunakan Sistem *Incinerator*. Sistem ini boleh memproses jumlah sampah dalam skala yang besar (dianggarkan kira-kira 1,500 tan sehari) dan boleh melibatkan 2 atau 3 PBT dalam setiap proses sehari. Namun, sistem ini memerlukan kos pengendalian tinggi.
- b) Di antara langkah-langkah Majlis Perbandaran Klang dalam menyelesaikan pembuangan sampah secara haram yang masih berleluasa adalah seperti berikut:
 - i) Mengadakan Operasi Penguatkuasaan di kawasan-kawasan 'hot spot' sampah haram secara berterusan.
 - ii) Menyita kenderaan yang digunakan oleh pihak-pihak terlibat sekiranya ditangkap membuang sampah haram.
 - iii) Memastikan kontraktor kutipan sampah untuk kawasan-kawasan perindustrian berdaftar dengan Majlis bagi memastikan sampah-sampah dibuang di tempat yang dibenarkan oleh Majlis.
 - iv) Memastikan kontraktor yang dilantik oleh Majlis, menjalankan pembersihan sampah longgok mengikut kekerapan dan jadual yang telah disediakan oleh Majlis.
 - v) Tindakan yang lebih tegas (Penalti) dikenakan ke atas kontraktor yang tidak mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan.

- vi) Mewajibkan peniaga / pengendali restoran menyediakan tong sampah sendiri.
- c) Peratus peruntukan kos untuk kerja pemantauan dan penguatkuasaan adalah sebanyak 5% setahun daripada bajet keseluruhan jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : DEIG

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban operasi DEIG agar selaras dengan prinsip urustadbir baik?

JAWAPAN:

- a) MBI mengambil maklum segala pandangan dan maklumbalas yang diberikan oleh semua pihak, khususnya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk menjamin ketelusan dan prinsip kebertanggungjawaban dalam mengurus DEIG.

MBI ketika ini sedang bekerjasama dengan Kamar Penasihat Undang-undang Negeri untuk memperincikan 'corporate governance' serta aspek-aspek ketelusan yang akan dilaksanakan dalam pentadbiran DEIG.

Antara langkah Kerajaan Negeri menjamin ketelusan dan prinsip kebertanggungjawaban adalah dengan memastikan akaun DEIG diaudit oleh firma terkemuka '*Big Four*' dan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Secara asasnya, DEIG akan diwakili oleh Ahli Lembaga Pengarah yang merangkumi wakil dari Kerajaan Negeri, pihak pengurusan dan wakil bebas yang berpengalaman di dalam bidang pelaburan dan korporat. Di samping itu juga, Lembaga Pengarah akan disokong oleh Jawatankuasa sokongan seperti Jawatankuasa Audit; Jawatankuasa Pengurusan Risiko; Jawatankuasa Pelaburan; Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan serta Jawatankuasa Perlantikan dan Emolumen. Jawatankuasa-jawatankuasa ini berperanan untuk membantu Ahli Lembaga Pengarah di dalam proses membuat keputusan serta memastikan sistem "decision gates" adalah telus dan terbuka.

DEIG juga akan dipantau oleh jawatankuasa yang di lantik di kalangan Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan Undangan Negeri yang berkaitan.

Badan ini akan menjadi forum yang teratur untuk memantau, menilai dan mengesyorkan sistem amalan tadbir urus yang terbaik sekaligus menyerlahkan aspek integriti dan ketelusan DEIG.

Memandangkan DEIG didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, DEIG juga dikehendaki mengemukakan akaun yang diaudit secara berkala dan terbuka kepada penelitian awam.

Selain itu Kerajaan Negeri juga akan memastikan pengurusan akaun DEIG boleh dinilai oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Audit Negara atau diteliti oleh Jawatankuasa Dewan Undangan Negeri Selangor yang sepatutnya.

Proses untuk memperkemas dan memperkukuh 'corporate governance' serta aspek-aspek ketelusan dalam pentadbiran sedang giat dijalankan dan DEIG dijangka akan mula beroperasi apabila segala proses ini lengkap iaitu pada suku pertama tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (PASSB)

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini PASSB?
- b) Nyatakan lokasi, jumlah pekerja dan kos pengurusan pejabat PASSB?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH & SEKOLAH MENENGAH BANDAR SAUJANA
PUTRA, JENJAROM**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Pembinaan sekolah Kebangsaan Dan sekolah Menengah di Bandar Saujana Putra, Jenjarom?
- b) Sila nyatakan lokasi berserta nombor plot kedua Dua Cadangan tapak sekolah.

JAWAPAN:

- a) Ini adalah projek persekutuan dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- b) Lokasi tapak sekolah rendah dan menengah adalah bersekali di nombor lot 25543 di Mukim Jenjarom.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : MEMPERBANYAKKAN BAZAAR/MEDAN NIAGA BAGI
 MENGALAKKAN GOLONGAN MISKIN MENCEBUR DIRI
 DALAM PERNIAGAAN**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan lebih banyak bazar atau medan niaga dan khidmat nasihat bagi menggalakkan golongan miskin mencebur diri dan berjaya dalam perniagaan?
- b) Jika ya, mohon nyatakan program pelaksanaannya?
- c) Jika tidak, apakah rancangan alternatif Kerajaan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mengadakan lebih banyak bazaar atau medan niaga. Tetapi, bazar yang baru boleh diwujudkan berdasarkan permintaan dengan tapak berniaga yang sesuai kepada PBT masing-masing. Kerajaan Negeri amat serius dalam membantu semua golongan termasuk golongan miskin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT telah menyediakan tempat berniaga serta jadual seperti tapak pasar malam, pasar pagi, pasar tani, kompleks pasar dan kiosk penjaja. PBT juga mengenakan kadar fi yang murah kepada penjaja manakala kadar fi bagi golongan penjaja OKU pula hanya separuh harga. PBT juga sedia menerima permohonan-permohonan lesen perniagaan bagi menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan. Selain itu, antara program-program yang dilaksanakan oleh PBT bagi membantu golongan miskin menceburi bidang perniagaan adalah seperti berikut:-

i. Majlis Perbandaran Subang Jaya

- a) Menyediakan kemudahan dan mewujudkan seperti gerai, kiosk, petak pasar malam dan pasar pagi. Selain itu, terdapat banyak ruang perniagaan yang dikendalikan oleh pihak-pihak lain yang boleh diisi oleh peniaga-peniaga kecil seperti Bazar Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Bazar Primawalk dan sebagainya;

- b) Menyediakan tempat untuk peniaga-peniaga kecil menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menambah punca pendapatan atau sebagai permulaan menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Antara ruang perniagaan yang ditawarkan oleh pihak Majlis ialah petak-petak niaga di pasar-pasar malam, pasar pagi, kiosk, kedai bersaiz kecil dan gerai PBT;
- c) MPSJ juga membenarkan aktiviti penjaja di tepi jalan dengan syarat lokasi perniagaan adalah sesuai, tidak bercanggah dengan peraturan dalam undang-undang kecil, tidak menimbulkan masalah lalulintas, halangan dan sebagainya. Inisiatif galakan yang diberi adalah dengan memberi peniaga peluang berniaga di tempat-tempat atau premis gerai milik Majlis. Kadar bayaran sewa dan permit yang dikenakan adalah rendah sehingga Majlis menampung kos tambahan kerana bayaran yang dikenakan tidak mencukupi untuk menanggung kos sebenar.

ii. Majlis Perbandaran Sepang

- a) Membina sebuah medan selera di Desa Pinggiran Putra, Sungai Merab dan dijangka beroperasi pada bulan Jun 2016. Kini proses pelantikan kontraktor telah selesai dibuat. Tempoh pelaksanaannya adalah 24 minggu mulai dari 2 November 2015 hingga 1 Jun 2016 dengan jumlah sebanyak 17 unit.

iii. Majlis Daerah Kuala Selangor

- a) Menyediakan tapak perniagaan yang tersusun dan mencukupi di kawasan tumpuan pelancong seperti di Pantai Remis Jeram;
- b) Menyediakan tapak perniagaan berkeluasan 10' x 10' dan 3 sesi setiap petak (pagi, petang, malam) yang tersusun di dalam kawasan penempatan padat seperti di Saujana Utama, Puncak Alam, dan Bandar Kuala Selangor; telah mendapat kerjasama daripada pihak pemaju seperti MKH Berhad dalam program CSR dengan membina gerai makan di kawasan Puncak Alam; dan
- c) MDKS sedang merangka program Dataran Usahawan di mana pihak MDKS menyediakan tapak perniagaan kepada usahawan tempatan dan dalam masa yang sama menganjurkan karnival bagi menarik pengunjung.

iv. Majlis Daerah Sabak Bernam

- a) Telah menyediakan medan-medan niaga kepada golongan miskin yang menceburi bidang perniagaan seperti mengadakan gerai di dalam pasar dan di luar pasar, medan niaga pasar sehari dan kawasan yang dibenarkan seperti di Pantai Redang, Sekinchan dan barang jualan utama adalah seperti makanan, hasil tani dan nelayan tempatan.

v. Majlis Daerah Kuala Langat

- a) Pihak MDKL mempunyai banyak kekosongan tapak peniaga seperti di Pasar Awam Sijangkang dan premis-premis kedai lain yang berada di daerah Kuala Langat. Pihak Majlis amat mengalu-alukan sekiranya terdapat golongan miskin yang ingin menyewa tapak-tapak tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program khas bagi membantu golongan miskin yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) antaranya ialah Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) yang dilaksanakan sejak bulan Julai 2010 dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (Mimbar) sejak bulan Mac 2011 serta khidmat nasihat dan pelbagai bentuk bantuan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : TERDAPAT TANAH-TANAH DIBERI KEPADA PIHAK BERKUASA TANAH PERSEKUTUAN (PTP) UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN AWAM SEPERTI SEKOLAH, HOSPITAL, BALAI POLIS DAN SEBAGAINYA

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ekar tanah telah dipindah milik kepada PTP dalam masa 15 tahun yang lalu?
- b) Berapa ekar tanah yang diberi kepada PTP, tetapi tidak dimajukan, senaraikan mengikut daerah?
- c) Berapa ekar tanah yang diberi kepada PTP telah dijual kepada pihak ke 3

JAWAPAN:

- a) Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) tiada mempunyai maklumat mengenai pindah milik tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Maklumat Tanah adalah diperolehi sama ada melalui urusan pelupusan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) atau pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Sepanjang tempoh 15 tahun yang lalu, sebanyak **148,008,045.005 ekar** tanah telah dilupuskan secara pemberimilikan atau pengambilan tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Jumlah tersebut juga melibatkan sebanyak 1,254 hak milik.
- b) Terdapat **580.253 ekar** tanah yang telah diberikan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), tetapi masih belum dimajukan dan berikut adalah butirannya mengikut daerah.

BIL.	DAERAH	JUMLAH KELUASAN TANAH (EKAR)
1.	Gombak	55.264
2.	Hulu Langat	52.311
3.	Klang	247.780
4.	Hulu Selangor	7.272
5.	Kuala Langat	33.581
6.	Kuala Selangor	37.791
7.	Petaling	94.789
8.	Sabak Bernam	8.335
9.	Sepang	43.130
JUMLAH KESELURUHAN		580.253

Sumber: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Selangor

- c) Berdasarkan maklumat yang diterima melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Selangor, jumlah tanah yang telah dijual kepada pihak ketiga adalah berjumlah **883.824 ekar** dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.			DAERAH	MUKIM	LUAS (EKAR)	CATATAN
1.			Petaling	Bukit Raja	213	Pindahmilik Penswastaan
2.			Petaling	Bukit Raja	320.19	Pindahmilik Penswastaan
3.			Petaling	Bukit Raja	68.5	Pindahmilik Penswastaan
4.			Klang	Kapar	255.254	Pindahmilik Penswastaan
5.			Sepang	Bandar Baru Salak Tinggi	19.85	Penjualan (perolehan asal dibeli dari PKNS)
6.			Petaling	Bandar Shah Alam	7.03	Penjualan (perolehan asal dibeli dari PKNS)
JUMLAH KESELURUHAN (EKAR)					883.824	

Sumber: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BIAYA SISWA KUIS & UNISEL

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima biaya siswa ini sepanjang tahun 2015?
- b) Berapakah jumlah yang diterima oleh setiap pelajar?
- c) Berapakah jumlah keseluruhan yang telah disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, terdapat 2 jenis biaya siswa untuk pelajar UNISEL dan KUIS iaitu:

i. Dana Sara Diri

- Merupakan bantuan kewangan bagi tujuan sara diri pelajar sebelum mendapat bayaran pinjaman daripada PTPTN atau MARA. Berikut merupakan ringkasan bagi program Bantuan Sara Diri tahun 2015:

Bil	Perkara	Jumlah (pelajar)
1.	Permohonan diterima	455
2.	Permohonan yang diluluskan	276

ii. Program Khas Biasiswa Selangorku

- Merupakan biasiswa penuh bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dan luar bandar. Program ini telah dilaksanakan pada Oktober 2015 selaras dengan kelulusan MMKN bertarikh 9 September 2015.
- Berikut merupakan ringkasan permohonan Biasiswa Selangorku bagi tahun 2015:

Bil	Perkara	Jumlah (pelajar)
1.	Permohonan diterima	183
2.	Permohonan yang layak diproses	169
3.	Permohonan tidak layak diproses: Sebab-sebab: <ul style="list-style-type: none">- Menerima tajaan lain- Peringkat pengajian tidak ditaja- Permohonan tidak lengkap	14

4.	Calon yang dipanggil temuduga	169
5.	Calon yang hadir temuduga	136
6.	Calon yang tidak hadir temuduga	33
7.	Calon yang tidak disokong	16
8.	Calon yang disokong	120

- Seramai 120 pelajar telah disenarai pendek berdasarkan syarat kelayakan dan sesi temuduga. Pentadbiran ini sedang mendapatkan struktur yuran pengajian bagi setiap pelajar ini bagi membuat pengiraan jumlah sebenar pelajar yang boleh ditaja memandangkan biasiswa yang diperuntukkan adalah sebanyak RM10.0 juta sahaja.

b)

i. Dana Sara Diri

- Pembiayaan tunai sebanyak RM600.00 sebulan untuk tempoh maksimum 4 bulan sebelum pelajar mendapat pinjaman daripada PTPTN atau MARA.

ii. Program Khas Biasiswa Selangorku

- Keseluruhan yuran pengajian pelajar akan ditanggung termasuk elaun sara diri berjumlah RM7,200.00 setahun.

c)

i. Dana Sara Diri

- Sebanyak RM328,800.00 telah dibayar kepada pelajar yang layak.

ii. Program Khas Biasiswa Selangorku

- Sebanyak RM10.0 juta setahun telah diperuntukkan dan jumlah yang disalurkan akan berdasarkan kos sebenar pelajar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA IZIN

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan apakah pencapaian terkini program tersebut?
- b) Sila kemukakan statistik jumlah bilangan kilang tanpa izin yang telah berjaya diputihkan mengikut pecahan daerah?
- c) Sila nyatakan apakah kekangan,cabaran yang dihadapi serta apakah pelan perancangan 5-10 tahun akan datang?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEBT

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah peruntukan PeBT sekarang dapat melaksanakan program-program belia terutama di DUN yang mempunyai bilangan belia yang ramai ?

JAWAPAN:

- a) Secara umumnya, peruntukan PeBT yang telah diperuntukkan sebanyak RM5,000.00 kepada setiap zon digunakan untuk melaksanakan program-program belia. Namun begitu, terdapat sesetengah PeBT yang melaksanakan program secara gabungan bersama zon-zon yang lain terutamanya di DUN yang mempunyai bilangan belia yang ramai. Dengan cara ini, program tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dapat mencapai objektif yang telah dirancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KESEJAHTERAAN KELUARGA

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi membangunkan keluarga yang sejahtera di Selangor?
- b) Apakah indikator yang digunakan untuk mengukur perkara ini?
- c) Apakah program yang dilaksanakan dan berapakah peruntukan kewangan yang di peruntukan untuk tujuan ini?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor merupakan sebuah negeri idaman, maju sejahtera dan berkeadilan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi membangunkan keluarga yang sejahtera di Selangor. Memperkenalkan konsep "*family first*" adalah perancangan utama bagi Kerajaan Negeri Selangor dalam menjayakan pembangunan modal insan. Justeru itu, pelbagai program yang fokus kepada keluarga akan terus mendapat perhatian Kerajaan Negeri di masa hadapan. Dengan wujudnya program-program pembangunan keluarga ini, maka diharap agar isu-isu rumahtangga seperti perceraian dan isu-isu sosial dapat dikurangkan.
- b) Kerajaan Negeri Selangor memandang serius dalam soal kekeluargaan. Rakyat yang sejahtera lahir dari keluarga yang bahagia. Dalam konteks kesejahteraan keluarga Kerajaan Negeri menggunakan tujuh (7) elemen sebagai indikator pengukur peningkatan. Elemen tersebut adalah :-
 - i. Jalinan Kekeluargaan;
 - ii. Ekonomi Keluarga;
 - iii. Kesihatan;
 - iv. Keselamatan;
 - v. Kerohanian/ Pegangan Agama;
 - vi. Jalinan Komuniti; dan
 - vii. Persekitaran

c) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah mensasarkan beberapa program berbentuk kekeluargaan untuk dilaksanakan dalam tahun 2015. Antara program-program kekeluargaan yang telah dirancang untuk dilaksanakan adalah :-

i) **Seminar Keibubapaan “Towards Gen Alpha 2015”;**

Bertujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu keibubapaan kepada golongan ibu bapa muda yang mempunyai anak-anak yang lahir dalam generasi Alpha memahami dan menangani cabaran membesarkan anak-anak dalam arus teknologi moden.

ii) **Hari Bersama Keluarga (*Family Day Out*); dan**

Matlamat utama program ini adalah untuk mengeratkan institusi kekeluargaan sesama masyarakat. Selain itu memberi ruang dan peluang keluarga menghabiskan masa bersama-sama ahli keluarga dengan berkualiti. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

iii) **Program kempen-kempen kesedaran terhadap menangani keganasan terhadap wanita dan keluarga.**

Program ini merupakan program-program kesedaran terhadap bagaimana cara menangani dan mengelakkan keganasan yang seringkali terjadi terhadap wanita, kanak-kanak dan golongan warga emas. Pelbagai agensi dan jabatan terlibat dalam memberi penerangan dan tunjuk ajar.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah memperuntukkan sebanyak RM230,000.00 daripada RM1,000,000.00 peruntukan tahunan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan program-program kekeluargaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi perlombongan pasir yang masih beroperasi di Selangor?
- b) Senaraikan daerah, keluasan, jumlah royalti dan nama syarikat yang diluluskan untuk mengorek pasir di Selangor pada tahun 2014 dan 2015?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : VAKSIN RABIES

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah berjaga-jaga oleh Jabatan Veterinar Selangor untuk menangani kemungkinan wabak rabies di Selangor, termasuk perolehan vaksin yang diperlukan khusus untuk keperluan Selangor?
- b) Mengapakah usaha untuk culling anjing dan binatang-binatang liar kelihatan telah berhenti dan tidak dijalankan secara berterusan?

JAWAPAN:

- a) Langkah berjaga-jaga yang dilakukan oleh kerajaan adalah menjalankan surveilan aktif dan surveilan pasif.
 - i. Survelan aktif bermaksud mengambil dan menguji sampel-sampel bagi mengesan kehadiran penyakit rabies. Program surveilan aktif ini telah dijadualkan lebih awal pada setiap tahun.
 - ii. Survelan pasif pula adalah DVS Selangor bersama-sama PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menyiasat setiap kes gigitan anjing yang dilaporkan oleh orang awam bagi memastikan kes berkenaan tidak berkaitan dengan rabies.

Negeri Selangor tidak memerlukan vaksin kerana kerana sehingga kini, negeri ini masih kekal bebas daripada wabak rabies dan juga dikategorikan sebagai “negeri di luar kawasan penampunan rabies”. Negeri-negeri kategori ini tidak dibenarkan menggunakan vaksin Rabies sebagaimana yang diarahkan oleh DVS Malaysia.

- b) Usaha *culling* masih dilaksanakan secara berterusan. Sebagai buktinya, Kerajaan Negeri melalui PBT masih lagi melaksanakan penangkapan dan penghapusan anjing liar. Berikut adalah jumlah tangkapan sehingga September 2015.

BIL	PBT	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	JUMLAH
1	MBSA	75	90	72	59	93	90	66	74	87	706
2	MBPJ	75	65	116	115	87	80	30	113	50	731
3	MPK	648	613	531	808	623	669	754	504	737	5887
4	MPAJ	65	106	128	129	70	154	115	75	87	929
5	MPSJ	75	69	71	97	69	179	103	132	182	977
6	MPS	167	156	173	221	203	153	198	101	170	1542
7	MPKJ	227	122	173	211	235	248	208	261	267	1952
8	MPSP	60	44	55	104	91	60	20	29	108	571
9	MDKL	2	3	9	89	153	77	126	16	1	476
10	MDHS	99	75	116	106	160	98	73	107	95	929
11	MDKS	20	19	32	37	8	6	5	3	129	259
12	MDSB	5	4	200	3	3	2	-	-	-	217
JUMLAH		1518	1366	1676	1979	1795	1816	1698	1415	1913	15176

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBERSIHAN GERAI PENJAJA MAKANAN DI DUN MERU.

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah gred kebersihan gerai dan persekitaran terutama gerai kelompok MPK di Jalan Kenangan, di Pekan Meru dan sekitarnya telah dilaksanakan?
- b) Berapa kekerapan pemeriksaan kebersihan gerai dilaksanakan?
- c) Adakah gred kebersihan juga melibatkan gerai-gerai persendirian?

JAWAPAN:

- a) Penggredan telah dijalankan ke atas gerai – gerai kelompok MPK di Jalan Kenangan di Pekan Meru dan sekitarnya di mana kebanyakan gerai telah mendapat gred B dan C sahaja iaitu di tahap bersih dan memuaskan.
- b) Kekerapan pemeriksaan kebersihan gerai adalah sebanyak sekali setahun. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat aduan, pemeriksaan berikutnya akan dijalankan semula.
- c) Ya. Penggredan pemeriksaan kebersihan juga ada melibatkan semua gerai – gerai/ *'foodcourt'* persendirian di kawasan Majlis Perbandaran Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran dan strategi yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan keefisienan sistem penyampaian untuk perkhidmatan dan penyelesaian masalah di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah merangka beberapa strategi bagi memastikan keberkesanan sistem penyampaian untuk perkhidmatan dan penyelesaian masalah dalam situasi terbaik. Sasaran Kerajaan Negeri adalah harus memastikan Selangor muncul sebagai '*smart state*' di pentas global dan memastikan hak rakyat terjamin melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang efektif dan berkesan serta meningkatkan mutu kerja berasaskan '*result based*', selain sistem penyampaian yang terbaik selaras dengan tuntutan pelanggan. Sehubungan itu Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menyasarkan beberapa tindakan untuk memastikan setiap teguran, aduan, kelemahan jabatan dan agensi diambil tindakan kadar segera untuk memastikan matlamat Pembangunan Berkualiti, Rakyat dipeduli adalah tercapai.

Kerajaan Negeri Selangor juga memastikan kualiti perkhidmatan dan prestasi jabatan sentiasa meningkat dengan melaksanakan beberapa program bagi memupuk nilai cemerlang dan budaya kerja yang proaktif antaranya adalah mewujudkan anugerah bagi mengiktiraf jabatan dan agensi yang cemerlang seperti Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), Anugerah Kutipan Hasil, Insentif Prestasi Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti serta Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISAS), Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif(KIK) Perkhidmatan Awam yang melibatkan kreativiti dan inovasi kakitangan bagi memupuk penjawat awam yang mampu berdaya saing.

Jabatan-jabatan kerajaan di Negeri Selangor juga perlu memastikan Piagam Pelanggan sentiasa di kaji dan di nilai keberkesananannya dari semasa ke semasa. Selain itu, program Sasaran Kerja Tahunan (SKT) setiap jabatan juga dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang mencapai sasaran dan KPI jabatan.

Bagi memastikan perkhidmatan yang mesra pelanggan, aktiviti *mystery shopping* (penyamaran) pula telah dilaksanakan di kaunter-kaunter perkhidmatan di jabatan yang dipilih bagi memastikan layanan yang diberikan adalah cekap, mesra dan memenuhi kehendak pelanggan yang berurusan .

Pentadbiran Kerajaan Negeri juga memastikan penggunaan teknologi maklumat digunakan secara maksimum seperti mewujudkan sistem Talian Aduan Selangor (STARS), Sistem tender /sebut harga, Sistem semakan bil hasil, sistem pinjaman pelajaran, hadiah pengajian IPT dan lain lain yang boleh diperolehi secara atas talian. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga mewujudkan Talian Aduan Bebas Tol yang boleh dihubungi setiap hari bagi memberikan perkhidmatan dan membantu rakyat dalam menyalurkan aduan tanpa perlu hadir ke pejabat. Setiap aduan akan dipantau dan di ambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, bagi meningkatkan kompetensi dan memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti, semua penjawat awam diwajibkan menghadiri kursus tidak kurang daripada 7 hari setahun bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Langkah dan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan sistem penyampaian kerajaan berjaya dengan memastikan pengurusan pentadbiran yang sistematik iaitu melalui perkhidmatan yang lebih responsif terhadap kehendak dan keperluan pelanggan sehingga melebihi ekspektasi pelanggan itu sendiri sejajar dengan pendekatan 'delighting the customer' yang telah di iktiraf oleh MAMPU sebagai pendekatan yang telah berjaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK GRADUAN TAHFIZ

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah graduan tahfiz di Selangor yang telah berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan graduan tahfiz mempunyai pekerjaan selepas tamat pengajian?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berdasarkan semakan terhadap maklumat sub kriteria pendidikan dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (dikenali sebagai 'HRMIS') yang dikemas kini sehingga 20 Oktober 2015, seramai 89 orang kakitangan yang sedang berkhidmat di pelbagai Jabatan / Agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mempunyai latar pendidikan tahfiz dan pengajian Al-Quran.

**MAKLUMAT TAMBAHAN :
PERINCIAN PEMILIK KOMPETENSI YANG MEMPUNYAI LATAR BELAKANG TAHFIZ DAN PENGAJIAN AL-QURAN**

**Senarai Nama Pemilik Kompetensi Yang Memiliki Tahap Pendidikan Berasaskan Tahfiz dan Al-Quran
Status sehingga 18 Oktober 2015**

Bil	Nama Agensi	Nama	No K/P	Tahap Pendidikan	Nama Sijil
1	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD FAIZUDDIN HILMY BIN SHAMSUDDIN	841102105847	Diploma	Al-Quran & Sunnah
2	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MAHFUZH BINTI MOHD BAHAUDDIN	850331105538	Diploma	Diploma Al Quran Dan Qiraat
3	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NORLIZAH BINTI ABD KADIR	831207105684	Diploma	Diploma Al Quran Wal Qiraat
4	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR	HASMIZAH BINTI HASSAN	861024435354	Diploma	Diploma Al-Quran Dan Al-Sunnah
5	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	KAHARUDIN BIN ALIAS	841101146479	Diploma	Diploma Alquran Wal Qiraat
6	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AHMAD ALA'UDDIN BIN KAMAL	830406016217	Diploma	Diploma Al-Quran Wal-Qiraat
7	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHAMAD NAZRI BIN SOBIRIN	801202105741	Diploma	Diploma Pengajian Al-Quran
8	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	FAUZIAH HANIM BINTI KUSNIN	830820105506	Diploma	Diploma Pengajian Islam (Al-Quran Dan As-Sunnah)
9	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AQMALIA BINTI RAMLI	830916105922	Diploma	Diploma Pengajian Islam (Al-Quran& Sunnah)
10	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR	NURUL EMILIA BINTI AHMAD DIAH	890202105714	Diploma	Diploma Pengajian Islam (Al-Quran As-Sunnah)
11	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHAMAD NAZAR BIN MOHAMED YUNOS	830311105321	Diploma	Diploma Pengajian Islam Al-Quran Dan Al-Sunnah
12	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	ZAIFFULLAH BIN JAAFAR SHIDEK	811114105353	Diploma	Diploma Pengajian Islam Al-Quran Dan As Sunnah
13	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD AZWAN BIN SELAMAT	840522105507	Diploma	Diploma Pengajian Islam Al-Quran Dan As-Sunnah
14	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUSLIHAH BINTI HASAN	840822145092	Diploma	Diploma Pengajian Islam Al-Quran Dan As-Sunnah
15	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL IZZATI BINTI NAZIRMUDDIN	870924115166	Diploma	Diploma Quran Sunnah
16	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AHMAD HAFIZUL BIN KAMALUZAMAN	810128035371	Diploma	Diploma Tahfiz Al Qurn Wal Qiraat Darul Quran Jakim
17	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD FAIZ BIN AZAINI	830611145325	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran
18	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD TARMIZI BIN ZAKARIA	850819115043	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran
19	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	LUQMANULHAKIM BIN AZIZ	850816565065	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al Qiraat
20	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SHAHRLNIZAM BIN MOHAMMAD AHMADI	841229145889	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat
21	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD HAFIZZUL AZRI BIN AZMAN	860409435035	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat
22	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SAIFUL ANUAR BIN SULEH WAN KURDI	861006145193	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat
23	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	RAJA MOHD ASHRAF BIN RAJA CHIK	860506436523	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qirat
24	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AHMAD ZAHIDI BIN MOHAMED	790306025251	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat
25	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	JAZALIA AZLIN BINTI ABD JALIL	800124105062	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat
26	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NUR LIYANA BINTI MUSTAFA	850405105670	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat
27	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHAMAD GHAZALI BIN ABDUL RAHIM	850715085265	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat
28	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD ATHRAS BIN ABDUL BASIR	821229105467	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
29	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SITI KHADIJAH BINTI NORDIN	830530145796	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
30	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD FAIRUZAMAN BIN MOHD YAAKOB	830910086759	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
31	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NUR KHASANAH ULFAH BINTI MOHAMAD ANUAR	831218105612	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
32	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL HUSNA BINTI HADIRIN	840806145316	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
33	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD HARUN BIN JAAFAR	850213105713	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
34	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SITI HAFIZAH BINTI HAZIZ	850223105258	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
35	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AHMAD HAMDY BIN ALI	850306065693	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
36	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	RAHANOM BINTI RAMLI	840310105556	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat
37	JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR	MOHD AMIN BIN HANAPIAH	830413105517	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat
38	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	FAIZ DAIMAN BIN MAT NOOR	840926105167	Diploma	Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Darul Quran Jakim
39	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	ROSLIZAH BINTI MANAN	840610105566	Diploma	Diploma Tahfiz Dan Qiraat
40	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SITI RIDHAINNUR BINTI IDRUS	840623106082	Diploma	Diploma Tahfiz Dan Qiraat
41	PEJABAT DYMM SULTAN SELANGOR	MUHAMMAD ILYAS BIN ABU BAKAR	890129105645	Diploma	Diploma Tahfiz Quran Wal Qiraat
42	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SITI HAJAR BINTI RADZALI	870604145358	Diploma	Diploma Thfiz Al-Quran Wal Qiraat
43	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD AIZUDDIN BIN ISMAIL	841206105251	Diploma	Iploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
44	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	KAMARUDIN BIN JALAL	641012055587	Diploma	Pengajian Al-Quran Wal Qiraat
45	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NORMAYASARI BINTI MD ZAINI	830605105394	Diploma	Sijil Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
46	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD SUHAIMI BIN MOHD ARDZI	821225145381	Diploma	Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat

**MAKLUMAT TAMBAHAN :
PERINCIAN PEMILIK KOMPETENSI YANG MEMPUNYAI LATAR BELAKANG TAHFIZ DAN PENGAJIAN AL-QURAN**

**Senarai Nama Pemilik Kompetensi Yang Memiliki Tahap Pendidikan Berasaskan Tahfiz dan Al-Quran
Status sehingga 18 Oktober 2015**

Bil	Nama Agensi	Nama	No K/P	Tahap Pendidikan	Nama Sijil
47	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD HAFIZZUL AZRI BIN AZMAN	860409435035	Diploma	Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat
48	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD SHUAIB BIN ABU	770126105731	Diploma	Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat
49	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMAD HAFIZ BIN MD SAMURI	820526105557	Diploma	Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat
50	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMAD HAFIZ BIN MD SAMURI	820526105557	Ijazah Sarjana Muda	Al-Quran Wal Qiraat
51	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SAMSUL MUHAMIN BIN ABDULLAH SALEH	841228105463	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Al-Quran & Qiraat
52	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD FAIZ BIN AZAINI	830611145325	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Al-Quran Dan Qiraat
53	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD TARMIZI BIN ZAKARIA	850819115043	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Al-Quran Dan Qiraat
54	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	ROZANNA BINTI MUSA	840819125306	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Qiraat
55	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD FIKRI BIN AUNUDIN	850129086687	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Qiraat
56	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SITI HAFIZAH BINTI HAZIZ	850223105258	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Qiraat
57	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NORMASERA BINTI AHMAD KHAIRUNDIN	840720105030	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dan Bahasa Arab (Usuluddin-Tafsir Dan Ulum Quran)
58	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD. HAZIMI BIN ZAINAL	861217465103	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dan Bahasa Arab Usuluddin Tafsir Dan Ulum Al-Quran
59	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL FARHANA BINTI ABDUL AZIZ	880710066038	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Quran Dan Sunnah
60	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL HUSNA BINTI HADIRIN	840806145316	Ijazah Sarjana Muda	Takhassus Al-Quran Wal Qiraat
61	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SITI FATIMAH BINTI HAJI SEMAN	861126335290	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Quran Dan Sunnah
62	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHAMMAD SHIHABUDDIN BIN NOR RODIN	880415105671	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Pengajian Al-Quran Dan Sunnah
63	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD NAJMI BIN SUIB	831123105695	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Al-Quran
64	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MAHFUZOH BINTI MOHD BAHAUDDIN	850331105538	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Al Quran Dan Qiraat
65	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL SHAHIDA BINTI ALI	881115105412	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Alquran Dan Assunnah
66	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NUR LIYANA BINTI MUSTAFA	850405105670	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Qiraat
67	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SAIFUL ANUAR BIN SULEH WAN KURDI	861006145193	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Qiraat
68	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD NAZIM BIN AHMAD	870201055411	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Takhassus Qiraat
69	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NUR KHASANAH ULFAH BINTI MOHAMAD ANUAR	831218105612	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Wal Qiraat
70	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	KAHARUDIN BIN ALIAS	841101146479	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Wal Qiraat
71	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NUR MANAL BINTI DAIM	860907435476	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu Dan Warisan (Quran Sunnah)
72	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AZIMAH BT MAHAMUD	860326435064	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam (Al-Quran As-Sunnah)
73	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD RAOF BIN SAMSURI	820706105247	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Al-Quran (Qiraat)
74	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	ANNUAR BIN MD ISHAK	860925435613	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dengan Multimedia
75	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	SHAHRLNIZAM BIN MOHAMMAD AHMADI	841229145889	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir Dan Ulum Al-Quran)
76	PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR	MOHD FAIZUL FITRI BIN MUSLIL	780920105383	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Ilmu Wahyu (Quran)
77	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NORHAYATI BINTI SABDIN	860129495156	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Jaah Sarjana Muda Dengan Kepujian Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah)
78	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	ANIS SHAKILA BINTI ZULKIFLI	880504085844	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Pengajian Al-Quran Dan As-Sunnah
79	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NORLIZAH BINTI ABD KADIR	831207105684	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Sarjana Muda Pengajian Al Quran
80	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	RAHANOM BINTI RAMLI	840310105556	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Sarjana Muda Pengajian Al-Quran
81	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL AIN BINTI TAHIR	871228305024	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Sarjana Muda Pengajian Quran Dan Sunnah Dengan Kepujian
82	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHD KHAIRIL NIZAM BIN JALUDIN	810308105293	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Tafsir Dan Ulum Quran
83	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MOHAMAD GHAZALI BIN ABDUL RAHIM	850715085265	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Tahfiz Dan Takhassus Qiraat
84	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	AHMAD HAMD BIN ALI	850306065693	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Takhassus Al-Quran Wal Qiraat
85	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	MUHAMAD HAFIZ BIN MD SAMURI	820526105557	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian	Ulumul Quran Wal Qiraat
86	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	NURUL IZZATI BINTI NAZIRMUDDIN	870924115166	Lepasan Sarjana	Master Of Quran Sunnah
87	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	EZHANI BINTI MOHD HANAFIAH	740706145038	Sijil	Kursus Asas Al-Quran
88	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR	HASSAN BIN YAAKOB	650220035489	Sijil	Sijil Pengajian Al-Quran
89	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	ROSMALA BINTI PAIMAN	610518015118	Sijil	Sijil Pengajian Al-Quran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : GERAN MARRIS

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan MARRIS untuk baik pulih sistem saliran longkang bagi pencegahan banjir dan denggi.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan sebahagian peruntukan MARRIS secara "outright grant" supaya agensi pelaksana boleh bertindak cepat terhadap aduan yang diterima?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan cadangan projek pembaikan sistem saliran atau longkang menggunakan peruntukan MARRIS. Sebagai makluman, cadangan kerja pembaikan longkang adalah dibenarkan di bawah peruntukan MARRIS selaras dengan Perenggan 11.2, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) **dengan syarat berikut:-**

- (a) Saliran atau longkang tersebut berdamping dengan jalan yang didaftar dalam Sistem MARRIS *Online*;
- (b) Cadangan kerja pembaikan adalah seberapa hampir mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina; dan
- (c) Cadangan kerja diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal MARRIS yang diurusetikan oleh UPEN.

Agensi Pelaksana boleh melaksanakan kerja-kerja tersebut menggunakan Siling Peruntukan MARRIS yang diluluskan pada setiap tahun atau memohon kepada pihak Perbendaharaan Negeri sekiranya peruntukan sedia ada tersebut tidak mencukupi.

- b) Sebagai makluman, terdapat empat kaedah penyaluran peruntukan yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) iaitu secara Surat Kelulusan Berbelanja, secara Jurnal, secara Direct Grant dan secara Waran. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan secara Jurnal bagi tiga agensi pelaksana kerana agensi-agensi tersebut menggunakan sistem perakaunan yang sama iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS) dan Pejabat Daerah / Tanah. Manakala, peruntukan disalur secara *Direct Grant* kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana agensi tersebut menggunakan sistem perakaunan yang berasingan. Kesemua agensi pada asasnya boleh memanfaatkan Siling Peruntukan MARRIS yang diberi secara tahunan untuk bertindak cepat terhadap aduan yang diterima. Di dalam hal ini, agensi yang tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak Perbendaharaan Negeri untuk dipertimbangkan. Justeru, isu peruntukan kewangan tidak seharusnya menjadi satu alasan untuk lewat mengambil tindakan terhadap permasalahan yang menjadi kekusaran rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN AIR SELANGOR OLEH
KERAJAAN NEGERI**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan manfaat yang diperolehi oleh rakyat Selangor berikutan pengambilalihan pengurusan air Selangor oleh kerajaan negeri daripada syarikat-syarikat konsesi sebelum ini. Adakah jaminan bahawa tarif air tidak akan meningkat.

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN KETIKA RINGGIT JATUH

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana prestasi Industri Pelancongan dalam tempoh matawang Ringgit Malaysia menurun?
- b) Bagaimana permintaan terhadap sektor pelancongan kesihatan di Selangor? Apakah rancangan jangka panjang bagi meningkatkan pelancongan sektor ini?

JAWAPAN:

- a) Penyusutan nilai mata wang Ringgit Malaysia mungkin boleh mendatangkan faedah kepada industri pelancongan sekiranya kita berpandukan dua (2) andaian atau hipotesis utama iaitu:

- i. Pelancong datang dari negara di mana mata wang negara tersebut mempunyai nilai lebih tinggi berbanding Ringgit Malaysia dan kelebihan mata wang tersebut menjadi insentif atau dorongan kepada pelancong untuk melawat Malaysia.

Salah satu contoh terbaik bagi menjelaskan senario ini ialah bagi kedatangan pelancong dari Negara Singapura. Pelancong dari Negara Singapura merupakan pelancong luar negara yang paling ramai datang ke Malaysia. Ketibaan pelancong dari Singapura telah meningkat sebanyak 5.7 % antara tahun 2013 dan 2014, tetapi Dolar Singapura mencatat peningkatan hanya sebanyak 1.5 % berbanding Ringgit Malaysia.

Berbanding Negara Brunei yang menduduki tempat ketiga di dalam senarai kedatangan pelancong ke Malaysia, mata wang Brunei juga telah menambah nilai sebanyak 1.5% berbanding dengan Ringgit Malaysia sama seperti Singapura pada tempoh yang sama, namun prestasi kedatangan pelancong dari Brunei telah menurun sebanyak 2.1%.

Negara Indonesia pula merupakan sumber kedua jumlah kedatangan pelancong paling banyak melawat Malaysia pada tempoh yang sama iaitu antara tahun 2013-2015 dengan jumlah kedatangan pelancong Indonesia telah mencatat kenaikan sebanyak 11% manakala kenaikan

mata wang rupiah mencatat sebanyak 4% berbanding dengan Ringgit Malaysia.

Mata wang Yuan Negara China pula telah menambah nilai sebanyak 3.8% berbanding Ringgit Malaysia namun dari segi kedatangan pelancong, ia telah mencatat penurunan sebanyak 10% dalam tempoh tahun yang sama.

Jadi, sekiranya merujuk kepada empat (4) negara sumber utama kedatangan pelancong ke Malaysia, kedudukan dan prestasi Ringgit Malaysia yang semakin lemah tidak menjamin penambahan kedatangan pelancong.

Nilai mata wang Dolar Amerika dan mata wang negara-negara yang berkaitan dengannya sedang meningkat berbanding dengan Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia menerima lebih banyak pelancong dari Negara – negara Eropah (European Union) sedangkan nilai mata wang Euro pada ketika ini sedang jatuh berbanding dengan Ringgit Malaysia.

Kesimpulannya, contoh-contoh yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa penurunan nilai Ringgit Malaysia tidak semestinya diterjemahkan kepada penambahan kedatangan pelancong. Maka anggapan atau hipotesis bahawa nilai mata wang yang lemah akan bawa lebih banyak pelancong adalah tidak benar. Keputusan pelancong melawat sesebuah negara adalah bergantung kepada pelbagai sebab dan alasan di antaranya adalah:

1. trend pelancongan
2. promosi
3. keselamatan dan;
4. lain-lain perkara.

data tourism daripada

http://corporate.tourism.gov.my/images/research/pdf/2014/arrival/Tourist_Arrivals_Dec_2014.pdf

- ii. Andaian kedua ialah anggapan bahawa kos operasi atau pengendalian industri pelancongan tidak terjejas akibat kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

Namun begitu ada masalah dengan anggapan tersebut. Industri pelancongan mempunyai hubung kait dengan barangan import – dari makanan, barangan, dan lain-lain kerana ia merupakan satu sektor yang perlu memenuhi cita rasa, selera dan permintaan pelanggan.

Maka kos barang-barang yang dibawa masuk khususnya daripada sumber yang didominasi oleh mata wang Dolar Amerika Syarikat akan meningkat.

Sehubungan itu, kebanyakan kos barangan akan meningkat disebabkan oleh pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan. Berdasarkan data yang diambil daripada data Pertumbuhan Ekonomi Negara (National Economic Growth), kita boleh menyaksikan pertumbuhan ekonomi negara yang lemah daripada 5.6% pada suku pertama tahun 2015 (1Q2015) kepada sekitar 4.2% pada suku ke-2 tahun 2015 (2Q2015).

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat keuntungan yang diperoleh disebabkan oleh kenaikan kedatangan pelancong luar negara, keuntungan ini akan dibatalkan atau diimbangkan. Tambahan pula trend ekonomi Malaysia tidak begitu positif dan ini juga akan memberi kesan kepada industri pelancongan secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, status prestasi Industri Pelancongan dapat diukur melalui status dan statistik kehadiran pelancong ke Negeri Selangor. Sehingga bulan Julai 2015, jumlah kedatangan pelancong yang datang ke Negeri Selangor adalah seramai **5,280,646** orang yang terdiri daripada **2,991,564** orang pelancong domestik dan **2,289,982** orang pelancong luar negara. Berbanding prestasi tahun sebelumnya pada tempoh yang sama, ia **menunjukkan peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 8.3%** iaitu bersamaan seramai **4,843,91** pada Julai tahun 2014.

Statistik lengkap Kehadiran Pelancong Ke Negeri Selangor sehingga Julai tahun 2015 adalah seperti yang berikut:

	2011	2012	2013	2014	2015 (JULY)
Domestic	3,314,714	3,515,254	3,576,050	3,600,098	2,991,564
Foreign	2,725,704	2,850,856	3,125,387	2,472,739	2,289,082
TOTAL	6,040,418	6,366,110	6,701,437	6,072,837	5,280,646
% 2011/2012	5.12%				
% 2012/2013	5.26%				
% 2013/2014 ≤	5.16%				

Sumber: Tourist Information Centre, Tourism Selangor, KLIA

- b) Pelancongan perubatan, juga dikenali sebagai pelancongan kesihatan, merupakan sektor yang berkembang pesat dalam memenuhi keperluan pesakit yang melancong ke luar negara untuk menerima rawatan perubatan. Secara umumnya, kedua-dua aktiviti rawatan dan percutian perubatan digabungkan sebagai satu pakej kepada pesakit serta keluarga.

Pelancongan kesihatan adalah satu trend baru yang pesat berkembang di dalam sektor penjagaan kesihatan. Walaupun berlakunya kelembapan ekonomi global, Malaysia mengekalkan pertumbuhan lebih daripada 20% dalam pelancongan perubatan khususnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2014, sebanyak 882,000 pelancong kesihatan tiba di Malaysia dengan menjana hasil berjumlah RM730 juta. Manakala peningkatan kedatangan pelancong kesihatan sebanyak 10% dijangka dicapai pada tahun 2015.

Statistik ini secara langsung menjelaskan kedudukan dan prestasi pelancongan kesihatan di Negeri Selangor. Pada masa ini, terdapat 71 buah hospital panel swasta yang berdaftar dengan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC), di mana 20 buah daripadanya terletak di Selangor. Jumlah ini adalah kecil sekiranya ingin diambil kira keseluruhan industri kesihatan lain seperti hospital swasta, perubatan tradisional dan homeopati, fisioterapi, produk-produk berkaitan farmasi dan kosmetik, makanan kesihatan, spa dan penjagaan kesihatan, hotel dan resort serta pengendali pusat jagaan kesihatan.

Secara umumnya, pelancongan kesihatan di Negeri Selangor telah berkembang pesat kesan daripada kedudukan Negeri Selangor yang terletak mengelilingi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta kelebihan logistik, kedudukan lapangan terbang utama seperti KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2 dan Subang Skypark yang berada di negeri ini telah menjadikan negeri Selangor sebagai pilihan utama pelancong datang untuk mendapatkan rawatan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan sedang meneliti kaedah yang terbaik dalam menaikkan lagi potensi serta jumlah kedatangan pelancong kesihatan ke negeri ini. Antara usaha awal yang telah diambil adalah melalui penganjuran '*Selangor Wellness and Living Expo*' (SWELL 2015) dengan kerjasama Tourism Selangor yang telah dianjurkan pada 26 dan 27 September yang lalu. Melalui penganjuran acara ini secara tahunan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang, Kerajaan Negeri menasakasikan untuk meningkatkan kedatangan pelancong kesihatan meningkat sebanyak sekurang-kurangnya 20 peratus setahun dengan mengambil kira kekuatan produk pelancongan dan perkhidmatan hotel terbaik yang terdapat di negeri ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan Rumah SelangorKu dari kalangan belia yang diluluskan pada tahun 2014-2015?
- b) Adakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melonggarkan syarat permohonan bagi golongan belia berpendapatan rendah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah ditawarkan rumah dari tahun 2014 hingga tahun 2015 adalah sebanyak 9,261 orang dan daripada jumlah tersebut 70% adalah terdiri daripada golongan belia.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melonggarkan syarat permohonan Rumah Selangorku dan masih mengguna pakai syarat seperti dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) yang telah diluluskan oleh MMKN pada 13 November 2013. Syarat-syarat permohonan bagi golongan yang berpendapatan rendah adalah seperti berikut:
 - 1. Warganegara Malaysia;
 - 2. Berumur 18 tahun ke atas;
 - 3. Bermastautin di Negeri Selangor;
 - 4. Pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM3,000.00;
 - 5. Satu keluarga satu permohonan sahaja;
 - 6. Pemohon atau suami/isteri pemohon belum memiliki rumah sama ada melalui projek kerajaan atau swasta;
 - 7. Pindahmilik hanya dibenarkan selepas 5 tahun; dan
 - 8. Berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : JALAN BARAT, PETALING JAYA

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan penukaran nama Jalan Barat di Petaling Jaya kepada Jalan V. David?
- b) Apakah langkah-langkah yang perlu dilalui untuk satu cadangan penukaran nama jalan seperti ini?

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat khas, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 10.3.2010 telah memutuskan perkara berikut :
 - i. Cadangan pertukaran nama "Jalan Barat" kepada "Jalan Dr. V David" tidak sesuai kerana jalan-jalan utama di Pusat Bandar Seksyen 52 dinamakan mengikut sistem petunjuk arah dan jalan-jalan berkenaan telah dinamakan sebagai "Jalan Utara", "Jalan Barat" dan "Jalan Timur". Pembatalan "Jalan Barat" akan menyebabkan penggunaan sistem petunjuk arah akan terjejas dan mengelirukan pengguna jalan di Petaling Jaya.
 - ii. Sebagai alternatif Majlis mencadangkan "*Jalan Persiaran Barat*" iaitu jalan pengumpul yang bersambung ke Jalan Barat untuk ditukar kepada nama "*Jalan Dr. V. David*".
- b) Permohonan dikemukakan terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan memberikan latar belakang dan justifikasi cadangan pertukaran nama jalan.

Di MBPJ, permohonan ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang Bandar dan keputusan disahkan dalam Mesyuarat Majlis Penuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : KEJATUHAN NILAI RINGGIT MALAYSIA

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan terhadap pelaburan luar yang masuk ke Selangor?
- b) Apakah langkah bagi memastikan Selangor tetap menjadi pilihan kepada pelabur-pelabur untuk masa akan datang.

JAWAPAN:

- a) Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia tidak menjejaskan pelaburan yang masuk ke Selangor kerana secara dasarnya apabila nilai ringgit Malaysia menurun, kos awalan pelaburan menjadi lebih kompetitif kerana nilai matawang asing menjadi lebih tinggi berbanding Ringgit Malaysia.
- b) Bagi memastikan Selangor tetap menjadi pilihan kepada pelabur-pelabur untuk masa akan datang, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mempergiatkan lagi program promosi pelaburan bagi memperkenalkan peluang – peluang pelaburan di Selangor seperti berikut:-
 - i. Memberi tumpuan kepada industri terpilih yang berintensifkan modal seperti *E&E, Transport Equipment, Life Sciences, Food, Machinery & Engineering*.
 - ii. Meningkatkan program promosi pelaburan di dalam dan luar negara.
 - iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
 - iv. Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
 - v. Program - program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
 - vi. Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.

- vii. Penyertaan di dalam pameran-pameran yang berkaitan dalam dan luar negara.
- viii. Memantau kemajuan serta membantu mempercepatkan proses kelulusan cadangan - cadangan projek pelaburan melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang dipengerusikan oleh YB EXCO.
- ix. Mengadakan mesyuarat IPMC secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu - isu infra di kawasan – kawasan perindustrian melalui Mesyuarat IPMC yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.
- x. Meningkatkan program *Engagement* bersama *Stakeholder*.
- xi. Inisiatif *E - Commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- xii. *Invest Selangor Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xiii. *Invest Selangor Advisory Network* – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : HUMAN TRAFFICKING DAN PATI

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah 'human trafficking'?
- b) Sila nyatakan jumlah pekerja asing berpermit dan tanpa izin mengikut sektor pekerjaan di negeri Selangor
- c) Apakah program perlindungan atau kebajikan yang diadakan untuk pekerja asing dan pendatang asing bawah UNHCR?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor tidak terkecuali dalam menjadi tumpuan lokasi aktiviti pemerdagangan manusia atau "human trafficking". Kerajaan Negeri Selangor memandang serius kegiatan jenayah pemerdagangan manusia yang semakin membimbangkan ini.

Oleh kerana itu, Majlis Anti Pemerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS) telah diwujudkan pada tahun 2010 dengan memberi fokus kepada tiga aspek utama iaitu perlindungan mangsa, pendakwaan, pemberdayaan masyarakat dan pencegahan.

Objektif penubuhan MAPMAS adalah seperti berikut :

- i. Membantu Kerajaan Negeri dalam memantau kes-kes jenayah pemerdagangan manusia di Negeri Selangor;
- ii. Membantu mangsa-mangsa jenayah pemerdagangan manusia untuk mencari pusat perlindungan sementara;
- iii. Menyediakan khidmat advokasi kepada mangsa-mangsa; dan
- iv. Menjalankan kempen-kempen kesedaran berkaitan jenayah pemerdagangan manusia di seluruh Negeri Selangor.

Namun begitu, isu yang berkaitan dengan Human Trafficking dan PATI adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

- b) Kerajaan Negeri komited terhadap sumber tenaga sektor industri yang memberi perkhidmatan di Negeri Selangor. Namun demikian, buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui agensinya iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mempunyai data berhubung pekerja asing berpermit atau tanpa izin mengikut sektor pekerjaan kerana ianya di bawah bidangkuasa Jabatan Imigresen Malaysia.
- c) Untuk pengetahuan sidang Dewan, satu Jawatankuasa Teknikal Anti Pernerdagangan Manusia di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan telah dipersetujui untuk ditubuhkan dalam Mesyuarat Bil 3/2011 Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan pada 24 Mei 2011. Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri daripada:
- i. Seorang Ahli Majlis sebagai Pengerusi;
 - ii. Pengarah Undang – Undang;
 - iii. Pengarah Penguatkuasaan;
 - iv. Pengarah Perancang Korporat;
 - v. Polis DiRaja Malaysia;
 - vi. Jabatan Imigresen Malaysia;
 - vii. Jabatan Kebajikan Masyarakat;
 - viii. Jabatan Perlesenan; dan
 - ix. Lain – lain jabatan yang dirasakan perlu

Melalui Jawatankuasa Teknikal Anti Pernerdagangan Manusia di peringkat PBT serta Jawatankuasa Bertindak MAPMAS Negeri Selangor, program – program advokasi pernerdagangan manusia telah dijalankan di sektor industri. Kempen – kempen kesedaran dan penerangan telah diberikan kepada pekerja – pekerja asing mahupun tempatan di kilang – kilang dan industri. Namun demikian, usaha ini akan diperhebatkan lagi setelah proses penstrukturan semula Jawatankuasa Bertindak MAPMAS selesai dilaksanakan.

Dan buat masa ini belum ada program perlindungan atau kebajikan secara khusus kepada pendatang asing di bawah UNHCR dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KENCING TIKUS

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kes bawaan virus leptospirosis berpunca dari kencing tikus di Selangor mengikut PBT 2013-2015?
- b) Nyatakan program pembasmian dan langkah pencegahan bagi mengekang penularan wabak ini?

JAWAPAN:

- a) Statistik kes bawaan virus leptospirosis berpunca dari kencing tikus di Selangor mengikut PBT 2013-2015 adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Pembasmian dan pencegahan yang dijalankan:
 1. Langkah pembasmian dijalankan mengikut kes yang dilaporkan.
 2. Setiap kes akan dibuat siasatan lanjutan meliputi siasatan melibatkan konteks dan kawasan yang disyaki menjadi sumber jangkitan:
 - a. Pengambilan sampel air dan tanah di kawasan yang disyaki
 - b. Memasang perangkap tikus dikawasan-kawasan yang disyaki untuk dihantar ke makmal bagi mengenalpasti samada ianya adalah pembawa kuman leptospirosis
 3. Pendidikan kesihatan:
 - a. Nasihat akan diberikan kepada pemilik premis / kawasan yang disyaki menjadi sumber jangkitan (mengenai pembersihan tempat, pemasangan perangkap tikus, dan langkah-langkah pencegahan lain)
 - b. Menasihati pengunjung yang mengunjungi tempat-tempat rekreasi yang berisiko supaya mengambil langkah-langkah pencegahan seperti minum air yang telah dimasak ketika berada di kawasan-kawasan tersebut
 - c. Menasihati orang ramai agar cepat mendapatkan rawatan sekiranya mempunyai symptom jangkitan leptospirosis
 4. Bekerjasama dengan pihak PBT untuk memasang papan tanda amaran jangkitan leptospirosis di kawasan-kawasan rekreasi yang berisiko.

PEJABAT KESIHATAN	2013			2014		
	Kes disahkan makmal	<i>Probable</i>	Jumlah	Kes disahkan makmal	<i>Probable</i>	Jumlah
GOMBAK	16	139	155	8	278	286
H. LANGAT	44	349	393	46	393	439
H. SELANGOR	28	67	95	46	68	114
KLANG	7	38	45	6	70	76
K..LANGAT	0	26	26	2	39	41
K.SELANGOR	1	23	24	1	45	46
PETALING	35	475	510	12	596	608
S. BERNAM	15	4	19	12	20	32
SEPANG	15	45	60	17	70	87
JUMLAH	161	1166	1327	150	1579	1729

PEJABAT KESIHATAN	2015 (sehingga ME 40)		
	Kes disahkan makmal	<i>Probable</i>	Jumlah
GOMBAK	2	87	89
H. LANGAT	35	365	400
H. SELANGOR	8	28	36
KLANG	3	75	78
K..LANGAT	0	49	49
K.SELANGOR	0	20	20
PETALING	5	252	257
S. BERNAM	2	25	27
SEPANG	14	37	51
JUMLAH	69	938	1,007

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : CARUMAN PARIT

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kutipan caruman parit dan perbelanjaannya mengikut daerah.

JAWAPAN:

a) Berikut di bawah adalah jumlah kutipan caruman parit dan perbelanjaannya mengikut daerah-daerah di dalam Negeri Selangor :

- i) Kutipan Akaun Amanah Caruman Parit Untuk Projek-Projek Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Selangor yang telah diterima sehingga Oktober 2015 adalah sebanyak RM 27,901,859.53 dan baki terkini adalah sebanyak RM 78,080,484.08
- ii) Jumlah keseluruhan Perbelanjaan Akaun Amanah Caruman Parit Untuk Projek-Projek Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Selangor bermula dari tahun 2011 sehingga 2015 adalah sebanyak RM 45,641,708.0

Maklumat Tambahan :

Kutipan Akaun Amanah Caruman Parit Untuk Projek-Projek Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Selangor

BIL	BAKI DIBAWA KE HADAPAN (RM)	BULAN	KUTIPAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI SEMASA (RM)
1	64,121,905.81	JAN 2015	2,085,251.59	484,468.36	65,722,689.04
2	65,722,689.04	FEB 2015	1,418,349.80	179,661.49	66,961,377.35
3	66,961,377.35	MAC 2015	8,630,382.52	658,625.27	74,933,134.60
4	74,933,134.60	APRIL 2015	576,497.62	1,995,722.25	73,513,909.97
5	73,513,909.97	MEI 2015	3,020,052.33	152,270.31	76,381,691.99
6	76,381,691.99	JUN 2015	7,001,647.73	1,135,429.23	82,247,910.49
7	82,247,910.49	JULAI 2015	766,256.33	3,752,004.77	79,262,162.05
8	79,262,162.05	OGOS 2015	1,106,472.84	1,344,258.69	79,024,376.20
9	79,024,376.20	SEPT 2015	2,254,699.33	3,770,370.96	77,508,704.57
10	77,508,704.57	13 OKT 2015	1,042,249.44	470,469.93	78,080,484.08
11		NOV 2015			
12		DIS 2015			
JUMLAH			27,901,859.53	13,943,281.26	78,080,484.08

Perbelanjaan keseluruhan mengikut daerah :

DAERAH		MAKLUMAT PERBELANJAAN DARI TAHUN 2011 HINGGA 2015			
Bil	DAERAH	Siling Diluluskan (RM)	Kos Projek Sebenar (RM)	Baki Siling Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Projek (RM)
JUMLAH KESELURUHAN		165,611,050.00	99,900,124.15	58,610,207.79	45,641,708.06
1	GOMBAK	42,700,000.00	16,557,684.10	24,346,435.90	8,283,790.28
2	KLANG	19,498,000.00	14,176,311.94	16,850.00	7,719,201.69
3	HULU LANGAT	15,690,000.00	7,401,505.68	8,288,494.32	2,018,697.98
4	PETALING	8,000,000.00	5,624,175.40	2,375,824.60	4,268,272.94
5	SEPANG	15,200,000.00	14,391,320.96	808,679.04	3,248,668.55
6	KUALA LANGAT	19,170,000.00	11,985,599.86	7,184,400.14	4,335,018.69
7	HULU SELANGOR	6,603,450.00	5,524,537.48	1,078,912.52	2,741,167.48
8	SABAK BERNAM	7,240,500.00	6,932,291.00	308,209.00	3,208,187.00
9	KUALA SELANGOR	1,261,900.00	827,224.00	434,676.00	803,204.00

10	BPME	10,902,200.00	9,792,040.00	1,110,160.00	3,924,700.00
11	BSMA	7,050,000.00	830,970.88	6,219,029.12	640,595.63
12	MPK	4,000,000.00	3,974,212.00	25,788.00	3,974,212.00
13	BAHAGIAN SUNGAI	295,000.00	246,022.73	48,977.27	73,866.82
14	KOLAM TAKUNGAN PBT	8,000,000.00	1,636,228.12	6,363,771.88	402,125.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PERPADUAN RAKYAT

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani masalah perpaduan di kalangan rakyat dalam negeri ini?
- b) Adakah terdapat program-program yang boleh menyemai perpaduan di kalangan rakyat?
- c) Apakah kerajaan berpuas hati tahap perpaduan di kalangan rakyat negeri ini?

JAWAPAN:

- a) Merumus dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan negeri yang bersifat inklusif satu menjamin keadilan dan kemakmuran untuk semua.
- b) Semua program yang berteraskan keadilan dan kemakmuran untuk semua akan menyemai perpaduan di kalangan rakyat. Sambutan hari perayaan seperti hari raya Eidul Fitri, tahun baru cina dan Deepavali yang disertai oleh pelbagai kaum turut memperkukuhkan perpaduan.
- c) Saya berpuas hati tetapi usaha memupuk perpaduan perlu dilaksanakan secara berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : MASALAH KEGAWATAN EKONOMI NEGARA

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa buah syarikat ditutup atau berpindah ekoran kegawatan ekonomi negara ?
- b) Berapa ramai pekerja yang telah dibuang kerja kerana kegawatan ekonomi di Negeri Selangor ?
- c) Apakah langkah Kerajaan untuk membantu mereka yang di buang kerja ?

JAWAPAN:

- c) Bagi tempoh Januari hingga September 2015, sebanyak 14 syarikat telah menutup perniagaan sepenuhnya atau berpindah ke lokasi yang lain.
- d) Seramai 612 pekerja tempatan dan seramai 87 pekerja asing terlibat dengan pemberhentian disebabkan penutupan perniagaan atau perpindahan syarikat ke lokasi lain.
- e) Bagi membantu mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri mengadakan program-program jom kerja di beberapa daerah seperti di Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Selain itu, pekerja-pekerja yang terlibat ini disyorkan untuk mendaftar dalam portal JobsMalaysia untuk penjodohan pekerjaan di samping menjemput mereka hadir ke karnival - karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Mereka juga turut dipelawa ke Temuduga Terbuka yang diadakan di cawangan-cawangan Jabatan Tenaga Kerja.

Selain usaha membantu pekerja yang terlibat mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan program-program bantuan melalui Jawatankuasa Tetap yang berkaitan untuk menggalakkan pekerja yang diberhentikan untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan seperti berikut:-

- i. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan : Program Bantuan BluePrint
Pembasmian Kemiskinan- yang memfokus kepada pemohon yang telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan yang tidak mempunyai modal untuk membeli mesin. Bantuan maksimum diberikan adalah

sebanyak RM5000.00 (bantuan dalam bentuk pemberian mesin bantuan perniagaan.)

- ii. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan ; Program Hijrah Kerajaan Negeri menyediakan modal perniagaan.
- iii. Jawatankuasa Tetap Usahawan: Dana Mikro pemberian dana sehingga RM30,000 untuk modal perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PERSEDIAAN MENGHADAPI MUSIM TENGGUJUH

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan persediaan kerajaan negeri bagi menghadapi musim tengkujuh?
- b) Nyatakan SOP sekiranya berlaku bencana semasa musim tengkujuh?

JAWAPAN:

- a) Bagi menghadapi Musim Banjir / Tengkujuh, Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah melaksanakan Mesyuarat Persediaan Menghadapi Musim Monsun Peringkat Negeri Selangor pada 7hb Oktober 2015. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 44 Jabatan/Agensi dibawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Pelan Persediaan bagi menghadapi Musim Banjir / Tengkujuh Peringkat Negeri Selangor adalah seperti berikut:
 - 1. Semua Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah diarah melaksanakan Mesyuarat Persediaan diperingkat daerah dengan segera untuk memastikan perancangan awal dalam pengurusan aset pemindahan dan menyelamatkan, pengurusan pusat pemindahan serta bekalan bahan mentah yang mencukupi.
 - 2. Sejumlah 180 Pegawai dan 1188 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Negeri Selangor diletakkan dalam keadaan bersedia 24 jam.
 - 3. Sejumlah 28 Pegawai dan 427 anggota aktif Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Negeri Selangor diletakkan dalam keadaan bersedia 24 jam.
 - 4. Sejumlah 877 kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor, 417 sukarelawan JKM, 21 Kaunselor dan 31 buah kenderaan JKM diletakkan dalam keadaan bersedia 24 jam.
 - 5. Aset bagi tujuan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) oleh JPBM adalah seperti berikut:

Jenis Kenderaan	Bilangan	Kapasiti	Catatan
Bot Aluminium	42 Unit	12 Pax	
Bot Kevlar	1 Unit	12 Pax	
Jet Ski	12 Unit	2 Pax	
Lori HICOM	8 Unit	5 Ton	
Lori ISUZU	10 Unit	3 Ton	
4WD	50 Unit		
Ambulan EMRS	18 Unit		
Jentera Bomba	45 Unit		
Helikopter MI17	2 Unit	24 Pax	Pengkalan Udara Subang
Helikopter 109 Agusta	1 Unit	6 Pax	Pengkalan Udara Subang
Helikopter 139 Agusta	2Unit	12 Pax	Pengkalan Udara Subang

6. Aset bagi tujuan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) oleh JPAM adalah seperti berikut

Jenis Kenderaan	Bilangan	Kapasiti	Catatan
Lori	2 Unit	5 Ton	
Lori	3 Unit	3 Ton	
4WD	10 Unit		
Ambulan	13 Unit		
Van Pengangkutan	5 Unit		
Bot	13 Unit		
Motorsikal	4 Unit		

7. Sejumlah 432 Pusat Pemindahan berkemampuan menampung 85,000 orang mangsa telah disenaraikan oleh JKM. Depot JKM Sungai Buloh telah bersedia dengan 44 jenis bekalan dengan kuantiti yang mencukupi bagi menghadapi banjir di Negeri Selangor.
8. Sejumlah 120 pam air / banjir (pelbagai jenis) Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor dalam keadaan baik dan bersedia. Semua 69 Stesen Telemetry, 82 Stesen Amaran, 14 Stesen Sukatan

Luahan, 124 Stesen Curahan Hujan, 14 Stesen Paras Air dan 18 Stesen Kamera Pemantauan Banjir dalam keadaan baik dan bersedia.

9. Briged 11 Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga berada dalam keadaan bersedia.

10. Peraturan Tetap Operasi Tindakbalas Menghadapi Bencana Banjir telah diedar kepada semua Jabatan / Agensi.

11. Bilik Gerakan Bencana Negeri akan membuat penyelarasan komunikasi dengan semua Bilik Gerakan Daerah dan Jabatan berkaitan.

b) SOP yang digunakan dalam pengurusan bencana semasa musim tengkujuh adalah seperti berikut ;

1. Pelan Pengurusan Bencana Negeri Selangor (Lampiran 1).
2. Arahan 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, MKN (Lampiran 2).
3. Peraturan Tetap Operasi Tindakbalas Menghadapi Bencana Banjir, MKN (Lampiran 3).



MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

ARAHAN No. 20

(SEMAKAN SEMULA)

**DASAR DAN MEKANISME
PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

PRAKATA

Susulan daripada kejadian keruntuhan Pangsapuri Highland Towers di Hulu Klang, Selangor, pada 11 Disember 1993, Jemaah Menteri pada 18 Mei 1994 telah memutuskan untuk mewujudkan satu mekanisme pengurusan Bencana dan diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Hasil daripada keputusan tersebut, MKN telah mengeluarkan Arahan mengenai Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara pada 11 Mei 1997.

Arahan ini disemak semula selaras dengan perubahan semasa, corak serta kerumitan kejadian Bencana pada masa ini. Arahan ini menggariskan mekanisme pengurusan Bencana secara lebih menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian Bencana. Setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan Bencana bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing selaras dengan Arahan ini. Pengurusan Bencana juga hendaklah dikendalikan secara bersepadu oleh semua agensi supaya tindakan di setiap peringkat menjadi lebih efisien dan efektif. Arahan ini juga akan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani Bencana.

Tumpuan utama kepada pengurusan Bencana adalah ke arah Pengurangan Risiko Bencana secara berterusan melalui program-program Pencegahan, Peredaan dan Kesiapsiagaan menghadapi Bencana. Usaha ini adalah selaras dengan inisiatif yang dilakukan di peringkat antarabangsa.

Arahan ini diharapkan akan berupaya menjadi panduan kepada semua agensi untuk menguruskan sesuatu Bencana dengan lebih cekap dan berkesan.

KANDUNGAN

PRAKATA	I
KANDUNGAN	II
HURUF RINGKAS	IV
BAHAGIAN I: PERMULAAN	1
PERKARA 1: TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUAT KUASA	1
PERKARA 2 : TUJUAN	1
PERKARA 3: TAFSIRAN	1
PERKARA 4: KEJADIAN BENCANA	3
<i>Bencana Maritim</i>	4
<i>Bencana Udara</i>	4
<i>Kemalangan Kimia, Radiologi Dan Nuklear</i>	5
<i>Bencana Wabak Penyakit Berjangkit/Pandemik/Kemalangan Biologi</i>	5
PERKARA 5: KEJADIAN BUKAN BENCANA	5
BAHAGIAN II: TANGGUNGJAWAB MAJLIS KESELAMATAN NEGARA	5
PERKARA 6: TANGGUNGJAWAB MAJLIS KESELAMATAN NEGARA	5
BAHAGIAN III: MEKANISME PENGURUSAN BENCANA	6
PERKARA 7: JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA	6
<i>Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan</i>	6
PERKARA 8: TANGGUNGJAWAB PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI KEPADA PENERUSI JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN NEGERI	6
BAHAGIAN IV: PENCEGAHAN DAN PEREDAAN	7
PERKARA 9: PENCEGAHAN DAN PEREDAAN	7
BAHAGIAN V: KESIAPSIAGAAN	7
PERKARA 10: LANGKAH KESIAPSIAGAAN	7
PERKARA 11: SISTEM AMARAN AWAL BENCANA	8
PERKARA 12: LATIH AMAL ANTARA AGENSI	8
PERKARA 13: KESEDARAN DAN KEPENDIDIKAN AWAM	9
PERKARA 14: LATIHAN DAN KURSUS	9
BAHAGIAN VI: MEKANISME TINDAK BALAS BENCANA	9
PERKARA 15: TAHAP PENGURUSAN BENCANA	9
PERKARA 16: MEKANISME TINDAK BALAS	10
<i>Tatacara Pengurusan Tindak Balas Bencana</i>	10
<i>Perintah dan Kawalan</i>	11
<i>Komunikasi di Tempat Kejadian</i>	13
<i>Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon</i>	13
<i>Garis Panduan Dalam Pengendalian Bencana</i>	14
PERKARA 17: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI PENYELAMAT DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN	14

TERHAD

PERKARA 18: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM PENGENDALIAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN	14
PERKARA 19: PERATURAN TETAP OPERASI AGENSI KERAJAAN	14
PERKARA 20: KERJASAMA DARIPADA AGENSI KERAJAAN, BADAN BERKANUN, PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA	15
PERKARA 21: PUSAT PENGURUSAN DAN KENYATAAN MEDIA	15
PERKARA 22: KENYATAAN DAN LAIN-LAIN PERUTUSAN	15
PERKARA 23: BANTUAN KEMANUSIAAN DAN TINDAK BALAS BENCANA KE LUAR NEGARA	15
BAHAGIAN VII: PEMULIHAN	16
PERKARA 24: LANGKAH PEMULIHAN SELEPAS BENCANA	16
BAHAGIAN VIII: PERISYTIHARAN DARURAT BENCANA	16
PERKARA 25: PENGISYTIHARAN DARURAT BENCANA	16
BAHAGIAN IX: PENGURUSAN KEWANGAN	16
PERKARA 26: PENGURUSAN KEWANGAN	16
BAHAGIAN X: PERUNTUKAN AM	17
PERKARA 27: PERMULAAN KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN ARAHAN INI	17
LAMPIRAN A	18
LAMPIRAN B	19
LAMPIRAN C	22
LAMPIRAN D	25
LAMPIRAN E	28
LAMPIRAN F	29
LAMPIRAN G	30
LAMPIRAN H	31
LAMPIRAN I	32
LAMPIRAN J	33
LAMPIRAN K	34
LAMPIRAN L	35
LAMPIRAN M	40

TERHAD

HURUF RINGKAS

Huruf-huruf ringkas yang digunakan di dalam Arahan MKN No. 20 ini adalah seperti berikut:

APMM	: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
BCP	: <i>Business Continuity Plan</i>
BSMM	: Bulan Sabit Merah Malaysia
CCC	: <i>Contingent Control Centre</i>
DCA	: <i>Department of Civil Aviation</i>
DCC	: <i>District Control Centre</i>
ERP	: <i>Emergency Response Plan</i>
GIRN	: <i>Government Integrated Radio Network</i>
IAEA	: <i>International Atomic Energy Agency</i>
IAMSAR	: <i>International Aeronautical and Maritime Search and Rescue</i>
IPU	: Indeks Pencemaran Udara
JAS	: Jabatan Alam Sekitar
JBA	: Jabatan Bekalan Air
JBPM	: Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
JKKK	: Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKKN	: Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri
JKM	: Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	: Jabatan Kerja Raya
JPAM	: Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPBD	: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah
JPBN	: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri
JPBP	: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat
JPM	: Jabatan Perdana Menteri
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
KWABBN	: Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara
LPTA	: Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
MCC	: <i>Malaysia Control Centre</i>
MKN	: Majlis Keselamatan Negara

TERHAD

PDRM	: Polis Diraja Malaysia
PGO	: Pusat Gerakan Operasi
PKOB	: Pusat Kawalan Operasi Bencana
PKOD	: Pusat Kawalan Operasi Daerah
PKON	: Pusat Kawalan Operasi Negeri
PKOP	: Pusat Kawalan Operasi Pusat
PKTK	: Pos Kawalan Tempat Kejadian
POP	: Pusat Operasi Pertahanan
PPO	: Pusat Pengurusan Operasi
PPON	: Pusat Pengurusan Operasi Negara
PTO	: Peraturan Tetap Operasi
RELA	: Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
SAR	: <i>Search and Rescue</i>
SMART	: Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia
TM	: Telekom Malaysia Berhad
TNB	: Tenaga Nasional Berhad

TERHAD

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

ARAHAN No. 20 (Semakan Semula)

BAHAGIAN I : PERMULAAN

PERKARA 1: TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUAT KUASA

1. Arahannya ini bolehlah dinamakan sebagai Arahan Mengenai Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana (selepas ini dirujuk sebagai "Arahan ini").
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri sebagai Pengarah Gerakan Negara dan terpakai kepada semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela.

PERKARA 2 : TUJUAN

3. Arahan ini bertujuan untuk membatalkan dan seterusnya menggantikan Arahan No. 20 yang dikeluarkan pada 11 Mei 1997.
4. Arahan ini bertujuan menggariskan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian Bencana di darat. Arahan ini juga menjelaskan peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam pengurusan Bencana.

PERKARA 3 : TAFSIRAN

5. Bagi maksud Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki tafsiran yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai tafsiran yang berikut —

"Agensi Bantuan dan Pemulihan" ertinya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bantuan kebajikan, khidmat kaunseling, logistik dan sebagainya dalam pengurusan bencana negara;

"Agensi Kerajaan" ertinya semua agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan di semua lapisan pentadbiran sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan;

"Agensi Peneraju Utama" ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menerajui pengurusan Bencana Negara secara keseluruhannya iaitu Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri;

TERHAD

“**Agensi Peneraju**” ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan mengurus sesuatu kejadian Bencana mengikut bidang kepakaran masing-masing;

“**Agensi Penyelamat**” ertinya agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan serta memberi perkhidmatan perubatan kecemasan dan bantuan logistik lain ketika sesuatu kejadian bencana;

“**Bencana**” ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif;

“**Darurat Bencana**” ditakrifkan sebagai satu keadaan Bencana besar yang melibatkan banyak nyawa terkorban, kemusnahan harta benda yang ekstensif, menggugat keadaan sosial, ekonomi dan politik serta keselamatan dan ketenteraman awam;

“**Kejadian Bukan Bencana**” ertinya kejadian atau kemalangan yang bersifat kecemasan yang melibatkan sejumlah kecil mangsa dan kesannya hanya kepada mangsa terlibat. Kejadian atau kemalangan yang bercorak ini tidak mempunyai kemungkinan untuk merebak. Kejadian atau kemalangan ini kebiasaannya dapat dikendalikan dalam tempoh masa yang singkat oleh agensi-agensi yang berkenaan dengan menggunakan sumber atau kemudahan yang minima di peringkat tempatan;

“**Kesedaran Awam**” ertinya pengetahuan umum mengenai Bencana dan risiko serta faktor berlakunya Bencana dan tindakan yang boleh diambil secara individu atau secara kolektif untuk mengurangkan kejadian dan kesan Bencana;

“**Kesiapsiagaan**” ertinya pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan oleh agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas, dan pulih daripada kesan-kesan Bencana secara efektif;

“**Pemulihan**” ertinya proses membaikpulih dan menambahbaik yang bersesuaian terhadap kemudahan dan kehidupan masyarakat yang terjejas akibat Bencana termasuk langkah mengurangkan faktor risiko Bencana;

“**Pencegahan**” ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengelak sesuatu kejadian Bencana daripada berlaku;

“**Pengurangan Risiko Bencana**” ertinya satu konsep dan amalan secara sistematik untuk menganalisa dan menguruskan faktor penyebab Bencana, termasuk mengurangkan keterdedahan terhadap bahaya Bencana dan kemusnahan harta benda, mengamalkan pengurusan tanah dan alam sekitar yang mapan, serta mempertingkatkan Kesiapsiagaan individu, masyarakat dan agensi untuk menghadapi Bencana;

TERHAD

“**Peredaan**” ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurangkan impak sesuatu kejadian Bencana;

“**Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)**” ertinya tempat di mana Komander Operasi Bencana menyelaras dan menentukan aturgerak Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi mengendalikan operasi mencari dan menyelamatkan di samping memastikan perkara-perkara berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dikendalikan dengan baik;

“**Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)**” ertinya tempat di mana Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana setiap peringkat menyelaras dan mengawasi perkembangan usaha-usaha menangani Bencana, operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dilaksanakan dengan segera, teratur, terselaras dan berkesan;

“**Sistem Amaran Awal**” ertinya sistem untuk menjana dan menyebarkan amaran berkenaan sesuatu kejadian Bencana dalam tempoh masa yang bersesuaian bagi membolehkan individu, masyarakat dan organisasi bersiap sedia dan bertindak sewajarnya dalam tempoh masa yang mencukupi untuk mengurangkan kemungkinan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa; dan

“**Tindak Balas**” ertinya tindakan penyediaan perkhidmatan kecemasan dan bantuan awam semasa atau sebaik sahaja berlakunya Bencana dengan tujuan menyelamatkan nyawa, menjamin keselamatan awam dan membantu dari segi keperluan asas mangsa Bencana.

PERKARA 4: KEJADIAN BENCANA

6. Kejadian Bencana di bawah Arahan ini adalah:

- (a) Bencana alam seperti kejadian banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh;
- (b) Bencana industri termasuklah kejadian letupan, kebakaran, pencemaran dan kebocoran bahan-bahan berbahaya (*hazardous materials*) di kilang, loji dan depot yang memproses, mengeluarkan dan menyimpan bahan-bahan berkenaan;
- (c) Kemalangan melibatkan pengangkutan, penyaluran dan pemindahan bahan-bahan berbahaya;
- (d) Keruntuhan bangunan dan struktur khas;
- (e) Kemalangan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi;

TERHAD

- (f) Pelanggaran atau kegelinciran keretapi dan lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa dan kemusnahan harta benda yang besar;
- (g) Kebakaran yang melibatkan kawasan yang luas termasuklah kebakaran bangunan tinggi dan struktur khas yang mempunyai ramai orang;
- (h) Kejadian empangan/takungan air pecah;
- (i) Kemalangan kimia, biologi, radiologi dan nuklear melibatkan pemasangan atau yang berkaitan dengannya yang mana kemalangan ini berkemungkinan boleh merebak dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda atau pencemaran alam sekitar serta menjejaskan aktiviti setempat;
- (j) Kejadian jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang menggugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi Negara;
- (k) Kejadian penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal/pandemik; dan
- (l) Lain-lain kejadian Bencana yang akan diisytiharkan dan ditetapkan oleh Kerajaan.

Bencana Maritim

7. Kejadian Bencana maritim yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan maritim yang melibatkan nyawa dan harta benda, dikendalikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual Mencari dan Menyelamat (SAR) Kebangsaan, *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue (IAMSAR) Malaysia* Jilid IV. Bagi kejadian tumpahan minyak atau kemalangan yang melibatkan pencemaran atau kemusnahan alam sekitar maritim akan dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak/Bahan Pencemaran.

Bencana Udara

8. Kejadian Bencana udara yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan udara terutamanya yang melibatkan kapal terbang secara amnya dikendalikan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual SAR Kebangsaan, *IAMSAR Malaysia* Jilid IV.
9. Walau bagaimanapun, kemalangan atau kecemasan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi adalah tertakluk kepada Arahan ini.

TERHAD

Kemalangan Kimia, Radiologi Dan Nuklear

10. Kejadian Bencana akibat kemalangan kimia, radiologi dan nuklear serta bahan-bahan berbahaya dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebagai Agensi Penyelamat dalam menangani Bencana ini. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bertanggungjawab sebagai Agensi Peneraju dalam memberikan khidmat kepakaran dan teknikal dalam pengurusan Bencana radiologi dan nuklear.

Bencana Jerebu

11. Bencana jerebu diisytiharkan apabila tahap bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) meningkat ke satu tahap yang menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang menggugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi Negara. Kejadian jerebu yang biasa dikendalikan oleh JAS sebagai Agensi Peneraju berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

Bencana Wabak Penyakit Berjangkit/Pandemik/Kemalangan Biologi

12. Kejadian penularan wabak berjangkit/pandemik yang tidak terkawal serta Bencana akibat daripada kemalangan biologi adalah tertakluk di bawah Arahan ini. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab sebagai Agensi Peneraju dalam pengurusan kejadian wabak dan Bencana akibat kemalangan biologi.

PERKARA 5: KEJADIAN BUKAN BENCANA

13. Kejadian yang tidak disenaraikan di Perkara 4 adalah ditakrifkan sebagai Kejadian Bukan Bencana dan tidak tertakluk di bawah Arahan ini. Contoh Kejadian Bukan Bencana adalah seperti kemalangan kenderaan, kebakaran kecil atau kemalangan kecil di tasik atau sungai. Kejadian-kejadian ini kebiasaannya dapat dikendalikan dalam tempoh masa yang spesifik oleh Agensi Penyelamat dengan menggunakan sumber atau kemudahan yang minima di peringkat tempatan.

BAHAGIAN II: TANGGUNGJAWAB MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

PERKARA 6: TANGGUNGJAWAB MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

14. (a) MKN adalah Agensi Peneraju Utama Pengurusan Bencana Negara. MKN bertanggungjawab menyelaras pengurusan Bencana Negara dan bertanggungjawab untuk membentuk serta memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan Bencana Negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan Bencana.

TERHAD

(b) Tanggungjawab MKN sebagai Agensi Peneraju Utama pengurusan Bencana Negara adalah seperti di **Lampiran A**.

BAHAGIAN III: MEKANISME PENGURUSAN BENCANA

PERKARA 7: JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

15. (a) Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan berasaskan tiga (3) peringkat pengurusan seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP);
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN); dan
- iii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

(b) Keanggotaan, bidang tugas dan tanggungjawab setiap Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran B, C dan D**.

Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan

16. Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat (SAR) Kebangsaan adalah sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menggubal dasar, strategi dan pelan tindakan penyelarasan mencari dan menyelamat maritim dan udara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab, antara lain, mengeluarkan dan mengemaskini dari semasa ke semasa Manual SAR Kebangsaan, IAMSAR Malaysia Jilid IV sebagai panduan operasi mencari dan menyelamat maritim dan udara. Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab untuk menyokong mekanisme pengurusan Bencana Negara di bawah Arahan ini.

PERKARA 8: TANGGUNGJAWAB PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI KEPADA PENERUSI JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN NEGERI

17. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri bertanggungjawab menentukan kelicinan pengurusan dan pengendalian Bencana di negeri masing-masing. Dalam hubungan ini, Pengerusi JPBN adalah bertanggungjawab kepada Pengerusi JKKN. Tanggungjawab Pengerusi JPBN kepada Pengerusi JKKN adalah sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran E**.

TERHAD

BAHAGIAN IV: PENCEGAHAN DAN PEREDAAN

PERKARA 9: PENCEGAHAN DAN PEREDAAN

18. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama –
- (a) menyediakan dan mengemaskinikan dasar, pelan tindakan dan garis panduan masing-masing bagi mencegah dan mengurangkan risiko Bencana;
 - (b) melaksanakan program-program pembangunan bagi mencegah atau mengurangkan risiko Bencana;
 - (c) merancang dan melaksanakan tindakan Peredaan untuk mengurangkan risiko Bencana termasuk usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam pengurusan Bencana;
 - (d) menguatkuasa undang-undang dan peraturan masing-masing yang berkaitan dan mengamalkan tadbir urus yang berkesan;
 - (e) berkongsi maklumat berhubung Pencegahan dan Peredaan Bencana; dan
 - (f) melaksanakan lain-lain usaha Pencegahan dan Peredaan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V: KESIAPSIAGAAN

PERKARA 10: LANGKAH KESIAPSIAGAAN

19. Tertakluk kepada Arahan ini, semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana hendaklah, secara bersendirian atau bekerjasama –
- (a) mengenalpasti, mendokumentasi dan memantau serta mengemaskini kawasan yang berisiko menghadapi Bencana mengikut jenis Bencana dan bidang kuasa masing-masing;
 - (b) menyediakan infrastruktur Sistem Amaran Awal Bencana mengikut bidang kuasa masing-masing;
 - (c) membangun dan memantapkan keupayaan dari segi sumber manusia dan kompetensi, peralatan, perhubungan dan komunikasi, teknologi, kewangan dan sebagainya supaya langkah Tindak Balas yang diambil adalah terselaraskan dan berkesan;

TERHAD

- (d) melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai Bencana di segenap lapisan masyarakat;
- (e) membangunkan kepakaran dan kemahiran dalam pengurusan Bencana;
- (f) menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) dan Pelan Kesiambungan Perkhidmatan atau Perniagaan (BCP) masing-masing;
- (g) menyediakan inventori logistik yang lengkap dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan Tindak Balas Bencana;
- (h) mengadakan latihan amal secara berterusan untuk menguji tahap Kesiapsiagaan bagi menghadapi Bencana; dan
- (i) melaksanakan lain-lain usaha Kesiapsiagaan dari semasa ke semasa.

PERKARA 11: SISTEM AMARAN AWAL BENCANA

- 20.(a) Semua Agensi Kerajaan yang berkenaan hendaklah membangunkan, menyelenggara dan menilai dari semasa ke semasa, satu Sistem Amaran Awal Bencana yang merangkumi:
- i) penilaian secara berterusan risiko Bencana;
 - ii) sistem maklumat amaran Bencana;
 - iii) rangkaian komunikasi untuk memastikan penyampaian maklumat yang cepat, tepat dan berkesan; dan
 - iv) Kesedaran Awam dan Kesiapsiagaan awam untuk bertindak terhadap maklumat daripada Sistem Amaran Awal.
- (b) Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela hendaklah berkongsi maklumat mengenai risiko berlakunya kejadian Bencana supaya tindakan segera dapat diambil.

PERKARA 12: LATIH AMAL ANTARA AGENSI

21. Latihan amal pengurusan dan pengendalian Bencana yang melibatkan semua Agensi Kerajaan hendaklah diadakan secara berterusan bagi memastikan kesiapsiagaan agensi dalam menghadapi Bencana. MKN hendaklah menyelaraskan latihan amal yang melibatkan semua agensi yang berkenaan dari semasa ke semasa.

TERHAD

PERKARA 13: KESEDARAN DAN KEPENDIDIKAN AWAM

22. Program kesedaran dan kependidikan awam hendaklah dilaksanakan secara berterusan oleh Agensi Kerajaan dengan kerjasama badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela bagi meningkatkan tahap Kesiapsiagaan masyarakat menghadapi Bencana.

PERKARA 14: LATIHAN DAN KURSUS

23. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana hendaklah mengadakan program latihan dan kursus yang bersesuaian bagi mempertingkatkan keupayaan pegawai-pegawai dalam mengurus dan mengendalikan Bencana.

BAHAGIAN VI: MEKANISME TINDAK BALAS BENCANA

PERKARA 15: TAHAP PENGURUSAN BENCANA

24. (a) Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan mengikut tahap-tahap seperti berikut:

- i) "Pengurusan Bencana Tahap I" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku di sesuatu kawasan dan ianya dapat ditangani dengan berkesan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam pengurusan Bencana di Peringkat Daerah sama ada tanpa bantuan luar atau dengan bantuan luar yang terhad.
- ii) "Pengurusan Bencana Tahap II" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu daerah di negeri yang sama yang memerlukan penggembleran sumber di Peringkat Negeri dengan bantuan daripada Peringkat Pusat yang terhad.
- iii) "Pengurusan Bencana Tahap III" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu negeri atau bersifat kompleks yang memerlukan penyelarasan dan penggembleran sumber di Peringkat Pusat atau dengan bantuan luar negara.

(b) Tahap Pengurusan Bencana adalah bergantung kepada penilaian Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Daerah, Negeri atau Pusat. Penilaian tersebut hendaklah berdasarkan elemen-elemen seperti berikut:

- i) kompleksiti dan magnitud;
- ii) kemusnahan dan kerosakan;
- iii) kemampuan sumber kewangan, tenaga manusia dan kelengkapan;
- iv) kepakaran;
- v) bantuan; dan
- vi) tempoh masa Tindak Balas.

TERHAD

PERKARA 16: MEKANISME TINDAK BALAS

Tatacara Pengurusan Tindak Balas Bencana

25. Tatacara Tindak Balas di setiap peringkat pentadbiran Kerajaan bagi mengurus sesuatu kejadian Bencana mengikut tahap-tahap yang disebutkan di bawah Perkara 15 adalah melalui mekanisme seperti yang berikut:

(a) Pengurusan Bencana Tahap I (Peringkat Daerah)

- i) Sesuatu kejadian Bencana pada peringkat permulaan hendaklah dikendalikan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab dengan menggunakan kemudahan-kemudahan dan sumber-sumber yang ada di Peringkat Pentadbiran Daerah. Agensi Penyelamat yang pertama tiba di tempat kejadian perlu bertindak segera dalam konteks menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kerosakan dan kerugian serta mengawal situasi mengikut kepakaran/bidang tugas masing-masing.
- ii) Ketua Polis Daerah dan Pegawai Bomba Daerah, selepas mendapat maklumat mengenai sesuatu kejadian Bencana, hendaklah mengambil alih dan bertindak segera untuk mengendalikan Bencana berkenaan dengan dibantu oleh Agensi Penyelamat serta agensi-agensi lain yang berkenaan. Ketua Polis Daerah dan Pegawai Bomba Daerah hendaklah masing-masing bertindak sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana.
- iii) Pegawai Daerah sebagai Pengerusi JPBD bertanggungjawab melaksanakan segala tindakan berkenaan operasi mencari dan menyelamatkan, pengambilalihan dan penyediaan peralatan dan jentera serta lain-lain bantuan kecemasan seperti makanan dan rawatan dan memastikan ianya dilaksanakan dan diuruskan secara teratur dan terselaras.
- iv) Pengerusi JPBD bersama-sama dengan Komander Operasi Bencana bertanggungjawab membuat penilaian mengenai Bencana yang berlaku di lokasi untuk menentukan tahap pengurusan Bencana dan keupayaan agensi-agensi di Peringkat Daerah dalam mengendalikan Bencana tersebut. Setelah penilaian dibuat dan tindakan awalan diambil tetapi didapati bahawa kejadian Bencana tersebut tidak dapat ditangani di Peringkat Daerah, JPBD hendaklah memaklumkan kepada JPBN untuk mendapatkan bantuan segera. Jentera pengurusan Bencana di Peringkat Daerah hendaklah terus beroperasi walaupun setelah mendapat bantuan daripada Peringkat Negeri dan Pusat. Carta Penyaluran Maklumat dan Komunikasi Pengurusan dan Bantuan Bencana adalah seperti di **Lampiran F**.

(b) Pengurusan Bencana Tahap II (Peringkat Negeri)

- i) Pengurusan Bencana Tahap II bermaksud JPBN mengguna dan menggerakkan sumber-sumber di bawah kawalannya bagi membantu pengurusan kejadian Bencana di Peringkat Daerah atau mengambil alih tugas mengurus kejadian Bencana tersebut dari pengurusan Bencana di Peringkat Daerah secara keseluruhan.

TERHAD

- ii) Ketua Polis Negeri dan Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri adalah bertanggungjawab sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana apabila pengendalian Bencana diambil alih secara keseluruhannya oleh Peringkat Negeri.
- iii) YB Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi JPBN bertanggungjawab untuk menggerakkan jentera pengurusan Bencana di Peringkat Negeri bagi memastikan segala tindakan dilaksanakan secara teratur, cekap dan terselaras.
- iv) Pengerusi JPBN atas nasihat Komander Operasi Bencana bertanggungjawab menentukan keupayaan agensi-agensi dalam mengendalikan sesuatu Bencana dan jika bantuan diperlukan, JPBP hendaklah dimaklumkan dengan segera oleh Pengerusi JPBN.

(c) Pengurusan Bencana Tahap III (Peringkat Pusat)

- i) Pengurusan Bencana Tahap III bermaksud JPBP mengguna dan menggerakkan sumber-sumber di bawah kawalannya bagi membantu pengurusan kejadian Bencana di Peringkat Negeri dan Daerah atau mengambil alih tugas mengurus kejadian Bencana tersebut secara keseluruhan.
- ii) Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi, JBPM bertanggungjawab sebagai Komander dan Timbalan Komander Operasi Bencana apabila pengurusan Bencana diambil alih secara keseluruhannya oleh Peringkat Pusat.
- iii) MKN bertanggungjawab menggerakkan JPBP bagi menentukan semua perkara yang melibatkan dasar dan keputusan berkaitan operasi mencari dan menyelamatkan dan gerakan bantuan kepada mangsa-mangsa Bencana dan sebagainya dilaksanakan secara terselaras, cekap dan berkesan.
- iv) Setelah penilaian dibuat dan didapati bahawa pengurusan Bencana di dalam Negara tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi atau kepakaran tertentu untuk menangani sesuatu kejadian Bencana tersebut, JPBP melalui MKN boleh menyelaras permohonan atau menerima tawaran bantuan dari negara-negara luar atau pertubuhan antarabangsa.

Perintah dan Kawalan

- 26. Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) hendaklah ditubuhkan bagi memastikan tindakan menangani kejadian Bencana dilaksanakan secara teratur, terselaras dan berkesan.

TERHAD

(a) Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)

- i) PKTK hendaklah dibuka sebaik sahaja berlakunya sesuatu kejadian Bencana yang memerlukan tindakan secara bersepadu pelbagai agensi. Ketua Polis Daerah adalah bertanggungjawab untuk membuka PKTK.
- ii) Komander Operasi Bencana bertanggungjawab mewujudkan satu sistem rangkaian komunikasi dan penyaluran maklumat dengan PKOB mengikut tahap pengurusan Bencana.
- iii) Komander Operasi Bencana bertanggungjawab untuk menilai, mengurus dan menyelaras semua operasi mencari dan menyelamatkan di tempat kejadian. Bidang Tugas dan Tanggungjawab Komander Operasi Bencana di Tempat Kejadian adalah seperti di **Lampiran G**.
- iv) Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*) yang dilantik oleh Komander Operasi Bencana adalah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai semua operasi mencari dan menyelamatkan di tempat kejadian, menilai dan melaporkan situasi Bencana kepada Komander Operasi Bencana.
- v) Semua Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian hendaklah melapor dan menempatkan wakil masing-masing ke PKTK sebelum memulakan tugas masing-masing. Carta Peranan Agensi-Agensi Yang Terlibat Dalam Pengurusan Dan Bantuan Bencana Di Tempat Kejadian adalah seperti di **Lampiran H**.

(b) Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)

- i) PKOB hendaklah dibuka oleh urusetia Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat yang berkaitan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah, Bilik Gerakan MKN Negeri atau Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPON) atau di mana-mana tempat yang bersesuaian mengikut tahap pengurusan Bencana. PKOB hendaklah mempunyai suatu sistem rangkaian komunikasi yang lengkap bagi menghubungkannya dengan PKTK.
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat yang berkaitan hendaklah bersidang secara berkala di PKOB bagi mengawasi perkembangan dan menentukan usaha-usaha menangani Bencana, operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dilaksanakan dengan segera, teratur, terselaras dan berkesan.
- iii) PKOB Daerah bertanggungjawab melaporkan perkembangan kepada PKOB Negeri dan PKOB Negeri bertanggungjawab melaporkan perkembangan kepada PKOB Pusat. Setiap PKOB bertanggungjawab mengeluarkan arahan-arahan perlu dalam pengendalian Bencana yang berlaku.

TERHAD

- iv) Agensi Kerajaan yang berkenaan bertanggungjawab menempatkan pegawai perhubungan di PKOB untuk melicinkan tindakan yang perlu diambil hasil daripada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang berkaitan.

Komunikasi di Tempat Kejadian

27. Sistem komunikasi antara Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan hendaklah diaktifkan termasuklah menggunakan Rangkaian Komunikasi Radio Bersepadu Kerajaan (GIRN) oleh Komander Operasi Bencana dalam menguruskan Bencana di tempat kejadian.

Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon

28. Agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:

- i) Agensi Penyelamat; dan
- ii) Agensi Bantuan dan Pemulihan.

29. (a) Sekiranya kejadian Bencana yang berlaku bersifat setempat, pengurusan Bencana di tempat kejadian terbahagi kepada tiga (3) zon iaitu:

- i) **Zon Merah** meliputi suatu kawasan tempat kejadian yang ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Zon ini adalah kawasan operasi khas untuk Agensi Penyelamat yang mempunyai kepakaran tertentu sahaja seperti unit-unit khas daripada Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), JBPM, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), KKM, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan mana-mana pasukan khas yang ditubuhkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan. Mana-mana pasukan khas yang ditubuhkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan yang mempunyai kepakaran khas hendaklah menjalankan tugas bersama dan membantu Agensi Penyelamat.
- ii) **Zon Kuning** meliputi suatu kawasan di luar tempat kejadian yang ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Zon ini menempatkan PKTK dan pos-pos Agensi Penyelamat dan mana-mana pasukan khas yang ditubuhkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan yang mempunyai kepakaran khas untuk menjalankan tugas bersama dan membantu Agensi Penyelamat. Penempatan pos-pos Agensi Penyelamat dan mana-mana pasukan khas ini perlu mendapat kebenaran daripada Komander Operasi Bencana.
- iii) **Zon Hijau** meliputi kawasan yang mengelilingi Zon Kuning. Zon ini menempatkan petugas-petugas dari Agensi Bantuan dan Pemulihan serta badan-badan sukarela. Zon ini juga menempatkan Pusat Pengurusan Media, Pusat Keluarga Mangsa, Pusat Kaunseling, Tempat Bekalan Makanan, Tempat Rehat dan Tempat Mayat serta lain-lain fungsi yang diputuskan oleh Komander Operasi Bencana.

(b) Jarak antara zon adalah bergantung kepada jenis Bencana yang berlaku dan hendaklah ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Komander

TERHAD

Operasi Bencana hendaklah mengenalpasti Agensi Penyelamat yang diperlukan bagi menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan di zon-zon yang telah ditetapkan. Tanggungjawab-tanggungjawab ini hendaklah dilaksanakan berdasarkan khidmat nasihat dan kepakaran daripada Agensi Peneraju mengikut jenis Bencana yang berlaku.

30. Setiap Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan pengurusan Bencana hendaklah berada di dalam zon-zon tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Komander Operasi Bencana. Kawalan keselamatan dan lalulintas di setiap zon adalah di bawah tanggungjawab PDRM. Gambar Rajah Pengurusan Bencana di Tempat Kejadian Mengikut Zon adalah seperti di **Lampiran I**.

Garis Panduan Dalam Pengendalian Bencana

31. Prosedur fasa pergerakan bagi Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian adalah seperti Garis Panduan Dalam Pengendalian Kejadian Bencana di **Lampiran J**. Manakala Garis Panduan Carta Aliran Fasa Pergerakan Dalam Pengendalian Kejadian Bencana adalah seperti di **Lampiran K**.

PERKARA 17: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI PENYELAMAT DALAM PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN

32. Peranan dan tanggungjawab Agensi Penyelamat yang terlibat dalam pengurusan Bencana di tempat kejadian adalah seperti di **Lampiran L**.

PERKARA 18: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM PENGENDALIAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN

33. Peranan dan tanggungjawab Agensi Bantuan dan Pemulihan dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengendalian Bencana di tempat kejadian adalah seperti di **Lampiran M**. Walau bagaimanapun, Agensi Bantuan dan Pemulihan dan badan-badan sukarela adalah tidak terhad kepada senarai di lampiran tersebut.

PERKARA 19: PERATURAN TETAP OPERASI AGENSI KERAJAAN

34. Agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengurusan Bencana seperti di **Lampiran L** dan **Lampiran M** hendaklah menyediakan, mengemaskini dan menggunakan Peraturan Tetap Operasi (PTO) di peringkat Agensi Kerajaan masing-masing semasa mengendalikan Bencana. PTO tersebut hendaklah tertakluk dan selaras dengan Arahan ini. Agensi-agensi tersebut hendaklah mengemukakan PTO masing-masing yang dikemaskini kepada MKN untuk penyelarasan.

TERHAD

PERKARA 20: KERJASAMA DARIPADA AGENSI KERAJAAN, BADAN BERKANUN, PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA

35. Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana bertanggungjawab untuk bekerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan setiap perkara yang digariskan dalam Arahan ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana, di mana perlu, boleh meminta bantuan atau mengambil alih secara sementara peralatan atau kelengkapan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan yang diperlukan di dalam operasi Bencana mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

PERKARA 21: PUSAT PENGURUSAN DAN KENYATAAN MEDIA

36. Satu Pusat Pengurusan Media hendaklah disediakan di tempat kejadian dan diletakkan di dalam Zon Hijau. Pusat Pengurusan Media ini merupakan tempat di mana pegawai dan kakitangan media massa dapat menjalankan tugas berkaitan dengan liputan Bencana yang berlaku. Jabatan Penerangan di peringkat pengurusan Bencana yang berkenaan hendaklah menyediakan dan mengendalikan Pusat Pengurusan Media yang dilengkapi dengan ruang persidangan media, tempat taklimat, kemudahan peralatan televisyen dan radio. Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan juga hendaklah menyelaraskan perkara-perkara mengenai liputan dan penyiaran berita mengenai Bencana yang berlaku kepada orang ramai. Komander Operasi Bencana hendaklah memastikan supaya wakil-wakil media massa berada di dalam Zon Hijau sahaja dan tidak dibenarkan masuk ke Zon Kuning atau Merah kecuali dengan kebenarannya.

PERKARA 22: KENYATAAN DAN LAIN-LAIN PERUTUSAN

37. Semasa kejadian Bencana, hanya fakta-fakta penting yang tertentu sahaja dimaklumkan kepada orang ramai melalui media secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan yang tidak diingini. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Agensi Peneraju, Komander Operasi Bencana atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana sahaja boleh mengeluarkan kenyataan kepada media massa jika perlu.

PERKARA 23: BANTUAN KEMANUSIAAN DAN TINDAK BALAS BENCANA KE LUAR NEGARA

38. Bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana ke luar negara dilaksanakan tertakluk kepada instrumen antarabangsa seperti perjanjian, memorandum persefahaman, deklarasi dan sebagainya yang telah dimeterai oleh Kerajaan dengan negara asing dan keputusan dasar Kerajaan. MKN sebagai Agensi Peneraju Utama bertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana ke luar negara.

BAHAGIAN VII: PEMULIHAN

PERKARA 24: LANGKAH PEMULIHAN SELEPAS BENCANA

39. Program Pemulihan dan pembangunan semula hendaklah dilaksanakan dengan segera selepas sesuatu kejadian Bencana berlaku. Setiap Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat bertanggungjawab dalam melaksanakan penilaian kerosakan serta Pemulihan dan pembangunan semula infrastruktur awam di bawah bidang kuasa masing-masing.
40. JPBD dan JPBN bertanggungjawab membuat penilaian, perancangan dan perakuan kepada JPBP mengenai cadangan program Pemulihan dan pembangunan semula dengan mengambil kira konsep Pengurangan Risiko Bencana.
41. JPBP bertanggungjawab memutuskan program Pemulihan dan pembangunan semula yang akan dilaksanakan dan menetapkan Agensi Kerajaan atau pihak berkaitan untuk pelaksanaannya.

BAHAGIAN VIII: PERISYTIHARAN DARURAT BENCANA

PERKARA 25: PENGISYTIHARAN DARURAT BENCANA

42. (i) Pengisytiharan Darurat Bencana, apabila perlu, dibuat secara peraturan pentadbiran dan eksekutif oleh YAB Perdana Menteri atas syor JPBP, tertakluk kepada undang-undang dan tatacara Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

(ii) Apabila diisytiharkan sebagai Darurat Bencana, pengurusan Bencana serta bantuan dan Pemulihan kepada mangsa-mangsa Bencana akan dikendalikan dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan mengikut Kementerian/Jabatan yang berkaitan.

BAHAGIAN IX: PENGURUSAN KEWANGAN

PERKARA 26: PENGURUSAN KEWANGAN

43. Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri melalui agensi masing-masing bertanggungjawab memperuntukkan sejumlah dana bagi maksud pengurusan Bencana dan aktiviti pengurangan risiko Bencana.
44. JPBP/JPBN/JPBD adalah bertanggungjawab bagi mengurus, menyelaras dan memantau kutipan-kutipan derma mangsa-mangsa Bencana. Penyata

TERHAD


kewangan hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat masing-masing.

45. Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan yang menjalankan kutipan derma untuk sesuatu Bencana boleh menyalurkan sumbangan kewangan dan kutipan derma tersebut kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

BAHAGIAN X: PERUNTUKAN AM

PERKARA 27: PERMULAAN KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN ARAHAN INI

46. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Arahan ini dengan mana-mana Peraturan atau Arahan Tetap Operasi yang dikeluarkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan berhubungan dengan dasar dan mekanisme pengurusan Bencana, Arahan ini hendaklah mengatasi Peraturan atau Arahan Tetap Operasi tersebut.



**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
MERANGKAP PENGARAH GERAKAN NEGARA**

Bertarikh: 30 Mac 2012

**TANGGUNGJAWAB MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
DALAM PENGURUSAN BENCANA**

1. Merupakan Agensi Peneraju Utama (*focal point*) pengurusan Bencana Negara di peringkat Negara, negeri dan daerah.
2. Menjadi Agensi Peneraju Utama (*focal point*) pengurusan Bencana Negara di peringkat serantau dan antarabangsa.
3. Mengeluarkan strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan dasar dalam pengurusan Bencana.
4. Memastikan pengamalan serta pelaksanaan dasar dan mekanisme pengurusan Bencana berjalan lancar.
5. Mengawal selia dan membuat pengauditan dalam pengurusan Bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan dan mengarahkan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan Bencana Negara.
6. Memberikan khidmat keurusetiaan kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat pengurusan Bencana.
7. Mengurus dan mengatugerakkan Pasukan SMART untuk operasi mencari dan menyelamatkan di dalam dan luar negara apabila perlu.
8. Menguruskan KWABBN tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
9. Menyelaras pengendalian latihan amal pengurusan Bencana serta mencari dan menyelamatkan dari semasa ke semasa.
10. Memantau dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana bagi mencegah atau mengurangkan impak Bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan.
11. Merancang, menyelaras serta mengawasi pelaksanaan strategi kependidikan, latihan dan kesedaran kepada pegawai dan anggota Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang awam dalam menghadapi dan mengurangkan risiko Bencana.
12. Memberi khidmat nasihat mengenai pengendalian serta pengurusan Bencana.
13. Mengadakan *post-mortem* pengendalian Bencana diadakan selepas kejadian sesuatu Bencana.
14. Menilai, menyelaras dan mengetuai misi bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas Bencana ke luar negara.
15. Menilai dan menyelaras bantuan kemanusiaan dari negara-negara luar.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP)

A. KEAHLIAN

Pengerusi : YB Menteri yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri

- Ahli-ahli
1. Panglima Angkatan Tentera
 2. Ketua Polis Negara
 3. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 6. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat
 7. Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
 8. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
 9. Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
 10. Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
 11. Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
 12. Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
 13. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan
 14. Ketua Pengarah Kesihatan
 15. Ketua Pengarah Pelajaran
 16. Setiausaha Majlis Keselamatan Negara
 17. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi
 18. Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan
 19. Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 20. Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
 21. Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
 22. Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
 23. Ketua Pengarah Penyiaran
 24. Ketua Pengarah Penerangan
 25. Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya
 26. Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
 27. Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
 28. Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia
 29. Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam
 30. Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
 31. Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
 32. Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
 33. Ketua Pengarah Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
 34. Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 35. Ketua Pengarah Agensi *Remote Sensing* Malaysia
 36. Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Air
 37. Wakil Peguam Negara

TERHAD

38. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Turut Hadir : Lain-lain Ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan

Setiausaha : Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Bencana,
Majlis Keselamatan Negara

B. BIDANG TUGAS

1. Menggubal dasar, merangka strategi, mengeluarkan arahan dan pelan tindakan serta menetapkan hala tuju dalam pengurusan Bencana Negara dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Memastikan dasar, strategi, arahan dan pelan tindakan dalam mengendalikan sesuatu Bencana dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan.
3. Menyelaras, mengawal selia dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan terlibat bagi mencegah atau mengurangkan impak Bencana.
4. Mendapatkan bantuan kepakaran dari dalam atau luar negara bagi membantu pengendalian sesuatu Bencana.
5. Menetapkan dasar dalam pengurusan KWABBN.
6. Menentukan penyampaian Sistem Amaran Awal Bencana dilaksanakan secara berkesan dan berterusan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
7. Menentukan pelaksanaan latihan pengurusan Bencana yang bersepadu di antara Agensi Kerajaan diadakan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
8. Memperakukan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
9. Menubuhkan Kumpulan Kerja di mana perlu bagi melicinkan urusan menangani Bencana seperti Kumpulan Kerja Pencegahan dan Peredaan, Kumpulan Kerja Kesiapsiagaan, Kumpulan Kerja Tindak Balas dan Kumpulan Kerja Pemulihan dan Pembangunan Semula.
10. Memperaku dan memastikan keperluan kewangan kepada Kerajaan bagi program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan untuk memenuhi perancangan yang telah disusun oleh Agensi Kerajaan.
11. Mewujudkan pangkalan data mengenai aset, kelengkapan dan senarai kepakaran di Peringkat Pusat yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
12. Mewujudkan PKOB Pusat apabila Pengurusan Bencana Tahap III diaktifkan.

TERHAD

13. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa Tindak Balas Bencana.
14. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
15. Mengadakan *post-mortem* selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap pengurusan Bencana yang dilaksanakan.
16. Menilai laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa untuk tujuan penambahbaikan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI (JPBN)

A. KEAHLIAN

- Pengerusi : YB Setiausaha Kerajaan Negeri/
Ketua Setiausaha Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
- Ahli-ahli
1. Ketua Polis Negeri
 2. Panglima Briged/Pemerintah Pasukan Briged Tempatan, ATM
 3. Pegawai Kewangan Negeri
 4. Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri
 5. Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Negeri
 6. Pengarah Kesihatan Negeri
 7. Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
 8. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
 9. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
 10. Pengarah Penerangan Negeri
 11. Pengarah Penyiaran Negeri
 12. Pengarah Pelajaran Negeri
 13. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri
 14. Pengarah Meteorologi Negeri
 15. Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
 16. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
 17. Pengarah Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
 18. Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 19. Pegawai-pegawai Daerah
 20. Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri
 21. Pengurus Telekom Malaysia Berhad Negeri
 22. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Negeri/Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
 23. Pengurus Jabatan Penerbangan Awam Negeri atau wakil
 24. Pengarah Kementerian Pelancongan Negeri/Pejabat Tourism Malaysia Negeri
- Turut Hadir : Lain-lain pegawai daripada Jabatan/Agensi yang berkaitan
- Setiausaha : Setiausaha Keselamatan Negeri,
Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri

* Bagi Wilayah Persekutuan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan.

* Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pengarah Perbadanan Labuan, Presiden Perbadanan Putrajaya, semua Ketua Polis Daerah di Wilayah Persekutuan menjadi ahli.

TERHAD

B. BIDANG TUGAS

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di Peringkat Negeri.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui Agensi Kerajaan di Peringkat Negeri secara berkesan.
3. Melaksanakan usaha-usaha pemantapan penyampaian Sistem Amaran Awal Bencana secara berkesan dan berterusan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan Bencana yang bersepadu di antara Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam di Peringkat Negeri/Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
6. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja di mana perlu bagi melicinkan urusan menangani Bencana seperti Jawatankuasa Kerja Kebajikan, Pengangkutan, Kewangan dan sebagainya.
7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian di Peringkat Negeri sekiranya perlu bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang diakibatkan oleh Bencana.
8. Meneliti dan menyelaras semua permohonan bantuan Pemulihan dari JPBD dan mengemukakan cadangan kepada JPBP untuk pertimbangan dan kelulusan.
9. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di Peringkat Negeri.
10. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di Peringkat Negeri bagi tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
11. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di Peringkat Negeri yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
12. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana di Peringkat Negeri seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
13. Mewujudkan PKOB Negeri apabila Pengurusan Bencana Tahap II diaktifkan.

TERHAD

14. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, kesehatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
15. Menjalankan *post-mortem* dengan segera selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap pengurusan Bencana yang diamalkan.
16. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa dan mengemukakannya kepada JPBP.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH (JPBD)

A. KEAHLIAN

- Pengerusi : Pegawai Daerah/
: * Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai Pengerusi Jawatankuasa
Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/
: Pengerusi Perbadanan Labuan sebagai Pengerusi Jawatankuasa
Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Labuan/
: Presiden Perbadanan Putrajaya sebagai Pengerusi Jawatankuasa
Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Ahli-ahli
1. Ketua Polis Daerah
 2. Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah
 3. Pegawai Kesihatan Daerah
 4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
 5. Pegawai Jabatan Alam Sekitar Daerah
 6. Wakil Angkatan Tentera Malaysia
 7. Ketua Penguatkuasa Maritim Daerah/Wakil Agensi
Penguatkuasaan Maritim Malaysia
 8. Setiausaha Majlis Perbandaran/Daerah
 9. Pegawai Pertahanan Awam Daerah
 10. Wakil Jabatan Meteorologi Malaysia
 11. Pegawai Penerangan Daerah
 12. Pegawai Pelajaran Daerah
 13. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
 14. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
 15. Pegawai RELA Daerah
 16. Wakil Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
 17. Pengurus Telekom Malaysia Daerah
 18. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah/Wakil Pengurus
Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
 19. Wakil Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri
 20. Wakil Pengurus Jabatan Penerbangan Awam Negeri/Daerah
 21. Pengarah Kementerian Pelancongan Negeri/Pejabat Tourism
Malaysia Negeri
 22. Penghulu/Penggawa Mukim
- Turut Hadir : Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
- Setiausaha : Setiausaha Keselamatan Daerah,
Majlis Keselamatan Negara (MKN) Daerah

* Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh melantik pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang lain untuk bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah mengikut daerah pentadbiran PDRM.

TERHAD

B. BIDANG TUGAS

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di Peringkat Daerah.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui semua Agensi Kerajaan di Peringkat Daerah secara berkesan.
3. Melaksanakan dan memantapkan penyampaian Sistem Amaran Awal Bencana secara berkesan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan Bencana yang bersepadu di antara Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam di Peringkat Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
6. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBD bagi melicinkan pengurusan Bencana di tempat kejadian. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
 - i. Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - ii. Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - iii. Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - iv. Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
 - v. Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
 - vi. Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan; dan
 - vii. Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu bencana yang berlaku.
7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang diakibatkan oleh Bencana.
8. Mengangkat cadangan bantuan ihsan atau bantuan Pemulihan, sekiranya perlu kepada Kerajaan Negeri.
9. Menentukan operasi mencari dan menyelamat dijalankan secara lancar dan berkesan.
10. Mengenalpasti dan menubuhkan pusat-pusat pemindahan dan pangkalan hadapan.

TERHAD

11. Memantapkan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/ Taman dalam melaksanakan penyelarasan dan Tindak Balas awal terhadap kejadian Bencana.
12. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di Peringkat Daerah.
13. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di Peringkat Daerah tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
14. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di Peringkat Daerah yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
15. Menubuhkan PKOB dengan secepat mungkin selepas sesuatu kejadian Bencana dan mengaktifkannya termasuklah mewujudkan sistem perhubungan dengan PKTK.
16. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
17. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, makanan, tempat tinggal, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
18. Memastikan *post-mortem* dilakukan selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan Bencana yang dilaksanakan.
19. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa.


**TANGGUNGJAWAB PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN
BENCANA NEGERI KEPADA PENERUSI JAWATANKUASA KERJA
KESELAMATAN NEGERI**

1. Memberikan nasihat mengenai pelaksanaan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju pengurusan Bencana.
2. Memberikan nasihat mengenai langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana dan Pencegahan Bencana.
3. Memaklumkan mengenai tahap Kesiapsiagaan mekanisme pengurusan Bencana.
4. Memaklumkan mengenai tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan dalam mengurus dan mengendalikan Bencana.
5. Memaklumkan semua keputusan yang dicapai dan kemajuan tindakan yang diambil oleh JPBN.
6. Mendapatkan arahan, keputusan dan nasihat daripada JKKN di mana perlu, dalam usaha-usaha menangani Bencana yang berlaku.
7. Melaporkan sebarang kejadian Bencana yang berlaku dan juga tindakan-tindakan yang diambil dari semasa ke semasa.
8. Mengemukakan laporan *post-mortem* Bencana yang berlaku.

TERHAD

LAMPIRAN F

CARTA PENYALURAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI PENGURUSAN DAN BANTUAN BENCANA



TERHAD


**BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
KOMANDER OPERASI BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN
(ON SCENE COMMANDER)**

1. Bergerak serta-merta ke tempat kejadian dan membuat penilaian awal mengenai sesuatu kejadian Bencana.
2. Menubuhkan PKTK.
3. Bertindak mengetuai, menyelia serta menyelaras gerakan mencari dan menyelamatkan.
4. Melantik seorang Komander Kawalan Hadapan (*Forward Commander*) di kalangan Agensi Penyelamat.
5. Menentukan pembahagian tugas di kalangan Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan mengikut kepakaran.
6. Mengenalpasti keperluan peralatan kelengkapan khusus bagi pengurusan Bencana di tempat kejadian.
7. Menyelaras penubuhan pos-pos Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan.
8. Membuat penilaian dan mengesyorkan kepada PKOB bagi menentukan sama ada operasi mencari dan menyelamatkan boleh diberhentikan dan mengeluarkan arahan untuk mengosongkan kawasan Bencana.
9. Melaporkan perkembangan terkini operasi mencari dan menyelamatkan kepada JPBD dan lain-lain pihak yang berkenaan.
10. Menyelaras kerja-kerja penyiasatan oleh pasukan khas daripada pelbagai Agensi Kerajaan di tempat kejadian.
11. Membuat kenyataan media mengenai perkara-perkara/perkembangan mutakhir operasi mencari dan menyelamatkan. (*Sebarang kenyataan yang menyentuh perkara dasar tidak boleh dikeluarkan melainkan dengan kebenaran Jawatankuasa Pengurusan Bencana*).
12. Menyediakan laporan terperinci mengikut kronologi mengenai operasi dan tindakan mencari dan menyelamatkan yang dijalankan di tempat kejadian.

**CARTA PERANAN AGENSI-AGENSI YANG TERLIBAT DALAM
PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN**



PENGURUSAN BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN MENGIKUT ZON



PETUNJUK

- ZON MERAH: Kawasan kerja Unit-unit Khas, Pasukan-pasukan Agensi Penyelamat yang mempunyai kepakaran tertentu. Pembahagian kawasan ini juga tertakluk kepada jenis dan bentuk bencana.
- ZON KUNING: Kawasan penempatan PKTK dan Pos-pos Agensi Penyelamat
- ZON HIJAU: Kawasan penempatan Pusat Pengurusan Media, Pusat Keluarga Mangsa, Pusat Kaunseling, tempat bekalan makanan, tempat mayat, tempat rehat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan dan badan sukarela.
- POS PENGAWAL


NOTA: Pergerakan dari satu zon ke zon yang lain adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Komander Operasi Bencana.

GARIS PANDUAN DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA

1. Apabila mendapat laporan mengenai kejadian sesuatu Bencana sama ada daripada orang awam, media atau Pusat Kawalan PDRM (DCC, CCC ataupun MCC, yang mana berkaitan), pihak PDRM yang bertanggungjawab di kawasan kejadian bencana tersebut hendaklah dengan secepat mungkin menuju ke tempat kejadian untuk membuat penilaian tahap Bencana yang berlaku.
2. Pada masa yang sama, Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan pengendalian Bencana juga hendaklah menuju ke tempat kejadian dan bersedia untuk bertindak apabila diperintahkan berbuat demikian oleh Komander Operasi Bencana.
3. Ketua Polis Daerah atau Ketua Polis Negeri atau Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, PDRM yang mana berkaitan mengikut peringkat pengendalian Bencana hendaklah membuka PKTK dengan dan bertindak sebagai Komander Operasi Bencana mengikut peringkat pengendalian Bencana.
4. Komander Operasi Bencana hendaklah menyelaras segala tindakan yang diambil oleh Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan operasi mencari dan menyelamatkan dan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa Bencana.
5. Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan digerakkan pada masa yang sama mengikut peringkat pentadbiran pengendalian Bencana, bagi menyelaras, mengawasi serta melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan serta lain-lain bantuan kecemasan dalam mengurus Bencana yang berlaku.
6. Komander Operasi Bencana hendaklah melaporkan dari semasa ke semasa keadaan Bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang bersidang di PKOB untuk mendapatkan bantuan dan sebagainya.
7. Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan dan lain-lain bantuan kecemasan di tempat kejadian Bencana hendaklah menjalankan tugas mengikut pembahagian tugas serta kepakaran masing-masing sebagaimana yang diarahkan oleh Komander Operasi Bencana.

GARIS PANDUAN – CARTA ALIRAN

FASA PERGERAKAN
DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA



**PERANAN DAN TUGAS AGENSI PENYELAMAT DALAM PENGENDALIAN
BENCANA DI TEMPAT KEJADIAN**

AGENSI PENYELAMAT

A. PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART)

1. Mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa dalam sesuatu kejadian Bencana yang memerlukan bantuan kepakaran, kemahiran, peralatan serta kelengkapan yang khusus.

B. POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Am

1. Menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.
2. Melindungi harta dan nyawa.
3. Mengumpul maklumat risikan.

Di tempat kejadian

4. Kawalan dan kepungan.
5. Kawalan lalu lintas.
6. Penubuhan PKTK.
7. Menetapkan kawasan selamat.

Penyelarasan dan tindakan dengan lain-lain Agensi Kerajaan

8. Mengetuai dan menyelaras gerakan Tindak Balas Bencana di tempat kejadian dan operasi mencari dan menyelamatkan.
9. Menyelaraskan sistem perhubungan antara Agensi Kerajaan.
10. Menyelaras dan memberi perkhidmatan pengangkutan darat, laut dan udara.
11. Menyelaras pendaftaran mangsa-mangsa yang meninggal, cedera akibat Bencana dan berpindah ke pusat pemindahan.
12. Memaklumkan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam berkaitan Bencana.
13. Menyelaras pasukan bantuan dari luar negara di tempat kejadian.

TERHAD

Pengurusan media

14. Mengeluarkan laporan media.

Pasca Bencana

15. Mengumpul dan melindungi maklumat-maklumat dan eksibit-eksibit dan menjalankan siasatan.

C. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

1. Mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa Bencana yang terperangkap.
2. Mencegah kejadian Bencana daripada menjadi besar dengan cara mengawal kebakaran, mengawal kebocoran kimia dan lain-lain situasi berbahaya.
3. Mengumpul maklumat dan mengkaji tahap bahaya Bencana untuk menasihati dan untuk disalurkan kepada PDRM supaya tindakan pengungsian (*evacuation*) kawasan dilakukan.
4. Bekerjasama dengan pihak PDRM untuk mewujudkan sempadan/zon operasi (*inner cordon*) di sekeliling tempat kejadian bagi membolehkan JBPM melaksanakan pengawasan dan pengawalan operasi.
5. Memastikan keselamatan kesemua petugas yang terlibat dalam kerja menyelamatkan.
6. Mengambil kira kesan kejadian ke atas alam sekitar dan mengambil tindakan untuk mengurangkan kesan yang diakibatkan oleh kejadian Bencana.
7. Bekerjasama dengan pegawai perubatan di tempat kejadian dan lain-lain pegawai perubatan serta dengan pihak ambulan untuk memberikan bantuan kepada mangsa yang memerlukan rawatan dan juga untuk memindahkan pesakit dari tempat kejadian.
8. Membantu pihak PDRM untuk mencari mangsa-mangsa Bencana.
9. Menjalankan penyiasatan di mana diperlukan dan menyediakan laporan serta bukti-bukti yang mencukupi bagi tujuan siasatan atau pendakwaan.
10. Sentiasa bersiapsiaga di tempat kejadian untuk memastikan keadaan selamat dan terkawal.
11. Menggerakkan unit pengesan (K9) untuk operasi mencari dan menyelamatkan mangsa yang hidup atau mati.
12. Menyediakan perkhidmatan helikopter untuk operasi ambulan udara, tinjauan udara dan pengangkutan udara.
13. Menyediakan khidmat menyelam untuk operasi mencari dan menyelamatkan di air.

TERHAD

D. ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

1. Menyediakan bantuan anggota di semua peringkat semasa berlaku Bencana.
2. Menyediakan bantuan pengangkutan secara terhad bagi pergerakan di darat, udara dan laut di semua peringkat semasa Bencana.
3. Menyediakan bantuan peralatan jentera bagi kerja-kerja bersabit dengan pertolongan semasa Bencana di semua peringkat.
4. Menyediakan bantuan khidmat kepakaran seperti pakar letupan, kejuruteraan, perhubungan, perubatan medan serta bantuan-bantuan lain jika diperlukan.
5. Membantu menyediakan kerja-kerja binaan jika diperlukan untuk memudahkan operasi pengendalian Bencana.
6. Menyediakan khidmat bantuan penyelam sekiranya diperlukan.
7. Melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan mengikut keperluan semasa Bencana.
8. Menyediakan pengangkutan udara untuk pertolongan kecemasan dan pemindahan mangsa-mangsa Bencana.
9. Menyediakan pegawai perantaraan (*liaison officers*) di semua peringkat semasa Bencana.
10. Memberi khidmat bantuan segera kepada mangsa-mangsa Bencana dalam keadaan di mana ATM merupakan Agensi Kerajaan yang terawal tiba di tempat kejadian dan akan menyerahkan tugas tersebut kepada Agensi Penyelamat lain yang mengendalikan Bencana yang tiba untuk meneruskan tugas mengikut arahan yang ada.
11. Menyediakan bantuan bagi Program Pemulihan dan Pembangunan Semula Selepas Bencana sekiranya diperlukan.

E. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Perkhidmatan Kecemasan dan Menyelamat

1. Memberikan perkhidmatan kepakaran perawatan kecemasan kepada mangsa-mangsa Bencana di dalam operasi menyelamatkan bersama-sama Agensi Penyelamat yang lain.
2. Memberikan perkhidmatan perawatan kecemasan kepada mangsa-mangsa Bencana yang memerlukan rawatan.
3. Memberikan dan menyelaras semua perkhidmatan ambulan, perawatan pra-hospital dan pengangkutan kepada mangsa-mangsa Bencana.

TERHAD

Perkhidmatan Pangkalan Perubatan

1. Memberikan perkhidmatan perawatan perubatan dan kecemasan kepada mangsa-mangsa Bencana dan Agensi Penyelamat.
2. Menyelaras pengurusan dan perawatan kecemasan dari pelbagai Agensi Bantuan dan Pemulihan.
3. Mengatur penghantaran pesakit ke hospital yang dikenalpasti untuk rawatan lanjut.
4. Memberi dan menyelaras perkhidmatan psiko-sosial trauma kepada mangsa-mangsa Bencana dan Agensi Penyelamat.
5. Memberikan perkhidmatan forensik termasuk mengenalpasti, penempatan mayat dan perekodan bukti.
6. Pengurusan mayat di bilik mayat medan (jika ada) dan hospital. Tindakan ini akan dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada dengan kerjasama Agensi Penyelamat seperti PDRM, Jabatan Agama Islam, badan-badan agama lain bagi mayat yang tidak dikenal pasti dan dituntut.
7. Menilai dan menyelaras keperluan hospital medan.

Perkhidmatan Kesihatan Awam

1. Menilai dan mengenalpasti impak kejadian bencana kepada tahap kesihatan awam.
2. Memberi pengesyoran dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan untuk menghadkan *mortality* dan *morbidity* akibat dari kecederaan atau penyakit selepas kejadian bencana.
3. Bertanggungjawab kepada kesihatan komuniti setempat selepas bencana.
4. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk memastikan kesinambungan penyampaian kesihatan primer, kesihatan awam dan mental kepada populasi terjejas atau terdedah.

F. JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

1. Melaksana dan menjalankan kerja-kerja menyelamatkan mangsa-mangsa Bencana dan harta benda yang terancam atau akan terancam.
2. Menyedia kenderaan pengangkutan darat dan air untuk tugas-tugas pengungsian (*evacuation*), pemindahan mangsa-mangsa Bencana dan penghantaran bahan-bahan makanan dan keperluan ke tempat kejadian Bencana.

TERHAD

3. Membantu KKM di tempat kejadian dalam memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa Bencana.
4. Memberikan rawatan kecemasan kepada mangsa di tempat kejadian Bencana.
5. Menyediakan perkhidmatan ambulans dan memindahkan mangsa-mangsa Bencana ke Hospital/Klinik Kesihatan.
6. Melaksanakan kerja-kerja menyelam untuk operasi mencari dan menyelamatkan mangsa hilang/lemas/terperangkap.
7. Menjalankan tugas-tugas pembersihan dan pemulihan kawasan selepas Bencana.
8. Menguruskan mayat-mayat akibat Bencana (*mass casualties*).
9. Memastikan keselamatan kesemua petugas dan orang-orang awam di dalam kawasan menyelamatkan.
10. Membantu menyelenggara pusat-pusat pemindahan dan mengagihkan makanan kepada mangsa-mangsa Bencana.
11. Membantu pihak PDRM dalam mengawal harta benda dan keselamatan mangsa-mangsa Bencana.

PERANAN DAN TUGAS AGENSI BANTUAN DAN PEMULIHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA DALAM KERJA-KERJA BANTUAN DAN PEMULIHAN DI TEMPAT KEJADIAN

A. JABATAN KERJA RAYA (JKR)

1. Menyediakan loji-loji, kenderaan dan tenaga kerja untuk kerja-kerja seperti penyelenggaraan tempat kejadian Bencana dan pengangkutan.
2. Menyediakan tempat berlindung sementara seperti kanopi atau khemah.
3. Membekalkan air dan menaikkan tekanan air di kawasan yang memerlukannya (di mana bekalan air adalah di bawah jagaan JKR/Jabatan Bekalan Air (JBA)).
4. Menyediakan perkhidmatan teknikal dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan forensik, geoteknik, struktur dan lain-lain seperti kejadian tanah runtuh dan kegagalan struktur bangunan atau tanah.
5. Melaksanakan penilaian kerosakan infrastruktur awam akibat Bencana.

B. JABATAN PENERANGAN

1. Bertanggungjawab menubuhkan dan mengendalikan Pusat Pengurusan Media.
2. Menyediakan draf kenyataan dan siaran akhbar.
3. Menyediakan tempat yang sesuai dan strategik kepada pihak media untuk membuat liputan.
4. Mengurus dan menyelia pergerakan media serta liputan akhbar jika dikehendaki.
5. Membantu menyediakan pembesar suara di tempat-tempat tertentu apabila diperlukan.
6. Menyediakan peralatan siaraya mudah alih apabila dikehendaki.
7. Menyebar maklumat yang diperlukan dan mengeluarkan laporan media.

TERHAD

C. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

1. Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa Bencana.
2. Menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa Bencana.
3. Menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa Bencana bagi maksud Pemulihan.
4. Memberi bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa Bencana.

D. IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)

1. Membantu memindahkan mangsa-mangsa Bencana.
2. Membantu menyedia dan mengagihkan makanan kepada mangsa-mangsa Bencana dan petugas-petugas yang mengendalikan Bencana.
3. Membantu menyediakan tempat pemindahan.
4. Membantu mengagihkan pakaian dan lain-lain keperluan kepada mangsa-mangsa Bencana.
5. Membantu kawalan orang ramai di tempat kejadian Bencana.
6. Membantu kawalan lalulintas.
7. Membantu pembinaan pos-pos kawalan.
8. Membantu mengawal keselamatan rumah-rumah mangsa ketika mangsa berada di pusat pemindahan.
9. Membantu membersihkan tempat-tempat awam seperti sekolah-sekolah, masjid, pejabat Kerajaan dan rumah-rumah mangsa yang terlibat selepas Bencana.

G. LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LPTA)

1. Mengawal dan mencegah pencemaran bahan radioaktif daripada merebak.
2. Menyediakan kakitangan terlatih dan khidmat kepakaran di tempat kejadian untuk mengurus dan menyelaraskan aspek teknikal berkaitan bidang tenaga atom seperti melakukan pemantauan sinaran dan nyahcemaran bahan radioaktif.
3. Membantu menyediakan segala peralatan dan kelengkapan yang berkaitan untuk operasi mencari dan menyelamatkan dalam Bencana nuklear dan radiologi.

TERHAD

4. Menjalankan siasatan dan menyediakan laporan berkaitan dengan Bencana nuklear dan radiologi yang berlaku.
5. Mengumpul dan melindungi maklumat, keterangan dan eksibit-eksibit yang berkaitan dengan Bencana nuklear dan radiologi untuk digunakan di dalam siasatan atau pendakwaan.
6. Menilai Bencana nuklear dan radiologi, mengumpul maklumat untuk menasihati dan untuk disalurkan kepada Komander Operasi Bencana supaya tindakan pengungsian (*evacuation*) kawasan dilakukan.
7. Menasihati petugas-petugas dalam aspek-aspek keselamatan perlindungan sinaran radioaktif sebelum dan semasa operasi mencari dan menyelamatkan dilaksanakan.
8. Menilai sama ada khidmat Agensi Nuklear Malaysia diperlukan dan membantu mendapatkan khidmat tersebut bila diperlukan.
9. Menilai sama ada khidmat Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) diperlukan dan membantu mendapatkan khidmat tersebut bila diperlukan.

E. KEMENTERIAN PELANCONGAN

1. Mendaftar dan menguruskan kebajikan pelancong asing yang menjadi mangsa Bencana bersama JKM.
2. Menguruskan penghantaran pulang pelancong asing/waris yang cedera/meninggal dunia akibat Bencana ke negara asal termasuk berurusan dengan Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi negara berkenaan.

F. TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)/SYARIKAT BEKALAN ELEKTRIK NEGERI

1. Menentukan bekalan tenaga elektrik yang berterusan dan selamat di tempat kejadian untuk memudahkan operasi mencari dan menyelamatkan.
2. Memastikan bekalan elektrik pulih secepat mungkin sebaik sahaja keadaan kembali seperti sediakala.
3. Memberhentikan bekalan elektrik sementara waktu di kawasan yang ditimpa Bencana atas sebab-sebab keselamatan.
4. Menyediakan lampu dan peralatan elektrik semasa operasi mencari dan menyelamatkan di kawasan Bencana dilaksanakan.
5. Memberi bekalan elektrik sementara dengan menggunakan janakuasa elektrik bergerak semasa operasi mencari dan menyelamatkan dilaksanakan.

TERHAD

6. Memberi khidmat nasihat yang diperlukan di tempat kejadian.
7. Menyediakan tenaga kerja jika diperlukan.

G. TELEKOM MALAYSIA BERHAD (TM)

1. Memastikan perkhidmatan, penyelenggaraan serta kawalan perhubungan telefon dan telekomunikasi tidak terganggu sepanjang tempoh pengendalian Bencana dan operasi mencari dan menyelamatkan dilaksanakan.
2. Menyediakan perkhidmatan telefon talian terus/suwalitar yang diperlukan bagi Bilik Operasi Bencana.
3. Menyediakan lain-lain perkhidmatan telekomunikasi yang diperlukan oleh agensi-agensi yang berkenaan untuk mengendalikan Bencana.
4. Menempatkan pegawai dan kakitangan yang mencukupi bagi memberi khidmat nasihat serta penyelenggaraan ke atas talian serta peralatan telekomunikasi yang digunakan semasa mengendalikan Bencana.

H. BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM)

1. Membantu tugas JKM seperti menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan, memasak dan menghidangkan makanan, mengedarkan barangan keperluan seperti pakaian, selimut, menjalankan pendaftaran serta pemulihan kepada mangsa-mangsa Bencana.
2. Membantu lain-lain agensi dalam menyelamatkan dan memindahkan mangsa-mangsa Bencana.
3. Membantu KKM dalam memberi pertolongan kecemasan serta lain-lain bantuan kecemasan dan kesihatan di pusat pemindahan.

I. AGENSI TEKNIKAL DAN PAKAR

1. Menyediakan perkhidmatan teknikal dan pakar dalam sesuatu Bencana yang sedang dihadapi.
2. Memberikan nasihat kepakaran kepada Agensi Penyelamat dalam Tindak Balas Bencana.

TERHAD

J. BADAN BERKANUN, PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA SERTA ORANG PERSEORANGAN

1. Membantu menyalurkan bantuan dalam bentuk barangan keperluan mangsa-mangsa Bencana dan petugas Bencana melalui JKM.
2. Membantu dalam tugas-tugas kemanusiaan yang meliputi penyelenggaraan pusat-pusat pemindahan, memasak dan menghidangkan makanan, mengedarkan barangan keperluan seperti pakaian, selimut, menjalankan pendaftaran serta pemulihan kepada mangsa-mangsa Bencana.
3. Membantu memindahkan mangsa-mangsa.
4. Membantu KKM dalam memberi pertolongan kecemasan serta lain-lain bantuan kecemasan dan kesihatan di pusat pemindahan.

PERATURAN TETAP OPERASI TINDAKBALAS MENGHADAPI BENCANA BANJIR

A. PERINGKAT SEBELUM BERLAKU BANJIR

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
1.0	SISTEM AMARAN AWAL DAN PEMANTAUAN BENCANA				
	1.1. Pemantauan cuaca	1. Mengoperasikan Bilik Gerakan Negeri dan Pusat secara 24 jam.	MetMalaysia	NDCC(MKN), POP (ATM), MCC (PDRM), PPO (JBPM), PKO (JPAM)	Memastikan pemantauan secara berterusan dan <i>real-time</i> .
		2. Memantau keadaan cuaca, mengemaskini maklumat dan memaklumkan agensi mengenai situasi semasa cuaca secara berterusan.	MetMalaysia	NDCC (MKN), POP (ATM), MCC(PDRM), PPO (JBPM), PKO (JPAM), Pejabat Daerah	
		3. Memberi laporan mengenai keadaan paras air secara berkala dan menasihatkan indikasi untuk tindakan evakuasi serta-merta.	MetMalaysia	NDCC (MKN), POP (ATM), MCC (PDRM), PPO (JBPM), PKO (JPAM), Pejabat Daerah	Orang awam mengetahui maklumat melalui media konvensional dan media sosial.
		4. Sebar luas maklumat situasi kepada orang awam.	MetMalaysia	NDCC (MKN), SKMM, Jab. Penerangan, Jab. Penyiaran	
	1.2. Pemantauan paras air sungai	1. Mengoperasikan Bilik Gerakan Negeri dan Pusat secara 24 jam.	JPS	NDCC (MKN), POP (ATM), MCC (PDRM), PPO (JBPM), PKO (JPAM)	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
		2. Mencerap dengan lebih kerap telemetri dan tolok sungai serta memastikan sistem tolok sungai berfungsi dengan baik;	JPS		
		3. Memberi laporan mengenai keadaan paras air secara berkala dan menasihatkan indikasi untuk tindakan evakuasi serta-merta.	JPS	NDCC (MKN), POP (ATM), MCC(PDRM), PPO (JBPM), PKO (JPAM)	
		4. Sebar luas maklumat situasi kepada orang awam.	JPS	SKMM, Jab. Penerangan, Jab. Penyiaran	
2.0	PERSEDIAAN LOGISTIK DAN BEKALAN				
	2.1. Stok bekalan makanan	1. Stok bekalan di Depot Simpanan, pangkalan hadapan ditambah ke tahap optimum.	JKM	KPWKM, Pejabat Daerah	Bekalan mencukupi untuk edaran kepada mangsa yang memerlukan dan mampu menampung keperluan maksimum.
		2. Bilangan bekalan di pangkalan hadapan menepati keperluan yang telah ditetapkan (5,000 mangsa x 3 hari penggunaan)	JKM	PKOB	
		3. Senarai pembekal yang mencukupi bagi menyokong operasi bantuan.	JKM		
	2.2. Keboleh operasian aset agensi	1. Memastikan semua aset logistik boleh dioperasikan.	JPBN / JPBD	Semua agensi	Aset boleh digunakan pada setiap masa.
	2.3. Penempatan aset	1. Semua aset ditempatkan di suatu kawasan (staging point) yang telah ditetapkan.	JPBN / JPBD	Semua agensi	Aset diletakkan di kawasan yang mudah untuk diaturgerak.
	2.4. Kawasan tanggungjawab agensi	1. Kawasan dibahagikan kepada sub-kawasan dan ditentukan agensi kerajaan yang bertanggungjawab.	JPBN / JPBD	Semua agensi	Memudahkan skop penugasan bagi setiap kawasan dengan di kawal selia oleh Komander Operasi Bencana.

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
	2.5. Persediaan pesawat udara	1. Pesawat udara ditempatkan di lokasi strategik.	JPBN / JPBD	MKN, TUDM, JBPM, PDRM, APMM, Swasta	Pesawat bersedia dan memudahkan arahan aturgerak mengikut keutamaan yang telah ditetapkan. Memastikan penggunaan pesawat dioptimumkan mengikut keutamaan.
		2. Peranan setiap pesawat udara telah ditetapkan mengikut keutamaan situasi.	JPBN / JPBD	MKN, TUDM, JBPM, PDRM, APMM, Swasta	
		3. Penyelarasan penggunaan aset udara.	MKN	MKN, TUDM, JBPM, PDRM, APMM, Swasta	
		4. Penyelia semua pergerakan pesawat udara milik pelbagai agensi.	PKOB	MKN, TUDM, JBPM, PDRM, APMM, Swasta	
	2.6. Kawasan pendaratan pesawat udara	1. Kawasan ditetapkan bagi memudahkan operasi.	JPBN / JPBD	MKN, TUDM, JBPM, PDRM, APMM, Swasta	Memudahkan operasi bantuan dan sokongan pengangkutan udara.
	2.7. Stok ubat-ubatan	1. Bilangan stok ubat-ubatan sentiasa berada pada tahap optimum.	KKM		Keperluan ubat-ubatan untuk kegunaan mangsa bencana sentiasa mencukupi.
	2.8. Bekalan utiliti	1. Bekalan bahan api dipastikan mencukupi untuk kegunaan agensi penyelamat dan bantuan.	KPDNKK	Semua Agensi	Memastikan kelangsungan perkhidmatan perlu tidak tergendala untuk kelancaran operasi agensi dan kepentingan awam.
		2. Pencawang elektrik dipantau dan situasi fasiliti tersebut dilaporkan kepada PKOB.	TNB	JPBN / JPBD, MKN	
		3. Jabatan Bekalan Air Negeri bersiap sedia untuk melaksanakan pengagihan bekalan air bersih sekiranya diarahkan.	JBA	JPBN / JPBD, MKN	
		4. Generator bagi kelangsungan operasi utiliti.	TNB	Swasta	
		5. Penyediaan wang pendahuluan tunai untuk kegunaan pembelian minyak secara pukal.	Semua Agensi	KPDNKK, PKOB, Semua Agensi	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
	2.9. Keboleh operasi sistem komunikasi	1. <i>Base station Government Integrated Radio Network (GIRN)</i> dilengkapi dengan bekalan kuasa alternatif sekiranya bekalan elektrik dihentikan.	SAPURA	Semua agensi pengguna komunikasi GIRN	Memastikan kelangsungan perhubungan komunikasi antara agensi tindak balas bencana.
		2. Penyediaan sistem komunikasi alternatif bagi kegunaan PKOB.	SKMM	JPBN, JPBD, TM, Persatuan Radio Amateur	
	2.10. Pegawai perhubungan agensi di PKOB.	1. Agensi menetapkan dan menamakan Pegawai Perhubungan agensi yang akan bertugas di PKOB apabila diaktifkan.	PKOB	Semua agensi	Setiap agensi mempunyai pegawai yang bertanggungjawab dalam bidang masing-masing bagi memastikan kelancaran pengurusan.
3.0	DIREKTORI PERHUBUNGAN				
	3.1. Maklumat perhubungan	1. Direktori perhubungan penting mengikut fungsi dan peranan tertentu.	JPBN / JPBD	Semua agensi	Memudahkan PKOB untuk membuat panggilan sekiranya situasi berlaku.
		2. Kemaskini direktori perhubungan secara berkala.	JPBN / JPBD	Semua agensi	Direktori maklumat dikemaskini dan relevan setiap masa.
4.0	PERSEDIAAN PUSAT PEMINDAHAN				
	4.1. Penentuan pusat pemindahan	1. Mengenalpasti pusat pemindahan yang sesuai dengan jenis bencana.	JKM	KPM, PBT	Pusat pemindahan yang sesuai boleh digunakan bagi menempatkan mangsa bencana.
	4.2. Pemakluman pusat pemindahan	1. Memaklumkan lokasi pusat pemindahan kepada orang awam mengikut kawasan yang telah ditentukan.	JKM	Jab. Penerangan, Jab. Penyiaran, agensi lain	Penduduk di kawasan tertentu mengetahui lokasi pusat pemindahan bagi memudahkan mereka berpindah sekiranya berlaku bencana.
	4.3. Fasiliti pusat pemindahan	1. Fasiliti asas yang mencukupi dan dalam keadaan memuaskan.	JKM	KPM, PBT	Pusat pemindahan boleh digunakan semasa diperlukan.

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
	4.4. Susun atur dalam pusat pemindahan	1.Menentukan susun atur (mengikut lot) di dalam pusat pemindahan bagi menjamin keselesaan mangsa.	JKM		Mangsa ditempatkan ditempat mengikut susunan yang kemas dan menjadikan mangsa berasa selesa dengan susun atur tempat pemindahan.
		2. Menentukan susun atur kawasan kerja (tempat solat, kawasan wanita, tempat masak, tempat pendaftaran mangsa, tempat aktiviti, dsb) di dalam pusat pemindahan.	JKM		Susun atur standart sebagai rujukan penyelia pusat pemindahan.
	4.5. Penentuan dan pemilihan Penyelia pusat pemindahan	1.Menentukan susun atur kawasan kerja (tempat solat, kawasan wanita, tempat masak, tempat pendafrtan mangsa, tempat aktiviti, dsb) di alam pusat pemindahan.	JKM	Semua agensi	Pusat pemindahan diurus dengan berkesan oleh pegawai yang telah ditetapkan.
5.0	LAPORAN MEDIA				
	5.1. Hebahan perkembangan dan persediaan sebelum banjir	1. Laporan dikeluarkan secara berterusan melalui media cetak, media sosial dan lain-lain saluran.	KKMM	Jab.Penerangan, Jab.Penyiaran	Mempertingkatkan kesedaran awam berkenaan persediaan orang awam dan kesiagaan agensi bertindak balas bencana.
		2. Kenyataan media melalui Portal Bencana	MKN	NDCC (MKN)	
6.0	PENGURUSAN EMPANGAN				
	6.1. Persediaan sebelum bencana	1. Melaksanakan pelan tindak balas kecemasan pengurusan empangan.	Pengendali Empangan	JPBN/JPBD, MKN	
		2. Sistem amaran dipastikan berfungsi dengan baik.	Pengendali Empangan	JPBN/JPBD, MKN	
		3. Memberi laporan mengenai keadaan paras air secara berkala dan menasihatkan indikasi untuk tindakan evakuasi serta-merta.	Pengendali Empangan	JPBN/JPBD, MKN	Maklumat mengenai paras air ini dapat dihebahkan kepada agensi lain sebagai rujukan dan tindak balas.

		4. Sebar luas maklumat situasi kepada orang awam.	Pengendali Empangan	SKMM, Jab. Penerangan, Jab. Penyiaran	Orang awam mengetahui maklumat melalui media konvensional dan media sosial.
--	--	---	---------------------	---------------------------------------	---

B. PERINGKAT SEMASA KEJADIAN BANJIR

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
1.0	PEMINDAHAN MANGSA				
	1.1.Pengaktifan sistem amaran bencana	1.Siren amaran diaktifkan serta merta selepas mendapat indikasi akan berlaku bencana.	JPS	PKOB	Agensi penyelamat dapat menjalankan operasi secara terlaras dan orang awam bersedia untuk berpindah apabila dinasihatkan.
	1.2.Arahan pemindahan	1.Arahan pemindahan dikeluarkan kepada orang awam di kawasan yang berisiko banjir setelah mendapat maklumat daripada JPS.	Komander Operasi Bencana	PDRM,JBPM,JPAM,ATM, PBT,agensi lain	
		2.Hebahan maklumat pemindahan segera.	PKOB	Jab.Penerangan,Jab. Penyiaran,agensi lain.	
	1.3.Operasi pemindahan	1.Aset bantuan menyelamatkan diaturgerak dengan segera dari <i>staging point</i> untuk melaksanakan operasi pemindahan.	PKOB, Komander Operasi Bencana	Semua agensi	
	1.4.Pengaktifan pelan kawasan tanggungjawab	1.Ageni melaksanakan operasi menyelamatkan dan memindah mangsa mangkikut kawasan tanggungjawab masing-masing.	PKOB, Komander Operasi Bencana	Semua Agensi	Agensi penyelamat dapat menjalankan operasi secara terselaras dan penggunaan aset dapat dioptimumkan.
2.0	PEMBUKAAN DAN PENGOPERASIAN PUSAT PEMINDAHAN				
	2.1.Pembukaan pusat pemindahan yang diwartakan	1.Pusat pemindahan dibuka seta merta	JKM,Penyelia Pusat Pemindahan	PKOB	Memastikan semua mangsa yang dipindahkan disediakan kemudahan perlindungan sementara yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan bekalan makanan secukupnya.
	2.2.Pembukaan pusat pemindahan baru	1.Pusat pemindahan yang perlu dibuka secara <i>ad-hoc</i> diterima masuk (diwarta/didaftar)dalam senarai pusat pemindahan bagi tujuan penghantaran bantuan.	JKM	PKOB,MKN	
	2.3.Pusat pemindahan melebihi kapasiti atau ditenggelami air.	Pembukaan pusat pemindahan baru bagi menampung kapasiti yang berlebihan dari pusat pemindahan sedia ada atau penggantian pusat pemindahan yang tenggelam	JKM	PKOB,MKN	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
	2.4.Pendaftaran mangsa	1.Pendaftaran masuk mangsa ke pusat pemindahan dan penetapan lot dalam pusat pemindahan.	JKM,Penyelia Pusat Pemindahan	PKOB	
		2.Penyediaan barangan bantuan untuk agihan.	JKM,Penyelia Pusat Pemindahan	PKOB	
	2.5.Menwujudkan jawatankuasa pengurusan di pusat pemindahan	1.Mendapatkan keahlian bagi setiap jawatankuasa bagi pelaksanaan tugas penyediaan makanan,kebersihan,keselamatan, pelaksanaan aktiviti/program dan lain-lain jawatankuasa.	JKM,Penyelia Pusat Pemindahan	PKOB	Memastikan pengurusan pusat pemindahan adalah tersusun dan telaras.
	2.6.Khidmat bimbingan dan kaunseling	1.Pasukan khas bimbingan dan kaunseling di setiap pusat pemindahan	JKM,Penyelia Pusat Pemindahan		Memastikan kestabilan emosi mangsa dan mengurangkan perasaan trauma.
		2.Pendaftaran pasukan sukarela bagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.	JKM	PKOB,MKN,MCIT(JPA), KKM	
	2.7.Perkhidmatan kesihatan dan kecemasan	1.Setiap pusat pemindahan dilengkapi dengan pusat kesihatan dan kecemasan.	PKOB	JKM,KKM,ATM,NGO	Memastikan mangsa diberikan pemeriksaan dan perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya.
		2.Pemberian vaksinasi dan pelalian kepada mangsa di pusat pemindahan dan petugas,sekiranya diperlukan.	KKM	PKOB	Memastikan kesihatan mangsa dan petugas tidak diancam penyakit bawaan vector.
		3.Mengambil tindakan sewajarnya dalam mengawal penularan wabak penyakit.	KKM	PKOB	
		4.Pendaftaran sukarelawan perubatan.	KKM	PKOB	Memastikan mangsa diberikan perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya.
		5.Bekerjasama untuk menyediakan hospital bergerak atau hospital medan di kawasan terjejas bencana.	KKM	PKOB,ATM	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
		6.Menempatkan petugas kesihatan di pangkalan hadapan PKTK untuk memberikan rawatan sebelum mangsa dipindah ke pusat pemindahan.	KKM	PDRM,PKOB	
		7.Menyediakan perkhidmatan forensik termasuk bilik khas untuk tujuan identifikasi,penempatan mayat dan dokumentasi.bukti;	KKM	ATM,SMART	
		8.Menyelarar penghantaran petugas perubatan dan bekalan ubat-ubatan dari negeri yang tidak terjejas bencana secepat mungkin;	KKM	PKOB	
		9.Melapor bilangan mangsa sakit kepada PKOB;	KKM	NGO	
		10.Memaklumkan kepada PKOB sekiranya ada anggota perubatan yang hendak dihantar ke kawasan terpencil untuk memberikan rawatan.	KKM	PKOB,Komander Operasi Bencana	
		11.Menyediakan ambulan,pra hospital dan pengangkutan untuk tujuan rawatan kecemasan dilokasi strategik.	PKOB	KKM.JPAM,ATM,NGO	
	2.8.Perkhidmatan MEDEVAC	1.Perkhidmatan dipastikan bersedia untuk membawa pesakit yang kritikal,bergantung kepada diagnosis.	PKOB	MKN,JKM,KKM,ATM	
	2.9.Pengumpulan dan pengagihan barangan bantuan.	1.Penerimaan barangan bantuan diselaraskan secara berpusat.	PKOB		Memastikan pengagihan barangan sumbangan dan bantuan adalah terselaras.
		2.Maklumat keperluan bantuan mengikut pusat pemindahan dilaporkan kepada PKOB dari semasa ke semasa bagi memastikan agihan yang adil.	JKM	PKOB	
		3.Pemantauan keperluan penerimaan dan agihan bantuan untuk mengelakan lambakan bantuan.	PKOB		
	2.10.Pengumpulan sukarelawan penyedia sajian	1.Pengumpulan sukarelawan yang berkemahiran untuk penyediaan sajian	JKM	PKOB,ATM,JPAM,NGO	Memastikan pusat permindahan berupaya untuk menyediakan

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
		dalam jumlah besar.			Makanan bermasak yang secukupnya kepada mangsa.
3.0	KOORDINASI ASET				
	3.1.Aset operasi menyelamatkan dan pemindahan	1.Aset digerakan bagi tujuan pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan serta pemindahan terutama sekali di kawasan yang berisiko tinggi.	PKOB	Semua agensi	Agensi pemnyelamat dapat menjalankan operasi secara terselaras dan aset dapat diatur gerak secara optimum.
	3.2.Aset sokongan penghantaran bantuan.	1.Aset ditentukan bagi tujuan penghantaran bekalan makanan dan agihan barangan bantuan.	PKOB	Semua agensi	
		2.Penggunaan aset udara bagi menyokong operasi menyelamatkan dan penghantaran bantuan.	PKOB	MKN,TUDM,JBPM,PDRM, APMM,Swasta	
		3.Pertimbangan bagi menghentikan sementara penggunaan pesawat udara jika cuaca tidak mengizinkan.	PKOB	MKN,TUDM,JBPM,PDRM, APMM,Swasta	
4.0	KAWALAN TRAFIK DAN KESELAMATAN				
	4.1.Pemastian kelangsungan trafik di jalan utama	1.Laluan utama hendaklah dipastikan tidak terhalang dengan kenderaan awam.	PDRM	PBT,JKR,RELA	Memastikan laluan trafik dan pergerakan jentera tindak balas bencana lancar serta tidak terhalang Orang awam dimaklumkan mengenai penutupan jalan dan jalan-jalan alternatif yang boleh digunakan.
	4.2.Laluan utama rosak/runtuh	1.Makluman mengenai laluan alternatif dan jenis kenderaan yang boleh melalui jalan berkenaan.	JKR	PBT	
		2.Hebahan maklumat mengenai laluan tutup dan laluan alternatif kepada orang awam melalui media.	JKR	PBT,Jab Penerangan,Jab Penyiaran,MKN	
		3.Maklumat mengenai laluan terjejas perlu disampaikan kepada PKOB bagi memudahkan perancangan operasi menyelamatkan dan penghantaran bantuan.	JKR	PKOB,PBT,MKN	
		4.Semua laluan utama dipastikan diperbaiki dengan segera.	JKR	PBT	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
		5.Pembinaan jambatan sementara bagi memulihkan jalan perhubungan.	PKOB	JKR,ATM,PBT	
	4.3.Tempat letak kenderaan awam.	1.Menentukan kawasan sesuai dan selamat sebagai tempat meletak kenderaan persendirian.	PBT	JKR	Memastikan kenderaan orang awam diletakan di tempat yang selamat dan bebas banjir.
	4.4. Kawalan keselamatan di kawasan tempat letak kenderaan awam	1.Penyediaan kawalan keselamatan yang sewajarnya di kawasan meletak kenderaan semasa berlaku banjir.	PKOB	PDRM,RELA,PBT,JKKK	
	4.5.Kawalan keselamatan di kawasan kediaman	2.Rondaan keselamatan bagi memastikan keselamatan kawasan tempat kediaman mangsa yang dipindahkan.	PKOB	PDRM,RELA,PBT,JKKK	Memastikan keselamatan kediaman yang ditinggalkan oleh mangsa.
5.0	KELANGSUGAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN				
	5.1.Bekalan elektrik	1.Cadangan berserta justifikasi untuk menghentikan bekalan utility hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada PKOB.	TNB	PKOB	Memastikan kelangsungan perkhidmatan perlu tidak tergendala untuk kelancaran operasi agensi dan kepentingan awam. Meredakan keresahan orang awam dan membolehkan perancangan persiapan yang perlu dilakukan.
		2.Pelaksanaan pelan kontingensi bagi memastikan kelangsungan bekalan utiliti di kawasan/fasiliti penting.	TNB	PKOB	
		3.Pemakluman mengenai tempoh pemberhentian,jangkaan tempoh penyambungan semula dan rasional pemberhentian bekalan utiliti kepada orang awam.	TNB	PKOB,MKN,Jab. Penerangan,Jab. Penyiaran.	
	5.2.Bekalan air bersih	1.Memastikan kelangsungan bekalan air bersih kepada mangsa di pusat-pusat pemindahan.	PKOB	JBA,MKN	
		2.Mengatur bekalan air bersih dari negeri yang tidak terjejas.	PKOB	MKN,SPAN,JBA	
		3.Menyediakan lori tangki untuk pengagihan air bersih ke pusat pemindahan dan kawasan kediaman yang tidak terjejas banjir sekiranya loji penapisan terjejas akibat banjir.	JBA	PKOB,MKN,SPAN	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
		4.Mengaturgerak sistem penapisan air di dalam pegangan agensi dan NGO	PKOB	MKN,SPAN,ATM,NGO	
		5.Menggunakan <i>water purification tablet</i> untuk menghasilkan air yang selamat digunakan.	PKOB	MKN,SPAN,ATM,NGO	
		6.Penyediaan air minuman bersih kepada mangsa di pusat pemindahan.	JKM	PKOB,Penyelia Pusat Pemindahan	
	5.3.Bekalan bahan api	1.Pengusaha stesen minyak menyediakan generator bagi menyokong operasi pam minyak.	KPDNKK	Semua agensi	
		2.Penyediaan tong dram untuk kemudahan agensi mengisi minyak.	PKOB	Semua agensi	
		3.Membenarkan pembelian bahan api secara pukal menggunakan wang tunai.	KPDNKK	Semua agensi	
		4.Pemastian bahawa bekalan bahan api mencukupi selepas banjir pulih.	KPDNKK	Semua agensi	
	5.4.Kelangsungan bekalan makanan.	1.Memastikan bekalan barangan mencukupi.	KPDNKK	PKOB	Bekalan makanan adalah mencukupi dan tidak terputus.
		2.Memastikan harga barangan tidak dinaikkan	KPDNKK	PKOB	
	5.5.Penghantaran bekalan melalui laut dan udara.	1.Menyelaraskan penghantaran bantuan menggunakan kapal laut.	PKOB	TLDM,APMM,PDRM, Jab.Laut	Memastikan pengurusan operasi penghantaran bantuan menggunakan alternative laut dan udara terselaraskan.
		2.Menyelaraskan penghantaran bantuan menggunakan pesawat udara.	PKOB	TUDM,APMM,PDRM, JBPM	
		3.Penyediaan sokongan logistic untuk tujuan pengagihan bekalan ke pusat pemindahan.	PKOB	Semua agensi	
		4.Pasukan sokongan bagi tugas pemunggaran.	PKOB	Semua agensi	
		5.Menempatkan Pegawai bertanggungjawab sebagai penerima bantuan di lokasi pendaratan pesawat/pelabuhan.	PKOB	Semua agensi	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
6.0	STRATEGI PENGENDALIAN MEDIA				
	6.1.Pusat media	1.Penyediaan pusat di PKOB	PKOB	Jab.Penerangan, Jab Penyiaran	Memastikan penyaluran maklumat yang tepat kepada semua <i>stakeholders</i> .
		2.Menempatkan Pegawai Penerangan sebagai Pegawai Perhubungan Media untuk menyediakan kenyataan akhbar,membantu memantau dan menjawab isu dalam akhbar dan laman sosial.	PKOB	Jab.Penerangan, Jab Penyiaran	
	6.2.Siaran media	1.Memperuntukan slot khas oleh stesen penyiar swasta.	KKMM	SKMM	
		2.Melantik jurucakap tetap bagi mewakili Kerajaan untuk memberikan kenyataan media mengenai situasi semasa bencana.	PKOB	MKN,Jab.Penerangan, Jab.Penyiaran	
7.0	PENGURUSAN EMPANGAN				
	7.1.Amaran pelepasan air empangan.	1.Pengendalian empangan memaklumkan PKOB dan agensi penyelamat lebih awal mengenai cadangan pelaksanaan pelepasan air empangan.	Pengendali Empangan	PKOB,MKN,PDRM,Agensi penyelamat.	Maklumat mengenai paras air ini dapat dihebahkan kepada agensi lain sebagai rujukan dan tindak balas.
		2.Membuat laporan secara bekala mengenai paras air empangan.	Pengendali Empangan	PKOB,MKN,PDRM, Agensi penyelamat.	
	7.2.Tindakan evakuasi	1.Melaksanakan tindakan evakuasi dari kawasan sekitar laluan pelepasan air empangan dengan segera.	PDRM	PKOB,Agensi penyelamat, Pengendali empangan	
	7.3.Kenyataan media	1.Menyedia dan mengeluarkan kenyataan media sekiranya perlu untuk memperjelaskan prosedur dan operasi pelepasn air empangan.	Pengendali Empangan	PKOB,MKN,PDRM	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
8.0	LAPORAN OPERASI				
		1.Laporan perkembangan situasi dan maklumat keperluan di kawasan tanggungjawab secara berkala atau lebih kerap kepada PKOB.	PKOB	Penyelia Pusat Pemindahan, semua agensi	Memudahkan pihak pengurusan untuk membuat penilaian semasa dan merancang keperluan operasi selanjutnya.
		2.Laporan situasi bencana kepada jawatankuasa pengurusan bencana yang lebih atas.	PKOB	MKN	
		3.Memastikan laporan dihantar mengikut ketetapan masa.	PKOB	MKN	
		4.Menyediakan taklimat untuk lawatan kenamaan.	PKOB	Semua agensi	

C. PERINGKAT PEMULIHAN DAN PEMBANGUNAN SEMULA SELEPAS BANJIR

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
1.0	TAKSIRAN KEROSAKAN DAN PEMULIHAN INFRASTRUKTUR AWAM				
		1. Penilaian kerosakan infrastruktur awam oleh stiap agensi yang berkaitan	Pejabat Daerah	Semua agensi berkaitan	Memastikan pelaksanaan aktiviti pemulihan pasca bencana dapat diselaras dengan efisien.
		2. Pemulihan infrastruktur awam dan mengenalpasti sumber peruntukan	Kementerian / Agensi berkaitan	Semua agensi berkaitan	
2.0	KHIDMAT KOMUNITI				
		1. Pembersihan pusat-pusat pemindahan	JKM	ATM, JBPM, JPAM, RELA, JKKK, KRT, Sukarelawan, NGO	Mangsa dapat meneruskan aktiviti harian seperti biasa
		2. Pembersihan kawasan awam dan kemudahan awam yang terjejas banjir	PBT	ATM, JBPM, JPAM, RELA, JKKK, KRT, Sukarelawan, NGO	
		3. Pembersihan kawasan kediaman yang terjejas banjir	PBT	ATM, JBPM, JPAM, RELA, JKKK, KRT, Sukarelawan, NGO	
		4. Penyediaan makanan pasca penutupan pusat pemindahan bagi tempoh 3 hari	JKM	ATM, JPAM, RELA, BSMM, JKKK, KRT, Sukarelawan, NGO	
3.0	PENDAFTARAN MANGSA BENCANA				
		1. Mengemaskini dan memuktamadkan senarai nama mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan	MKN	JKM	Bantuan dapat disalurkan dengan kadar segera.
		2. Mengemaskini dan memuktamadkan senarai nama mangsa yang tidak berpindah ke pusat pemindahan	MKN	Pejabat Daerah, JKKK, KRT, Pejabat Penghulu/ Penggawa	

BIL	PERKARA	AKTIVITI	PENERAJU	AGENSI TERLIBAT	HASIL
4.0	KAJIAN PROJEK-PROJEK PENGURANGAN RISIKO BENCANA				
		1. Mengkaji keberkesanan projek RTB terhadap mengurangkan risiko bencana dan mengkaji keperluan tambahan projek RTB	JPS	MOF, EPU, Pejabat Daerah, JPBD, PBT	Mengurangkan risiko dan impak bencana ke atas sosio-ekonomi dan kerosakan infrastruktur
		2. Mengkaji langkah- langkah bukan struktur bagi mengurangkan risiko berlakunya bencana	JPS	MKN, Pejabat Daerah, JKR, JPBD, PBT, NGO dan lain-lain agensi berkaitan	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan terhadap kontraktor yang berprestasi buruk?
- b) Apakah faktor utama wujudnya kontraktor yang berprestasi buruk?
- c) Sejauh manakah persiapan kerajaan negeri dalam pelaksanaan pembahagian sampah mengikut jenis?

JAWAPAN:

- a) Kontraktor perkhidmatan bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam yang didapati berprestasi buruk oleh PBT adalah akan diberikan Notis Tindakan Pembetulan (NTP) dan notis peringatan supaya tidak mengulangi kesilapan. Kontraktor tersebut diberi tempoh untuk melaksanakan kerja-kerjanya semula dengan segera dan tindakan pemotongan tuntutan kerja akan dikenakan terhadap kontraktor yang tidak menjalankan kerja yang sepatutnya. Kontraktor yang mengulangi kesilapan akan diberikan notis penamatan kontrak seperti yang telah diperakui di dalam dokumen kontrak antara PBT dengan kontraktor tersebut.
- b) Faktor utama wujudnya kontraktor yang berprestasi buruk adalah:-
 - i. Kontraktor baru belum biasa dengan kawasan baru menyebabkan terlepas pandang beberapa kawasan;
 - ii. Kontraktor memerlukan pusingan modal yang tinggi;
 - iii. Harga tawaran yang ditawarkan oleh PBT masih mengikut harga terendah dan "sub" kepada pihak ketiga;
 - iv. Kontraktor kecil tidak mampu melabur dalam kelengkapan mereka seperti keadaan logistik yang uzur seperti lori kompaktor yang sering rosak dan perlu penyelenggaraan yang kerap menyebabkan kos operasi meningkat; dan
 - v. Kontraktor sambil lewa sekiranya pemantauan PBT tidak dilaksanakan setiap hari oleh PBT.

- c) Kerajaan Negeri sedang dalam menjalankan kajian pengasingan sisa isi rumah melalui Projek Perintis Kitar Semula di beberapa lokasi yang dipilih. Hasil kajian ini akan menunjukkan tren masyarakat di sesuatu kawasan dalam aktiviti kitar semula bagi sisa isi rumah dan kajian tersebut akan memberikan gambaran kepada Kerajaan Negeri untuk menambah baik lagi pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Aktiviti ini perlu mengambil tempoh yang panjang berikutan ia dilakukan bersama-sama masyarakat dan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : IBU TUNGGAL

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah ibu tunggal menjadi salah satu target dalam Skim Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat komited dan mengambil berat akan golongan ibu tunggal khususnya ibu tunggal di Negeri Selangor, Sememangnya golongan ibu tunggal merupakan antara kumpulan sasaran dalam pembentukan dasar – dasar Kerajaan Negeri selain golongan berpendapatan rendah, golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas serta kanak – kanak yang memerlukan santunan dan perhatian khusus bagi keperluan masing – masing.

Golongan ibu tunggal boleh menerima pelbagai manfaat skim – skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri sekiranya layak. Antara skim atau program yang boleh dimanfaatkan oleh golongan ibu tunggal yang layak adalah seperti berikut :

- a) **Skim Kesihatan Wanita** – Pemeriksaan Saringan Mammogram Percuma;
- b) **Tabung Warisan Anak Selangor** – tabung simpanan untuk anak–anak kelahiran Selangor sebanyak RM1,500 apabila mencapai umur 18 tahun;
- c) **SiKembar** – bantuan yuran taska atau nurseri sebanyak RM100 setiap bulan;
- d) **Hadiah Anak Masuk Universiti** – hadiah sebanyak RM1,000 untuk anak-anak melanjutkan pengajian ke IPT/IPTS yang diiktraf Kerajaan bagi pengajian diploma atau ijazah sarjana muda;
- e) **Skim Hijrah** – modal bantuan berniaga sehingga RM50,000;
- f) **TUNAS** – bantuan yuran tadika sebanyak RM50 setiap bulan; dan

- g) **Bantuan Kesihatan Sihat Selangor** – bantuan kos rawatan bagi pesakit buah pinggang sehingga RM5,000.00, bantuan kaki palsu, pembedahan katarak serta rawatan – rawatan lain atau pembelian alat sokongan.

Kesemua skim – skim yang ditawarkan ini meliputi pelbagai aspek bukan sahaja bagi mengurangkan beban kewangan tetapi juga sebagai salah satu jaringan sistem sokongan kepada para ibu tunggal yang terpaksa menyara hidup anak – anak sendirian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SKIM PEMILIKAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan yang telah di luluskan dibawah Skim Pemilikan Kediaman Persendirian semenjak dilancarkan mengikut daerah?
- b) Apakah usaha KNS untuk memastikan rakyat mengetahui tentang skim ini?
- c) Berapakah jumlah kutipan premium dan cukai tahunan yang telah diperolehi oleh KNS mengikut tahun?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan yang telah diluluskan sehingga Disember 2014 di bawah Skim Pemilikan Kediaman Persendirian mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 6 Tahun 2011 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2011 adalah seperti berikut:-

DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT TAHUN			
	2011	2012	2013	2014
Hulu Selangor	88	68	38	20
Hulu Langat	190	291	46	15
Kuala Selangor	61	31	682	56
Klang	7	5	4	3
Kuala Langat	0	8	0	71
Sabak Bernam	69	81	92	142
Petaling	171	1609	232	150
Gombak	295	898	830	291
Sepang	282	22	32	65

- b) Bagi memastikan rakyat mengetahui Skim Pemilikan Kediaman Persendirian, Kerajaan Negeri telah menyediakan risalah-risalah yang menjelaskan skim tersebut dan diedarkan dalam program-program rasmi kerajaan, seperti Hari Bertemu Pelanggan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), membuka kaunter pertanyaan di setiap PTD serta mengadakan sesi penerangan yang berkaitan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut membuat hebahan melalui media massa melalui akhbar rasmi Kerajaan Negeri iaitu 'Selangor Kini' dan media elektronik iaitu 'TV Selangor' dan Laman Web Pejabat Tanah melalui paparan Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011.

- c) Jumlah kutipan premium dan cukai tanah bagi skim ini adalah seperti jadual berikut:

Daerah	Jumlah Premium (RM)			
	2011	2012	2013	2014
Hulu Selangor	159,049.00	87,359.00	259,049.00	511,409.00
Hulu Langat	82,254.00	249,654.00	58,394.00	24,965.00
Kuala Selangor	137,190.00	62,156.00	370,046.00	127,283.00
Klang	116,140.00	82,281.00	38,594.00	3,000.00
Kuala Langat	118,578.00	250,742.00	96,652.00	47,690.00
Sabak Bernam	138,617.00	213,867.00	563,117.00	1,095,947.00
Petaling	261,945.25	4,237,217.80	10,498,646.00	4,177,498.99
Gombak	1,093,642.00	3,492,501.00	2,643,511.00	839,527.00
Sepang	386,118.00	22,000.00	32,000.00	65,000.00
JUMLAH	2,493,533.25	8,697,777.80	14,560,009.00	6,892,319.99

Daerah	Jumlah Cukai (RM)			
	2011	2012	2013	2014
Hulu Selangor	4,960.00	3,400.00	1,970.00	1,380.00
Hulu Langat	8,930.00	14,550.00	2,300.00	750.00
Kuala Selangor	2,745.00	1,550.00	34,100.00	2,800.00
Klang	560.00	250.00	200.00	150.00
Kuala Langat	1,656.00	809.00	523.00	430.00
Sabak Bernam	3,450.00	4,050.00	4,840.00	7,100.00
Petaling	10,917.00	38,941.00	23,200.00	7,500.00
Gombak	15,750.00	35,920.00	41,000.00	14,550.00
Selangor	14,100.00	1,440.00	1,640.00	3,250.00
JUMLAH	63,068.00	100,910.00	109,773.00	37,910.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR 2015

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan usahawan yang telah menerima dana ini sehingga September 2015?
- b) Nyatakan bidang perniagaan dan jumlah dana yang di terima oleh mereka?

JAWAPAN:

- a) Sehingga **Oktober 2015**, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan peserta telah diterima daripada setiap DUN (56 DUN) dan sehingga kini Hijrah Selangor telah meluluskan pinjaman kepada seramai 11,378 orang peserta dengan RM 59,363,000.00

CAWANGAN (PARLIMEN)	BIL PESERTA	RM
CAWANGAN KAPAR	586	2,626,000
CAWANGAN KLANG	302	1,276,000
CAWANGAN KOTA RAJA	517	1,976,000
CAWANGAN KUALA SELANGOR	724	3,381,000
CAWANGAN SABAK BERNAM	717	3,692,000
CAWANGAN SHAH ALAM	302	1,379,000
CAWANGAN SUNGAI BESAR	994	4,988,000
CAWANGAN TANJUNG KARANG	647	3,106,000
JUMLAH ZON	4,789	22,424,000
CAWANGAN AMPANG	233	1,374,000
CAWANGAN HULU LANGAT	636	3,843,000
CAWANGAN KUALA LANGAT	662	4,538,000
CAWANGAN PANDAN	279	1,558,000
CAWANGAN PUCHONG	249	935,000
CAWANGAN SEPANG	798	5,098,000
CAWANGAN SERDANG	403	2,349,000
JUMLAH ZON	3,260	19,695,000
CAWANGAN GOMBAK	235	915,000
CAWANGAN HULU	870	5,153,000

SELANGOR		
CAWANGAN KELANA JAYA	256	1,019,000
CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	296	1,454,000
CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	206	835,000
CAWANGAN SELAYANG	537	2,478,000
CAWANGAN SUBANG	929	5,390,000
JUMLAH ZON	3,329	17,244,000
HIJRAH SELANGOR	11,378	59,363,000

b) Sehingga kini, terdapat 11,378 permohonan pinjaman yang telah diluluskan oleh Hijrah Selangor. Berdasarkan kepada permohonan-permohonan ini adalah didapati 5 jenis perniagaan utama yang menjadi pilihan peserta adalah seperti berikut:

- i) Perniagaan Makanan/Minuman (45%) / RM26,713,350.00
- ii) Perniagaan Peruncitan Basah/ Kering (27%) / RM16,028,010.00
- iii) Perniagaan Perkhidmatan Kecantikan / Kesihatan / Pakaian (20%) / RM16,028,010.00
- v) Perniagaan Pertanian/ Perikanan (8%) / RM4,749,040.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah "*internet penetration rate*" negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan kontraktor yang membekalkan Wifi Selangorku sejak 2010.
- c) Nyatakan sama ada tender terbuka diadakan dalam pelantikan kontraktor? Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini tiada laporan berkenaan "*internet penetration rate*" di setiap negeri dikeluarkan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan di Malaysia. Hanya laporan "*broadband penetration rate per 100 household*" yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menerusi laporan "*Communications and Multimedia Pocket Book Of Statistics Q2 2015*". Berdasarkan laporan tersebut, negeri Selangor telah mencapai 75.1% "*broadband penetration rate per 100 household*" untuk suku tahun kedua 2015.

* Sumber : Laman Web Rasmi SKMM

<http://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/C-M-Q2-2015.pdf>

- b) Kontraktor yang membekalkan Wifi Selangorku sejak 2010 adalah seperti berikut:-

2013 - Extol Corporation (M) Sdn Bhd

Mac 2015 - Celcom Axiata Berhad

June 2015 - Telekom Malaysia Berhad

- c) Pemilihan pembekal perkhidmatan WIFI Selangorku adalah seperti berikut:-

Tahun	Kontraktor	Kaedah Perlantikan Pembekal
2013	Extol Corporation (M) Sdn Bhd	Penelitian dan perbandingan dibuat terhadap semua cadangan yang diterima (10 cadangan). Perlantikan berdasarkan tawaran pembekalan yang menepati kriteria dengan harga paling kompetitif.

Mac 2015	Celcom Axiata Berhad	Penelitian dan perbandingan dibuat terhadap semua cadangan yang diterima (11 cadangan). Perlantikan berdasarkan tawaran pembekalan yang menepati kriteria dengan harga paling kompetitif.
Jun 2015	Telekom Malaysia Berhad	Penelitian dan perbandingan dibuat terhadap semua cadangan yang diterima (12 cadangan). Perlantikan berdasarkan tawaran pembekalan yang menepati kriteria dengan harga paling kompetitif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN BEKAS PEKERJA LADANG YANG TUA DAN SAKIT

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan untuk membantu bekas pekerja ladang yang tidak mempunyai pencen dan sudah dilanda banyak penyakit ?
- b) Bagaimana dengan kesinambungan pendidikan anak mereka kerana sudah putus punca pendapatan?

JAWAPAN:

- a) Perancangan yang baik selepas bersara merupakan impian setiap pesara. Mempunyai pencen yang mencukupi bagi menjalani kehidupan bersara merupakan perkara yang amat penting bagi menjamin kualiti kehidupan yang selesa. Namun begitu, pekerja ladang khususnya tidak mempunyai pencen selepas tamat kontrak mahupun selepas bersara menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan serta tempat tinggal dalam usia yang tua tanpa sebarang simpanan yang kukuh akan menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai penyakit dan hidup dalam serba kekurangan.

Kerajaan Negeri Selangor, melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang senantiasa peka akan perkara ini dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik daripada permasalahan yang dihadapi oleh para pekerja ladang.

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah menyediakan Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang dimana ia dirangka khusus bagi membantu anak – anak pekerja ladang dalam melanjutkan pelajaran dan memberi penghargaan kepada mereka di dalam bidang pendidikan sekaligus dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pekerja ladang dari segi kewangan. Program – program yang dianjurkan dibawah portfolio ini tidak terhad kepada pekerja ladang yang telah bersara sahaja, namun diperluaskan kepada semua anak – anak pekerja ladang di Negeri Selangor.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi membantu anak – anak pekerja ladang terus maju dalam bidang pendidikan dan seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Di antara program yang terdapat di bawah portfolio ini adalah seperti berikut :

- i. **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah**
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga.
- ii. **Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa.
- iii. **Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**
Penyampaian wang adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai motivasi dan penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang.
- iv. **Program – program Motivasi Anak Pekerja Ladang (Ad-Hoc)**
Dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi dan pendidikan di kalangan anak pekerja ladang di dalam menimba ilmu pendidikan.

Program-program di atas terbuka kepada seluruh anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor dengan disusun dan dipantau oleh Pejabat YB EXCO.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : POLIS BANTUAN DI NEGERI SELANGOR

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah polis bantuan yang telah ditempatkan di Negeri Selangor mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2015.
- b) Apakah strategi yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan komuniti yang selamat dan mengurangkan kadar jenayah dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Tiada Polis Bantuan yang ditempatkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor bagi tahun 2008 – 2015.
- b) Antara strategi yang diambil oleh Kerajaan bagi mewujudkan komuniti yang selamat adalah seperti berikut:-
 - i. PBT bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menentukan lokasi pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di lokasi *hot-spot* jenayah;
 - ii. Melaksanakan program pencahayaan di kawasan yang gelap;
 - iii. Pengasingan laluan pejalan kaki;
 - iv. Pemasangan cermin pandang belakang di laluan hot-spot jenayah;
 - v. Memaparkan papan tanda peringatan jenayah dan nombor talian PDRM;
 - vi. Menyediakan tempat letak motosikal berkunci;
 - vii. PBT mensyaratkan pemajuan pembangunan yang baru hendaklah mematuhi ciri-ciri pembangunan mengikut Garis Panduan Bandar Selamat; dan
 - viii. PBT menyarankan penduduk menubuhkan Jawatan Kuasa Penduduk/Persatuan Penduduk;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MENANGANI MASALAH KENAIKAN KOS SARA HIDUP

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha kerajaan negeri Selangor untuk membantu menangani masalah kenaikan kos sara hidup rakyat di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Punca utama kenaikan sara hidup antaranya adalah disumbangkan oleh beberapa tindakan dan polisi yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan. Pengenalan GST, kenaikan harga petrol dan diesel, kenaikan tambang LRT dan yang terkini harga tol yang dinaikkan tanpa belas kasihan menambahkan parah kenaikan kos sara hidup rakyat jelata.

Menyedari himpitan hidup kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah- langkah seperti berikut :

- i) **Memperkasa Pelbagai Program Bantuan Perniagaan Bagi Membantu Usahawan Baru dan Melonjakkan Usahawan Sedia Ada Ke Tahap Yang Lebih Tinggi**

Kerajaan telah memperkasakan pelaksanaan satu program bersepadu iaitu **Program Hijrah**. Peruntukan ditambah daripada RM70 juta pada tahun 2014 kepada RM100 juta pada tahun 2015 diharap mampu merealisasikan hasrat Kerajaan. Sehingga 30 September 2015, sebanyak 11,114 orang telah mendapat manfaat melalui Program Hijrah dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM58,358,000.00.

Kerajaan terus memperkasa insentif kepada **usahawan muda** dengan meningkatkan bantuan daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan di bawah dana **Usahawan Mikro Selangor**. Program ini pada asalnya dikenali sebagai Dana Industri Kampung telah ditransformasikan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup dan pendapatan golongan ini ke tahap yang lebih tinggi.

ii) **Meningkatkan Keupayaan Rakyat Selangor Kepada Pekerja Berkemahiran Tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)**

Kerajaan Negeri merangka strategi bagi mengurangkan jurang pendapatan kaya dan miskin dengan mewujudkan generasi muda berkemahiran tinggi (*skilled workers*) yang akan mendapat gaji atau upahan berdasarkan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat di Negeri Selangor. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah seperti industri minyak & gas, semikonduktor, elektrik & elektronik dan pembangunan bidang teknologi maklumat & komunikasi (*ICT*), *advance robotic*, big data dan perkakasan.

Ke arah mencapai hasrat mewujudkan generasi berkemahiran tinggi, langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 seperti yang telah dibentangkan di dalam Bajet tahunan Kerajaan Negeri Selangor, memperlihatkan strategi yang melibatkan pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*TVET*), perkhidmatan masyarakat, pembangunan luar bandar, sektor perbandaran dan pembangunan usahawan yang dilaksanakan secara menyeluruh.

Fokus Kerajaan untuk terus memperkasa industri pembuatan supaya dapat mencipta lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan kelayakan berasaskan TVET. Selaras dengan itu, Kerajaan akan terus mempertingkatkan tenaga mahir dalam bidang TVET di Negeri Selangor untuk mengisi peluang-peluang di sektor ini melalui **program latihan** di bawah **Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)**. Program ini merupakan kolaborasi Kerajaan dan pemain industri secara pepadanan penawaran dengan permintaan industri bagi memastikan bidang yang ditawarkan adalah bertepatan dengan kehendak pasaran. Kolaborasi ini akan diwujudkan di daripada pengambilan pelajar, rekabentuk kurikulum dan penempatan pekerjaan. Program TVET ini akan dijadikan satu bentuk program inovatif supaya dapat menarik generasi muda mengakses program tersebut.

Selain itu, Kerajaan turut menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/latihan **Program Kemahiran Teknikal** melalui INPENS International College. Program Kemahiran Teknikal ini merupakan salah satu program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui INPENS International College sejak tahun 2008. Ianya bertujuan bagi memberi peluang kepada golongan generasi muda yang tercicir di dalam pelajaran serta daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Antara kursus-kursus kemahiran di INPENS International College

yang diberikan penajaan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti Servis & Penyelenggaraan Motorsikal, Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa, Peralatan Penyamanan Udara HVAC - Satu Fasa (Pemasangan Servis, *Troubleshooting* & Pembaikpulihan), Pembuat Pakaian Wanita, Dandan Rambut dan pelbagai lagi.

Sehingga September 2015, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College ini telah memberi manfaat kepada seramai 2,807 orang dan jumlah ini adalah dijangka meningkat dari tahun ke tahun. Melalui program ini Kerajaan mensasarkan supaya golongan ini mampu mengorak langkah menggunakan kemahiran yang telah diperolehi untuk turut sama dalam pasaran industri dan meningkatkan diri dengan menceburi bidang keusahawanan.

iii) **Meningkatkan Sumbangan Bantuan Pendidikan Bagi Memperkasa Generasi Muda Selangor (2nd Generation)**

Ke arah membantu meringankan beban ketua isi rumah, Kerajaan akan meneruskan program-program seperti **Pusat Tuisyen Rakyat** dan **Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar)**, **Skim Bantuan Tadika (TUNAS)**. Sokongan bantuan pendidikan awal daripada Kerajaan seperti ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan bagi mengukuhkan pengetahuan dan menyediakan generasi muda sejak dari pendidikan awal lagi dan membantu ibu bapa menangani kos pendidikan anak-anak.

Tabung Pendidikan Pekerja Ladang merupakan salah satu insentif yang diberikan Kerajaan supaya generasi baru pekerja ladang mampu melonjakkan diri melalui pengukuhan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat keluar dari kepompong kemiskinan. Sehingga 30 September 2015, 15,686 orang telah menerima manfaat daripada program ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM8,712,645.20.

Di bawah Tabung ini juga, Kerajaan telah memperuntukkan pemberian wang tunai sebanyak RM300 sebagai **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas** kepada setiap anak pekerja ladang bagi mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga. Sehingga kini sebanyak 1,477 pelajar telah mendapat manfaat daripada program ini.

Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2015 kepada **Tabung Biasiswa Selangorku** khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai galakan dan bantuan pembelajaran di universiti. Program Hadiah Anak Masuk Universiti diteruskan kepada keluarga yang berpendapatan

kurang RM3,000 sebulan. Kerajaan turut menawarkan 10 tempat di UNISEL untuk anak-anak orang asli yang dibiayai sepenuhnya kerajaan Negeri di bawah **Biasiswa Sagong Tasi**.

iv) **Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan**

Kerajaan turut menggerakkan usaha membantu golongan berpendapatan rendah dan pertengahan di luar bandar melalui **Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor**. Program ini dilaksanakan berdasarkan konsep memberi “pancing bukan ikan” supaya rakyat dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk melonjakkan diri menjana pendapatan dalam jangka masa panjang. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dua (2) institusi pendidikan iaitu INPENS International College, Kuala Selangor dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kuala Kubu Baru. Program ini mensasarkan golongan belia dan beliawanis desa, ibu tunggal dan suri rumah serta peniaga kecil-kecilan di desa.

a) Industri Komuniti Kampung

- Program Pembangunan Usahawan Kemahiran, INPENS;
- Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan minuman, ITKAU; dan
- Program Pembangunan Sebagai Juruterapi Komplimentari Berdaftar (KKM), Bidan Kampung Stimulatherapy & Terapi Kesihatan Lelaki.

b) Kursus Kemahiran Jangka Pendek

- Program Motosikal;
- Program Dandan Rambut;
- Program Penyujukbekuan & Penyamanan Udara;
- Program Jahitan;
- Program Kecantikan; dan
- Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan Minuman.

v) **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Program ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil.

Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga September 2015, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 2,386 orang.

vi) **Program Bantuan Perumahan**

Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin diwujudkan adalah khusus untuk membantu rakyat untuk mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami kepada golongan sasaran pendapatan seisi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dengan berpandukan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Program ini dilaksanakan di bawah Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin melalui dua (2) jenis bantuan iaitu :

- Bina baru rumah tiga (3) bilik beserta satu (1) bilik air dengan had siling RM35,000.00 bagi sebuah rumah; dan
- bantuan baikpulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bagi sebuah rumah.

Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki. Di bawah Program ini, kelulusan bagi sesebuah rumah adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin.

Selaras dengan hasrat Kerajaan ke arah 1Keluarga, 1Kediaman, Kerajaan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) telah memperuntukkan RM10 juta di bawah **Skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah** bagi membantu peneroka bandar memiliki rumah dengan konsep sewa dan milik.

Selain itu, Kerajaan turut berusaha meringankan beban rakyat untuk memiliki rumah pertama dengan mewujudkan **Skim Selangor Smart Home Buyers** menerusi pendahuluan bayaran deposit sebanyak sepuluh peratus bagi belian rumah Selangorku jenis B dan C.

vii) Penyediaan Kemudahan Pengangkutan Awam Percuma

Kerajaan turut menyediakan kemudahan pengangkutan awam melalui penyediaan perkhidmatan bas secara percuma 'Bas Smart Selangor' kepada komuniti di MBSA, MPSJ dan MPK yang telah mula dilaksanakan pada Julai 2015. Berdasarkan sambutan yang menggalakkan, perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi di kawasan MPAJ dan MPKj. Pelaksanaan ini telah dirangka dengan mengambil kira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah, keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGECUALIAN TNB UNTUK MENYEDIAKAN LAPORAN EIA DAN
SIA UNTUK PEMASANGAN TNB PYLON**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri meluluskan rayuan TNB supaya tidak menyediakan laporan EIA dan SIA untuk pemasangan TNB Pylon di Zon 24 MPAJ?
- b) Adakah TNB mengemukakan alasan bertulis sebab laluan bawah tanah untuk pemasangan kabel TNB Nasional Grid tidak boleh dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Projek yang dilaksanakan oleh TNB ini adalah merupakan kerja yang perlu dilaksanakan untuk masa hadapan. Ianya dilaksanakan di dalam rizab TNB. Ianya tidak melibatkan kerja tanah yang besar kecuali melibatkan pembinaan struktur pylon. Sekiranya terdapat gangguan hasil dari kerja yang dilaksanakan oleh TNB tindakan lanjut masih boleh diambil terhadap TNB.
- b) Di bawah bidang kuasa TNB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : KEMUDAHAN RIADHAH UNTUK WARGA EMAS DI SELANGOR

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang menyediakan tempat kemudahan riadah khas seperti di Jepun bagi mengekalkan keceriaan dan kecergasan minda agar mereka dapat terus menyumbang kepada negara?
- b) Mohon statistik warga Selangor berumur 60 tahun ke atas mengikut bangsa, kelulusan dan bidang kepakaran.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor sehingga kini tiada menyediakan tempat kemudahan riadah khas seperti di Jepun kepada warga emas. Namun demikian JKM sering menggalakkan konsep persekitaran bebas halangan (*Universal Design*) yang mana apabila disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun pemaju, maka semua golongan masyarakat samada warga emas, Orang Kurang Upaya ataupun kanak-kanak yang menggunakan kerusi sorong dapat akses kepada sesuatu lokasi dan dapat menikmati perkhidmatan yang disediakan seperti ke taman rekreasi, kompleks membeli belah ataupun ke tempat riadah.

Selain itu, bagi memastikan warga emas sentiasa cergas minda dan ceria, kerajaan melalui JKM Negeri Selangor telah menyediakan Pusat Aktiviti Warga Emas atau nama ringkasnya PAWE. Sehingga kini, Selangor mempunyai 3 (tiga) buah tempat Pusat Aktiviti Warga Emas adalah berikut:

1. Pusat Aktiviti Warga Emas Sabak Bernam;
2. Pusat Aktiviti Warga Emas Jenjarom, Kuala Langat;
3. dan Pusat Aktiviti Warga Emas Sungai Buloh, Petaling.

Pusat Aktiviti Warga Emas adalah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Pusat Aktiviti Warga Emas disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas dan sihat fizikal dan mental serta dapat menguruskan diri menjalankan aktiviti bagi terutamanya bagi mereka yang tinggal keseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga atau penjaga yang keluar bekerja. Dengan cara ini warga emas dapat terus hidup dengan keluarga sendiri atau penjaga. Perkhidmatan ini disediakan supaya warga emas dapat belajar berdikari, berinteraksi sesama mereka dan juga dengan

masyarakat tempatan. Di samping itu, warga emas turut memperolehi pengetahuan dan kemahiran serta terus dapat menumbang khidmat sukarela kepada masyarakat.

Pusat Aktiviti Warga Emas merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan.

Bagi memastikan warga emas di Pusat Aktiviti Warga Emas dapat berdikari dan berinteraksi sesama mereka dan masyarakat setempat, pelbagai aktiviti telah disediakan di pusat berkenaan seperti:

- program keagamaan dan kerohanian;
- program rekreasi dan sukan;
- program terapi dan pemulihan;
- pemeriksaan kesihatan;
- program ceramah kesihatan; dan
- latihan atau kursus yang bersesuaian.

OBJEKTIF PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS

- (a) Mempelbagaikan dan meluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas;
- (b) Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif;
- (c) Memberi ruang kepada warga emas agar dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka;
- (d) Menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan warga emas selaras dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)
- (e) Menyatupadukan pelbagai etnik/ kaum dan agama.

KONSEP PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS

- (a) Pusat Aktiviti Warga Emas merupakan program sokongan sosial atau pengintegrasian warga emas bersama dengan ahli keluarga dan komuniti setempat;
 - (b) Pusat pertemuan untuk warga emas menjalankan pelbagai aktiviti; dan
 - (c) Secara *localize* - menumpukan kepada kawasan perumahan, dan kawasan penduduk berkepadatan tinggi
- b) Mengikut rekod Skim Mesra Usia Emas, warga Selangor yang berumur 60 tahun dan ke atas dan telah berdaftar mengikut pecahan kaum sehingga 30hb September 2015 adalah seperti berikut:

KAUM	JUMLAH (ORANG)	PERATUSAN (%)
Melayu	93,908	38.53
Cina	109,987	45.13
India	37,763	15.49
Lain-lain	2076	0.85

Kerajaan Negeri tidak memiliki data berkaitan kelulusan dan bidang kepakaran warga Selangor yang berumur 60 tahun dan ke atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PELANTIKAN HAKIM SYARIE

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah syarat-syarat serta proses pelantikan seorang Hakim Syarie?

JAWAPAN:

- a) Pelantikan Ketua Hakim Syarie adalah tertakluk di bawah peruntukan seksyen 56 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) Tahun 2015 yang telah digazetkan pada 13 Mei 2015. Berdasarkan peruntukan tersebut, seorang Ketua Hakim Syarie akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis. Syarat kelayakan Ketua Hakim Syarie adalah seperti di bawah subseksyen 56 (2) dan (3) iaitu -
- i. seorang warganegara;
 - ii. dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau Pegawai Syariah dalam Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri atau
 - iii. kombinasi mana-mana jawatan tersebut; atau telah menjadi Peguam Syarie sesuatu Negeri selama tidak kurang daripada lima belas tahun.
 - iv. Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah adalah tertakluk di bawah seksyen 57 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan pelantikannya dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis dan Ketua Hakim Syarie. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah tersebut akan memegang jawatannya selama tempoh tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula sekiranya telah tamat tempoh tiga (3) tahun tersebut. Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah adalah tertakluk kepada peruntukan subseksyen 58(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) dan pelantikannya dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis dan Ketua Hakim Syarie. Syarat kelayakan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah adalah seperti di bawah subseksyen 58(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 iaitu –

- i. seorang warganegara Malaysia; dan
- ii. telah memegang selama sepuluh tahun jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau kombinasi mana-mana jawatan tersebut, atau Pegawai Syariah dalam Skim Perkhidmatan Am Awam Persekutuan dan Negeri; atau
- iii. telah menjadi Peguam Syarie sesuatu negeri selama tidak kurang daripada sepuluh tahun.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah juga akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Ketua Hakim Syarie. Pelantikan tersebut hendaklah dibuat di kalangan anggota perkhidmatan awam am Negeri atau perkhidmatan bersama seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 59 Enakmen yang sama. Proses pelantikan Hakim Syarie juga perlu diwartakan dalam Warta Rasmi Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENERUSI PENERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria dan prosedur lantikan Penerusi PeBT?
- b) Nyatakan tempoh sah jawatan penerusi PeBT?

JAWAPAN:

- a) Penerak Belia Tempatan (PeBT) ditubuhkan selaras dengan hasrat YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam usaha untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa sebagai ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor dan bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.


Sehubungan dengan itu, kriteria bagi pelantikan Penerusi dan Ahli Jawatankuasa PeBT Peringkat Zon adalah sebagaimana berikut :-

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur di antara 16 hingga 30 tahun semasa tarikh pelantikan dibuat;
- iii. Boleh berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Melayu. Kebolehan dalam Bahasa Inggeris adalah sangat digalakkan;
- iv. Mempunyai masa, tenaga dan bertanggungjawab dalam pembangunan belia di kawasannya;
- v. Aktif dalam berpersatuan dan penduduk kampung (boleh terdiri daripada penjawat awam);
- vi. Berkelakuan baik dan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah;
- vii. Ahli Jawatankuasa mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) wanita atau 30% daripada jumlah jawatan;

- viii. Ahli keluarga atau mempunyai pertalian persaudaraan rapat dengan Pengerusi PeBT peringkat Zon tidak dibenarkan untuk dilantik sebagai Timbalan Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa PeBT peringkat Zon tersebut;
- ix. Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa diwajibkan bermastautin di kawasan Zon tersebut semasa pelantikan; dan
- x. PeBT yang telah digugurkan atau telah meletak jawatan tidak layak untuk memohon atau dicalonkan pada penggal yang sama.

Manakala prosedur lantikan Pengerusi PeBT adalah berdasarkan kepada Tatacara Pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa PeBT Peringkat Zon sebagaimana berikut :-

TATACARA PELANTIKAN PENGGERAK PeBT PERINGKAT ZON



- b) Tempoh sah jawatan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa PeBT Peringkat Zon adalah selama 2 tahun di mana pelantikan dibuat setiap 2 tahun sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : PEMBINAAN FLYOVER DI SIMPANG BULATAN BANDAR SAUJANA
PUTRA JENJAROM**

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian semula di simpang Bulatan Jalan Raya Bandar Saujana Putra, Jenjarom untuk membina sebuah *flyover* demi menyuraikan kesesakan kenderaan, memandangkan kawasan itu merupakan *bottleneck* kesesakan jalan untuk ribuan penduduk tinggal di situ?

JAWAPAN:

- a) Terdapat perancangan untuk pembinaan *flyover* oleh pihak pemaju LBS sepertimana tertakluk di dalam perjanjian pembukaan rumah to BSP antara LLM dan PNSB. Pada masa ini difahamkan pihak mereka sedang dalam proses untuk menentukan nilai kos yang perlu dikongsi bersama pemaju-pemaju yang terlibat bagi membiayai pembinaan *flyover* tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PWB

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan PWB yang telah dibelanjakan kepada setiap DUN dan bagaimanakah komitmen ADUN untuk mengetahui aliran kewangan tersebut?
- b) Mengapakah di peringkat PWB telah memotong peruntukan sebanyak RM15,000 untuk diselenggarakan program berstruktur tanpa persetujuan dari pihak PWB DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat memandang serius dengan pembangunan akar umbi khususnya kepada golongan wanita dalam Negeri Selangor. Justeru itu, melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB), Kerajaan Negeri telah menyalurkan memperuntukkan sebanyak RM30,000.00 kepada setiap PWB bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita sepanjang tahun 2015. Peruntukan ini diletakkan dibawah bidang kuasa Pejabat Daerah bagi tujuan pemantauan dan memudahkan permohonan peruntukan pelaksanaan program-program oleh PWB mengikut tatacara dan peraturan kewangan semasa. Berikut adalah laporan perbelanjaan yang telah dilakukan oleh setiap PWB mengikut Daerah seperti di **Lampiran 1**.

Seperti yang semua sedia maklum, PWB ini diwujudkan mengikut kawasan Dewan Negeri (DUN) dan bersekali dengan manual prosedur operasi MOP). Sehubungan itu, perjalanan operasi PWB adalah mengikut peraturan dan tatacara seperti di dalam manual prosedur operasi tersebut.

Justeru itu, melalui format kertas kerja cadangan program yang akan dipohon oleh PWB DUN kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, proses yang perlu dilalui adalah kertas kerja itu perlu disemak dan disokong oleh Ahli Dewan Negeri (ADUN) atau Penyelaras DUN kawasan tersebut. Sehubungan itu, pihak ADUN atau Penyelaras DUN seharusnya terkait dalam urusan program-program PWB dan aliran kewangan PWB tersebut secara tidak langsung.

- b) Sejumlah RM30,000.00 telah diperuntukan kepada setiap DUN bagi tujuan pembangunan dan pemberdayaan wanita di kawasan tersebut. Program-program pembangunan dan pemberdayaan wanita terdiri daripada program berstruktur dan program tidak berstruktur.

Mengikut manual prosedur operasi (MPO) PWB, program dan aktiviti adalah meliputi 10 bidang fokus iaitu :

1. Kepimpinan wanita
2. Kefahaman Gender
3. Keselamatan dan Kesihatan Keluarga
4. Ekonomi Hawa dan pengurusan kewangan berhemah
5. Hak dan undang-undang wanita
6. Pendidikan dan Latihan
7. Sosial budaya dan agama
8. Pembangunan Keluarga
9. Sukan dan rekreasi
10. Alam sekitar dan kepenggunaan

Program berstruktur adalah program yang ditetapkan oleh pihak pejabat YB EXCO berdasarkan 10 bidang fokus berbentuk pemantapan ilmu dan latihan. Manakala program tidak berstruktur adalah program berbentuk kemahiran dan praktikal yang dikenalpasti oleh Penyelia PWB masing-masing.

Tidak timbul isu pemotongan peruntukan sebanyak RM15,000.00 tanpa persetujuan pihak PWB DUN seperti yang dimaksudkan oleh YB Seri Serdang kerana modul-modul ini perlu dilaksanakan disemua peringkat PWB DUN dan diselia oleh pihak pengurusan PWB, Pihak UPEN dan Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA SEHINGGA 16 OKTOBER 2015

DAERAH : HULU LANGAT

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	DUSUN TUA	30,000.00	3	6,828.00	22.8	23,172.00
2	KAJANG	30,000.00	6	8,400.00	28.0	21,600.00
3	BANGI	30,000.00	6	11,550.00	38.5	18,450.00
4	SEMENYIH	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
5	BALAKONG	30,000.00	3	6,500.00	21.7	23,500.00
6	BUKIT ANTARABANGSA	30,000.00	5	11,950.00	39.8	18,050.00
7	LEMBAH JAYA	30,000.00	6	12,250.00	40.8	17,750.00
8	TERATAI	30,000.00	12	18,050.00	60.2	11,950.00
9	CHEMPAKA	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
		270,000.00		80,528.00		189,472.00

DAERAH : GOMBAK

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	BATU CAVES	30,000.00	9	13,968.00	46.6	16,032.00
2	GOMBAK SETIA	30,000.00	4	9,496.00	31.7	20,504.00
3	HULU KLANG	30,000.00	2	4,996.00	16.7	25,004.00
4	KUANG	30,000.00	18	26,436.00	88.1	3,564.00

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA SEHINGGA 16 OKTOBER 2015

5	RAWANG	30,000.00	12	18,850.00	62.8	11,150.00
6	TAMAN TEMPLER	30,000.00	9	18,596.00	62.0	11,404.00
		180,000.00		92,342.00		87,658.00

DAERAH : HULU SELANGOR

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	BATANG KALI	30,000.00	5	8,900.00	29.7	21,100.00
2	KUALA KUBU BARU	30,000.00	5	8,270.00	27.6	21,730.00
3	HULU BERNAM	30,000.00	4	6,440.00	21.5	23,560.00
		90,000.00		23,610.00		66,390.00

DAERAH : KLANG

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	MERU	30,000.00	3	7,500.00	25.0	22,500.00
2	SEMENTA	30,000.00	8	19,000.00	63.3	11,000.00
3	SUNGAI PINANG	30,000.00	8	14,800.00	49.3	15,200.00
4	SELAT KLANG	30,000.00	2	5,000.00	16.7	25,000.00
5	PELABUHAN KLANG	30,000.00	7	11,240.00	37.5	18,760.00
6	PANDAMARAN	30,000.00	8	16,034.67	53.4	13,965.33

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA SEHINGGA 16 OKTOBER 2015

7	SERI ANDALAS	30,000.00	2	5,000.00	16.7	25,000.00
8	KOTA ALAM SHAH	30,000.00	2	5,000.00	16.7	25,000.00
9	SRI MUDA	30,000.00	3	7,500.00	25.0	22,500.00
		270,000.00		91,074.67		178,925.33

DAERAH : KUALA LANGAT

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	TG SEPAT	30,000.00	6	13,460.00	44.9	16,540.00
2	MORIB	30,000.00	10	24,965.00	83.2	5,035.00
3	TELOK DATOK	30,000.00	5	14,450.00	48.2	15,550.00
4	SIJANGKANG	30,000.00	5	5,000.00	16.7	25,000.00
		120,000.00		57,875.00		62,125.00

DAERAH : KUALA SELANGOR

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	SUNGAI BURONG	30,000.00	3	6,500.00	21.7	23,500.00
2	PERMATANG	30,000.00	6	13,050.00	43.5	16,950.00

Lampiran 1**LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA SEHINGGA 16 OKTOBER 2015**

3	IJOK	30,000.00	5	7,850.00	26.2	22,150.00
4	JERAM	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
5	BUKIT MELAWATI	30,000.00	3	3,620.00	12.1	26,380.00
		150,000.00		33,520.00		116,480.00

DAERAH : PETALING

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	SERI KEMBANGAN	30,000.00	9	13,236.00	44.1	16,764.00
2	SERI SERDANG	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
3	KINRARA	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
4	SUBANG JAYA	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
5	SERI SETIA	30,000.00	3	6,500.00	21.7	23,500.00
6	TAMAN MEDAN	30,000.00	5	6,800.00	22.7	23,200.00
7	BUKIT GASING	30,000.00	8	16,800.00	56.0	13,200.00

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA SEHINGGA 16 OKTOBER 2015

8	KAMPUNG TUNKU	30,000.00	3	7,566.45	25.2	22,433.55
9	DAMANSARA UTAMA	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
10	BUKIT LANJAN	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
11	PAYA JARAS	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
12	KOTA DAMANSARA	30,000.00	1	2,500.00	8.3	27,500.00
13	KOTA ANGERIK	30,000.00	6	4,390.00	14.6	25,610.00
14	BATI TIGA	30,000.00	2	3,460.00	11.5	26,540.00
		420,000.00		76,252.45		343,747.55

DAERAH : SABAK BERNAM

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	SUNGAI AIR TAWAR	30,000.00	5	14,870.00	49.6	15,130.00
2	SUNGAI PANJANG	30,000.00	15	24,410.00	81.4	5,590.00
3	SABAK	30,000.00	8	17,720.00	59.1	12,280.00

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA SEHINGGA 16 OKTOBER 2015

4	SEKINCHAN	30,000.00	9	24,363.00	81.2	5,637.00
		120,000.00		81,363.00		38,637.00

DAERAH : SEPANG

BIL.	DUN	PERUNTUKAN 2015 (RM)	BILANGAN PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1	DENGKIL	30,000.00	5	11,500.00	38.3	18,500.00
2	SUNGAI PELEK	30,000.00	11	18,800.00	62.7	11,200.00
		60,000.00		30,300.00		29,700.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SISTEM I-WORKFARE

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah data bersepadu yang dikumpulkan menerusi Sistem I Workfare mengikut kategori dan pecahan daerah.
- b) Sejauh manakah data ini digunakan untuk memadankan kerja dengan golongan yang berpendapatan rendah dan perlukan bantuan kebajikan?
- c) Apakah kekangan yang dihadapi menggunakan sistem ini?

JAWAPAN:

- a) Sistem IWorkfare dibangunkan bertujuan mengumpul dan merekod data-data bantuan yang diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor yang terlibat kepada rakyat Selangor.

Jumlah data bersepadu yang dikumpulkan menerusi Sistem IWorkfare mengikut kategori seperti berikut;

Bil	Kategori	Jumlah Penerima
1	Kerajaan Negeri	328,729
2	Program MES	592,676
3	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	1,179
4	Pejabat Tanah Daerah (PTD)	0
	Jumlah	922,584

Manakala bagi pecahan daerah pula, Sistem IWorkfare tidak merekod data mengikut pecahan daerah.

- b) Berdasarkan data-data bantuan yang diterima daripada agensi, tiada rekod pendapatan yang disertakan. Oleh yang demikian kerja pepadanan dengan golongan yang berpendapatan rendah dan perlu bantuan tidak dapat dilaksanakan.

- c) Antara kekangan yang dihadapi dalam menggunakan Sistem IWorkfare adalah seperti berikut;
- i) Daripada sudut pandangan YAWAS, komitmen yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan Negeri yang terlibat dalam program ini amat kurang walaupun latihan penggunaan sistem telah diberi sebanyak 2 kali. Setiap pengguna dalam agensi turut dibekalkan dengan ID Pengguna untuk log masuk sistem. Namun, ianya masih tidak digunakan seolah-olah tidak berminat untuk menggunakan sistem ini.
 - ii) Terdapat data yang diterima daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat didapati tidak mengisi maklumat yang diperlukan dalam sistem dengan lengkap mengikut format yang disediakan. Ini disebabkan semasa bantuan diberikan, agensi tidak merekod maklumat dengan betul dan lengkap. Oleh itu YAWAS hanya memasukkan data-data yang ada seperti yang diberikan oleh agensi ke dalam Sistem IWorkfare.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DESA BERSEPADU

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program pembangunan desa bersepadu?
- b) Siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kajian ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara sedang dirangka oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertujuan seperti berikut;
 - i) Menterjemahkan dasar-dasar pembangunan desa kepada pelan fizikal yang berdaya laksana;
 - ii) Membentuk matlamat, dasar dan perancangan spatial desa yang bersepadu seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;
 - iii) Mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan Bandar-Luar Bandar;
 - iv) Menyelaraskan keputusan pelbagai agensi kerajaan dan swasta; dan
 - v) Menyediakan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan setiap dasar.

Selaras dengan itu, di peringkat Negeri Selangor, perincian dasar dan pelaksanaan program pembangunan desa akan ditingkatkan melalui RMK11 bagi melonjak ekonomi dan pertumbuhan desa yang lebih berdaya tahan (*resilient rural area*), inovatif dan kreatif bagi mendepani cabaran dan kepesatan pembangunan.

Dalam konteks kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 pula, di bawah **Dasar MP9 iaitu Petempatan Desa Perlu Dirancang dan Dibangunkan Secara Bersepadu dengan Pembangunan Bandar** adalah satu dasar khusus yang telah dikenalpasti untuk memastikan pembangunan desa terus memacu pertumbuhan fizikal dan ekonomi negeri yang memberi manfaat kepada rakyat dan negeri Selangor. Lanjutan dari itu, Kerajaan Negeri dalam RMK 11, dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan akan memberi fokus untuk menyediakan kajian khusus secara terperinci berkaitan pembangunan desa bersepadu. Antara lain nya, penyediaan sistem maklumat yang lengkap, aktiviti

ekonomi dan kajian inventori secara terperinci bagi kemudahan infrastruktur dan awam di samping mencadangkan penambahbaikan persekitaran dalam usaha untuk meningkatkan kemampuan daya saing, faktor kemahiran modal insan dan ekonomi penumpuan bagi memperoleh penggunaan sumber secara optimum dan menggalakkan daya inovatif dan kreatif.

Di peringkat Rancangan Tempatan pula sektor pembangunan desa ini terus diberi perhatian yang khusus dan dikaji secara terperinci dari segi pelaksanaan dan menambahbaik kawasan-kawasan desa untuk menjana ekonomi dan menambah persekitaran. Sebagai contoh dalam Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam 2025 terdapat beberapa agenda yang melibatkan pembangunan desa di Sabak Bernam yang telah dirangka antaranya ialah Memperkukuhkan Pelancongan, Memperluaskan Hab dan Sistem Pengangkutan, Meningkatkan Ekonomi, Menjadikan Hab Industri Agro Sabak (HIAS) dan Nadi Sabak. Kesemua agenda ini dikenalpasti bagi memacu dan melonjakkan pembangunan desa ke arah yang lebih baik.

- b) Bagi penyediaan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara yang sedang dirangka adalah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Manakala, bagi kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bersama agensi-agensi teknikal terlibat. Di peringkat tempatan pula, penyediaan kajian Rancangan Tempatan telah disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : BEKALAN AIR DI NEGERI SELANGOR

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan secara terperinci apakah perkembangan terkini rundingan penstrukturan air?
- b) Sila nyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan air terawat sentiasa mencukupi?
- c) Sila huraikan perkembangan terkini Pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 ?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : MASALAH ANJING ANJING LIAR DI DUN MERU.

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan tindakan kesediaan dan pencegahan Majlis Perbandaran Klang menangani masalah anjing liar yang berterusan?
- b) Berapakah bilangan aduan diterima serta tindakan dan jangkaan masa diambil setiap aduan?
- c) Bagaimanakah dipastikan, anjing liar bebas dari pembawa 'rabies'?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang telah menggariskan beberapa pelan tindakan dan pencegahan bagi menangani masalah anjing liar yang berterusan iaitu:
 - i. Menjalankan operasi penangkapan anjing berkeliaran sekurang – kurangnya satu (1) kali seminggu. Operasi ini akan melibatkan keseluruhan anggota tangkapan anjing tertumpu di satu – satu kawasan 'hotspot'.
 - ii. Menjalankan tangkapan anjing liar dengan dua (2) kaedah iaitu menggunakan gelung dan perangkap di mana perangkap boleh membantu tangkapan di lokasi – lokasi yang sukar dimasuki oleh anggota tangkapan seperti semak – samun, kawasan perkampungan, perumahan berpagar dan kawasan lapang.
- b) Bilangan aduan anjing liar yang diterima sehingga September 2015 ialah 1492 aduan dan akan diambil tindakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.
- c) Majlis Perbandaran Klang telah meletakkan syarat di dalam permohonan lesen anjing di mana setiap anjing yang dipelihara perlu mendapatkan suntikan dan pemeriksaan dari Pegawai Veterinar yang diiktiraf.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : FFF2015 (FREEDOM FILM FESTIVAL 2015)

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian dan polisi Kerajaan Selangor terhadap FFF2015?
- b) Apakah bentuk sokongan Kerajaan terhadap FFF2015?
- c) Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan unit khas bagi mengukuhkan kerjasama dengan KOMAS, iaitu penganjur utama FFF?

JAWAPAN:

- a) *Freedom Film Festival 2015* (FFF2015) merupakan salah satu inisiatif pendidikan hak asasi manusia oleh Kerajaan Negeri dalam konteks "Membudayakan Masyarakat Prihatin" dengan kerjasama pihak NGO seperti Pusat Komunikasi Masyarakat (Pusat KOMAS) atau lebih dikenali sebagai KOMAS melalui penganjuran pertandingan filem-filem pendek berkaitan hak asasi manusia di dalam FFF.

Kerajaan Negeri melihat filem-filem yang dihasilkan sepanjang kerjasama ini adalah satu hasil kerja yang perlu dimanfaatkan untuk kebaikan rakyat negeri dalam "Membudayakan Masyarakat Prihatin" supaya kesedaran demokrasi yang sihat dapat dipertingkatkan di dalam masyarakat melalui tayangan-tayangan umum yang berskala kecil atau sederhana serta sesi diskusi yang melibatkan pimpinan serta wakil-wakil masyarakat di dalam sesebuah komuniti. Kesedaran demokrasi yang sihat perlu diwujudkan di kalangan rakyat Negeri Selangor yang mempunyai tiga komposisi kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India supaya rakyat negeri ini dapat hidup dengan penuh harmoni dan sejahtera serta menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

- b) Pada penganjuran FFF2015 kali ini, Kerajaan Negeri telah mengangkat FFF2015 sebagai acara utama di dalam pengisian program Kota Seni Petaling Jaya pada tahun 2015. Ini merupakan satu perkembangan sihat dan langkah terbaik yang pernah diambil oleh Kerajaan Negeri semenjak menyokong penganjuran FFF bermula tahun 2010 sehingga kini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan telah memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 sebagai tanda sokongan Kerajaan Negeri terhadap penganjuran FFF2015 ini.

- c) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak melihat keperluan mewujudkan unit khas bagi mengukuhkan kerjasama dengan KOMAS. Namun demikian, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan sentiasa menyokong dan bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik dengan pihak KOMAS serta mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : ORANG ASLI

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan Kerajaan Negeri kepada muallaf orang Asli?
- b) Nyatakan keluasan hasil pemetaan komuniti tanah Adat Orang Asli untuk tahun 2015?
- c) Apakah projek pembangunan yang boleh disegerakan di kawasan Orang Asli yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Keluasan rizab Orang Asli yang terkini yang diukur adalah 300. Seluas 333.78 ekar ianya berada di daerah Hulu Selangor dan Kuala Langat. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui MMKN yang Ke 31/2015 pada 22 September 2015 secara dasarnya telah meluluskan permohonan pewartaan penempatan Orang Asli dan tindakan untuk proses pewartaan sedang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Sepang. Tanah Rizab tersebut seluas 210.257 ekar yang terdiri daripada tiga kampung Orang Asli di Daerah Sepang.

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor berusaha dalam proses, peringkat proses untuk mendapatkan pelan pra-hitung tanah Orang Asli bagi tujuan pewartaan sebagai rizab Orang Asli. Anggaran masa untuk proses ini adalah daripada permulaan pemetaan komuniti dan pemetaan pelan pra-hitungan boleh mengambil masa sebanyak selama satu tahun. Antara kawasan-kawasan tersebut yang dalam proses untuk mendapat pelan pra-hitungan adalah seperti Kampung Orang Asli Pulau Banting, Kampung Orang Asli Kepau Laut.

kedua-duanya di Daerah Kuala Langat. Di Daerah Sepang adalah Kampung Orang Asli Jambu, Kampung Orang Asli Bukit Tampoi Tasek Seberang dan Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sungai Pelek dan jumlah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membuat pelan pra-hitungan adalah RM191,828.20. Lokasi-lokasi Kampung Orang Asli yang dalam tindakan untuk mendapat sebut harga bagi penyediaan pelan pra-hitungan adalah:-

1. Kampung Orang Asli Sungai Kelubi
2. Kampung Orang Asli Sungai Naning

Kedua-duanya di Hulu Selangor dan juga di Hulu Langat *respectively* dengan izin dan Kampung Orang Asli Bukit Jenok dan Kampung Orang Asli Galor di Daerah Sepang.

Jadi kita sedang tunggu sebut harga daripada syarikat-syarikat yang berkenaan dan soalan daripada Damansara Utama macam mana Kerajaan boleh mempercepatkan proses penggazetan tanah rizab Orang Asli sebenarnya prosesnya bukan senang dan bukan cepat ianya adalah satu proses di mana ada beberapa peringkat dan setakat ini KPI ataupun fokus *target* kita untuk menggazetkan beberapa kampung-kampung Orang Asli di Negeri Selangor adalah menepati masa yang dirancangkan.

Dengan izin, Tuan Speaker, saya juga ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 252 daripada Yang Berhormat Jeram tentang Orang Asli juga, soalan pokoknya adalah berkenaan bantuan Kerajaan Negeri kepada Mualaf Orang Asli yang melalui MAIS pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

1. Bantuan bina rumah, 48 bilangan rumah. Amaun yang dikeluarkan oleh MAIS adalah RM2.669 juta.
2. Bantuan modal perniagaan berjumlah RM48.4 ribu. Maksudnya empat puluh lapan ribu empat ratus ringgit.
3. Bantuan pendidikan kepada 17 mahasiswa ataupun pelajar mualaf Orang Asli jumlahnya adalah RM104,200.00.

Selain daripada itu terdapat pelbagai bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak MAIS kepada asnaf mualaf Selangor termasuk Orang Asli seperti bantuan bulanan sebanyak RM300.00 bagi individu mualaf berumur 18 tahun ke atas dan tambahan RM100.00 bagi setiap tanggungan Ketua Keluarga.

Jumlah soalan kedua daripada Jeram adalah jumlah keluasan hasil pemetaan komuniti tanah adat Orang Asli untuk tahun ini adalah 3,779.33 ekar yang terdiri daripada kawasan penempatan Orang Asli dan juga kawasan rayau Orang Asli dan untuk tahun 2014 dan tahun 2015 kita telah adakan beberapa program ataupun projek pembangunan untuk dua-dua tahun ini kita fokus

kepada satu projek yang dipanggil projek tanpa rumah. Maksudnya kita, bantu membina rumah baru yang dirosakkan kerana dirosakkan oleh bencana banjir ke, api dan sebagainya ataupun yang amat-amat miskin. Jadi jumlah unit yang dibina untuk tahun 2014 adalah 13 unit berjumlah RM257,000.00 dan untuk tahun 2015 kita dalam proses untuk membina 21 unit rumah di Negeri Selangor khasnya untuk Orang Asli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROJEK PJ SENTRAL

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PKNS telah kehilangan peluang keemasan untuk mengetuai pembangunan semula sebidang tanah di Petaling Jaya yang sekarang dikenali sebagai PJ Sentral. Apakah langkah-langkah remedi dalaman yang telah diambil oleh PKNS untuk mengelakkan kesilapan yang sama daripada berulang?

JAWAPAN:

- a) Dari segi strategi pembangunan, PKNS telah membentuk perancangan lima (5) tahun melalui Pelan Perancangan Strategik PKNS 2015-2019. Di mana PKNS akan melaksanakan projek-projek pembangunannya sendiri tanpa melibatkan usahasama dengan syarikat-syarikat swasta.

Bagaimanapun, jika usahasama tidak boleh dielakkan, langkah-langkah remedi dalaman yang telah diambil oleh PKNS bagi melaksanakan pembangunan secara usahasama bersama syarikat-syarikat swasta adalah dengan menambah baik prosedur penilaian terhadap syarikat-syarikat yang berminat untuk berkerjasama dengan PKNS melalui pelaksanaan kaedah-kaedah seperti berikut :

- (i) *Request for Information (RFI)*,
- (ii) *Request for Qualification (RFQ)*,
- (iii) Pra Kelayakan (*Pre-Qualification*) dan,
- (iv) *Request for Proposal (RFP)*

Selain daripada itu juga, PKNS telah membuat penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur sedia ada bagi memperkukuhkan akauntabiliti dan tadbir urus yang mana PKNS telah menubuhkan Bahagian Perolehan, Bahagian Pengurusan Organisasi dan Integriti serta Jawatankuasa Integriti peringkat Perbadanan dan mewujudkan Manual Tadbir Urus Korporat (*Corporate Governance Manual*) .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : KESELAMATAN DI KAWASAN-KAWASAN PEMBANGUNAN YANG
PEMAJU "GULUNG TIKAR"**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi bangunan yang belum diserahkan, siapakah yang bertanggungjawab dari segi keselamatan kawasan tersebut?
- b) Bolehkah kerajaan negeri memasang lampu di kawasan tersebut supaya pelbagai gejala negatif dapat dielakkan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, keselamatan bangunan yang belum diserahkan adalah di bawah tanggungjawab pelikuidasi (*liquidator*) yang dilantik oleh pihak mahkamah untuk menjaga keselamatan kawasan tapak bina yang terbengkalai. Walau bagaimanapun, PBT akan memantau pihak penglikuidasi secara berterusan untuk memastikan langkah-langkah keselamatan di kawasan pembinaan diambil.
- b) Kerajaan Negeri melalui PBT boleh mengarahkan pemaju untuk menyediakan lampu jalan di kawasan yang berisiko mendatangkan gejala negatif sekiranya PBT ada menerima aduan daripada orang awam. Kerajaan Negeri dalam proses untuk menyalurkan peruntukan bagi memasang lampu jalan yang baru di kawasan *hot spot* jenayah dan/ atau kawasan kemalangan. Pihak PBT masih dalam peringkat mengenalpasti dan menentukan lokasi yang bersesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KEMUDAHAN AWAM DI LUAR BANDAR

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah kemudahan awam di luar bandar?
- b) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri bagi menyediakan kemudahan awam di luar bandar pada tahun 2015, dan berapakah yang telah dibelanjakan sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap pembangunan luar bandar di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02007 - Penyelenggaraan Jalan Kampung** khas untuk menaiktaraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah Negeri Selangor, serta peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02004 - Kemudahan Asas Desa** untuk kemudahan asas desa yang boleh digunakan bagi projek menaiktaraf balairaya mengikut keperluan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri buat masa ini menekankan kepada pemerksaan dan pemulihan kemudahan awam yang sedia ada. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi telah mengarahkan setiap Pejabat Daerah dan Ketua-ketua kampung Tradisi untuk mengenal pasti jalan-jalan luar bandar yang perlu di baik pulih atau dinaiktaraf serta dewan orang ramai yang perlu dibaikpulih.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk memasang mercu tanda di setiap kampung tradisi di seluruh Negeri Selangor iaitu sebanyak 368 buah kampung dengan jumlah RM1.84 juta menggunakan peruntukan Tabung Amanah Pembangunan Desa. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan Dataran Niaga berjumlah RM1.35 juta dengan pembinaan berperingkat Satu Daerah Satu Dataran Niaga juga menggunakan peruntukan Tabung Amanah Pembangunan Desa.

- b) Cadangan bagi projek infrastruktur luar bandar ini adalah bertetapan dengan dasar Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih secara berkala bagi semua aset-aset tak alih luar bandar Kerajaan Negeri.

Projek Infrastruktur Luar Bandar di bawah Kemudahan Asas Desa ini merangkumi kerja-kerja yang melibatkan membaik pulih jalan kampung dan longkang serta membaik pulih dewan/balairaya dan jambatan untuk semua daerah Negeri Selangor.

Selaras dengan perkara tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM16 juta untuk tahun 2015 bagi tujuan pembangunan luar bandar ini. Walau bagaimanapun, kelulusan sesuatu projek adalah tertakluk kepada keperluan serta kewajaran kos projek yang dicadangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK PENCAWANG MASUK UTAMA (PMU) TNB

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan bantahan rakyat terhadap projek PMU TNB sejak 2008.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan daripada pihak MDHS untuk mengubah laluan projek PMU Ayer Tawar ke PMU Bentong (S) yang melibatkan Daerah Hulu Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Secara dasarnya MDHS telah meminda laluan rentis TNB dari Tapah ke Bentong dengan beberapa pindaan yang telah dipersetujui oleh MDHS dan TNB. Pindaan - pindaan tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan bagi memelihara produk pelancongan daerah Hulu Selangor serta kawasan sensitif alam sekitar di Hulu Selangor.

Kini pihak TNB sedang dalam proses untuk pengukuran semula laluan yang telah diubah setelah selesai proses ukuran cadangan imi akan di kemukakan semula kepada pihak MDHS untuk mendapatkan kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : TAPAK CADANGAN MASJID BUKIT RAHMAN PUTRA, MUKIM
SUNGAI BULOH 1, DAERAH PETALING**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat pemantauan dari pihak Jais berkenaan tapak masjid yang telah di salah guna?
- b) Apakah tindakan susulan daripada pihak JAIS berkenaan tapak tersebut?
- c) Bilakah pihak JAIS dan kerajaan negeri akan memulakan pembinaan masjid tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sentiasa melaksanakan pemantauan berkala bagi tanah-tanah di bawah kawalan Pengarah JAIS. Walau bagaimanapun, jumlah kakitangan bagi tujuan ini adalah terhad. Buat masa ini tapak masjid tersebut dalam keadaan terkawal dan aktiviti baikpulih tanah sedang dijalankan.
- b) Pihak JAIS akan melaksanakan pemantauan secara berkala bagi semua tapak keagamaan Islam.
- c) Buat masa ini, pembinaan masjid tersebut tidak tersenarai di dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA PERBADANAN MENTERI BESAR (MBI)

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan objektif penstrukturan semula anak syarikat MBI?
- b) Nyatakan anak syarikat yang terlibat dan perubahan yang dilakukan selepas penstrukturan semula tersebut?

JAWAPAN:

- a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) bertanggungjawab menjadi pemegang amanah terhadap aset-aset serta pelaburan Kerajaan Negeri selain melaksanakan dasar serta polisi Kerajaan Negeri.

Ketika ini, MBI masih tidak menjana pulangan optima khususnya daripada segi dividen kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai fungsi bertindih dan tidak dapat memberi fokus kepada aset dan pelaburan.

Selepas penstrukturan semula anak-anak syarikat ini, MBI akan memberi lebih fokus kepada soal kebajikan dan kemakmuran rakyat di Selangor menerusi program-program seperti Hijrah, Wifi Selangorku, UNISEL, YAWAS dan sebagainya.

Peranan MBI akan menjadi lebih jelas dan nyata untuk tujuan perancangan dan strategi.

Penubuhan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) sebagai sebuah entiti korporat pula akan membolehkan MBI memberi tumpuan sepenuhnya kepada aspek tanggungjawab sosial manakala DEIG berfungsi sebagai syarikat induk pelaburan 100 peratus milik MBI dan mempunyai objektif lebih fokus untuk memberi sumbangan signifikan kepada Kerajaan Negeri melalui pengurusan yang mampan dan profesional serta mematuhi piawaian pentadbiran korporat di peringkat tertinggi.

- b) Penstrukturan semula ini membabitkan anak-anak syarikat MBI terlebih dulu di mana anak-anak syarikat MBI akan diletakkan di bawah kluster yang khusus seperti sektor pembangunan hartanah; pengurusan aset dan kemudahan; infrastuktur; pasir dan galian; telekomunikasi dan media; pengurusan sisa pepejal; pendidikan dan sektor-sektor yang lain yang berupaya memberi impak strategik kepada kerajaan negeri.

Pengasingan kelompok ini dilakukan supaya duplikasi aktiviti ekonomi tidak lagi wujud, '*economies of scale*' dapat dicipta dan '*corporate efficiency and responsibility*' dapat ditingkatkan.

Apabila aset-aset ini distruktur semula secara komprehensif dan sistematik, pulangan pelaburan kepada Kerajaan Negeri sudah pasti dapat ditingkatkan dan dimaksimakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : HAK MILIK STRATA

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk melaksanakan pembaharuan cara pemberian hak milik strata di bawah akta baru?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan pegawai supaya hak milik strata boleh dikeluarkan mengikut SOP sebelum bangunan siap?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah bersedia untuk melaksanakan pembaharuan cara pemberian hakmilik strata di bawah Akta Hakmilik Strata Pindaan 2013 [Akta A 1450].
- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri melihat tiada keperluan untuk menambah kakitangan. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu bagi memastikan kelancaran pengeluaran Hakmilik Strata mengikut Akta Hakmilik Strata Pindaan 2013 [Akta A1450], Kerajaan Negeri bersedia untuk melantik kakitangan tambahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PENERANGAN KERAJAAN NEGERI

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari Akhbar Selangorkini, apakah medium lain untuk penerangan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha memberi penerangan kepada rakyat kerajaan negeri turut menggunakan medium elektronik selain media cetak seperti laman sesawang rasmi YAB Dato' Menteri Besar dan media selangorku.com atau lebih dikenali dengan TVSelangor. Selain itu laman sesawang rasmi kerajaan negeri juga turut memainkan peranan yang penting dalam usaha ini. Dianggarkan laman sesawang rasmi ini mencapai 3 ribu pelawat dalam masa sehari.

Sebaran maklumat program kerajaan negeri Selangor disebarkan menerusi pelbagai medium media massa sama ada secara atas talian, televisyen ataupun akhbar. Selain menggunakan agensi milik kerajaan negeri Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) kerajaan negeri juga turut menggunakan laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri melalui pautan <http://selangor.gov.my> yang dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM).

Selain dari itu, kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memasang beberapa *billboard* milik PBT di lokasi tertentu dalam usaha tersebut. Sesi pertemuan diantara ADUN-ADUN dan Penyelaras DUN serta wakil-wakil pimpinan peringkat akar umbi juga memainkan peranan dalam memberi maklumat dasar Kerajaan Negeri.

Program Turun Padang YAB Dato' Menteri Besar di setiap daerah seluruh Selangor juga turut sama memberi penerangan secara berkelompok terus kepada rakyat.

Kerajaan Negeri juga menjalin hubungan kerjasama dengan akhbar-akhbar tempatan dalam menyebarkan lagi penerangan dasar kerajaan Negeri melalui wawancara khas serta pengiklanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HADIAH MASUK UNIVERSITI

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sumber bagi membiayai kos hadiah ini?
- b) Berapakah pecahan penerima hadiah tersebut mengikut DUN?
- c) Berapakah peratusan anak Selangor yang layak tetapi tidak memohon pemberian hadiah?

JAWAPAN:

- a) Sumber kewangan bagi membiayai kos Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) adalah dari sumber hasil negeri, melalui kutipan-kutipan cukai.
- b) Sejumlah 7,870 telah menerima hadiah tersebut di 56 DUN bagi tahun 2014 di mana jumlah mengikut kaum adalah:

Melayu: 6,126 orang

Cina : 974 orang

India: 702 orang

Lain-lain: 68 orang

Maklumat terperinci bagi setiap DUN bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

DUN	2014				JUMLAH
	M	C	I	L	
BALAKONG	72	26	5	0	103
BANGI	123	11	10	0	144
BATANG KALI	150	10	11	2	173
BATU CAVES	104	9	14	4	131
BATU TIGA	214	10	19	1	244
BUKIT ANTARABANGSA	61	10	1	2	74
BUKIT GASING	17	10	3	1	31
BUKIT LANJAN	23	4	11	0	38
BUKIT MELAWATI	80	13	24	1	118
CHEMPAKA	75	4	4	1	84
DAMANSARA UTAMA	12	6	1	1	20

DENGKIL	100	9	14	1	124
DUSUN TUA	109	8	3	2	122
GOMBAK SETIA	128	6	6	2	142
HULU BERNAM	58	5	3	0	66
HULU KELANG	75	0	2	0	77
IJOK	55	12	7	0	74
JERAM	150	12	7	1	170
KAJANG	112	24	8	2	146
KAMPUNG TUNKU	12	5	4	0	21
KINRARA	77	14	8	0	99
KOTA ALAM SHAH	40	23	18	2	83
KOTA ANGGERIK	205	14	18	0	237
KOTA DAMANSARA	94	8	8	0	110
KUALA KUBU BAHARU	33	16	7	0	56
KUANG	57	3	9	0	69
LAIN-LAIN	1	1	1	0	3
LEMBAH JAYA	105	7	12	2	126
MERU	210	26	10	0	246
MORIB	116	22	10	0	148
PANDAMARAN	61	65	18	0	144
PAYA JARAS	100	8	6	1	115
PELABUHAN KLANG	149	32	36	0	217
PERMATANG	78	10	2	1	91
RAWANG	75	26	13	1	115
SABAK BERNAM	134	12	0	0	146
SEKINCHAN	63	39	3	0	105
SELAT KLANG	156	13	9	0	178
SEMENTA	155	27	35	1	218
SEMENYIH	79	12	10	5	106
SERI ANDALAS	145	28	66	2	241
SERI KEMBANGAN	14	31	5	0	50
SERI MUDA	159	4	32	0	195
SERI SERDANG	121	6	20	2	149
SERI SETIA	96	4	29	2	131
SIJANGKANG	154	17	18	1	190
SUBANG JAYA	37	8	7	0	52
SUNGAI AIR TAWAR	99	7	0	0	106
SUNGAI BURONG	124	9	1	0	134
SUNGAI PANJANG	108	17	1	1	127
SUNGAI PELEK	44	22	8	0	74
SUNGAI PINANG	71	39	4	0	114
TAMAN MEDAN	190	4	16	1	211

TAMAN TEMPLER	103	7	11	3	124
TANJUNG SEPAT	102	28	6	1	137
TELUK DATUK	196	79	30	5	310
TERATAI	645	92	58	16	811
JUMLAH					7870

- c) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat khusus bagi anak Selangor yang layak tetapi tidak memohon pemberian hadiah. Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan di sini, bagi tahun 2013, seramai 6,627 pelajar daripada anak Selangor telah menerima HPIPT. Ini bersamaan 78% daripada keseluruhan jumlah permohonan yang diterima sebanyak 8,506.

Bagi tahun 2014 pula, seramai 7,886 orang atau 86% daripada 9,179 orang pemohon telah layak dan diluluskan permohonan HPIPT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN TANGKI PERKHIDMATAN

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tangki perkhidmatan air yang telah terbengkalai di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan
- b) Nyatakan perancangan kerajaan untuk membaikpulih tangki-tangki tersebut terutamanya tangki yang terletak di Taman Putra Budiman dan Bukit Belimbing

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan kolam-kolam air dan tangki simpanan ini di seluruh negeri Selangor, wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di bawah pengurusan SYABAS adalah berjumlah 1,565. Daripada jumlah tersebut, hanya 68 buah kolam dan tangki simpanan yang tidak digunakan atas pelbagai faktor.

Bukan semua tangki yang terbengkalai akan di baik pulih. Tangki yang terbengkalai kerana paip pintasan tanpa melalui kolam-kolam air. Tindakan ini dilakukan kerana sumber bekalan air terawat yang tidak mencukupi menyukarkan proses menaikkan paras kolam air simpanan sebelum air disalurkan ke kawasan pengguna.

Manakala, tangki yang mempunyai kerosakan kerana struktur, termasuk perkakas mekanikal dan elektrik, disebabkan usia dan vandalisme akan dibaiki setelah peruntukan diteliti dan dibaiki mengikut keutamaan perbelanjaan modal yang bakal diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

- b) **Tangki Air Bukit Belimbing** - Sedang dalam proses untuk di baik pulih oleh SYABAS. **Tangki Air Taman Putra Budiman** - Sedang dalam proses kajian SYABAS untuk diguna semula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : BANTUAN

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandang senario kegawatan ekonomi dan bebanan tambahan ekoran cukai GST, adakah kerajaan negeri akan menambah bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah?
- b) Apakah skim bantuan khusus bagi yang perlu rawatan berterusan seperti kanser, thalasemia major, kes orthopaedik?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Negara kita kini sedang berhadapan dengan kelembapan ekonomi susulan daripada ketidaktentuan ekonomi global yang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kejatuhan harga minyak, naik turun nilai mata wang serta risiko geopolitik. Ini secara tidak langsung telah memberi kesan/ impak terhadap pembangunan ekonomi Negeri Selangor dan rakyat Negeri Selangor secara khususnya. Selain itu, pelaksanaan GST juga didapati memberi kesan/ impak terhadap kehidupan seharian rakyat Malaysia secara amnya dan golongan berpendapatan rendah khususnya memandangkan rakyat terpaksa menanggung kesan kenaikan harga barang secara mendadak. Ini akhirnya akan mengurangkan kuasa membeli rakyat disebabkan oleh beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Justeru itu, Kerajaan Negeri perlu lebih berani dan sentiasa mengorak langkah dengan lebih proaktif dalam mengharungi tahap ekonomi yang mencabar serta memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira gender, etnik dan latar belakang.

- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai skim bantuan khusus bagi rawatan spesifik seperti kanser, talasemia major dan kes ortopedik. Namun begitu, dalam usaha membantu meringankan beban rakyat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah memperkenalkan Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor yang lebih bersifat menyeluruh serta bantuan adalah merangkumi semua jenis penyakit. Ianya bertujuan untuk membantu ramai pesakit dalam

mendapatkan bantuan dan rawatan perubatan. Antara bantuan yang disediakan di bawah program ini adalah seperti Dialisis, Katarak Mata, Pembedahan Kecil, Lain-lain Rawatan dan Kaki Palsu. Berdasarkan rekod, didapati sebanyak 94% daripada penerima bantuan program ini adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah kelulusan bantuan adalah tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan serta peruntukan tahunan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBERIAN AIR PERCUMA

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan masalah yang dihadapi kerajaan negeri dalam melaksanakan pemberian air percuma?
- b) Apakah keputusan kerajaan negeri untuk menambah jumlah pemberian air percuma sebagaimana yang diwar-warkan sebelum ini?

JAWAPAN:

a)

1. Dasar pemberian bekalan air secara percuma bagi 20 meter padu pertama atau potongan RM11.40 kepada pengguna domestik yang bermeter individu setiap bulan telah dilaksanakan di Selangor bermula 1 Jun 2008. Semenjak mula dilaksanakan, tidak ada sebarang masalah pemberian air percuma kepada pengguna domestik yang bermeter individu.
 2. Bagi pengguna domestik yang menggunakan meter pukal seperti di kondominium dan rumah pangsa, pada awalnya mereka menghadapi masalah kerana mereka perlu menukar meter kepada meter individu terlebih dahulu sebelum menikmati pemberian air percuma ini. Penghuni rumah pangsa menggunakan meter pukal di bawah nama Syarikat Pengurusan, Perbadanan Pengurusan (MC), persatuan penduduk atau pihak-pihak lain perlu melaksanakan proses migrasi bagi mendapatkan bil air secara terus dari SYABAS.
 3. Namun demikian, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program "LAPOR DAN DAPAT" (dahulunya dikenali sebagai SISTEM KUPON) mulai Jun 2010 bagi membolehkan pengguna pangsapuri yang belum mempunyai meter individu dapat menikmati air percuma ini.
- b) Kerajaan Negeri Selangor sedia untuk membuat semakan ke atas program pemberian 20 meter padu air percuma ini. Namun apa pun yang diputuskan kelak, matlamat untuk membantu mengurangkan beban rakyat khususnya daripada golongan berpendapatan rendah akan dipertahankan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : *THE TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP AGREEMENT (TPPA)*

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persiapan awal yang akan/ telah dimabil oleh kerajaan negeri untuk menghadapi pelaksanaan TPPA kelak?
- b) Apakah kesan kepada ekonomi negeri setelah TPPA dilaksanakan?
- c) Adakah kerajaan negeri turut terlibat dalam perbincangan bersama kerajaan pusat sebelum TPPA mula dilaksanakan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri kekal berpendirian bahawa pelaksanaan Perjanjian TPPA perlu diteliti semula dan tidak wajar dilaksanakan di dalam situasi ekonomi yang tidak menentu. Kebimbangan Kerajaan Negeri adalah berasas bagi membolehkan kualiti dan kepentingan rakyat terpelihara. Keterujaan Kerajaan Persekutuan untuk menyertai perjanjian ini didorong untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi tanpa mengambilkira bebanan dan kesengsaraan yang akan dipikul rakyat sekiranya perjanjian ini dimaterai.

Kerajaan Persekutuan turut gagal untuk mengadakan rundingan bersama Kerajaan Negeri dan semua Ahli Parlimen bagi memberi pencerahan, kesan positif dan negatif, aspek perundangan serta tindakan yang perlu dilaksanakan negeri-negeri sekiranya perjanjian ini dimaterai.

Sebagai penyumbang hampir satu perempat daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, Selangor akan turut menerima kesan secara tidak langsung daripada pelaksanaan perjanjian TPPA ini. Dua (2) sektor utama di Negeri Selangor akan menerima impak yang besar iaitu sektor perkhidmatan dan pembuatan melalui perkara-perkara berikut :

- i) Persaingan tenaga kerja profesional dengan tenaga profesional dari luar negara;
- ii) Persaingan industri tempatan dengan produk luar adalah sangat tinggi. Usahawan produk tempatan perlu lebih kompetitif dalam pengeluaran produk dan pemasaran produk tempatan ke luar negara bagi

menggalakkan aktiviti eksport. Sekiranya ini tidak berlaku, industri produk tempatan akan hilang kerana lambakan produk luar negara; dan

- iii) Pembangunan usahawan kecil mungkin akan terganggu dengan wujudnya persaingan daripada syarikat luar. Keadaan ini sebenarnya memusnahkan kekuatan ekonomi masyarakat di Negara ini serta meningkatkan dominasi dan kebergantungan kepada pelabur luar.

Namun, Kerajaan Negeri menyedari bahawa impak perjanjian ini terhadap kos sara hidup rakyat adalah tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memelihara hak dan kepentingan rakyat dengan merangka langkah-langkah seperti berikut :

- i) Melaksanakan inisiatif melalui pelbagai program bantuan perniagaan bagi membantu usahawan baru dan melonjakkan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi supaya mampu terus bersaing di pasaran yang kompetitif;
- ii) Meningkatkan dan mempersiapkan keupayaan rakyat Selangor kepada pekerja berkemahiran tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);
- iii) Meningkatkan Sumbangan Bantuan Pendidikan dalam usaha Kerajaan untuk membina modal insan berkualiti dan mewujudkan *talent pool* di Selangor;
- iv) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan; dan
- v) Memperkasa sektor pertanian bagi meningkatkan jaminan pengeluaran bekalan makanan di negeri ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PRODUK PELANCONGAN PANTAI KELANANG

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jalan susur pesisir pantai Kelanang ke Kampung Tongkah, mengalami kerosakan akibat hakisan ombak, siapakah yang bertanggungjawab terhadap jalan tersebut?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf dan menarik lebih ramai pengunjung untuk aktiviti pelancongan di kawasan pantai Kelanang?

JAWAPAN:

- a) Jalan tersebut adalah di bawah penyelenggaraan JPS.
- b) Satu projek melalui peruntukan UPEN (Pelancongan) telah diluluskan dan sedang dilaksanakan. Projek merangkumi pembinaan pentas terbuka, membina laluan pejalan kaki sepanjang 200m dan mengadakan 10 unit *concrete bench* di sekitar kawasan Pantai Kelanang bagi menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan tersebut. Kos projek RM65,979.70. Projek bermula 19.10.2015 Sehingga 30.11.15

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : TV MALAYSIA TERLAMPAU BANYAK PROGRAM HIBURAN DAN
LAWAK**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) **Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.**
- b) Adakah Kerajaan beradang untuk mengadakan Program TV sendiri ke arah pembangunan jati diri dan modal insan?

JAWAPAN:

- b) Dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif yang baru di lantik, CCSB berhasrat, mengenal pasti dan merancang untuk mengadakan banyak program-program TV untuk media kerajaan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MENAIKTARAF KEMUDAHAN ASAS DESA

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek menaiktaraf kemudahan asas desa yang mendapat kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) mengikut daerah?
- b) Berapakah baki peruntukan menaiktaraf kemudahan asas desa?

JAWAPAN:

- a) Cadangan bagi projek infrastruktur ini adalah bertetapan dengan Dasar Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan membaikpulih secara berkala bagi semua aset-aset tak alih Kerajaan Negeri. Projek Infrastruktur Luar Bandar di bawah Kemudahan Asas Desa ini merangkumi kerja-kerja yang melibatkan membaikpulih dewan/balairaya dan jambatan yang memerlukan pembaikan di semua daerah Negeri Selangor.

Sehingga 19 Oktober 2015, senarai projek Kemudahan Asas Desa yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
1	Petaling	Dewan/Balairaya	5	256,955.00	256,955.00
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
2	Klang	Dewan/Balairaya	3	332,440.24	332,440.24
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
3	Gombak	Dewan/Balairaya	10	456,532.50	456,532.50
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
4	Kuala Selangor	Dewan/Balairaya	14	820,570.00	856,744.20
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	1	36,174.20	
5	Kuala Langat	Dewan/Balairaya	6	167,871.00	187,021.00
		Jambatan	1	19,150.00	
		Infrastruktur Sukan	-	-	

BIL.	DAERAH	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
6	Hulu Selangor	Dewan/Balairaya	-	-	173,554.10
		Jambatan	6	113,384.10	
		Infrastruktur Sukan	2	60,170.00	
7	Hulu Langat	Dewan/Balairaya	11	774,425.00	988,135.00
		Jambatan	1	19,170.00	
		Infrastruktur Sukan	5	194,540.00	
8	Sepang	Dewan/Balairaya	14	216,978.40	216,978.40
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
9	Sabak Bernam	Dewan/Balairaya	-	-	-
		Jambatan	-	-	
		Infrastruktur Sukan	-	-	
JUMLAH		Dewan/Balairaya	63	3,025,772.14	3,468,360.44
		Jambatan	8	151,704.10	
		Infrastruktur Sukan	8	290,884.20	

- b) Sehingga 19 Oktober 2015, baki peruntukan di bawah Vot Kemudahan Asas Desa adalah sebanyak RM460,897.23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : DATO MENTERI BESAR SEBAGAI PENGERUSI LEMBAGA
PENGARAH**

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah agensi, badan berkanun dan anak syarikat yang melantik Dato Menteri Besar sebagai pengerusi lembaga pengarah?
- b) Sila senaraikan (a).
- c) Untuk senarai (b), pelantikan yang manakah tertakluk kepada enakmen? Sila senaraikan bersama dengan enakmen berkenaan.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) - ("MBI")

Selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Menteri Besar Selangor No.3 Tahun 1994 yang diluluskan pada 21^{hb} September 1994, ada menyatakan "orang yang pada masa ini memegang jawatan atau melaksanakan fungsi-fungsi Menteri Besar Selangor dan penggantinya dalam jawatan, hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan dengan nama "Menteri Besar Selangor" (kemudian daripada ini disebut "Perbadanan)".

Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB")

Selaras dengan peruntukan di dalam Artikal 76, Tataujud dan Tataurusan Syarikat KDEB menyatakan "*sementara Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(Enakmen No.3,1994) memiliki kawalan kepentingan di dalam syarikat, jawatan Pengerusi Syarikat akan disandang oleh Menteri Besar Selangor*".

Permodalan Negeri Selangor Berhad ("PNSB")

PNSB adalah milik penuh MBI. Menteri Besar sebagai Pengerusi MBI secara otomatiknya adalah juga Pengerusi PNSB.

Invest Selangor Berhad ("ISB")

Selaras dengan peruntukan di dalam Tataujud dan Tataurusan syarikat merekodkan bahawa pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada kakitangan Kerajaan Negeri Selangor yang memegang jawatan Menteri Besar, Dato' SUK, Dato' PWN, Timbalan SUK (Pembangunan), CEO PNSB (diganti Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan) dan Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad.

Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. ("PIYSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 62).

Communication Corporation Sdn. Bhd. ("CCSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 3).

Tourism Selangor Sdn. Bhd. ("TSSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi berkuatkuasa pada 2^{hb} April 2004 di mana YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada ketika itu telah dilantik. Pelantikan Pengerusi seterusnya adalah berdasarkan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor ("YAQ")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah selaras dengan Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 10 (a) (i)).

Yayasan Warisan Anak Selangor ("YAWAS")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama dan sebagai *Trustee* (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 10 (b)). Pelantikan Pengerusi seterusnya adalah berdasarkan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (“PKNS”)

Selaras dengan peruntukan di bawah Klausa 4(1)(a) Enakmen PKNS 1964 “Pengerusi adalah seorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar Selangor”.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (“PKPS”)

Selaras dengan peruntukan di dalam Enakmen PKPS, No.2 Tahun 2005 (pindaan) Sub Seksyen (2) menyatakan Pengerusi PKPS hendaklah pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Besar Selangor.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (“LPHS”)

Selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 4(1)(a) Enakmen LPHS 2001, Menteri Besar adalah pengerusi LPHS,

Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn.Bhd. (“PHSSB”)

PHSSB adalah milikan penuh LPHS, oleh itu jawatan pengerusi secara otomatiknya di pegang oleh Pengerusi LPHS iaitu Menteri Besar .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : ELAUN KETUA KAMPUNG & PETUGAS PWB.

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan dan tanggungjawab tugas setiap ketua kampung dan pegawai PWB DUN? senaraikan.
- b) Bagaimanakah kajian penilaian pemberian elaun serta imbuhan adalah seimbang dengan tugas kedua jawatan ini?
- c) Daripada portfolio mana dan kelulusan peruntukan ini diperolehi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited terhadap pembangunan jentera pentadbiran akar umbi di Negeri Selangor. Antara jentera tersebut adalah Ketua Kampung dan Penyelia PWB DUN.

Kerajaan Negeri melantik Ketua Kampung bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di Negeri Selangor. Pelantikan yang dibuat mengikut Pekeliling Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (Pekeliling Selangor Bil. 2 Tahun 1991).

Ketua Kampung bertanggungjawab di atas kemajuan dan keselamatan kampungnya di samping mematuhi syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut:

- i) Bertanggungjawab menyampaikan kepada penduduk kampung segala dasar-dasar Kerajaan dan menasihati mereka supaya mematuhi dan taat setia kepada Kerajaan yang memerintah di samping memberikan unjukan, galakan dan tegahan seperti berusaha ke arah kemajuan dan pembangunan diri, keluarga dan kampung, mengamalkan suruhan agama dan berpegang kepada adat resam bangsa yang bersesuaian dengan kehendak masa, menggalakkan orang-orang kampung membayar apa-apa hasil kepada kerajaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, memberikan bantuan yang munasabah kepada kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas di dalam kampung, menggalakkan pembentukan semangat perpaduan dan kerjasama antara satu sama lain dan mencegah dan menjauhkan diri dari perbuatan jenayah.

- ii) Hendaklah berunding dengan Penghulu Mukim terlebih dahulu bagi semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kemajuan dan keselamatan kampung sebelum disampaikan kepada Kerajaan.
- iii) Bahawa perkhidmatan sebagai Ketua Kampung adalah dikawal oleh peraturan-peraturan dan tata tertib yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Kerajaan Negeri Selangor juga amat prihatin terhadap pembangunan dan memberdayakan wanita di Negeri Selangor. Justeru itu, bagi tujuan ini maka Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pusat Wanita Berdaya (PWB) sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dengan golongan wanita di Negeri Selangor.

PWB merupakan sebuah medan bagi memberdaya dan menggalakkan wanita disesebuah komuniti untuk bergiat aktif selain melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti tersebut melalui keusahawanan sosial. PWB diwujudkan di semua 56 kawasan Dewan Negeri (DUN) sebagai salah satu mekanisme dalam memenuhi misi pemberdayaan wanita Selangor.

Setiap DUN ditugaskan seorang penyelia untuk memastikan kelancaran PWB itu sendiri. Maka peranan dan tanggungjawab para penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN adalah seperti berikut :-

- (i) Menjadi pemimpin wanita yang membawa hasrat dan agenda Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi;
- (ii) Merancang, merangka dan menyelaras aktiviti/program pembangunan dan pemberdayaan wanita setempat ;
- (iii) Memastikan pengurusan kewangan dan segala pembayaran adalah mengikut prosedur kewangan Kerajaan Negeri yang sedang berkuatkuasa;
- (iv) Mempromosi dan mendapatkan penyertaan komuniti setempat terutama golongan wanita bagi menjayakan setiap aktiviti/program yang dirancang oleh PWB DUN, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga serta lain-lain program Kerajaan Negeri di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES);
- (v) Melaksanakan aktiviti/program mengikut Sasaran Kerja Tahunan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga diperingkat komuniti dan DUN;

- (vi) Membantu menyelaras aktiviti/program turun padang Yang Berhormat Exco ke DUN-DUN terpilih;
 - (vii) Memantau dan mengemaskini aset dan peralatan asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa;
 - (viii) Mewujudkan pangkalan data wanita di kawasan setempat berdasarkan golongan wanita yang telah dikenalpasti;
 - (ix) Mengadakan mesyuarat PWB secara berkala bersama Ahli Jawatankuasa bagi memastikan pengurusan operasi PWB dan pelaksanaan aktiviti/program yang telah dirancang berjalan dengan lancar; dan
 - (x) Memastikan keselamatan, kebersihan dan keharmonian PWB DUN dengan masyarakat setempat khususnya golongan wanita sentiasa terpelihara.
- b) Kajian penilaian pemberian elaun serta imbuhan supaya seimbang dengan tugas Ketua Kampung dan Penyelia PWB dilaksanakan dari semasa ke semasa adalah selaras dengan kompleksiti kerja dan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri. Sebelum sesuatu cadangan dibuat pelbagai aspek perbandingan telah dilakukan, antaranya :-
- i. perbandingan dari segi keluasan kampung dengan keluasan kawasan Dewan Negeri (DUN), dimana ketua kampung mengelola sesebuah kampung sedangkan penyelia PWB akan tumpu kepada wanita di kawasan DUN yang mempunyai beberapa buah kampung; dan
 - ii. Perbandingan dari sudut masa bertugas pula, ketua-ketua kampung lebih fleksibel jika dibandingkan dengan penyelia PWB. Dimana penyelia PWB perlu menumpukan masa bersama-sama wanita setempat setiap masa, sama ada di premis PWB atau di pejabat Khidmat Masyarakat DUN yang mana menjadi pusat rujukan dan bantuan untuk kawasan Dewan Negeri tersebut. Selain itu, PWB juga terikat dengan syarat-syarat perjanjian lantikan mereka.
- c) Ketua Kampung adalah terletak di bawah portfolio Pembangunan Desa dan Kg. Tradisi. Peruntukan elaun untuk Ketua Kampung diperoleh setelah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 8/2015 yang bersidang pada 25 Februari 2015 melalui Kertas MMK.No.31/8/2015 yang telah memutuskan agar kadar elaun bagi Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Baru di Negeri Selangor dinaikkan daripada RM800.00 kepada RM900.00.

Manakala, penyelia PWB DUN adalah di bawah portfolio Hal Ehwal Wanita dan Keluarga. Sehubungan itu, kelulusan pelantikan penyelia PWB dan peruntukkan elaun mereka telah diperolehi melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang ke 13/2014 yang diadakan pada 2 April 2014 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 14/2014 pada 23 April 2014 dengan elaun sebanyak RM1,500 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENGGUNA PUSAT DIALISIS RAKYAT (PDR)

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan operasi pusat ini pada tahun 2013-2015?
- b) Berapakah jumlah pesakit yang telah menerima rawatan di PDR ini dari 2013-2015?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut merupakan jumlah perbelanjaan operasi dan jumlah pesakit bagi Pusat Dialisis Rakyat bagi tahun 2013-2015:

PUSAT DIALISIS RAKYAT	KOS OPERASI (RM)			JUMLAH MESIN	JUMLAH PESAKIT
	2013	2014	2015		
AMPANG	572,983	636,646	477,486	5	30
SEMENTA	312,703	347,448	260,586	6	21
TAMAN MEDAN	393,714	437,460	328,095	5	24
LEMBAH KERAMAT	406,933	452,148	339,111	6	31
JUMLAH	1,688,347	1,873,704	1,405,278	22	106

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KURSUS UNTUK WAKIL RAKYAT, AHLI MAJLIS DAN AHLI-AHLI JKP

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) **Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.**
- b) Apakah program/ kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis / JKP dalam tempoh 2008 hingga 2015?

JAWAPAN:

- b) Kerajaan Negeri sentiasa menitik berat kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada semua lapisan masyarakat tidak terkecuali Y.B. Ahli Dewan Negeri (ADN). Sebagai seorang ADN yang memimpin komuniti di peringkat akar umbi adalah menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri menyediakan platform yang bersesuaian untuk melengkapkan ADN dengan ilmu pengetahuan sebaiknya. Antara kursus/seminar yang pernah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri:-

Bil	Tarikh/Tahun	Kursus/seminar
1	24 Jun 2013	Seminar Khas Y.B. Ahli Dewan Negeri dan pasangan
2	9 Oktober 2014	Taklimat Portal Dewan Negeri Selangor
		Interaksi Bersama Pejabat Dewan Negeri Selangor
3	31 Oktober 2014 hingga 2 November 2014	Kursus Pengurusan Tanah Siri I
4	22 hingga 23 April 2015	Kursus Pengurusan Tanah Siri II

Disamping kursus anjuran Kerajaan negeri, ADN juga berpeluang menghadiri seminar/kursus di peringkat Negara Komanwel anjuran **Commonwealth Parliamentary Association (CPA)** yang disediakan secara tahunan.

Kerajaan Negeri juga turut menyediakan Kursus Asas Ahli Majlis/ Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang baharu dilantik. Kursus ini memberi

pemahaman berhubung peranan/ fungsi Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah.

Y.B. Ahli Dewan Negeri dan Ahli Majlis /JKP diwajibkan hadir ke Bengkel Penyediaan Belanjawan Tahunan Kerajaan Negeri supaya keperluan rakyat di kawasan masing-masing dapat digarap sebaiknya. Peluang dan ruang ini membuktikan peranan dan fungsi Ahli Majlis /JKP amat dititik beratkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : LEBUHRAYA SUKE

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rezab hutan simpanan yang terpaksa dilepaskan dan berapakah keuntungan yang diterima oleh kerajaan negeri dan rakyat Selangor
- b) Berapakah jumlah pampasan yang diluluskan bagi pengambilalihan tanah dan pihak manakah yang mendapat pampasan tertinggi

JAWAPAN:

- a) Jajaran Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Kelang (Suke) melibatkan dua (2) Daerah di Negeri Selangor iaitu Daerah Hulu Langat dan Daerah Gombak. Jajaran lebuhraya tersebut telah melalui dua (2) Hutan Simpan iaitu Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh (Utara) dan Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh (Selatan) di Daerah Hulu Langat. Perincian adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Hutan Simpan	Keluasan	Luas yang diambil
1	Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh (Utara)	58.94 hektar	4.68 hektar
2	Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh (Selatan)	32.98 hektar	21.33 hektar
Jumlah		919.92 hektar	26.01 hektar

Jabatan Hutan Negeri Selangor akan meneliti dan menilai pokok dan bahan batuan yang akan dikeluarkan yang terlibat dengan jajaran tersebut berdasarkan Enakmen Perhutanan. Untuk setakat ini, Jabatan Hutan belum menerima permohonan secara rasmi dari Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi tujuan pembatalan dan penggantian hutan simpan.

- b) Jumlah pampasan masih belum dapat ditentukan kerana siasatan pengambilan balik tanah baru sahaja dimulakan mulai 28 September 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEJABAT INTEGRITI SELANGOR

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Pejabat Integriti Selangor?
- b) Apakah peranan Pegawai Pejabat Hisbah (Ombudsman)?
- c) **Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.**

JAWAPAN:

- a) Tujuan utama penubuhan Pejabat Integriti Selangor ini adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Pejabat Integriti Selangor bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan serta tatatertib.

- b) Bahaya rasuah ibarat barah jika tidak dikawal dan dibanteras akan melumpuh bahkan membunuh pentadbiran kerajaan. Justeru, Peranan Pegawai Hisbah (Ombudsman) adalah untuk memberi kesedaran terhadap integriti dan pertanggungjawapan yang semakin meluas masa kini. Pegawai Hisbah menerima semua aduan rasuah, salahguna kuasa dan ketidaktelusan yang berlaku dan akan disiasat mengikut akta yang diperuntukkan. Kerajaan negeri menyambut baik cadangan tersebut dan telah mengambil langkah ke arah perlaksanaannya. Kerajaan negeri telah meminta beberapa pihak untuk mengemukakan kertas cadangan tentang struktur dan bidang kuasa beberapa pihak untuk mengemukakan kertas cadangan tentang struktur dan bidang kuasa badan tersebut untuk dibawa kepada MMKN untuk dibincangkan dengan teliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : HOSPITAL BANTING DAN KLINIK BANDAR SAUJANA PUTRA

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan membina Bangunan baru untuk mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Banting memandangkan ruang menunggu sedia ada sempit Dan Tidak selesa?
- b) Apakah status Pembinaan klinik kerajaan di Bandar Saujana Putra, Jenjarom? Sila nyatakan lokasi Dan keluasan tapak.

JAWAPAN:

- a) Pihak Kementerian Kesihatan telah mendapat peruntukan sebanyak RM 15 juta untuk pembinaan dewan bedah yang baru yang akan dibina di Hospital Banting di bawah RMK10 dan pihak Kementerian juga bercadang untuk memohon projek di bawah RMK 11 di bawah *rolling plan* kedua iaitu projek cadangan membina bangunan baru 8 tingkat bagi menempatkan wad dengan 140 katil, Farmasi Satelit, Mini Makmal dan x-ray yang bernilai RM 300 juta.
- b) Melalui surat Majlis Daerah Kuala Langat bertarikh 17 Februari 2011 telah memaklumkan sebidang tanah berkeluasan 3.07 ekar yang disediakan oleh pemaju permodalan Negeri Selangor Berhad sebagai tapak pembinaan Klinik Kesihatan Jenis Tiga. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah tidak dapat membuat permohonan proses pemberimilikan tanah tersebut kerana laporan pemeriksaan teknikal yang dijalankan oleh JKR memaklumkan tapak yang dimaksudkan ialah sebuah tapak di atas air yang merupakan tapak bekas lombong dan amat tidak sesuai untuk pembinaan klinik. Sehubungan dengan itu, Pejabat Kesihatan telah menulis surat kepada pihak Majlis Daerah Kuala Langat dan Pejabat Daerah Kuala Langat supaya tapak baru diperuntukkan untuk pembinaan klinik dan perlu berkeluasan 5 ekar supaya pembinaan Klinik Jenis 3 beserta 4 unit kuarters dapat dibina. Setelah pihak Jabatan bersetuju kesesuaian tapak baru tersebut, pihak Jabatan Kesihatan Selangor akan memulakan proses permohonan pemberimilikan tanah dan permohonan projek Klinik Kesihatan akan dibuat sebaik sahaja proses pemberimilikan tanah selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MEMBAIKPULIH GELANGGANG FUTSAL DAN GELANGGANG
TAKRAW KAMPUNG MELAYU SUNGAI BULOH**

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat peruntukan untuk membaik pulih gelanggang futsal di Kampung Melayu?
- b) Adakah gelanggang sedia ada boleh dinaiktarafkan menjadi gelanggang sukan serba guna?

JAWAPAN:

- a) Pihak jabatan ada menerima peruntukan sebanyak RM19,990.00 untuk kerja naiktaraf dan baikpulihan gelanggang.
- b) Gelanggang sedia ada boleh dinaiktaraf untuk dijadikan gelanggang serbaguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : JALAN RAYA DI PUSAT BANDAR

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri melakukan pemantauan terhadap keadaan jalan raya di pusat bandar di Selangor?
- b) Apakah SOP bagi menyelesaikan masalah jalan berlubang di Pusat Bandar?

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melakukan pemantauan dengan mewujudkan sistem aduan supaya penduduk setempat dapat melaporkan sebarang kerosakan atau keadaan jalan raya di pusat bandar di Selangor. Setiap kawasan juga dikawal oleh pengawas kawasan masing-masing dengan penubuhan satu pasukan pemantauan khas seperti "Road Gang" yang membantu di mana setiap aduan kerosakan jalan yang diterima dapat diambil tindakan awal untuk menjalankan kerja-kerja penampalan sementara jalan.
- b) SOP bagi menyelesaikan masalah jalan berlubang di pusat bandar adalah:
 - i. Memberi maklumbalas aduan-aduan daripada orang ramai dalam tempoh 5 hari bekerja.
 - ii. Lawatan tapak ke lokasi kerosakan akan dibuat untuk memastikan aduan yang diterima.
 - iii. Jurutera akan mengenalpasti jenis kerosakan. Sekiranya kerosakan tersebut adalah kecil, kaedah potong dan tampal akan dilaksanakan oleh kontraktor penyelenggaraan tahunan jalan. Manakala bagi jalan-jalan yang mana kerosakan adalah besar atau telah melebihi jangka hayat rekabentuk jalan, keadaan turapan semula akan dilaksanakan.
 - iv. Kaedah lantikan kerja inden dan sebutharga.
 - v. Pengawasan dan penyeliaan kerja di tapak.
 - vi. Tuntutan bayaran oleh kontraktor.

- c) Kebanyakan PBT tidak mempunyai peruntukan yang khusus untuk memperbaiki jalan di pusat bandar namun berikut adalah peruntukan yang telah dibelanjakan di setiap PBT pada tahun 2015 untuk memperbaiki jalan raya.

PBT	Peruntukan yang telah dibelanjakan untuk memperbaiki jalan
MBSA	RM 6,125,900.00
MBPJ	RM 53,900,000.00
MPK	RM 2,000,000.00
MPAJ	RM 2,500,000.00
MPSJ	RM 7, 690, 000.00
MPS	RM 1,000,000.00
MPKj	RM 2,500,000.00
MPSp	RM 90,000.00
JUMLAH	RM 68,115,900.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : AKAUN AMANAH DISATUKAN

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran terperinci kedudukan terkini akaun tersebut?
- b) Sila nyatakan apakah prasyarat yang dikenakan bagi penggunaan dana akaun tersebut?
- c) Sila nyatakan apakah strategi dan pelaburan yang dilakukan bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan akaun tersebut?

JAWAPAN:

- a) Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada 30 September 2015, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukkan baki sebanyak RM1,710.21 juta berbanding RM1,998.57 juta pada tahun 2014. Berikut adalah perincian Akaun Amanah Disatukan pada 30 September 2015:-

Perihal	Baki Pada 30.09.2015	Baki pada 31.12.2014
	RM JUTA	RM JUTA
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN		
<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	75.64	173.66
<i>Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i>	44.92	40.14
<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	1,113.34	1,323.51
<i>Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i>	14.74	11.58
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,248.64	1,548.89
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	365.61	355.93
AKAUN DEPOSIT	95.96	93.75
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	1,710.21	1,998.57

- b) Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri

daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

- i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966;
- ii) Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam Negeri, Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Dewan Negeri Selangor dan Badan Berkanun Negeri;
- iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu; dan
- iv) Kumpulanwang Pembangunan Hutan ditubuhkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara.

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957.

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit am merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

- c) Pelaburan ke atas lebih tunai Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor (termasuk lebih Akaun Amanah Disatukan) dilaksanakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu:-
 - i) Seksyen 8(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak – 1972) yang memperuntukkan “*Wang yang telah dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan boleh disimpan dengan bank atau bank-bank tertentu sebagaimana pihak berkuasa kewangan dari semasa ke semasa akan arahkan*”;

- ii) Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan, 1957 (Disemak – 1972) memperuntukkan *“Wang dalam kedudukan kredit bagi sebuah Negeri dengan mana-mana bank, atau selainnya dipegang oleh Negeri, boleh dilaburkan oleh pihak berkuasa kewangan negeri (i) dalam simpanan dalam mana-mana bank; dan pelaburan-pelaburan, bersama dengan apa-apa faedah yang telah diterima daripada nya akan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri”*; dan
- iii) Seksyen 8(4) Akta Tatacara Kewangan, 1957 (Disemak – 1972) memperuntukkan faedah yang diterima daripada pelaburan mengikut subseksyen (3) hendaklah dimasukkan ke Akaun Hasil Disatukan melainkan jika ia disyaratkan dalam mana-mana undang-undang atau di bawah syarat-syarat mana-mana amanah di mana ia perlu dikreditkan ke Kumpulanwang Amanah.

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : STATISTIK KECURIAN DAN KEJADIAN PECAH RUMAH

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah statistik kecurian dan kejadian pecah rumah di Negeri Selangor?
- b) Adakah terdapat aktiviti pecah rumah yang dilakukan oleh pelajar Sekolah?

JAWAPAN:

- a) Statistik kecurian dan kejadian pecah rumah yang berlaku di Negeri Selangor adalah sebanyak **4,152** kes telah dicatatkan bagi Januari hingga September tahun 2015 berbanding Januari hingga September tahun 2014 sebanyak **4,675** kes iaitu penurunan sebanyak **523** kes @ **-11.19%** .
- b) Sebanyak **33** kes melibatkan pelajar sekolah terlibat dalam jenayah pecah rumah bagi tempoh Januari – September 2015. Daripada jumlah tersebut seramai **77** orang pelajar sekolah telah ditangkap oleh pihak polis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi, tarikh dan tempoh gangguan bekalan air di Selangor pada tahun 2015?
- b) Apakah faktor berlakunya gangguan bekalan air ini?
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri menjawab rungutan rakyat berkenaan gangguan ini?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sebanyak 27 jumlah gangguan air di Selangor pada tahun 2015. Senarai lokasi, tarikh dan tempoh gangguan bekalan air di Selangor pada tahun 2015 adalah seperti di **lampiran 1**.
- b) Faktor berlakunya gangguan bekalan air adalah disebabkan :-
 - i) Masalah penurunan paras Kolam Imbangan, Kolam Air dan Kolam Agihan disebabkan permintaan melebihi daripada pengeluaran air bersih
 - ii) Paip pecah dan bocor di Loji Rawatan Air dan Sistem Agihan Bekalan Air
 - iii) Pencemaran air mentah di Loji Rawatan Air
 - iv) Masalah bekalan elektrik (TNB) di Loji Rawatan Air dan Rumah Pam
 - v) Masalah teknikal seperti masalah peralatan mekanikal dan elektrik di Loji Rawatan Air dan Rumah Pam

Butiran gangguan mengikut bilangan dan faktor adalah seperti berikut:-

FAKTOR-FAKTOR GANGGUAN	BILANGAN
PERMINTAAN AIR YANG TINGGI MELEBIHI KAPASITI BEKALAN.	5
PAIP PECAH	7
PENCEMARAN AIR MENTAH	8
KEROSAKAN KABEL HT MILIK TNB	1
MASALAH TEKNIKAL DI SALURAN FEEDER PAIP BAGI PENYALURAN BEKALAN AIR	1
KEROSAKAN PAM AIR MENTAH	3
KELEWATAN KERJA PENGGANTIAN INJAP	2
JUMLAH	27

c)

- 1) Kerajaan Negeri amat memandang serius isu ketidakcukupan air yang sering disensasikan oleh banyak pihak dalam melihat kelemahan Kerajaan Negeri di dalam menguruskan industri air. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif '*water demand planning*' yang berjangka panjang. Rizab bekalan air pada ketika ini berada pada tahap amat nipis sekali iaitu pada kadar 2.2%.
- 2) Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa beberapa langkah memastikan bekalan air mentah dan air terawat akan terus diberikan keutamaan untuk menampung permintaan pengguna baik dari segi kualiti dan juga kuantiti, Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :
 - i. Pelaksanaan Projek Mitigasi 2 yang telah disiapkan secara berperingkat sejak Julai 2015. Pelaksanaan projek ini melibatkan sebanyak 8 projek. Empat (4) projek telah pun siap, manakala 4 projek lagi akan siap sepenuhnya pada Disember 2015. Pelaksanaan projek Mitigasi 2 ini akan memberikan tambahan air terawat sebanyak 300 JLH ke dalam sistem sedia ada. Selain itu, projek ini juga dapat menambah baik sistem *interconnectivity* sedia ada,;
 - ii. Kerajaan Negeri Selangor telah pun memberikan kelulusan ke atas pembangunan Loji Langat 2. Kelulusan tersebut melibatkan kelulusan pengambilan balik 21 lot tanah, kebenaran merancang ke atas 12 pakej pembangunan loji Langat 2, Kelulusan Pelan Bangunan dan kelulusan Permit Kerja yang berkaitan seperti kerja tanah, pengalihan utiliti dan pelencongan sungai;
 - iii. Melaksanakan projek membaik pulih loji rawatan air Sungai Langat bagi memastikan pengeluaran loji yang berkapasiti reka bentuk 386 JLH boleh mencapai 500 JLH dengan menyediakan sistem *standby* dan menukar pam yang berkapasiti lebih tinggi.;

- iv. Sebagai usaha untuk memastikan bekalan air mentah yang mencukupi di Sungai Langat, dengan persetujuan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) dan Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Negeri telah mendapatkan bekalan air mentah dari Sungai Semantan yang disalurkan ke Sungai Langat. Pengepaman air mentah tersebut telah bermula semenjak 24 Ogos 2015. Jumlah air mentah yang boleh didapati dari Sg Semantan itu dianggarkan antara 300 JLH hingga 500JLH.;
 - v. Kerajaan Negeri telah memberikan persetujuan kepada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kerajaan Negeri bagi menyalurkan bekalan air bersih dari Negeri Sembilan sebanyak 65 JLH. Kerja-kerja pemasangan paip dari Negeri Sembilan ke Negeri Selangor akan dilaksanakan oleh pihak KTTHA;
 - vi. Kerajaan Negeri meneruskan kerja-kerja pengepaman kolam-kolam takungan di Bestari Jaya dan Kolam HORAS bagi mengawal pelepasan Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi; dan
 - vii. Kerajaan Negeri Selangor juga telah melantik perunding untuk membuat kajian terperinci mengenai "*Water Resources, Supply, Demand And Distribution Study For Selangor*" untuk dijadikan sebagai *Master plan* atau *Blueprint* bekalan air. Melalui kajian ini kelak, Kerajaan Negeri boleh mengenal pasti sumber-sumber baru untuk kegunaan masa hadapan. Melalui kajian ini juga, Kerajaan Negeri akan dapat mengenal pasti semua sistem agihan yang sedia ada dan boleh merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan *inter connection* di mana melalui *inter connection* ini, sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji, maka ia tidak menjejaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain dan Kerajaan Negeri boleh menyediakan *masterplan* bekalan air untuk tempoh 50 tahun akan datang.
- 3) Kerajaan Negeri juga mendapati bahawa perancangan awal pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangkakan siap pada suku tahun 2017 telah berubah dan dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2019. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah meneroka sumber-sumber air tambahan bagi memitigasikan sebarang kemungkinan kekurangan bekalan antara tempoh 2017 – 2019. Antara pembangunan sumber baru yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-
- i. Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat yang dijangka boleh membekalkan air sebanyak 400 JLH ; dan
 - ii. Loji Rawatan Air Semenyih 2, Jenderam Hilir dengan kapasiti 100JLH.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua jawatan dan pegawai yang berkhidmat di bawah DEIG sehingga kini.
- b) Apakah tujuan "Request For Information" (RFI) dijalankan dan bagaimana ianya dijalankan serta berapa banyak RFI yang telah diterima sehingga sekarang?
- c) Apakah rancangan seterusnya selepas RFI?

JAWAPAN:

- a) DEIG didaftarkan pada 5 Jun 2015 dan dijangka beroperasi pada suku pertama tahun 2016. Sehingga kini DEIG tidak mempunyai pengurusan.
- b) Tujuan RFI dijalankan adalah sebagai proses mengumpul data daripada pemaju-pemaju untuk merangka perancangan strategik terhadap aset yang dimiliki MBI.

RFI ini dibuat secara terbuka dan MBI telah menerima lebih 200 profil syarikat.

- c) MBI kini sedang menjalankan penilaian secara komprehensif terhadap profil-profil syarikat yang diterima dengan membuat penelitian terhadap maklumat syarikat seperti kedudukan kewangan, pengalaman dalam industri pembangunan hartanah dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROGRAM KHAS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN IBUBAPA

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program khas untuk memastikan setiap ibubapa mampu mendidik dan membimbing anak menjadi insan yang berguna memandangkan keberantakan rumah tangga yang semakin meluas
- b) Apa perancangan untuk meningkatkan keupayaan untuk kaum bapa mengurus kewangan dengan baik?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengiktiraf institusi keluarga sebagai satu institusi sosial yang menyumbang kepada produktiviti dan pembangunan Negeri. Menjadi satu tanggungjawab sosial kepada Kerajaan Negeri untuk membantu ke arah proses melahirkan institusi keluarga yang sejahtera dalam kalangan rakyat di negeri ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga akan merangka Dasar Keluarga Negeri Selangor pada tahun hadapan dalam usaha ke arah pemantapan institusi kekeluargaan mengambilkira pelbagai cabaran di zaman teknologi dan moden ini. Justeru itu, aspek kekeluargaan akan terus mendapat perhatian kerajaan di masa hadapan.

Antara indikator yang akan diambil kira dalam membentuk dasar kesejahteraan keluarga ini adalah :

- i. Struktur Keluarga;
 - ii. Sosioekonomi Keluarga;
 - iii. Jalinan Kekeluargaan;
 - iv. Kesihatan dan keselamatan;
 - v. Budaya dan persekitaran.
- b) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah menasaskan beberapa program berbentuk kekeluargaan untuk dilaksanakan dalam tahun 2015. Antara program-program kekeluargaan yang telah dirancang untuk dilaksanakan adalah :-

i) **Seminar Keibubapaan “Towards Gen Alpha 2015”;**

Bertujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu keibubapaan kepada golongan ibu bapa muda yang mempunyai anak-anak yang lahir dalam generasi Alpha memahami dan menangani cabaran membesarkan anak-anak dalam arus teknologi moden.

ii) **Hari Bersama Keluarga (*Family Day Out*); dan**

Matlamat utama program ini adalah untuk mengeratkan institusi kekeluarga sesama masyarakat. Selain itu memberi ruang masa berkualiti untuk bersama ahli keluarga. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

iii) **Program kempen-kempen kesedaran terhadap menangani keganasan terhadap wanita dan keluarga.**

Program ini bertujuan mendidik setiap ahli keluarga terutama remaja dan para suami berkenaan kefahaman gender serta hormat wanita sebagai antara langkah memupuk kesedaran dalam kesamarataan gender sekaligus dapat memberi pendedahan dalam isu keganasan terhadap wanita, kanak-kanak dan warga emas. Pelbagai agensi dan jabatan serta badan bukan kerajaan terlibat dalam usaha bersama ini.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga belum ada perancangan untuk mengkhususkan sesuatu program untuk satu golongan dalam institusi keluarga seperti golongan kaum bapa. Namun demikian, Kerajaan Negeri menyambut baik idea bagi membentuk suatu program perancangan untuk meningkatkan keupayaan kaum bapa dalam mengurus kewangan dengan baik. Disamping itu, Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan cadangan dan komen-komen positif dari semua pihak dalam merangka pembangunan institusi keluarga di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PROGRAM ADUN MUDA SELANGOR

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai anak muda yang telah terlibat dalam program ADUN Muda Selangor dan apakah kesan atau kejayaannya kepada masyarakat
- b) Bagaimana penyertaan atau pemilihan ADUN Muda Selangor dilakukan

JAWAPAN:

- a) Setakat Oktober 2015, seramai 171 orang anak muda telah terlibat dalam program ADUN Muda Selangor. Berikut merupakan pecahan jumlah peserta mengikut sesi:

Bil.	Sesi	Jumlah Peserta
1	Disember 2013	30
2	Disember 2014	46
3	Mei 2015	43
4	September 2015	52
	Jumlah Keseluruhan	171

Program ADUN Muda telah berjaya meningkatkan minat dan kefahaman dalam kalangan anak muda berhubung proses penggubalan undang-undang dan polisi di Kerajaan Negeri. Di samping itu, program ini juga menjadi batu loncatan kepada anak-anak muda untuk mengasah bakat berbahas dalam menentengahkan isu/ permasalahan rakyat.

Hal ini dapat dibuktikan dengan penyertaan beberapa orang alumni Program ADUN Muda dalam gerakan mahasiswa, sayap anak muda parti-parti politik, NGO dan sebagainya. Malahan, salah seorang daripada alumni program ini telah terpilih untuk menyertai program Felo Perdana yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia.

b) Penyertaan adalah terbuka kepada pelajar-pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi Awam, Institut Pengajian Tinggi Swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan anak muda /persatuan mahasiswa tertakluk kepada syarat-syarat di bawah:

- Pemohon berada dalam lingkungan 18 – 24 tahun;
- Pemohon merupakan warganegara Malaysia;
- Pemohon fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris;
- Pemohon tinggal di Selangor dan/atau;
- Pemohon merupakan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Selangor.

Permohonan boleh dibuat melalui portal Dewan Negeri Selangor di alamat **dewan.selangor.gov.my** dengan mengisi borang permohonan dalam talian dan menjawab dua soalan mudah. Panel pemilihan terdiri daripada Y.B. Tuan Speaker dan Y.B. Tuan Timbalan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : JAWATANKUASA KAWALAN WABAK DENGGI DAERAH

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melibatkan ADN, Ahli Majlis PBT dan JKKK dalam Jawatankuasa Kawalan Wabak Denggi Daerah yang diselaraskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah?
- b) Nyatakan jumlah mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Wabak Denggi Daerah yang diadakan di setiap daerah sejak 2014.

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk melibatkan ADUN, Ahli Majlis PBT dan JKKK Daerah dalam Jawatankuasa Kawalan Wabak Denggi Daerah melalui mekanisma Ekosistem.

Mekanisma Ekosistem ini masih di dalam peringkat percubaan dan sedang dilaksanakan di daerah Petaling. Pendekatan ekosistem ini fokus kepada aktiviti pencegahan berbanding kawalan iaitu tertumpu kepada tempat pembiakan jentik-jentik di laksanakan di kawasan – kawasan yang telah di tetapkan.

Di bawah pendekatan ini juga, sesuatu kawasan di dalam Daerah tersebut dibahagikan mengikut DUN bagi pelaksanaan aktiviti pencegahan denggi.

Setiap ekosistem akan diketuai oleh ADUN di kawasan tersebut serta Pejabat Kesihatan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Majlis dan masyarakat setempat menjadi penggerak kepada pelaksanaan aktiviti pencegahan denggi.

Melalui pelaksanaan ekosistem ini, penglibatan semua pihak dalam memainkan peranan masing-masing adalah amat penting bagi memastikan kawasan ekosistem mereka bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.

- b) Jumlah Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Wabak Denggi Daerah yang diadakan di setiap daerah adalah seperti berikut:-

PEJABAT DAERAH / TANAH	2014	2015
PETALING	50	32
GOMBAK	48	48
KLANG	52	52
HULU LANGAT	49	49
SEPANG	32	32
KUALA LANGAT	4	4
KUALA SELANGOR	18	18
HULU SELANGOR	26	16
SABAK BERNAM	6	6
JUMLAH	285	257

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : MELAHIRKAN MASYARAKAT BERDIKARI DAN BEKERJA SENDIRI

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melahirkan masyarakat Selangor yang berdikari dan bekerja sendiri.
- b) Jika ya, apakah langkah-langkan yang telah dan akan diambil?
- c) Mohon nyatakan statistik bilangan penganggur lepasan diploma dan ijazah di Selangor tahun 2012, 2013 & 2014

JAWAPAN:

- a) Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2014 menunjukkan hanya 1.1% sahaja penduduk Malaysia menceburi aktiviti isi rumah sebagai majikan. Laporan ini turut menunjukkan *trend* pekerjaan di Negeri Selangor pada tahun 2010 menunjukkan sektor guna tenaga yang tertinggi ialah di sektor perkhidmatan dengan anggaran 50% penduduk dan sebanyak 20% dalam sektor pembinaan. Data ini menunjukkan penglibatan rakyat Malaysia dan Negeri Selangor khususnya sebagai 'bekerja sendiri' adalah masih rendah.

Kerajaan berpendapat bahawa golongan berdikari dan bekerja sendiri merupakan golongan yang penting dalam ekonomi Negeri Selangor kerana berpotensi untuk mencipta pekerjaan kepada individu lain tanpa mendambakan pekerjaan daripada Kerajaan semata-mata. Kerajaan sentiasa memberi galakan supaya rakyat Selangor untuk sentiasa kreatif meneroka bidang-bidang berpotensi tinggi dan mampu menjana pendapatan yang tinggi kepada rakyat.

- b) Bagi memastikan bidang 'bekerja sendiri' diberi perhatian Kerajaan sentiasa memberi galakan terhadap bidang keusahawanan dengan **memperkasakan Pelbagai Program bantuan perniagaan bagi membantu usahawan baru dan melonjakkan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi serta program peningkatan kemahiran seperti berikut :**
 - i) Kerajaan telah memperkasakan pelaksanaan Skim Mikrokredit Negeri Selangor (SkimSel) dan Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) di bawah satu program bersepadu iaitu **Program Hijrah**. Kedua-dua program ini telah disepadukan untuk melonjakkan lagi golongan

miskin ini berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Peruntukan ditambah daripada RM70 juta pada tahun 2014 kepada RM100 juta pada tahun 2015 diharap mampu merealisasikan hasrat Kerajaan. Sehingga 30 September 2015, sebanyak 11,484 orang mendapat manfaat melalui SkimSel dengan peruntukan berjumlah RM99,826,650.00. MiMBAR pula telah berjaya membantu 5,136 orang dengan peruntukan berjumlah RM10,915,528.00 manakala 11,114 orang telah mendapat manfaat melalui Program Hijrah dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM58,358,000.00.

- ii) Kerajaan memperkasa insentif kepada **usahawan muda** daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan di bawah dana **Usahawan Mikro Selangor**. Program ini pada asalnya dikenali sebagai Dana Industri Kampung telah ditransformasikan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup dan pendapatan golongan ini ke tahap yang lebih tinggi.
- iii) Kerajaan Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Selangor Human Resources Development Center (SHRDC) dan UNISEL untuk melaksanakan program pembangunan bakat **YES (Youth Enhancement Strategy dan i-HIT (Internship High Impact Talent)**. Fokus program ini adalah kepada pelajar lepasan sekolah, lepasan graduan serta pekerja industri sendiri dengan menyediakan kemahiran dalam bidang dalam mengadaptasi bidang matematik, sains computer, statistik, komunikasi, perniagaan dan program pensijilan industri.
- iv) Kerajaan turut menggerakkan usaha kepada rakyat luar bandar melalui **Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor**. Walaupun secara dasarnya pelaksanaan program ini adalah untuk membantu masyarakat luar bandar, namun secara tidak langsung program ini memberi rakyat pengetahuan dan kemahiran untuk berdiri sendiri menjana pendapatan tanpa mendambakan bantuan kewangan. Dalam jangka masa panjang, tidak mustahil untuk penerima bantuan ini bertukar menjadi usahawan berjaya dan mampu mencipta pekerjaan kepada orang lain.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dua (2) institusi pendidikan iaitu INPENS International College, Kuala Selangor dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kuala Kubu Baru. Program ini mensasarkan golongan belia dan beliawanis desa, ibu tunggal dan suri

rumah serta peniaga kecil-kecilan di desa melalui dua (2) program utama iaitu :

- a) Industri Komuniti Kampung
 - Program Pembangunan Usahawan Kemahiran, INPENS;
 - Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan minuman, ITKAU; dan
 - Program Pembangunan Sebagai Juruterapi Komplimentari Berdaftar (KKM), Bidan Kampung Stimulatherapy & Terapi Kesihatan Lelaki.

- b) Kursus Kemahiran Jangka Pendek
 - Program Motosikal;
 - Program Dandanan Rambut;
 - Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara;
 - Program Jahitan;
 - Program Kecantikan; dan
 - Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan Minuman.

- v) Selain itu, Kerajaan turut menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan **Program Kemahiran Teknikal** melalui INPENS International College. Program Kemahiran Teknikal ini merupakan salah satu program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui INPENS International College sejak tahun 2008. Ianya bertujuan bagi memberi peluang kepada golongan generasi muda yang tercicir di dalam pelajaran serta daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Antara kursus-kursus kemahiran di INPENS International College yang diberikan penajaan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti Servis & Penyelenggaraan Motorsikal, Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa, Peralatan Penyamanan Udara HVAC - Satu Fasa (Pemasangan Servis, *Troubleshooting* & Pembaikpulihan), Pembuat Pakaian Wanita, Dandanan Rambut dan pelbagai lagi. Sehingga September 2015, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College ini telah memberi manfaat kepada seramai 2,807 orang dan jumlah ini adalah dijangka meningkat dari tahun ke tahun.

- c) Tiada statistik bilangan penganggur secara khusus di Negeri Selangor. Kadar pengangguran Malaysia pada tahun 2012 ialah 3.0%, meningkat pada tahun 2013 pada kadar 3.1% dan menurun kepada 2.9% pada tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : ORANG KURANG UPAYA (OKU)

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk OKU pada tahun 2015?
- b) Nyatakan jumlah penerima bantuan OKU mengikut jenis dan daerah?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai program bagi semua golongan dan lapisan masyarakat di Selangor termasuk golongan istimewa ini. Pada tahun 2015, sebanyak RM270,000.00 telah diperuntukkan oleh Jawatankuasa Tetap Kebajikan untuk melaksanakan program-program yang bertujuan untuk membantu golongan OKU mendapatkan kemahiran dan pembelajaran bagi memberi peluang kepada mereka mempelajari menguruskan kehidupan dengan lebih baik.

b) Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM174,600.00 telah diperuntukkan dengan melaksanakan program *Job Placement* untuk membantu golongan OKU lepasan sekolah menengah meneruskan pembelajaran di peringkat sijil di dalam bidang Sijil Penyediaan Makanan Dan Masakan di Kagumas Culinary Academy (M) Sdn. Bhd. Sebagai permulaan, seramai 20 orang pelajar OKU yang telah dikenalpasti dan berjaya mendapat tajaan pembiayaan daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk memulakan pengajian pada Oktober 2015 hingga Mac 2016.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pelbagai bantuan melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Pertanian dan sebagainya. Walaupun bantuan-bantuan ini terbuka kepada semua golongan dan lapisan masyarakat, namun sekiranya terdapat permohonan daripada golongan OKU, mereka akan diberikan keutamaan setelah dinilai mengikut kesesuaian bantuan.

c) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah memberi bantuan kepada OKU yang layak dan memerlukan bantuan. Pecahan penerima bantuan OKU mengikut jenis bantuan dan daerah sehingga September 2015 adalah seperti berikut:

DAERAH	Penerima Elaun Pekerja Cacat (EPC)	Penerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	Penerima Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	JUMLAH
KLANG	1,388	342	903	2,633
GOMBAK	924	268	739	1,931
PETALING	2,214	442	625	1,665
HULU LANGAT	1,480	326	1,434	4,200
KUALA LANGAT	549	148	356	1,053
HULU SELANGOR	533	161	536	1,230
SEPANG	372	102	220	694
KUALA SELANGOR	680	272	507	1,459
SABAK BERNAM	519	200	368	1,087
JUMLAH	8,656	2,261	6,003	16,920

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DEIG

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah DEIG sudah bersedia untuk beroperasi pada 2016?
- b) Apakah sasaran Kerajaan Negeri untuk pencapaian DEIG untuk tahun 2016
- c) Butirkan tunai dan aset yang diberi kepada atau disuntik kedalam DEIG

JAWAPAN:

- a) DEIG masih dalam proses untuk memperkemas dan memperkukuh 'corporate governance' serta aspek-aspek ketelusan dalam pentadbiran. DEIG dijangka akan mula beroperasi apabila segala proses ini lengkap iaitu pada suku pertama tahun 2016.
- b) KPI yang diberikan kepada DEIG untuk 2016 adalah dari segi pulangan pelaburan optima, khususnya daripada segi dividen kepada Kerajaan Negeri.

Anak-anak syarikat MBI akan diletakkan di bawah kluster yang khusus supaya duplikasi aktiviti ekonomi di antara anak syarikat tidak lagi wujud, '*economies of scale*' dapat dicipta dan '*corporate efficiency and responsibility*' dapat ditingkatkan.

Apabila aset-aset ini distruktur semula secara komprehensif dan sistematik, pulangan pelaburan kepada Kerajaan Negeri sudah pasti dapat ditingkatkan dan dimaksimakan.

- c) Belum ada tunai dan aset yang diberi kepada atau disuntik ke dalam DEIG.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEROSAKAN KEMUDAHAN DAN BANGUNAN PASAR BESAR
KLANG JALAN MERU**

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Susulan lawatan wakil YAB MB dan EXCO, apakah status terkini tindakan aduan pelbagai kerosakan bangunan, kemudahan dan pengurusan?
- b) Berapa kos dan apakah kerja-kerja baikpulih tersebut?
- c) Bilakah kerja-kerja akan bermula?

JAWAPAN:

- a) Majlis sentiasa membuat pemantauan dengan sebaiknya dan menangani sebarang aduan yang diterima. Sebarang kerosakan akan cuba dibaiki berdasarkan situasi dan keperluan di tapak. Namun terdapat beberapa kemudahan yang memerlukan kos yang tinggi bagi pembaikannya, di mana Majlis telah memohon mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Dengan anggaran kos sebanyak RM100,000.00 pihak Majlis telah membuat penggantian paip yang bocor, mengganti tangki air di pasar borong, membuat pembaikan tandas, membaiki penutup longkang dan pendawaian motor pam biofilter. Majlis juga membuat penyelenggaraan berkala sistem rawatan kumbahan.
- c) Kerja – kerja pembaikan seperti di perkara (b) di atas telah pun siap dilaksanakan. Pada masa ini Majlis bercadang untuk menukarganti seunit motor pam kumbahan biofilter di kawasan pasar tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PUSAT PENGUMPULAN HASIL PENTANIAN

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mewujudkan pusat pengumpulan hasil pertanian di setiap daerah?
- b) Siapakah pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan pusat tersebut?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah mewujudkan enam (6) pusat pengumpulan hasil pertanian melibatkan satu (1) di daerah Kuala Selangor iaitu di Pusat Pertanian Sungai Burong, tiga (3) di daerah Kuala Langat iaitu di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kundang, TKPM Sg Kelambu dan TKPM Bukit Changgang serta dua (2) di daerah Sepang iaitu di TKPM Sg Blankan dan TKPM Ulu Chuchoh.
- b) Pusat pengumpulan ini diuruskan oleh petani di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : CAGARAN TANAH PERKUBURAN

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah cagaran tanah perkuburan yang telah dikutip sejak tahun 2008 mengikut daerah.
- b) Adakah cagaran ini dibelanjakan oleh negeri ataupun mengikut daerah?
- c) Senaraikan jumlah yang telah dibelanjakan mengikut jenis tanah perkuburan dan daerah masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan caruman yang telah dikutip sejak tahun 2008 sehingga September 2015 adalah sebanyak **RM41,471,684.90 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Satu Juta Empat Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Empat dan Sen Sembilan Puluh Sahaja)**. Jumlah kutipan caruman adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- b) Penyaluran peruntukan perbelanjaan adalah berdasarkan daripada **permohonan yang diterima daripada pihak Pentadbir Tanah Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan. Permohonan tersebut akan dikemukakan kepada pihak UPEN selaku** Urus Setia Akaun Amanah Perkuburan yang kemudian akan diangkat bagi **pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Akaun Amanah Perkuburan**.
- c) Sejak tahun 2006 hingga September 2015, Jawatankuasa Akaun Amanah Perkuburan telah meluluskan peruntukan perbelanjaan projek dan program berjumlah **RM23,792,779.31 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tiga Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Dua Tujuh Ratus Tujuh Puluh Sembilan Dan Sen Tiga Puluh Satu Sahaja)**. Peruntukan yang telah diluluskan mengikut jenis tanah perkuburan dan daerah adalah seperti **JADUAL 1**.

JADUAL 1

Bil	Daerah	Jenis Tanah Perkuburan		Jumlah (RM)
		Islam	Bukan Islam	
		(RM)	(RM)	
1	Petaling	5,330,170.00	420,000.00	5,750,170.00
2	Gombak	1,783,805.00	926,992.00	2,710,797.00
3	Klang	3,766,699.52	850,422.30	4,617,121.82
4	Kuala Langat	1,011,875.35	182,271.20	1,194,146.55
5	Hulu Langat	6,705,796.70	899,935.00	7,605,731.70
Bil	Daerah	Jenis Tanah Perkuburan		Jumlah (RM)
		Islam	Bukan Islam	
		(RM)	(RM)	
6	Sepang	241,220.00	0	241,220.00
7	Kuala Selangor	282,109.55	65,031.48	347,141.03
8	Hulu Selangor	767,626.27	521,824.94	1,289,451.21
9	Sabak Bernam	37,000.00	0	37,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		19,926,302.39	3,866,476.92	23,792,779.31

LAMPIRAN B

SENARAI LAPORAN PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKANDAN DAN JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA AKAUN AMANAH

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Daerah Klang					
1	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Projek Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek	2009	800,000.00
2	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Projek Membina Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Tapak Tanah Perkuburan Islam Johan Setia Klang (Fasa 1)	2009	500,000.00
3	Klang	Pejabat Daerah Klang	Pembinaan jalan ke tanah perkuburan islam Batu 8, Jalan Bukit Kemuning, Klang	2013	278,000.00
4	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Projek Membina Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Tapak Tanah Perkuburan Islam Johan Setia Klang (Fasa 2)	2014	1,500,000.00
5	Klang	Pejabat Daerah Klang	Pembinaan Pagar Batu Di Tanah Perkuburan Kampung Rantau Panjang, Klang	2014	191,120.00
			Peruntukan Bagi Memotong Pokok, Belukar Dan Rumput, Meracun Pokok Untuk Tapak Perkuburan	2014	
6	Klang	Persatuan Hokkien Klang (Majlis Perbandaran Klang)	Lot 3875 GRN 17667 Batu 6 Meru) Mukim Kapar Daerah Klang	2014	39,500.00
7	Klang		PT4595 HSD3452 Mukim Kapar Daerah Klang (Batu 6 Meru)	2014	
8	Klang		Lot1534 Mukim Bukit Raja Daerah Petaling	2014	
9	Klang	Persatuan Hokkien Klang (Majlis Perbandaran Klang)	Lot 433 Dan Lot 1170 Seksyen 15 Bandar Shah Alam Daerah Petaling (Sungai Renggam)	2014	11,100.00
10	Klang		Lot 218 , PT 53797 Jalan Banting Mukim Klang (Simpang Lima, Klang)	2014	25,000.00
11	Klang		Lot 47 Dan Lot 50 Seksyen 23 Bandar Klang (Sebelah Sekolah Tinggi Klang Meru)	2014	12,000.00
12	Klang		Perbelanjaan Bagi Meracun Rumput	2014	19,576.00
13	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Membina Incinerator Di Krematorium Majlis Perbandaran Klang Di Simpang Lima	2014	494,300.00
JUMLAH					3,870,596.00
Daerah Gombak					
1	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Kawasan Perkuburan Islam Bukit Lagong (Masjid Al-Mutaqqin) Mukim Batu	2014	48,840.00
2	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Kawasan Perkuburan Islam Bukit Lagong Taman Ehsan Kepong Mukim Batu	2014	116,210.00
3	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Membina Longkang Di Tanah Perkuburan Islam Masjid Country Homes Mukim Rawang 1	2014	142,076.00
4	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 20, Kuang Mukim Rawang 2	2014	103,810.00
5	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Taraf Tanah Perkuburan Islam Bandar Tasik Puteri Mukim Rawang 2	2014	54,400.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
6	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Taman Sri Gombak Mukim Setapak	2014	116,250.00
7	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Jalan/Laluan Di Tanah Perkuburan Islam Taman Keramat AU1, Keramat Permai Mukim Hulu Kelang	2014	90,494.00
8	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Jalan Serta Membekal Dan Memasang Longkang Konkrit Di Tanah Perkuburan Islam Kg Klang Gate	2014	21,615.00
9	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Membina Wakaf Dan Menaiktaraf Pagar Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Batu Arang	2014	100,000.00
10	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Islam Kampung Melayu Seri Kundang Mukim Rawang 2	2014	197,560.00
11	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 17 Kuang Mukim Rawang 2	2014	101,300.00
12	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Membina Wakaf, Memasang Longkang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Klang Gate Mukim Hulu Klang	2014	27,588.00
13	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Cina Sungai Buloh Mukim Batu	2014	200,000.00
14	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Kwong Hock Rawang	2014	150,000.00
15	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Cina Kampung Batu Arang	2014	90,000.00
16	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Cina Kampung Baru Stesen Mukim Rawang 2	2014	89,300.00
17	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf tanah Perkuburan Cina Kampung Baru Kundang Mukim rawang 2	2014	197,692.00
18	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Tanah Perkuburan Cina Taman Sri Gombak Mukim Setapak	2014	200,000.00
19	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Kampung Kemensah Hulu Klang, Ampang	2014	663,662.00
JUMLAH					2,710,797.00
Daerah Kuala Langat					
1	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Kawasan Perkuburan Daerah Kuala Langat Tahun 2013	2013	200,000.00
2	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Batu 10 Kebun Baru	2014	50,200.00
3	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Rambai	2014	61,300.00
4	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teluk Panglima Garang	2014	104,105.00
5	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Medan	2014	46,350.00
6	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sijangkang	2014	45,780.00
7	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kelanang Zon B	2014	20,000.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
8	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kanchong Tengah	2014	30,000.00
9	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menurap Crusher Run Dan Premix Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sawah	2014	16,000.00
10	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Taman Firdaus Kg Sg Lang Baru	2014	20,000.00
11	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kg Morib Dan Tali Air	2014	20,000.00
12	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kg Seri Jugra	2014	30,000.00
13	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Menaiktaraf Jalan Dan Kemudahan Asas Di Tanah Perkuburan Hindu Mukim Bandar Dan Jugra	2014	46,200.00
14	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Tandas, Stor Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Labohan Dagang	2014	19,950.00
15	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membaiki Pagar, Pintu Pagar Dan Lain-Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Seri Cheeding	2014	19,650.00
16	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Wakaf, Tandas, Pembetung Dan Lain-Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Jenjarom	2014	38,050.00
17	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Crusher Run Dan Premix Dan Kerja-Kerja Lain Bersangkutan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Banting	2014	42,780.00
18	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Tandas, Setor Dan Lain-Lain Berkaitan Di tanah Perkuburan Islam Kg Bukit Changgang	2014	19,950.00
19	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Tandas, Pembentung Dan Lain-Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Olak Lempit	2014	19,450.00
20	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Memasang Pagar Dan Kerja-Kerja Menurap Jalan Sekeliling Tanah Perkuburan Islam Kg Sg Lang Tengah	2014	42,129.65
21	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Memasang Pagar Dan Lain-Lain Bersangkutan Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Kg Endah	2014	20,380.00
22	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan (Premix) Di Jalan Kubur Dan Lain-Lain Kerja Di kampong Kundang	2014	19,937.50
23	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Masuk Di Kawasan Perkuburan Kampung Tumbuk Darat	2014	15,700.00
24	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Memasang Pagar Dan Menaiktaraf Jalan Masuk Di Tanah Perkuburan Hindu Di Kg Batu Untung	2014	46,200.00
25	Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat	Cadangan Membersih, Membekal Dan Memasang Pagar Jejaring Serta Kerja Berkaitan Di Tapak Perkuburan Hindu Shg Kelambu Di Lot 4469 Mukim Tanjung Dua Belas	2015	89,871.20
JUMLAH					1,083,983.35
Daerah Hulu Selangor					
1	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Retaining wall	2014	157,374.00
2	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Krematorium Tapak Perkuburan Kaum Hindu di Kuala Kubu Baru	2014	36,195.00
3	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Jalan Premix di Tapak Perkuburan Cina Kuala Kubu Baru	2014	9,258.00
4	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Jalan Premix Dan Pagar Di Kubur Cina Hokkien di Hulu Yam	2014	52,629.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
5	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membaiki Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Guang Xi Di Hulu Yam	2014	75,882.00
6	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Pagar Dan Membaiki Semula Jalan Dan Longkang Di Tanah Perkuburan Cina Kalumpang	2014	112,238.00
7	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membaiki Jalan Raya, Longkang Dan pagar Di tanah Perkuburan Cina Serendah	2014	60,419.00
JUMLAH					503,995.00
Daerah Sabak Bernam					
1	Sabak Bernam	Pejabat Daerah Sabak Bernam	Membaiki Jalan Masuk Ke Kubur Kampung Batu 23 Sungai Nibong Sekinchan	2014	37,000.00
JUMLAH					37,000.00
Daerah Petaling					
1	Petaling	Persatuan Perkuburan Orang Cina Batu 3 Shah Alam	Pembinaan Calibrium	2011	70,000.00
2	Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam	Projek Kerja-Kerja Penambahbaikan Tapak Kubur Islam Seksyen 21 Shah Alam	2012	400,000.00
3	Petaling	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Lapan (8) Tanah Perkuburan Islam Sediada Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	239,800.00
4	Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam	Pembinaan Bangunan Pengurusan Pejabat, Wakaf, Pembinaan Longkang, Kerja Jalan Dan Kerja Tanah bagi Menambak Dan Meratakan Tanah Di Perkuburan Islam (fasa 3) Seksyen 21 Shah Alam	2013	500,000.00
5	Petaling	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Cadangan Taman Perkuburan Islam Di Atas Plot A (7.40 Ekar) Dan Plot B (8.86 Ekar) Dan Tanah Kerajaan PJS 4 Petaling Jaya	2014	3,000,000.00
6	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam USJ 22 Subang Jaya	2014	1,050,000.00
7	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Kampung Baru Batu 14 Puchong	2014	100,000.00
8	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Pusat Pembakaran Mayat Di Krematorium Puchong Batu 14	2014	250,000.00
9	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Tanah Perkuburan Hindu Batu 3 Subang Hi-Tech Subang Jaya	2014	100,000.00
10	Petaling	Pejabat Daerah Petaling	Membina Jalan Dan Dataran Letak Kenderaan Di Perkuburan Islam Kampung Kubu Gajah	2014	40,370.00
JUMLAH					5,750,170.00
HULU LANGAT					
1	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Kerja-kerja Awal Pembangunan Infrastruktur Dan Landskap Di Tanah Perkuburan Islam Bukit Sungai Seputeh (Bukit Permai) Ampang	2011	1,000,000.00
2	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Lapan (8) Tanah Perkuburan Islam Sediada Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	400,000.00
3	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	239,800.00
4	Hulu Langat	Jabatan Agama Islam Selangor	Peruntukan Bagi Pembesaran Kawasan Perkuburan Kariah Kampung Pasir Baru Semenyih Daerah Hulu Langat (Kos Pengambilan Tanah)	2011	400,000.00
5	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Pembaikan Dan Penyelenggaraan Tanah-tanah Perkuburan Kampung-Kampung Tradisi Daerah Hulu Langat	2014	950,000.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
6	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Menyelenggara Kawasan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Sungai Kantan	2014	44,550.00
7	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-Kerja Memasang Lampu Limpah Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Sungai Kantan	2014	47,654.00
8	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Kampung Teras Jernang, Mukim Kajang	2014	144,085.00
9	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pemasangan Tiang Lampu Limpah dan Lampu Jalan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teras Jernang, Mukim Kajang	2014	126,643.30
10	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Penyelenggaraan Kawasan Tanah Perkuburan Kampung Baru Sungai Chua, Mukim Kajang	2014	71,500.00
11	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Islam Kampung Cheras Baru, Ampang	2014	193,094.00
12	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pemasangan Tiang Lampu Limpah dan Lampu Jalan Tanah Perkuburan Islam Kampung Cheras Baru, Ampang	2014	70,197.20
13	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Islam Kampung Dato' Mufti, Ampang	2014	19,540.00
14	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Membina Pagar dan Jalan di Tanah Perkuburan Islam Bandar Bukit Mahkota, Mukim Kajang	2014	69,315.00
15	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Baru Bt. 11 Mukim Cheras	2014	80,280.00
16	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Kenangan Bt.18 Mukim Hulu Langat	2014	123,360.00
17	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Baru Bt. 14 Mukim Hulu Langat	2014	20,000.00
18	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina (Hokkien) Sungai Jelok Mukim Kajang	2014	182,490.00
19	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Baru Bangi Mukim Kajang	2014	118,605.00
20	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Menurap Jalan dan Membina Longkang Tanah Perkuburan Cina Kg. Sg. Kantan, Mukim Kajang	2014	78,100.00
JUMLAH					4,379,213.50
KUALA SELANGOR					
1	Kuala Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor	Kerja-Kerja Memagar Tanah Perkuburan Islam Kg Permatang	2013	19,912.00
2	Kuala Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor	Membina Jalan Masuk Di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kuching	2013	19,880.00
3	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Kerja-kerja Memagar Kawasan Perkuburan Islam Kg Asahan Mukim Pasangan	2014	29,692.00
4	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Kg Teluk Piah Daerah Kuala Selangor	2014	32,197.00
5	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Kerja-kerja Memagar Kawasan Perkuburan Islam Kg Blok AGH Mukim Tanjung Karang 2 Daerah Kuala Selangor	2014	51,030.00
6	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Membbaiki Lorong Perkuburan Kg Permatang	2015	30,030.00
7	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Melebarkan Jalan Perkuburan Kg Jaya Setia	2015	48,500.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
8	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Menaiktaraf Jalan Masuk Dan Pagar Kawasan Kubur India dan Kristian Kg Kuantan	2015	65,031.48
9	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kg Melaka	2015	50,868.55
JUMLAH					347,141.03
SEPANG					
1	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Setor Di Tanah Perkuburan Islam Kg Hulu Teris	2015	19,300.00
2	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Tembok Pagar, Tanda Nama Dan Membaiki Wakaf Di Tanah Perkuburan Islam Kg Hulu Teris	2015	16,500.00
3	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Mengganti Pagar <i>chain link</i> Di Tanah Perkuburan Islam Kg Bukit Bangkong	2015	26,956.00
4	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Pondok Wakaf Di Tanah Perkuburan Islam Pekan Sepang	2015	20,000.00
5	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Pekan Sepang	2015	28,720.00
6	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Jalan Dan Pagar Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Baru Lanjut	2015	48,122.00
7	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Jalan Dan Pagar Di Tanah Perkuburan Islam Giching	2015	81,622.00
JUMLAH					241,220.00
JUMLAH KESELURUHAN					18,924,115.88

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : LEBUHRAYA SUKE

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bantahan terbesar dari NGO dan orang awam terhadap projek pembinaan jajaran Lebuhraya SUKE

JAWAPAN:

- a) Dalam tempoh program pameran dan taklimat awam berhubung cadangan Lebuhraya SUKE yang telah diadakan pada 8 Februari – 22 Februari 2012, sebanyak 453 borang dan surat maklumbalas telah diterima terdiri daripada 409 individu (90%), 17 syarikat (3%), 12 Badan Profesional (3%) 9 Persatuan (2%) dan 3 parti politik (1%).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

**TAJUK : EMPAT PINTU KEDAI MILIK PKNS DI JALAN SULTAN ABD SAMAD
BANTING YANG TELAH MENGALAMI KEBAKARAN PADA 5 MAY
2015**

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa terdahulu?
- b) Apakah kerja-kerja membina semula oleh penyewa-penyewa bangunan mendapat makluman PKNS?
- c) Apakah perancangan PKNS di dalam membangunkan semula kawasan berkenaan?

JAWAPAN:

Status terkini empat pintu kedai milik PKNS di Jalan Sultan Abd Samad Banting adalah seperti berikut :

- a) Kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa adalah antara RM40.00 skp - RM60.00 skp.
- b) Kerja-kerja membina semula dijalankan atas inisiatif penyewa sendiri. Selepas kejadian kebakaran, PKNS telah memaklumkan penyewa mengenai status tanah dan tindakan yang perlu diambil bagi membangunkan semula tapak tersebut di mana penyewa perlu mengosongkan tapak untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun, penyewa masih meneruskan kerja-kerja membina semula walaupun tanpa kebenaran pihak yang berkaitan.
- c) PKNS perlu mendapatkan semula pemilikan tanah yang telah tamat tempoh pajakan pada tahun 2004 sebelum mengemukakan pelan pembangunan yang baru kepada Majlis. Setakat ini Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat sedang menyediakan surat kelulusan rasmi (Notis 5A) bagi tapak tersebut kepada PKNS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERSATUAN BOLA SEPAK MELAYU SELANGOR (PBSMS)

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis bantuan dan jumlah yang diberikan kepada PBSMS?
- b) Adakah PBSMS menyumbang kepada mutu peningkatan bola sepak Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor (KNS) melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) adalah merupakan satu organisasi induk kepada Persatuan – persatuan Sukan Negeri (PSN). Persatuan Bolasepak Melayu Selangor bukanlah persatuan sukan negeri dalam bolasepak dan tidak bergabung dengan pihak Majlis. Oleh yang demikian, tiada peruntukan diberikan kepada persatuan ini. Walau bagaimanapun, pihak Majlis ada memberi sumbangan atas budi bicara bagi membantu persatuan ini menyertai Pertandingan Bolasepak Piala Emas Raja-raja.
- b) Kejohanan utama persatuan ini adalah menyertai Kejohanan Piala Emas Raja-raja. Atlet – atlet yang menyertai kejohanan ini adalah dari barisan atlet – atlet yang belum layak dipilih ke dalam skuad pelapis dan skuad elit Selangor. Ini adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada barisan atlet – atlet ini untuk mendapat pendedahan dalam pertandingan. Dengan adanya program dan aktiviti penganjuran seperti Kejohanan Piala Emas Raja-Raja, ianya juga menyumbang kepada mutu sukan bolasepak dan juga merencanakan lagi pembangunan bolasepak di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : WABAK RABIES

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sebarang kes wabak rabies yang telah dilaporkan di Selangor?
- b) Apakah tindakan pencegahan wabk rabies yang akan diambil oleh kerajaan?
- c) Nyatakan jumlah tangkapan anjing liar mengikut setiap PBT dalam tahun 2015

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, tiada sebarang kes penyakit anjing gila atau rabies telah dilaporkan. Negeri Selangor masih kekal bebas daripada wabak rabies.
- b) Tindakan pencegahan yang dilakukan oleh kerajaan adalah menjalankan surveilan aktif dan surveilan pasif.
 - i. Survelan aktif bermaksud mengambil dan menguji sampel-sampel bagi mengesan kehadiran penyakit rabies. Program surveilan aktif ini telah dijadualkan lebih awal pada setiap tahun.
 - ii. Survelan pasif pula adalah DVS Selangor bersama-sama PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menyiasat setiap kes gigitan anjing yang dilaporkan oleh orang awam bagi memastikan kes berkenaan tidak berkaitan dengan rabies.

c) Statistik Jumlah Tangkapan Anjing Liar Januari Hingga September 2015 adalah seperti berikut:

BIL	PBT	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	JUMLAH
1	MBSA	75	90	72	59	93	90	66	74	87	706
2	MBPJ	75	65	116	115	87	80	30	113	50	731
3	MPK	648	613	531	808	623	669	754	504	737	5887
4	MPAJ	65	106	128	129	70	154	115	75	87	929
5	MPSJ	75	69	71	97	69	179	103	132	182	977
6	MPS	167	156	173	221	203	153	198	101	170	1542
7	MPKJ	227	122	173	211	235	248	208	261	267	1952
8	MPSP	60	44	55	104	91	60	20	29	108	571
9	MDKL	2	3	9	89	153	77	126	16	1	476
10	MDHS	99	75	116	106	160	98	73	107	95	929
11	MDKS	20	19	32	37	8	6	5	3	129	259
12	MDSB	5	4	200	3	3	2	-	-	-	217
JUMLAH		1518	1366	1676	1979	1795	1816	1698	1415	1913	15176

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : KAWASAN TAMBAKAN BAHAN BINAAN DI TAPAK MASJID BUKIT
RAHMAN PUTRA**

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat dasar dan peraturan khusus yang boleh digunakan untuk mengawal selia aktiviti ini?
- b) Apakah tindakan susulan pihak kerajaan negeri untuk memastikan aktiviti ini dapat dikawal sepenuhnya?
- c) Apakah tindakan pihak kerajaan terhadap kontraktor yang gagal mengikut peraturan?

JAWAPAN:

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

- a) Kawasan tambakan bahan binaan tersebut adalah di atas tapak Masjid, di No.8 (Lot 34476), Jalan BRP 4/1, Bukit Rahman Putra, Seksyen U20, 40160 Shah Alam.

Pihak MBSA tiada dasar dan peraturan khusus bagi kawasan tambakan bahan binaan di tanah-tanah milik Kerajaan, mahupun tanah-tanah milik individu.

Walau bagaimanapun, sesuatu pemajuan yang ingin dijalankan ditapak perlulah mendapat kebenaran daripada pihak majlis terlebih dahulu sebelum kerja-kerja ditapak dimulakan.

Menurut peruntukan undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Seksyen 20 Tiada seorang pun boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan selain menurut kebenaran merancang yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 berkenaan dengan pemajuan itu atau syarat-syarat kebenaran merancang itu.

Seksyen 21(1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan sesuatu pemajuan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan dan hendaklah dalam bentuk dan mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan, dan fi yang ditetapkan.

Seksyen 21(2) Jika pemohon itu bukan pemunya tanah yang di atasnya pemajuan hendak dijalankan, keizinan bertulis pemunya tanah mengenai pemajuan yang dicadangkan itu hendaklah diperolehi dan dicatatkan dalam permohonan itu.

- b) JAIS sebagai pemilik tapak perlu memastikan tapak yang telah disewakan kepada pengusaha persendirian mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan. Jika ada didapati ada pelanggaran syarat penyewaan oleh pihak pengusaha, pihak JAIS boleh menyemak/mengkaji/membatalkan penyewaan/perjanjian yang telah dibuat.
- c) Untuk makluman, menjalankan sebarang aktiviti kerja tanah tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Majlis Bandaraya Shah Alam adalah satu kesalahan di bawah **Seksyen 70A(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dibaca bersama Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan)(MBSA) Jalan, Parit dan Bangunan 2005.**

Walau bagaimanapun peruntukan seksyen ini tidak boleh dipakai bagi kerja tanah yang dimula atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri seperti dibawah Seksyen 70A(13) Akta 133.

Pihak Majlis boleh mengambil tindakan untuk memberhentikan kerja ditapak dengan mengeluarkan arahan pada pemilik tanah dan kontraktor serta mengambil tindakan kompaun ke atas kontraktor menggunakan seksyen seperti berikut:

- **Mengambil tempat berturap tanpa kebenaran dibawah Seksyen 39(1) Akta 133 dengan kompaun tidak lebih dari RM500.00**
- **Menyebabkan jalan awam kotor dibawah Seksyen 46(1)(a) Akta 133 dengan kompaun tidak lebih dari RM500.00**
- **Mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan dengan menyediakan papantanda kawalan lalulintas dibawah Seksyen 41(1)(2) Akta 133 dengan kompaun tidak lebih dari RM1,000.00**

Majlis Perbandaran Selayang

- a) Tiada dasar khusus bagi aktiviti tambakan bahan binaan di tapak bina. PSP bertanggungjawab sepenuhnya mengawal tapak bina.
- b) Tiada.
- c) KPKT boleh mengawal selia kontraktor dengan menyenaraihitamkan atas kesalahan yang dilakukan. CIDB juga memainkan peranan dengan mengetatkan Akta CIDB 520.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : SYARIKAT PENGELUARAN AIR SUNGAI SELANGOR (SPLASH)

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status pengambilalihan SPLASH?
- b) Nyatakan jumlah pembelian yang diminta oleh pihak SPLASH bagi penstrukturan semula industri air?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : HUTANG KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembayaran pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.2 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) untuk mengambil alih Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB)?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan anak-anak syarikat memenuhi komitmen pembayaran hutang kepada kerajaan? Apakah langkah-langkah disiplin?

JAWAPAN:

- a) Pinjaman Kerajaan Negeri kepada KDEB bagi pengambilalihan KHSB adalah sebanyak RM413.20 juta. Pinjaman tersebut dikenakan caj pembiayaan sebanyak 4 % setahun yang berjumlah RM 16.528 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman ialah RM 429.728 juta.

MMKN ke 45/2014 bertarikh 19 November 2014, melalui kertas MTES No. 6/35/2014 telah meluluskan penangguhan bayaran balik keseluruhan pinjaman tersebut selama setahun. Tarikh anuiti bayaran balik pinjaman yang baharu ialah pada 28 November 2015. KDEB telah membuat bayaran balik sebahagian berjumlah RM 5 juta. Baki pinjaman keseluruhan adalah berjumlah RM 424.728 juta.

Berikut adalah perkembangan yang berkaitan berhubung proses pengambilalihan 100% saham KHSB oleh KDEB:-

TARIKH	PERKARA (EVENTS)
17 Disember 2013	KHSB secara rasmi telah dikeluarkan daripada senarai Bursa Malaysia.
8 Mac 2014	a. Tawaran pengambilalihan mandatori saham biasa KHSB telah berakhir pada 8 Mac 2014 di mana KDEB hanya berjaya memegang sebanyak 94.8% ekuiti saham di dalam KHSB. b. Walaubagaimanapun, masih terdapat sebanyak

	<p>23,419,740 atau 5.2% saham biasa KHSB dimiliki oleh 3,111 pemegang-pemegang saham minoriti dengan pemegang saham minoriti terbesar iaitu Senrigan Capital yang memegang 17,880,660 atau 3.97% saham biasa KHSB.</p> <p>c. Cadangan asal pembayaran balik pinjaman adalah melalui terbitan <i>Redeemable Non Convertible RULS</i> sehingga berjumlah RM500 juta pada bulan Oktober 2014 selepas pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.</p> <p>d. KDEB telah mengenalpasti beberapa pelabur yang berpotensi untuk melanggan RULS. Walaubagaimanapun, berikutan keengganan pemegang saham minoriti terbesar KHSB iaitu Senrigan Capital untuk menjual saham mereka kepada KDEB, KDEB tidak berjaya memiliki 100% di dalam KHSB. Oleh yang demikian, cadangan terbitan RULS tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga pengambilalihan saham minoriti selesai memandangkan kelulusan dari pemegang saham minoriti adalah diperlukan bagi setiap transaksi pihak berkaitan.</p> <p>e. Bagi menjayakan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti KHSB oleh KDEB, KHSB akan melaksanakan Pengurangan Modal Terpilih dan Pelaksanaan Pembayaran (<i>“Selective Capital Reduction and Repayment Exercise atau SCR”</i>)</p>
18 Mac 2015	<p>Beberapa siri rundingan telah dijalankan di antara KDEB dan Senrigan Capital dari bulan Mac sehingga October 2014 memandangkan pelaksanaan cadangan Pengurangan Modal Terpilih dan Pelaksanaan Pembayaran memerlukan sokongan daripada pemegang saham minoriti terbesar KHSB. Senrigan Capital secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan ini. KDEB telah berjaya mengambilalih 8 juta saham KHSB daripada Senrigan pada 18 Mac 2015</p>
16 Oktober 2015	<p>KDEB telah menjalankan proses mendapatkan kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti, pihak bank dan pemiutang</p>

	<p>utama KHSB dan akhirnya pemegang-pemegang minoriti KHSB untuk melaksanakan SCR tersebut. Pada 16 Oktober 2015, KHSB melalui mesyuarat agung luar biasa (EGM) telah mendapat kelulusan daripada pemegang saham minority untuk SCR.</p> <p>Proses akhir ialah mendapatkan kelulusan Mahkamah Tinggi KL untuk SCR tersebut di mana ia dijangka akan diperolehi pada Disember 2015.</p>
--	--

Oleh yang demikian, setelah mengambil kira bahawa kelulusan Mahkamah Tinggi KL adalah diperlukan untuk *Selective Capital Reduction (SCR)* dalam memastikan KDEB dapat memiliki 100% saham KHSB, di mana kelulusan ini dijangka akan diperolehi pada Disember 2015, maka MMKN Ke 34 / 2015 yang bersidang pada 28 Oktober 2015 telah menimbang dan meluluskan pelanjutan tempoh bayaran balik pinjaman KDEB tersebut selama tempoh (1) tahun iaitu daripada 28 November 2015 kepada 28 November 2016. Tempoh pelanjutan ini adalah bagi membolehkan KDEB merancang pembayaran balik pinjaman setelah KHSB menjadi milikan penuh (100%) KDEB.

- b) Langkah-langkah disiplin yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan anak-anak syarikat memenuhi komitmen pembayaran hutang kepada kerajaan adalah seperti berikut:-
- i. Pemantauan status pinjaman serta tunggakan pinjaman anak-anak syarikat dengan Kerajaan Negeri dibentangkan sebagai salah satu agenda tetap di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor. Mesyuarat tersebut diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun dan dihadiri oleh ketua anak-anak syarikat.
 - ii. Perbendaharaan Negeri Selangor mengadakan mesyuarat tunggakan hutang dengan anak-anak syarikat yang mempunyai tunggakan.
 - iii. Mengeluarkan notis bayaran balik pinjaman sebelum tarikh matang pinjaman.
 - iv. Mengeluarkan notis peringatan tunggakan dari semasa ke semasa.
 - v. Kertas permohonan penyelarasan/penyesuaian tunggakan akan disediakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri tertakluk kepada kes-kes tertentu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SMUE

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak kerajaan merancang menambah manfaat Skim Mesra Usia Emas (SMUE) semasa masih hidup?

JAWAPAN:

- a) Seperti yang telah dinyatakan pada sesi Sidang Dewan Negeri Selangor sebelum ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan manafaat RM100 sekali untuk 5 kali shopping kepada setiap Ahli SMUE yang berdaftar. Kerajaan Negeri juga berharap ia dapat dilaksanakan pada tahun hadapan setelah perkara-perkara yang berkaitan dapat diselesaikan.

Kerajaan Negeri telah menerima cadangan untuk nilai RM100 itu diberikan dalam bentuk program JOM Shopping. Selain dapat mengurangkan tekanan akibat sindrom "empty bird nest", program ini juga mampu menimbulkan suasana keceriaan, memberikan ruang dan peluang untuk mereka saling berinteraksi, membuat keputusan dan pilihan sendiri untuk memiliki barangan yang dikehendaki, malahan ia juga dapat mengeratkan hubungan di antara pemimpin dengan rakyat di satu-satu kawasan.

Oleh kerana terdapatnya penambahbaikan dan beberapa pengubahsuaian yang perlu dilakukan termasuk yang melibatkan perkara berkaitan prosedur kewangan, ia tidaklah dapat dilaksanakan pada ketika ini.

Jumlah manafaat yang dicadangkan ini akan diambil daripada jumlah asal wang manafaat SMUE yang berjumlah RM2500.00 yang ketika ini diserahkan dalam dua fasa yang berlainan. Wang tersebut adalah wang yang berada dalam satu tabung amanah yang dikhususkan bagi membayar manafaat berupa khairat kematian apabila ahli SMUE yang berdaftar telah meninggal dunia. Maka apabila ia mahu digunakan bagi tujuan yang lain, sudah tentu sedikit penyesuaian dalam prosedur kewangan perlulah dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : OPERASI MENANGKAP ANJING LIAR DI KAWASAN MAJLIS
DAERAH SABAK BERNAM**

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tangkapan anjing liar sepanjang tahun 2008 hingga 2014?
- b) Berapa jumlah tangkapan anjing liar sehingga Julai 2015?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tangkapan anjing liar sepanjang tahun 2008 hingga 2014 adalah berjumlah 1,178 ekor.
- b) Jumlah tangkapan anjing liar bagi tempoh Januari hingga Julai 2015 berjumlah 217 ekor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : MASALAH KESESAKAN LALULINTAS DUN TERATAI

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menambahbaikkan masalah kesesakan lalulintas di DUN Teratai?
- b) Soalan ini telah ditolak dalam Mesyuarat Mengkaji Soalan Dewan pada 13 Oktober 2015.

JAWAPAN:

- a) Cadangan Lebuhraya SUKE yang melalui DUN Teratai adalah salah satu usaha untuk menyelesaikan kesesakan lalulintas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BEKALAN AIR BERSIH DI KAMPUNG NAGSYABANDIAH, KAJANG

321. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kampung Naqsyabandiah, terletak kira-kira 4 km daripada Bandar Kajang. Ia berada dalam DUN Semenyih. Sehingga kini, kampung ini tidak mempunyai bekalan air bersih. Mohon penjelasan apakah perkembangan projek membekalkan air bersih di situ seperti tender yang pernah dikeluarkan pada 2013

JAWAPAN:

- a) Penduduk kampung ini tidak menerima bekalan air bersih semenjak tahun 1980-an lagi disebabkan masalah tekanan air rendah dan terpaksa bergantung kepada sumber air bukit berikutan lokasi kampung ini yang terletak di kawasan yang tinggi. Pada tahun 2013 hingga 2014, SYABAS telah menaiktarafkan sistem bekalan air ke Kg. Naqsyabandiah dan dengan penyempurnaan projek tersebut, secara teknikalnya, tekanan air adalah mencukupi untuk membekalkan air kepada penduduk kampung.

Namun begitu, timbul masalah baharu di mana apabila bekalan air dibuka, paip retikulasi sedia ada telah pecah dan bocor di beberapa tempat. Setelah meneliti masalah ini, SYABAS mendapati ianya berpunca daripada keadaan paip yang telah usang dari jenis *Asbestos Cement (AC)* dan telah lama tidak digunakan. Paip retikulasi sedia ada tidak dapat diuji sebelum ini kerana tekanan daripada paip agihan tidak mencukupi untuk membekalkan air ke kawasan ini. Anggapan yang dibuat adalah paip retikulasi ini adalah di dalam keadaan baik ketika kajian menaiktarafkan dijalankan dan seterusnya ia tidak dimasukkan ke dalam skop kerja menaik taraf tersebut.

Bagi mengatasi masalah ini, SYABAS melalui surat bertarikh 8 Disember 2014 dan 7 Mei 2015 telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) untuk memasang sistem paip retikulasi termasuk paip komunikasi di Kg. Naqsyabandiah untuk dimasukkan di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Skop kerja utama ialah pemasangan paip jenis HDPE berukuran 160 mm.

Walau bagaimanapun, KKLW melalui surat mereka bertarikh 10 September 2015 telah menyatakan bahawa mereka tidak dapat mempertimbangkan permohonan SYABAS tersebut kerana ianya adalah melibatkan pemasangan

paip baharu bagi tujuan menaik taraf sistem sedia ada di kampung tersebut yang mana adalah di luar skop Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

SYABAS akan mengkaji semula kos keseluruhan kerja pemasangan paip retikulasi dan menyerahkan pelan cadangan untuk mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR (JAKESS)

322. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan kes yang berjaya diselesaikan dari 2012-2013 mengikut pecahan daerah?
- b) Sila nyatakan apakah pendekatan khusus yang dilakukan untuk memperkasakan Institusi JAKESS?
- c) Sila nyatakan jumlah jawatan kosong yang masih belum diisi oleh JAKESS mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan kes yang berjaya diselesaikan dari 2012-2013 mengikut pecahan daerah adalah seperti statistik yang berikut:

Mahkamah	Jenis Kes	2012			2013		
		Daftar	Selesai	Dalam Prosiding	Daftar	Selesai	Dalam Prosiding
Mahkamah Rayuan Syariah Selangor	Jenayah	4	1	3	2	0	2
	Mal	21	16	5	26	8	18
Mahkamah Tinggi Syariah Selangor	Jenayah	67	62	5	111	97	14
	Mal	1944	1854	90	2146	1910	236
MRS Daerah Gombak Barat	Jenayah	136	127	9	98	98	0
	Mal	1202	1200	2	1382	1367	15
MRS Daerah Gombak Timur	Jenayah	78	72	6	83	66	17
	Mal	859	843	16	848	819	29
MRS Daerah Hulu Langat	Jenayah	301	234	67	337	251	86
	Mal	2612	2490	122	2689	2521	168
MRS Daerah Hulu Selangor	Jenayah	99	99	0	163	159	4
	Mal	603	602	1	663	657	6
MRS Daerah Klang	Jenayah	196	108	88	448	354	94
	Mal	1598	1573	25	1801	1783	18
MRS Daerah Kuala Langat	Jenayah	146	120	26	206	146	60
	Mal	574	570	4	664	658	6
MRS Daerah Kuala Selangor	Jenayah	120	115	5	73	73	0
	Mal	724	723	1	811	807	4
MRS Daerah Petaling Jaya	Jenayah	281	267	14	636	587	49
	Mal	1525	1497	28	1921	1875	46
MRS Daerah Sabak Bernam	Jenayah	160	157	3	120	118	2
	Mal	394	392	2	376	374	2

Mahkamah	Jenis Kes	2012			2013		
		Daftar	Selesai	Dalam Prosiding	Daftar	Selesai	Dalam Prosiding
MRS Daerah Sepang	Jenayah	78	78	0	85	82	3
	Mal	463	462	1	547	546	1
MRS Daerah Shah Alam	Jenayah	305	152	153	547	330	217
	Mal	1611	1484	127	1758	1671	87
JUMLAH KESELURUHAN		14090	13382	803	16284	15350	1184

- b) Pendekatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dalam memperkasakan institusi JAKESS terbahagi kepada beberapa aspek yang berikut:

ASPEK PERUNDANGAN

1. Membuat beberapa pindaan Enakmen Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) Tahun 2015 yang telah digazetkan pada 13 Mei 2015. Antara pindaan yang dibuat adalah -
 - a. menaiktaraf had bidangkuasa kes mal Mahkamah Rendah Syariah Selangor yang berkenaan dengan amaun atau nilai hal yang menjadi pertikaian yang didengar dari RM 100,000.00 kepada RM 300,000.00;
 - b. meminda syarat pelantikan Ketua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Tinggi;
 - c. Mewujudkan bidangkuasa semakan kehakiman; dan
 - d. Mewujudkan jawatan Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Timbalan-timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.
2. Menggubal Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) Tahun 2014 dan telah diwartakan pada 8 Mei 2014. Kaedah ini digubal bagi menyegerakan kes perceraian yang tidak mendapat persetujuan daripada salah satu pihak dalam perkahwinan tersebut dalam tempoh 3 bulan daripada sabitan perbalahan oleh Mahkamah.

ASPEK ORGANISASI

1. Menghantar Kertas Cadangan Pengukuhan Perjawatan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Negeri Selangor pada 8 Julai 2015 untuk dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Cadangan pengukuhan perjawatan tersebut meliputi permohonan menaik taraf 3 jawatan utama, menaik taraf 19

perjawatan, menaik taraf dan memindah butiran sebanyak 12 perjawatan dan mewujudkan 57 perjawatan baru.

2. Melantik seramai 60 orang pegawai dan kakitangan di bawah pembiayaan Lembaga Zakat Selangor bagi mengatasi masalah peningkatan pendaftaran kes dan kes tertunggak yang semakin meningkat yang dihadapi oleh JAKESS. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut akan berakhir pada 31 Oktober 2015 ini kerana pembiayaan oleh Lembaga Zakat Selangor ini hanya untuk tempoh 2 tahun sahaja. JAKESS sedang berusaha mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan pelantikan ini berkuatkuasa pada 1 November 2015.
3. Mewujudkan Mahkamah Rendah Syariah Ampang dan telah mula beroperasi mulai 16 Jun 2014 di Lot A 1210-A 1215, Level 12, Menara A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur. Penubuhannya telah mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor dan telah diwartakan sebagai Mahkamah Rendah Syariah Selangor berkuatkuasa pada 3 Jun 2014. Penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Ampang ini adalah melibatkan pemecahan kawasan-kawasan yang sebelum ini berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat dan Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur dan sebagai alternatif bagi mengurangkan jumlah pendaftaran dan tunggakan kes di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat yang merupakan sebuah Mahkamah Rendah Syariah yang menerima pendaftaran kes dan mempunyai tunggakan kes tertinggi di Selangor dan di Malaysia. Penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Ampang ini juga dibiaya oleh Lembaga Zakat Selangor untuk tempoh 2 tahun sahaja dan akan berakhir pada 31 Oktober 2015. JAKESS sedang berusaha mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk meneruskan operasi mahkamah ini berkuatkuasa pada 1 November 2015.

ASPEK PERKHIDMATAN

1. Melancarkan proses kerja "*Fast Track*" iaitu mempercepatkan penyelesaian kes perceraian dengan persetujuan bersama di bawah seksyen 47 dari tempoh 90 hari kepada 6 jam. Proses kerja tersebut dilancarkan sebagai satu usaha penambahbaikan terhadap pengurusan kes cerai yang mendapat persetujuan daripada kedua-dua belah pihak agar dapat diselesaikan pada hari yang sama.
2. JAKESS dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Hulu Langat dan Hulu Selangor telah melancarkan program *Mobile Court*. Program ini adalah sebagai satu langkah untuk memberikan perkhidmatan perundangan dan kehakiman Syariah terus kepada masyarakat Orang Asal

yang beragama Islam yang sangat takut untuk hadir ke Mahkamah Syariah bagi menyelesaikan kes mereka seperti kes yang melibatkan kes permohonan wali raja dan poligami. Melalui perkhidmatan tersebut, mahkamah telah turun di kampung mereka untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan.

3. Menjayakan program-program bersama orang awam dengan menyertai program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) anjuran Exco Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi yang diadakan di beberapa daerah di Negeri Selangor.
4. Menggunakan media sosial sebagai pengantara antara JAKESS dan orang awam dengan menggunakan aplikasi Facebook, Instagram dan juga Twitter.

Jumlah jawatan kosong yang masih belum diisi oleh JAKESS mengikut waran adalah sebanyak 11 kekosongan. Perincian kekosongan jawatan adalah seperti berikut:

BIL	JAWATAN	LOKASI	BIL KEKOSONGAN
1.	Pegawai Syariah (Pegawai Sulh) LS 41	Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam	3
2.	Penolong Pegawai Syariah LS 38	Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam	1
3.	Penolong Pegawai Syariah LS 32	Mahkamah Rendah Syariah Klang	1
		Mahkamah Rendah Syariah Petaling	1
4.	Pembantu Syariah LS 26	Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam	2
5.	Penghantar Notis Gred N3	Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam	1
		Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat	1
		Mahkamah Rendah Syariah Sepang	1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : BAN PECAH KAMPUNG SUNGAI TENGAR UTARA,SABAK BERNAM

323. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah yang digunakan oleh JPS dalam menambak semula ban tersebut?
- b) Adakah kerajaan ada perancangan khas untuk memastikan ban-ban tersebut terus kukuh dan selamat kepada penduduk tempatan?

JAWAPAN:

- a) Kaedah yang digunakan adalah menggunakan batu bagi mengurangkan impak ombak terhadap benteng sungai. Ini kerana aktiviti perikanan yang semakin rancak telah menyebabkan kekerapan ombak yang menghempas tebing Sungai Bernam. Kaedah ini merupakan kaedah yang sama digunakan untuk mengurangkan impak ombak pada pantai.
- b) Dalam RMK11, perancangan fasa pertama untuk sepanjang benteng Sungai Bernam adalah memerlukan sebanyak RM13 juta untuk membaik pulih kawasan-kawasan yang berisiko berlaku hakisan dan boleh menyebabkan ban pecah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : CAJ ABSTRAKSI SUMBER AIR MENTAH

324. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini pelaksanaan kutipan caj abstraksi sumber air mentah oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu bantahan caj abstraksi sumber air mentah yang dibangkitkan oleh penternak akuakultur?

JAWAPAN:

- a) Pihak LUAS telah melaksanakan skim pelesenan dan caj abstraksi sumber air bermula pada 1 Julai 2005 berdasarkan keputusan MMKN Bil.8/2005 pada 13 April 2005.

Berdasarkan rekod LUAS daripada 1 Julai 2005 sehingga 30 September 2015 terdapat 210 premis yang telah dilesenkan oleh LUAS di Negeri Selangor dengan 109 premis air bumi (203 buah telaga tiub) dan 104 premis air permukaan (194 muka sauk). Jumlah pengeluaran lesen samada lesen baru atau pembaharuan adalah 450 lesen. Terdapat 93 telaga dan 68 muka sauk yang telah ditutup.

Antara sektor yang telah dilesenkan di bawah skim ini adalah perkilangan, pengusaha golf, peladangan, perlombongan, pencucian pasir, nurseri pokok, penjanaaan elektrik, penternakan dan akuakultur.

- b) Sumber air dikawal selia oleh LUAS berdasarkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di dalam Enakmen LUAS 1999. Tanggungjawab LUAS adalah terhadap kawalan apa-apa aktiviti yang menggunakan sumber air bagi memastikan kuantitinya mencukupi bagi semua sektor dan kualitinya yang sesuai untuk digunakan. Melalui kelulusan Kerajaan Negeri, skim pelesenan dan caj abstraksi sumber air ini dilaksanakan sebagai salah satu langkah untuk mengawal penggunaan sumber air yang lebih optima di semua peringkat dan kelangsungannya untuk masa-masa akan datang.

Pelaksanaan Skim Pelesenan Dan Caj Abstraksi Sumber Air Selangor ke atas sektor Perikanan, Penternakan dan Pertanian dimulakan pada tahun 2015.

Aktiviti akuakultur merupakan aktiviti komersial dan ianya tidak tertakluk di dalam sembilan (9) kategori aktiviti yang boleh dipertimbangkan untuk pengecualian caj oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Pengecualian Caj Abstraksi Sumber Air yang telah diluluskan

oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) bil 19/2013 pada 10 Julai 2013.

Pengusaha akuakultur perlu menanggung caj penggunaan sumber air (samada air permukaan atau air bumi) bagi aktiviti akuakultur selaras dengan peruntukan Seksyen 44(1) di mana 'Lembaga adalah antara lain diberikan kuasa perundangan untuk mengenakan caj ke atas penggunaan, abstraksi, pengeluaran, pembuangan, penyaliran, pelencongan dan pengepungan air atau sumber lain'.

Caj abstraksi air adalah RM 0.05 per meter padu bagi tujuan komersial selaras dengan keputusan MMKN Bil. 8/2005 pada 13 April 2005. Caj ini adalah lebih rendah berbanding caj yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka ke atas sektor akuakultur iaitu RM 0.10 per meter padu. Sementara caj abstraksi sumber air di Negeri Sembilan bagi tujuan komersial adalah sebanyak RM0.08 per meter padu.

Pihak LUAS telah memberikan taklimat berkaitan Skim Caj dan Pelesenan Abstraksi Sumber Air kepada pengusaha-pengusaha akuakultur secara berperingkat pada tahun 2015.

NO	TARIKH	PERKARA
1	11 November 2014	Mesyuarat Cadangan Pelaksanaan Skim Pelesenan Dan Caj Abstraksi Sumber Air Negeri Selangor Ke Atas Sektor Perikanan & Penternakan Bersama Jabatan Perikanan Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.
2	22 April 2015	Taklimat bersama Jabatan Perikanan Selangor bagi memberi penerangan kepada semua pengguna sumber air bagi aktiviti akuakultur di daerah Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang.
3	6 Mei 2015	Taklimat bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor bagi memberi penerangan kepada semua pengguna sumber air bagi aktiviti penternakan ayam.
4	20 Mei 2015	Taklimat bersama Jabatan Perikanan Selangor bagi memberi penerangan kepada semua pengguna sumber air bagi aktiviti akuakultur di daerah Hulu Selangor.
5	4 Jun 2015	Taklimat bersama Jabatan Perikanan Selangor bagi memberi penerangan kepada semua pengguna sumber air bagi aktiviti akuakultur di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KENAIKAN KOS SARA HIDUP

325. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat menangani kenaikan kos sara hidup?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu golongan kelas menengah menangani kenaikan kos sara hidup?

JAWAPAN:

- a) Punca utama kenaikan sara hidup antaranya adalah disumbangkan oleh beberapa tindakan dan polisi yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan. Pengenalan GST, kenaikan harga petrol dan diesel, kenaikan tambang LRT dan yang terkini harga tol yang dinaikkan tanpa belas kasihan menambahkan parah kenaikan kos sara hidup rakyat jelata.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dan memandang serius beban yang terpaksa dipikul oleh rakyat, maka Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

- i) **Memperkasa Pelbagai Program Bantuan Perniagaan Bagi Membantu Usahawan Baru dan Melonjakkan Usahawan Sedia Ada Ke Tahap Yang Lebih Tinggi**

Kerajaan telah memperkasakan pelaksanaan Skim Mikrokredit Negeri Selangor (SkimSel) dan Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) di bawah satu program bersepadu iaitu **Program Hijrah**. Program Hijrah dilaksanakan untuk melonjakkan lagi golongan miskin ini berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Peruntukan ditambah daripada RM70 juta pada tahun 2014 kepada RM100 juta pada tahun 2015 diharap mampu merealisasikan hasrat Kerajaan. Sehingga 30 September 2015, sebanyak 11,484 orang mendapat manfaat melalui Program Hijrah.

Kerajaan terus memperkasa insentif kepada **usahawan muda** dengan meningkatkan bantuan daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan di bawah dana **Usahawan Mikro Selangor**. Program ini pada asalnya dikenali sebagai Dana Industri Kampung telah

ditransformasikan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup dan pendapatan golongan ini ke tahap yang lebih tinggi.

ii) **Meningkatkan Keupayaan Rakyat Selangor Kepada Pekerja Berkemahiran Tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)**

Kerajaan Negeri merangka strategi bagi mengurangkan jurang pendapatan kaya dan miskin dengan mewujudkan generasi muda berkemahiran tinggi (*skilled workers*) yang akan mendapat gaji atau upahan berdasarkan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat di Negeri Selangor. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah seperti industri minyak & gas, semikonduktor, elektrik & elektronik dan pembangunan bidang teknologi maklumat & komunikasi (*ICT*), *advance robotic*, big data dan perkakasan.

Ke arah mencapai hasrat mewujudkan generasi berkemahiran tinggi, langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 seperti yang telah dibentangkan di dalam Bajet tahunan Kerajaan Negeri Selangor, memperlihatkan strategi yang melibatkan pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*TVET*), perkhidmatan masyarakat, pembangunan luar bandar, sektor perbandaran dan pembangunan usahawan yang dilaksanakan secara menyeluruh.

Fokus Kerajaan untuk terus memperkasa industri pembuatan supaya dapat mencipta lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan kelayakan berasaskan TVET. Selaras dengan itu, Kerajaan akan terus mempertingkatkan tenaga mahir dalam bidang TVET di Negeri Selangor untuk mengisi peluang-peluang di sektor ini melalui **program latihan** di bawah ***Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)***. Program ini merupakan kolaborasi Kerajaan dan pemain industri secara pepadanan penawaran dengan permintaan industri bagi memastikan bidang yang ditawarkan adalah bertepatan dengan kehendak pasaran. Kolaborasi ini akan diwujudkan di daripada pengambilan pelajar, rekabentuk kurikulum dan penempatan pekerjaan. Program TVET ini akan dijadikan satu bentuk program inovatif supaya dapat menarik generasi muda mengakses program tersebut.

Selain itu, Kerajaan turut menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan **Program Kemahiran Teknikal** melalui INPENS International College. Program Kemahiran Teknikal ini merupakan salah satu program bantuan secara tahunan yang

dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui INPENS International College sejak tahun 2008. Ianya bertujuan bagi memberi peluang kepada golongan generasi muda yang tercicir di dalam pelajaran serta daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Antara kursus-kursus kemahiran di INPENS International College yang diberikan penajaan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti Servis & Penyelenggaraan Motorsikal, Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik- Satu Fasa, Peralatan Penyamanan Udara HVAC - Satu Fasa (Pemasangan Servis, *Troubleshooting* & Pembaikpulihan), Pembuat Pakaian Wanita, Dandan Rambut dan pelbagai lagi.

Sehingga September 2015, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College ini telah memberi manfaat kepada seramai 2,807 orang dan jumlah ini adalah dijangka meningkat dari tahun ke tahun. Melalui program ini, Kerajaan mensasarkan supaya golongan ini mampu mengorak langkah menggunakan kemahiran yang telah diperolehi untuk turut sama dalam pasaran industri dan meningkatkan diri dengan menceburi bidang keusahawanan.

iii) **Meningkatkan Sumbangan Bantuan Pendidikan Bagi Memperkasa Generasi Muda Selangor (2nd Generation)**

Ke arah membantu meringankan beban ketua isi rumah, Kerajaan akan meneruskan program-program seperti **Pusat Tuisyen Rakyat** dan **Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar)**, **Skim Bantuan Tadika (TUNAS)**. Sokongan bantuan pendidikan awal daripada Kerajaan seperti ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan bagi mengukuhkan pengetahuan dan menyediakan generasi muda sejak dari pendidikan awal lagi dan membantu ibu bapa menangani kos pendidikan anak-anak.

Tabung Pendidikan Pekerja Ladang merupakan salah satu insentif yang diberikan Kerajaan supaya generasi baru pekerja ladang mampu melonjakkan diri melalui pengukuhan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat keluar dari kepompong kemiskinan. Sehingga 30 September 2015, 15,686 orang telah menerima manfaat daripada program ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM8,712,645.20.

Di bawah Tabung ini juga, Kerajaan telah memperuntukkan pemberian wang tunai sebanyak RM300 sebagai **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas** kepada setiap anak pekerja ladang bagi mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga. Sehingga kini sebanyak 1,477 pelajar telah mendapat manfaat daripada program ini.

Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2015 kepada **Tabung Biasiswa Selangorku** khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai galakan dan bantuan pembelajaran di universiti. Program Hadiah Anak Masuk Universiti diteruskan kepada keluarga yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan. Kerajaan turut menawarkan 10 tempat di UNISEL untuk anak-anak orang asli yang dibiayai sepenuhnya kerajaan Negeri di bawah **Biasiswa Sagong Tasi**.

iv) **Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan**

Kerajaan turut menggerakkan usaha membantu golongan berpendapatan rendah dan pertengahan di luar bandar melalui **Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor**. Program ini dilaksanakan berdasarkan konsep memberi “pancing bukan ikan” supaya rakyat dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk melonjakkan diri menjana pendapatan dalam jangka masa panjang. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dua (2) institusi pendidikan iaitu INPENS International College, Kuala Selangor dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kuala Kubu Baru. Program ini mensasarkan golongan belia dan beliawanis desa, ibu tunggal dan suri rumah serta peniaga kecil-kecilan di desa.

a) **Industri Komuniti Kampung**

- Program Pembangunan Usahawan Kemahiran, INPENS;
- Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan minuman, ITKAU; dan
- Program Pembangunan Sebagai Juruterapi Komplimentari Berdaftar (KKM), Bidan Kampung Stimulatherapy & Terapi Kesihatan Lelaki.

b) **Kursus Kemahiran Jangka Pendek**

- Program Motosikal;
- Program Dandanan Rambut;
- Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara;
- Program Jahitan;
- Program Kecantikan; dan
- Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan Minuman.

v) **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Program ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil.

Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga September 2015, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 2,386 orang.

vi) **Program Bantuan Perumahan**

Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin diwujudkan adalah khusus untuk membantu rakyat untuk mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami kepada golongan sasar pendapatan seisi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dengan berpandukan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Program ini dilaksanakan di bawah Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin melalui dua (2) jenis bantuan iaitu :

- Bina baru rumah tiga (3) bilik beserta satu (1) bilik air dengan had siling RM35,000.00 bagi sebuah rumah; dan
- Bantuan baikpulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bagi sebuah rumah.

Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki. Di bawah Program ini, kelulusan bagi sesebuah rumah adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin.

Selaras dengan hasrat Kerajaan ke arah 1Keluarga, 1Kediaman, Kerajaan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) telah memperuntukkan RM10 juta bagi membantu peneroka bandar memiliki rumah dengan konsep sewa dan milik melalui **Skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah**.

Selain itu, Kerajaan turut berusaha meringankan beban rakyat untuk memiliki rumah pertama dengan mewujudkan **Skim Selangor Smart**

Home Buyers menerusi pendahuluan bayaran deposit sebanyak sepuluh peratus bagi belian rumah Selangorku jenis B dan C.

vii) Penyediaan Kemudahan Pengangkutan Awam Percuma

Kerajaan turut menyediakan kemudahan pengangkutan awam melalui penyediaan perkhidmatan bas secara percuma 'Bas Smart Selangor' kepada komuniti di MBSA, MPSJ dan MPK yang telah mula dilaksanakan pada Julai 2015. Berdasarkan sambutan yang menggalakkan, perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi di kawasan MPAJ dan MPKj. Pelaksanaan ini telah dirangka dengan mengambilkira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah, keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBEKAL BUKAN BUMIPUTRA

326. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peluang atau ruang untuk pembekal dan kontraktor bukan bumiputra untuk mendapat kontrak kerajaan negeri, PBT, agensi kerajaan dan anak syarikat kerajaan?
- b) Berapakah perolehan yang didapat daripada kontraktor bukan bumiputra berbanding kontraktor bumiputra untuk 2012, 2013, 2014

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman, berdasarkan tatacara perolehan kerajaan yang sedang berkuatkuasa pembekal dan kontraktor bukan bumiputera boleh menyertai proses sebut harga dan tender untuk mendapat kontrak Kerajaan Negeri **kecuali** bagi kategori perolehan dengan nilai tertentu seperti berikut:-

- (i) **Perolehan bekalan dan perkhidmatan** dengan nilai **RM50,000.00 hingga RM 100,000.00** kerana ianya adalah dikhaskan untuk pembekal bumiputera selaras dengan Arahan Perbendaharaan 170.1; dan
- (ii) **Perolehan kerja** dengan nilai **RM 20,000.00 dan ke bawah** selaras dengan Perenggan 6, 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) - PK2 (Kaedah Perolehan Kerajaan) kerana ianya dikhaskan untuk kontraktor **Gred G1** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB) dan **memiliki Sijil Taraf Bumiputera.**

Kesemua agensi kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada tatacara perolehan di atas yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia seperti maksud Arahan Perbendaharaan (AP) 8 seperti berikut:-

“AP8.sungguhpun penggunaan wang Negeri bagi maksud Negeri-Negeri yang tertentu adalah suatu perkara semata-mata bagi maksud Badan Perundangan Negeri dan Kerajaan Negeri, tetapi tatacara kewangan dan perakaunan yang dipakai pada melaksanakan maksud-maksud itu mestilah tidak bertentangan dengan undang-undang Persekutuan atau dengan mana-mana arahan yang diberi oleh Perbendaharaan.”

Manakala, peraturan di atas tertakluk kepada penerimaan Lembaga Pengarah (*Board of Directors*) kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri berhubung *Good Governance* atau Amalan Baik yang menjadi *Standard Operating Procedure* (SOP) syarikat dalam proses perolehan.

Justeru, Kerajaan Negeri berpandangan peluang untuk pembekal dan kontraktor bukan bumiputera mendapatkan kontrak Kerajaan Negeri adalah sentiasa terbuka dan terbentang luas. Kerajaan Negeri menyarankan kontraktor bukan bumiputera untuk bersaing secara sihat bersama-sama pembekal dan kontraktor bumiputera yang lain di dalam proses perolehan yang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA DAMANSARA- SHAH ALAM (DASH)

327. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri tidak bersetuju dengan pelaksanaan projek DASH yang akan dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan di negeri Selangor?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : TRANSAKSI TANAH OLEH ECO WORLD DI IJOK

328. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kemusykilan yang dihadapi oleh MBI dan Eco World dalam transaksi tanah di Ijok?
- b) Apakah kesan yang timbul terhadap kerajaan negeri dalam transaksi ini?

JAWAPAN:

- a) Pada 22 September 2015, Eco World Development Berhad telah membuat pengumuman kepada Bursa Malaysia bahawa pihaknya telah melakukan perjanjian jual beli bersyarat melalui anak syarikatnya Paragon Pinnacle Sdn Bhd dengan beberapa syarikat lain untuk membeli beberapa bidang tanah di Mukim Ijok, Kuala Selangor.

Bagaimanapun, sebahagian daripada tanah yang diumumkan itu, iaitu di Alam Mutiara terbabit dalam proses perundangan di Mahkamah yang turut membabitkan Kerajaan Negeri dan sehingga kini belum dimuktamadkan.

Tindakan Eco World membuat perjanjian berkenaan dilihat mengeneipikan proses perundangan yang sepatutnya diselesaikan terlebih dulu sebelum membuat sebarang perancangan komersil.

- b) Kerajaan Negeri mengambil berat tentang isu pembelian tanah ini kerana ia membabitkan kebajikan peneroka yang belum mendapat pampasan setimpal disebabkan pemaju yang gagal menyempurnakan projek terdahulu.

Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan sebarang transaksi komersil dalam hal ini hendaklah mematuhi prinsip keadilan sosial dan memberi keuntungan kepada semua pihak khususnya kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : WABAK DENGGI SELANGOR

329. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Pelan Tindakan Mencegah Denggi yang telah dan akan dilaksanakan di Selangor?
- b) Sejauh mana keberkesanan program mencegah denggi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri?
- c) Berapa banyak kos dibelanjakan bagi melaksanakan program atau tindakan mencegah denggi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dalam menangani isu denggi di Negeri Selangor. Namun, kes denggi di Negeri Selangor masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Usaha giat membanteras denggi telah mula dijalankan mulai tahun 2013 dengan mengadakan Mesyuarat Mingguan Denggi Peringkat Negeri & Daerah, Program Gempur Aedes dan Kempen Kawalan Denggi.

Pada tahun 2014, usaha ini dipergiatkan lagi dengan meneruskan Mesyuarat Mingguan Denggi Peringkat Negeri & Daerah, pelaksanaan Pelan Tindakan Program Denggi – KKM, Pelan Tindakan Denggi PBT – KPKT dan Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2014.

Pada tahun ini pula, fokus utama Kerajaan Negeri dalam membanteras denggi adalah melalui:-

- i. Pendidikan kesihatan;
- ii. Pelan Strategik Sifar Pembiakan Aedes Negeri Selangor; dan
- iii. Penggunaan inisiatif baru.

Antara usaha yang telah dijalankan pada tahun 2015 bagi menangani kes denggi di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan;

- ii. Mengadakan Mesyuarat Membincangkan Isu Wabak Denggi Peringkat Negeri Selangor secara Dwi – Mingguan;
- iii. Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling;
- iv. Operasi Tapak Bina;
- v. *Task Force* Denggi diperingkat PBT;
- vi. Mesyuarat Kawalan Denggi di Peringkat Daerah;
- vii. Aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko seperti di tapak bina, tanah kosong, rumah kosong, rumah ibadat, kawasan perumahan;
- viii. Meningkatkan penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975;
- ix. Memberi kesedaran kepada orang ramai melalui khutbah jumaat & ceramah di masjid dan surau;
- x. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di peringkat masyarakat;
- xi. Membuat edaran risalah denggi dan memberi abate;
- xii. Program/ Projek Khas PBT seperti SEDAR, BATAS dan Advokasi Denggi;
- xiii. Program Asap dan Musnah Daerah Petaling; dan
- xiv. Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes yang telah diadakan pada 27-29 Julai 2015 dan turut dihadiri oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Jabatan kesihatan negeri selangor, Pejabat Kesihatan Daerah, dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bengkel tersebut telah merumuskan pelbagai strategi baharu yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Antaranya adalah seperti menggunakan **kawalan biologi** bagi mengawal pembiakan nyamuk aedes, Majlis Pelancaran **Tapak Bina Sifar Aedes** yang akan melibatkan semua pemaju di Negeri Selangor, **silibus pendidikan kesihatan** kepada murid tadika dan sekolah Negeri Selangor serta aplikasi telefon bimbit yang akan memaparkan status denggi di sesuatu kawasan

Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes ini akan dilancarkan pada Januari 2016 dan pelaksanaannya adalah pada sepanjang tahun 2016.

- b) Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha, program, tindakan telah di laksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membanteras penyakit demam denggi dan nyamuk Aedes.

Pelbagai kejayaan juga telah di capai melalui program-program yang di laksanakan. Antaranya adalah seperti, Program Gotong-Royong Mega: Terjah & Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 telah di adakan pada 16 November 2014 manakala, Program Terjah & Musnah Aedes Daerah Petaling

telah di adakan pada 7 Februari 2015 . Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor bersama semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah bersama-sama turun padang bagi melaksanakan program ini.

Strategi utama program ini adalah meningkatkan kesedaran awam dan aktiviti “cari dan musnah” kawasan potensi pembiakan nyamuk di dalam dan di luar rumah oleh setiap individu serta masyarakat.

Keberkesanan Program ini dapat dilihat melalui statistik kes denggi mingguan yang semakin menurun setelah program ini di jalankan pada 7 Februari 2015 khususnya di daerah Petaling.

	31 Dis 14	10- Jan- 15	31- Jan- 14	7- Feb- 15	14- Feb- 15	21- Feb- 15	28- Feb- 15	7- Mar- 15	14- Mar- 15	21- Mar- 15
Peta ling	751	657	1025	955	917	883	736	778	599	547

Pada masa yang sama, hasil keberkesanan usaha-usaha lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri juga dapat dilihat melalui pengurangan kes denggi di Daerah Petaling yang menunjukkan pengurangan jumlah kes kepada **297 kes** pada epid-41 tahun 2015 (17 Oktober 2015) berbanding pada epid 4 tahun 2015 (31 Januari) iaitu 1025 kes. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah kes ini merupakan jumlah kes yang paling rendah sepanjang tahun 2015 di daerah Petaling.

Melalui keadaan tersebut, ini membuktikan bahawa, Kerajaan Negeri tidak pernah mengambil mudah mengenai isu denggi ini dan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha sedaya upaya bagi memastikan masalah denggi di Negeri Selangor dapat dibanteras sepenuhnya.

- c) Jumlah peruntukan yang digunakan bagi melaksanakan program atau tindakan mencegah denggi bagi tahun 2015 adalah sebanyak **RM 11,014,348.27** dengan pecahan seperti berikut:-

PBT	RM
MBSA	5,535,230.67
MBPJ	2,700,000.00
MPSJ	1,286,612.00
MPK	100,000.00
MPS	30,000.00
MPAJ	476,415.60
MPKJ	68,320.00
MPSP	250,000.00
MDKL	215,000.00
MDKS	50,000.00
MDHS	59,000.00
MDSB	30,000.00
PEJABAT DAERAH / TANAH	RM
PETALING	10,000.00
GOMBAK	-
KLANG	9,770.00
HULU LANGAT	-
SEPANG	-
KUALA LANGAT	-
KUALA SELANGOR	9,000.00
HULU SELANGOR	-
SABAK BERNAM	-
UPEN	400,000.00
JUMLAH	11,014,348.27

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN BERSEPADU DI DAERAH SEPANG

330. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Cadangan ini masih belum menjadi kenyataan sehingga sekarang walaupun keperluan rakyat Selangor terhadap tanah perkuburan semakin meningkat. Mengapakah kerajaan tidak melihat perkara ini sebagai perkara serious dan tidak menawarkan cara penyelesaian alternative untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana yang dijelaskan di dalam sidang dewan yang lepas, Kerajaan Negeri telah menjalankan Kajian Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor. Hasil kajian tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) di Negeri Selangor mengikut lokasi dan wilayah-wilayah kedudukan PBT. Kajian ini turut merumuskan penawaran tapak-tapak perkuburan semasa dan keperluan perkuburan di Negeri Selangor untuk tempoh 50 tahun iaitu sehingga tahun 2060. Cadangan tapak-tapak PWB dikenalpasti mengikut kewujudan tapak, kadar kemudahansampaian dan kemudahan aksesibiliti untuk perkongsian bersama antara PBT yang berhampiran bagi memenuhi keperluan penduduk setempat dan PBT berjiran.

Sebagai cadangan awal, sejumlah **empat (4) tapak perkuburan** dengan jumlah keluasan **300.63 hektar (742.87 ekar)** telah dikenalpasti untuk dijadikan tapak perkuburan yang dicadangkan mengikut tampungan di 3 zon utama iaitu Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Timur.

Bagi Daerah Sepang, terdapat satu tapak perkuburan wilayah bersepadu berkeluasan 25 ekar yang kini dalam penyediaan pelan susunatur pembangunan dan pelan pengurusan PWB bagi keseluruhan tapak ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : DENGGI

331. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini denggi mengikut PBT?
- b) Berapakah jumlah kematian yang dicatatkan dari tahun 2013-2015?
- c) Apakah kaedah terkini yang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kes denggi 2015 (sehingga Minggu Epid 41) mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:-

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	JUMLAH KES
1	MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA (MBPJ)	6743
2	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)	6445
3	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)	8923
4	MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)	4719
5	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)	9126
6	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)	3557
7	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)	-
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)	2747
9	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)	732
10	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)	493
11	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)	828
12	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)	-
Jumlah Keseluruhan		44313

“ Tiada data bagi Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) kerana keseluruhan kawasan tersebut dibawah seliaan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) .

- b) Jumlah Kematian Yang Dicatatkan Dari Tahun 2013-2015 akibat Denggi untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut: -

Tahun	Jumlah Kematian
2013	24
2014	73
2015 (sehingga Epid 41)	105
Jumlah	202

- c) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dalam menangani isu denggi di Negeri Selangor. Namun, kes denggi di Negeri Selangor masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai usaha bagi menangani kes denggi di Negeri Selangor. Antaranya adalah seperti berikut: -

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan;
- ii. Mengadakan Mesyuarat Membincangkan Isu Wabak Denggi Peringkat Negeri Selangor secara Dwi – Mingguan;
- iii. Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling;
- iv. Operasi Tapak Bina;
- v. *Task Force* Denggi di peringkat PBT;
- vi. Mesyuarat Kawalan Denggi di Peringkat Daerah;
- vii. Aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko seperti di tapak bina, tanah kosong, rumah kosong, rumah ibadat, kawasan perumahan;
- viii. Meningkatkan penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975;
- ix. Memberi kesedaran kepada orang ramai melalui khutbah Jumaat & ceramah di masjid dan surau;
- x. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di peringkat masyarakat
- xi. Membuat edaran risalah denggi dan memberi abate;
- xii. Program/ Projek Khas PBT seperti SEDAR, BATAS dan Advokasi Denggi;
- xiii. Program Asap dan Musnah Daerah Petaling; dan yang terkini adalah;

- xiv. Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes yang telah diadakan pada 27-29 Julai 2015 dan turut dihadiri oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Kesihatan Daerah, dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bengkel tersebut telah merumuskan pelbagai strategi baharu yang akan di laksanakan dalam tempoh terdekat. Antaranya adalah seperti menggunakan **kawalan biologi** bagi mengawal pembiakan nyamuk aedes, Majlis Pelancaran **Tapak Bina Sifar Aedes** yang akan melibatkan semua pemaju di negeri selangor, serta **silibus pendidikan kesihatan** kepada murid tadika dan sekolah Negeri Selangor. **Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes** ini akan dilancarkan pada Januari 2015 dan pelaksanaannya adalah sepanjang tahun 2016

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) OLEH MENTERI
BESAR INCORPORATED (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT**

332. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Corporate Social Responsibility (CSR) yang telah diberi oleh MBI dan anak-anak syarikat pada tahun 2015?
- b) Adakah wujudnya garis panduan di MBI dalam menentukan penerima CSR?
- c) Bagaimanakah MBI memastikan pengurusan CSR oleh anak-anak syarikatnya adalah telus?

JAWAPAN:

- a) Butiran bagi aktiviti CSR MBI dan anak-anak syarikat dilampirkan bersama-sama jawapan ini.
- b) Ya. MBI mempunyai garis panduan dalam menentukan penerima CSR.
- c) MBI memastikan ketelusan dalam pengurusan CSR dengan berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan seperti berikut;
 - 1) Sumbangan hanya boleh dibuat kepada organisasi yang berdaftar di Pendaftar Pertubuhan, mana-mana agensi kerajaan atau pemimpin setempat. Tiada sumbangan kepada individu boleh dilakukan.
 - 2) Penerima-penerima yang dibenarkan :
 - 2.1 Persatuan
 - 2.2 Kelab
 - 2.3 Pertubuhan
 - 2.4 Institusi
 - 2.5 Badan-badan rumah agama
 - 2.6 Lain-lain seperti yang diluluskan Ahli Lembaga Pengarah ("ALP").

3) Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan :

3.1 Aktiviti-aktiviti yang memberi kebaikan kepada pertubuhan seperti:

- 3.2.1.1 Akademi
- 3.2.1.2 Alam Sekitar
- 3.2.1.3 Agama
- 3.2.1.4 Sukan
- 3.2.1.5 Kebajikan

3.2 Kecemasan seperti :

- 3.2.2.1 Kebakaran
- 3.2.2.2 Banjir
- 3.2.2.3 Tanah runtuh
- 3.2.2.4 Lain-lain seperti yang diluluskan ALP

4) Tiada sumbangan amal kepada kepada parti politik dibenarkan. Semua sumbangan amal mesti ikut prosedur rasmi.

5) Sumbangan amal yang membawa konflik adalah dilarang. Tidak kira apa jua bentuk atau keadaan.

LAMPIRAN MBI**MBI: Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	107,237,952.00	16,040,347.00	47,155,446.00
Senarai Program Kerajaan negeri			
Program Khas Mesra Rakyat			31,670.00
Perbelanjaan Pengurusan FAS	4,000,000.00	6,500,000.00	8,500,000.00
SKIM Mikrokredit (MES Program)			
YAQ - Skimisel	-	2,000,000.00	5,500,000.00
YAQ - Mimbar	-	500,000.00	1,649,448.95
YAQ - Hijrah	84,882,457.00	-	-
Projek PTG - Landbank	203,118.29	-	203,118.29
Program Terima Kasih Rakyat	-	-	-
Program SRI (Padi)	-	-	-
Tabung Pendidikan - Bendahari Negeri	-	-	-
Pembiayaan Air Negeri Selangor	-	-	-
Pengurusan Taska Kerajaan	-	-	-
Program Sumbangan Lembu Korban	5,180,000.00	2,861,250.00	2,313,400.04
17 Program Geran Selangorku	-	3,981,262.91	28,646,769.11
WIFI Selangorku	768,336.04	-	-
IDE - Penyelidikan & Pembangunan	2,259,380.00	-	-
Program Temasya Selangor	45,000.00	-	-
Pendidikan Tahfiz Al Quran	500,000.00	-	-
Jumlah	97,838,291.33	15,842,512.91	46,844,406.39
Senarai lain-lain program			
PEKAWANIS NGO - Biaya operasi pusat dialisis	-	-	90,000.00
Sumbangan Pembangunan Kg. Baru	-	3,810.00	33,540.00

Program Yayasan Samarahan	-	-	150,000.00
Program Yayasan Cendiakawan Melayu Baru	-	70,000.00	-
Sumbangan - Anak Yatim Aidilfitri	-	100,000.00	-
Sumbangan- Pusat Dakwah Serantau	-	10,000.00	20,000.00
Sumbangan Topeng Jerebu	-	-	1,300.00
Sumbangan Flat Pandamar	-	-	2,500.00
Bantuan Perubatan - Sulaiman @ Suhaimi / Adik Mawar & Adam	-	-	5,000.00
Sumbangan - Inpens Majlis Konvokesyen	-	5,000.00	-
Sumbangan - Mangsa Banjir	1,519,800.00	-	-
Sumbangan - Masyarakat Cina	195,000.00	-	-
Sumbangan - Masyarakat India	200,000.00	-	-
Sumbangan lain	145,284.50	9,024.56	8,700.00
		-	-
Jumlah	2,060,084.50	197,834.56	311,040.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	99,898,376	16,040,347	47,155,446

LAMPIRAN TOURISM SELANGOR SDN BHD

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	30,000.00	5,000.00	-
Senarai Program Kerajaan negeri			
-			
Jumlah	-	-	-
Senarai lain-lain program			
- Sumbangan Mangsa Banjir Kelantan	-	5,000.00	-
- Program Sentuhan Kasih Lebaran 2015 bersama Cadbury di Tesco dan Royale Chulan Damansara	16,000.00	-	-
- Junior Eco Troupes Program 2015 di Kelip-Kelip Kampung Kuantan Kuala Selangor	14,000.00	-	-
Jumlah	30,000.00	5,000.00	-
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	30,000.00	5,000.00	-

LAMPIRAN UNISEL**Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	18,900.00	23,100.00	36,800.00
Senarai Program Kerajaan negeri			
- Item -	-	-	-
Jumlah	-	-	-
Senarai lain-lain program			
1. Program UNISMART - Fast track SPM			
- Sewaan Rumah Lot tengah (RM700) - (2013-11 unit, 2014 -17 unit, 2015-32 u	7700	11900	22400
- Sewaan Rumah Lot tepi (RM800) (2013-9 unit, 2014-9 unit, 2015-13 unit)	7200	7200	10400
- Sewaan Lot Rumah Kedai (Anggaran-RM1000*) (2013-4 unit, 2014-4 unit, 20:	4000	4000	4000
*Berdasarkan kadar sewaan lot bersebelahan			
Jumlah	18,900.00	23,100.00	36,800.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	18,900.00	23,100.00	36,800.00

LAMPIRAN KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	505,000.00	428,750.00	531,551.00
Senarai Program Kerajaan negeri			
- Program Raja Muda - Tourism Selangor	-	20,000.00	-
- Sumbangan Lembu Korban	500,000.00	408,750.00	322,714.00
- Sumbangan banjir ke Negeri Pahang, Johor, Terengganu	-	-	50,000.00
- Sumbangan "Thumb drive"	-	-	1,897.00
- Sumbangan Greenfest Selangorku Carnival	5,000.00	-	-
Jumlah	505,000.00	428,750.00	374,611.00
Senarai lain-lain program			
- Sumbangan kepada Tabung Warisan Negeri Selangor	-	-	156,940.00
Jumlah	-	-	156,940.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	505,000.00	428,750.00	531,551.00

LAMPIRAN COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Perkhidmatan informasi untuk rakyat Selangor (Surat khabar percuma)	6,309,478	6,565,961	9,251,394
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	6,309,478	6,565,961	9,251,394

LAMPIRAN KSSB**Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah Peruntukan tahunan (A+B)	8,300,000.00	7,960,000.00	9,000,000.00
Peruntukan tahunan (A)	<u>7,300,000.00</u>	<u>6,950,000.00</u>	<u>7,500,000.00</u>
Senarai Program Kerajaan negeri			
- Program Kerajaan Prihatin	-	1,000,000.00	1,000,000.00
- Kejohanan Golf Selangor Maters	-	50,000.00	300,000.00
- Pembelian Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor	740,000.00	408,750.00	330,486.00
- Tabung Warisan Negeri Selangor	578,843.00	316,514.00	264,644.00
- Bantuan Banjir Pantai Timur & Utara Semenanjung	-	200,000.00	-
- Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GEMS)	-	1,500.00	-
- Kejohanan Sukan SUK Malaysia	-	500.00	-
- Program Tahfiz AL-Quran & Al-Qiraat	500,000.00	-	-
- Penajaan kepada FAS bagi musim 2014/2015	5,000,000.00	-	-
- Penajaan Piala Sultan Selangor	200,000.00	-	-
- Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Selangor	600,000.00	-	-
- Tabung Generasi YAWAS (Teras)	50,000.00	-	-
- Penajaan Kejohanan Golf Jemputan Raja Muda Worldwide Holdings Selangor	20,000.00	-	-
- Temasya Selangor	45,000.00	-	-
- Tajaan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor	5,000.00	-	-
Jumlah	<u>7,738,843.00</u>	<u>1,977,264.00</u>	<u>1,895,130.00</u>
	2015 RM	2014 RM	2013 RM

Peruntukan tahunan (B)	1,000,000.00	1,010,000.00	1,500,000.00
Senarai lain-lain program			
- Sumbangan Tabung persatuan bagi menjayakan program/majlis/bengkel (Badan Kebajikan & Kelab)	213,104.00	81,677.00	44,750.00
- Program-Program Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar, Projek Bekalan Air dan Sumbangan Pasir (Projek KSSB, Agensi Kerajaan dan Persatuan)	5,326.00	555,640.00	-
- Sumbangan Pembiayaan Program dan Aktiviti Berkaitan Keagamaan (Rumah Ibadat & Persatuan Keagamaan)	45,000.00	9,550.00	27,500.00
- Sumbangan Membina, Menaiktaraf dan Membaikpulih Bangunan dan Infra (Rumah Ibadat, Sekolah & Persatuan Penduduk)	98,567.00	40,649.00	86,000.00
Jumlah	361,997.00	687,516.00	158,250.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	8,100,840.00	2,664,780.00	2,053,380.00

LAMPIRAN PNSB**Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

		2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan		3,528,454.00	2,168,550.00	-
Senarai Program Kerajaan negeri	Penerima			
- Sumbangan Anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk Program Kerajaan Prihatin	Bendahari Negeri Selangor		1,000,000.00	
		-		-
- Sumbangan Lembu Korban sempena Hari Raya Aidiladha 2014	MBI	-	408,750.00	-
- Pertandingan 'The Sultan Selangor's Cup 2014 (MSN Selangor)	MSNS	-	100,000.00	-
- Tajaan Kejohanan Golf Selangor Master	Bendahari Negeri Selangor	-	200,000.00	-
- Sumbangan Anak Yatim Negeri Selangor sempena Aidilfitri 2014 (YIDE)	YIDE	-	2,000.00	-
- Membekal Kain Songket (Samping) sempena Rumah Terbuka MB Selangor 2015	REKAKAMI	5,804.00		
			-	-
- Sumbangan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2015 peringkat Negeri Selangor	Bendahari Negeri Selangor	600,000.00		
			-	-
- Sumbangan Lembu Korban sempena Hari Raya Aidiladha 2015	MBI	740,000.00	-	-
- Sumbangan Program Pendidikan Tahfiz	KUIS	1,000,000.00	-	-
- Sumbangan untuk majlis Kebajikan dan sukan anggota-anggota Kerajaan Selangor (MAKSAK) sempena Karnival Sukan Nasional Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semalaysia ke XVII	Bendahari Maksak Selangor	1,000.00		
			-	-
- The Sultan Selangor Cup 2015	MSN	600,000.00	-	
- Sumbangan Pasca Banjir Perbadanan dan korporat Negeri Selangor untuk misi kemanusiaan di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak	Bendahari Negeri Selangor	300,000.00		
			-	-
- Sumbangan penajaan Kejohanan Golf Master Jemputan Raja Muda Worldwide Holdings Selangor 2015	Bendahari Negeri Selangor			
		-	-	-

Jumlah		3,246,804.00	1,710,750.00	-
--------	--	---------------------	---------------------	---

Senarai lain-lain program

Penerima

- Sumbangan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Masjid Al-Falah USJ bagi menjayakan Majlis Duhai Rasul, Engkau Tetap Dalam Hati kami	Masjid Al-Falah USJ 9	-	1,000.00	-
- Sumbangan sempena Tahun baru Cina 2014 anjuran PEKAWANIS	PEKAWANIS	-	136,500.00	-
- Sumbangan Khairat kematian kepada keluarga Allahyarhamah Adik Amanda Dany Shah	BAKRI	-	1,000.00	-
- Sumbangan kepada pusat Jagaan dan asuhan Draudhatul Ikhwan (PJDRI)	Draudhatul Ikhwan	-	2,000.00	-
- Sumbangan anuegerh pelajar terbaik bidang latihan dan kemahiran untuk Majlis Konvokesyen kali ke 18 INPENS	Inpen Selangor	-	2,000.00	-
- Sumbangan bagi program kelas harapan untuk pelajar miskin anjuran KKNIS	Kelab Kebajikan 'Nur Insaniah	-	1,000.00	-
- Sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri 2014 anjuran PEKAWANIS	PEKAWANIS	-	136,200.00	-
- Sumbangan tanggungjawab sosial korporat kepada penganjuran karnival kerja & keusahawanan islam 2014 anjuran kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Akaun Aktiviti pelajar KUIS	-	2,000.00	-
- Sumbangan penganjuran program jalinan ukhwah bersama anak-anak Yatim ke Zoo Negara anjuran pelajar fakulti pengurusan perniagaan Uitm Kampus Puncak Alam	Muhamad Ihsan bin Haron	-	1,500.00	-
- Sumbangan surau An-Nur Taman Kantan Permai, Kajang	Tabung Pembinaan Surau An-Nur Taman Kantan Permai Kajang	-	1,000.00	-
- Sumbangan golf persahabatan RHB Classic 2014	RHB Golf Classic	-	4,000.00	-
- Sumbangan untuk anugerah Naib Canselor sempena istiadat konvoseksyen UNISEL kali ke 19	Universiti Selangor	-	2,000.00	-
- Peruntukan tambahan oleh anak-anak syarikat untuk program Raja Muda International Regatta edisi ke 25 tahun 2014	Tourism Selangor SSIC Berhad	-	20,000.00	-
- Kejohanan golf jemputan pelaburan Negeri Selangor kali ke 12 (2014)	SSIC Berhad	-	600.00	-
- Sumbangan tanggungjawab sosial korporat CSR kepada Surau Al-Firdaus, Taman Banting Baru, Banting, Selangor	Badan Khairat Kematian Surau Al-Firdaus	-	1,000.00	-
- Sumbangan untuk kelab SUK Selangor sempena kejohanan SUK se Malaysia 2014	Bendahari MAKSAK Selangor	-	1,000.00	-

- Sumbangan penajaan untuk pasukan Bola Sepak Selangor bagi menghadapi kejohanan Piala Emas Raja-Raja ke-74	Persatuan Bolasepak Melayu Selangor	-	10,000.00	-
- Penajaan ruang iklan bagi buku direktori untuk jamuan teh pesara-pesara Kerajaan anjuran Suruhanjaya perkhidmantan Awam Negeri Selangor	Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Daerah PETANDA Petaling	-	10,000.00	-
- Tajaan tiket ke konsert Hati emas Kembara 22 November 2014	Smart Mobile Technology Sdn Bhd	-	25,000.00	-
- Pembiayaan program sumbangan kembali ke Sekolah	PEKAWANIS	-	100,000.00	-
- Sumbangan bagi program kelas harapan untuk pelajar miskin anjuran kelab Kebajikan Nur Insaniah Selangor (KKNIS)	Kelab Kebajikan Nur Insaniah Selangor	1,000.00	-	-
- Penajaan pembelian cenderahati kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd untuk majlis ramah mesra pegawai-pegawai komunikasi korporat Negeri Selangor bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor	Kumpulan Semesta sdn Bhd	3,650.00	-	-
- Golfers challenge JPPH 2015	KUSUPEN	2,000.00	-	-
- Sumbangan dan tajaan anak syarikat Negeri Selangor bagi penganjuran temasya Selangor 2015	Tourism Selangor Sdn Bhd	45,000.00	-	-
- Sumbangan tajaan syarikat kepada penganjuran sambutan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Selangor 2015	SSIC Berhad	10,000.00	-	-
- Anugerah graduan terbaik dalam kursus Juruteknik Sistem Komputer bagi majlis Konvokesyen kali ke 19 Inpens Internatioanl College	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	3,000.00	-	-
- Tabung Generasi Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor	1,000.00	-	-
- Penajaan untuk program Jamboree MTB Warisan Batu Arang 2015 Anjuran Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Batu Arang	Pro Ground	1,000.00	-	-
- Sumbangan kepada Kelab Basikal Acmar (ACC)	Kelab Basikal Acmar (ACC) Acmar Sport Club	2,000.00	-	-
- Sumbangan kepada adik Qaseh Qasreena Qaisara yang mempunyai masalah Cleft Plate (Sumbing bahagian lelangit)	Nurul Asikin binti Adnan	1,000.00	-	-
- Program khidmat komuniti oleh Kelab Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	Kelab Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	2,000.00	-	-
- Sumbangan bagi pengubahsuaian Surau Al-Kahfi Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak. Selangor	Surau Al-Kahfi	50,000.00	-	-

- Sumbangan bagi majlis berbuka puasa untuk pelajar asnaf di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) anjuran Yayasan KUIS	Yayasan Kuis	2,000.00	-	-
- Sumbangan program semarak Ramadhan 1436H/2015M Surau Al-Falah Kampung Sesapan Kelubi, Beranang, Selangor	Surau Al-Falah	1,000.00	-	-
- Sumbangan bagi projek penambahbaikan Surau As-Salaam Sri Mahligai	Surau As Salaam	30,000.00	-	-
- Pendahuluan 50% bagi sumbangan pembelian Lembu Korban program korban Perdana YAB. Dato Menteri Besar Selangor 2015	Cherakah Jaya Resources	35,000.00	-	-
- Baki bayaran bagi sumbangan pembelian Lembu Korban program Korban Perdana YAB. Dato' Menteri Selangor 2015	Cherakah Jaya Resources	35,000.00	-	-
- Sumbangan penajaan Golf Amal Yayasan Islam Darul Ehsan	Majlis Agama Islam Selangor	3,000.00	-	-
- Sumbangan Tajaan Pelajar Cermerlang Anugerah Naib Canselor sempena Istiadat Konyokesyen Universiti Selangor kali ke 10	Universiti Selangor	3,000.00	-	-
- Sumbangan bagi tabung Kelab Keluarga Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan	KESWA	1,000.00	-	-
- Bantuan Dana bagi persediaan pasukan selangor ke Kejohanan Bolasepak Piala Emas Raja-Raja Edisi Ke 75, Tahun 2015	Persatuan Bolasepak Melayu Selangor	20,000.00	-	-
- Sumbangan peruntukan bagi kejohanan Piala Emas Raja-Raja 2015	Majlis Sukan Daerah Sabak Bernam	30,000.00	-	-
Jumlah		281,650.00	457,800.00	-
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN		3,528,454.00	2,168,550.00	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : TANAH PKPS DI TEPI SUNGAI TENGAR UTARA,SABAK BERNAM

333. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos yang telah dibelanjakan dalam operasi tanaman saawit di kawasan berkenaan?
- b) Adakah benar tanah tersebut akan ditukar kepada penempatan penduduk miskin?

JAWAPAN:

- a) Sehingga bulan Ogos 2015, PKPS telah berbelanja sebanyak RM340,000 bagi memulakan projek penanaman kelapa sawit di tanah tersebut. Perbelanjaan ini merangkumi kerja-kerja pembersihan kawasan, pembinaan sistem perparitan, penyediaan lubang-lubang penanaman, pembinaan jalan ladang dan pemasangan pagar sempadan. Pembiayaan projek sepenuhnya menggunakan sumber dalaman PKPS.
- b) Tidak benar. Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menukar tanah tersebut kepada penempatan penduduk miskin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : KEMALANGAN JALAN RAYA

334. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah pencegahan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menurunkan kadar peratusan kemalangan jalan raya di Negeri Selangor?
- b) Sila menyatakan jumlah kes kemalangan maut jalanraya yang telah berlaku dalam Tahun 2015 di Jalan Klang-Banting-Port Dickson (Dari DUN Sijangkang-Telok Datok- Morib).

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Menerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Selangor sentiasa bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak yang terlibat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Kementerian Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi kerajaan lain serta pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dalam pelbagai aktiviti penguatkuasaan dan kempen kesedaran sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negeri ini. Kerjasama yang dijalankan ini turut melibatkan pendidikan keselamatan jalan raya bermula dari peringkat kanak-kanak sebagai inisiatif jangka panjang bai melahirkan generasi baru pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab, berhemah dan berhati-hati di jalan raya.
- b) Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), sebanyak 951 kes kemalangan telah berlaku mulai Januari 2015 sehingga September 2015 di Jalan Klang – Banting – Port Dickson (dari DUN Sijangkang – Telok Datok – Morib). Daripada jumlah ini, sebanyak 13 kes dikategorikan sebagai kemalangan maut dan melibatkan 13 kematian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

335. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan kerajaan negeri untuk pembangunan luar bandar pada tahun 2015?
- b) Nyatakan program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk pembangunan kawasan luar bandar pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap pembangunan luar bandar di Selangor. Atas keprihatinan ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2.5juta bagi tujuan pelaksanaan program untuk meningkatkan ekonomi dan memperkasakan kampung tradisi. Pecahan peruntukan untuk pembangunan luar bandar dari aspek pelaksanaan program pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	PERUNTUKAN	VOT	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Pembangunan Ekonomi Kg. Tradisi	P01-02003	RM2,000,000.00
2.	Aktiviti Pembangunan Kampung	P01-02005	RM500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM2,500,000.00

- b) Program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan kawasan luar bandar pada tahun 2015 iaitu Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) dengan objektif utama iaitu melahirkan penduduk desa yang memperkasa institusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, membangun kampung dari sudut fizikal, spiritual dan ekonomi serta dapat mengenengahkan adat Melayu dan warisan kampung. Program ini telah dilaksanakan di enam (6) buah daerah iaitu Sabak Bernam (Mac), Kuala Selangor (Mac), Klang (April), Kuala Langat (Mei), Petaling (September) dan Sepang (Oktober). Manakala sebanyak tiga (3) buah daerah lagi iaitu

Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor masing-masing akan diadakan pada bulan Oktober, November dan Disember. Program ini menggunakan peruntukan sebanyak RM347,800.00.

Selain itu, tumpuan utama Kerajaan Negeri adalah dengan melaksanakan Pertandingan Anugerah Kg. Tradisi Terbaik dan Pertandingan Anugerah Usahawan Desa Terbaik yang berhasrat untuk memberi pengiktirafan dan galakan kepada kepimpinan kampung atas kejayaan yang dicapai dan melonjakkan kecemerlangan pada masa hadapan dan memberi peluang kepada masyarakat di desa yang telah menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua Kg. Tradisi iaitu seramai 368 buah kampung dan telah selesai dilaksanakan pada bulan September – Oktober. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM328,900.00.

Manakala melalui Kursus Pemantapan Ketua Kampung dan JKKK, Kerajaan Negeri telah mendedahkan kepada Ketua Kampung dan JKKK berkaitan cara-cara mengurus pasukan, menyelesaikan konflik dan peranan seorang pemimpin masyarakat bagi membawa misi dan visi kerajaan bagi membangkitkan rasa percaya dan hormat di kalangan ahli pasukan. Kursus ini telah dilaksanakan sebanyak 4 siri dan telah selesai dilaksanakan pada bulan April dan Mei. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM112,540.00.

Selain itu, melalui pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Kursus Kemahiran Jangka Pendek, penglibatan daripada peserta adalah seramai 215 orang. Program ini yang bertujuan memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan secara berasingan di INPENS International College dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) pada bulan ogos dan September. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM210,124.00.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Program 1 Daerah 1 Inkubator yang telah melibatkan sebanyak 4 buah inkubator di 4 daerah yang berasingan. Manakala pada tahun 2016, baki sebanyak 5 buah inkubator akan dilaksanakan di daerah yang lain. Program ini dicadangkan untuk memberdayakan ekonomi warga desa dan kampung tradisi. Program ini juga akan meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri. Program ini akan dilaksanakan pada bulan November. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM600,000.00.

Manakala bagi Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Industri Komuniti Kampung akan dilaksanakan pada bulan November. Program ini merupakan lanjutan Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang bertujuan memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM793,300.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : *MASTER TITLE* PUTRA PERDANA

336. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini proses penyelesaian masalah Master Title Putra Perdana?
- b) Apakah perkara yang masih menjadi halangan untuk perkara ini diselesaikan?
- c) Bilakah jangkaan tarikh permasalahan ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya, Projek Pembangunan Putra Perdana adalah satu projek perumahan dalam skala yang agak besar. Projek ini melibatkan urusan tanah-tanah sebanyak 12 Plot kesemuanya. Daripada jumlah tersebut, hanya 5 Plot yang telah selesai urusan tanah. Manakala baki 7 Plot masih belum dapat diselesaikan dan masih dalam tindakan pihak-pihak yang terlibat.
- b) Antara perkara-perkara yang menghalang kelancaran proses urusan tanah bagi projek Pembangunan Putra Perdana adalah seperti berikut:
 - i) Bayaran premium gagal dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dan tempoh pembayaran tersebut telah luput.
 - ii) Dokumen hakmilik asal tidak diserahkan oleh Pemilik Tanah pada masanya.
 - iii) Terdapat Kaveat Persendirian yang dimasukkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.
 - iv) Pertukaran pengurusan dalam Syarikat juga memberi kesan kepada proses penyelesaian.
- c) Dalam keadaan semasa Pejabat Tanah boleh menyelesaikan urusan tanah yang terlibat dalam tempoh 3 bulan. Walau bagaimanapun, projek Putra Perdana ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh biasa kerana terdapat halangan-halangan yang telah disebutkan di atas. Dalam hal ini, Pemilik Tanah dan Pemaju adalah dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan baru bagi penyelesaian hakmilik individu bagi plot-plot terlibat.

*** MAKLUMAT TAMBAHAN**

BIL.	PLOT	HAKMILIK INDUK	CATATAN
1.	A	PN 39250 Lot 14000	Selesai – hakmilik asal telah dibatalkan dan hakmilik individu telah dikeluarkan.
2.	B	PN 39251 Lot 14001	Selesai – bagi Fasa 1 sahaja dan hakmilik asal telah dibatalkan manakala bagi Fasa 2 dan 3 telah dimohon semula melalui permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah negara.
3.	C	PN 39252 Lot 14002	Tidak selesai – hakmilik asal tidak dapat dibatalkan kerana terdapat kaveat persendirian.
4.	D	PN 39253 Lot 14003	Selesai – hakmilik asal telah dibatalkan.
5.	E	PN 39254 Lot 14004	Tidak selesai – hakmilik asal tidak diserahkan dan bayaran premium juga tidak dibayar dan telah luput.
6.	F	PN 39255 Lot 14005	Tidak selesai – premium tidak dibayar dan telah luput tempoh pada 1 Mei 2002.
7.	G	HSD 2479 PT 6256 (Lot 14006)	Selesai – hakmilik asal telah dibatalkan dan 619 hakmilik baru telah didaftarkan.
8.	H	PN 39256 Lot 14007	Selesai – hakmilik asal telah dibatalkan dan hakmilik individu telah dikeluarkan.
9.	I	PN 39257 Lot 14008	Tidak selesai – Tanah Rizab Melayu.
10.	J	PN 39259 Lot 14010	Tidak selesai
11.	K	PN 39258 Lot 14009	Tidak selesai
12.	L	PN 39260 Lot 14011	Tidak selesai